

TRILOGI BUSA

# **busa kalbu**

JILID III

TRILOGI BUSA

# busa

# kalbu

JILID III

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI • 2002  
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing, 2002  
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia  
<http://www.penerbit.ukm.my>  
e-mel: penerbit@pkriscc.ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / Membership No. 8302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by  
MALINDO PRINTERS SDN BHD  
Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17,  
46000 Shah Alam, Selangor D.E.  
MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Arena Wati, 1925-

Trilogi busa : busa kalbu / Arena Wati.

1. Malay fiction. I. Judul.

899.2333

ISBN 967-942-585-1

M

899-2223

ARL

M

1080934

- 6 NOV 2002

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## Kandungan

---

BAB 1 . . . 7 • BAB 2 . . . 15 • BAB 3 . . . 22 • BAB 4 . . . 28 • BAB 5 . . . 37 •  
BAB 6 . . . 45 • BAB 7 . . . 50 • BAB 8 . . . 56 • BAB 9 . . . 65 • BAB 10 . . . 74  
• BAB 11 . . . 80 • BAB 12 . . . 86 • BAB 13 . . . 91 • BAB 14 . . . 96 • BAB 15 . . . 104  
• BAB 16 . . . 115 • BAB 17 . . . 124 • BAB 18 . . . 133 • BAB 19 . . . 137 • BAB  
20 . . . 152 • BAB 21 . . . 159 • BAB 22 . . . 162 • BAB 23 . . . 165 • BAB 24 . . . 169 •  
BAB 25 . . . 178 • BAB 26 . . . 186 • BAB 27 . . . 193 • BAB 28 . . . 203 • BAB 29 . . .  
207 • BAB 30 . . . 211 • BAB 31 . . . 217 • BAB 32 . . . 225 • BAB 33 . . . 228 • BAB 34  
. . . 230 • BAB 35 . . . 237 • BAB 36 . . . 241 • BAB 37 . . . 246 • BAB 38 . . . 249 •  
BAB 39 . . . 252 • BAB 40 . . . 256 • BAB 41 . . . 258 • BAB 42 . . . 263 • BAB 43 . . .  
268 • BAB 44 . . . 272 • BAB 45 . . . 275 • BAB 46 . . . 279 • BAB 47 . . . 282 • BAB  
48 . . . 287 • BAB 49 . . . 292 • BAB 50 . . . 294 • BAB 51 . . . 297 • BAB 52 . . . 304 •  
BAB 53 . . . 308 • BAB 54 . . . 314 • BAB 55 . . . 320 • BAB 56 . . . 325 • BAB 57 . . .  
329 • BAB 58 . . . 331 • BAB 59 . . . 333 • BAB 60 . . . 335 • BAB 61 . . . 344 •  
BAB 62 . . . 349 • BAB 63 . . . 356 •



## Sabtu

Pukul 15.20

NAFAS angin barat laut petang itu lembut saja tetapi terasa sejuk. Angin itu bertiup dari arah muara utara Selat Melaka, melintasi Bukit Putih, Bukit Wai, Gunung Pelarit dan banjaran selatan Gunung Cina.

Ranting kayu di puncak bukit batu yang menjadi benteng Bandar Kangar terhadap angin tenggara, berayun perlahan. Daunnya menitir gemulai. Cuaca redup musim tengkujuh. Awan menghalang sinar matahari tua, menjelang November.

Dua ekor helang terbang tinggi, nun di atas pohon. Pasangan unggas pemakan daging melayah ke bawah. Padi melaut, runduk kuning emas, berbatang rendah – berombak amat perlahan.

Bataang padi di petak yang sejajar dengan parit besar di sisi timur jalan raya, sebahagiannya rampak dilanda angin limbubu barat daya malam sebelumnya. Bulir padi terbenam ke dalam air.

Sekawan itik serati berenang di dalam parit mati arus, lalu menanjak tebing dan beriring ke sawah melatam padi rampak. Paruhnya, yang lebar kekuning-kuningan terbenam lampau hidung, menyedut ulat; kakinya menjak di atas padi. Itik-itik itu lalu berenang, dan menyelam lopak padi rampak yang ditenggelami air tak surut. Sungai Arau dan Sungai Seriap tepu.

Pinggir selatan Bandar Kangar sunyi sepi; hanya kenderaan di atas jalan R-5 dua hala menguasai suasana. Penghuni perumahan pinggir bandar itu sudah lari dengan pencemaran bunyi daripada semua jenis kenderaan; mereka pekak sebelum nyanyuk, tanpa dilindungi insuran tuli.

Pekerja pejabat sudah pulang. Murid dan guru bersantai entah di mana – sekolah bercuti sakan. Petani di sawah sarat dengan harapan. Mereka tekun bertungkus-lumus membelai padi rebah di air berlumpur. Suasana sunyi sepi dan cuaca redup itu turut merisaukan Syarifah Zura. Hatinya diramas gelisah minit demi minit, disekska dalam penantian.

Dia duduk di beranda, siap berpakaian sepatu kulit terbalik, bertapak tebal busa getah putih dituang padu. Sepatu jenis *Lotto* itu berwarna kelabu. Dia berstoking tebal. Bulu biri-biri dan kapas terserlah di bawah kaki seluar *jean* yang dilipat ke atas selebar tapak tangan. Warna *jean* biru nila itu kontra dengan blaues merah jambu berlengan pendek, longgar dan labuh, model *Kansai*. Dua butang di bawah halkum terbuka. Alur dadanya yang putih

kuning gading sering terserlah bila dia bergerak.

Rambutnya hitam, lebat, ditutup tudung biru laut dan dibebat ke aras atas telinga. Tudung disimpul di belakang. Gumpalan rambut keriting dan gelombang kasar terdedah di atas tengukuk.

Mukanya bujur Semit. Pipinya gebu Mongoloid. Keturunan campuran. Dia dilahirkan dengan memiliki hidung indah, kening dan mata berbulu lebat, bibir mungil, dagu labuh di bawah bibir.

Dadanya subur membukit di dalam blaus. Pinggangnya ramping, tersembunyi di balik blaus longgar. Punggungnya lebar.

Dia memiliki cukup syarat 3-B; *bright, beauty, breed*, menjadi idaman lelaki dan rebutan mertua.

"Tadi janjinya pukul berapa?" Syarifah Kalsom, berusia empat puluhan, berbaju Kedah, bersarung batik Kelantan, dan bertelanjang kepala, menegurnya di ambang pintu. "Sekarang pukul tiga lebih."

"Pukul tiga dari sini," Zura menyahut tanpa menoleh. "Penerbangan pukul lima."

"Dari sini ke Kepala Batas, walaupun keretanya dipecut laju, mahu juga lima puluh minit. Kalau dia tidak sampai pukul empat, batalkan penerbangan. Esok saja pergi."

"Kalau ketinggalan *flight* kami naik bas ekspres pukul sembilan. Tiba ke Kuala Lumpur pukul lima pagi. Kawan kami kahwin esok. Kami berdua diperlukan mereka di rumahnya di Ampang Hilir pada pukul sembilan pagi. Malam esok kami jadi pengapit."

"Apa lagi yang dicari kawan-kawanmu di Kuala?"

"Kajian kami. Rakan saya hendak melihat air surut dan pasang di Kuala. Dua orang itu dalam jurusan lain. Mereka perlu lengkapi bahan kajian mereka tentang masyarakat Kuala Perlis."

"Tidak ada timpas. Belum waktunya pasang penuh." Syarifah Kalsom gelisah. "Bulan sasar baru empat hari. Laut tergenang di pantai. Perbani enggan surut."

"Dia faham," sahut Zura. Dia kembali memandang kepada helang yang melayang di atas sawah. "Jika mahu melihat timpas kering dan pasang keling di Kuala Perlis, kami akan ke mari dua puluh hari akan datang."

"Kalau sudah tahu begitu, kenapa sehari ini mereka di Kuala juga lagi?"

"Meneliti tabiat laut dan habitat Kuala Perlis masa bulan tua musim angin barat laut."

"Aneh jurusan kamu orang sekarang. Dulu Umi bertahun-tahun di Maktab Perguruan, kemudian di universiti. Tapi kami tak ada buat kajian yang menyeka diri begitu. Tak pernah pun buat kajian di tempat jin bertendang macam pelajaran kamu orang."

"H o o o o e e e ....!" Zura berteriak. "Alamak!"

"Kenapa?" Kalsom terkejut.

"Helang sambar itik!" Zura nanar melihat helang yang menerbangkan mangsanya ke puncak bukit di belakang rumah. "Itu lagi seekor! H o o o e e e!"

"H o o o e e e!" Kalsom berteriak.

Zura berlari turun, tapi sebelum sampai ke kaki tangga, helang yang kedua sudah menyambar induk ayam di tepi parit. Dia kecewa.

"Tentu sarangnya di puncak bukit." Zura bersungut dan kembali ke beranda.

"Mana Zura tahu?"

"Sudah lima petang kuperhatikan. Kelmarin dulu, kucing disambarnya. Semalam, itik juga."

"Memang! Helang itu sudah turun-temurun di sana." Kalsom gelak.

"Kenapa dibiarkan?"

"Mereka pun mahu hidup. Apabila mengganas begitu, bermakna helang itu sedang beranak kecil."

"Dibiarkan membiak?"

"Lagi bagus!" Kalsom serius.

"Untuk apa?" Zura hairan.

"Helang pemakan ular, musuh manusia. Ular pemakan tikus, musuh padi. Padi rezeki orang."

Zura memandang hairan kepada Kalsom.

"Zura orang Kedah. Tentu faham apa akan terjadi kepada orang di Gurun, Guar Cempedak, Lembah Bujang, Merbok, Yan, Dulang, jika tiada helang di Gunung Jerai."

"Entah! Kenapa?" Zura ternganga.

"Ular! Tikus! Zura belum tahukah nasib orang di Pendang? Di sana, sudah tak banyak helang. Sebab itulah ular bermaharaja-lela."

Zura geleng kepala, "Tidak tahu, Umi."

"Hai! Sudah lama menjadi guru sebelum belajar di universiti. Tak patut, tabii negeri sendiri Zura tidak tahu. Tak pernah tengok helang dari Gunung Keriang?"

"Saya lahir dan dibesarkan di bandar." Zura ketawa. "Di Alor Merah tidak ada helang dari Gunung Keriang yang menyambar di situ. Tapi ular juga tidak banyak."

"Itu bandar! Berjalanlah ke Pokok Sena, ke Kuala Nerang, ke Naka, baru Zura tahu."

"Ular?"

"Helang. Ular. Tikus." Dahi Kalsom berkerut.

"Mana Umi tahu?"

"Setelah beranak-pinak dan tua begini, barulah menetap di Kangar. Umi ambil penceh awal. Dulu, Umi ikut saja Ami kau, selalu bertukar tempat. Umi sudah jenuh mengajar di luar bandar hulu negeri."

"Dalam perjalanan darat ke Kedah kami lihat di selatan sana, rumput di sawah lebih tinggi daripada padi." Zura renung muka Kalsom.

"Di mana?" Kalsom terkejut.

"Di Kampung Padang dan di Sungai Pasir."

"Mereka biarkan sawah?" Kalsom ternganga. "Orang sana nak makan apa?"

"Rumah mereka juga ditinggalkan."

"Mereka ke mana?"

"Bawa perut kosong ke bandar."

"Kenapa?" Kalsom terperanjat.

"Kami suruh teksi berhenti. Di situ kami bertanya kepada penduduk."

"Apa kata mereka?" Kening Kalsom berkerut.

"Tak cukup air. Ulat dan benah menakluki sawah. Ular mematuk orang. Tikus ketung batang padi. Petani tidak mampu melawan makhluk celaka itu."

Syarifah Kalsom terpegun. Angin barat laut semakin kencang, seiring dengan air pasang. Mega kelabu yang mendung sejak tadi sudah hanyut ke tenggara, dan kini diganti awan barat laut serpihan ribu dari Laut Bengal, sehitam buntut belanga.

"Lebih baik batalkan saja penerbanganmu."

"Mahu ke majlis berinai malam ini. Umi takut?" Zura jolok perasaan Kalsom.

"Takut. Jera naik *Foker-27* kalau hujan ribut."

"Bila Umi alami itu?"

"Hampir empat tahun dulu, sewaktu kami pulang dari mengantar Zura ke universiti. Ami engkau memang keberatan bertolak dari Subang. Tapi Walidmu, siapa berani bantahnya? Kami kena ribut di udara. Huuuh! Neraka. Umi muntah menjelanak."

Zura terbahak-bahak.

"Ketawakan Umi? Kenapa?"

"Bukan mengetawakan Umi. Cuma geli hati mendengar bahasa 'menjelanak'! Itu bukan bahasa guru. Betul-betul kampung hulu negeri atau setinggan pinggiran kota. Andai TV tersasul, akan terdengar 'menjual anak'. Pendengar mungkin salah tafsir."

Muka Kalsom masam dan bersungut, "Bila hujan dan angin yang bawa neraka dari Andaman itu tiba, engkau masuk ke dalam." Dia tinggalkan Zura di beranda dan pergi menutup jendela.

Zura termenung. Angin semakin terasa dingin. Kawanan itik, yang tadi gempar dan kehilangan kawan, kini berenang di dalam parit yang mati arus itu. Ayam yang bertempiaran dan meninggalkan batas sawah tadi, setelah kehilangan teman, sekarang mengais di tepi rumah. Sembilan anak ayam berusia seminggu menciak-ciak menyeru induknya, dan tidak menghiraukan makanan yang dikais ayam jantan di bawah tangga. Ihsan ayam jantan itu mengharukan Zura. Tetapi dia juga sedar bahawa anak-anak ayam piatu itu masih terlalu memerlukan ibu. Demi kehidupan anaknya, induk helang menyambut induk ayam. Sikap nafsu-nafsi menjadi pendorong yang saling berebut untuk hidup. Naluri Zura berang. Dia marah kerana bersympati kepada anak ayam, dan bersambung perasaan meluat kepada bapa saudaranya.

"Malam tadi saya dan Kadir lama berbual di bilik hotelnya," Zura teringat kembali kepada bapa saudaranya, Syed Mokhtar, di meja makan ketika bersarapan empat hari dulu. Masa itu Syed Mokhtar hendak pergi ke Lapangan Terbang Kepala Batas. "Saya dapati budak itu memang baik."

"Budak?" Zura terkejut. "Sudah tiga puluh tahun. Dia lebih tua daripada saya. Kadir sudah lima tahun jadi guru sebelum masuk universiti. Saya cuma empat tahun."

"Jadi? Engkau hendak Ami panggil dia apa?" Mata Syed Mokhtar besar kepada anak saudaranya. "Zura mahu Ami panggil dia Tuan Yang Mulia Kadir?"

Zura termenung, lalu berkata perlahan, "Tak usah tuan. Tak payah yang mulia. Panggil Encik Kadir atau Cikgu Kadir saja. Walaupun keturunan Melayu biasa, dia tak merempat."

Syed Mokhtar tidak hirau bantahan berisi sindiran itu. Dia meneruskan, "Saya dapati otak budak itu cemerlang. Dia pun anak orang baik-baik juga. Tapi sayang."

"Kenapa Ami bersusah payah menyiasat diri Cikgu Kadir?" Zura gelak.

"Walid kamu telefon. Katanya bapa budak itu, YB Datuk Zahid, ialah Exco Kanan Negeri Johor."

"Apa salahnya kalau maksudnya baik?" Zura naik angin.

"Zural!" Syarifah Kalsom menegur. "Jangan meningkah! Biarlah Ami engkau ceritakan semua." Dia toleh suaminya. "Apa bisik bapa budak itu?"

"Minta ditengok-tengokkan anaknya. YB Datuk Zahid kata Kadir belum faham adat orang Kedah dan Perlis."

"Apa maksudnya?" Syarifah Kalsom kian tertarik.

"Orang Johor fikir di sini ada banyak buaya bandar atau jerung kampung?" Zura ketawa mengejek. "Tadi, Ami kata sayang. Apa yang disayangkan kalau Cikgu Kadir ditelan buaya atau dimamah jerung? Di utara banyak jerung dan buaya."

"Melampau." Sahut Syed Mokhtar sepatah.

"Setahu saya Cikgu Kadir tak masuk parti mana pun. Dia tak campuri politik." Zura merenung langsung ke mata Syed Omar. "Dia guru sains dan hisab, pakar tentang rumus kalkulus serta berdedikasi. Juga patuh pada dasar pendidikan. Dia adalah pengarang bersama buku teks sains dan hisab. Sudah banyak roylati diterimanya. Pernah dapat anugerah guru cemerlang." Gelak Zura pecah. "Ami atau Umi, ada piala begitu?"

"Pandai! Ya pandai!" Syed Mokhtar mencebik. "Tapi fikirannya berbahaya."

"Dalam hal apa?" Zura terkejut.

"Banyak! Budak itu tidak boleh dipakai."

"Tidak jujur?" Syarifah Kalsom curiga.

Sekali lagi Zura merenung tepat ke mata Syed Mokhtar dengan bibir terjuih.

"Jangan memandang dengan mata durhaka begitu!" Syed Mokhtar berrang.

"Budaknya tidak setia?" Syarifah Kalsom mendesak. Dia pun lulus pendidikan guru sebelum belajar di universiti seperti juga dulunya Syed Mokhtar, dan sekarang Zura. Kadir pun sedang lalui proses begitu. Bagi Syarifah Kalsom, makna setia itu terpecah kepada dua cabang; sebagai guru dengan tugasnya, dan hubungan lelaki-perempuan.

Syed Mokhtar geleng kepala.

"Cikgu Kadir berkasar kepada Ami?"

"Sikapnya hormat. Perangainya bagus. Tapi Ami tidak suka. Walid kamu kata budak Kadir itu mesti diperhatikan dari segi pelbagai sudut. Walid kau bilang YB Datuk Zahid mahu mengirim orang ke Alor Merah."

"YB Datuk Zahid mahu apa?" Syarifah Kalsom berbisik ke telinga suaminya.

"Meminang."

Muka Zura merah. Dia tersipu malu.

"Perkara begitu baik." Muka Syarifah Kalsom cerah.

"Pipit berani masuk bertenggek di lubang enggang. Itu awak bilang perkara baik?" Suara Syed Mokhtar menggetar. Matanya mencerlang kepada isterinya.

"Kalau menurut lazimnya, memang tidak kufu." Suara Zura lembut. "Saya ini syarifah celup. Cikgu Kadir itu cuma Melayu kebanyakan. Bukan kasta tungku."

"Tahu pun kamu." Syed Mokhtar lantang dengan bibir mencebik cemuh. "Ini, saya akan sampaikan kepada walid kamu! Dan itu terserah kepadanya. Tetapi saya beri amaran. Zura jangan beri hati kepada budak itu."

"Kerana sikap melampaunya atau kerana Cikgu Kadir bukan Melayu anak tungku?" Zura meninjau muka Syed Mokhtar. "Dapatkah Ami berikan kepada saya dua definisi itu? Pertama, kriteria kufu, manfaat dan mudarat. Kedua,

martabat Melayu bukan *tungku* seperti Cikgu Kadir itu, pemilik asal negara ini yang menjadi tempat syed-syarifah seperti Umi Som, Ami Tar dan walid saya menumpang hidup."

Syarifah Kalsom merah mukanya. Syed Mokhtar menggerut giginya menahan marah. Tetapi dia mampu menelan perasaan dan berkata, "Tak payah diberi definisi. Kalau salah satu daripada dua kriteria itu ada, sudah lebih daripada cukup. Itulah jenis cacat yang tak akan dapat dibaiki."

"Begini sunnah Rasul?" Muka Zura juga sudah merah.

Mata Syed Mokhtar membela-lak. Syarifah Kalsom tunduk.

"Rasulullah itulah yang paling ekstrim dalam perjuangan menumbuhkan benih iman, menegakkan tauhid dan menyampaikan kebenaran." Suami isteri itu mendiamkan diri. Zura tempelak, "Sepanjang yang saya faham Rasulullah tidak membeza-bezakan antara orang Arab dengan orang Ajam. Rasulullah tidak pernah pun mengeluarkan sunnah yang menjadi dasar sistem syed-syarifah. Rasulullah tidak buat sistem kufu. Rasulullah pun kahwin orang kebanyakan, termasuk wanita Yahudi dan wanita Nasrani."

Syarifah Kalsom pucat mendengar kata-kata Zura. Muka Syed Mokhtar merah padam dan bangkit, "Walidmu uzur. Kamu anak tunggal. Kalau ditakdirkan walidmu tiada nanti bila kamu kahwin saya wali warismu. Ingat itu baik-baik." Dia kerling alur dada Zura. "Engkau pakai loket berlian besar begitu ketika pergi buat kerja lapangan. Buat apa? Engkau ambil daripada emakmu?"

"Dari Cikgu Kadir. Hadiah sebagai balasan jasa akademik. Dia beli daripada sebahagian wang royaltinya kerana saya bantunya melengkapi rajah untuk buku hisabnya. Jangan risau. Pemberian iklas daripada sumber halal. Bukan hasil tumbuk rusuk atau seludup."

Kata 'tumbuk rusuk dan seludup' itu, mencerut hati Syed Mokhtar. Tetapi dia hanya berkata, "Jauhkan dirimu daripada budak itu. Jangan khayal akan kahwin dengan dia."

"Dalam Islam ada wali hakim," Zura menyahut dengan amat tenang.

Perkataan itu mencengkam kalbu Syed Mokhtar. Dia hendak membidas tetapi bunyi hon sudah melengking di halaman. Lapan buah kereta rombongan dari Kangar ke Lapangan Terbang Kepala Batas sudah tersedia. Itu sebahagian perwakilan daripada pemuda dan wanita Perlis yang akan menghadiri mesyuarat agung. Para penyangak-pengecek sudah lama pergi.

"Sedap ya Umi, jadi orang kuat parti yang berkuasa."

"Apa maksud Zura?"

"Mudah mendapat segala-galanya, termasuk cuti tanpa rekod kerana restu Ketua Jabatan bila ada persidangan parti yang berkuasa di Kuala Lumpur."

Masih jelas dalam ruang mata Zura warna muka Kalsom ketika itu. Terkejut. Tersinggung. Curiga. Menungan Zura berlarut di beranda. Hujan

dan ribut barat laut sudah sampai. Dia melihat jam tangannya yang menunjukkan sudah lampau pukul lima tiga puluh. Keluhnya berat di dalam hati:

'Pasti tidak dapat terbang petang ini.' Dia kesal tak dapat hadiri majlis inai.

"Masuk, Zura! Angin ribut! Jangan dedah diri kepada tempias!" Suara Kalsom hampir lenyap ditelan bunyi angin yang menderu pada pohon asam jawa di pinggir jalan.

Mata Zura nanar melihat kenderaan di jalan raya. Semuanya menghidupkan lampu dim, menyalakan lampu kuning kanan-kiri, membantu lampu dim. Jalan R-5 itu rata dan lurus. Sebuah kereta biru laut dari arah selatan berisyarat menyimpang ke kanan dan masuk ke halaman. Sebelum berhenti di dalam *porch*, Zura sudah lari turun tangga dan berseru dengan intonasi tegang:

"Kenapa engkau orang lama sangat?"

### Pukul 16.50

MEREKA berpecah setelah makan tengah hari. Itu adalah perpisahan pertama waktu siang sejak mereka sampai di Perlis untuk mengulangi kerja lapangan mereka. Setiap hari, dari pagi sehingga larut petang, mereka berempat sepadan, berganding bahu melakukan kajian masing-masing. Tetapi sebelum Zohor hari ini Zura, orang Alor Merah, Kedah pulang ke Kangar. Akil dari Parit Buntar, Perak dan Azizan dari Kaki Bukit, Perlis menuntut dalam jurusan antropologi sosial; manakala Kadir, dari Johor Bahru, dan Zura dalam bidang geologi.

Setelah Zura pergi, Kadir menyihir diri daripada Akil dan Azizan. Dia tidak mahu mengganggu kedua-dua orang itu meneruskan pemerhatian - ikut - serta mereka terhadap masyarakat Kuala Perlis. Kadir sedar, seperti dirinya dan Zura juga bahawa Akil dan Azizan sudah suntuk masa untuk menulis tesis yang mesti dikemukakan kepada jabatan masing-masing pada Februari akan datang.

Dua orang mahasiswa itu hendak mengemaskinikan data mereka berhubung kegiatan perniagaan seludup di kawasan sempadan Siam-Perlis-Kedah. Daripada kajian mereka pada tahun 1984, mereka tahu bahawa beras Siam daripada mutu terbaik ketika itu, harganya empat puluh lima sen sekilo. Penduduk Perlis dan Kedah, umumnya tidak makan beras dari sawah di negeri sendiri. Beras mereka bermutu rendah dan dijual pada harga yang mahal kepada pengguna, berkat adanya Lembaga Padi Negara yang menentukan harga beras di pasaran terkawal. Harga beras Kedah-Perlis yang dijual di Kuala Lumpur adalah seringgit dua puluh sen sekilo. Tetapi beras Siam yang terbaik, seperti yang dimakan penduduk Kedah-Perlis, pada umumnya berharga dua ringgit dua puluh sen sekilo berdasarkan harga di Lorong Raja Bot, iaitu di sisi Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur.

Kajian Kadir dan Zura menyentuh tabii alam dan meliputi kawasan dari Guar Cempedak di Kedah sehingga Kangar di Perlis. Mereka mendapat tanah sawah di kawasan tersebut menjadi kering, beku seperti batu dan kekurangan unsur debu. Tanah itu akan rekah dan menjadi keras, berbeza dengan tanah sawah di hulu negeri, terutamanya di Kuala Nerang. Tanah sawah di hulu, apabila kering, masih bersifat gembur dan mengandungi banyak unsur debu. Perbezaan itu wujud kerana penggunaan baja kimia. Penggunaan baja di sawah yang ditanami dua kali setahun - kerana mendapat bekalan air yang

tetap – berbeza dengan penggunaan baja di hulu yang pada umumnya bergantung pada air hujan dan ditanami sekali sahaja setahun.

Hidupan sawah di kedua-dua kawasan itu juga berbeza. Di hulu, sawah masih menghasilkan ikan dan masih terdapat banyak jenis sayuran di tepi batas. Bangau pemakan katak masih banyak. Kerbau masih aman untuk meragut tanpa keracunan. Tetapi sawah di lembah dan yang terletak dekat pantai telah musnah. Jangankan kerbau, itik pun sukar membiak di sawah begitu, mengandungi kimia.

Kadir duduk bersendirian di atas sebuah perahu buruk yang tersadai di pantai. Tempat itu jauh daripada jangkauan ombak pasang keling, nun di sebelah selatan tebing Kuala Perlis. Dia merakam bunyi burung camar yang bersahutan dan berterbangan pada permukaan laut yang sedang pasang perban. Dia sudah menghabiskan lima gulung filem slaid merakamkan habitat, gemulung gelombang dan hakisan laut di tebing pantai.

Nelayan malam mendarat pagi tadi. Nelayan siang masih ramai di laut. Antara mereka, ada beberapa buah bot menarik pukat tunda yang berada tidak sampai dua kilometer dari pantai, tidak jauh dari selatan dan utara kuala.

"Apa lagi yang tinggal untuk nelayan pantai, terutama pelontang ikan parang, jika pukat harimau berleluasa begitu di pinggir laut?" Kadir mengeluh kesal. Dia mahu bertanyakan kepada Akil tentang kesan sosioekonomi terhadap nelayan pantai. Dia akan bertanya kepada Azizan tentang pelaksanaan undang-undang perikanan. Matanya terkebil-perat diganggu angin bila dia merenung bot yang nun jauh ke tengah laut dan nelayan yang setia kepada peraturan perikanan. Mereka melatakan alun tetapi dibuli ombak besar. Mereka berebut peluang menarik pukat ke utara dan menyongsong arus enggan yang pasang malas sewaktu bulan tua.

Kadir terkenang malam tadi di hotel ketika Akil berkata kepadanya:

"Permasalahan petani sawah Perlis-Kedah berkait dengan eksloitasi."

"Penindasan, maksudmu?" Kadir bertanya kembali.

"Petani sawah tidak merasa ditindas. Mereka sudah lalu, generasi demi generasi."

"Eksloitasi dalam kategori apa? Jenis apa?" Sudut mata Kadir melirik tajam kepada Akil. "Apa pun jenisnya dan bagaimana pun caranya, semua eksloitasi berhujung pemerasan atau penindasan."

"Banyak petani sawah, tapi mereka bukan pemilik sawah."

"Menyewa sawah yang mereka kerjakan?"

Akil mengangguk.

"Daripada siapa?" Kadir beralih duduk, menghadapi Akil.

"Seluruh dokumen di Pejabat Tanah jelas menunjukkan sawah milik orang Melayu. Tetapi di balik nama Melayu itu, sudah banyak terjual kepada bukan

Melayu. Ramai ahli keluarga Azizan mengalami begitu. Masyarakat di tempat Azizan di Kaki Bukit itu, demikian juga. Keluarga emaknya di Simpang Empat dan di Pauh ramai yang jadi petani penyewa sawah."

"Bahan itu kau dapat dari mana?" Kadir curigai cerita Akil.

"Azizan."

"Akil mesti objektif. Jangan dipengaruhi responden yang bersikap subjektif. Azizan mungkin dirasuk sentimen. Kau cukup faham tabiat Azizan? Dia panas baran. Orang begitu banyak dipengaruhi perasaan."

"Bahan daripada Azizan hanya pengesahan." Akil menangkis. "Kami kumpul data dari Pejabat Tanah dan Lembaga Padi Negara sejak semester pertama pada tahun dua."

"Dokumen rasmi saya percaya," Kadir mengangguk. "Tetapi responden daripada keluarga petani? Kau dapat dari mana selain Azizan?"

"Dari petani Perlis, responden kami di Sanglang, Simpang Empat, Pauh, Arau, Berseri dan Kaki Bukit. Di Kedah, kami jelajah belahan barat. Kami tidak ke Padang Terap, Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baru. Kami dapat memadai dengan responden di wilayah Kuala Muda - Yan di belah selatan. Itu kami lengkapi dengan maklumat dari wilayah Kota Setar - Kubang Pasu di utara."

"Beginu luas? Kau ambil setiap kepala keluarga petani?" Kadir menganga.

"Perdebatan kami begini. Kami congak bilangan petani sawah di sesuatu kampung. Setiap tempat begitu, kemudian kami ambil sepuluh peratus daripada jumlah itu. Kami habiskan masa tiga kali cuti semester di Kedah saja."

"Fakta begitu sudah lama saya dengar." Kadir tersenyum kagum kepada Akil kerana kegigihannya melakukan kerja lapangan. "Kau gunakan itu semua untuk tesismu?"

"Termasuk kilang padi swasta dan sistem subsidi." Akil bangga.

Kadir tersengih. "Sudah tahukah kamu bagaimana subsidi mengalir? Siapa di belakang tabir kilang padi swasta itu?"

"Kilang memang banyak berbunyi Melayu dan memakai nama Melayu. Di belakang bunyi dan nama itu - modal, pengurusan dan pemasaran, bukan roman muka Melayu."

"Apa hubungannya dengan perkataan Azizan setelah Zura pergi Asar tadi?"

"Banyak yang diterangkan Azizan." Akil garu kepala. "Yang mana satu?"

"Golongan yang seketurunan dengan Zura."

"Pengaruh dan peranan mereka dalam politik di utara? Hal yang begitu sudah kuno. Lama sebelum merdeka, mereka sudah bersemandra dengan kerabat istana."

"Dalam bidang pertanian?" Kadir serius.

"Pemilik sawah yang tidak pernah kena lumpur." Akil tergelak ketawa.

Kadir tersengih. "Saya tidak pasti sikap Zura. Dia datang dari keluarga begitu. Kau sudah tahu latar belakang mereka?"

"Menurut responden kami, golongan syeikh dan syed paling banyak menguasai sawah. Tapi tak semua orang seketurunan Zura bernasib baik begitu. Lebih ramai syed-syeikh yang miskin sebanding nasib jelata Melayu."

"Sebabnya? Akil mesti buktikan itu secara akademik."

"Termasuk perbandingan di tempat lain pada waktu yang lain." Ketawa Akil meletup. Dia keluarkan dua naskhah buku dari beg sandang. Satu buku tebal berbahasa Inggeris. Satu lagi naskhah jilid tipis yang ditulis dengan tangan, bahasa Melayu dalam tulisan Jawi. "Bacalah ini."

Kadir perhatikan buku tebal itu, karya J.S. Furnivall, terbitan MacMillan pada tahun 1944, berjudul *Netherland India: A Study of Plural Societies*. "Di dalam bukunya, Furnivall mendedah dan mengecam dasar ekonomi yang dipaksakan oleh kapitalis dan imperialis ke atas bangsa jajahan. Belanda menggunakan orang Cina dan Arab sebagai agen mereka bagi memerah hasil bumi dan sumber ekonomi rakyat." Muka Akil kusut.

Kadir timang naskhah yang kedua. "Hikayat Melayu? Ada nama pengarangnya. Wah, Arab – Abdullah Al-Masri." Kening Kadir berkerut. Dia baca judulnya, *Hikayat Marsekalak*. "Teruk sangatlah bahasa Melayunya. Jawi tulisan tangan, bagai misai Baduwi gembala kambing di Israel." Kadir terbahak-bahak. "Apa isinya?"

"Sama seperti yang pertama." Akil bersungut. "Ditulis pada abad yang lalu. Diceritakan tentang kaum Arab yang kuasai Jawa Timur dan memeras rakyat dan menghina para Pangeran Adipati. Dia benci Belanda tapi puji Arab dan Inggeris. Dia seakan Abdullah Munsyi juga."

"Kau akan gunakan bahan itu sebagai bandingan dengan fakta di sini?" Kadir bertanya.

"Di sini, Inggeris jadikan Kedah sebagai catur menghadapi Siam. Kedah kehilangan Seberang Perai yang menjadi milik penjajah Inggeris. Perlis terpisah dari Kedah menjadi sebuah negeri dan dapat orang Arab jadi raja. Itu politik. Saya ada dua lagi perbandingan dari Sumatera. Pertama, *Hikayat Siak* yang menceritakan bagaimana Sultan Melayu bertukar menjadi Sultan Arab semasa zaman Belanda. Kedua, *Hikayat Andalan* di Deli-Serdang. Di situ jelas bagaimana unsur India di Aceh menentang legitimasi Mahkota Alam pada abad ke-17, lalu mendirikan kesultanan sendiri yang bertopengkan Melayu di Langkat."

"Bukankah kajianmu tentang antropologi sosial? Kenapa dicampurkan sejarah politik begitu?" Kadir tercengang.

"Kandungan politik itu banyak menentukan jumlah, kadar, jenis dan isi perut rakyat! Isi perut menentukan perasaan dan fikiran sesuatu bangsa. Perasaan dan fikiran mempengaruhi kemampuan berbudaya fizik dan magis.

Perut kosong, jiwa lumpuh, semangat lemah menyebabkan fikiran mandul, cuma mampu berkhayal dan mahir mengejek, sambil bersenandung melankoli, seperti irama dondang sayang."

"Begitukah Arab Tanah Melayu di utara?" Kadir ketawa. Sebagai orang Johor Bahru, dia sangat akrab dengan Arab Nongcik, Wadihana, Ngoheng, Kampung Mat Amin. Mereka bagus belaka, tidak menembus istana. Syed dan syeikh di sana kekal dan bebas bersemenda dengan orang Melayu kebanyakan. Ramai juga yang rajin menyelinap ke Singapura. Para syarifah mereka, menurut kaedah peraturan rasmi, tidak tergolong sebagai Melayu. Tapi Kadir belum tahu sama ada hal yang begitu termasuk juga ke dalam bidang antropologi sosial. Dia tidak pernah diajar sistem kekeluargaan. Dia memilih bidang sains dan hisab. Dia merenung Akil. "Kamu kaji juga yang begitu?"

"Dalam sejarah kemasyarakatan di utara," ujar Akil, "Sebagai golongan yang dianggap keturunan daripada cucu-cicit Nabi Muhammad s.a.w., mereka mengapung di atas laut kehidupan masyarakat Melayu utara yang fanatik kepada agama Islam."

"Wajar, jika pandai baca doa." Kadir tersengih. "Lalu, bagaimana selanjutnya?"

"Mereka diterima dalam semua golongan. Bebas bersemanda. Wanita mereka dengan pihak kerabat istana. Lelaki mereka dengan wanita Melayu yang berada di luar lingkungan istana. Kemudian anak-anak mereka membiak melalui semenda demikian. Dari situlah, maka demografi utara berbau harum dan berbunga indah syed-syarifah."

"Logik!" Kadir akur. "Wanita mereka, umumnya cantik cerah kulit. Lelaki mereka lasak mampu bertarung; satu boleh lawan empat."

"Itu bidang pembiakan." Akil tersengih. "Ada yang lebih penting."

"Dari segi apa?"

"Kemahiran hidup. Di antara mereka, ada yang mampu bagai kerakap batu."

"Iri hati. Sentimen." Kadir memberi amaran. "Saya tak suka dengar yang begitu."

"Pada zaman monarki mutlak mereka di pihak istana, berganding bahu dengan raja-raja berhadapan dengan Melayu jelata. Dalam era perlindungan Inggeris, mereka tetap pada pihak istana dan Inggeris. Dari situ, mereka naik ke atas dalam institusi semua bidang dengan restu Inggeris. Pada zaman merdeka, umumnya mereka menganggap diri mereka pejuang."

Kadir tersenyum. "Berjuang apa? Memang ramai pejuang dalam sejarah."

"Dalam masyarakat, mereka bertaraf atas. Dalam bidang ekonomi, mereka sudah mampu melalui sokongan institusi. Dalam sektor kewangan, mereka didampingi dua kemahiran."

"Kemahiran apa?" Kadir mencapai buku nota dan mulai menulis.

"Berniaga. Pasaran mereka ialah masyarakat Melayu."

"Halal. Munasabah. Sesama Islam." Kadir serius menulis.

"Mereka jadi orang tengah mengendalikan hasil bumi orang Melayu untuk ditampung peniaga Cina."

"Halal dalam niaga." Kadir mengulangi dan menulis terus.

"Dari Melayu jelata sehingga kerabat diraja, mereka rajin berhutang beranak, untuk kenduri dan berfoya-foya. Sumbernya? Daripada orang seketurunan dengan Zura." Ketawa Akil meledak.

"Amal jariah. Boleh dapat pahala." Kadir tersenyum. Dia menulis para baru.

"Sumber itu jenis hutang beranak." Akib lantang.

"Kerbau, lembu, kambing, atau ayam dan itik saja?" Kadir merenung Akib.

"Wang."

"Wang beranak?" Kadir ternganga. Dia menghempaskan pad notanya daripada tangannya.

"Daripada sepuluh dua belas sehingga sepuluh lima belas. Itu dikira daripada masa padi bunting hingga selesai dituai."

"Jika ditakdirkan padi bunting itu rosak kerana dimakan ulat atau batang padinya diketung tikus, bagaimana?"

"Induk hutang kekal. Anak hutang itu jadi ibu, disatukan dengan induk asal."

"Kalau tidak terbayar?" Kadir garu hidung dengan pensil.

"Sawahnya bertukar pemilik atau bintinya jadi bini – entah yang ke berapa."

"Kalau benar begitu, syed - syarifah di utara membiak bukan kerana mereka lahir pada hari Jumaat seperti jenaka orang, tapi bersumber daripada hutang bunting serta-merta?"

"Begitulah penemuan kajian kami." Akil tergelak. "Sebagai bahan ilmiah, masih boleh diuji tapi mesti menurut rukun akademik."

"Menurut fikiran saya, bagi bumiputera fenomena begitu menguntungkan. Mereka sudah terserap ke dalam ke-Melayu-an." Kadir puas hati.

"Jalan sehala ke dalam ke-Melayu-an!" Akil mengejek.

Mata Kadir tajam. "Jangan ungkap terminologi ilmu di luar fakta akademik!"

"Syed berleluasa masuk ke dalam Melayu. Jelata lelaki Melayu tidak bebas memiliki syarifah kecuali lelaki Melayu istana." Muka Akib sudah merah.

"Tutup!" Kadir patahkan pensil. "Hati-hati. Pelihara penemuanmu."

"Memang. Itu akan dimasukkan ke dalam tesis saya."

"Terletak di atas budi bicara penyeliamu. Tidak semua bahan masuk tesis. Tidak semua tesis diluluskan. Tidak semua tesis yang telah lulus boleh dibaca umum." Kadir serius.

"Setelah saya berpenat bertahun mengkaji masalah ini?" Akil meradang.

"Jurusan kamu termasuk kategori sensitif!" Kadir ketawa. "Lain halnya dengan kami; jurusan sains. Hakim kami makmal dan akal. Hakimmu fikiran yang dikuasai perasaan dan ego. Hakim begitu mudah meninggalkan akal sihat manusia."

"Apa maksudmu, Cikgu?" Akil mulai bingung.

"Sudah kukatakan, sama ada boleh dipakai atau tidak bergantung pada penyeliamu. Setelah Akil tulis itu dan diluluskan, kelak akan masuk kepada salah satu kategori."

"Apa halangannya? Kategori apa?"

"Pertama, boleh diterbitkan. Kedua, hanya jadi bahan simpanan di dalam perpustakaan dan tidak boleh dibawa keluar. Ketiga, tidak boleh dilihat atau dibaca oleh sesiapa pun, tanpa kebenaran khusus daripada pihak universiti."

"Penat saya sia-sia?" Muka Akil merah. Dia pungut pensil patah di lantai.

"Tak juga. Penatmu menyebabkan pengetahuanmu bertambah, sebagai orang lulusan universiti."

Akil berang, lalu mencampakkan pensil patah itu ke dalam bakul sampah, dan meninggalkan Kadir. Dia pergi ke biliknya sendiri.

Kadir tersenyum melihat telatah Akil. Lalu dia teringat perdebatannya dengan Syed Mokhtar beberapa malam yang lampau di bilik hotel itu. Dia juga berkelakuan seperti Akil, pergi sambil merungut:

"Jangan cuba-cuba menentang *establishment*." Syed Mokhtar menggertaknya, bila perdebatan mereka memuncak. "Saya tidak suka kepada anak muda julung keris, berlagak tonjol ilmu sebelit, mahu ubah dasar dan sistem pertanian negara."

Ingatan daripada Syed Mokhtar menaikkan kemarahan Kadir. Dia menumbuk birai perahu buruk tempat dia tumpang duduk. Ketika itu, dari belakangnya, Azizan menegur:

"Cikgu buat apa lama sangat di sini? Hujan ribut! Tertidur? Kenapa biarkan diri sampai basah luncus? Apa dosanya bangkai perahu itu, dibantai penumbuk?"

Sepanjang perjalanan kembali ke Kangar, tak ada sepatah kata pun keluar daripada mulut Kadir. Azizan memandu kereta sewa harian itu dengan amat perlahan kerana dia khuatir akan keselamatan mereka di atas jalan yang sudah digenangi air dan angin kencang disertai hujan lebat.

Pertanyaan Zura di kaki tangga tidak dijawabnya. Azizan bersyukur kerana mereka tiba dengan selamat. Akil hanya gelak ketawa. Tetapi Kadir membala dengan suara terkulun:

"Syarifah Zura sanggup pertaruhkan nasib, ikuti saya? Ambil bas ekspres dari Alor Setar ke Kuala Lumpur. Harungi ribut. Malam ini juga."

Pukul 19.30

SYED Omar sedang mengangkat takbir bila Syed Mokhtar tiba. Aying, amah Cina Siam yang dibawa Salmah dari Changlun membuka pintu. Ibadah itu disaluti dengan ingatan tentang isteri yang belum pulang. Tahiyyat akhirnya cuma diiringi wirid singkat. Dia lalu pergi duduk di beranda hadapan. Awan mendung mencurah hujan, diiringi guruh petir yang meresahkan orang menunaikan Maghrib. Angin barat laut semakin kencang. Dahan akasia yang terbentang sepanjang tepi jalan menyertai rantingnya menggeliat, lalu menggugurkan daun. Pohon jenis itu amat mudah sekah pangkal cabangnya, menyebabkan lalu-lintas selalu terhalang.

Semenjak Syed Mokhtar sampai di Kuala Lumpur, perasaan Syed Omar selalu terganggu kerana menerima laporan yang tidak menyenangkan. Dia sudah lebih sebulan tidak pulang ke Alor Setar dan dua bulan tidak melawat kawasannya, Kuala Nerang. Sudah lima kali sidang mingguan EXCO tidak dihadirinya. Hubungan dengan Embi dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuatnya melalui telefon. Butir-butir mustahak diantar melalui teleks.

Aying tiba ke sisinya, "Waibi makan sekarang atau tunggu Cik Puan?"

"Mokhtar baru sembahyang."

"Tunggu Cik Puan sampai?"

Syed Omar mengangguk.

"Saya bawakan minuman panas?"

"Dua cawan. Suruh Mokhtar ke mari bila dia selesai."

Syed Omar sudah menghabiskan satu cawan teh dan sudah mengunyah tiga keping madu Arab kering yang dipesan khas dari Yaman Utara, tapi Syed Mokhtar belum selesai wiridnya. Syed Omar termenung panjang.

'Bagaimana kalau kalah?' Pertanyaan itu bertubi-tubi menjelma dalam kepalanya. Secara jujur dia akui pertarungan kali ini amat hebat. Pihak lawan semakin kuat, walaupun seluruh media cetak dan elektronik sudah digunakan. 'Andai Datuk Muhsin masih hidup!' Syed Omar mengeluh. 'Kerja rumit dan berat begini lebih mudah kami hadapi.' Dia terkenang karisma Muhsin. 'Tuhanku! Janganlah Datuk Zahid uzur macam aku.' Dia mengharapkan itu dalam keadaan tertekan begini. Dia hiba campur bangga kerana Muhsin dan Khadijah terlalu cepat mati, tapi empat anaknya sudah jadi manusia. Anak bongsu mereka menyerah ijab malam ini; Zarina melangkah bendul.

'Merangkak pun aku pergi. Kenapa Zura belum tiba?' Dia teringat anak tunggalnya. Zura berjanji akan pergi - menumpang kereta ayahnya dari Bukit Damansara ke Ampang Hilir menghadiri majlis akad dan berinai. 'Zura tidak sampai. Emaknya tidak telefon. Salmah belum pulang.' Dia terkilan kalau Zura tidak hadir. Itu anak Muhsin dan Khadijah, teman seperjuangannya sejak tahun empat puluhan. 'Boleh! Saya ke Johor! Tetapi Habib tolonglah. Hadiri majlis itu malam ini dan malam esok.' Begitu harapan Zahid yang disampaikan kepadanya beberapa minit sebelum dia terbang ke Johor. 'Salmah tersangkut di mana? Kerenah apa lagi yang dia hadapi daripada telatah perwakilan wanita?' Syed Omar bertambah gelisah. Dia mengharap sungguh berita berbau kemenangan daripada isteri dan adiknya.

"Kedudukan sekarang semakin parah," Syed Omar teringat keterangan Salmah di ranjang malam minggu lalu. Lazimnya, Salmah tidak pernah menganggu perasaan suaminya di tempat tidur. Tetapi keadaan terlalu genting dan Salmah enggan dimasuki suami. Sudah lima malam Syed Omar mengulangi, empat kali setiap hari sejak isterinya kering daripada uzur bulanan.

"Jangan bercerita bebanan hidup di tempat tidur." Syed Omar berungut.

"Tidak mahu fikirkan? Bila lagi ada peluang? Pagi dan petang, Tuan Habib di luar rumah. Setiap tengah hari, mahu yang itu dulu sebelum makan. Saya masih letih, Tuan Habib sudah pergi." Salmah merengek terus. "Keadaan kita semakin berat."

Syed Omar bingkas dari ranjang lalu pergi duduk di kerusi kecil. Salmah datang ke sisinya, berbisik, "Simpan tenaga malam ini. Kita bincang masalah yang dihadapi."

"Kita menunggang kuda patah kaki." Keluh Syed Omar pedih.

"Kalau kuda itu rebah, kita pun jatuh!" Salmah peringatkan. "Bahaya!"

"Apa fikiranmu?" Syed Omar menjolok putik benak isterinya.

"Waktu hanya sepuluh hari saja lagi tapi masih banyak yang mesti dilakukan." Salmah sugul. "Pendukung sektor luar negeri, sektor perdagangan dan pemuda yang tidak puas hati selama ini, sudah bersepada."

"Itu berita. Yang saya tanyakan, apa fikiranmu?"

"Jika kita gunakan kepala harimau, mesti selesai hal ini sebelum hari Selasa. Dalam sidang pemuda dan wanita hari Rabu, boleh dilihat kesannya."

"Beli mereka?" Syed Omar tergelak.

Salmah mengangguk. "Tiada lagi jalan lain yang saya nampak."

"Saya sudah selidik." Syed Omar bersungut. "Mereka bukan jualan!"

"Masih ada jalan lain? Waibi Tuan Habib masih mampu ubati kaki kuda patah itu dan sembahukan dalam waktu empat lima hari ini? Andai tiada ubatnya, kita mesti bersiap naik kuda lain. Saya masih yakin semua ADUN Kedah akan ikut Tuan Habib."

"Cara dan jalan yang saya akan lalui masih tersedia seribu satu macam. Kuda lain?" Gelak Syed Omar menggerunkan Salmah. "Kamilah yang membidani kelahiran kuda itu. Kakinya boleh patah. Tapi itu kami akan kambi dan papah. Kami tidak akan putuskan merihnya." Sekali lagi muka Muhsin terbayang di dalam kepalanya. Masa itu, tahun 1946, Syed Omar dari Kedah, Muhsin dan Zahid dua sepupu dari Johor Bahru, masih melanjutkan pelajaran di Raffles College di Singapura. Mereka dibawa oleh Hussein Onn ke Jalan Puteri malam itu setelah sidang agung muktamad di Dewan Istana. "Nah awak berempat," Datuk Onn tegur mereka sebelum duduk. "Orang muda! Kami orang tua melahirkan kuda itu. Awak orang muda jadi bidannya. Gembala dan besarkannya."

Syed Omar meratap di dalam hati. 'Orang tua kesayangan kami yang mengamanahkan kami jadi gembala, sudah lama pergi. Empat gembala yang menerima amanah, kini tinggal dua. Satu maut di lebuh raya bersama isterinya. Satu lagi jantung tersumbat.'

"Sudah dirancang?" Salmah mendesak.

"Sudah lama."

"Apa dan bagaimana? Pasti menang? Berilah keyakinan kepada kami."

Mata Syed Omar mencerlang "Senjata sulit?" Salmah masih mendesak.

"Mari, kita tidur."

Salmah mengalah. Dia kesal kerana madu Arab yang dia sediakan jadi senjata yang menyeksanya sekarang. Menjelang tengah malam Salmah lena litak. Syed Omar meninggalkan ranjang, berpindah ke meja bagi meneruskan kerja yang diamanahkan kepadanya.

Syed Omar tidak menghiraukan persekitarannya. Hujan? Persetankan! Ribut? Jahanam! Banjir? Perduli! Fikirannya menjalar ke segenap rangkai taktik dan liku strategi yang dia sudah susun tetapi masih merasa cemas. Setiap hari ada saja laporan buruk.

"Saya tinggalkan kakak di Mall." Syed Mokhtar sampai ke beranda. Solat Isyaknya diteruskannya sesudah selesai zikir bada Maghrib. "Katanya, dia hendak cari barang untuk hadiah majlis perkahwinan adik kawannya esok."

"Seharusnya kami hadiri majlis berinai malam ini." Syed Omar kesal. "Waaah, kaum bini-bini! Apa juga lagi yang Salmah sibukkan? Hadiah itu untuk majlis esok malam. Esok pagi pun boleh beli." Dia tuang teh dari tekoh dan ajak adiknya duduk. "Jika tidak mahu madu gunakan susu dan gula." Suaranya lembut. "Bagaimana kakakmu akan pulang nanti? Atau minta diambil? Kami terdesak waktu. Mahu ke Ampang Hilir."

"Tumpang kawan."

"Bagaimana penginapan perwakilan kita?"

Syed Mokhtar menghirup teh tawar. Dia mengeluh. "Tidak cukup hotel. Kami sasak enam orang satu bilik."

Syed Omar gelak. "Saya dengar pihak lawan isi satu bilik sepuluh orang."

"Uh! Dahsyat!" Syed Mokhtar ketawa. "Ada yang dua puluh orang dalam satu bilik. Tapi bilik hanya digunakan untuk mandi dan salin pakaian. Tak sempat tidur. Semuanya bekerja siang malam. Mereka cetak dan sebar risalah. Kecek-gertak mereka hebat."

"Belum pernah terjadi begini." Syed Omar mengeluh.

"Orang kita sudah ramai yang lemah semangat." Suara Syed Mokhtar murung.

"Kenapa?" Syed Omar bingkas membentak.

"Mereka sudah baca risalah pihak lawan."

"Mereka percaya?" Mata Syed Omar memancar kilau api ke muka adiknya.

"Faktanya jitu."

Angin mulai reda, bila Isyak sudah tua. Tapi guruh masih menggelugut. Hujan makin lebat. Syed Omar semakin gelisah dalam penantian untuk ke majlis inai.

"Saya perhatikan Kuala Lumpur setiap hari semakin padat orang dari kampung." Syed Mokhtar mengeluh. "Kaki lima sudah tumpat."

"Orang itu bukan perwakilan. Mereka sekadar penyokong dari cawangan. Selebihnya? Mereka datang hendak melihat pesta bunga sambil menunggu sidang agung."

Syed Mokhtar kunyah sekeping madu Arab. "Abang sudah fikirkan hal budak Kadir itu?" Syed Mokhtar mengalih topik.

"Sudah dan masih."

"Keputusan abang?"

"Perasaan menolak. Tapi akal bantah perasaan."

"Abang akan terima?"

"Belum tahu."

"Abang mesti tegas." Syed Mokhtar serius.

"Dalam hal kufu?"

"Tradisi kita juga. Carilah zuriat *tungku*. Abang mesti tegas kepada Zura."

"Zura sudah lebih daripada dewasa, Tar!" Syed Omar memberi amaran.

"Abang akan biarkan? Tegah sebelum Zura berwali hakim."

"Datuk Zahid sahabatku. Sejak tahun 1946, kami taming pemuda. Mulai awal tahun lima puluhan, kami dalam pusat pemuda."

"Itu hal parti!" Syed Mokhtar kesal. "Kemurnian kufu mesti dijaga."

"Emak kita itu siapa? Dari mana? Orang bagaimana?" Syed Omar gelak. "Kita lahir daripada rahim perempuan begitu."

Muka Syed Mokhtar merah padam. "Budak Kadir itu ekstrim."

"Syed Mokhtar yakin fikiran Kadir itu berbahaya?"

"Tepat."

"Sosialis?"

"Tidak. Tapi budak itu nasionalis radikal."

"Hal agama?"

"Warak nampaknya."

"Tabiat? Basa-basi? Susila?"

"Hormat kepada orang tua. Berkelakuan serba tertib."

"Syed Mokhtar kata, berdebat hingga panas! Emosi?"

"Fikiran waras."

"Fikiran Kadir salah? Alasannya tidak betul? Dia beri hujah palsu?"

"Terlalu banyak tahu. Bersikap terus-terang dalam apa yang dia tahu."

"Apa yang Kadir tahu?" Syed Omar memandang tajam muka adiknya.

"Dasar dan sistem pertanian kita. Dasar dan sistem ekonomi negara. Dasar dan barisan kita termasuk kekuatan dan kelemahan kita. Kekuatan dan kelemahan parti-parti pembangkang. Pandangan peribadinya dari segi parti dan kerajaan yang dia fikir perlu diubah untuk menghadapi generasi baru yang sudah memiliki pendidikan."

"Hal begitu yang Syed Mokhtar anggap ekstrim?"

"Fikirannya. Bukanakah cara kita memperkuat barisan, bukan perlu fikiran, tapi utamakan nilai kesetiaan?"

Syed Omar ketawa besar. "Tar! Baca balik naskhah ucapan abang dalam sidang agung tiga tahun dulu. Kalau kau faham isinya, engkau akan temui ciri yang ada pada diri Kadir itulah yang abang cari – untuk parti, untuk kerajaan, malah untuk menantu."

"Budak itu tidak akan rosakkan kedudukan kita?" Syed Mokhtar masih ragu.

"Tidak!" Syed Omar yakin. "Jurusan kajian Kadir dan Zura menarik perhatian saya. Andaian mereka dalam kajian sebelum ini, saya anggap amat bagus."

"Topik apa?" Syed Mokhtar tertarik.

"Tahun dulu, mereka mengkaji tanah-tanah dan batu-batan di lapisan dasar laut di sepanjang pantai Kedah-Perlis sehingga nun di luar Kepulauan Langkawi."

"Apa katanya?" Syed Mokhtar ternganga

"Kemungkinan besar, kata Zura, beberapa kawasan boleh dilombong. Timah terdapat di pantai. Minyak dan gas asli di laut." Syed Omar memandang kereta yang memasuki halamannya. Dia melihat jamnya; waktu sudah lewat tengah malam. "Kata Zura, azam Kadir tinggi. Dia tidak mahu terus menjadi guru saja. Dia berusaha untuk dapat kepujian kelas satu supaya mudah dia ambil Master dalam bidang kejuruteraan perlombongan. Kadir berazam selongkar khazanah pantai Kedah-Perlis."

"Abang tertarik?"

Syed Omar tidak sahut. Dia perhatikan yang memayungi Salmah hingga masuk ke dalam *porch*. Bila tiba di beranda, Salmah bersuara cemas:

"Tidak buka TV?"

"Kau suruh menonton seni tumpah lucah malam minggu?" Syed Omar berang.

"Radio di dalam kereta menghebahkan asap menjulang tinggi di muara utara Selat Melaka."

Syed Omar dan Syed Mokhtar berpandangan, ragu dan cemas.

"Asap apa?" Syed Omar bertanya dalam serba ragu.

Tiada jawapan. Salmah tumbang di sisi suaminya. Syed Omar dan Syed Mokhtar rebah bersama kerusi dan ditindih meja. Tekoh, cawan, gula dan susu terkapar di lantai.

Mereka gempar. Rumah bergegar dan oleng.

## Pukul 22.49

HUJAN berlarutan. Fikirannya kusut. Dia tergesa-gesa merebut Maghrib, bersejadah surat khabar di atas lantai simen basah. Kini dia sudah selesaikan Isyak yang mulai tua. Namun yang ditunggu belum jua tiba. Kadir mengurut dada dan menekan perasaan gelisah ketika menanti di bangsal tua. Dia disimbah tempias hujan di stesen lama. Zura singgah di rumahnya, di Alor Merah. Lebih tiga jam baru dia muncul, membawa kantung kertas berisi kontena plastik.

"Kenapa lama sangat?" Kadir kesal. "Saya gelisah. Nyaris ditinggalkan bas!"

"Salah sendiri! Tak sudi ke rumah! Saya tergesa. Mak paksa bawa bekalan."

"Hah?" Kadir terkejut. "Sempat masak?"

"Saya telefon dari Kangar."

"Menyusahkan orang tua." Kadir bersungut.

"Cuma daging goreng berempah dan pulut. Tunggu daging beku itu lembut."

Mereka dapat kerusi paling belakang, bangku 42 dan 43. Kerusi itu tersusun tiga buah berderet, tapi nombor 44 kosong. Kerusi di depannya nombor 40 dan 41, kosong juga. Kerusi kosong digunakan bagi menimbun beg yang tidak dapat masuk ke dalam palka bas. Timbunan beg itu melindungi Zura dan Kadir. Mereka tidak dapat melihat TV.

"Karut!" Kadir mengeluh setelah menukar pakaian, ketika meninggalkan Alor Setar.

"Kenapa berungut?" Zura hairan. Dia buka bekalan. "Kita makan. Mana air?"

Kadir mencapai kantung berisi botol air mineral. "Kita tak dapat tengok TV."

"Kesal?"

"Hu uh!"

"Makanlah. Lagi bagus jika tidak tengok. Boleh lekas tidur. Semoga nyenyak enam jam. Mesti sampai ke rumah Zarina sebelum pukul sepuluh pagi." Zura teringat janjinya kepada Walid bahawa dia hendak bersolek di Bukit Damansara dan akan menumpang kereta Walidnya ke Ampang Hilir.

"Susah capai segala keinginan." Zura mengeluh.

Tanggapan Kadir lain. "Saya pun belum puas dengan penemuan itu," katanya.

"Tak lengkap?" Zura kerling. Setelah menelan dia gesa, "Makanlah."

"Boleh kita ulang kajian kita di Perlis dua minggu akan datang?" Kadir mencadang.

"Payah! Saya sedang menulis ketika itu. Kenapa?" Zura kian risau kepadanya. "Beberapa hari ini saya lihat awak muram. Awak hadapi masalah peribadi?"

Kadir bungkam. Dia menutup kontena setelah menghabiskan suap dan minum. "Awak boleh maafkan saya merokok?" Dia membuka satu lagi lampu di atas kepalanya.

"Boleh. Agar awak tenang." Zura senyum. "Masih perlukan bahan baru?"

"Tambah bersama. Faktor lain pun ada juga. Bahan antropologi sosial."

"Untuk apa? Jangan bebankan kepala dengan kajian yang tidak berkaitan."

"Ami awak cabar saya. Saya akan hadapinya berdasarkan bahan begitu."

"Tahu?" Zura gelak. "Ami Tar pantakkan ke telingaku tentang sikap melampau awak."

"Saya melampau?" Kadir terkejut. Dia geleng kepala.

"Kata dia." Zura serius. "Topik apa yang awak debatkan dengan Ami Tar?"

"Tanah. Petani. Padi. Kemiskinan."

"Banyak sangat subjeknya."

"Beliau yang memancing perdebatan."

"Awak menentangnya?" Zura mulai khuatir.

"Saya tidak membantah beliau. Saya cuma jelaskan pendapat saya."

"Saya dimarahi. Ami Tar tidak restui hubungan kita."

Kadir resah. "Sejak awal, saya, ayah dan emak saya sudah peringatkan awak."

"Saya malu kepada Cikgu sekeluarga." Zura bersuara tangis.

"Kenapa malu?" Kadir renung. "Antara kita, suci. Tak pernah dikotori dosa."

"Kerana sikap Ami Tar. Walid tak pernah bantah hubungan kita."

Kadir mematikan api rokok, bermenung panjang. "Sebab itulah saya peringatkan agar kita saling waspada antara satu sama lain. Bagi saya, tidak mengapa jika tiada jodoh. Tapi tali persahabatan perlu kekal sebagai rakan sejurusan, demi bakti kepada negara."

"Beginu mudah abai jodoh?" Zura merajuk. "Cikgu mengalah begitu saja?"

"Tidak mudah." Kadir tegas. "Ujian terberat dalam hidup ini ialah sabar."

"Cikgu menyerah?" Zura mendesak.

"Saya tak mahu lawan jika begitu terjadi. Saya tidak mahu jodoh yang dipaksa."

Zura berbisik, "Saya sudah berkasar kepada Ami Tar."

"Astaghfirullah!" Kadir terkejut. "Mohon maaf daripadanya. Dia baik. Kasar cara apa?"

"Saya anak tunggal. Jika Walid mati sebelum saya nikah, Ami Tar tak mahu jadi wali kalau tidak sekufu." Dia raih jari Kadir. "Saya tempelaknya, mengancam akan ambil wali hakim."

Kadir termenung. Lama baru bertanya, "Apa kata beliau?"

"Dia tidak sambut cabaran saya. Tapi mukanya merah, lalu pergi."

"Ada orang lain dengar? Apa kata yang lain? Bagaimana sikap mereka?"

"Cuma Umi Som. Dia diam saja tapi simpati kepada saya. Dia suka Cikgu."

"Ibu bapa Umimu itu tidak putus nasab daripada Rasulullah?"

"Manalah saya tahu." Zura bersungut.

"Walidmu?"

"Datuk Walidku dari Hadralmaut. Dia berhijrah ke Singapura. Di sana menikah dengan wanita Bali. Ayah Walid berkahwin dengan perempuan *karayuki* di Singapura. Itulah emak Walid."

Kadir tertarik. "Bangsa dan suku apa? Tak pernah dengar nama kaum begitu."

Zura mencebik. "Ami Tar hipokrit."

"Saya belum kenal rapat dengan Amimu. Tapi emak Walid awak *karayuki*. Itu bangsa apa? Perempuan dari mana?"

"Jepun. Ayah Walid saya pungut di Middle Road Singapura. Dia tukang guntang rambut, dan tukang urut badan lelaki. Pelacur."

"Emak Walid dan Ami Tar Zura itu bernama *karayuki*?"

Zura berbisik, "Bukan. Nama nenekku Saneko. *Karayuki* itu gelaran status dan kerjayanya." Zura gelak. "Pada awal abad ini, terdapat terlalu ramai perempuan Jepun yang dikirimkan ke Negeri China dan di Asia Tenggara untuk mencari duit melalui pekerjaan begitu. Wanita demikian digelar *karayuki*."

"Zura tahu ini semua daripada siapa?"

"Daripada Walid. Daripada orang Singapura juga."

"Kalau begitu, Walid Zura bukan orang asli Kedah."

"Orang Singapura. Masa Perang Dunia Kedua dahulu orang di Singapura lapar tak cukup beras. Walid merempat di Kedah, jadi kuli di sawah dan di ladang datukku, Penghulu Mukim Gajah Mati, di Pokok Sena. Apabila perang tamat, datuk saya membantunya menyambung pelajaran waktu malam, dan digalakkannya masuk politik. Tahun lima puluh tujuh, dia kahwin dengan emak saya."

"Emakmu syarifah juga?"

"Melayu Kedah totok, tahu-tahu beribu mertua *karayuki*." Zura gelak.

"Tidak manis sebut *karayuki*." Kadir serius. "Tapi matamu ada iras sepet."

"Memang hodoh." Zura merendah diri. "Kenapa sudi?"

"Bukan hodoh. Mata awak penyeri roman mukamu."

"Jangan beri pujian palsu. Tapi kakiku bagus." Dia tutup lampu di atas kepala.

"Hah? Gelap!" Kadir terkejut. "Bagus bagaimana? Saya tak pernah tengok."

Zura lucut sepatu. Kemudian stokingnya. Dia singsing *jean* melampaui lutut. "Periksalah." Dia mencabar. "Ramas dari lutut ke keting. Cikgu akan tahu lurus atau bengkok."

Kadir lakukan itu, lalu berkata, "Lurus."

"Seperti kaki emak saya." Zura bangga.

"Kakimu bagus. Betismu elok. Pergelangan kakimu genting."

"Bukan pujian palsu?" Zura pakai kembali stoking, kasut dan lurut kaki *jean*.

"Ikhlas."

"Bukan memancing?"

"Pernahkah Cikgu Zura merasa saya memancing Syarifah atau gadis lain?"

"Maaf, Cikgu. Memang tidak."

"Terima kasih."

"Cikgu belum sedar tentang diri Walid saya."

"Matanya? Tidak."

"Kakinya." Zura tergelak.

"Kenapa?" Kadir hairan.

"Pengkar! Betisnya bengkok pisang embun. Betul-betul kaki Jepun."

Kadir ketawa. "Itu bukan cacat."

"Cikgu sudah faham ibu Walid dan Ami saya. Tapi tahukah Cikgu nasib perempuan Bali dan wanita lain dari Alam Melayu di Singapura dulu?"

"Tidak."

"Baca *Hikayat Abdullah*."

"Saya tidak meminati sastera."

"Rugi." Zura mengejek kesal. "Tak kenal sejarah denyut nadi masyarakat."

"Bagaimana nasib perempuan orang Bali di Singapura dulu?"

"Semenjak awal dekad ketiga abad yang lalu, banyak pelaut Sulawesi Selatan menjual orang. Perahu layar mereka bawa lelaki dan perempuan, termasuk orang dari Bali ke Singapura. Pelaut itu menjarah manusia di pesisir pantai seluruh pulau Alam Melayu. Mereka dijual di tepi laut dan muara Sungai Kalang. Pembeli borong itu membawa mereka ke darat, dijual runcit untuk jadi kuli. Masih kekal nama kawasan itu, Bali Lane. Para Bajak Laut itu bila tinggal di darat, mereka bermukim di tiga kawasan: di Kampung Bugis, tebing kiri muara Sungai Rochore dan Kampung Supuk. Orang Majlis

Bandaran menukar huruf Jawinya kepada Rumi, lalu jadi Kampung Soopoo. Kampung itu terletak di sebelah darat Kampung Bugis. Pusat perniagaan mereka tertumpu di sebelah darat Bali Lane. Itu dinamakan Bugis Street."

"Sekarang baru saya dengar." Kadir ketawa sinis.

"Nenek Walidku wanita Bali yang dibeli daripada saudagar hamba abdi."

"Pedih hati saya dengar itu." Kadir selamba. Di dalam hatinya, dia mengeluh, 'Zura sudah tahu peranan nenek moyangku. Perniagaan yang memalukan.'

"Zuriat daripada rahim wanita begitu menolak jodoh saya dengan Cikgu Kadir."

"Bagi saya," kata Kadir beberapa ketika kemudian, "kasta tidak penting. Yang perlu ialah seagama dan sefahaman. Walaupun begitu, kalau tidak direstui keluarga, saya keberatan. Saya akan telefon ibu bapa saya agar membatakan maksud mereka."

"Jangan." Zura tegas. "Teruskan. Saya akan lihat apa reaksi ibu bapa saya."

"Kenapa Ami Tar tinggal di Kedah?"

"Walid kasihani adiknya. Dia ambilnya dan sekolahkannya di Kedah lalu dimasukkan ke Maktab Perguruan. Kemudian masuk ke universiti. Sebelum datang ke Kedah, Ami jadi budak suruhan Malabari penjual rupiah palsu di Change Ally, dekat Robinson di sebelah darat Johnson dan Clifford Pier."

"Dari mana Cikgu Zura tahu itu semua?"

"Daripada Walid dan daripada keluarga di Singapura."

Kadir memandang keluar melalui cermin belakang. "Di mana kita sekarang?"

"Batu Lima Belas. Simpang Tiga. Kota Sarang Semut sudah dilalui. Kita sedang menuju ke Guar Cempedak, empat batu di depan kita." Zura hafal lajuan utama itu.

"Hujan makin lebat. Dengar? Angin ribut. Penyaman udara semakin sejuk."

"Memang terlalu sejuk. Mana jaket saya?"

Kadir capai jaket mereka di lengan kerusinya.

"Pulut, luaknya sedikit." Zura membuka tiga lampu. "Makan. Sudah itu, tidur."

"Saya cuak," kata Kadir. "Jalan malam dalam hujan ribut. Menggerunkan."

"Petang tadi Cikgu berani dan mencabar saya di Kangar." Zura perli. "Jangan bimbang. Pemandu itu hafal liku jalan. Mereka lalui jalan ini siang-malam." Zura meyakinkannya.

"Syarifah Zura mahu tidur?" Suara Kadir terkulum sedang mengunyah.

"Setelah makan."

"Tukar tempat. Saya di tepi kanan. Syarifah di dalam. Lunjur kaki ke lorong."

Sebelum sampai di Gurun nafas Zura sudah teratur. Kepalanya bersandar di sisi sandaran kerusi Kadir, kemudian beralih kepada bahu Kadir. Tidur begitu menimbulkan rasa belas Kadir. Dia letak beg jinjit di atas pangkuannya. Lalu dia meriba kepala Zura, mengelus rambutnya yang berombak ke atas bahu itu. Fikiran Kadir menjalar kian ke mari.

Perkenalannya dengan Zura bermula dengan acara orientasi ketika mereka *freshie*. Itu terjadi pada hari kelima. Mereka menghadiri majlis taklimat di Kompleks Pusaneka. Acara itu berakhir hampir pukul dua belas tengah malam.

Hanya *freshie* dari Fakulti Sains yang dikumpulkan di situ. *Freshie* daripada fakulti-fakulti lain berhimpun di Dewan Tun Razak. Pada malam itu, mereka dipecahkan kepada sub-kelompok menurut jabatan pengajian. Zarina, pelajar tahun keempat bertugas mengelolakan kebajikan pelajar baru dalam Jabatan Geologi. Bilangan mereka kecil. Melayu, jumlahnya cuma tujuh belas orang. Pelajar Cina dan India lebih sembilan puluh orang. Pada senarai kediaman Zarina dapati Zura dan Kadir saja ditempatkan di Komsis Burhanuddin. Yang lainnya di Komsis Datuk Onn dan Ibrahim Kajai.

"Encik Kadir dan Cik Syarifah Zura di Komsis yang sama." Zarina menyapa Kadir bila kumpulan mereka hendak dibubarkan. "Bolehkah Encik Kadir tolong saya?"

"Tolong bagaimana?"

"Saya akan bersama yang lain ke Komsis mereka. Kebetulan berjiran. Hanya Encik berdua guru. Tempatnya sama, di Komsis Burhanuddin. Tak payah saya temani."

Kadir serba salah. Zura mendekat, "Saya tumpangkan diri saya kepada Cikgu."

"Boleh juga," sahut Kadir amat perlahan.

"Saya harap bukan untuk malam ini saja," kata Zarina. "Buat dan saling bantu, rela sama rela seterusnya. Akan ada banyak tutoran dan pertemuan pada waktu malam. Wanita yang tiada kenderaan perlu berteman, terutama ke perpustakaan setelah Isyak."

Kadir mengangguk. Itu melapangkan hati Zura. Mereka tidak ikut jalan raya. Mulanya Zura keberatan kerana sunyi. "Bagus! Jalan pintas." Kadir berhujah. "Di sini, kita mesti cermatkan waktu dan tenaga. Perlu biasakan diri di laluan ini."

Mereka turun ke bawah menyusur lantai di tebing sungai Bangi, melalui Dewan Kuliah Induk, untuk tembus ke padang letak kereta di sisi bangunan Institut Sastera dan Bahasa Melayu. Di lorong ijazah lanjutan di bangunan Jabatan Persuratan Melayu, lampu di situ mati. Zura peluk lengkap Kadir.

"Kenapa?" Kadir terkejut.

"Takut!" Suara Zura mengeletar.

"Kampus aman. Pasukan pengawal ada di mana-mana." Kadir meyakinkannya.

Zura tidak melepaskan pelukannya. "Bunyi itu."

"Burung hantu." Kadir tадah telinga. "Di tebing bukit yang akan kita lalui."

"Kata orang, kawasan ini keras." Zura tidak mahu renggang.

"Memang." Kadir tergelak. Mereka turun tangga dan terus ke padang kereta. "Bangunan di sini bertembok konkrit. Seluruh permukaan tanahnya diturap dengan asphal dan simen."

"Bukan itu." Zura berungut. "Banyak orang bunian dan hantu pontianak."

"Khurafat." Kadir membantah.

Zura tarik lengan Kadir. "Tunggu." Dia jongkok. "Kasutku dimasuki batu kerikil."

Lampu jalan menyorot laluan mereka, menyeberangi jalan naik bukit. Mereka menanjak bahu tebing. Laluan itu berasal ubin konkrit. Di atas kepala mereka, kanopi pohon kayu rendang. Cahaya lampu di sepanjang tepi jalan dilindungi daun. Di atas jalan setapak itu bertelau bayang hitam dan putih sinar lampu. Apabila tiba ke tangga batu, Zura rapatkan badannya dan berpegang pada bahu Kadir. "Jangan cepat sangat. Saya penat menanjak begini."

"Latihan begini bagus," kata Kadir. "Membuang lemak dan kuatkan otot. Kita akan alami begini setiap hari, selama di sini."

"Cikgu tidak ada kereta?"

Kadir gelak. "Saya fikir, akan bawa kereta saya ke mari."

"Bila?"

"Mungkin hujung minggu depan. Tak balik ke Kedah? Ikut saya ke Johor?"

"Hal ikut ke Johor, emak mesti tahu dan benarkan. Tetapi jika boleh tumpang, tidak payahlah saya bawa kereta ke mari." Zura menarik nafas panjang. "Saya boleh bantu tumpang minyak dan tayar. Kereta jenis apa?"

"Buruk." Kadir merendah diri. "Bekas kereta ayah. *Alfasud sport* model lapan lima."

"Baru." Zura berseru. "Tahun ini. Saya punya usia tiga tahun. Emak pakai."

"Ayah cuma pakai dua bulan."

"Yang begitu untuk orang muda berlagak kecek anak dara." Zura tergelak.

"Ayah yang belikan untuk saya. Hadiyah. Sebab saya tolongnya berkempen. Kereta saya sudah lunyai digunakan siang malam selama kempen pilihan raya yang baru lalu."

"Isteri Cikgu guru juga?" Zura bertanya ikhlas.

"Belum fikirkan calonnya." Kadir ketawa. "Suami Cikgu Zura saudagar?"

"Belum laku. Tak ada masa hendak tayang di *supermarket*. Siapa mahu? Hodoh."

"Kasihan!" Kadir tergelak.

"Sejuk hati saya mendengar, ada orang kasihan."

Mereka mendaki baki tanjakan yang mereka mesti panjat. Masih ada tiga lagi cangkat. Setiap cangkat ada empat belas anak tangga. Di cangkat kedua yang terakhir itu Zura tarik Kadir, berhenti dan berseru, "Indahnya Lembah Bangi pada waktu malam."

"Terpesona?" Kadir toleh. "Peminat khayalan romantik, nampaknya."

"Dan letih." Zura menghempas nafas. "Boleh rehat sebentar?"

"Tidak haus? Saya dahaga," Kadir mengeluh. "Kalau cepat, sempat minum di kantin. Sabtu malam minggu begini, kata senior, mereka tutup pukul dua."

"Tidaklah saya ..." Zura enggan.

"Kenapa?"

"Masak air, buat sendiri di bilik. Elakkan diri daripada buragas di kantin."

Kadir ketawa. "Istilah itu saya pun gunakan kepada pelajar nakal."

"Pelajar jantan di sini nakal." Zura berungut. "Pantang lihat dahi perempuan."

"Kalau Syarifah enggan dilihat, duduk di dalam kelambu."

"Cikgu!" Zura tegur. "Jangan sebut di dalam kelambu. Itu istilah suami isteri."

Kumpulan *freshie* bersurai dari Dewan Tun Razak; mereka riuh-rendah di Bulatan Masjid.

"Sudah hilang letih? Yuk! Teruskan. Dua cangkat saja lagi kita tiba ke puncak. Jangan tunggu sehingga gerombolan buragas itu mengasak kita di sini." Kadir gelak.

Ketika mereka tiba ke puncak, Zura berbisik, termengah, "Kalau cikgu haus, tunggulah saya di luar. Saya buat milo. Kita minum di ..."

Hingga ke situ Kadir sangat. Angin ribut sudah reda, tapi hujan masih renyai. Awan melindungi bintang, menyebabkan malam tetap gelita. Bas sudah lama melalui Sungai Petani ketika Kadir menyandarkan bahu di pertemuan pinggir sandaran kerusi dengan dinding bas. Tangannya bergerak perlahan membetulkan letak kepala Zura di beg jinjit di atas pangkuannya. Kadir segera lelap tapi tidak lama. Deretan rumah dan lampu jalan raya di Seberang Perai menggoda matanya ketika terjaga. Namun kantuknya tidak tertahan lagi dan nyenyak kembali, sambil meletak tangan kirinya di atas kepala Zura.

Tidur Kadir sudah lama nyenyak ketika bas melampaui jambatan Sungai Junjung. Tiba-tiba Kadir terhempas ke depan. Zura jatuh ke celah kerusi. Peristiwa itu berlaku serentak dengan suara jeritan penumpang. Kadir terkejut. Zura terkial-kial hendak bangkit.

"Kenapa?" Kadir berseru.

"Apa terjadi?" Zura gugup.

Bas itu melenggang. Seluruh beg di atas bangku di depan mereka jatuh ke lantai, menimbuni lorong. Kemudian bas itu oleng miring, berhenti tetapi bergegar.

"Kemalangan." Kadir berteriak. Dia mengangkat Zura. "Bas rebah ke kiri."

## Ahad

Pukul 01.35

KEADAAN gawat. Bas rebah. Lampu tiada. Hujan gerimis dan langit mendung tiada bulan tengah malam. Setiap penumpang yang masih hidup sama ada parah atau luka ringan, tanpa cacat. Mereka berebut mencari jalan keluar hendak menyelamatkan diri tapi pintu cuma ada dua; satu di sisi kanan pemandu dan satu lagi pintu kecemasan di depan bangku Kadir. Api mula menjelirkan lidah nyala di sisi kiri tempat duduk pemandu. Tetapi kepulan asap dari enjin menyebabkan nyala api itu tidak mampu menerangi ruang di dalam bas.

Lolong orang ketakutan, raung tangis, erang kesakitan, bunyi orang bergumul, semuanya padu menjadi satu kekacauan yang didorong nafsu-nafsi.

Kadir tergesa membuka pintu kecemasan. Dia meraih beg sandang, dan beg jinjit mereka berdua. "Zura keluar. Berdiri atas dinding bas. Tunggu saya di atas."

"Beg tangan saya." Zura menjerit.

"Saya pegang, jangan bingung. Panjat." Dia kelepak di bawah ketiak Zura lalu meletak kelengkang Zura di bahunya dan mengampunya ke atas.

"Bagaimana saya akan turun?" Zura berseru amat cemas bila tiba ke atas.

"Saya dulu." Dia meraih pinggang Zura. Mereka menjauh dari pintu kecemasan itu. "Beri laluan orang lepas naik." Kadir melompat. "Campak semua beg. Beg tangan itu gantung di leher." Setelah menerima empat beg itu dia berseru, "Zura! Lompat!"

Kadir menyambut pinggang Zura lalu jejakkan kaki Zura. Tetapi Zura masih peluk leher Kadir. "Kakiku, Cikgu!" Zura mengerang.

"Syarifah luka?" Kadir mendengus, sambil menyandang dua beg dan jinjit dua lagi di kanan-kiri. Dia mendukung Zura, menjauahkan diri mereka dari situ. "Mesti lari! Bas akan meletup." Setelah mencapai jarak ratusan meter Kadir tolak ke belakang. Api di kepala bas itu sudah padam. Pemandu sempat memancutkan cairan busa  $\text{CO}_2$ .

"Turun, terus duduk." Kadir termengah. Zura patuh. "Kanan atau kiri? Luka di bahagian mana?" Dia meletakkan semua bebaninya, dan mulai melucut kasut Zura.

"Tak payah Cikgu. Tiada luka. Cuma tulang kering kanan terantuk di pintu."

"Syukur!" Kadir menarik nafas panjang. "Berdiri!" Dia meraih di bawah ketiak.

Zura paut leher Kadir. Pipi mereka bertaut, dada melekap. "Tegak sendiri!" Kadir lepaskan. Zura patuh. "Melangkah!" Kadir perhati dan tergelak, "Wah, kaki lurus puteri Tuan Syed masih boleh maraton."

Zura berpaling. "Jangan bergurau. Di mana kita sekarang?"

"Entah!" Kadir meninjau ke hadapan. Dari arah utara, kereta berjalan perlahan di jalan raya, berlampa tinggi. Kadir melihat papan tanda. "Kita di Sungai Bakap. Stesen Keretapi Simpang Empat sudah jauh di belakang."

"Apa terjadi?" Zura mulai tenang dan ingin tahu musabab musibah itu.

"Tidak tahu. Setelah bangkit daripada terhumban, cuma terasa bas oleng, liar, lalu rebah ke kiri. Zura mujur, kepalamu ke kanan."

Lelaki tua yang sudah menukar pakaian terbakar di badannya, sempat keluar melalui pintu pemandu. Dia menggabungkan diri kepada Kadir dan bercerita:

"Saya di kerusi nombor satu. Tidak tidur. Bas bergoncang oleng ke kanan dan ke kiri. Pemandu tak dapat kawal, lalu langgar tiang. Pemandu berteriak, 'Gempa!' Tapi jeritan orang tenggelami suaranya. Bas rebah ke kiri. Berita TV pukul sebelas tiga puluh tadi melaporkan ada asap besar berkepul di pintu utara Selat Melaka."

"Betul!" Zura berpaut pada bahu Kadir. "Gegarannya masih terasa ketika saya berdiri di atas dinding bas. Ada letupan! Dengar?"

"Akan berulang. Mesti pergi lebih jauh daripada bas." Kadir meraih semua beg.

"Apa kita nak buat?" Zura cemas kembali.

"Periksa barang! Ada lagi yang tertinggal?" Kadir mulai menggalas.

"Kantung makanan dan minuman." Zura menyahut.

"Beg barang berharga? Dokumen?" Kadir menoleh. "Saya punya lengkap."

"Saya punya semua dalam beg tangan. Bagaimana sekarang?" Zura cuak.

"Jalan. Cari tempat perlindungan. Hujan gerimis ini akan lebat lagi."

"Makanan dan minuman itu?"

"Tinggalkan!" Kadir tarik tangan Zura. "Kita bukan di padang pasir."

"Kita akan ke mana?" Zura semakin khuatir.

"Ke Nibong Tebal. Cuma empat batu dari sini." Kadir sudah galas semua beg.

Zura ikut di sisinya, sekadar sandang beg tangan, mengeluh. "Nasib bas itu!"

"Itu urusan syarikatnya. Pemandu selamat. Kita nasib baik kerana tidak simpan barang di dalam palka. Pintu palka itu tertindih di sebelah kiri."

"Itu hikmat saya terlambat." Zura lega. "Kita tak sempat taruh barang di situ."

Suara berkeriau masih kedengaran di belakang mereka. Orang yang tidak ada barang tertinggal sudah membawa diri.

"Apa cara nak balik ke Kuala Lumpur? Zarina tunggu kita." Zura risau.

"Jangan fikirkan hal esok. Cari perlindungan untuk malam ini."

"Di Nibong tebal, esok pagi kita naik keretapi." Zura bersemangat.

"Kita belum tahu kadar gegaran gempa ini. Jika capai enam skala Richter, rel rosak. Banyak bangunan dan jambatan runtuh."

"Tahan kereta yang lalu, semoga dapat menumpang." Zura menggesa.

"Jangan malam ini! Bahaya. Dawaian elektrik putus. Tiang tumbang. Siapa tahu, jambatan mana yang roboh."

"Tunggu hingga siang?" Zura ragu.

"Kita cari tempat bernaung. Begitu lebih selamat."

Langkah Kadir panjang. Zura tercungap. Sebelum sampai di Simpang Tiga di utara Sungai Jejawi mereka menemui bangsal beratap pisang sesikat, tanpa dinding. Di bangsal itu ada dua bangku panjang, satu meja panjang-papan kasar- dan dua bangku gundul. Bangsal itu berada di sebelah darat jalan raya.

"Di sini sajalah. Memadai!" Kadir meletak beban di atas meja dan mengangkat bangku panjang itu. Dia ganding dua. "Tali beg tangan dan beg jinjin Syarifah, ikat kepada tali pinggang. Beg sandang jadikan bantal."

"Sudah tiga tahun lebih saya kata jangan panggil saya Syarifah kalau berdua saja begini. Zura saja. Saya tidur di atas meja. Cikgu tidur di mana?"

"Bangku panjang ini lebih teguh. Panggil saya Kadir saja."

"Baiklah. Kadir tidur di mana?"

"Saya duduk berjaga hingga pagi."

Zura keluarkan sehelai batik sarung untuk dijadikan alas bangku, lalu menyerahkan kain sarung sembahyang kepada Kadir. "Buat selimut." Dia sendiri berselubung telekung.

"Tidurlah! Alangkah baik jika ada *transister*." Kadir berungut.

"Hendak mendengar siaran dini hari?" Zura tergelak. "Semenjak bila berminat dengan celoteh menceceh daripada suara parau?"

"Berita gempa!" Kadir serius.

"Di dalam beg sandang saya, masih ada minuman tin dari Kangar." Zura ketawa. "Buka! Kita duduk di bangku ini. Tenangkan isi kepala."

Angin barat laut mati. Angin timur laut bertiup melampaui Bukit Relau dan banjaran gunung. Angin itu dingin menegakkan bulu rompa. Kadir bingkas. Kain sarung daripada Zura dijadikannya tabir di sebelah darat.

"Di dalam beg sandang saya masih ada tiga batik lepas. Tabiri seluruhnya." Zura tebus dua tin *Coca-Cola* dan teguk satu.

Setelah selesai kerjanya, Kadir duduk di sisi Zura dan minum. "Zura tidurlah."

"Duduk saja."

"Zura takut? Ragu kepada saya?"

"Tidak!"

"Jangan terlalu percaya," suara Kadir tegas.

"Itu peganganku selama ini," sahut Zura. "Tetapi daripada matamu belum ada yang menimbulkan curiga saya."

"Saya junjung kepercayaan itu." Kadir ikhlas.

Rombongan berkelompok kecil, penumpang bas, satu demi satu melalui mereka. Daripada suara yang rancak, Kadir tahu sudah ramai orang yang singgah di pondok bas yang terletak tidak jauh dari tempat itu.

"Mengerikan." Zura sejuk, duduk berpeluk lutut. "Kenangan selama hayat."

"Ceritakan kepada anak cucu." Kadir ketawa.

"Bila agaknya?" Zura mencubit lengan Kadir.

"Entah! Tentu ketika tua. Bayangkan. Kalau dapat anak dua tahun akan datang dan anak kita beranak ketika berusia tiga puluh tahun, ertiinya empat puluh tahun lagi, barulah cucu kita itu berminat kepada cerita nenek atau datuknya. Waktu itu, mungkin saya sudah guna tongkat. Zura duduk-duduk saja di beranda, dari siang ke petang, makan sirih bersungil tembakau Siam."

Zura tumbuk bahu Kadir. "Agak-agak berapa ramai cucumu?" Dia mengejek.

"Manusia tidak mampu pastikan hari depannya."

"Kadir tidak curiga kepada saya?"

"Kenapa Zura tanya begitu?"

"Entah! Tapi tiba-tiba fikiran itu timbul."

"Curiga tentang apa?"

"Masa lampauku. Hubungan lelaki-perempuan."

"Zura belum pernah kahwin, bukan?"

"Memang tidak pernah disentuh!"

"Kenapa bertanya hal karut?"

"Tadi saya sedar. Kau meriba kepalaiku."

"Di atas beg jinjit."

"Kau elus rambut saya."

Kadir berterus-terang. "Mulanya saya tidak tahu, kenapa kubuat begitu."

"Saya faham!" Zura gelak.

"Zura faham bagaimana?"

"Kadir kasihan."

Kadir mengeluh.

"Sudah dapat yang kau cari?" Zura mengajuk.

"Cari apa?" Kadir hairan. "Telur kutu?" Ketawanya meledak.

"Mahu rasakan kesan saya ini perawan atau kelungkung ditebuk tupai."

"Ya Allah!" Kadir mengeluh. "Kenapa ke situ fikiranmu? Saya ikhlas."

"Tidak menyesal terlajak hati?"

"Tiada perbuatanku daripada niat yang betul perlu kukesali."

"Ikhlas?"

"Pernahkah sikap saya tidak ikhlas kepada Zura?"

"Terima kasih di atas keikhlasanmu! Bagi saya tiada yang lebih penting daripada itu."

"Zura pernah bercinta?"

"Sekali! Jatuh dan patah. Kadir?"

"Dua kali patah. Yang ketiga, tumbang."

"Nasib!" Zura gelak.

"Takdir!" Kadir mengeluh.

"Sudah bersedia untuk keempat kalinya?" Bisik Zura mendesis.

"Ingin. Tapi belum tentu sanggup. Saya cukup berhati-hati sekarang dalam hal begitu. Kalau boleh, biarlah saya jatuh cinta setelah saya kahwin."

Zura mengeluh.

"Kecewa? Kalbu pedih dihiris sembilu?" Bisik soalan Kadir mendesus.

"Luka serpih pada patahan pertama terlalu perih."

"Selagi bergetah masih boleh tumbuh dari tempat yang patah." Kadir gelak. "Tetapi pelihara, jangan jatuh. Jangan lepaskan. Cinta abadi tumbuh dalam perkahwinan."

"Semoga Tuhan kurniakan!"

"Amin!" Kadir menadah tangan.

"Kadir simpati kepada saya?"

"Kasihan dan ikhlas menumbuhkan simpati."

Sedu-sedan Zura pecah.

"Kepana menangis?" Kadir risau.

"Tangis gembira!" Zura menghembus hingus. "Orang di Alor Merah mengejek saya bermacam-macam. Anak dara tua. Gadis tak laku. Menunggu tungku tak tiba."

"Zura sudah dengar celoteh emak saya, bukan?" Kadir serius.

"Dalam hal apa?"

"Tentang diri saya yang dikatakan jiran-jiran di Bukit Cagar."

"Cemuhan bujang terlajak itu?"

"Bukan itu saja." Kadir mengeluh. "Ada yang perli, zava bagi burung tekukur tidak berkukur di dalam sangkar."

"Kadir marah atau kesal kepada mereka?"

"Tidak! Apa gunanya?"

"Kenapa?"

"Kerana saya tahu diriku. Tahu apa yang saya mahu. Saya faham apa yang saya buat."

"Saya faham." Lengan Zura ke atas bahu kiri Kadir. "Kadir mencari terus."

"Zura, bagaimana?"

"Pertama, saya masih menunggu. Kedua, saya tak sesabar Kadir, mendiamkan cercaan orang ke atas diri saya. Sambutan saya spontan bila saya dengar diejek begitu."

"Belum bertemu?" Kadir menoleh ke kiri. Hidung mereka nyaris bergesel. Sedu-sedan Zura kedengaran kembali.

"Tangis itukah jawapannya?" Kadir berpaling duduk dan menghadapi Zura.

"Jangan seksa saya dengan pertanyaan begitu, Kadir. Walaupun air mata itu kurasa nikmat tetapi jangan pecahkan gelembung busa di dalam kalbuku. Mestikah saya kau kahwini lebih dulu, baru kau berikan cinta itu kepadaku?"

"Sekarang ini, pendapat saya begitu, Zura!"

"Kalau menunggu begitu lama, tidakkah dadaku pecah?"

"Dada yang teguh semakin banyak isi semakin padat. Dada kukuh tidak pernah membuang isi. Dia tumpang segala yang masuk."

"Kadir berpendirian begitu?"

"Sudah ku jelaskan tadi. Dada kosong mudah dikocak nafsu. Cinta dalam iman dan iman dalam cinta, itu yang kupegang. Jika kelak kita sejodoh, saya akan memasuki Zura berdasarkan itu. Saya harap Zura terima saya ke dalam dirimu dengan persiapan dan sikap yang demikian juga."

"Sudahkah Kadir pasti akan serah kepada siapa cinta yang berdasarkan iman itu?"

"Untuk apa Zura ulang pertanyaan demikian? Kaji makna ayat keempat dalam kalimat saya tadi."

"Jodoh kita dan memasuki saya bersama iman dan cinta?"

"Bagi saya caranya begitu, wajib, Zura."

"Bila Kadir tetapkan begitu di atas diriku sebagai pilihan yang akan kau beri?"

"Sudah lebih tiga tahun."

"Tidak pernah ada selingan kepada yang lain?"

"Tidak. Untuk apa mahu lebih daripada satu?"

"Saya juga begitu."

"Kau sediakan untuk siapa?" Kadir pegang kedua-dua belah bahu Zura.

"Perlukah saya jawab dengan kata?"

Kadir terdiam dan melepaskan bahu Zura. Dia merasa dingin, lalu mengatup jaket ke lehernya; kemudian mencueuh rokok, hendak menenangkan debar dadanya.

"Kenapa mahu undur kerana kerena Ami Tar?"

"Buat sementara, untuk berperang di dalam diri sendiri."

"Walid tidak tolak."

"Belum. Tapi mungkin akan."

"Saya akan temui Walid. Bagaimana jika dia tolak?"

"Patah yang keempat, mungkin terakhir. Tak mampu alami kelima kalinya."

"Jika Walid tolak, saya ada hak di atas diri saya."

"Zura akan buat apa?"

"Orang lain ambil marahala darat, saya ambil marahala samudera dan angkasa untuk dapatkan wali hakim."

"Saya tidak mahu persemendaan disaluti perbalahan." Kadir mengeluh.

"Saya yang dikahwini, bukan mereka." Bisik Zura mendesis.

"Pengorbanan itu berat. Zura akan dinafikan pusaka."

"Harga diri dan nilai cinta kepada suamiku, dibandingkan dengan harta pusaka?"

"Memang saya harap tidak begitu."

"Mohon orang Bukit Cagar ke Alor Merah pada cuti semester ini!" Zura menggesa. "Insya-Allah, tesis kita akan diketahui nilainya April akan datang. Kita sudah bekerja keras. Kalau mereka tolak pinangan, saya akan ambil wali hakim. Kita hidup jauh daripada keluarga. Kita jadi tutor sementara bagi mempersiap Master's dan hidup di negara asing,"

"Zura sanggup menderita?"

"Dari segi rohaniah, bahagia. Dari segi harta, tidak takut hidup papa. Tetapi Insya-Allah, tidak menderita. Pusaka yang diwarisi emakku, saya sudah miliki. Harta carian bersama ibu bapaku, itu terpulang ke atas budi bicara mereka."

Kadir periksa kekuatan meja. Setelah yakin dia atur beg jinjit untuk menjadi bantal, lalu naik dan baring. Dia berkata, "Saya mahu tidur sebentar." Dia segera mendengkur.

Zura berkalih duduk, menghadapi meja dan merangkum dada Kadir.

"Kenapa Zura buat begini?" Kadir terperanjat.

"Tadi, tanganmu mengelus kepalaku."

"Walidmu ada di Kuala Lumpur. Ada cuti pesta bunga. Pasti dia ada di rumah. Pergi berbincang. Kesimpulannya, beritahu segera kepada saya. Elak bahaya noda."

"Lalu?" Zura serius.

"Jika Walidmu tidak tolak, orang Bukit Cagar akan ke Alor Merah. Kalau sanggup, kita kahwin masa cuti pertengahan semester ini."

"Masa itu kita sedang menulis." Zura berungut. "Takkanlah bulan madu kita hendak dibenam ke muka komputer."

"Kahwin tidak halang pelajaran." Kadir tegas.

"Jika Walid menolak?"

"Saya bawa Zura bermarahala angkasa."

"Bila?"

"Seberapa segera."

"Saya mahu." Rangkuman Zura kian erat.

"Buatlah." Ujar Kadir sambil melepaskan kuap.

Zura masih merangkum dada Kadir. "Saya juga mahu tidur."

"Zura di atas meja ini. Saya di bangku panjang."

"Biarlah kau di atas. Mudah menjaga saya."

Kadir keluarkan pisau pengakap daripada beg jinjitnya dan meletakkannya di bawah bahu.

"Saya cemas di bangku," Zura merayu. "Tak kuatkah meja ini untuk berdua?"

Pukul 04.45

ANGIN dingin dari timur laut semakin pagi semakin kencang. Tabir berkibar. Kadir berkalih tidur dan sedar di sisinya Zura tidur memeluk lutut membelaangi dia.

"Astaghfirullah!" Kadir mengucap taubat. "Naik juga ke mari." Dia mahu kejut Zura tetapi tak sampai hati. Lalu dia membuka beg sandangnya, mengeluarkan sehelai kain sarung dan tuala. Dia menyelimuti Zura, lalu duduk di bangku dan mengambil Coca-Cola daripada beg sandang Zura.

Waktu itu baru Kadir sedar bahawa kenderaan pasukan keselamatan melintas, berjalan perlahan. Rombongan di bangsal lain kedengaran mengeluh kedinginan.

Kadir meraba di bawah meja mencari remah kayu kering untuk unggun. Tetapi lantai itu bersih, satu cebisan sampah pun tiada. Dia keluar mencari ranting tapi semuanya basah, lalu duduk termenung berselubung sarung dan merokok. Naluri pengakap di dalam dirinya menggera untuk *survival*. 'Dingin mesti dilawan panas. Sumber utama panas ialah matahari. Tapi sekarang dini hari. Sumber kedua ialah api. Tapi tiada kayu kering.' Kadir menggagas terus. 'Sumber ketiga ialah hangat daripada darah yang mengalir di dua tubuh yang bergabung menjadi satu. Tetapi di sini cuma ada aku dan Zura. Zura belum jadi isteriku.' Dia mendongak, menyedut rokok. Cahaya daripada bara rokok itu menyorot ke atas, lalu dia melihat kasau buluh kering. Kadir dapati ada lima kasau. Dia ambil tiga batang dan dibelahnya dengan pisau pengakap. Bilah-bilah kecil itu dipatahannya.

"Kenapa?" Zura terjaga

"Buat unggun. Terlalu sejuk. Teruskan tidurmu." Kadir merungut.

"Sudah lama bangun?"

"Dikejut dingin. Kenapa pindah ke atas?"

"Takut!"

Apabila unggun marak, Zura duduk di sisi Kadir. "Kompor gas mini itu boleh dipakai untuk masak air."

"Air mineral tertinggal di dalam bas." Kadir kesal. "Saya bersungai kecil. Terpaksa istinjak daun basah."

Zura ketawa. "Lelaki bolehlah. Saya juga dipaksa alam. Tapi bagaimana?"

"Masuk ke belukar. Bawa tisu dan basahkan pada daun." Kadir gelak.

Zura berfikir. Daun kayu sudah bersih setelah disiram hujan sepanjang malam dan siang sebelumnya. Tetapi anasir gatalnya? 'Oh, tidak!' Zura mengeluh di dalam hati. "Sedapnya kalau ada kopi panas." Bisik Zura mendesis di telinga Kadir. Dia bangkit dari bangun dan berjalan di sisi bangsal. "Ada tempayan. Bertutup rapat."

"Periksa!" Kadir bingkas.

"Penuh. Tentu air minum penjual buah di bangsal ini." Zura girang.

"Hidu baunya!" Kadir tiba ke sisinya.

"Air minum. Bawa lampu suluh." Zura gelak akan bertistinjak air bersih. Kadir suluh. Dia melihat gayung tempurung kelapa bertangkai kayu tergantung di palang alang cucur atap. Bila Zura pulang dari belukar Kadir tertawa, "Selesa? Masak air." Dia menghidupkan dapur kompor.

Zura jerang koleh ayan bertutup. Sebelum airnya mendidih, sebuah trak polis hutan berhenti. "Siapa di situ?"

Kadir mendatangi mereka. "Kami penumpang bas yang kemalangan tengah malam tadi. Singgah berteduh menunggu siang."

"Kenapa buat unggun?"

"Terlalu sejuk. Kami memasak air."

"Jangan pergi sebelum siang."

"Banyak kerosakan akibat gempa itu?" Kadir mendongak kepada mereka.

"Tidak dengar berita?"

"Kami tiada radio." Zura sahut, setelah datang bergabung di sisi Kadir.

"Ada beberapa jambatan tidak boleh dilalui. Di beberapa tempat, rel rosak."

"Bangunan?"

"Terutama di Pulau Pinang. Flat runtuh. Banyak kerosakan, dari Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam sehingga ke Singapura, terutama bangunan rumah batu yang sudah tua."

"Ramai mati?" Suara Kadir sugul. Dia teringat rumahnya di Bukit Cagar. Rumah itu peninggalan datuknya, rumah kayu kempas, cengal dan keruing belaka.

"Belum tahu berapa. Yang luka sudah banyak dijumpai." Pegawai Polis Hutan memberi amaran. "Jangan pergi sebelum siang. Terlalu banyak tiang elektrik rebah. Jangan laju banjir yang melembak di atas jalan raya. Mungkin air itu sudah dikuasai anasir elektrik."

Apabila kembali duduk, Zura sugul, "Apa kita nak buat?"

Kadir keluarkan botol kopi dan tin susu, lalu menyerahkannya kepada Zura. "Buat kopi."

"Memang haus. Tapi apa kita nak buat?"

"Tunggu siang. Tapi ingat. Pasti berlaku banjir di mana-mana. Dalam perjalanan dari sini sehingga kita dapat kenderaan, perlu bawa persiapan bagi mengelak air yang dijangkiti kuasa elektrik."

"Bagaimana? Tak akan mampu kita lompati begitu saja." Zura kecut.

"Tahu guna kaki *cincin*? Saya boleh buat. Di tebing bukit sebelah sini, ada banyak buluh. Buluh mampu menampung aliran elektrik. Saya akan buat tinggi. Tapak kaki kita akan berada satu depa dari bumi. Kita berlatih lebih dulu sebelum tinggalkan tempat ini."

"Pernah lihat digunakan orang Cina pada hari kebesaran mereka tetapi saya tidak pernah cuba. Kadir pandai? Bagaimana kalau jatuh?"

"Derita paling ringan ialah sakit. Bahaya paling berat, jika disambar elektrik ialah mati. Tapi kita tidak boleh menyerah saja begitu. Saya akan buat tapak bercabang tiga. Cara begitu lebih selamat."

"Seterusnya?" Zura masih cemas tapi mulai menaruh harapan.

"Di sesuatu tempat yang kita yakini, kita tunggu di situ sehingga dapat menggunakan kenderaan bersambung." Kadir berusaha menyakinkan Zura.

"Kenderaan bersambung, keretapi. Tapi kata polis tadi, banyak rel rosak."

"Bersambung pangkalan dari satu tempat ke satu tempat."

Zura mengeluh. "Kasihan Zarina. Dia mengharapkan benar-benar kita datang cepat."

"Bukan kita sengaja. Fikirkanlah diri sendiri dulu. Siapa kasihan kepada kita?"

Aroma kopi buatan Zura menggoda hidung Kadir. "Biskut tawar bekalan kita masih banyak. Sardin baki dari Sungai Perlis pun masih ada empat tin. Zura lapar?"

"Keluarkan. Sayang makanan tertinggal."

Unggun Kadir padam. Bilah buluh sudah habis. "Biarkan kompor itu menyala terus. Mini tabung gas itu masih banyak isinya. Boleh cukup sehingga ke pagi. Di dalam beg sandang masih ada tiga tabung mini."

Zura jerang tin sardin yang sudah dibuka Kadir. "Cikgu ingat? Sudah berapa puluh kali kita berpondok-pondok begini?" Zura gelak.

"Terasa seksa, tapi seronok."

"Semasa kerja lapangan?"

"Hu uh!"

"Ratus kali. Tapi siang hari dan belum pernah berdua saja begini."

"Malam ini paling istimewa." Zura turunkan tin sardin itu dari dapur.

"Semoga tak akan terjadi begini lagi," bisik Kadir. Dia keluarkan sudu, cawan dan pinggan plastik.

Zura menyediakan hidangan, berlampukan dapur mini. "Besar jasanya dapur ini. Beli di mana?"

"Di Johor Bahru. Kualinya pun ada. Sebelum capai taraf Pengakap Diraja, saya sudah lengkap alat sebagai pengakap dan penggemar merentas gunung. Alat itu saya gunakan di Komsis apabila saya lapar pada waktu malam."

"Isi koleh ini lima cawan. Mahu habiskan berdua?" Zura tergelak.

"Biskut dan sardin ini perlukan kopi dua cawan seorang." Kadir berselera.

"Ini tuah dalam darurat," kata Zura. "Bacalah doa syukur."

"Setelah tunaikan Subuh," ujar Kadir. "Inilah sarapan kita."

"Alhamdulillah!" Zura riang. "Segar. Beginilah barisan kita." Dia ketawa.

"Akan ceritakan kepada cucumu?" Kadir mengejek.

"Siapa sangka ya, Kadir! Kita macam adik beradik."

"Perasaan Zura begitu?"

"Saya tiada adik. Cucu tunggal Penghulu Haji Muhammad Zain. Tidak pernah merasa wujud di sisi abang, kakak atau adik. Tapi perasaan begitulah yang saya dapat, maka saya berani tidur di sisimu."

"Jangan cerita kepada orang," kata Kadir. "Mereka tidak akan percaya."

"Kepada orang lain, tidak." Zura berbisik. "Kepada Walid dan mak, mesti."

"Saya fikir, jangan!" Kadir tegah.

"Kenapa? Itu kewajipan saya kepada Walid dan mak."

"Orang tua itu akan curigai saya."

"Fikir sepintas lalu memang benar. Tetapi hubungan batin antara anak dengan ibu bapa lebih halus dan tajam daripada lisan. Mereka merasakan kebenaran daripada apa yang saya lakukan. Mereka juga rasakan kalau ada kesalahan yang saya buat."

"Bila akan diberitahu mereka?"

"Secepat jumpa telefon. Saya akan hubungi emak. Tentu emak cemas sekarang."

Kadir sangap.

"Mengantuk?" Zura ketawa. "Sudah tiga cawan kopi, sardin dan biskut."

"Letih. Kalau dapat tidur, lebih baik."

Zura renung jam tangannya. "Sudah masuk Subuh."

Azan Kadir berkala-kala di bawah langit mendung. Zura kaji pedoman kiblat. Lalu mereka berdua geser letak meja panjang itu, dan bersolat Subuh berjemaah. Setelah wirid mereka selesai, Zura mengeluh, "Hairan! Belum ada bas lalu."

"Mungkin jambatan Sungai Jejawi di depan sana dan jambatan Sungai Junjung nun di belakang sudah putus," ujar Kadir. "Tunggu terang. Saya mahu buat cinggeh. Digunakan atau tidak, kita mesti bawa."

Lewat pukul tiga petang baru tiba di Ipoh dan menaiki teksi ke Kuala Lumpur.

"Mujur Jambatan Iskandariah di Kuala Kangsar tak rosak," kata Kadir setelah meninggalkan Ipoh. Bagaimana? Kita hadiri majlis Zarina malam ini saja."

"Memang tak sempat." Zura mengeluh. "Nanti saya akan terangkan kepada Zarina. Awak ceritakan nasib malang kita kepada Arman. Tapi fikirkan apa yang patut kita bawa?"

"Masing-masing?" Kadir serba salah.

"Satu saja. Berdua"

"Kita singgah di Kotaraya! Hadiah apa agaknya?" Kadir ragu.

"Barang yang boleh dipakai lama di dalam rumah tangga. Tahu lah saya pilih."

"Saya iri hati!" Kadir bersungut.

"Hah?" Zura terkejut. "Ada apa?"

"Giliran sendiri belum tiba!" Kadir berbisik amat halus ke telinga Zura.

Satu cubitan perit singgah di lengan Kadir. "Malam ini, awak hati-hatilah di dalam majlis itu. Tentu Walid hadir."

"Jangan main-main," kata Kadir. "Yang Berhormat terlalu sibuk. Manalah ada waktu menghadiri yang begitu. Rabu mulai sidang agung!"

"Isteri Walid berkawan dengan kakak sulung Zarina. Malam berinai pun dia hadir juga. Ingat? Saya sudah berjanji akan bertolak dari Bukit Damansara malam tadi dan akan ikut mereka. Kita akan jumpa di Ampang Hilir?"

Kadir mengeluh. Zura maklumi keraguan Kadir. Dia meyakinkannya, "Jika berjumpa Walid malam ini, begitu lebih baik. Saya sudah telefon emak dari Nibong Tebal, dan beritahukan hal kita malam tadi. Saya minta emak sampaikan juga kepada Walid."

Zura terdengar dengus nafas Kadir. "Ragu?" Zura meramas jari-jari Kadir.

"Gempa, saya dapat hadapi. Lahar daripada dada Walidmu? Entahlah."

"Dari majlis itu, kita ikut mereka ke rumahnya." Zura serius.

"Apa katamu?" Kadir seakan tidak percayai kalimat Zura.

"Ke rumah Walid. Kita bincang bertiga. Saya akan hapuskan tohmah Ami Tar ke atas dirimu. Mungkin kita tidur di sana."

Pukul 09.30

SEPERTI juga dengan hari Minggu lain, pagi itu Syed Omar menemani Salmah ke pasar. Salmah memandu perlahan dari Jalan Murai Setia Bukit Damansara, kemudian masuk ke Jalan Semantan.

"Tidak ke Pasar PJ New Town?" Syed Omar hairan.

"Bawa Tuan Syed ke jantung Kuala Lumpur."

"Pagi Minggu begini? Mana nak letak kereta?"

"Halaman bangunan lama UMNO. Lihat Melayu hadapi sidang agung."

"Syed Mohktar ada pesan apa-apa? Siapa datang ambil dia?"

"Dia tinggalkan numbor telefon hotel. Dua pemuda Perlis akan datang mengambilnya. Syed Mokhtar kata, malam setelah selesai sidang agung baru pulang ke rumah. Kalau Tuan Syed perlukan, telefon ke hotelnya." Salmah terpegun. Sepanjang Jalan Semantan sendat dengan kereta. "Barangkali lampu lalulintas rosak digegar gempa."

"Sabar! Bukan kita saja yang ada keperluan. Orang Kuala Lumpur membudayakan diri mereka ke pasar pada pagi Minggu."

"Pandai! Suruh orang sabar! Sendiri itu? Saya sudah kepenatan bekerja sampai jauh malam di ibu pejabat parti tapi Tuan Syed panjat juga dua kali dini hari tadi. Manalah badan saya tahan selalu dibuat begitu." Salmah tergelak. "Kakak telefon tadi."

"Apa dia mahu?"

"Syarifah Zura selamat!"

"Kenapa? Selamat daripada apa?"

"Gempa malam tadi kata kakak. Bas ekspres mereka terlanggar tiang telefon dan terbalik di Sungai Bakap."

"Ke dalam sungai?"

"Tepi jalan."

"Kenapa tidak kejutkan saya?"

"Tiada yang mustahak. Zura selamat ditolong dan dilindungi kawan. Zura telefon

Alor Merah. Kalau saya kejut Tuan Syed, naik lagi satu kali. Mana saya kuat."

Syed Omar menarik nafas panjang. "Kawan yang mana tolong Zura?"

"Yang bersama dia buat kajian di Perlis. Kakak bilang, budak Kadir itulah."

Hati Syed Omar lega. "Syarifah Kalsom telefon saya siang semalam. Katanya, Zura akan terbang ke Kuala Lumpur. Kenapa naik bus?"

"Kakak tidak cerita hal itu."

Kereta mulai mengingsut perlahan, tetapi berhenti lagi sebelum tiba di lampu isyarat di simpang Jalan Duta. Empat anggota polis berbaju dan bertopi putih mengendalikan laluan. "Kenapa begini banyak kereta?"

"Huh! Baru teringat." Salmah mengeluh. "Di dalam bandar, banyak jalan yang ditutup pagi ini. Raptai barisan pesta bunga diulang sekali lagi."

Angin lesuh. Matahari pukul sepuluh sudah terlalu panas. Kereta Salmah kurang gas penyaman udara. Syed Omar gelisah, matanya melirik kepada belahan kain isterinya. Aurat Salmah

terbuka tiga suku paha. Paha emak Zura tidak seputih itu. Fikirannya liar. Paha-paha

putih licin begitu merosakkan jasmaninya dua puluh sembilan tahun yang lampau.

Salmah dapat laluan, dan ketika sampai di Jalan Duta, di belok kanan, kemudian meminggir kiri ke naungan Bangunan Parlimen. "Kenapa Syarifah Zura jarang ke Murai Setia?"

"Pelajarannya berat." Syed Omar selamba.

"Pelajarannya berat atau hatinya berat? Barangkali dia merajuk?"

"Apa alasannya merajuk?" Syed Omar melirik pipi Salmah. Merah segar.

"Mungkin Tuan Syed tidak beri wang?"

"Semenjak jadi guru hingga jadi mahasiswa senior sekarang, Zura tidak mahu lagi terima wang daripada saya."

"Sudah berapa lama?" Salmah serius. "Tadi tidak ada nafsu makan. Saya membawanya bersarapan di Lake Club." Dia menyerah sekeping madu kering. "Ganti tenaga hilang dinihari tadi. Makanlah!" Syed Omar kunyah perlahan. "Sudah berapa tahun Syarifah Zura menolak wang?" Salmah ulang soalan itu ketika dapat lampu hijau belok kanan ke Lake Club.

"Lapan tahun." Syed Omar sahut setelah menelan.

"Kalau begitu semenjak saya rasmi jadi isteri!" Dia rebut petak kosong, masuk undur sorong buntut. "Iri hati kepada saya?"

"Zura ada gaji. Sekarang dia ada gaji separuh dan dapat biasiswa negeri."

"Tak cukup. Bidangnya sains. Belanja banyak. Kasihan!" Salmah berungut.

"Zura jual keretanya setelah emaknya beli kereta baru."

Salmah biarkan enjin kereta hidup. "Bagaimana dengan kakak?"

"Hal emak Zura dengan saya?"

"Tuan Syed sayang dia. Tiada masalah. Hal Zura dengan emaknya!"

"Rapat. Seluruh pusakanya sudah diserah kepada Zura."

"Tanah?" Salmah mengerling ke kiri.

"Rumah di Gajah Mati. Rumah-rumah sewa datuknya di Alor Setar. Perhiasan barang kemas dan semua dokumen tanah Zura simpan di dalam peti peribadinya di bank."

"Apa yang tinggal pada kakak?"

"Rumah di Alor Merah dan perhiasan yang saya belikan selama ini."

"Tuan Syed belum beri pusaka kepada Zura?"

"Syarifah Zura akan mewarisi sawah yang kami miliki di Kedah dan di Perlis, termasuk saham di dalam syarikat. Semua itu harta daripada pencaharian kami sebelum saya kahwini kau. Pusaka lain tiada."

"Pusaka daripada orang tua di Singapura?"

"Sudah lama saya jual. Seluruhnya, saya jadikan modal di Kedah dan Perlis." Kalimat akhir itu dia bantah di dalam hati kerana tidak semua wang daripada penjualan pusaka itu dijadikan modal. Wang penjualan kedai baldu satu pintu di Arab Street, Kampung Jawa, dan sekeping tanah tapak rumah bangsal panjang lapan pintu di Long Engku Aman, di Geylang, digunakannya untuk tiga jurusan kehidupannya; 50% untuk membeli sawah di Kedah dan Perlis. 30% untuk membiayai kegiatan politiknya semenjak tahun 1947, dan 20% lagi dihabiskannya di atas ranjang bukan milik isterinya.

Apabila isterinya mengandung lima bulan pada tahun 1958, Syed Omar jarang-jarang ada di rumah. Alasannya adalah untuk perjuangan parti dalam menghadapi pilihan raya akan datang. Tapi sebahagian besar waktunya dihabiskan di Bangkok. Dia pulang ke Kedah ketika usia Zura masuk bulan keempat. Tanpa disedarinya, akibat perbuatannya di Bangkok, emak Zura menderita kerana jangkitan penyakit gonorrhoea. Syed Omar ketigih beralih rasa. Dia berdalih, kononnya parti menugaskannya di Pulau Pinang untuk meleburkan pengaruh Fron Sosialis. Tapi di Pulau Pinang dia sedari bahawa kencing bernanah yang dia deritai sudah terlalu parah. Dia tinggal di Pulau Pinang untuk berubat kira-kira lebih tiga bulan. Apabila kembali ke Kedah, emak Zura sudah parah. Dia membawanya ke Pulau Pinang untuk dirawat oleh doktor pakar. Tetapi sudah terlambat. Dua belah indung telur emak Zura musnah. Peranakannya terpaksa dibuang. Kini dia terkenang emak dan bapak mertuanya. Dia terkenang Hasnah. Mulanya dia menjadi adik angkat. Kemudian mereka berkahwin. Waktu itu, mereka masih perawan, teruna dara. Syed Omar mengeluh.

"Kenapa?" Salmah hairan.

"Saya kahwini kamu di atas persetujuan isteriku. Tiada alasan Zura iri hati. Emak Zura baik dengan kau."

'Baik di luar manis di mulut! Mana ada isteri yang tidak merasa pahitnya madu, suami dikongsi perempuan lain.' Suara hati itu meraung di dalam kepala Salmah. Dia berkata perlahan, "Waktu minta kebenaran dulu, apa alasan Tuan Syed?"

"Saya perlukan anak, terutama anak lelaki!"

"Emak Zura tidak dapat beri anak lagi?"

"Dia sudah tidak mahu beranak." Syed Omar tahu dia membohongi isterinya.

"Zura tidak mahu dapat adik? Umpamanya, daripada saya."

"Dia tidak pernah berkata apa-apa dalam hal begitu."

Salmah termenung hendak menempelak Syed Omar, tetapi dia tahan geramnya. Dia perhitungkan sendiri persoalan yang lebih jauh, maka hanya berkata, "Kalau saya beranak, tentu akhirnya Zura sayang juga kepada adiknya."

"Begini harapan saya." Syed Omar menarik nafas panjang.

Salmah berungut di dalam hati, 'Harapan kamu kosong. Saya sudah lakukan apa yang doktor nasihatkan. Saya bawa mani kamu. Doktor mendapati pemberian kamu sudah mati.' Tetapi yang keluar dari mulut Salmah, "Saya resah menunggu." Suara itu amat perlahan. "Sudah masuk lapan tahun. Walaupun ketika Tuan Syed mulai tiduri saya, saya bukan lagi perawan, tapi kita sudah bersama sejak usiaku dua puluh lima. Tuan Syed kahwini ketika saya masih subur. Umurku baru dua puluh tujuh tahun waktu itu."

"Sabarlah!"

"Salah Tuan Syed sendiri." Salmah seakan merajuk. "Terlalu jarang-jarang berada di Kuala Lumpur. Kenapa tidak bertanding di Kawasan Parlemen? Kalau menang, boleh tinggal di Kuala Lumpur saja. Kalau hanya Dewan Undangan Negeri, tentulah banyak habiskan waktu di Kedah. Cara begini, emak Zura saja yang puas setiap malam. Saya?"

Sejuk! Kesepian! Kering kemarau! Kemaruk, mengemis embun."

Syed Omar mendiamkan rungutan itu.

Salmah terkenang kesepian yang dia derita selama ini. Akhirnya, dia mendapat jalan keluar. Dia tidak mahu memberi anak kepada Syed Omar yang bukan daripada benih Syed Omar sendiri. Apa akan jadi jika anak itu berkulit hitam, atau putih, dan bermata sipit? Kuala Lumpur menyediakan banyak kemudahan sulit - pencegahan hamil. Pernah sekali Salmah lalai. Dia menggugurkan janin sebelum lampau tiga bulan. Amahnya, Aying, teman setia dan sefahaman, banyak menolong. Aying menyambut telefon jadi penghubung utama. Setiap hasil daripada satu panggilan, Aying dapat lima peratus. Selebihnya, Salmah membeli saham di luar pengetahuan Syed Omar. "Tidak mengapalah." Katanya kemudian dan memegang tangan Syed Omar. "Saya boleh sabar. Tentu saya boleh beranak sebelum usia empat puluh tahun. Apa yang saya risaukan? Tuan Syed sayang kepada saya, belikan saya banglo

di Bukit Damansara. Tuan Syed berikan saya BMW 7.2. Setelah kita memenangi sidang agung, Tuan Syed trade-in kereta ini dan membeli saya Jaguar model tahun 85. Tentu Tuan Syed pun merasa malu juga kepada jiran kita di Murai Setia

itu. Semua sudah beli Jaguar untuk isteri masing-masing."

"Jangan ungkit yang kamu sudah dapat. Jangan minta yang kamu belum dapat. Nah, mari! Kita masuk."

Di kantin super-elite itu, pelanggannya makan ringan sebelum tengah hari. Salmah membawa suaminya ke suatu sudut, di meja kecil berkerusi dua. Tempat itu menjadi tumpuan kaum elit pada hari minggu.

"Kau selalu ke mari?" Syed Omar bertanya sambil mengerling deretan perabut dan hiasan salun itu.

"Tidak juga. Hanya tiga empat kali dalam satu bulan. Tetapi saya ahli rasmi di sini. Boleh masuk bila-bila masa. Pelanggan saya umumnya wanita ahli kelab ini. Ada juga kalangan suami yang perlu menutup mulut isterinya dengan permata atau perabut mahal. Transaksi kami dibuat di sini."

Sayed Omar tersenyum.

Dari arah samping, seorang lelaki Cina berusia empat puluhan mendekati mereka. Dia berbau masam arak dan menegur, "Hallo, Mary! Ke mana kamu selama ini? Sudah sebulan lebih saya tunggu."

"Apa?" Syed Omar bangkit dan meregang dada baju lelaki itu.

"Mary, kata engkau?" Salmah membuang muka daripada mata suaminya. Dia pucat, mukanya merah padam. "Awak salah orang. Namaku Salmah."

Syed Omar menampar orang itu kanan kiri, lalu menepis pinggir tapak tangan kanan pada leher lelaki itu. Bila bangkit dari lantai, lelaki itu mengejek, "Sudah tukar nama? Akan selamanya atau untuk . . .?" suaranya putus. Syed Omar sepak batang lehernya dengan hujung sepatu. Dia terjelek kembali, dan waktu itu juga Syed Omar injak dadanya, dan memberi amaran dan acu pistol ke mulutnya:

"Tutup mulut! Bangun dan pergi. Atau otakmu terburai."

Dua orang pelayan wanita, dua orang pengawal dan seorang lelaki tukang dapur tiba di situ. Mereka mengangkat lelaki itu dan menghumban ke lantai porch.

"Siapa orang itu?" Syed Omar bertanya, bila Salmah memandu laju ke bulatan Bank Negara.

"Manalah saya tahu? Mabuk! Tak senonoh. Salah orang."

Syed Omar diam. Bila Salmah menghempet kanan untuk naik ke Jalan Sultan Ismail, barulah dia berkata, "Kalau tidak silap, saya pernah lihat gambarnya."

"Gambar jin keparat itu? Di mana?" Salmah tidak gugup kerana dia yakin, tak pernah menyimpan gambar pelanggannya.

"Musim kempen pilihan raya yang baru lalu." Diam seketika. "Betul." Katanya kemudian. "Dia menang kerusi parlimen. Pembangkang!"

"Hati busuk!" Salmah berungut. "Mahu cari pasal. Sengaja buat gaduh, supaya beritanya tersebar dan persiapan sidang agung terganggu."

"Kenapa Salmah kata begitu?"

BMW 7.2 Salmah disambar kepala lampu kuning di pertengahan simpang Jalan Raja Laut. "Ramai yang hendak buat kacau. Orang begitu mahu kita kalah."

"Mana kau tahu?"

"Baik tanyakan di Balai Polis Dang Wangi. Tempat sidang agung itu di dalam kawasan mereka. Sudah banyak aduan dibuat, dan mereka melakukan tangkapan."

Salmah tidak jadi parking di bangunan lama UMNO. Dia naik ke medan kereta Hotel Asia Tenggara, dan membawa suaminya bersarapan di dalam Coffee House. Dari situ, dia ke pasar. Syed Omar menunggu. Syed Omar maklumi ketakutan isterinya dan membiarkannya pergi sendiri. Selama mereka makan dia mengkaji roman muka Salmah. Di sutilah dia membaca kesan bohong wanita itu dalam hal hubungannya dengan lelaki tadi.

Syed Omar tegang bila Salmah tiba kepadanya. "Taruhan mana belanjamu?"

"Di dalam bonet!" Salmah mengeluh. "Hujan terlalu lebat."

"Pergi ambil kereta. Saya tunggu di tepi jalan."

Salmah merasakan perubahan sikap dan suara Syed Omar. Dia kecut. 'Adakah dia mengupah perisik mengekor kehidupanku di Kuala Lumpur?' Bila masuk ke Jalan Haji Hussain, Salmah terkejut mendengar bentak kasar Syed Omar:

"Turun! Pindah ke sebelah. Aku pandu!"

Sepanjang perjalanan pulang dalam hujan lebat dan guruh petir itu, Salmah masih sanggup menahan tangis. Syed Omar tak berkata sepatah pun. Di dalam Porch banglo Jalan Murai Setia itu, Aying menyambut mereka dan berkata:

"Tuan Syed Mokhtar telefon. Dia minta Tuan Syed Waibi ke hotel."

"Apa dia mahu?" Syed Omar melengking.

"Dia kata, 'Bubu itu rosak. Sudah Bocor'. Dia minta Tuan Syed Waibi baiki."

"Parah!" Suara dan nafas Syed Omar mendengus. Dia toleh Salmah. "Saya ke hotel. Balik Maghrib. Jangan keluar. Kita ke majlis kahwin di Ampang Hilir itu."

## Pukul 13.10

NERAKA itu mencengkam hati dan menguasai otaknya. Angin ribut barat daya dan hujan lebat disertai guruh mengiringi halilintar. Pohon angsona meliuk di pinggir jalan. Daun yang masih muda, banyak yang luruh, dipulas angin limbubu bertiup dari celah bangunan tinggi. Tiga kali merempuh lampu merah di simpang Jalan Raja Laut-Sultan Ismail dan dua kali di simpang Jalan Tuanku Abdul Rahman-Jalan Sultan Ismail barulah sampai di sisi Medan Tuanku. Walaupun sudah empat kali menemui lampu merah di Jalan Raja Abdullah-Jalan Sultan Ismail, namun belum mendekati simpang.

Orang yang berjalan kaki daripada raptai pesta bunga memenuhi bahu jalan. Dalam suasana kereta sendat tersangkak buntu begitu, mereka seakan mendapat syurga - bebas menyeberang, jalan tanpa takut. Mereka basah luncus. Dia menjeling sinis. Bibirnya mencezik dan melirik dengan sudut mata kepada pemandu kereta yang umumnya sudah gelisah.

Lampu trafik di simpang Jalan Sultan Ismail-Jalan Raja Abdullah menyakitkan hati Syed Omar. Dia tiba di sana bila dua kereta di depannya terhalang lampu merah. Mereka mesti tunggu lampu hijau berikutnya. Kereta bertali arus dari arah Jalan Sultan Ismail yang mahu masuk ke Jalan Raja Abdullah, dan beberapa buah yang tersangkut melintang di atas garis serong bersilang kuning.

"Mana polis lalu lintas?" Syed Omar berungut. Dia merasa dirinya saja terlalu penting. Tidak terbayang di dalam fikirannya tentang penat lelah polis Kuala Lumpur yang sudah seminggu dinafikan cuti rehat. "Sudah matikah semua?" Dia sudah dirasuk taik tuak. Dia menganggap dirinya seperti di Alor Setar dan Kangar juga, boleh, kalau terpaksa begini, membunyikan hon, melanggar lampu merah dan melambai tangan kepada polis. Dia lupa dirinya kini di Kuala Lumpur. Syed Omar lupa bahawa kerana bakti polis itulah maka dia dan kawan-kawannya masih kekal berkuasa. Bukankah penganalisis politik Barat masih berkeriuhan, '*Malaysia is a police state*'.

Penungguan di jalan cuma ratusan minit. Tetapi Syed Omar merasa penantian itu berminggu-minggu lamanya. Hatinya gelisah. Hujan ribut barat daya dan guruh petir tidak menyentuhnya; dia aman dalam BMW 7.2. Kereta bertutup rapat, sejuk, nyaman dan suis *demist* berjasa membersihkan cermin.

Kereta itu menderum tenang. Tetapi dia sedari gas penyaman udara tidak cukup. Bagaimana kalau tersedut asid? Bagaimana kalau gas itu habis dan dia lumpuh nafas dalam penantian begitu? Dan yang amat penting dia mahu tahu kesan bубу bocor itu. Hal itu menjadi suatu hakikat dalam kekuasaannya kini; Syed Omar sebagai pejuang teras dalam parti dan baki pejuang awal sudah kaya-raya.

Bagi Syed Omar, setiap minit penangguhan di situ bermakna isi bubu itu kian banyak terlepas keluar, dan kian jauh perginya semakin besar, dan merebak kesan buruknya. Maka nama, jasa, kedudukan dan peluang hari depan Syed Omar menjadi taruhan. Tetapi yang lepas keluar daripada bubu itu bukan ikan. Itu suara, bisik, kalimat. Mampukah Syed Omar menahan gelombang suara daripada satu mulut ke telinga lain yang merebak dan tersebar melalui telefon, faks, teleks, sembang bersambung gebang di kamar hotel, lobi hotel, *coffee-house*, kafeteria, restoran, kedai kopi, warung dan gerai pinggir jalan?

Lampu hijau keenam kalinya memancar kembali. Tetapi kereta di hadapannya tidak dapat meluru maju. Petak kuning tepu dengan kereta bercium buntut dari Jalan Abdullah yang masuk ke Jalan Sultan Ismail dan sebaliknya. Dia toleh ke belakang. Jalan sendat kiri-kanan hingga ke Jalan Raja Laut – padat tumpat.

"Biadab!" Syed Omar menjerit. "Sudah lihat tumpat di depan, kenapa masuk?" Dia arif nafsu manusia selalu mengalahkan pertimbangan akal. Tapi Syed Omar pun lupa kesalahan memasuki petak kuning begitu tiada ertinya jika dibandingkan dengan kesalahan yang dia selalu lakukan bersama kawan-kawannya atau seorang diri di dalam parti sebagai pemimpin dan di dalam kerajaan sebagai EXCO.

"Mana perginya polis semua? Kenapa biarkan hal begini?" Dia mendengus amarah. Dia terlalu mengharapkan polis tiba melaksanakan tugas mereka untuk dia bebas di jalan raya. Tapi dia tak pernah hiraukan bahawa tugas polis bukan itu saja. Dia lupa bahawa dalam banyak hal – di dalam parti dan di dalam kerajaan – dia tidak mahu ada polis menghalang nafsunya. Polis hanya untuk melaksanakan kemahuannya saja.

Syed Omar membunyikan hon melengking-lengking. Itu mendapat sambutan daripada kereta yang senasib dengannya. Hon bersahut-sahutan itu berbaur dengan deru ribut, guntur dan desau hujan. Se-'ruh pemandu di dalam kereta di petak kuning itu bermuka tembok. Mereka tidak menoleh. Lampu merah kembali lagi. Dan bunyi hon kereta di Jalan Raja Abdullah yang dua jalur itu menambah bunyi hon kereta di Jalan Sultan Ismail. Kereta di dalam jalur Jalan Sultan Ismail ke simpang Jalan Tuanku Abdul Rahman mengengsot, dan semua kereta di atas petak kuning berebut celah, tetapi dari belakang kereta masuk lagi. Syed Omar menarik nafas panjang. Dia

sudah berpeluh di dalam kedinginan penyaman udara kerana dirangsang nafsu marah. Darahnya mendidih. Kepalanya terasa hilang. Matanya berkunang-kunang. Dia menyerigai, membelingas tetapi laluan masih buntu.

Pada giliran lampu hijau yang kesembilan barulah dia dapat masuk. Laluan yang dia dapat itu digunakan untuk melepaskan dendam. Dia tekan pedal minyak, memotong ke kanan dan kiri. Dia tidak hirau segala hon amaran. Di simpang Jalan Ampang - Jalan Sultan Ismail, dia bunyikan hon dan melanggar lampu kuning.

Di *porch* Hilton, dia turun dan menyerahkan kunci kepada kedi, lalu bergegas ke lif.

"Kenapa beritahu Aying?" Syed Omar melengking kepada Syed Mokhtar.

"Nak bagaimana lagi?" Syed Mokhtar bertanya kembali. "Dia saja ada di rumah."

"Tiada kata lain?" Syed Omar herdik adiknya. "Mana otak kau yang diisi ilmu di maktab perguruan dan di universiti?"

Syed Mokhtar tunduk ke paha sendiri. "Terlalu mustahak." Suaranya lesuh.

"Mustahaknya itulah!" Syed Omar membentak. "Syed Mokhtar faham? Dalam politik, isteriku pun saya tidak percaya."

"Duduklah Waibi Habib." Pemuda dari Kedah memujuk.

"Minum sedikit." Setiausaha politik menteri menuang bir.

"Beginikah kerja kau orang?" Mata Syed Omar seakan mahu menelan mereka. "Arak! Belum cukup lagi maksiat lain? Belum memadaikah dosa-dosa engkau orang? Di mana fikiran engkau orang? Arak itu pembunuhan akal dan akhlak." Dia menepis gelas. Bir melambak di atas permaidani. "Bagaimana bekerja gunakan kepala jikalau otakmu sudah dituba alkohol? Kau orang fikir kerja kita ini permainan kanak-kanak? Kami sewakan hotel ini, kau orang fikir untuk kau orang berpesta mabuk dan *orgy*?"

'Ada masalah yang tak kena pada abang!' Syed Mokhtar berungut dalam hati. 'Bergaduh dengan Salmah?' Dia tidak tahu pasti. Tapi Syed Mokhtar faham, abangnya pantang tersinggung perasaannya. Penyakit darah tingginya sudah kronik. Sudah dua kali dia alami *stroke*. Dia menuang air mineral. "Abang bawa pil?"

Syed Omar geleng kepala. "Manalah nak ingat itu semua?" Dia teguk air sejuk itu. "Semenjak bangun daripada tidur belum ada berita baik." Suaranya mulai tenang. Dia tidak mahu menceritakan hal Salmah dengan ahli dewan rakyat di dalam *saloon super-elite* di Lake Club. Dia tak mahu beberkan hal Zura mendapat nahas dalam perjalanan dan hanya Kadir menolong dan menemaninya pada waktu malam. Dia pun tak mahu mengungkitkan laporan Salmah di meja ketika sedang bersarapan pagi yang menyebabkan seleranya hilang bahawa dalam taklimat kepada ketua perwakilan pemuda dan

wanita dari seluruh bahagian petang semalam, tercetus fikiran, perasaan dan sikap tak puas hati kepada pemimpin parti dan kepimpinan kerajaan.

"Sudah lebih satu bulan saya di sini. Bekerja siang malam di ibu pejabat. Baru petang semalam saya dapat rehat di rumah." Syed Omar sempaskan keluh daripada nafas panjang. Matanya bergilir daripada Syed Mokhtar kepada setiausaha politik menteri, lalu kepada pemuda Kedah. "Tengah hari semalam, ketika saya tinggalkan ibu pejabat parti ..." Dia terpegun, merasa bercampur aduk, seronok dan kesal. Salmah bertugas di ibu pejabat, hanya Aying melayannya di rumah. Sekarang barulah dia percaya cerita daripada orang tentang amah di kalangan wanita Cina daripada perawan hingga ke tua. Usia Salmah ketika dia pertama kali menidurinya baru dua puluh lima tahun. Dia tiada dara lagi. Sekarang usia Aying tiga puluh sembilan, masih utuh. "... semua lancar. Kenapa tiba-tiba jadi begini?"

Mereka diam.

"Orang muda taik kuda!" Syed Omar menista. "Tidak boleh diharap. Takkan semuanya diserahkan kepada tangan orang tua saja."

"Bukan dalam kuasa kami." Pemuda Kedah meningkah. "Kami hanya bekerja. Tiada kuasa di dalam tangan kami untuk menghadapi hal yang begitu."

"Tugas?" Mata Syed Omar tajam. "Sudahlah tidak mampu buat momentum. Tugas yang kami serahkan pun kucar-kacir." Dia memandang Syed Mokhtar. "Apa hal?"

Syed Mokhtar termenung. Pemuda Kedah terpegun. Setiausaha politik menteri berkata perlahan, "Awak berdua, keluar. Biar saya saja dengan Waibi Habib di sini."

"Berapa lama?" Syed Mokhtar angkat muka.

"Pergilah makan," sahut setiausaha politik menteri. "Dua jam."

Mereka keluar.

"Apa masalah berat itu? Bubu kita di sektor mana yang bocor?"

"Daripada menteri saya. Para wartawan asing sudah hidu bau. Mereka tanyakan kepada menteri saya tentang peranan syarikat asing."

"Dana politik kepada parti? Peranan begitu halal!" Syed Omar mencebik.

Setiausaha politik menteri geleng kepala.

"Peranan bagaimana dan syarikat asing yang mana?"

"Syarikat asing di negara asing. Bantuan kewangan mereka kepada pemimpin untuk mengekalkan kedudukannya dalam parti."

"Tidak mungkin mereka tahu." Syed Omar serius. "Tiada akaun begitu. Tiada penyata. Tiada dokumen. Dana politik parti, sumbernya dari dalam negeri. Wang tunai."

"Dana peribadi. Sudah bocor."

"Mana kau tahu? Apa bocor?" Mata Syed Omar besar. "Siapa bocorkan?"

"Media massa!"

"Akhbar hari ini? Melayu atau Inggeris? Saya baca. Tiada berita begitu."

"Media massa asing!"

"Bila?"

"Keluaran esok tapi sudah tersebar sejak petang semalam." Setiausaha politik menteri itu muram. Dia keluarkan senashkah majalah mingguan berbahasa Inggeris, milik orang Amerika, terbit di Hongkong. Dan satu lagi, majalah mingguan bahasa Inggeris, milik orang Amerika juga - diterbitkan di Singapura. "Dua majalah ini sudah dedahkan."

Tangan Syed Omar menggeletar bila dia membaca edisi Hongkong itu. Mukanya merah padam. Matanya mencerlang. Giginya menggeriut. "Dari mana sumbernya?"

"Ekoran daripada *head on* antara syarikat China dengan syarikat Barat." Setiausaha politik menteri itu muram. "Malah sumber media Asia menuduh majoriti saham syarikat Barat itu milik Yahudi Amerika dan Yahudi Eropah."

"Edisi Singapura ini karut." Dia membuka halaman majalah. "Betulkah ini?" Matanya besar.

"Fakta mereka jitu. Susah ditangkis."

"Beginu banyak?" Syed Omar geleng kepala. "Kenapa hal begini boleh bocor? Saya tidak pernah diberitahu tentang perkara ini."

"Kerja peribadi di peringkat atas. Saya tanya kepada menteri malam tadi."

"Apa katanya?" Muka Syed Omar tegang.

"Dia berjuang untuk mengekal kekuasaan, bukan kebenaran."

"Itu katamu? Atau beginu kata menterimu?"

"Bukan kata saya Waibi Habib. Menteri saya yang bilang beginu."

"Engkau tidak cegah pembocoran?"

"Sudah berlaku! Bagaimana hendak cegah?"

"Engkau tidak bantah perbuatan pembocoran?"

"Saya setiausaha politik. Lakukan apa yang disuruh. Saya bukan pemegang kuasa politik. Saya tiada wibawa bertindak. Sebagai apparat, saya menegakkkan yang kuyakini."

"Apa fikiranmu?" Syed Omar merenungnya.

"Saya tidak mahu terlibat, demi parti!"

"Hah?" Syed Omar tercengang, hairan dan ragu.

"Waibi Habib tahu status saya? Asal saya pegawai PTD. Di situ saya diasuh menjadi pentadbir yang jujur dan berdedikasi. Saya tak minta jawatan Setiausaha Politik Menteri. Tapi mereka desak. Saya terima itu dengan ikhlas. Tapi sudah tahu begini, mahu apa lagi?"

"Saya tanya, apa fikiranmu?" Syed Omar tersenyum kepadanya.

"Bukan fikiran lagi, Waibi Habib. Saya sudah bertindak."

"Menyeberang kepada lawan?"

"Di dalam parti saya tiada niat merebut kedudukan. Bagi saya, di dalam parti, kita semua teman seperjuangan. Begitu ajaran ayahku, sahabat Waibi Habib."

"Saya tahu rekodmu." Syed Omar tergelak. "Saya puji. Tapi apa kau buat?"

Dia mengambil salinan surat daripada saku dada kotnya. "Malam tadi saya serah kepada menteri. Salinan fotostat yang sah, sudah saya agihkan kepada wartawan. Bacalah."

"Engkau letak jawatan?" Syed Omar terkejut.

"Tepat."

"Engkau akan kerja apa?"

"Saya cuma dipinjam. Akan kembali ke PTD."

"Sudah fikirkan akibatnya? Tak akan menyesal?" Syed Omar mengancam.

Setiausaha politik menteri itu mengangguk. "Dipecat pun tak apa bagi saya."

"Kamu akan ditekan di mana saja jika berada di luar parti." Gelak Syed Omar lebih tajam daripada ancaman tadi. "Kami akan pertahan parti dan kerajaan. Kami tahu caranya."

"Selama ini, di dalam parti saya cuma ahli biasa."

"Kau akan diburu tak kira dalam jawatan apa pun. Engkau belum sedar selama ini? Jaringan labah-labah kehidupan di negara ini, parti sudah pegang buhul sarafnya."

"Saya tahu! Naikkan dan turunkan pangkat orang." Setiausaha politik itu sinis dan tersengih. "Jika saya ditekan dalam pentadbiran, saya boleh mengajar di universiti dalam atau luar negeri. Pegangan saya cuma etika akademik dan harga diri."

"Kau terburu-buru bertindak sebelum pasti! Kenapa percaya berita begitu?"

"Waibi Habib tidak percaya?"

"Fitnah." Syed Omar membentak.

"Siapa memfitnah?"

"Pihak yang mencemburui kemantapan politik dan ekonomi kita. Orang hasad kepada kewibawaan pemimpin kita. Pernah dengar *global strategem* pihak Barat?"

"Tidak."

"Pernah baca *24 protocol*, persepakatan *blue blood* Amerika- Britain-Yahudi?"

"Baru kali ini saya dengar."

"Engkau tahu nama atau golongan terpilih dalam panitia tiga ratus?"

"Tidak tahu!"

"Engkau tahu nama salah seorang dalam panitia seratus?"

"Tidak pernah dengar yang begitu."

"Engkau kenal nama salah seorang daripada tujuh orang di dalam *Rome Committee*?"

"Berpusat di mana?" Setiausaha politik menteri itu semakin berminat.

Syed Omar tergelak lalu ketawa besar. "Oh ho generasi muda!" Dia mengeluh. "Kenapa engkau sanggup terima jawatan politik kalau belum pernah pelajari catur Amerika-Britain-Yahudi di dalam *global strategem*?" Dia geleng kepala. "Generasi kami duga, dan itu kami harapkan, generasimu sudah matang dalam bidang itu."

Setiausaha politik menteri itu termenung.

"Kenapa tidak tanya kepada ayahmu atau saya sebelum kau bertindak?"

"Fakta yang mereka kemukakan meyakinkan saya."

"Budak mentah!" Syed Omar menghempas majalah ke lantai. "Mana logiknya?" Giginya menyeringai. "Berulang kali kami jelaskan kepada pemuda supaya waspada dan jangan diperangkap fitnah, terutama daripada media massa luar negeri. Apa yang tak dibuat negara maju kepada negara di Dunia Ketiga? Mereka hendak runtuhkan kita sehingga mereka bebas rebut semuanya."

Setiausaha politik menteri mengeluh.

"Pergi jumpa menteri kau." Suara Syed Omar sudah lembut. "Jelaskan kepadanya tentang semua kesilapan kau. Tarik kembali siaran akhbar yang sudah kau agihkan itu."

"Fikiran saya sudah bulat, Waibi Habib!"

"Bulat menyerah kepada fitnah? Akibatnya? Bukan hanya engkau jadi korban. Tapi juga parti kita hancur. Pemimpin kita berpecah. Kerajaan kita jatuh. Bangsa kita ditekan. Kedaulatan negara kita runtuh."

"Saya yakini kebenaran yang saya junjung!" Dia bangkit dan pergi.

"Aneh! Beginikah anak muda sekarang? Baru digertak fitnah sudah runtuh?"

Syed Mokhtar masuk bersama pemuda Kedah dan bertanya, "Apa terjadi?"

"Dia tidak beritahu sebelum saya sampai?" Syed Omar bertanya kembali.

"Hal apa?"

"Dia letak jawatan!"

"Apa?" Pemuda Kedah tercengang.

"Dia bertindak bodoh kerana berita fitnah itu."

"Dia tak sebut itu." Syed Mokhtar gelisah. "Kami bicarakan kedudukan lawan. Mereka semakin kuat."

"Berdasarkan laporanmu atau laporannya?" Mata Syed Omar sudah merah.

"Laporannya." Pemuda Kedah menyahut.

"Saya sudah periksa." Syed Mokhtar muram. "Memang betul."

"Mereka dapat kekuatan dari mana?"

"Daripada orang kita yang menyeberang kepada mereka."

"Kejadian begitu berlaku semenjak bila?"

"Malam tadi." Pemuda Kedah itu kian risau.

"Dirasuk jin kafir." Syed Omar mengambil kembali majalah itu. "Sudah baca ini?"

"Dengar di luar." Syed Mokhtar bercerita. Mereka berdiri di luar pintu.

"Fotostatnya tersebar merata di ibu kota dan semua hotel." Pemuda Kedah berungut.

"Perwakilan dapat?" Syed Omar gelisah.

"Berebut." sahut Syed Mokhtar.

Syed Omar telefon ke ibu pejabat parti. Daripada sekretariat, dia mendapat pengesahan itu dan permintaan segera dari sana. "Baik! Saya akan lakukan." Dia menghempaskan telefon dan menoleh kepada adiknya. "Siapkan tenaga dan alat cetak. Saya akan serah sebahagian naskhahnya sebelum puluh lima hari ini juga."

"Ada apa?" Syed Mokhtar kelihatan cemas.

"Kita kerja keras, sekarang juga. Lawan!"

"Bagaimana?" Pemuda Kedah masih ragu. "Bukan saja perwakilan tetapi juga orang ramai sudah baca. Itu disebarluaskan pagi tadi di sekitar Pasar Chow Kit."

"Kita tangkis dan serang balas."

Syed Mokhtar urut lengan. "Berkelahi lebih bagus, bang. Beritahu saya. Apa yang akan abang lakukan selain menangkis dengan tulisan?"

Syed Omar tersengih. "Tugasku jelas. Menang. Bagi saya, tujuan halalkan cara."

"Berjanji lagi?" Syed Mokhtar meminta kepastian.

"Janji, hanya alat kepada yang lemah, Mokhtar! Kita jual janji kepada manusia yang menjual diri. Cara dulu! Sekarang? Mereka pun ada keyakinan, benar ataupun salah."

"Lalu?"

"Tarik mereka kembali kepada keyakinan kita."

"Pujuk?"

"Tiada masa melakukan pendekatan peribadi. Kita buat siaran rasmi. Seluruh media massa di tangan kita. Itu ditambah dengan ucapan di depan umum." Syed Omar tergelak. "Esok berlangsung pesta bunga. Kita gunakan momentum itu."

"Abang akan berpidato? Bagaimana dengan darah tinggi abang?"

"Kenapa mesti saya?" Syed Omar tertawa. "Tidak! Pernahkah kau lihat abang maju ke depan? Yang berpidato orang lain. Tapi ucapan itu semuanya hasil otak saya."

Telefon berdering. Itu segera disambut Syed Mokhtar. Dia tutup dan berkata:

"Untuk abang. Yang Dipertua."

Setelah Syed Omar meletak kembali telefon itu, Syed Mokhtar bertanya,  
"Apa beliau mahu?"

"Ikat kepala, bulang taji. Lebih separuh menteri sudah menyatakan  
pendirian."

"Mereka tetap bersama kita?"

Syed Omar tidak menyahut. Giginya menggerut.

## Pukul 23.40

PENGAPIT sepasang daripada tiga pasang pengantin itu belum tiba untuk majlis persandingan. Pasangan Julehah-Karman diapit pemuda dari Kuching dan pemudi dari Bandung. Pasangan Hamdan-Suryati diapit pemuda dari Bandung dan pemudi dari Kuching. Prof. Dr. Zaitun dan Puan Sri Datin Salmiah gelisah kerana tiga Mak Andam dan disokong Hajah Habibah mendesak supaya persandingan dimulakan. Tetapi hakim tua Haji Bahrum mencegah kerana pengapit Arman dan Zarina belum tiba.

Leftenan Jeneral Tan Sri Datuk Hj. Basirun, Duta Besar Indonesia di Malaysia, ayah kepada dua pengantin lelaki dan satu pengantin perempuan itu, merah padam mukanya. Tamu di kalangan V.I.P. termasuk para duta negara asing sudah tiba hampir satu jam. Kiayi Haji Sadali, Imam Petagas, sedang rancak berbual di dalam bahasa Jepun dengan Duta Jepun bila Maeda Giro bersama kakaknya, Maeda Michiko mendatanginya dan bersuara gugup.

"Maafkan kami! Tapi kami fikir, cuma Pak Imam sajalah di antara kita di sini yang dapat menyabarkan Pak Busu Tan Sri Jeneral." Michiko merayu di dalam bahasa Melayu loghat Indonesia.

"Kenapa Basirun buat perangai?" Imam Sadali hairan.

"Persandingan ditangguhkan Pak Long hakim tua kerana pengapit Arman - Zarina belum tiba." Giro berbahasa Jepun agar mudah difahami Duta Jepun dan isterinya.

"Hal begini semua perkara karut," Imam Sadali bersungut dan meminta diri dari situ. Dia mendatangi Basirun di luar bilik pengantin. "Pengapit itu pelengkap saja. Hanya hiasan." Dia toleh Salbiah. "Mana suamimu?"

"Di dalam. Persiapkan Arman." Salbiah berlapang dada setelah Imam Sadali sampai di situ. "Panggil keluar. Dua pasang pengantin sedang bersanding di rumah depan."

"Aku masuk. Engkau ikut." Di dalam bilik itu, Imam Sadali selesaikan masalah. Di dalam majlis persandingan, Suhaili mengapit Arman dan Salbiah mengapit Zarina. "Pada majlis makan nanti, jika ayah dan emakmu tidak mahu duduk di hujung meja, engkau suami isteri gantikan tempat mereka. Kalau pengapit yang ditaja tidak sampai juga, minta Giro apitkan Arman, dan Naomi apitkan Zarina. Jangan ganggu Minoko dan Dahari. Mereka ada kerja khas, selain membantu Tanaka dan Michiko melayani tamu di khemah luar pagar."

Hakim tua Bahrum tersenyum riang melihat Imam Sadali menyelesaikan persoalan itu dan tersengih kepada Basirun, "Bagus! Suhaili suami isteri mengapit adik-adik sepupunya."

Ketika dua pasang pengantin meninggalkan peterakna di rumah Julehah, barulah Syarifah Zura Syed Omar dan Kadir Datuk Zahid tiba dengan pakaian lengkap sebagai pengapit pengantin, dan menggantikan Suhaili dan Salbiah. Mereka mengapit pasangan pengantin dalam perjalanan keluar dari rumah Prof. Zaitun dan di meja makan.

Hakim tua Bahrum dan Hajah Habibah menepati janji mereka. Mereka duduk di hujung meja pengantin. Meja itu berbentuk busur panah, untuk enam kerusi pengantin, enam kerusi pengapit, dua kerusi untuk Bahrum dan Habibah. Di hadapan meja pengantin itulah ditempatkan meja tamu V.I.P. di sisi rumah Prof. Dr. Zaitun. Arman-Zarina di tengah. Di pihak kanan, Karman-Julehah. Di pihak kiri, Hamdan-Suryati. Mereka didampingi pengapit masing-masing.

Datin Marsita ditemani dua orang anaknya, Mulyati dan Johari, diiringi keluar dari rumah Julehah oleh Datin Junaenah. Mereka ditempatkan di meja Timbalan Ketua Menteri Sarawak, di deret hujung kanan meja pengantin. Kehadiran mereka sangat mengharukan Puan Sri Datin Samiah dan Tan Sri Datuk Jeneral Basirun. Itu salah satu hasil kunjungan peribadi Datin Junaenah kepada Datin Marsita di Kenny Hill.

Prof. Dr. Zaitun dan suaminya, Aziz, sebagai kakak sulung Zarina, mengganti ibu bapa Zarina. Tan Sri Leftenan Jeneral Haji Basirun dan Puan Sri Datin Hajah Salmiah, ibu bapa Arman, Karman dan Suryati, bersama-sama dengan Datuk Haji Mardan dan Datin Hajah Junaenah, ibu bapa Julehah dan Hamdan, tiada diberikan tempat duduk mereka. Tiga pasang suami isteri itu meraikan tamu, beredar dari satu meja ke satu meja lain sehingga ke jalan raya. Setelah selesai giliran semua meja, Basirun mengulangi barisan meja para duta; dan dari sana, dia kembali lagi ke meja pasangan Menteri Luar Malaysia, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentara Malaysia dan Syed Omar. Di situ dia berlabun gebang yang sembangnya diseling ketawa.

"Pak Jeneral kenal pengapit anak sulung itu?" Syed Omar mengaju.

"Tidak. Tapi Arman kata, dia mahasiswa senior asuhan Zarina."

"Pengapit Zarina?"

"Kata Zaitun, gadis itu pun mahasiswa senior dan diasuh Zarina juga."

"Pengapit menantumu itu, anak tunggal saya." Syed Omar ketawa. "Lelaki itu, anak sahabatku, Datuk Zahid, EXCO Kanan, memegang portfolio ekonomi, Negeri Johor. Tentu belum kenal. Datuk Zahid itu sepupu abang iparmu, Datuk Muhsin. Dulu kami bertiga, sejak pertengahan tahun 1946, diasuh Datuk Onn sebagai teras pemuda parti kami."

"Kalau begitu, Waibi Habib kenal kakak saya."

"Kenapa tidak? Sejak tahun 1952, marhum Datuk Muhsin dan marhumah Datin Khadijah tinggal di Kuala Lumpur. Saya berlabuh di Kedah. Datuk Zahid kekal di Johor."

"Masya-Allah!" Basirun mengurut dada. "Saya mesti temui dua anak itu!"

"Jangan sekarang dan tidak malam ini. Mereka akan ke rumah bersama kami."

"Kenapa Datuk Zahid tidak hadir?"

"Tugasnya berat. Terpaksa ke Johor. Mungkin esok baru pulang. Harap maaf kerana kelambatan budak-budak itu tiba ke mari. Malam tadi saya tidak hadiri majlis inai kerana menunggu mereka, namun mereka tidak juga sampai. Jangkanya pulang dari Perlis petang semalam. Pagi tadi baru saya tahu bas yang mereka naiki dari Alor Setar terbalik malam tadi akibat gempa. Maghrib tadi barulah mereka sampai di Bangi." Dia termenung. Matanya selalu tertumpu kepada loket dan kerabu Zura. Dia tahu, itu bukan daripada Hasnah. Dia pun belum pernah memberi yang begitu kepada Zura. 'Harganya puluhan ribu. Bila Zura beli? Wang dari mana?' Dia ragu di dalam hati.

"Alhamdulillah! Mereka selamat. Kasihan." Basirun girang.

"Mereka mengambil geologi. Pernah memberitahu saya akan ada gempa besar. *Epicentre* itu di muara utara Selat Melaka. Mereka sudah kaji." Syed Omar termenung kembali.

"Kenapa termenung? Jangan bimbang!" Basirun tepuk bahu Syed Omar. "Itu biasa. Gempa boleh diatasi melalui teknologi sekarang. Jangan biarkan hidangan ini."

ZURA dan Kadir dipaksa Zarina dan Arman menunggu sehingga semua tamu pulang. Oleh sebab itu sekali lagi Zura membatalkan janjinya dengan ayahnya. Dia tidak jadi pergi bermalam di Jalan Murai Setia. Kadir dan Zura menemani Zarina dan Arman bersama Zahara dan para sepupu mereka, termasuk Giro adik beradik, berlegar di dalam taman. Itu disambung minum kopi panas dan kuih basah bagi menjamu tetamu yang lambat pulang.

Bagi Kadir, pertemuannya dengan Syed Omar di dalam majlis perkahwinan Zarina itu, pada kulitnya, cukup bagus. Tertib basa-basi sebagaimana sebelumnya. Namun, sinar mata Syed Omar difahami Kadir, bersumber daripada lahar perasaan membuka di dalam dada. Kesan itu yang mempengaruhi sikap Kadir sehingga Syed Omar sudah lama pulang. Dia lambat meyahut soalan daripada Arman atau Zarina. Tabiat Kadir itu menghairrankan Zura, dan dia selalu ketengahgi pertanyaan Arman untuk membantu Kadir. Setelah semua tetamu pulang, barulah mereka masuk ke rumah. Dua pasang pengantin sudah masuk ke bilik masing-masing. Tetapi Zarina dan Arman membawa Zura dan Kadir ke meja tamu.

"Kenapa kami ditahan begini lama?" Kadir berusaha dilepaskan pulang.

"Ada dua hal," ujar Zarina. "Pertama, walaupun telah lulus sarjana, saya tolak tawaran menjadi pensyarah, sebelum mendaftar untuk ijazah kedoktoran. Kedua, saya tinggalkan kampus, mungkin dua tiga tahun atau terus. Kerana itu saya harap awak berdua teruskan cita-cita ambil sarjana. Sementara itu jadilah tutor. Mungkin kelak kita bersama menjadi pensyarah pada tahap calon kedoktoran nanti."

"Tidak ada yang ketiga?" Zura bergurau.

"Harapanku pada kalian." Zarina ketawa. "Bila akan dirasmikan pertunanganmu?"

"Tanya dia." Zura senyum. "Timba harus mendatangi pergi." Kadir tunduk.

"Kenapa tak bermaya begitu?" Arman tepuk bahu Kadir.

"Letih dan mengantuk. Izinkanlah kami minta diri."

"Boleh pulang tapi berjanji dulu. Mesti datang bantu saya," kata Zarina.

"Cik Rina nak apa lagi?" Zura tertawa. "Tak baik ganggu pengantin baru."

"Sebelum ke Bandung dan Sabah, kami akan ke Hawaii dan Jepun selama empat minggu. Pergi pagi lusa. Esok petang bantu saya berkemas. Nota-nota saya awak berdua ambil."

Zura memandang Kadir. "Boleh?"

Kadir geleng kepala. "Mereka sudah tua." Dia gelak. "Boleh urus diri sendiri."

Ketawanya meledak. "Jom, pergi. Benarkan mereka peluang." Dia memeluk Arman. "Waspadai laut, nakhoda baru. Bahtera baru dan layarnya baru, peka kepada semua jenis angin."

Mereka diriringi sehingga ke porch. Zura memegang tangan Kadir, berjalan berganding lengan ke kereta mereka di Jalan Madge – jauh dari situ.

"Tak pernah saya hadiri majlis kahwin sebesar ini," kata Zura. "Meriah betul."

"Putera-puteri duta dan jeneral." Ujar Kadir. "Tiga pasang sekali gus. Rumah mereka berhadapan. Laman banglo mereka luas. Tentu meriah. Tidak hairan kalau jalan di hadapan empat jajar banglo di situ ditutup. Tamunya santak ke jalan raya. Persiapannya bagus untuk keselesaan tamu. Laman dan jalan raya diatap terpal."

"Memang serba hebat." Zura ghairah. "Tamunya bukan hanya rakyat biasa tapi pembesar negara dan duta negara asing. Saya malu datang dengan badan bogel."

"Hah?" Kadir terkejut. "Apa katamu?"

"Bukan bogel tidak berbaju! Bogel perhiasan. Walid sangat kesal. Lihat tidak? Tidak ada tetamu perempuan yang pakai di bawah lima puluh ribu."

"Penyakit orang kaya." Kadir ketawa. "Saya lihat jari, lengan, dada dan telinga isteri Walidmu penuh berlian."

"Mak Cik Salmah itu, saudagar berlian! Puas memakai sebelum dia jual." Zura berungut. "Langganannya termasuklah Prof. Dr. Zaitun. Lihat perabot mereka? Semuanya dari Itali. Itu pun jualan Mak Cik. Lampu dinding dan chandelier mereka, semuanya dari Praha, buatan Czechoslovakia. Kata Zarina, itu abang iparnya beli di Vienna."

"Kakak Zarina dari Amerika itu, Zahara?" Kadir tergelak. "Pakaianya bukan main. Tapi tidak sarat berlian."

"Belum kahwin. Apabila bersuami, pasti. Mata awak sudah dirantai ke situ."

"Cemburu?"

"Iri hati! Saya tak pernah awak perhatikan begitu."

Kadir memandu perlahan memasuki Jalan Ampang. "Ikut jalan mana? Simpang empat Tun Razak di hadapan."

"Mahu ke mana?" Zura bertanya kembali. "Hendak buang saya entah di mana dan awak kembali ke Ampang Hilir bercumbu dengan Zahara?"

"Saya pulang ke kampus."

"Mahu terperangkap di dalam gua sepi sendiri?"

"Zura hendak ke mana? Pilih! Jalan Murai Setia atau kampus?"

"Kadir pernah ke diskò?"

"Saya guru. Belum pernah. Zura?"

"Saya juga!"

"Kenapa tanya begitu?"

"Entah! Tiba-tiba ingin seperti orang lain juga."

"Jangan. Emakmu sudah tahu saya yang kawal Zura. Walidmu pun sudah lihat saya mengiring kau. Zura sudah amanahkan diri kepada saya."

"Kalau tidak?"

"Di atas daripada segala-galanya, Tuhan tahu dan tegah."

"Kenapa belum jadi suamiku?"

"Kenapa Zura tiba-tiba bertanya begitu?"

"Keikhlasan dan keteguhanmu!"

Kadir sudah dapat giliran lampu hijau tetapi Zura belum tentukan destinasi. Di depan Ampang Park Kadir bertanya, "Saya hantar awak ke Bukit Damansara atau ikut saya ke kampus?"

"Kadir bawa duit?"

"Wang tunai beberapa ratus dan kad kredit. Kenapa?"

"Makan stik?"

Kadir sedari, tadi mereka sebagai pengapit, makan amat sedikit. "Sudah masuk dini hari. Tentu restoran sudah ditutup." Dia kesal. "Di bilik saya, ada bekalan; perata dan capati siap guna. Kari di dalam tin pun ada. Saya akan panaskan. Tunggu di lobi."

"Kita ke hotel!"

"Apa katamu?" Kadir terkejut.

"Bawa saya makan di restoran hotel besar."

"Jangan. Saya tidak sanggup bawa Zura ke tempat begitu."

"Kadir anggap muka saya dan pakaian saya tidak layak mendampingi kamu dalam pakaian begitu di hotel?"

"Tidak sanggup. Bukan tidak layak."

"Makan saja. Boleh gunakan kad kredit."

"Bagi kita, begitu. Mata dan anggapan orang? Seluruh hotel padat dengan perwakilan parti dari seluruh negara."

"Apa salahnya?" Zura berungut.

"Gunjing. Lawan ayah kita dalam parti akan beberkan fitnah."

"Sampai begitu?" Zura kesal.

"Apa lagi orang politik tidak buat? Ayah kita dalam pasukan A. Pergaulan kita di hotel akan jadi sumber fitnah dan akan diberikan oleh pasukan B. Zura faham akibatnya?"

"Pulang sajalah. Buat Milo. Makan biskut." Zura meradang. "Saya tak sangka orang politik sanggup korbankan kegembiraan orang lain."

"Mestikah kegembiraan itu hanya di restoran hotel?" Kadir selamba. "Dalam majlis tadi, kita sudah gembira."

"Mahu berdua."

"Sekarang kita hanya berdua di dalam kereta."

"Pulanglah." Zura merajuk. "Saya tahu hati kau kepada Zahara saja. Matamu terpaut kepada sepupu Zarina berbangsa Jepun sahaja."

"Wanita Jepun itu?" Kadir ketawa.

"Sepupu dan kakak Zarina. Saya ini apalah di dalam majlis orang? Selekeh. Itu pun mujur ada kalung berlian pemberianmu. Ada kerabu delima hadiahmu di jari saya? Apa pun tidak. Cincin belah rotan pun tidak ada. Hatimu kepada wanita kaya pakaian saja. Kenapa buat saya begitu?"

"Sementara menunggu tamu pergi semua, saya berbual dengan mereka. Naomi dari Osaka, isteri Maeda Giro, dua pupu Zarina. Giro itu, baru sebulan jadi Setiausaha Satu Kedutaan Jepun di sini. Petang tadi dia pulang dari Sabah dan hadir tergesa. Katanya, cuma sekali mandi laut di Kota Kinabalu kerana terlalu sibuk. Prof. Minoko itu, isteri Prof. Dahari. Minoko, adik bongsu Giro. Faham itu? Sudah lupa? Dalam seminar kita tahun lalu tentang Hakisan di Malaysia, Dahari dan Minoko bentang kertas kerja bersama, bertajuk Hakisan Ombak di Pantai Kelantan dan Terengganu. Tidak termasuk akal Zura cemburu kepada Naomi dan Minoko."

"Zahara itu." Zura merajuk. "Saya akui dia cantik. Tetapi tak kanlah pertama kali bertemu, Kadir terus terpikat."

"Astaghfirullah! Basa-basi! Mahukah Zura melihat saya seperti kera sumbang di dalam majlis begitu?"

"Begitu lama?"

"Topiknya menarik!" Kadir belok ke kiri, turun ke Jalan Kuching. "Zura ke Bukit Damansara? Depan sana ada simpang kanan ke Jalan Parlimen."

"Untuk apa?" Suara Zura berbaur Esak tangis.

"Di Jalan Murai Setia, Zura terlepas daripada gua sepi di kampus."

"Kadir lebih suka sendirian."

Kadir diam.

"Kadir akan pulang ke Ampang Hilir menemui Zahara?"

Kadir mulai naik taik tuak. Dia pecut naik ke *viaduct* Bank Negara. Dia dapat lampu hijau di Simpang Bulatan Merdeka. Terowong di hadapan Dewan Bahasa dan Pustaka sepi. Zura menjenguk *speedometer*. Kelajuan mencapai seratus dua puluh. Hatinya kecut.

"Marahkan saya?" Dia regang lengan Kadir di Bulatan Pekan Sungai Besi.

"Zura cemburu kepada Zahara?"

"Cemburu. Cemas ditinggalkan." Esak tangisnya bersambung sedu-sedan.

"Bersihkan hatimu." Kadir menyergah.

"Saya akan menderita sehingga kita kahwin." Zura tak mampu menekan ratap.

"Kenapa begitu rapuh?"

"Cemas. Tak sanggup patah dua kali."

"Zura fikir saya mampu derita patah keempat kali?"

"Jangan tinggalkan saya." Zura merayu.

Fikiran Kadir bercelaru mencari akar perasaan Zura. Dia yakin bahawa tiada perbuatannya terhadap Zahara yang boleh dijadikan alasan Zura cemburu. "Kenapalah hati kau begitu lemah dalam etika pergaulan majlis?"

"Takut. Saya ada dua alasan. Pertama, fikiran kau dalam perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur tengah hari tadi, dan dari Bangi ke Ampang Hilir sewaktu Maghrib tadi; hal sawah, petani, kilang padi, subsidi, baja, harga beras. Itu menyangkut masyarakatku. Orang tuaku terlibat. Kedua, sikapmu beralih pandang kepada Zahara. Ketakutan saya pada hal petani itu ditambah ketakutan kehilangan kekasih dirampas orang."

"Begitu sekali rapuhnya gelembung busa cinta di dalam kalbumu?"

"Saya lihat Kadir apabila di depan Zahara tidak pernah seriang itu. Tetapi dengan saya tak pernah seramah itu." Ratap Zura kian menakutkan Kadir. "Andai kata Walid tolak, kau akan pergi kepada Zahara?"

"Lupa janjimu?" Kadir meradang. "Baru dua puluh empat jam kita setuju, jika terpaksa, kita akan ambil wali hakim setelah melampaui dua marahala benua. Janji itu saya pegang, Zura! Mungkin saya akan tiduri kau pertama kalinya di negara asing."

"Jadi suamiku?"

"Zura jadi isteriku. Ibu anak-anakku!"

Zura bernafas panjang. Tangisnya berhenti tiba-tiba tapi badannya menggigil. Dia menghembus hingus, lalu memegang tangan Kadir, mencari kekuatan.

"Zura sakit?" Kadir rasakan gerak tangan menggeletar itu.

"Tidak. Saya sihat."

"Letih dan mengantuk menyebabkan jisim kau lemah dan fikiranmu kacau."

"Sudah biasa lebih letih dan mengantuk daripada ini. Tetapi cemas begini baru sekarang saya alami."

"Ada kelakuan atau kata saya yang boleh merosakkan hatimu?" Kadir uji.

Zura diamkan tapi menyandar ke bahu kiri Kadir.

"Jangan bangkitkan berahi saya, Zura. Saya sedang memandu kereta."

"Saya tahu lah. Jika waham, berhenti di tepi jalan. Saya pun tak tahan berahi."

"Pada malam buta di tempat langgak dan sepi begini?"

"Buktikan cintamu. Jangan tinggalkan saya."

"Zura yakin saya akan tergamak berbuat begitu?"

"Hatiku ragu-ragu."

"Semurah itukah harga diriku menurut penilaian Zura?"

"Di majlis tadi, berulang di dalam hatiku, begini murah diri saya di mata Kadir?"

"Kerana saya berbual dengan Zahara?"

"Saya terseksa menunggu Kadir kembali kepadaku. Terasa bertahun-tahun."

"Zura manja di dalam keluarga?" Kadir elus kepala Zura dengan tangan kanan.

Zura menangkap tangan itu dan mengucupnya berulang kali. Suaranya mengharukan:

"Anak tunggal. Tidak sedar saya manja. Tiada sepupu daripada pihak emak. Hanya ada adik sepupu, anak-anak Ami Mokhtar. Tetapi keluarga di Singapura menolak saya. Mereka anggap saya lahir daripada rahim perempuan Jakun. Mujur emak terlalu sayang kepada saya. Masa nenek dan datuk masih hidup, saya tidak merasa pedihnya dinafikan keluarga Walid. Tapi nenek dan datuk sudah meninggal. Kepada siapa lagi kalbu saya akan berpaut? Harapanku hanya kepada Kadir sekeluarga."

"Emakmu tahu Zura pernah patah dalam cinta?"

"Emak menimang saya dan harap sangat saya tidak alami lagi yang begitu."

"Walidmu?"

"Sayang seorang ayah. Dia tahu saya marah sebab dia madukan emakku."

"Setua kita begini Zura masih berperangai remaja dalam cinta. Cara begitu tak baik. Bagi kita dalam usia begini, mesti gunakan akal sebanyak-banyaknya dan pakai perasaan sesedikit-sedikitnya. Jika menurut ukuran orang dahulu, kita ini sudah tua."

"Sebab itukah Kadir tidak pernah cium saya?"

"Untuk apa? Cintaku kepada Zura bukan nafsu. Gerak naluri, pancaran berahi, cita-cita, keyakinan. Saya tak akan cium kau seperti remaja pamerkan cinta monyet."

"Kadir tidak sudi kucup saya?"

"Bukan tidak sudi! Ingin. Tetapi akal menolak. Sabarlah. Akan tiba masanya."

Dari tol Sungai Besi ke tol Bangi, Kadir memandu perlahan, tidak melebihi 70 km/j.

"Cium saya malam ini."

"Apa katamu?" Kadir terkejut.

"Malam ini." Zura mendesak. "Cium dan berjanjilah, tak akan tinggalkan saya."

**Isnin**

Pukul 03.45

RASA kesal dan risau terus bergemulung di dalam dada dan kepalanya. Kadir masih berpakaian lengkap, tercegat menyandarkan pelipis pada jenang jendela tingkat empat Komsis D. Dia merenung lampu jalan raya berwarna putih neon yang lurus dari pintu gerbang utama kampus ke Bandar Baru Bangi. Lampu jalan nun di seberang Bulatan Bangi, di kawasan pangsapuri, perumahan teres setingkat dan dua tingkat dan di kawasan kedai, kelihatan pudar kemerah-merahan – lemah tenaga aliran elektrik.

Jalanan sepi. Angin barat daya yang membawa hujan sepanjang siang, sudah diganti angin timur-timur laut. Hembusannya disejukkan hawa Banjaran Titiwangsa. Bulan tua menjelang akhir usia sudah terbit, lengkung sabit terlungkup muram pudar, dikalahkan bintang-bintang di bawah langit bersih. Bintang-bintang itu berkedip riang mengirim sinar ke bumi, dan bergabung dengan cahaya lampu di jalan raya. Kadir lihat tanah luka gondol di lembah janda lombong timah. Bukit perawan diperkosa jentolak, tanahnya diangkut trak raksasa bagi menambak tasik demi pembangunan. Orang dan jentera bekerja pada waktu malam, disuluh lampu ribuan wat kerana seharian semalam hujan memanjang dan perjanjian kontrak mesti dipatuhi – siap pada waktu yang sudah disepakati. Pencemaran bunyi mengganggu tidur penghuni Bangi. Siapa peduli? Bah berlumpur mengganggu jalan raya, halaman rumah dan kedai. Siapa hirau? Demi pembangunan tutup mulutmu Orang Asli yang sudah disingkir dari Bangi, dan engkau, semua penghuni dan pendatang baru di Bangi, rasakanlah itu. Tapi yang dibangun itu hak siapa dan untuk siapa? Bukan Orang Asli. Pekerja di situ siapa? Bukan Orang Asli. Biayanya dari negara mana? Bukan wang daripada Orang Asli. Untung dari situ dibawa ke mana, dan akan dihulur kepada siapa? Bukan ke saku dan mulut Orang Asli, bekas penghuni Bangi. Demi pembangunan, jangan berani bertanya. Kita bangga menimbun hutang kerana masih dipercayai negara pemberi hutang. Apa kita peduli? Umur kita tidak sepanjang jangka tempoh hutang dilunasi. Kita akan tinggalkan pusaka kepada cucu-cicit kita, pewaris yang akan bertanggung jawab membayar hutang, termasuk cucu-cicit Orang Asli, bekas penghuni Bangi.

Penderitaan alam yang diperkosa manusia meresap ke dalam diri Kadir. Dia resah dan mengulangi keluhan pengalaman tadi:

"Tidak Zura! Saya tidak akan lakukan itu." Perlahan dia beredar dari jendela. Dia bercermin. Tanda lipstik bertapuk di dagu, pipi kanan dan kiri dan bibir. Itu semua mencengkam ke dalam jantungnya.

"Berjanjilah. Inilah yang pertama dan penghabisan sehingga kita kahwin." Dia teringat kembali amarannya kepada Zura. "Sekulit bawang lagi di seberang perbuatan begini, kita akan masuk ke dalam larangan tak berampun."

Rangsangan bercium itu menggelora di seluruh relung urat darahnya. Kadir menggigil. Terasa hendak merenggut Zura dari tempat tidurnya dan membawanya ke Bukit Damansara. Di sana, Kadir menyerahkan dirinya kepada Syed Omar, lalu menerangkan mereka sudah berkucup buat pertama kalinya. Jika Syed Omar tidak percaya bahawa dia hanya melakukan setakat itu, dia akan panggil doktor bagi memeriksa Zura. Adakah kesan cabik baru atau tidak? Dia bersedia menerima hukuman.

"Tak akan selesa kita dengan bercinta platonik saja." Bisik Zura mendesis. Dia merasa puas setelah mereka berkucup di hulu jambatan ke arah gerbang kampus.

"Jangan diulang perbuatan begini." Kadir peringatkan.

"Saya juga tidak berani lagi."

Kadir membuang diri ke atas katil tanpa membuka pakaian. Matanya terkebil-kebil merenung siling. Dari rumah tamu, dia terdengar bunyi keretak mesin taip, dan dari blok bangunan nun jauh di bawah Radio Wilayah Kuala Lumpur menyiarlagi lagu klasik. Berkumandang suara biduanita dalam melodi *rhapsody*, diiringi dengung-gema piano bersama dengung biola.

"Bagaimana kalau Syed Omar tolak dan ibu bapaku tidak restui perkahwinan berwali hakim?" Kadir mengeluh di pembarangan.

"Jika begitu terjadi, aku akan kecewa buat kali keempat dan itu bukan akibat sengketa antara kami, tapi kami jadi korban kufu." Dia merenung lampu neon di dinding.

"Permintaan saya ini bukan daripada nafsu." Kadir mengingatkan tutur Zura setelah melepassi tol Bangi. "Saya belum pernah bercium. Sekarang, hati saya mendesak. Tahu, kenapa kami berbalah dahulu? Orang yang kuharap akan jadi ayah kepada anakku, saya tumpangi keretanya sewaktu pulang daripada majlis makan malam. Di medan kereta dia paksa mahu cium saya. Saya marah dan tempeleng lalu turun dan ambil taxi pulang ke rumah. Begitu pangkal perbalahan kami. Kerana itu juga saya ambil wang daripada emak, beli tunai kereta baru model Audi '82."

"Kenapa Zura minta yang begitu daripada saya sekarang?" Mereka melepas bulatan.

"Jawab sendiri. Bukan kata tapi suara hati."

"Suara hati." Kadir ulang itu, sambil meletak kaki di atas bantal guling.

Kadir bulak-balik fikiran mencari suara hati tapi dia hanya dapat pertentangan antara akal dengan perasaan. Akalnya menolak berkucup di luar nikah, tetapi perasaannya menerima. "Mana betul?" Dia berang. "Mana yang akan kuikut? Perasaan atau akal?"

Dia berkalih baring, daripada terlentang, miring ke kiri - memeluk bantal guling. Tanpa disedarinya, dia berkhayal Zura sudah menjadi isterinya. Dia memakai pakaian tipis, terbaring menunggu di atas katil.

Rambut Zura ikal, hitam dan lebat.

Kening Zura lebat dan lancip.

Mata Zura berkilau jernih, sepet sedikit.

Hidung Zura mancung.

Pipi Zura gebu.

Bibir Zura mungil, merah segar.

Gigi Zura kukuh, berwarna putih gading.

Dagu Zura labuh.

Leher Zura jinjang.

Dada Zura sehingga ke tumit. Oh, Zura! Terbayang putih, bertampuk hutan hitam.

"Setan keparat!" Kadir sudah tegang menggeletar. Dia bingkas dan membuang seluruh pakaianya, lalu masuk ke bilik mandi. Dia berdiri di bawah *shower* hingga menggigil. Dia berperang di dalam diri sendiri, melawan rangsangan syahwat.

Suara tarhim dari masjid menyedarkannya daripada leka. Dia selesai mandinya, dan segera berwuduk. Kadir bermunajad semoga hatinya tenang menanti Subuh. Tarhim itu membantu melepaskannya daripada belenggu perasaan. Dengan tingkah tenang, dia bentang sejadah, duduk tahiyat dan mengikut di dalam hati melodi tarhim dari masjid. Tetapi kenangan kepada pengalaman bersama Zura selama melakukan kerja lapangan menjelma, bagaikan filem ditayang di dalam kepalanya. Semuanya berlangsung dengan baik. Sebagai teman. Sebagai kekasih. Selalu berdua. Kadir rasakan sungguh-sungguh bahawa dia sebagai pemelihara maruah dan pelindung kehormatan Zura. Dan Zura sendiri, betapa pun mereka berbincang hal kasih, makna cinta, cita-cita pada hari depan mereka, harapan, dan kecemasan terhadap sikap Syed Omar nanti, namun Zura tidak pernah merangsang nafsu hatta masing-masing telah dilambung berahi. Azan mengejutkan Kadir daripada lamunan. Dia insaf, dia kalah. Perhatiannya kepada tarhim dikuasai Zura.

ZURA mendengar suara azan itu lamat-lamat di dalam tidur. Tetapi godaan tidur menekannya. Namun apabila tiba kepada kalimat *assalatu khairun minanna um*, dia kalahkan godaan syaitan. Dia bangkit dari katil. Rambutnya menghurai. Dia bercermin dan melihat tubuhnya sendiri di dalam pakaian

lengkap. Senyum girang itu dia renung di dalam cermin dan memeluk boneka beruang sebesar anak lima tahun. Itu hadiah daripada Kadir pada hari ulang tahun pertama perkenalan mereka. Matanya terkebil-kebil. Dia berkhayal kepada hari depan mereka. Hatinya riang dan perasaannya tenang setelah merasa puas kerana buat pertama kalinya dikucup lelaki. Rangsangan berahi mendenyut daripada keinginan, terbayar dengan cium-kucup malam tadi.

'Kadir! Kaulah yang pertama,' katanya di dalam hati. Dia lalu meraba bibirnya. Zura rasa dan lihat; semuanya sempurna. Tiba-tiba rangsangan daripada pengalaman pertama itu menggejolak. 'Tidak lagi! Takut!' Seru hatinya tegas. 'Sekali itu memadailah. Aku tidak kempunan lagi.' Dia menggigit bibir. Matanya kuyu dan teringat kembali amaran Kadir, 'Inilah yang pertama dan penghabisan hingga kita kahwin!'

Zura mengangguk dan menancapkan janji di dalam hati. 'Akan kusimpan seluruh yang kupakai ini, Kadir! Tidak akan kubasuh. Biarkanlah kekal bekasmu dan bekasku sehingga reput sendiri.' Dia melucut stoking tipis itu; yang santak ke pangkal paha, lalu menggulung lengan baju dan berwuduk. Dalam perjalanan ke sejадah, dia berkata dalam hati, 'Kau sudah bangun? Kau teringat jugakah?' Dia berdiri di atas sejادah, memakai telekung dan hatinya tiba-tiba kepada emaknya, lalu kepada Walidnya. 'Saya ke rumahmu hari ini, Walid! Restuiyah permintaan saya!' Zura menunaikan fardu Subuh. Khusyuk tawadduk.

SYED OMAR memakai pijama kain kapas Cina, ditutup kimono sutera Itali. Dia masih duduk di meja kerjanya apabila radio transister di atas mejanya yang dibuka perlahan, mengumandangkan azan Subuh bagi Wilayah Kuala Lumpur.

Hal begitu selalu dia buat, baik di Alor Merah mahupun di Bukit Damansara. Namun kali ini, sejak tiba di Jalan Murai Setia bulan lalu, dia menolak rangsangan daripada Salmah di tempat tidur. Hati Syed Omar didesak dengan pelbagai persoalan.

Dia berjanji kepada Syed Mokhtar. Draf terakhir tangkisan itu akan diserahkannya pada pagi ini. Draf itu dia sudah selesaikan. Tetapi hatinya belum puas. Dia tahu, itu boleh digunakan. Namun gayanya masih kaku, Belum lancar. Lebih tiga puluh helai kertas dia tulis, tapi dia merasakan belum cukup. Juga dia rasakan masih ada yang janggal. Syed Omar bertekad akan selesaikan sebelum Subuh. Kini Subuh sudah tiba. Dia masih termenung. Dia membentulkan di sana sini sementara membaca lagi kalimat tertentu berulang kali. Setiap bacaan, dia dapati ada saja terasa seakan onak terkait di dalam hatinya.

"Sembahyang dulu!" Wirid bada Subuh, amat panjang. Setelah berdoa minta pertunjuk. Dia merasa ada sekilas sinar menembusi kalbunya. Otaknya

menyingkap selubung fikiran yang dia alami hampir tiga suku malam. 'Gangguan itu!' Rungutnya di dalam hati setelah mengetahui bahawa itu gangguan daripada pengalamannya pagi semalam di kafeteria Super-Elite di Lake Club, ditambah pengalaman malam tadi di majlis perkahwinan melihat Zura diiringi Kadir, dan cerita Zura tentang pengalaman mereka di Sungai Bakap. Wah, loket berlian dan kerabu delima itu! Dia terkenang pengakuan Zura bahawa loket itu hadiah daripada Kadir kerana Zura melengkapi rajah bagi teks buku sekolah karangan Kadir. Kerabu itu ialah hadiah daripada Datin Zabedah melalui Kadir sendiri pada malam Zura menyambut usianya 29 tahun.

Syed Omar masih berketayap. Tasbih di tangan; kini tanpa memakai kimono. Dia termenung, dan tasbihnya diam di jari. 'Apakah dibuat Salmah selama ini apabila saya tiada di Kuala Lumpur?' Pertanyaan itu timbul daripada hasut acuman curiga. Dia tahu selama ini, isterinya cergas dalam pergaulan wanita parti di Ibu Kota. Dia juga faham maksud pergaulan itu; tidak berisi politik. Tapi berinti niaga. Salmah menampung kraf tangan dari Siam – model terbaru. Barang itu dibawa ke Changlun tanpa pengetahuan kastam. Orang Syed Omar terima di Kuala Lumpur. Salmah mengedarkannya secara jualan langsung di kalangan pengguna kelas menengah dan atas. Syed Omar tahu bahawa semenjak Salmah menetap di Kuala Lumpur dia pun sudah menjual berlian dan permata lainnya khusus untuk golongan atasan, terutama wanita yang bekerja. Barang dibayar ansur setiap bulan, dari jangka enam bulan ke tiga tahun. Lazimnya, sebelum hutang lama habis dibayar, Salmah memberi hutang barang baru. Salmah menemui mereka setiap bulan, mulai tanggal dua puluh tujuh hingga lima hari bulan berikutnya, untuk mengutip piutang lama, dan memberikan hutang baru.

Tambahan terakhir kegiatan Salmah ialah perkongsian dengan sebuah syarikat pengimport perabot buatan Eropah. Pada mulanya, Salmah cuma mencari pelanggan. Kemudian dia masukkan modal, enam bulan selepas itu, dia menjadi ahli lembaga pengarah.

"Daripada tiga kegiatan itu, mana satu yang baik?" tanya Syed Omar.

"Semuanya baik. Hal minat, ada bezanya. Saya suka berlian. Kerja ringan, untung besar. Barang Siam sudah banyak saingannya. Perabot itu pun banyak saingannya dari Indonesia. Namun kami semakin kukuh. Ketiga-tiga jenis perniagaan itu mujur selaras dengan *trend* kita sekarang dan itu akan berlanjutan kepada dekad akan datang. Sudah terlalu ramai orang kaya baru. Resan hati mereka dirangsang hendak memiliki, dan itu seakan dihasut kemestian melebihi milik orang lain."

Sekarang perhatiannya bertumpu kepada anaknya. Sejak Zura jadi guru, tidak pernah lagi dia meminta wang. Dan sejak mengahwini Salmah, Zura menjauh diri, bukan saja hati tetapi badan juga.

"Jangan sampai kehilangan Zura." Demikian amaran puan Hasnah, isterinya, di Alor Merah. "Anak kita cuma satu. Dia sudah lampau usia dewasa."

Malam tadi Syed Omar lihat dan merasakan sikap Zura sudah berubah. Jinak dan manjanya sudah kembali seperti dulu. Hati Syed Omar kembang menerima perubahan itu. Dia pun lihat Zura semakin ikhlas kepada Salmah. Dia meneliti Kadir, dari atas ke bawah; kelakuannya dan budi bahasanya. Orang tua itu berkenan melihat sopan tertib anak muda itu. Dia tidak lihat ciri ekstrim di dalam diri Kadir sebagaimana dilaporkan Syed Mokhtar kepadanya. Tiba-tiba dia kecewa apabila Zura datang kepadanya:

"Saya tak jadi ke Bukit Damansara, Walid. Maafkan saya, Mak Cik. Esoklah saya datang."

"Apa yang menghalangi kamu?" Syed Omar berkerut dahi.

"Zarina tahan kami."

"Walid tunggu di rumah hingga kamu datang."

"Esok saja!"

"Bersama Kadir?" Mata Salmah mencerlang.

"Seorang diri."

Syed Omar termenung. Dia membandingkan Zura dengan Kadir. Hatinya pedih seakan dicuka-jeruk kerana loket berlian dan kerabu delima yang dipakai Zura. Air matanya menitis. 'Macam aku tidak mampu menghiasi anak tunggalku.' Namun dia segera berasa lega. Jari Zura masih telanjang. 'Nanti Walid sendiri lengkapkan engkau.' Dia sudah tahu tentang Kadir, anak sahabatnya, sejak dua tahun lalu. Dia dianggap Melayu kebanyakan, walaupun turunan Salewatang, daripada kalangan birokrat Johor Lama, iaitu sejak Tumenggung Daeng Abdul Rahman membuka negeri Johor yang baru di Tanjung Puteri pada abad yang lampau. Datuk ayahnya menjadi Syahbandar.

"Oh, Kadir!" Syed Omar mengeluh.

Suara itu merangsang Salmah yang sudah lama terjaga daripada tidur hampa. Dia memandang suaminya di meja kerja. Dia mendekatinya, bersuara perlahan, "Sayang, dia bukan Syed."

Syed Omar tidak menoleh tapi bertanya, "Sudah tunai Subuh?"

"Berjemaah sesama para tamu wanita." Salmah memicit tengkuk suaminya. "Tuan Syed mahu kopi sekarang atau hendak yang itu dulu? Sejak dini hari saya menanti!"

"Jangan ganggu saya!" Syed Omar membentak.

Tengking itu memeranjatkan Salmah. Nalurinya meresik ke dalam hati bahawa Syed Omar sudah menghidu jejak hubungannya dengan lelaki lain.

ZURA masih bertelekung. Dia berdiri di jendela, lalu menerawang ke halaman, tersenyum mengejek alam yang masih bertelagah – angin dan kabus. ‘Siapa yang akan menang?’ bisiknya di dalam hati. Angin mulai kencang tapi kabus terus berkepul. Tanpa disedarinya, di dalam dirinya juga wujud pertelingkahan dua kutub; akalnya menghitung waktu untuk pergi ke Bukit Damansara seorang diri, tetapi perasaannya enggan meninggalkan kampus kerana dia tidak mahu berjauhan daripada Kadir. Dia amat cemas, terlalu cemburu kepada Zahara. Mana tahu Kadir sengaja mencari peluang, menyelinap ke Ampang Hilir?

Masih terbayang di matanya Tan Sri Datuk Haji Leftenan Jeneral Basirun memeluk Kadir bila Syed Omar memperkenalkan Kadir setelah selesai majlis makan malam. Jeneral itu memanggil Zahara dan berkata, “Kadir ini kemenakan ayahmu!” Dan hakim tua Bahrum tiba di sisi Zahara, lalu berkata kepada Kadir, “Saya akan lama di Kuala Lumpur. Saya harap Kadir selululah ke mari. Saya mahu minta fikiran daripada anak muda seperti awak untuk kami di Sabah.”

Zura hendak melawan bayangan dan makna tersirat di dalam kata-kata mereka.

“Belum bangunkah? Sempatkah dia tunaikan Subuh?” Zura risau. Dia tahu Kadir lemah dan mengantuk lebih daripada dirinya sendiri. Tapi azan dari masjid begitu dekat, lantang ke dalam telinga. ‘Pergikah saya?’ Dia ragu tetapi akal berteriak, ‘Jangan mungkir janji.’ Zura termenung, merancang akan ajak Kadir ikut sama. Tetapi mahukah Kadir? Lagi pula, kehadiran Kadir di Jalan Murai Setia akan mengganggu perbincangannya dengan Walidnya. Zura mahu mereka dua beranak saja. Malah, buat sementara ini, Salmah pun jangan mendengarnya. ‘Tetapi saya perlu jumpa Kadir sebelum saya pergi.’ Itu keinginannya yang muktamad. ‘Oh! Memang amat mustahak. Saya mesti cegah dia daripada pergi ke Ampang Hilir. Saya pun mahu tahu apa kesan pada diri Kadir daripada hal kami dini hari tadi.’

Zura terkenang bagaimana peristiwa itu berlaku. Kadir menolak. Tapi Zura mendesak bertalu-talu. Akhirnya Kadir mengalah dan berhentikan kereta di bawah naungan akasia, di hujung jambatan ke arah gerbang kampus. Dia mematikan enjin, lalu bersandar ke belakang dan mengeluh, “Jangan rangsang

saya, Zura," katanya sambil menekup muka. "Setua ini, saya belum pernah lakukan."

"Saya juga." Zura merengek. "Sekadar bercium. Sudah kujelaskan tadi."

"Kenapa Zura mahu yang begitu sekarang? Bagaimana jika terlajak?"

"Perlukah kita bertengkar dalam hal sekecil begini?" Zura berhujah, dan tiba-tiba menguis tangan Kadir yang menekup muka itu lalu mencium Kadir bertubi-tubi di pipi, dagu, dahi, pelipis, hidung, pangkal kening. Akhirnya, bibirnya menutup bibir Kadir.

Apabila Kadir menerima rangsangan begitu, dia tegakkan duduk, kemudian memegang tengkuk Zura dengan tangan kiri dan memeluk belakang Zura dengan tangan kanan, lalu nafuri mereka menggera bibir masing-masing supaya saling terbuka, dan menghulurkan lidah.

Zura menolak kepala Kadir dan mendengus. Nafasnya tercungap, "Saya penat."

"Sudah. Cukup." Kadir menghidupkan enjin. "Zura runtuhkan saya. Jauh dan elak kemungkinan bencana noda sebelum terlambat."

Daripada kejadian itu dan keluh kesal Kadir, Zura menilai sikap enggan dan pemberian terpaksa Kadir kepadanya. 'Jika tak ingin kepadaku kenapa beri begitu lama? Kenapa peluk aku terlalu erat?' Zura persoalkan itu bersendirian. Dia teliti makna keluh kesal Kadir. 'Aku yang meruntuhkan? Runtuh bagaimana? Kau tak memasuki akul! Kau tidak sentuh pintuku. Meraba dadaku pun, tidak sudi.' Zura terkenang itu. Dia sudah lurut bahu gaun satin biru langit, model *happy evening in Paris*. Dia lepaskan butang bra. Buah dadanya terdedah sebelum Kadir menyimpan kereta. Tetapi Kadir tidak menoleh ke situ.

'Kadir mengelak? Dia menjauhkan diri? Tidak ingin jumpa saya?' Soalan itu pedih menikam ke dalam jantungnya. Terasa perit-perih. Kesan derita itu menyebabkan hatinya dingin, hiba, dan badannya lemah. Riang ria yang dia bawa bersama tidur. Rasa bahagia itu diteruskan hingga dia ke jendela. Sekarang gembira itu melayang ditipi angin. Dia terasa kecewa. Tiba-tiba satu susuk tubuh berpakaian jogging muncul dalam kabus, berjalan ke arah kereta Kadir. 'Dia!' Zura berseru di dalam hati, lalu melaung:

"Tunggu saya."

Kadir mendongak dan segera membuka pintu kereta. Dia masuk panaskan enjin. Zura segera membuang semua pakaian daripada tubuhnya. Dia tergesa memakai *track suit*, dan mencapai jaket. Sudah menjadi kelaziman Zura berjogging tanpa *panty* dan bra.

"Lari berkaki ayam begitu atas tar?" Kadir geleng kepala.

"Sakit tapak kaki tak apa. Takut ditinggalkan!"

Kadir keluar dan berkata, "Zura pandu."

Zura sarungkan stoking, bergegas memakai sepatu, lalu bertanya, "Ke mana?"

"Padang."

"Tenis? Saya tak bawa raket."

"Berlari saja."

"Padang mana?" Zura mengundurkan kereta, dan terus turun cerun hala ke jalan besar.

"Padang F."

Mereka masuk ke Jalan Ahmad Kamel. Alfa sport itu merayap cuma 30 kmj, masuk ke Bulatan Masjid, susur ke depan Canseleri, belok ke kiri, lampau Komsis Datuk Onn dan Rahim Kajai, lalu belok ke kiri lagi ketika tiba ke hujung tapak ekspo. "Nyenyak tidurm u tadi?"

"Sepicing pun tidak."

Zura menyimpan kereta di sisi pondok pengawal gerbang kedua. Setelah tarik *hand brake* dia kerling ke kiri dan tangan kirinya berpindah ke pangkuhan Kadir. Tapi dia tersintak, mlarikan tangan, lalu memeluk dada. Kemudian dia berseru, 'Oh!' Dia terkejut merasa benda tegang.

"Kenapa sentuh yang itu?" Kadir terperanjat.

"Gagau! Maafkan!" Zura menarik nafas. "Kenapa tak dapat tidur?"

"Fikiran saya kacau-balau. Saya cemas kepada Walidmu."

"Hah?"

"Perasaan saya mendesak supaya saya pergi menghadap beliau. Mahu minta dihukum. Tapi fikiran saya menolak."

Zura kerling Kadir di dalam remang kabus. "Kenapa minta dihukum?" Dia menutup penyaman udara, mematikan *demist* dan enjin dan keluar dari kereta.

Kadir di hadapan, melangkah gontai. Di tengah padang, dia berpaling menghadapi Zura. Suaranya berat. "Saya berdosa kepada orang tuamu."

"Kenapa?" Zura terkejut.

"Zura tidak sedari apa yang saya lakukan malam tadi?"

"Bercium atau berkasar kepada Walid di dalam majlis itu?"

"Zura belum jadi isteri saya."

"Saya masih mampu menjaga seluar dalam sendiri." Zura bersungut. "Kenapa kau begitu? Dosa apa? Kau tidak memasuki diri saya."

Kadir memegang kedua-dua belah bahu Zura. "Dengar! Saya pun ada adik perempuan. Jika orang berbuat begitu kepadanya, saya belasah. Mungkin saya jadi pembunuhan."

"Maaf. Saya tidak akan berani lagi."

"Tidak merasa berdosa? Berjanjilah."

"Sedar. Sudah kuikrarkan. Saya akan patuh dan sabar menanti sehingga dihalalkan."

Kadir melepaskannya dan berjalan perlahan. Zura menghempet dan berkata, "Adakah Kadir pandang saya hina kerana memaksa kau dini hari tadi?"

"Zura merasa hina?" Kadir tanya kembali tanpa menoleh.

"Terserah kepada pertimbanganmu. Itulah yang saya hendak tahu. Kadir akan jadi suamiku. Saya tidak mahu anak-anakku beribu perempuan hina."

"Zura fikir saya rela zuriatku berayah lelaki hina?"

Zura bungkam. Dia berlari ke kaki tiang gol rugbi. Di situ, dia terjelepok dan runduk rapat dagu ke dada. Dia menahan sedu-sedan yang menggegarkan bahunya.

Kadir tiba ke situ. "Kenapa buat begini? Saya tak perlukan air matamu."

"Kaki saya tak sanggup membawa tubuh saya sekarang."

"Kenapa?" Kadir cemas. "Terkihil lutut atau pergelangan kaki?"

"Hatiku dan kakiku tidak mahu menanggung badan hina."

Kadir duduk di sisinya, dan pegang tangan Zura. "Dapat tidur tadi?"

"Nyenyak. Bahagiaku kerana dapat mendahului Zahara. Itu kubawa tidur. Aku bangun dalam riang gembira. Tetapi setelah kutunaikan fardu Subuh dan berdiri di jendela, saya sudah ragu kepada diriku sendiri. Saya merasa terlalu kecil, merasa amat rendah pada matamu."

"Itu saja?" Kadir bersandar ke bahu Zura.

Zura bungkam, dan membiarkan. Dia rasakan, hangat daripada tubuh Kadir mengalir ke dalam tubuhnya. Dia pun yakin, hangat daripada tubuhnya meresap ke dalam jisim Kadir.

"Apa lagi yang Zura fikirkan?"

"Sudah fikir! Tanyalah, apa akan Zura lakukan? Akan kujawab dan minta."

"Apa akan Zura lakukan? Jika minta nasihat, saya tegas. Jangan bunuh diri."

"Semua yang kupakai malam tadi akan kusimpan sebagaimana adanya. Tidak mahu dibasuh. Biar kekal begitu. Saya minta seluruh yang kau pakai malam tadi, serah kepada saya, untuk disimpan bersama dengan yang saya pakai."

"Zura hendak buat apa?" Kadir hairan.

"Saya kata, disimpan. Kelak akan disatukan dengan cadar lapik tidur kita pada malam pertama saya terima Kadir di dalam tubuhku. Saya sudah beli. Satin Paris warna merah jambu. Emak simpan."

"Untuk apa?" Kadir merasa aneh.

Zura mengangkat muka. Dia berpaling menentang mata Kadir. Tetapi cahayanya masih kabur diganggu kabus.

"Kenapa Zura renung saya begitu dekat?"

"Mahu lihat matamu! Mahu tahu pasti makna kata hati dari dalam matamu."

"Kenapa?"

"Saya hendak tahu adakah mata dan hati milik bakal ayah anakku memandang rendah kepada saya?"

Kadir mengeluh. "Jalan, kalau tidak mahu berlari."

"Jawab dulu!" Zura mendesak.

"Apa yang akan saya jawab?"

"Pertama, saya dipandang rendah atau tidak?"

"Tidak!"

"Kedua, setuju atau tidak, pakaian malam tadi disimpan?"

"Untuk apa?" Kadir masih ragu.

"Bukti! Kenangan! Tidakkah kau anggap peristiwa itu penting dikenang?"

"Memboros." Kadir gelisah. "Saya tidak tahu berapa harganya bajumu. Loket itu, saya tahu lah. Tapi kerabu itu, hadiah kahwin emakku daripada emak mertuanya. Mana kita tahu sekarang harga dua delima hati sebesar biji asam jawa itu?" Kadir menarik nafas panjang. "Biar kuterangkan. *Suit three piece* yang kupakai malam tadi, saya tempah di Orchard Road dengan nilai sembilan ratus ringgit wang Singapura pada tahun 1984. Sepatu, stoking, bow, butang kemeja dan kemeja itu, saya tidak tahu harganya. Itu semua hadiah kakak sulung saya pada ulang tahun hari lahirku yang baru lalu. Jam Rolex itu asli, dibingkai emas. Itu hadiah daripada ayah setelah rasmi saya diterima masuk ke universiti. Harganya lebih lima belas ribu. Dua bentuk cincin, berpermata zamrud dan delima, itu pusaka ayahku daripada ayahnya. Katanya, cincin itu dahulu daripada moyang kami, Salewatang Daeng Alle. Dia tempah cincin daripada tukang emas Parsi, di High Street, Singapura. Siapalah tahu berapa harganya sekarang?"

"Saya pun faham. Walidku terbelia matanya melihat cincin, jam dan butang baju yang kau pakai malam tadi. Itu semua saya tidak akan buang." Zura berungut.

"Mahu simpan berapa lama? Tak dipakai, boros juga namanya." Kadir resah.

"Hingga halal di tempat tidur."

Kadir berkalih duduk, menyandarkan kembali belakangnya pada bahu Zura.

"Jangan belakangi saya!" Zura berungut. "Zahara tidak ada di sekitar ini, kalau itu yang ditinjau." Dia sedu sedan. "Malam tadi bukan main, matamu kepada alur dadanya saja. Kenapa dini hari tadi tidak hirau saya punya? Nampak, bukan? Di dalam kereta, di sisimu, saya sudah dedahkan. Jelas, disorot lampu jalan raya. Kenapa tak toleh?"

"Sentimental betul!" Kadir tergelak. "Dapat kau bayangkan, apa akibatnya jika saya pegang itu?" Kadir berpaling muka tapi duduknya tetap. "Gunakan akal, sayang! Zura perlu kawal saya, dan saya perlu lindungi Zura."

"Saya buat begitu kerana hendak lawan Zahara punya. Kalau Kadir tidak jadi suamiku, saya perawan hingga ke mati. Semua barang itu akan kuwasiatkan, sebelum saya mati, kepada orang yang sudi mengenang saya."

"Baiklah. Ikhlas. Zura sudah sediakan *container* untuk kereta itu?"

"Saya mahu simpan pakaian dan perhiasan saja. Kereta bukan pakaian."

"Damai! Setuju?" Kadir selamba.

Zura tersenyum. "Setuju. Damai abadi."

"Hapus air matamu dan berdirilah." Kadir mendesak tapi masih menyandar.

"Betul?" Suara Zura serentak dengan tindakannya; bangkit dan berlari.

Kadir rebah terlentang. Zura mencebik. "Kau sendiri yang suruh. Rasakanlah!"

Kadir mengejar, dan ketika mencapai Zura, gadis itu berkata perlahan, "Tidak mahu lari terpisah! Di padang ini saja. Kita selesa dan bebas berdua."

Peluh mereka menyimbah basah setelah mereka pulang ke kereta. "Kau pandu ke Kajang! Kita sarapan di sana." Zura enggan ke Bangi di dalam pakaian begitu. Dia pandu ke Komsis.

Sebelum keluar daripada kereta, pengawal wanita keluar dari lobi untuk mendatangi Zura:

"Syarifah Zurah Syed Omar. Orang pada telefon ini minta supaya telefonnya kembali."

Mata Zura besar merenung angka telefon itu. "Mak. Darurat."

"Tenang!" Kadir sabarkan. "Segera dail ke Alor Merah. Saya tunggu di sini."

"Pasti hal mustahak. Emak tidak telefon saya kalau tidak terlalu penting."

Kadir resah menanti, khuatir di dalam dada. Serba tanda tanya di dalam kepala.

SEKSAAN dalam penantian itu meresahkan Kadir yang menunggu di dalam kereta. Dia menghiburkan diri dengan bersiul, namun terasa janggal. Dia meraba ke dalam *compartment* di hadapan kiri kereta dan menemui baki rokok yang sudah tiga minggu terbiar. Dia cucuh. Tetapi rokok itu sudah lemau. Dia membuangnya ke tong sampah. Dia teringat pengalaman malam tadi dengan Syed Omar setelah majlis makan malam selesai. "Kadir tahu, seharusnya ayahmu juga hadir malam ini."

"Tidak, Tuan Habib."

"Ayah Zarina, Datuk Muhsin, anak datukmu. Datukmu ialah guru di Maktab Sultan Ibrahim."

"Saya tahu datukku Syahbandar Daeng Kulle, anak Salewatang Daeng Alle."

"Ayahmu tidak dapat hadir. Ada masalah. Dia ke Johor Bahru petang semalam."

"Masalah keluarga kami?" Kadir terkejut.

"Parti!" Syed Omar menepuk bahunya dan merenung butang dan cincin Kadir. Zura berbual dengan Salmah, cuak melihat cara Walidnya merenung Kadir begitu.

"Terima Kasih Yang Berhormat Habib! Lapang hati saya."

Syed Omar tersenyum, lalu menghulur celepa rokok. Kadir menolak. "Jarang-jarang merokok."

"Selama ini Kadir belum kenal keluargamu yang adakan majlis kahwin ini?"

"Zarina itu senior kami. Perkenalan kami begitu saja. Cuma di kampus."

"Ayahmu tidak pernah ceritakan hal keluarga ini?"

Kadir geleng kepala.

"Saya, ayahmu dan marhum Datuk Muhsin adalah asuhan Datuk Onn sejak parti kami ditubuhkan." Syed Omar menceritakan hal Muhsin yang berkahwin dengan Khadijah, sesama alumni Universiti Malaya di Singapura yang ditolak oleh keluarga di Johor kerana mereka menganggap Khadijah itu Dayak.

"Ibu bapa kami tidak pernah tuturkan hal itu kepada kami." Kadir mengeluh.

"Sekarang Kadir faham. Bagaimana fikiran kau? Kemenakan ayahmu, Zahara itu, akan lulus Ph.D dari Amerika tidak lama lagi."

Kadir geleng kepala.

"Dekatinya jika Kadir berminat. Mudah dirisik. Saya kenal Aziz, abang iparnya."

"Tidak mungkin. Saya sudah berjanji kepada gadis lain."

"Akan kahwini gadis itu?"

"Semoga Allah kabulkan dan keluarga kami restui perjodohan kami."

"Siapa?" Senyum Syed Omar lebar tapi matanya seakan memancarkan api.

"Buat apa tanya lagi?" Kadir berungut di dalam hati. Tetapi sebagai basabasi, dia sahut mengimbas bayang, "Bekas guru juga. Kami mengikut kuliah dalam jurusan yang sama."

"Keluargamu tahu?"

"Seluruh keluarga saya kenal dan sayangnya. Ibu bapaku anggap dia anak."

"Andai keluarga gadis itu tolak, Kadir mahu pinang sepupumu itu?"

"Saya tidak mahu. Tak kahwin pun, tak apa."

"Sebagai lelaki, Kadir mesti ikut sunnah Nabi." Syed Omar ketawa.

Zura mendatangi Kadir hendak membawanya jauh dari situ, tapi Basirun tiba ...

Khayal Kadir pupus bila melihat Zura keluar dari lobi Komsis.

"Cepatlah! Jenuh dan resah menunggu. Mak Cik Hasnah cemas bagaimana?"

Zura masuk dan menghidupkan enjin. "Jalan lagi. Tak mahu bercerita di sini."

"Darurat? Jangan buang waktu. Tukar pakaianmu. Saya hantar ke Subang."

"Cerita biasa." Zura selamba dan mengundurkan kereta. Dia tenang memandu turun cerun. "Berita kurang baik. Hal Walid! Tapi hal begitu, lebih baik untuk emak dan saya."

"Kalau Walidmu ditimpa musibah, Mak Cik Hasnah dan Zura akan derita akibatnya. Itu bukan berita baik bagi siapa pun."

"Walid pindah ke hotel!" Suara Zura datar. Bila lampau gerbang kedua, dia pecut ke Kajang. "Pakaian ini pun tak apalah. Bersarapan di sana dan cepat pulang."

"Bila? Semua orang kuat parti datang ke Kuala Lumpur tinggal di hotel."

"Pagi ini. Walid bergaduh dengan Mak Cik Salmah! Walid panggil emak."

"Bila Mak Cik Hasnah tiba?"

"Penerangan petang ini. Emak minta kita ambilnya di Subang dan membawanya ke hotel."

Kadir mengeluh. "Tergendalah urusanmu!"

"Tidak terhalang." Zura menarik nafas panjang. "Saya tidak perlu lagi ke Jalan Murai Setia. Petang ini, kita selesaikan dulu dengan emak. Bawanya ke restoran di Hotel Subang. Tentu emak lapar. Setelah itu, saya atau emak hadapi Walid." Kadir diam.

"Ragu?" Zura ketawa mengejek dan menjeling Kadir di sisinya. Dia menurunkan had laju di tepi jirat Nasrani. "Emak mahu begitu."

"Apa kata emakmu?"

"Emak bilang Walid setuju. Majlis pertunangan minggu depan. Majlis kahwin, sebelum konvokesyen tahun depan." Zura menoleh. "Ketawahlah. Jangan muram saja. Cukup duit kau bawa untuk belanja saya sarapan murtabak? Pesta berdua."

"Nasi beriani pun boleh." Kadir gelak. "Tapi berat sungguh rasanya menanti."

"Susah hadapi orang tidak tahu bersyukur." Zura bersungut di kepala simpang jalan besar. "Sudah lebih tiga tahun menunggu. Tak sabar menanti lapan bulan?" Dia mendapat laluan untuk belok kiri dan menyimpan kereta di tepi longkang sebelum tiba di kawasan pasar.

Kadir ambil dua akhbar, satu Melayu dan satu lagi Inggeris, di pintu restoran. "Korban bertambah. Kerosakan belum ditaksir." Dia membaca tajuk berita gempa itu kelmarin. "Ini lagi!" Kadir membaca tajuk berita di muka dua akhbar Inggeris. "Banglo jutawan meletup di Pantai Likas, Kota Kinabalu. Pemiliknya bekas menteri Sabah."

"Saya menyampah dengar berita Sabah." Zura bersungut dan menyerahkan kertas pesanan kepada pelayan. "Ruangan berita gempa itu saya hendak potong semuanya untuk tambahkan kepada nota yang ditinggalkan Zarina nanti."

"Bahan Sabah ini bagus untuk Akil dan Zizan." Kadir gelak. "Bom! Sengketa politik kaum, menteri berzina." Diam seketika. "Aduh, penghuni banglo mati semua!"

"Bila terjadi?" Zura mulai berminat.

"Menjelang tengah malam tadi."

"Sengketa politik juga? Berapa orang mati?"

"Motifnya belum disahkan polis. Yang mati - dia, isteri termuda yang keenam, orang Cina dari Semenanjung, anak daripada bini keempat dan kelima dan dua orang gajinya."

"Bini pertama, kedua dan ketiga?"

"Tiada dalam berita."

"Dahsyat! Barangkali dia sudah buang entah di mana." Zura merungut.

Kadir ketawa. Mereka makan dan memerhatikan orang yang berebut menaiki bas yang akan bertolak ke Kuala Lumpur. Mereka berpakaian serba

baru; yang muda berpasangan ranggi Negro Amerika. Wanita dan suaminya berkerut kening, anak merenek kerana dikalahkan orang muda di pintu bas.

"Orang ke pesta bunga," Zura kuit Kadir. "Bagaimana kita? Pesta seronok."

Kadir bantah. "Mahu tidur. Setelah itu susun data yang dikumpulkan di Perlis. Bila ke Subang?"

"Pukul empat. Di sana saya belanja, jamu emak." Zura serius. "Kau pandu, ya?"

"Kalau dapat tidur. Bila mahu ambil barang yang saya pakai malam tadi?"

"Saya akan kemas bila kita pulang dari hotel Walid."

SYED Omar menelan pil darah tinggi. "Jual rumah itu, kereta itu. Berikan kepada Zura." Syed Mokhtar meradang. "Beri sara hidup edah. Habis perkara."

"Kereta dan rumah itu dinamakan kepadanya." Syed Omar lesuh, terlentang di atas katil. "Saya tidak mahu ingat itu semua. Elakkan risau. Kerja kita masih terlalu banyak."

"Saya tak akan tinggalkan abang sebelum Kak Nah tiba."

"Buat apa buang masa? Kamu bawa draf itu ke ibu pejabat." Syed Omar menutup matanya. "Di sana, telefon Johor Bahru. Beritahu Datuk Zahid, abang tunggu di hotel."

"Yang Berhormat itu bilang, akan pulang ke mari hari Selasa, esok."

"Beritahu abang uzur. Dia fahamlah itu."

"Jika kerja Datuk Zahid belum selesai, bagaimana?" Syed Mokhtar risau.

"Orangnya ramai dan kuat. Perwakilan Johor teguh berada dalam tangan. Pergilah."

Syed Mokhtar mencapai beg jinjin dan bergegas keluar. Syed Omar masih berusaha menenangkan fikirannya. Dia kesal terlalu meluahkan amarahnya pada Subuh tadi. Hal itu masih boleh diselesaikan dengan cara lembut. Namun Salmah tidak mahu mengalah.

"Apa buktinya saya curang?" Suara Salmah masih terngiang di telinganya.

Syed Omar keluar rumah sehelai sepinggang, membawa beg jinjinnya dan menaiki teksi yang dipanggil Aying. 'Lebih baik berpisah sebelum terbuka skandal ini,' katanya di dalam hati. 'Hal itu akan menjalar, bagi benih lalang, ke tengah masyarakat. Habislah saya dalam parti jika ini terbongkar.' Keputusan itu melegakan hatinya. Dia terlelap.

SYED Mokhtar pulang dan mengeluh. "Di ibu pejabat orang sibuk membualkan berita perlatakan jawatan setiausaha politik menteri itu."

"Sibuk bual. Apa gunanya?" Syed Omar berungut. "Yang perlu, bekerja keras. Mereka sudah cetak tangkisan itu?"

"Sudah disebar." Syed Mokhtar berusaha menenangkan Syed Omar. "Yang Amat Berhormat ada di sana. Beliau mahu abang rehat di hospital."

Syed Omar ketawa. "Tahulah saya jaga diri."

"Penyokong lawan mencurah dari kampung. Sudah penuhi Kuala Lumpur."

"Kamu takut kepada orang kampung? Bukan pilihan raya. Sidang agung hanya pilih pemimpin. Kita mahu undi daripada perwakilan saja."

"Di ibu pejabat, sudah ramai orang tahu tentang masalah abang!"

"Salmah ada di sana?"

"Tak nampak. Wanita becek. Apa akan dibuat? Itu akan digunakan musuh."

"Jangan bimbang, Tar! Itu hal peribadiku. Sudah hubungi Datuk Zahid?"

"Tiba petang ini. Kami terima laporan, orang yang diberi risalah tangkisan itu di pesta bunga, tak baca. Dijadikan kipas dan alas duduk. Banyak dibuang di jalan."

Syed Omar kecewa. Tapi dia tidak mahu mengalah. Sambil baring di katil, dia memerah fikiran untuk mendapatkan cara baru. Tekadnya bulat – mesti menang!

**Pukul 11.10**

TETAP di rumah? Maut! Salmah ketakutan kepada suaminya sejak peristiwa di kafeteria Super-Elite di Lake Club itu. Dia semakin cemas bila balik dari majlis kahwin malam tadi kerana sikap Syed Omar kepadanya sangat dingin. Malah, Salmah ditinggalkannya di katil. Salmah pun tidak dapat tidur. Dia selalu mengerling suaminya dari jauh.

'Dia hendak tembak saya?' Soalan itu datang berulang kali. 'Tak mungkin!' Salmah yakin. 'Suamiku tidak bengis. Tidak berwatak pembunuh. Tiada bukti didapati Syed Omar, dan dia masih sayang kepadaku.'

Keyakinan itu berulang setiap kali dia fikirkan Syed Omar hendak menembaknya. 'Kami saling perlukan, bukan sekadar suami isteri, tetapi juga sebagai rakan kongsi. Saya banyak bergantung kepadanya dan dia masih harapkan saya.'

Salmah perhitung saling pergantungan kepentingan di antara mereka berdua. Dan di atas segala-galanya, Syed Omar masih yakin dan itu yang dia harapkan sangat, semoga dia dapat anak daripada Salmah.

'Atas alasan apa pun,' Salmah berkata di dalam hati ketika baring dan meraba di bawah bantal, 'pistol digunakan untuk membunuh! Dia geleng kepala. 'Syed Omar hendak gunakan pistol ini ke atas diriku? Atau akan kugunakan ke atas suamiku? Tak mungkin!' Dia bangkit dan mengambil pistol dari bawah bantal. Dia timang dan perhatikan. 'Seketul besi ini terlalu mahal, menjadi kebanggaan orang, dan bergantung kepada keberanian.'

Pistol itu jenis Browning 9 mm otomatik. Dia membuka *magazine* dan keluarkan peluru, lalu membuka laci hulu katil, dan mengambil peluru tambahan lima kotak. Dia tahu, bila hampir terlayang, suaminya masuk menunaikan sembahyang Subuh di sisi katil. Melalui pelupuk mata yang nyaris tertutup, dia kerling suaminya menyimpan sejadah. Syed Omar tidak sedikit pun menoleh kepadanya. Salmah tidak teresak tetapi hatinya meratap. Semuda dan secantik itu tetapi tidak dihirau suami. Salmah tidak termasuk wanita yang menyerahkan hidup dan tenaganya kepada seks. Namun, dalam umur semuda itu, dia perlukan gejala itu pada setiap malam. Salmah tidak yakin bahawa punca penolakan suaminya semata-mata daripada peristiwa di Kafeteria Super-Elite di Lake Club. Pun Salmah tidak yakin bahawa kesibukan Syed Omar menghadapi berbagai-bagai persoalan sidang agung

membunuh habis berahinya. Selama berada di Kuala Lumpur, kali ini – begitu panjang masanya – setiap malam bersanggama; setelah Esyak dini hari dan setelah Subuh. Itu diulang setelah Zohor dan menjadi alasan utama Syed Omar pulang tengah hari, kecuali bila Salmah tiba giliran bulan. Setiap kali mandi, mereka berdua, tanpa kain basahan dan bercumbu.

Hubungan Salmah dengan lelaki lain, pada mulanya, bukan berdasarkan wang. Dia ada wang lebih daripada cukup. Tetapi keinginan jasmani dan tuntutan naluri wanita muda menjadi puncanya. Dia tidak dapat mengekang berahi bila Syed Omar terlalu lama tidak ada di Kuala Lumpur. Dia sedar itu salah dari segi statusnya sebagai isteri orang. Tetapi nama Salmah baru baginya. Nama asalnya Chanida Karchareon. Syed Omar, walaupun itu suaminya yang pertama tapi orang baru. Baginya agama Islam itu datang kemudian. Dulu, dia Buddhis. Dia faham benar tentang tradisi bangsa asalnya yang memantang hilang dara di luar tempat tidur suami. Tetapi itu tradisi, hanya suatu norma. Dia pelajari norma itu semasa usianya menjelang remaja, dan dia dapati suatu pengingkaran secara diam-diam. Norma itu dilanggarnya, terutama di kota raya besar tempat lahirnya, tapi tidak pernah menemukan dengan pasti *sanksi* kepada si pelanggar norma. Dalam usia lapan belas tahun – era dia mempersiapkan diri untuk masuk ke universiti, dia dirangsang pengertian yang menghairankan; takrif dosa dalam kepercayaan agama asalnya. Dalam agama itu, dosa apa pun jenisnya, betapa pun kadar dosanya, semua akan sirna bagi asap dalam nyala kerana nyala dan bara akan mencuci semuanya. Yang dia temukan dalam kepercayaan agama asalnya, hanya maruah. Konsep maruah itu pun tak lebih daripada air muka. Lakukanlah dan tahu simpan rahsia, maka selamatlah air mukamu. Maruah engku terjamin selagi air mukamu selamat.

Prototaip kerohanian yang begitu masih menguasai diri Salmah. Wanita muda dan selalu sepi seperti taman yang hanya menjadi perhiasan sementara sekali-sekala dijenguk oleh pemiliknya. Salmah sedar, jika suaminya sentiasa berada di sisinya atau kalau suaminya menggilirkan tiga hari sekali, dia akan tahan rangsangan berahi itu. Dia akan patuh setia kepada tuntutan agama barunya. Tapi apa dayanya? Dia hanya taman yang didatangi, belum tentu ada sehari dalam sebulan.

Dalam hubungan dengan lelaki lain, Salmah teliti memilih walaupun dalam tahun terakhir ini hubungan begitu menjadi salah satu sumber kewangannya untuk membeli saham. Bukan saja memilih tapi Salmah juga memilih tempat dan masa. Dia tidak pernah melayani orang asing yang sekadar datang lalu pergi. Dia juga jaga kebersihan dan kesihatannya.

Begitu besar kepercayaannya kepada Aying tetapi dia yakin Aying tidak dapat kesan jejaknya. Setiap panggilan telefon ke rumah, daripada lelaki atau wanita, Aying hanya tahu tiga tujuan; berlian, kraf tangan dan perabot import.

Namun begitu, Salmah tak pernah kedekut kepada jasa Aying. Purata lima peratus daripada bayaran khidmat seks itu dia beri kepada Aying. Salmah sudah tetapkan kepada setiap lelaki yang dia layani; semua urusan mesti bertopeng niaga – salah satu daripada tiga jenis itu. Jika melanggar tertib hubungan itu putus setakat itu saja.

Sengketa mereka pagi tadi tidak menghasilkan pertengkaran suara bising. Suara yang terkuat daripada Syed Omar terkeluar semasa Salmah mendekatinya di meja kerja. "Siapa yang Tuan Syed katakan sayang bukan kepada Tuan Syed?" Salmah terkejut dibentak, "Jangan ganggu saya!" Suara itu pun, menurut keyakinan Salmah, tak didengari tetamunya. Mereka masih berkemas di dalam bilik masing-masing setelah berjemaah Subuh.

Peristiwa berikutnya berlaku setelah tamunya keluar untuk berkumpul di ibu pejabat dan bersarapan di sana sebelum puluk lapan pagi. Syed Omar bertingkah lain, membuang pijama secara kasar ke lantai di sisi katil. Salmah lurut pakaianya untuk mandi bersama, tetapi Syed Omar mengunci bilik mandi dari dalam, dan berkata lantang, "Biar saya mandi sendiri."

Salmah menghempaskan diri ke katil, termenung, tetapi segera menyedari kewajipannya. Dia telefon Aying di dapur, menyuruhnya sediakan sarapan. Seperti biasa, sebelum urus diri, dia sempurnakan dulu suaminya. Dia pilih dua pasang suit, kemeja, tali leher, tiga pasang *bush jacket*, tiga helai baju batik, dan tiga kemeja sport lengan pendek, sepatu dan stoking.

Lazimnya Syed Omar memilih yang dia berkenan. Tetapi tadi, bila Syed Omar keluar dari bilik mandi dia bertuala dari atas pusat ke betis. Kelakuan begitu belum pernah dia lakukan sejak mereka kahwin. Dia ke almari untuk mengambil sendiri pakaian yang dia suka dan mengenakan pakaian tanpa bantuan Salmah.

Salmah mengambilkan beg jinjitnya dari rak di pinggir almari. "Fail-fail yang mana akan dibawa Tuan Syed?"

"Jangan disentuh. Tahuolah saya mana yang perlu." Sahutnya tenang tapi padat.

Salmah menjauh dari katil. Syed Omar mengambil Browning 9 mm di bawah bantal dan memasukkannya ke dalam beg jinjit tanpa diperiksa.

"Tuan Syed mahu lauk apa hari ini? Saya tak keluar rumah."

"Kamu tanya lauk? Tidak! Saya tak pulang. Tidak mahu lihat mukamu hingga kamu selesaikan urusanmu dengan orang di Kafeteria Super-Elite pagi semalam."

"Apa buktinya saya curang? Saya tiada urusan dengannya. Orang mabuk. Saja cari gaduh." Salmah tahu dia berbohong kepada suaminya. Tetapi itu dia lakukan untuk menjaga air muka semata-mata ...

Ketukan pintu menghentikan khayalnya, dan dia mendengar suara di balik pintu:

*"Room service."*

Salmah melihat jam, sudah pukul dua lewat sepuluh minit petang. Pesanan itu tiba lebih tiga puluh minit lewat. Dia membuka pintu tanpa menoleh pelayan. Dia tidak meneliti angka hutang di dalam bil makanan itu. Dia cuma perhatikan kepala kertas itu, dan menandatangani, lalu memberi tip dua ringgit yang diletakkan di atas dulang.

Hampir dua jam setelah Syed Omar keluar baru Salmah menelefon Syed Mokhtar, memberitahu adik iparnya bahawa Syed Omar pergi dalam keadaan marah.

"Ada di sini!" Syed Mokhtar berungut. "Sudahlah." Dia hempas telefon.

Jawapan Syed Mokhtar tajam dan bersikap kasar. Marah Salmah meruap. Dia menganggap adik iparnya tidak layak bertingkah begitu. Setiap kali datang ke Kuala Lumpur, di rumah itulah dia makan dan bermalam. Tangannya tak pernah kosong daripada pemberian Salmah kepada Syarifah Kalsom. Dia tidak dapat menahan marah; lalu mandi tergesa, berpakaian, mengisi pakaian ke dalam beg besar dan keluar dari rumah tanpa pesan kepada Aying. Dia memandu keretanya ke Subang. Naik ke bangunan medan kereta. Di sana, Salmah membuka bateri, mengheret beg ke terminal. Dia meminta penerbangan yang tercepat dari Subang ke Jakarta, Bangkok atau Singapura.

Salmah tak pernah di hotel dengan lelaki lain. Demi air muka - di hotel mana pun, adalah tabu baginya. Kalau di Singapura dengan lelaki dari Kuala Lumpur; datang pagi pulang petang. Mesti *private residence* di Pasir Panjang atau Bedok. Di hotel ini, hingga dia remaja, ikut ayah dan ibunya. Di hotel inilah ayahnya selalu berjumpa rakan sejawatan, orang Barat dan Asia Timur.

Salmah belum makan sejak pagi tadi. Aroma stik menusuk hidungnya tetapi dia cuma meneguk kopi. Dia dirasuk kenangan zaman lampau. Suasana hotel membuka fikiran kepada zaman mudanya di Bangkok; pertama kali dia bertemu dengan Syed Omar, makan malam secara formal. Salmah tahu lelaki di hadapannya itu orang kaya baru. Ghairah tunjuk lagak memesan makanan mahal tetapi belum matang dalam hal *table manner*. Sejak itulah dia yakin bahawakekayaan lelaki itu daripada politik. Salmah hendak gunakan hubungan itu. Oleh sebab itu pertemuan mereka berulang; makan siang minta *room service*, makan malam cara formal di restoran utama di Hotel Oriental. Pada hari ketiga, Salmah sudah faham bahawa Syed Omar pun peniaga berlian. Pada hari keempat mereka sudah sepakat untuk bekerjasama.

Wibawa Syed Omar terhadap wanita – merayu dengan lidah Arab bila bercumbu dan cerdik otak Eropah dalam rundungan – menjebak Salmah dalam hubungan seks, dan mereka bernikah dua tahun kemudian di Johor Bahru. Agamanya berubah, daripada Buddha ke Islam; namanya berganti daripada

Chanida Karcharoen kepada Salmah Karcharoen. Nama keluarga pihak emaknya dia tidak buang demi pusaka. Statusnya di Malaysia hanya *permanent resident*. Dia tetap warganegara Thailand.

Setelah lama termenung, barulah Salmah makan. Dia menghabiskan sup, sebiji bun, dan *T-bone steak*. *Apple pie* tidak diusiknya kerana akan dimakan dengan teh panas setelah mandi. Dia rehat di katil tanpa membuka pakaian. Dandan rambutnya tak dihirau.

Peristiwa di Kafeteria Super-Elite itu dan kelakuan Syed Omar merangsangnya untuk bertindak balas. ‘Saya tak akan bunuh. Tidak akan dimasukkan ke penjara. Kerana sebagai suami, dan rakan kongsi, saya akan dilibatkan. Dicurigai. Atau dituduh.’ Suara hati itu melapangkan dadanya. Tapi dari dalam dadanya berteriak ancaman. ‘Patahkan!’ Dia mendail:

“Uncle Hoe! Chanida di sini. Di Orodoy. Boleh tolong saya?” Diam seketika. Dia meneruskan dengan amat tenang, “Seorang. Saya tak mahu orang lain temani Uncle Hoe.”

Salmah letak telefon. Mukanya merah padam tapi itu segera bertukar senyum rekah, lalu tergelak, “Apa pula salahnya? Cara begitu selamat dan kerjaku mudah.”

KADIR tenang dalam jalur laju. Cuti umum pesta bunga. Lebuh Raya Persekutuan lega. Zura di sebelahnya. Hasnah di belakang; wajahnya masih segar, beranak tungan seluruh usia dua puluh, "Faham jalan ke hotel Walidmu?"

"Namanya Hilton. Jalan ke situ? Entah. Di mana Cikgu?" Zura bersikap silu dan tertib di hadapan emaknya. Kadir arif pada sikap pemalu itu.

"Jalan Sultan Ismail. Masih jauh. Kita di depan Masjid Negara sekarang."

Hasnah tergelak. "Walidmu kata dia selalu menunaikan Jumaat di Masjid Negara. Jauhkah dari Jalan Murai Setia dengan rumahnya di Bukit Damansara itu?"

"Agak jauh, tapi jalannya elok," Zura ketawa. "Tempat kaum elit. Tentulah diistimewakan. Jalan raya kelas satu. Tapi tiada tol."

Di simpang Raja Laut-Sultan Ismail perjalanan mereka diancam mambang kuning, lalu dihadang jin merah. Bila dilambai bidadari hijau, Kadir mengejar. Dia selesa melepas simpang Tuanku Abdul Rahman, tapi ditahan dua giliran jin merah di simpang Raja Abdullah.

"Melayu jantan-betina sesak di jalan raya. Sudah dekat Maghrib. Hendak ke mana? Mereka lupakah, sudah hampir waktu sembahyang?" Hasnah hairan.

Zura ketawa. "Ini Kuala Lumpur, Mak. Bukan Alor Merah. Di kampung, bila dekat Maghrib, orang di dalam surau atau di rumah."

"Orang Kuala Lumpur tak sembahyang?"

Kadir gelak. "Saya tidak hairan jika orang Melayu warak di kampung. Apabila tinggal di Kuala Lumpur, saya pun tidak hairan jika mereka masih alim. Tetapi saya sanjung tinggi jika mereka masih warak. Setan di kota besar mudah menyerap ke dalam jiwa penghuni bandar begini."

"Di bandar beginikah yang kau orang mahu tinggal? Pilihlah bandar kecil."

"Kampus kami di kaki bukit, tepi hutan," kata Zura. "Dahulu, emak hantar saya, duduk di dalam kereta VIP bercermin gelap. Lihat bangunan kampus saja, tidak nampak rimba dan bukitnya." Ketawanya meledak. "Tapi ada masjid. Setiap komsis ada surau."

"Komsis itu apa? Kenapa ada surau? Itu nama kampung universiti?"

"Mak ini kolot orang hulu. Patut ada surau. Bukan nama kampung. Kompleks tempat tinggal mahasiswa."

"Macam pondok datukmu buat dulu? Lengkap dengan lebainya. Begitu?"

Kadir gelak menerpa mambang kuning di simpang Ampang-Sultan Ismail. Tapi dia berungut dihadang tiga giliran jin merah di simpang Jalan Pinang. "Kawan kami tidak ada Arab Badui!" Ketawa besarnya berderai. "Walaupun masih muda dan umumnya belum menunaikan fardu haji tetapi berketaryap, berbaju Melayu berpasang pantalon, berselipar getah. Ramai juga pakai jubah. Jenis begitu serbannya tidak tanggal sejak bangun dari bantal sehingga kembali lagi ke bantal."

"Bukankah kita ini Melayu? Songkok Melayu itu yang elok. Macam datuk kau dulu. Macam ayahmu." Hasnah gelak. "Mereka sudah keluar Melayu?" Dia berungut. "Tidak hapak rambutnya?"

"Hapak tak hapak siapa hirau? Masih Melayu atau sudah keluar Melayu, siapa peduli?" Zura tergelak. "Itu model Arab purba, Parsi lama, tiruan daripada Yahudi sebelum era Herod menakluk Judea. Itu dibaur ala Afgan sekarang; berlagak mujahid, menayang warak! Bahasa Melayu mereka pun, lain bunyinya. Kosa kata Melayu yang sudah lazim sejak moyang, mereka tukar kepada bahasa, lidah dan tekak Arab. Entah! Makin kabur mana agama, mana budaya bangsa. Tapi Tuhan Maha Tahu. Kami, kaum wanita, gerun bertembung. Matanya? Nauzubillah! Tak mahu lekang pada dahi licin."

"Orang bulan?" Hasnah serius. "Zura mesti berhati-hati! Lazimnya suka madu, tetapi paksa isteri-isterinya minum jadam. Cerdik mengecek. Mereka bilang dunia ini, neraka bagi wanita. Isteri mesti terima daki kaki suami. Mereka berjanji syurga wanita di akhirat. Ya, emak ini juga dimadu, tapi taklah sampai empat, dan bergilir ganti, buang yang tua dan ambil yang baru, agar tetap empat saja. Nah, ingat! Orang bulan."

Kadir mendengus, nafas menekan minyak. Tapi kecewa diancam mambang kuning dan nyaris terlajak, sebelum ditelan jin merah, di simpang Jalan Pinang. Dia terpaksa menunggu giliran bidadari yang ketiga. "Tidak mesti orang parti mana pun Mak Cik! Saya pun tahu, kebanyakan mereka itu hanya ikut-ikutan model Afgan saja."

"Orang belajar tinggi pun masih ikut cara orang lain? Belum buat fikiran sendiri?"

Pertanyaan Hasnah itu sederhana tetapi tidak terjawab oleh Kadir dan Zura. Bila tiba di *porch*, Kadir menyerah beg Hasnah kepada *bell-boy*, "Bawa ke maharaja suit." Dia beri kunci keretanya kepada kedi. Hasnah mengejar *bell-boy* dan merampas kembali beg itu, lalu menoleh ke belakang dan berseru:

"Cikgu Kadir! Kereta awak pun dilarikan orang!"

Rombongan pelancong Amerika sedang *check-in* itu berkeliaran di sekitar kaunter, dan orang politik yang tiba dari kampung di berkelompok merata lobi. Mereka terkejut apabila mendengar teriak Hasnah. Ramai berkejar ke *porch*. Zura menarik emaknya dan menyerah kembali beg itu kepada *bell-*

boy, sambil berungut, "Biarkan dia bawa beg Mnk. Orang yang membawa kereta itu mahu menyimpan di medan kereta di bawah." Dia iringi emaknya ke lif.

Mereka mendapati Syed Omar ditemani Zahid dan Syed Mokhtar. Hasnah tersenyum kepada suaminya tapi berungut, "Hum! Katanya sangit sangat. Boleh pun berceloteh. Tidak ke surau? Maghrib. Lupa?"

Syed Omar bangkit. "Ini kawan lama. Ingat? Yang Berhormat Datuk Zahid!"

"Ayah Zura fikir, saya ini sudah nyanyuk?" Jelingnya tajam kepada suaminya dan menoleh, "Terima kasih, Waibil Jauh-jauh dari Johor datang temani ayah Zura." Kepada Kadir, "Engkau! Kenapa tak bilang kepada Mak Cik, ayahmu ada di sini?"

"Jadualnya, tiba esok! Tapi begitulah. Saling rindu sesama tua." Zahid gelak.

Hasnah sergha adik iparnya, "Tar! Mana surau? Maghrib hampir tua."

"Sembahyang di dalam saja, Kak."

"Wah! Hotel besar ini, macam di rumah jugalah." Dia duduk di sisi suaminya. "Ada tempat tamu. Ada bilik tidur sendiri. Ada tempat beribadah. Sucikah?"

"Bilik maharaja, Kak. Bersih. Abang, bolehlah. Saya ini tumpang tuah saja."

"Budak-budak ini ambil saya di lapangan terbang. Main tu! Dia orang hendak paksa saya makan di restoran hotel sana. Manalah saya mahu! Entah nak makan jenis apa, entah dimasak cara bagaimana." Dia memegang bahu suaminya. "Nampak sihat saja. Sudah panggil doktor?"

"Makan ubat! Dapat cari orang jaga rumah?"

"Jiran! Dua tiga hari." Dia memandang Zura. "Kata engkau, di tempat ini kita tidak boleh masak. Macam mana nak makan? Mak tak suka makan yang bukan-bukan."

Zahid gelak. "Banyak restoran Melayu. Hidanganpun pun dimasak seperti di rumah juga. Budak-budak ini nanti pergi beli."

"Bang, Tar!" Syed Omar gesa adiknya. Dia paksa Kadir menjadi imam. Tapi Kadir serba salah. Dia memandang ayahnya. Zahid arif, Syed Omar muaguji. Dia berkata, "Tak mengapa. Jika bacaanmu tidak sempurna, kita ulang. Syed Mokhtar gantikan."

Tidak perlu diulang. Syed Mokhtar tidak akan berani menonjolkan diri setelah mendengar fasahah, hafazah, tajwid, suara dan lagu. Setelah Fatihah, Kadir baca surah Lukman. Dia habiskan, dibahagi dua perenggan.

Setelah tahiyat akhir, Kadir membaca tasbih, diiringi deretan doa serba ringkas, lalu menoleh kepada Syed Omar. "Saya mohon berkat daripada Habib, teruskan wirid."

"Saya uzur. Teruskan. Doakanlah saya, semoga segera pulih."

Kadir memandang ayahnya. "Ayah saja atau Tuan Syed Mokhtar."

"Teruskan!" Ujar Syed Mokhtar. "Sama-sama lah kita memohon semoga abang saya sembuh dan kita menang."

Sekali lagi dia memandang ayahnya. Zahid tersenyum. Kadir meneruskan wirid, kemudian dia menyambung ratib Haddad, dan dari situ dilanjutkan berjenis doa keselamatan, kesihatan, taubat, minta pertunjuk, munajad kepada Allah semoga mengurniakan kelapangan roh ibu bapa yang telah meninggal, lalu dia tutup doa itu secara tasdik.

"Syabas, anak Johor." Syed Omar bangga. Dia menjabat tangan Kadir. "Saya tidak cuak masukkan Cikgu ke dalam gelanggang."

Zahid ketawa. "Masih ada waktu untuk diasah tajinya."

Syed Mokhtar mengangguk ketika melihat Kadir mengengsot ke depan Hasnah menjabat dan mencium tangan berlapik telekung, mohon ampun. Lalu dia berjabat salam pula dengan Zura yang berlapik telekung juga, tanpa memandang muka gadis itu.

"Bila orang Bukit Cagar hendak datang ke Alor Merah?" Hasnah kemukakan persoalan baru, sambil melucut telekungnya.

Syed Omar lihat muka Zura berubah, merah padam. Kadir tunduk. Syed Mokhtar terpegun. Zahid ketawa bersuara gurau, "Bagaimana kami akan pergi? Puan, dan dua Tuan Habib di sini. Rumah di Alor Merah itu pun katanya cuma dijaga jiran."

"Kita bicarakan di luar." Kata Syed Omar. Dia toleh adiknya, "Tar! Kau pergi lihat kerja itu di ibu pejabat. Saya tak suka kerja tertangguh-tangguh." Syed Mokhtar pergi. Dia sedar abangnya tidak perlukannya di situ. Dalam perjalanan ke meja tamu, Syed Omar tanya isterinya, "Kenapa itu yang ditanya?"

"Tunggu yang mana lagi? Tungku tua jangak? Hendak menanti sampai bila?"

"Saya mohon pulang." Kata Kadir hormat kepada Syed Omar suami isteri. "Banyak kerja kami tertinggal."

"Kami pulang, Mak, Walid, Pak Cik." Zura mencapai beg tangannya. "Esok tidak dapat datang. Mungkin lusa petang. Kuliah kami habis pukul lima."

"Jangan." Syed Omar tegah. "Kalau terpaksa, tidur sini. Sementara masih boleh bergerak, saya hendak selesaikan hal ini. Bagaimana Yang Berhormat?"

"Jika ada angin baik, saya ikut angkat sauh, turut belayar." Zahid tersenyum.

"Zura?" Syed Omar toleh anaknya.

"Entah, emak."

"Kadir?" Syed Omar merenung Kadir.

Kadir tunduk, memicu jari telunjuk. Dengan hormat dia berkata perlahan, "Saya."

Zahid gelak. Hasnah merenung. Syed Omar pandang gerak kening dan mimik Kadir. Zura bersimpati kepadanya.

"Sudah lebih dua tahun saya tahu awak, Cikgu Kadir. Saya mahu tahu fikiran kamu. Jangan lupa. Ini penentuan hidup hari depan kamu. Saya tidak suka anak muda yang peragu. Ingat! Samudera rumah tangga tidak seindah yang anak muda khayalkan. Bahtera perkahwinan yang akan kamu layarkan dalam samudera rumah tangga penuh arus yang engkau tidak lihat, taufan yang engkau tidak kenal, batu karang yang engkau tidak fahami. Jangan berkhayal bahawa sepanjang pelayaran itu, akan dibawa angin sepoi semata-mata – seperti sikap pelaut Madura, hanya membabar layar jika dapat angin baik saja. Kamu mesti bersedia hadapi dan gunakan angin sakal. Di mana dan bila pun!"

Kadir mengangkat muka bagi anak rusa tersesat di dalam kampung yang dia tidak kenal. Akhirnya dia tunduk hormat kepada Syed Omar. "Saya cuma tunggu dan harapkan restu orang tua di atas keredhaan Allah."

Syed Omar terpegun. Zahid tunduk. Mulut Hasnah terenggong. Zura menggigit kuku jari, matanya kepada ayahnya. Sepi. Penyaman udara itu, bunyinya seperti semenjak digunakan – monoton, menggetar terus-menerus – tapi seakan semua telinga di dalam bilik itu tidak dengar derum halusnya.

"Apa ditunggu?" Hasnah pecahkan keheningan itu. "Cikgu sudah jawab."

"Saya sudah dengar." Sahut Syed Omar. Dia bertanya kepada Kadir. "Cikgu! Engkau sengaja pilih Surah Lukman tadi?"

"Susah dijawab Tuan Habib. Bahasa saya tidak mampu gambarkan suara hati. Saya takut, segan dan memang tidak layak jadi imam bagi ibu bapa kami. Tiba-tiba, teringat Lukman dengan anaknya. Saya terharu dan memilih surah itu. Saya munajad semoga Allah redhai saya. Saya mohon semoga kami, sebagai anak, mendapat restu orang tua kami."

"Restu orang tua bukan hanya belas kasihan. Bukan hadiah. Intinya, tanggungjawab," kata Zahid kepada anaknya. "Kadir ingat itu?"

"Ingat, ayah!"

"Alhamdulillah! Cikgu sedari tanggungjawab hari depan." Syed Omar tegur. "Kami sebagai orang tua amat merindukan tibanya waktu dan keadaan yang akan kami temukan anak-anak kami, untuk kami serah beban daripada bahu kami ke bahu mereka, pewaris tanggungjawab daripada kami. Itu bukan sekadar kewajipan kepada rumah tangga dan berzuriat menurut rukun alam. Kewajipan itu adalah bakti engkau kepada masyarakat, tanggungjawab kau kepada bangsa dan agama, tugas kau kepada negara, peranan ikhlas dalam hubungan sesama manusia. Ikhlas, Kadir. Bukan riak. Ingat itu! Begitu yang kami mahu. Kami itu siapa? Dengar sini. Bapa saudara engkau; marhum Datuk Mushin. Ayahmu. Saya."

Zahid menangis mengenang abang sepupunya suami isteri.

"Pandulah kami!" Kadir merayu.

"Bagaimana, Sanah?" Syed Omar bertanya isterinya.

"Anak-anak ini sudah mulai tua." Hasnah tegas. "Mereka tahu apa yang mesti. Apa yang patut. Apa yang tidak boleh."

"Bagaimana, Yang Berhormat?"

Zahid mengangkat muka dan kesat air matanya. "Jika sudi terima kami, pukul gendang. Kami hendak belajar menari."

"Kita putuskanlah sekarang. Hal-hak Ulai A yang berikutnya itu cuma kerja orang perempuan saja," kata Syed Omar.

"Terimalah!" Hasnah mendesak suaminya. "Tahulah kami, apa akan dibuat."

"Saya terima Kadir jadi menaAGuku. Datuk terimalah Zura jadi menantumu."

Zahid bangkit menjabat tangan Syed Omar. Mereka berpeluk-pelukan. "Andai Datuk Onn masih hidup, dan lihat kita begini." Syed Omar teresak.

Hasnah terharu. "Bila agaknya orang Bukit Cagar akan ke Alor Merah?"

"Biarlah anak-anak ini dengan pelajarannya," kata Zahid. "Bolehkah kami ke sana setelah selesai sidang agung?" Dia kembali duduk.

"Sidang agung selesai hari Jumaat malam tubin. Boleh Yang Berhormat kirim orang dari Bukit Cagar ke Alor Merah pada pertengahan minggu depan?"

Zahid tergelak. "Johor dan Kedah cuti mingguannya sama. Biar mereka ke Alor Setar petang Khamis, dan ke Alor Merah pagi Jumaat."

"Sempatkah?" Hasnah resah. Dia menoleh Zura. "Tinggalkan kampus. Orang dari Bukit Cagar mahu lihat awak."

"Kalau tiada kerja selain melihat saya, tidak payah," kata Zura. "Mereka sudah berulang kali menilik saya."

"Kadir." Syed Omar tegur. "Boleh tinggalkan kampus? Tidak rugi buang masa sedikit. Keluarga dari Pokok Sena pun ingin juga tinjau-tinjau Cikgu dari dekat."

Kadir serba salah tetapi ajakan itu bersifat desakan. Dia menoleh kepada Zura. "Sanggup tuang kuliah sehari? Petang Khamis, terbang ke Alor Setar. Terbang pulang ke Kuala Lumpur petang Jumaat. Hari Ahad kita kerja di makmal."

"Saya akan diperam di Kuala Lumpur saja hingga selesai sidang agung awak. Tak akan kami selekeh Jakun, terima orang Bukit Cagar. Anakku cuma Zura seorang. Apalah kata Datin Zabedah?" Hasnah serius. "Biar saya pulang esok pagi."

"Siapa jaga saya? Di Kuala Lumpur, mulai sekarang, hotel inilah rumahku."

"Banyak yang mahu dicari!" Hasnah mengeluh.

"Cari di Kuala Lumpur saja. Malam ini, telefon Syarifah Kalsom dan keluarga di Pokok Sena. Suruh mereka berkumpul di Alor Merah dan buat kerja apa yang patut."

"Ini baru terima borong," kata Zahid. "Runcitnya belum dibicarakan."

Hasnah tergelak kepada suaminya. "Awak berdua lama berkawan; selesaikanlah sendiri bagaimana yang patut. Tapi biar pasti sebelum wakil Datin Zabedah ke Alor Merah."

"Jangan susahkan diri!" Syed Omar tersenyum. "Bawa serba dua. Wang hantaran sepuluh. Maskahwin. Upah nikah. Majlis sehari. Kita berkumpul di Alor Merah saja."

"Pada dasarnya saya setuju!" Zahid tegas. "Tapi masih ada dua hal yang perlu saya minta difikirkan. Pertama. Dulang hantaran itu, kami tidak boleh elak kelaziman datuk neneh kami. Tolong fahami. Tujuannya, kami patut menghargai menantu kami, dan memuliakan besan kami. Itu kami akan letak di atas empat puluh satu dulang. Isinya termasuklah yang serba dua itu. Itu, hanya hal pokok. Runcitnya, biarlah emak Kadir dan emak Zura, atau wakil mereka selesaikan. Kita lelaki undur ke belakang. Berikan kebebasan kepada orang perempuan. Mereka lebih halus dan faham kerja begitu. Hal kedua; majlis sehari semalam di Alor Merah, saya keberatan. Kami mahu Zura diinai tiga malam. Pada malam inai besar itulah akad nikah berlangsung, dan berinai berdua. Esoknya, majlis bersanding dan jamu tetamu. Pada majlis akad dan inai besar itulah kami dari Johor berkumpul di Alor Merah. Seminggu kemudian, kami di Bukit Cagar melangsungkan majlis menerima menantu. Keluarga di Johor dan jiran-jiran di Bukit Cagar menunggu dan menyambut keluarga dari Kedah dan jiran-jiran dari Alor Merah. Jangan anggap saya melebih-lebihkan. Pada zaman kami begitulah. Kakak dan abang Kadir demikian juga. Kami tidak mahu Kadir dan Zura iri hati kepada mereka."

"Memang betul, Datuk," kata Hasnah. "Takkan anak saya tak dibuat majlis khatam Qurannya. Takkan berinai semalam saja. Tak kan anak saya tak disambut mertua. Macam manalah saya akan menjenguk besan jika Datin dan Datuk belum sambut menantunya?"

"Saya sedar Datuk." Syed Omar merenung sahabatnya. "Datuk bersit Salewatang Daeng Alle, Salewatang Daeng Kulle dan anak Syahbandar Daeng Pagauk. Memang adat dan kadar dalam perkahwinan orang daripada zurit demikian, begitulah kaedahnya. Tetapi keadaan sekarang sudah lain. Bukan saya tolak. Terima kasih kerana hargai anak kami dan muliakan kami. Saya terimalah itu. Tetapi dengan syarat."

"Syarat apa?" Zahid ketawa. "Semenjak bila pula tahu syarat-bersyarat? Sudah masuk empat puluh tahun bersahabat. Kerja yang lebih besar, kita sudah tempuh. Tak pernah ada syarat. Runding. Percaya. Pakat. Jabat tangan. Laksana. Begitu saja."

"Bukan apa-apa. Saya tidak mahu Yang Berhormat berhutang. Sebab itu saya mahu majlis itu di Alor Merah saja. Kalau hendak sambut Zura di Bukit Cagar, buatlah ala kadar, memadailah."

"Hal berhutang, Insya-Allah, tidak. Tetapi pinjam sesuatu daripada jiran, itu sudah adat dalam majlis bangsa kita. Agak-agak, bila langsungnya?"

"Datuk!" Hasnah menarik perhatian Zahid. "Tolong beri saya masa enam bulan."

"Konvokesyen Zura bila?" Syed Omar memandang anaknya.

"Bulan Julai, Walid."

"Boleh, kalau dibuat bulan Jun? Katalah, purnama bulan Syawal."

"Boleh! Emak Kadir telefon kepada emak Zura di hotel ini, malam ini juga."

"Saya tunggu atau saya saja hubungi Bukit Cagar. Waktu kami singkat."

"Panggil datang. Runding berdua. Jika cari barang, selesa pergi bersama."

Hasnah gembira mendengar anjuran suaminya. "Ya tak ya juga. Tetapi emak Cikgu Kadir akan tinggal di mana?"

"Di hotel ini juga. Suit ini sejiran. Saya fikir elok begitu." Zahid gembira. Dia toleh anaknya, "Pergi telefon emakmu. Beritahu dia hal ini semua. Suruh terbang awal."

Setelah Kadir melaporkan bahawa emaknya akan datang awal pagi esok, dia menambah, "Kami balik dululah."

"Nantilah!" Zahid mengangkat tangan dan memandang sahabatnya. "Boleh? Bertatih ke restoran! Takkanlah anak-anak ini pulang berperut kosong." Lalu kepada anaknya, "Setelah makan dan tunaikan Isyak kita ke Ampang Hilir. Ayah akan perkenalkan kau berdua kepada anak-anak Datuk Muhsin."

Wajah Zahara merasuk kembali cemburu Zura. Mukanya sudah merah.

TENGAH malam tujuh Safar gelap gelita, tetapi ibu kota terang benderang. Namun langit ditutup mendung. Zahid gelisah mendengar gelugut guntur dan bunyi halilintar. "Hujan ribut petir lagi malam ini. Jika ragu pandu ke Bangi, tidur di sini."

"Hantar ayah saja. Kami tak payah masuk," kata Kadir.

"Perlu!" Zahid tegas. "Mereka perlu kenal kau berdua. Ayah pengantin itu abang sepupuku."

"Sudah tahu," kata Kadir. "Kami kenal Zarina sejak kami masuk ke universiti."

"Akan jumpa dengan Zahara?" Zura tak dapat mengawal perasaan.

"Nampaknya begitulah kalau kita masuk." Kadir selamba.

"Sebentar pun tak mengapa." Zahid menyabarkan mereka.

Kadir mendesak seperti yang dijanjikan ayahnya, cepat memohon pulang. Tujuan utamanya adalah agar benih cemburu di dalam dada Zura layu sebelum bercambah. Aziz mengiringi mereka ke kereta Kadir di luar pagar, berpapasan dengan Zahara. Setelah kembali ke rumah, Julehah memanggil Basirun. "Kenapa pulang?" Zahara terkejut. "Tak mahu jumpa Pak Busu?"

"Siapa?" Kadir hairan.

"Jeneral Basirun. Adik bongsu emak saya."

"Sudah berjumpa malam tadi." Zura segera menyahut. "Lain kalilah." Dia tidak mahu memberi peluang Zahara berceloteh dengan Kadir.

"Malam Minggu makan di sini. Saya terbang pagi Isnin." Zahara mendesak.

"Kakak masak?" Zura cepat bertanya dengan tersengih paksa.

"Goreng rebus bolehlah. Mahu pizza? Hot dog? Saya belum tahu." Zahara gelak.

"Jadi." Zura tersenyum tapi hatinya panas. "Salam kepada Zarina apabila dia telefon dari Honolulu atau Tokyo nanti. Malam tadi dia kata akan terbang esok." Pesan itu ikhlas. "Beritahu dia majlis pertunangan kami diadakan pada minggu hadapan. Langsung perkahwinan Jun akan datang." Dia tersengih menayang gigi dan berkata di dalam hati, 'Berambuslah cepat ke Amerika.'

"Insya-Allah, kakak hadir. Balik ke mari bulan Mei. Mahu berhari raya di Sabah." Dia berjabat salam dengan Zura. "Hati-hati memandu, Kadir! Hujan dan ribut petir."

Guruh menggegarkan bangunan. Kilat menyiat angkasa, menggerunkan. Hujan ribut itu semakin lebat semasa mereka tiba ke Bulatan Pandan. Kadir memandu selaju lima puluh kmj di atas jejambat Pudu-Sungai Besi. Dia terpaksa memasang lampu tinggi dan lampu isyarat kuning.

"Sejuk. Tutuplah penyaman udara!" Zura merayu.

"Tak boleh! Perlu untuk *demist*."

"Boleh singgah?" Zura cemas.

"Di Pekan Sungai Besi? Maaf. Tidak sanggup. Pekan ini lebih hebat daripada pekan *cowboy* bila malam begini."

"Hati-hati sajalah." Zura tenang setelah melampaui pekan Sungai Besi. "Ingat. Ini belum lagi taufan samudera perkahwinan yang melayarkan bahtera hidupku. Manalah tahu, andai bahtera tubuhku kelak kekok melenggang dan kaku dioleng ombakmu dan unggal diheret arusmu? Mesti sabar sebagai nakhoda, rela melayan kerena bahtera baru, bijak membimbing supaya serasi tada layar dengan gerak kemudi."

Madah Zura disambut halilintar. Dia kecut, peluk dada dan menghimpit Kadir.

"Hebat puteri Tuan Habib!" Kadir perlinya bila petir beruntun itu berhenti. "Mahir bermadah di tempat sepi. Kenapa tadi diam mati kutu di hadapan ibu bapa?"

"Malu! Lagi pula, belum dicabar. Walid sudah tunduk."

"Doamu makbul." Kadir tergelak.

"Ketika Walid merenung Kadir, saya terlalu cemas. Tetapi hatiku lega kerana Walid tanya hal yang begitu saja. Jika dia timbulkan perkara ekstrim itu, saya pasti gerun. Entahlah." Zura menaikkan lengan kanannya ke tenguk Kadir. "Bagaimana nak jawab?"

"Bagus! Memang begitu yang saya tunggu. Sudah siapkan di dalam kepala. Data saya banyak dalam semua topik yang saya bincang dengan Syed Mokhtar di Perlis, jika itulah puncanya saya dianggap ekstrim." Kadir menarik nafas panjang. "Memang, lebih mudah menghadapi orang begitu. Mereka suka berhujah. Sudah mahir berdebat. Terlatih dalam bidang perbahasan termasuk menegakkan benang basah. Tetapi daripada mereka pun kita boleh menambah pengetahuan. Jika bukan ilmu, paling tidak sumber pengalaman, untuk memahami fikiran dan cara mereka. Cara dan fikiran mereka, kita harus hormati, walaupun kita bantah. Cara dan fikiran itu hak mereka."

Di seberang Plaza Tol Sungai Besi, banyak kereta berhenti di tepi kiri jalan. "Boleh tumpang berhenti hingga hujan ribut ini teduh?" Zura bertanya kepada polis di pondok tol.

"Bagus begitu. Masuk ke medan kereta di sebelah bangunan. Di dalam situ, lebih aman, ada kemudahan – tandas, dewan untuk rehat dan boleh masak air. Atau berhenti di tepi kiri saja jika mau cepat pergi, tapi hidupkan lampu isyarat kuning."

Kadir menepi ke kiri saja dan berhenti di belakang *trailer* kontena. "Kalau Zura mengantuk, tidurlah. Buka cermin itu sedikit. Saya hendak merokok."

"Bagaimana perasaanmu sekarang?" Zura tanya. Dia merendahkan sandarannya.

"Lega. Syukur kepada Allah. Orang tua kita restui perhubungan kita. Zura?"

"Seperti jawabmu kepada Walid, susah digambarkan suara hati kerana bahasa tidak mampu tuturkan dengan jitu." Dia memegang tangan Kadir. "Saya simpulkan begini saja; badanku terasa melayang, bahagia, sudah dekati gerbangnya syurga loka."

"Syurga loka!" Kadir tiru kata akhir itu. "Bagaimana hujan lebat, guntur, taufan, dan halilintar ini? Bukankah itu omen, komponen kosmos murka menentang kita?"

"Itu cuma proses alam. Kenapa menentang kita? Kenapa cuak kepada angin?"

"Pohon kasih boleh tumbang." Kadir bersuara terkulit.

"Hujan lebat?" Zura mencubit paha Kadir.

"Mandi air mata!"

"Petir halilintar?" Dia menarik tangan kanan Kadir ke dadanya. Kadir berpaling.

"Ledakan api amarah atau cemburu." Duduknya kekok di belakang steering.

"Jangan!" Zura melekapkan pipi kanannya pada pipi kiri Kadir. "Saya takut."

"Tenang dan berdoalah!" Kadir sabarkan. "Lepaskan tanganku. Sakit badanku duduk terpusing begini."

Zura tidak melepaskannya. "Rebah ke belakang," katanya. "Seperti saya!" Dia baring di kerusi yang sudah lurus ke belakang. "Hakikatnya, kita bertunang!" Bisik Zura seiring nafasnya yang hangat.

"Insy Alla! Rasminya minggu depan." Kadir melawan perasaannya.

"Walid sudah berlafaz serahkan saya kepadamu dan kau jadi menantunya."

"Boleh saya minta?" Bisik Kadir amat perlahan.

"Terangkan! Mahu apa? Jangan minta yang saya tidak ada atau tak mampu."

"Cium. Sekadar tanda syukur!"

"Ho ... oh!" Bisik Zura tidak menentu. Dia bingkas tapi Kadir tekan ke bawah. "Ambillah!" Suaranya menggeletar dan mendahului Kadir. Dia merasakan kali ini lebih rancak daripada yang malam tadi, dan lebih lama berkucup setiap ulangan dilakukan.

"Sekarang ..." Kalimat Zura putus. Mulutnya ditekup bibir Kadir. Tangan kiri Zura membuka tiga butang blaus, dan singsing ke atas branya, dan melekapkan tangan kanan Kadir pada susunya, bergilir kanan kiri. Kadir leka di sana. Zura terasa bangga di dalam hatinya, kerana menganggap telah memikat Kadir di situ. Dia telah dahului Zahara. Tiba-tiba, Zura menggeliat. Dia menolak Kadir, dan bersuara tangis, "Saya takut. Kita pulang."

"Kenapa?" Kadir hairan.

"Saya basah. Jagalah saya. Bawa saya pulang ke komsis."

"Pandu kereta dalam hujan ribut petir begini?" Kadir tercengang.

"Taufan, hujan, guruh dan halilintar di dalam diriku lebih besar bahayanya. Bawa saya pergi dari sini."

"Nanti!" Kadir membuka jaketnya dan dipakaikan kepada Zura. "Saya perlu bertenang. Tidak usah bimbang! Tak akan kulakukan lebih daripada itu. Saya sedari amanah Walidmu."

"Saya takut. Tidak sanggup." Zura teresak.

Kadir mengikut jalur laju perlahan. Setelah menetapkan lajunya 60 kmj dia bertanya, "Tidak sanggup bagaimana?"

"Menunggu terlalu lama. Tujuh bulan lagi."

Kadir resah. Tetapi dia membiarkan Zura meletak kepala di atas bahu kirinya. Setelah melampaui jambatan arah ke gerbang kampus, Zura merayu, "Jagalah kesucian bakal ibu anak-anakmu!"

"Semoga Allah redhai janjiku." Suara Kadir garau. "Jangan cepat naik ke bilik. Saya akan bawa ke lobi semua pakaian dan barang yang kugunakan malam tadi."

"Bawalah. Saya tunggu. Bagaimana pakaian malam ini? Simpan juga?"

"Baik begitu. Saya ada dua beg gantung. Saya serah kepada Zura. Gunakanlah satu untuk yang malam tadi, dan satu yang malam ini."

Lobi Komsis D sudah sepi tapi mahasiswa masih ramai belajar di dalam dewan umum. Mereka mengulang kaji di bilik TV dan di bilik komputer ketika Kadir menyerahkan beg dan pakaianya kepada Zura. "Cepat tidur," Kadir berbisik. "Kejar masa ke makmal. Masuk kuliah pukul sepuluh." Zura mengangguk dan menggigit bibir, melawan berahi.

ZAHID terlibat dalam bual yang semakin mendidih di antaranya dengan Aziz. Dewan tamu itu dilengkapi tiga set sofa dari Itali, satu set dari Japara — penghuninya susut, satu demi satu. Prof. Zaitun, Puan Sri Samiah dan Hajah Habibah sudah lama ke bilik tidur. Datuk Mardan dan Datin Junaenah sudah menyeberang ke rumahnya.

Zahara masih terpaku di kerusi tunggal berkusyen tebal kain *brocade* warna dasar merah hati, berbunga kecil warna biru dan kuning emas. Perawakannya tangkas, bertubuh atletik, sekali-sekala dikerling Zahid yang

merasa amat syukur dan bangga kepadanya. Baju kurungnya daripada kain benang kapas, pabrik Atlanta dari Amerika, berwarna dasar gading, berbunga bakung kecil; warna kuning pinang diseling merah jambu dan biru langit. Mukanya seimbang dengan keping lebat dan dagu labuh Muhsin. Pipi, hidung dan bibirnya, tuang tidak tumpah daripada Khadijah. Pipi itu tipis padat di lembah hidung sederhana di bawah mata bulat berbulu lentic. Bibirnya mungil, rekah – menayang gigi bagai pagar mutiara – merah hidup, membayang darah muda tanpa gincu.

Leher Zahara lebih jenjang daripada leher Zaitun. Tapi bahu Zahara lebar, dan dadanya subur, menolak baju kurung. Di hujung lengan baju kurung itu, Zahid lihat tangan berkulit putih kuning gading tua. Rambutnya lebat, bergelombang di atas dahi, gelung alun di atas telinga dan di belakang mencecah ke bahu terburai lebar berbentuk lengkung menghempas.

Suhaili duduk segandang adik sepupunya, dibanding tara dengan Zahara. Pada penglihatan Zahid; dahi, mata, hidung dan pipi Suhaili setanding iras dengan Zahara. Tetapi kulit Suhaili garing kuning langsat. Bahu Suhaili kukuh. Lehernya besar. Bibirnya lebih tebal dan giginya kasar, pembawaan jasmani kejantanan yang tahan lasak.

"Ayah Dali tidur di bilik Zamri." Zaitun datang menegur Imam Petagas. "Tapi Pak Busu Tan Sri," dia menoleh kepada Jeneral Basirun, "apabila mahu pulang, Mak Busu Puan Sri minta dikehujarkan."

"Mak Busumu tidur di mana?" tanya Pak Imam. "Sejak tengah hari, saya tidak nampak Zamri. Dia ke mana?"

"Mak Busu di bilik pengantin. Zamri ke Pulau Pinang tadi, bentang kertas seminar di Universiti Sains. Pulang lusa." Dia duduk di sisi suaminya, "Bang Ziz! Tadi saya janji kepada Yang Berhormat, akan membawanya pulang ke hotel. Tapi hari sudah jauh malam. Tolong gantikan saya hantar Pak Cik Datuk pulang nanti."

"Jangan susahkan Aziz, Ton." Basirun gelak. "Datuk Zahid bersama saya saja malam ini. Pak Busu mahu dengar riwayat perjuangan ayah dan emakmu di dalam parti dan peranannya dalam kerajaan, sebagai bekas asuhan Datuk Onn dan Ibu Zain."

Zahid tersengih sumbang dan serba salah. "Lain kalilah Tuan Yang Terutama Tan Sri Jeneral. Sementara ini, saya terikat disiplin kerja sehingga sidang agung kami selesai dan akan segera pulang ke Johor untuk persiapkan kerja pertunungan anak-anak itu tadi."

"Hum!" Basirun menggumam. Dia teringat keterangan Syed Omar malam tadi tentang Zura dan Kadir. "Siapa nama emak bakal menantu Datuk Zahid itu? Keluarga Bamadhaj dari Singapura juga?"

"Bukan syarifah. Melayu Kedah. Puan Hasnah binti Haji Muhammad Zain."

Basirun tersintak. Dia mendongak ke siling dan menekan pelipis. "Saya hadiri pembukaan sidang agung parti Datuk pagi Khamis nanti. Boleh jumpa di sana?"

Zahid tersenyum. "Faham-fahamlah Tuan Yang Terutama Tan Sri Jeneral. Ya! Boleh. Tetapi elak daripada berdua saja. Maklum. Kita terkait keluarga. Sekarang berserak politik fitnah. Kami perlu bersihkan diri daripada kemungkinan dituduh ada bekerjasama dengan perwakilan negara lain."

Basirun merasa hampa. Hakim tua Bahrum tersenyum, masih ingat perbualannya sesama hakim tua minggu lalu dan siang tadi di Ibu Kota, gejala bencana besar politik Melayu melawan Melayu dalam satu parti, yang menjadi harapan utama bangsa Melayu. Pak Imam merenung bergilir daripada Zahid kepada Basirun, kepalanya dan dadanya diharu-biru oleh nama Haji Muhammad Zain di Kedah itu.

Suhaili terpegun melihat empat orang tua di sekitarnya berkelakuan diam, tapi dia tahu mereka memerangi sesuatu di dalam diri masing-masing. Dia hendak pecahkan kebisuan yang membosankan itu. Berkata selamba, "Biar saya saja yang bawa pulang Pak Cik Datuk nanti. Kalau Aziz hantar, mungkin mereka bergaduh di dalam kereta."

Bahrum tersengih. "Debat, ya debat. Anak saudara dengan bapa saudara, itu tetap begitu juga." Ketawanya pecah. "Tetapi saya tertarik kepada hujah Datuk Zahid yang penuh semangat, mempertahankan petani sawah sebagai sumber negara. Walaupun begitu saya tidak tolak hujah Aziz yang berdasarkan fakta kerana caranya rasional."

Zaitun berlalu dari situ. Dia terus ke dapur, menyuruh babu menambah minuman panas dan baulu serta kuih kering lain untuk mereka.

"Saya tak nafikan itu sebagai aset negara." Aziz tersengih kepada Datuk Zahid. "Saya cuma persoalkan sistemnya. Pak Cik Datuk belum dapat menolak hujah saya."

"Reformasi tanah yang anakanda Aziz bayangkan itu belum dapat diterima." Zahid mulai berkeras. "Cara begitu, bercorak sosialis. Dasar kita jelas, *free enterprise*. Dasar itu bukan saja terlaksana dalam perusahaan dan perdagangan tapi juga dalam pertanian. Banyak modal sudah dilabur dalam bidang pertanian kita. Jangan fikirkan sawah padi saja."

"Ertinya, Pak Cik Datuk setuju eksplotasi kalangan orang yang banyak wang ke atas tanah sawah dan petani miskin?" Pertanyaan itu tajam. Tapi Aziz tidak sekeras tadi. "Secara peribadi saya sudah banyak meneliti hasil kajian orang di universiti dalam perkara ini. Saya dapatkan sudah terlalu banyak sawah di utara sana, tanpa disedari oleh penguatkuasa undang-undang tanah negeri, ditelan ali baba."

"Bagaimana lagi kami akan buat?" Zahid bertanya kembali. "Kerajaan berikan nasihat malah menggera jangan sekali-kali jual tanah sawah masing-

masing. Kerajaan berikan panduan ke arah pertanian moden. Kerajaan sudah sediakan modal melalui bank. Kerajaan berikan baja, racun rumput, racun serangga, kemudahan jentera, nasihat dan petunjuk bersepadan dalam menanam sawah dan menuai padi pada masa yang sudah ditentukan. Kemudahan kilang padi disediakan. Memberi jaminan pasaran kepada mereka, harga ditentukan kerajaan, dan demi kepentingan mereka, kerajaan batasi import beras."

"Beginilah hujah orang politik." Aziz mengeluh. "Segala pemberian kerajaan. Siapa pun tidak ada hak menolak bukti itu. Saya sanjung bakti kerajaan kita Pak Cik Datuk. Tadi saya persoalkan sistemnya. Sekarang saya tanyakan sasarannya. Apa yang kita capai? Saya tidak mahu sentuh getah dan kelapa sawit. Itu melibatkan sektor eksport. Bidangku di situ. Perananku di situ juga, sebagai pegawai daripada suatu kementerian kabinet kita. Saya hendak tahu hal sawah menurut fikiran Pak Cik Datuk." Matanya beralih kepada Basirun. "Jangan marah Pak Busu Tan Sri. Hal ini persoalan dalaman negara kami sendiri. Petani sawah di utara sana yang bekerja dua kali setahun, menurut pengamatan saya sejak tahun 1980 hingga 1985, mereka hanya dapat purata dua ratus ringgit bersih sebulan. Ertinya, pendapatan kontan untuk satu keluarga hanya dua ribu empat ratus ringgit setahun. Bagaimana jika seorang kepala keluarga menanggung ibu, ayah, isteri, dan lima atau lapan anak? Malah ramai di antara mereka, anaknya sampai sepuluh orang." Aziz mengurut dada. "Mujur dan terima kasih Pak Cik Datuk kerana kerajaan berikan sekolah percuma, buku percuma, malah biasiswa ke pengajian tinggi di dalam dan luar negeri. Tetapi saya juga persoalkan di sini Pak Cik Datuk, ibu bapa yang anaknya diberikan pelajaran percuma itu, pernahkah dan bagaimanakah cara mereka berterima kasih kepada kerajaan? Pernahkah mereka berterima kasih kepada pegawai kerajaan yang bertungkus-lumus, botak, sakit jantung, lenguh tulang, tidak sempat ambil cuti demi melaksanakan segala program kerajaan? Belum, Pak Cik Datuk. Saya cuma baca di surat khabar dan lihat berita TV, mereka hanya berterima kasih kepada orang politik. Itu pun belum tentu ikhlas. Setiap pilihan raya, ramai mengundi calon pembangkang di kawasan tertentu. Mereka pernah dapat apa daripada pembangkang? Janji kosong. Fitnah. Bukankah fitnah lebih buruk daripada pembunuhan, menurut Islam?" Aziz terharu melihat air mata Zahid menitik.

"Ertinya, pemerintahmu telah berjasa besar," kata Basirun.

"Memang!" Aziz bangga. "Tetapi sawah dan petaninya itu perlu dicanai balik. Sistem dan sasaran bantuan kerajaan perlu disusun kembali, dan dipastikan tercapai dengan jitu. Pak Cik Datuk maklum kerajaan beri wang lapan ratus juta ringgit setiap tahun untuk petani sawah. Tetapi kami dapati cuma dua ratus juta ringgit saja yang tiba kepada petani. Selebihnya ditelan institusi yang kendalikan sawah dan petani."

"Hal begini juga kami alami di Sabah, maka kami bubarkan lembaga itu," kata Suhaili. "Mulanya memang ribut sebab sentimen berdasarkan tanggapan ada golongan yang dirugikan. Tapi rakyat mengerti. Tindakan itu disetujui. Cuma soalnya, apa jalan keluar dari situ, selain sistem reformasi tanah yang Aziz kemukakan tadi?"

"Sejak tadi, Aziz belum tunjukkan jalan keluar," kata Zahid. "Bagi saya, kalau institusi itu dibubarkan, itu mengakibatkan pengangguran. Hampir lapan belas ribu orang yang bekerja di dalam institusi itu."

Aziz mengangguk. "Itu realiti kini. Tadi Pak Cik Datuk bilang, kita berpegang pada dasar *free enterprise*. Tetapi itu saya tanggapi, dengan wujudnya institusi begitu bukan *free enterprise* kerana melalui institusi itu harga sudah ditentukan oleh kerajaan, bukan oleh pihak petani. Subsidi diberikan oleh kerajaan, wang diambil daripada tabung negara. Cara itu bukan sistem *free enterprise* tetapi meniru sistem sosialis."

Zahid tersenyum saja. Suhaili meningkah, "Saya tahu. Itu cara kita dan itu dibuat sesuai dengan keperluan semasa, selagi berfaedah. Tetapi apa jalan keluar yang Aziz anggap paling sesuai untuk sekarang, dan mungkin berguna bagi akan datang?"

"Lakukan reformasi tanah di semua tanah sawah. Laksanakan peruntukan yang ada dalam undang-undang tanah di setiap negeri. Jangan sekeping pun tanah sawah dijual kepada orang lain. Hapuskan lembaga itu dan hentikan subsidi. Dengan begitu, kita dapat selamatkan wang negara lapan ratus juta setiap tahun. Biarkan tumbuh sistem koperasi dalam pengeluaran padi dan petani yang menentukan harga pengeluaran mereka. Saya yakin beras akan lebih murah dan lebih baik mutunya daripada harga dan mutu beras mereka yang ada sekarang. Pertama, mereka akan berlumba meningkatkan mutu bagi mengimbangi mutu beras import. Kedua, walaupun terpaksa membeli baju dan racun, tetapi mereka sudah bebas daripada beban sewa tanah. Sewa tanah itu yang mencekik leher petani sawah selama ini."

"Aziz hendak buang nikmat wang lapan ratus juta setahun itu daripada genggaman pertanian padi?" Hakim tua Bahrum tergelak, sengaja menguji.

"Itu Pak Long, masih boleh dimanfaatkan petani di atas kebijaksanaan pembuat dasar di setiap negeri. Contohnya seperti Pak Cik Datuk ini buat kepada pekebun kecil di Negeri Johor. Tidak semua sawah di negara kita ini dapat ditanami dua kali setahun kerana faktor bekalan air. Tapi tanah sawah begitu pun boleh diolah cara lain. Tanami sayur agar import sayur dihentikan. Jadikan dusun buah-buahan semoga import buah pun dapat dikurangi. Kita perlu akui secara jujur, tujuh puluh peratus yang kita makan di negara ini terdiri daripada barang import. Andai itu kita susutkan kepada sekadar empat puluh peratus, kewangan negara makin selesa. Bayangkan penemuan saya dalam tempoh 1980-1985 selama enam tahun. Andai bantuan enam kali

lapan ratus juta atau 4.8 bilion ringgit itu kita labur secara efisen dan produktif dan terancang dengan sempurna, petani mewah, rakyat makmur. Tetapi terbukti, sekarang kita masih bagi orang menghasta tepi sarung. Tiada hujungnya, rugi terus-menerus."

"Pendapat Pak Busu?" Suhali tanya Basirun. "Saya lihat Aziz mahu bertindak drastis. Tetapi saya peringatkan, di Malaysia tindakan begitu belum digemari. Kita ini sudah diasuh berlembut, menarik rambut di atas tepung, rambut tak putus dan tepungnya tidak berserak."

Aziz tersenyum. "Bagaimana, Pak Cik Datuk? Saya akan hujah abang saya. Tapi biar saya dengar dulu fikiran Pak Busu kami."

"Anak-anak ini!" ketawa Basirun pecah. "Masing-masing sudah jadi teknokrat, sudah bergelar sarjana dan doktor. Sudah mulai tua. Tetapi nampaknya belum juga mengerti atau sengaja abaikan bahawa orang asing, terutama kalau yang seperti saya ini wakil negara lain, tak boleh campuri hal negara orang." Dia memandang Zahid. "Lihat itu, Datuk? Betapa gelojohnya anak-anak kita. Tetapi tidak mengapalah. Saya sekadar hendak bertanya kepada Aziz. Boleh?"

"Tiada salahnya bertanya," kata Zahid.

Mata Basirun tajam kepada Aziz. Suaranya tenang tapi tegas, "Beri saya bukti, Aziz! Adakah orang Melayu di kawasan pertanian padi di utara sana memiliki banyak tanah sawah, dan mereka sewakan kepada petani?"

"Sebagai contoh, satu memadai, Pak Busu." Aziz tersengih. "Jika ada orang rajin meneliti di Pejabat Tanah, umpamanya di kawasan Muda Kedah, orang itu akan jumpa nama seorang Melayu, sudah haji, setiap tahun dia bayar cukai tanah sawahnya lebih lima puluh ribu ringgit. Tetapi dia tidak bekerja di sawah. Semua tanahnya disewakan kepada petani Melayu dan Cina. Tapi kalau ada orang pergi meneliti di Jabatan Hasil Dalam Negeri, orang itu tidak akan jumpai nama pemilik tanah itu sebagai pembayar cukai pendapatan. Dapatkan Pak Busu bayangkan? Berapa luaskah sawah milik orang itu dengan cukai tanah sebanyak itu? Berapa banyakkah dia sudah pungut sewa tanah setiap musim daripada petani sawah itu, kalau katalah, enam ratus ringgit saja seekar bagi satu musim menuai. Ya, menuai dua kali setahun. Sekarang ada lima kali dalam dua tahun."

Mata Zahid besar. Basirun termenung. Imam Sadali ternganga. Suhaili tersengih. Senyum Zahara rekah kepada hakim tua Bahrum, yang acuh tidak acuh - menggulung rokok dari celepah Imam Sadali.

"Kedua." Basirun menyambung soalannya. "Beri saya bukti andainya memang ada orang bukan Melayu di utara sana yang sudah miliki sawah daripada milik orang Melayu. Jika saya tak silap di Perlis, Kedah dan juga Kelantan, Kanun Tanah di negeri-negeri itu belum benarkan yang begitu."

"Zahara!" Aziz seru adik iparnya. "Kamu saja butirkkan kandungan tesis Sarjana kamu dalam bidang antropologi sosial di Perlis dan Kedah."

Zahara geleng kepala. "Saya terikat syarat. Tesis itu, termasuk kategori naskhah kawalan ketat. Tidak boleh dibaca kecuali orang tertentu di universiti itu saja, setelah diberi izin khusus."

"Begitu hebat kau?" Suhaili kagum. "Tesis sarjana dan kedoktoran saya pun, keras dan tajam. Tetapi boleh dibaca. Cuma tak boleh dibawa keluar dari perpustakaan universiti."

"Memang, sudah jadi tekanan berat ke atas diri saya," kata Zahara. "Saya tidak boleh huraikan perkara itu kepada orang awam, terutama kita di sini ada orang asing, walaupun Pak Busu itu bapa saudara kandungku sendiri. Bagi saya, beliau orang asing."

"Malaysia tumpah darahnya." Imam Sadali melengking.

"Imam." Bahrum menegur. "Zahara betul."

"Tepat." Basirun menoleh Pak Imam. "Saya warga dan duta negara lain."

"Tidak mengapa. Dalam hal ini, saya jadi saksi Zahara." Zahid serius. "Boleh terangkan di sini. Sedikit memadai untuk menjawab pertanyaan Tan Sri Jeneral."

"Abang Suhaili?" Zahara bertanya kepada abang sepupunya.

"Dalam jawatan apabila Zahara bersalah, ditangkap. Dalam keluarga, kalau Zahara ditimpa musibah, panggilan darah mendesak saya melindungi adikku. Pilihlah. Jawab atau tidak. Terserah."

"Suhaili sudah mulai bijak." Basirun ketawa "Abang boleh terima begitu?" Dia tanya Imam Sadali.

"Buat sementara saya berpegang kepada pepatah: Diam, emas. Berkata, perak. Sekarang, saya pilih emas."

Zahara tersenyum kepada abang iparnya. "Sekarang, ya buat sementara, masih pakai perhiasan emas ayah angkatku – Imam Sadali."

Aziz kecewa.

"Kalau begitu, jangan jawab." Basirun mengalah.

"Parah sangatkah luka Kanun Tanah di Semenanjung?" Bahrum pura-pura tidak tahu. "Tokak busuk dalam Kanun Tanah bukan di Sabah saja, ya?"

"Baiklah!" Zahid mengalah. "Saya terimalah begitu. Tapi saya hendak dengar daripada anakanda Aziz. Apa jalan keluar yang kamu lihat? Maksud saya, penganggur daripada lembaga itu nanti, kalau dibubarkan."

"Dalam keadaan sekarang pun, beban juga, Pak Cik Datuk. Bukan aset. Mereka ditempatkan di sana tidak melalui Jabatan Perkhidmatan Awam. Walaupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terpaksa menerima dengan perasaan amat berat kerana perjawatan mereka sudah menimbulkan kerumitan tahun demi tahun. Tanggungjawab siapa itu? Seharusnya orang

yang melantik atau badan yang meletakkan mereka di situ lah yang berkewajipan merancang sekarang untuk menyelamatkan mereka."

Bahrum faham hakikat itu. Dia sembunyikan senyumnya tetapi bertanya, "Siapa?"

"Pak Cik Datuk cukup faham itu. Pak Long boleh tanya dia nanti."

"Semua orang tahu," kata Zahid. "Tapi saya perlukan pendapat Aziz agar kami boleh teliti untuk menentukan cara penyelesaian kepada masalah itu. Mereka orang parti kami."

"Mudah, Pak Cik Datuk. Mereka bukan profesional. Umumnya, mereka dalam kategori tidak mahir, kecuali beberapa orang pada peringkat atas saja. Mereka boleh jadi penyelia di ladang sayur atau dusun buah-buahan koperasi tani itu kelak. Sebahagian lagi, boleh diambil menjadi mekanik, operator jentera pertanian, pengelola tenaga buruh – setelah melalui kursus dalam perjawatan, setelah mereka mahir dalam tugas masing-masing. Segelintir lagi, golongan yang saya maksudkan tadi sebagai sub-profesional, syarikat milik parti atau milik orang parti Pak Cik Datuk boleh ambil mereka setelah diberi kursus tertentu dalam pengurusan perusahaan."

"Begini mudah jalan keluar?" Bahrum mengangkat dagu.

"Pelik." Imam Sadali hairan. "Betulkah? Parti berkuasa sekarang ada syarikat milik sendiri?"

Zahara ketawa besar.

## Selasa

Pukul 02.45

HUJAN masih lebat. Tapi guruh, petir dan angin ribut sudah reda bila Suhaili menghantar Zahid pulang ke hotel. Aziz ke dapur mengambil cawan bersih. Dia tuang kopi panas untuk mereka. Zahara perhatikan bingka dingin yang tidak diusik, lalu membawanya ke belakang dan kembali dengan kuih kekaras.

"Saya rindu kuih ini." Basirun mengambil sekeping. "Terima kasih. Zahara bikin?"

"Dari Petagas. Kata Mak Long Bibah, Kak Biah buat. Kami, generasi baru di Kuala Lumpur, namanya pun tak tahu."

"Kekaras. Kuih pusaka Melayu." Pak Imam tersengih. "Kasihan kau orang." Dia merasa terkilan kerana Khadijah tidak sempat mengajar anak-anaknya membuat adunan kuih Melayu.

"Ada kuih cincin, Run. Kakakmu sendiri yang buat," kata hakim tua Bahrum. "Bawa ke mari, Ara! Tentu Pak Busu engkau rindu juga kepada kuih itu."

"Abang kirim Salbiah ke Bandung," kata Basirun. "Selama berada di Bandung hari itu, dia terlalu sibuk, tak sempat ajar adik-adiknya buat kekaras dan kuih cincin."

"Di Bandung, ada juga gula merah?"

"Huh ayah Suhaili ingat di Malaysia saja ada? Orang sana pun kaya gula enau atau gula *areng*." Imam Sadali mengejek. "Basirun masih ingat Embi? Masa gerila di Jawa dahulu. Orang Kedah yang gugur di Salatiga itu."

"Embi!" Basirun terpegun. "Putera Penghulu Gajah Mati."

"Itulah. Tergila-gila kuih begini. Kata Embi yang menderanya, dia merindukan negeri, ibu bapa dan adiknya. Ingat? Emak angkatnya di Magelang menghidangkan kekaras semasa kenduri menujuh hari arwah Embi."

"Bang!" Basirun mendongak ke siling mengumpul fikiran. "Tadi, Datuk Zahid bilang bakal besannya bernama Hasnah binti Haji Muhammad Zain, orang dari Kedah. Bukankah ayah Embi juga bernama begitu? Siapa nama adik perempuan Embi itu?"

"Hasnah," sahut Pak Imam Sadali. "Kasihan! Katanya, hanya dua beradik. Basirun ada ziarahi kuburnya? Bagaimana jandanya? Apa halnya Sofian sekarang?"

"Setelah bang Dali tinggalkan Gersik, Den Mas Ayu Sumartini itu tak ada lagi tempat bergantung. Sebelum saya ke Amerika, saya sudah selesaikan masalahnya sebagai balu korban perang revolusi. Dia sudah dapat toko batik di Malioboro dan tinggal di Yogyakarta. Kubur Embi di Salatiga sudah dipindahkan ke Makam Pahlawan Kali Bata. Anak tunggal mereka, Sofian, kami bantu seluruh biaya pelajarannya sehingga dapat Ph.D. Sekarang jadi Dekan Fakulti Usuluddin di Sunan Giri juga." Basirun menarik nafas lega. "Bang! Pinjamkan saya gambar Embi yang bersama adik dan ibu bapanya. Suruh Gazali atau menantu abang kirim esok melalui *express dispatch*. Saya hendak gunakan gambar itu di Kedah untuk mencari keluarga Embi di Gajah Mati."

"Ayah Dali berjuang di Indonesia dahulu?" Zahara tertarik.

"Kami dalam satu batalion. Pak Busu dan Embi komandan platoon. Bang Dali kapten kompani kami. Dia pangku kepala Embi sehingga nafas akhir di Salatiga. Saya gabungkan platon Embi ke dalam platoon saya dan teruskan penyerbuan ke Ambarawa."

Zahara terharu melihat Pak Imam Sadali menghapus air mata. Hakim tua Bahrum bersungut, "Kenapa ayah Gazali tak pernah ceritakan peristiwa begitu kepada kami?"

"Buat apa?" Pak Imam Sadali berungut. "Peristiwa sedih! Luka lama dalam hatiku! Basirun dan Embi itu, dalam perang bukan sekadar anak buahku. Mereka seperti adik kandungku sendiri. Saya tak kesal ejal Embi tiba dalam pertempuran. Saya bangga dia sebagai komandan platoon yang berani. Tetapi dia mati muda, meninggalkan balu muda yang sedang hamil, terbuang daripada keluarga. Embi ditolak keluarga semenda. Saya tak tahu alamat ibu bapa Embi. Bayangkan itu, anak dan balu Embi tak berkeluarga."

"Orang Gajah Mati? Hasnah?" Aziz bertanya. "Nanti!" Dia ke bilik kerja yang digunakan Zaitun empat beradik. Dia pulang membawa album. "Ini gambar kawan Zarina sekeluarga yang berasal dari Gajah Mati." Dia keluarkan gambar itu dan menyerahkannya kepada Zahara. "Baca di belakang. Ada disebut nama Haji Muhammad Zain, Penghulu Gajah Mati. Hasnah bt. Muhammad Zain, Syarifah Zura bt. Datuk Syed Omar Bamadhaj."

"Ini gambar Zura, bakal tunang Kadir." Muka Zahara merah.

"Gadis yang datang tadi itu?" Pak Imam Sadali tertarik.

"Betul, Pak Imam! Bakal ipar dua pupu saya."

"Malam tadi Syed Omar hadir, tapi isterinya, bukan orang ini," kata Aziz. "Itu Cina Siam, saudagar berlian dan perabot import. Zaitun pun pelanggannya juga."

"Tengok." Pak Imam mengambil gambar itu daripada Zahara dan tilik. "Benar Run. Tapi gambar yang ada pada saya, itu gambar orang usia sembilan tahun. Dalam gambar ini, tentu Hasnah sudah dekat tiga puluh tahun. Zura ini pun, belum sunti."

"Abang yakin?" tanya Basirun.

"Kenapa tidak?" Dia sudah baca nama di belakang gambar itu.

"Zura kata tadi, ayahnya tinggal di hotel. Emaknya tiba dari Alor Setar," kata Aziz.

Pak Imam Sadali tersenyum. "Mudah kerja kita, Run! Tapi tunggulah hingga gambar simpanan saya itu tiba ke mari."

Basirun tersenyum. Sudah hampir rampung rangka kerja yang dia rancang untuk Pak Imam. "Zahara! Kejut Mak Busu kau. Hantar kami pulang." Dia toleh Pak Imam, "Ikut kami. Biar Bang Long dan Suhaili di sini."

"Saya serba salah. Sudah janji dengan Zaitun tadi."

"Biarlah Pak Imam di sini Pak Busu. Nampaknya Atun perlukan beliau esok pagi untuk baca doa selamat dan syukur." Aziz merayu.

"Saya pinjam lagi malam ini saja." Basirun berkeras.

Mata Bahrum besar bila mendengar desakan Basirun. Sejak pagi tadi, dia lihat di TV dan membaca di surat khabar peristiwa banglo bekas menteri di Likas meletup tengah malam tadi. Dia meragui Pak Imam, "Kau perlukan ayah Gazali malam ini?"

Basirun mengangguk.

"Tahu-tahu sendirilah." Bisik Bahrum hampir tidak kedengaran kepada telinga Basirun. "Ini bukan Petagas. Abang tak boleh ikut." Dia berkata kepada Pak Imam Sadali, "Malam ini saja. Pergilah. Nampaknya, Basirun belum habis rindunya kepada awak." Dia terkenang pertemuannya siang tadi hampir tujuh jam dengan lima orang temannya, bekas hakim, di Kuala Lumpur. Dari situ dia tahu gejala buruk dalam kepimpinan parti yang menyebabkan Melayu berpecah. "Jauhkan diri daripada orang politik."

"Sudah dua minggu dengan Pak Busu saja." Aziz membantah.

"Berpuhul tahun terpisah." Bahrum sergha. "Mulai esok, Pak Imam boléh tinggal terus di sini hingga kami pulang ke Sabah."

"Terpaksa juga mengalah, Bang." Zahara berungut kepada abang iparnya bila dia pulang mengantar mereka ke Jalan U Thant.

Ketika Suhaili balik dari hotel, dia segera bertanya, "Mana guru, ayah?"

"Pak Busu kau ambil."

"Ayah benarkan?"

"Siapa dapat menahan kehendak Pak Busu engkau?"

"Abang," suara Aziz murung. "Saya halang tetapi gagal. Saya sedar sekarang. Betul cerita Atun kepada saya semasa dia pulang dari Sabah. Katanya, Pak Busu dengan Pak Imam itu macam belangkas."

Bahrum tergelak. "Hantu belangkas. Berdoalah. Semoga tiga empat hari ini tidak banyak kubur baru di Kuala Lumpur."

Suhaili mengeluh, "Pak Imam itu sejak bertemu dengan Pak Busu, makin saya tak faham. Dia bagai pergi buta. Kita tak tahu ada apa di dalam dirinya dan berapa dalam." Dia duduk di sisi ayahnya. "Ayah sedari? Dini hari malam tadi, dia terus menunggu berita radio, setelah dia lihat gambar letupan di Likas dalam berita akhir di TV."

"Ayah mana ada waktu perhatikan orang di dalam rumah. Saya dengan Dahari berembun hingga ke Subuh."

"Letupan rumah di pantai Likas itu. Saya lihat guruku tersenyum. Dia tepuk bahu Maeda Giro. Lalu mereka keluar. Tanaka pun tidak tahu mereka entah ke mana."

"Apa salahnya jika Pak Imam senyum. Apa ganjilnya dia akrab dengan Giro? Mereka sudah karib di Sabah. Giro sudah ada rumah di Kuala Lumpur. Kau iri hati kepada Giro?"

"Tidaklah! Tetapi pergi buta itu bingungkan saya. Kuala Lumpur pula sedang dalam keadaan begini."

"Pak Busu engkau itu, bukan pergi buta?"

Suhaili garu dagu.

"Ayah dan Pak Imam Sadali itu anak sepupu Pak Kahar. Pak busumu, anak bongsu Pak Kahar. Engkau, cucu sulung Pak Kahar. Mahu tahu gurumu dan Pak Busumu? Carilah dalam dirimu. Dalam dirimu, diri Arman, dan Karman itu, engkau akan temui gabungan nakhoda – bajak laut Abdul Aziz, dan hulubalang Ginsu. Hendak kenal diri adikmu, Zamri itu? Gabungan Ginsu-Aziz-Salewatang Daeng Alle. Faham itu? Zuriat peminum darah."

Suhaili resah. "Kuala Lumpur semakin genting. Sudah terlalu panas politiknya. Saya lihat di lobi hotel tadi, orang bermuka tegang dan masam saja. Mereka kerumuni Datuk Zahid, meminta kebenaran untuk bertindak balas!"

Hakim tua Bahrum geleng kepala. "Mungkin ayah tahu lebih daripada yang kau tahu hal suasana Kuala Lumpur sekarang. Ayah pun masih yakin Pak Busu kau tidak akan bertindak gopoh. Dia buat sesuatu kalau segalanya sudah pasti. Itu pun, dengan cara budi bicaranya sendiri."

"Bang." Aziz meningkah. "Dalam perbualan tadi, Pak Busu dan Pak Imam Dali temukan tanda positif nama adik perempuan teman seperjuangan mereka di Indonesia dahulu. Orang itu bakal mertua Kadir atau bakal besan Datuk Zahid."

"Lha!" Suhaili hairan. "Mungkin Pak Imam sudah dirasuk jiwa muda. Sejak dia bertemu dengan Pak Busu, dia selalu berkata kepada saya, 'Kembali ketagih.' Saya tak tahu, dia ketagih apa."

"Hujah Aziz kepada Datuk Zahid tadi telah menyalakan semangatnya." Gelak Bahrum meletup. "Lain kali, jika dia ada, jangan timbulkan hal kesusahan rakyat."

Dia memandang Zahara. "Di rumah Basirun, ayah angkatmu itu selalu sebut namamu. Dia bilang, yang boleh ikut jejak Basirun cuma Zahara. Sayangnya, Zahara perempuan."

"Saya ini ada gaya pemberontak?" Zahara ketawa.

"Lebih daripada itu Dik." Aziz tersengih. "Berbakat eksterimis. Saya sudah lama kaji kawan Zarina, Kadir itu. Jika dia menjadi antropologis, sikapnya sama dengan sikap kau."

"Apa halangan bagi Kadir?" Zahara mencebir.

"Pengetahuannya pada tanah dan galian saja. Dia belum terbuka kepada subjek manusia, penduduk bumi dan calon penghuni bawah tanah."

Zahara mengangguk. Suhaili senyum kepada ayahnya.

"Kita sudah terlambat, Aziz." Suhaili ketawa. "Andai saya tahu sejak dulu, ada anak saudara Pak Cik Muhsin dari Johor selalu datang ke rumah ini, kitalah yang akan ambil jadi adik iparku dan birasmu."

"Engkau hendak jodohkan dengan siapa?" Bahrum memandang anaknya.

"Zahara." Suhaili tegas.

"Saya? Dengan budak mentah begitu?" Zahara berang. "Kur semangat!" Bahrum tersenyum. "Pak Long lihat, memang Zahara serasi dengan Kadir."

"Penyakit!" Zahara berungut, bangkit dan masuk ke biliknya.

Aziz mengeluh. "Pak Long! Terangkan betul-betul kepadanya. Zahara pantang disinggung hal begitu. Jangan sampai merajuk."

"Keras hati?" Suhaili mulai khuatir.

"Hal itu, lebih baik tanya Atun. Dia pulang ke mari ini pun, sudah terlalu besar syukur kami. Kalaualah dia tidak terikat dengan syarat biasiswa dan jawatan universiti di sini, dia akan kekal di negeri orang."

Bahrum termenung, lalu memandang Aziz, "Aziz masih cuti esok?"

"Hingga Zahara pulang ke Amerika, Pak Long. Saya akan masuk kerja Selasa minggu depan. Tapi Atun habis cutinya hari ini. Esok dia ada kuliah."

"Suhaili ada kerja di Kuala Lumpur?"

Suhaili geleng kepala. "Tiada kerja rasmi. Tapi dapat kereta dari rumah Sabah. Mak suruh saya jadi orang pasar di sini. Mulai esok, hantarnya sebelah pagi dan bawanya pulang petang dari sidang agung hingga selesai hari Jumaat. Mak dan Biah jadi pemerhati."

"Pinjamkan saya keretamu esok, Aziz. Saya hendak keluar dengan Zahara."

"Bagus, Pak Long. Pujuklah dia."

**BASIRUN** memandu kereta peribadinya ke rumah Giro. Naomi menyambut mereka di pintu. Pak Imam berkata, "Lapang hati saya, Run. Saya sangka kau akan bawa saya ke tempat-bukan."

"Tempat bagaimana?" Mereka duduk. Giro datang berpakaian tidur-yukata.

"Kuala Lumpur sudah banyak setannya terutama pada waktu malam. Begitu amaran Zaitun. Penanggah malam itu pun bilang, terlalu banyak iblis bertopeng bidadari."

Basirun ketawa. "Itu pelengkap hiasan kota besar. Bebas. Terima atau tolak."

Giro gelak tapi bersungut di dalam hati, 'Orang ini tak boleh dibawa ke Jepun.'

Naomi meninggalkan mereka. Kemudian, dia kembali membawa kelengkapan minum teh hijau. Sementara dia persiapkan kerjanya, Basirun berkata, "Sengaja bawa ke mari hendak jumpakan abang dengan Giro. Mahu tahu latar belakang letupan di Likas."

"Peristiwa malam tadi yang disiarkan TV dan surat khabar?" Giro selamba.

Basirun mengalih gilir pandangannya daripada Giro kepada Pak Imam.

"Kenapa mahu tanya saya dan Giro?" Pak Imam menoleh ke cerek Naomi.

"Tentu tahu suasana Kota Kinabalu sebelum tinggalkan dua minggu yang lalu. Giro terbang dari sana petang semalam. Mungkin dia lihat gelagat yang menimbulkan kegelisahan rakyat."

Pak Imam geleng kepala. "Semua sudah aman. Tidak ada tanda mencurigakan. Kenapa, Run? Ragu teruskan projek itu, dan tak yakin labur modal?"

"Bagaimana Giro lihat?" Basirun kerling dengan sudut mata.

"Aman! Lebih tenteram dibandingkan dengan Kuala Lumpur seminggu ini."

Basirun menghadapi Giro dengan mata membelalak, "Kenapa letupan itu terjadi?"

"Mana saya tahu?" Pak Imam menyahut setelah melihat Giro serba salah.

Giro geleng kepala dan mengatur cawan di atas meja. Naomi melecek serbuk teh hijau ke dalam lesung batu. Airnya sudah mendidih di dalam cerek karan.

"Abang dapat bayangan, rumah siapa yang jadi sasaran letupan itu?"

"Beritanya kurang jelas." Pak Imam selamba. "Gambar dalam TV tidak tunjuk persekitarannya. Surat khabar tak sebut nama pemilik banglo itu. Cuma dikatakan, bekas menteri di Sabah."

"Kenapa Tan Sri tidak tanya orang Konsulat di Kota Kinabalu jika mereka belum kirim laporan?" Giro menoleh kepada Basirun.

"Laporannya sudah tiba. Tetapi saya mahu tahu daripada kamu. Saya hairan kenapa kejadian begitu terjadi lagi di Sabah." Dia murung. "Bang Dali, Bang Long, Suhaili di sini. Saya tidak tahu dan risau fikirkan Petagas sekarang." Dia berdalih.

"Bagi saya mudah saja, Run." Pak Imam menyambung. "Mereka sudah pilih wakil mereka untuk bentuk kerajaan. Biarkanlah rakyat bergantung kepada kerajaan yang dipilih."

"Ada keluarga di Likas?" Pertanyaan Basirun kepada Pak Imam. Tapi matanya kepada Giro.

"Ramai. Walaupun ada juga yang kaya, tapi tiada bekas menteri. Jangan risau."

Basirun mengubah topik pertanyaannya secara mendadak. "Kamu Giro, sebagai Dekan di Fakulti *Foreign Studies* di Osaka University, tentu sudah kaji Asia Tenggara, termasuk Sabah?"

"Kedoktoran saya, Sunan Giri - Indonesia. Saya sudah selesai kajian tentang Malaysia selama dua tahun, termasuk Sabah."

"Dalam hal Sabah, buku apa kamu baca?" Mata Basirun tajam kepadanya.

"Banyak. Antaranya G.C. Wolly, Henry L. Roth, Owen Rotter, I.N.N. Evan, J. Baker, Black, Trigonning."

Basirun ketawa kepada Pak Imam. "Anak ini masih perlu cari buku yang amat penting tentang Sabah." Tiba-tiba dia berpaling kepada Giro, "Whelan?"

Giro terkut, pucat, dan semakin gelisah.

Basirun tergelak. "Giro! Waktu kita di Sabah, sehari sebelum tinggalkan Kota Kinabalu, kau dibawa Arman dan Gimbi berjalan sekitar bandar. Sempat ke Likas?"

"Saya dibawa selusuri pantai serta perumahan lama dan baru di sekitar kota itu."

"Giro tertarik?"

"Indah!"

"Tertarik pada salah sebuah rumah di sana?"

Giro diam. Basirun maklum. Dia teruskan, "Menurut katamu, kau kembali dari Ranau pada petang Jumaat yang lalu. Malamnya sempat mandi atau berjalan-jalan di sekitar pantai Teluk Likas?" Dia merenung Giro.

"Terlalu penat." Giro menyahut. Pak Imam dengar suara itu mantap. Tapi Giro tak berani menentang mata Basirun. Jawapannya pun terlambat. Basirun kesan perubahan warna muka Giro sebelum berpaling kepada isterinya dan menolong menuangkan air ke dalam tekoh tanah liat. Naomi membancuh serbuk teh yang sudah lumat itu. "Cuma mandi di pantai Tanjung Aru saja, setelah makan malam di hotel."

"Siapa hantarmu ke Tanjung Aru?"

"Pergi seorang. Tumpang taxi hotel. Pulang, naik bas saja."

"Engkau pinjam skuba dari Marina Club, Tanjung Aru?"

Giro pucat. "Berenang di tepi pantai saja," katanya kemudian.

Naomi menutup kembali tekohnya. Dia duduk bersimpuh di atas permaidani dan berbisik logat Kansai kepada suaminya agar menahan mereka.

Dia mahu masak nasi.

"Jangan, Naomi." Pak Imam menegah di dalam bahasa Jepun. "Kami tidak lama. Pak Busu kau hendak bawa saya berjalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur."

Basirun faham maksud Pak Imam, hendak dibiarkan bertiga dengan Giro. Fajar sudah muncul di ufuk timur ketika mereka meninggalkan Jalan Yap Kuan Seng.

"Kenapa tiba-tiba tanyakan buku karangan F. G. Whelan?" Pak Imam tanya.

"Dalam buku *Stories From Sabah History*, Whelan ada terangkan beberapa nama yang terlibat dalam pembunuhan Kapten Maeda dan pasukannya yang sudah tiada senjata di Maligan. Seorang daripadanya adalah bekas menteri di Sabah yang tinggal di banglo besar dan mewah di pantai Likas."

Pak Imam sudah membaca buku itu. Dia tahu peristiwa itu, sebelum lari ke Indonesia. Tetapi hal itu dan peranan Giro, dia hendak diamkan saja.

"Zuriat Ginsu haus darah." Basirun berkeluh kesal. "Andai di dalam perang atau mencegah musibah yang akan menimpa negara, tidak mengapa."

"Kenapa, Run?"

"Termasuk Giro!"

"Apa hal? Bidangnya akademik. Sekarang dia diplomat. Apalah daya Giro selain daripada tindakannya mempertahankan diri di dalam kapal terbang beberapa bulan dahulu?"

"Rumah bekas menteri di pantai Likas itu, kerja Giro. Ayah Suhaili tahu pembunuhan Kapten Maeda. Pedang, salah suatu senjata yang digunakan itu, masih ada di Bukit Besar, Sipitang; disimpan keluarga semenda bekas menteri itu."

"Saya hendak lupakan zaman lampau, Run." Pak Imam berungut.

"Saya masih ingat perkataan abang, waktu kita *long march* dari Jawa Tengah ke Jawa Barat."

"Apa perkataan saya yang kau ingat?"

"Setiap senja ada fajarnya."

"Apa maksudmu peringatkan saya ungkapan itu?"

"Lupakanlah peranan Giro itu. Saya harap dia sudah puas hati. Tapi ini, untuk abang sendiri. Semoga gembira kembali di dalam satu rumah tangga. Untuk bangsa kita. Tambah lagi isi dada Sofian. Bangsa kita terlalu lama menderita. Sebab itu, saya harap benar kepada kebangkitan Sofian dan generasi sekarang dan akan datang."

"Saya sudah asuh Sofian hingga dia masuk ke sekolah menengah."

"Anak Embi hidup bahagia. Syukur! Tapi balu Embi, belum. Dia masih ditolak keluarga. Tega hati Bang Dali biarkan Den Tini begitu?" Basirun tidak masuk ke Jalan U Thant. Dia berjalan terus dan belok ke kanan di simpang tiga Bukit Bintang.

"Subuh akan masuk tidak lama lagi, Run. Mahu ke mana?"

"Ke dalam hati Bang Dali. Saya mahu tahu dan perlukan bantuan. Setelah itu, baru kita pulang. Saya akan hubungi Den Tini dari Jakarta, siang Jumaat tulat."

Pukul 05.10

NIAGA atau seks? Hal itu belum jelas sehingga Ngo Huy Hoe sampai ke bendul pintu kamar hotel itu pada petang 22 Oktober. Dia segera bertanya, "Berapa lama kamu mahu?"

"Dua minit dan pulang kalau tidak berminat. Atau sebulan andai percaya kepada saya." Salmah menyambut dan membawa dirinya ke kerusi, lalu bercerita tentang masalahnya. "Saya mesti bertindak. Tetapi tidak kuat seorang diri melawan suamiku."

"Sebab itu kamu datang ke mari?"

"Dihanyutkan perasaan marah dan ketakutan." Salmah mengeluh. "Hendak ke Bangkok atau Jakarta seberapa segera tapi cuma dapat *seat* serta-merta ke Singapura."

Salmah tunduk. Ah Hoe bersungut, "Menurut logiknya, suami kamu tidak akan apa-apakan dirinya. Kamu sumberkekayaannya. Jika engkau rosak, dia pun dalam bahaya."

"Ada sumberkekayaannya yang saya belum kuasai." Salmah mengambil dan menunjukkan kertas yang dia salin daripada beg jinjit Syed Omar. "Ini! Tentu mahal harganya."

Ah Hoe teliti kertas itu. Keningnya berkerut. "Kita bicarakan setelah makan."

"Di restoran? Jangan *uncle Hoe*. Saya takut ada orang tahu saya di sini."

"Engkau budak bodoh." Ah Hoe meradang. "Belum diajar ayahmu? Semenjak kahwin, saya tidak makan di mana pun di Singapura, selain masakan para isteriku."

"Bawa ke rumah? Saya takut dilihat. Ramai keluarga suamiku di Singapura."

Ngo Huy Hoe menelefon.

Mereka berbual hal keluarga Salmah di Bangkok, sambil itu Ah Hoe meneliti susunan kata-kata di atas kertas itu. Bila makanan sampai dari rumah Ah Hoe, Salmah bertanya, "*Uncle* boleh temukan rahsia kata-kata itu?"

"Engkau tahu? Kerja ini belum tentu selesai malam ini."

"Susah sangatkah, *Uncle*?"

"Cara ini bukan sistem yang betul. Bukan sandi biasa. Orang cerdik. Tentu dia atau mereka mahir dengan sandi yang teratur. Tapi dia gunakan ini. Gila punya orang."

"Tiada harganya?" Salmah mulai merasa kecewa.

"Barangkali harganya terlalu besar. Itu sebabnya dia buat sandi begini."

"Sudikanlah Uncle Hoe terima mangkuk nasi di tanganku. Semoga Uncle Hoe semakin kaya, sihat, makin banyak anak dan panjang umur."

"Kerja ini tidak habis hingga pagi. Esok sambung hingga selesai, jika dapat."

"Untuk tolong saya?"

Ngo Huy Hoe mengangguk. Dia letak sepit dan mangkuk nasinya.

"Kenapa Uncle?" Salmah hairan, mulai ragu sama ada akan ditolong atau tidak.

"Tiada selera."

Salmah tercengang. "Masakan ini sedap!"

"Ayahmu belum ceritakan bagaimana cara Uncle makan?"

Salmah mengangguk. Dia berdiri dan membuang seluruh pakaianya. "Begini?"

"Bagus!" Ah Hoe tersenyum. "Begini; perut, hati dan mata dapat makanan." Dia merenung Salmah, "Sudah beri anak kepada suamimu?"

"Belum."

"Sudah lapan tahun." Ah Hoe bersungut tapi riang di dalam hati kerana Salmah punya tentu masih bagus. "Tidak mahu anak?"

"Dia terlalu ingin. Tapi saya belum mahu."

"Hum!" Ah Hoe menggumam. "Kamu masih suka main-main."

"Uncle marah kepada saya?" Salmah tersenyum kepadanya.

"Ayahmu perlu cucu lelaki. Emak engkau juga perlu cucu perempuan. Supaya mereka sembahyang kepada roh ibu bapamu."

"Sudah ramai anak adik, abang dan kakak saya." Salmah ketawa.

"Masih suka main-main? Mesti dapat anak sebelum usia empat puluh tahun."

Salmah terdiam.

Ah Hoe tidak habiskan isi mangkuknya. Tapi sudah habiskan sebotol ciu. Lalu dia berpindah ke kerusi besar. "Sekarang mahu buat kerja."

"Apa yang saya boleh bantu?" Salmah mendekat, masih bagi lumumba.

"Pakai baju. Ini betul gila. Tidak apa. Saya ingat sekarang. Empat puluh tahun dulu ayah saya terima sandi cara gila begini dari Seberang. Cari kertas. Potong kecil."

"Orang dari Seberang laut?" Salmah keluarkan dari stationery – pad kertas tulis yang berkepala surat dan alamat hotel itu. Dia potong, lalu letakkan di atas meja.

"Orang Indonesia." Ngo Huy Hoe salin daripada kertas yang dibawa Salmah dari Kuala Lumpur:

1. *pasang penuh*
2. *tiga puluh sepuluh*
3. *kala jamban*
4. *kosong satu empat lima*
5. *tempatu*
6. *lu enam empat*
7. *buti seratus lima*
8. *basa*
9. *mura*
10. *suka*
11. *kaki itik*
12. *renti*
13. *atas diri*

Mata Ah Hoe sepeh merenung setiap keping kertas yang dia sudah salin itu, lalu memandang Salmah. "Kasi teh!"

Salmah memberinya semangkuk.

Hampir satu jam barulah Ah Hoe mengangkat muka. "Chanida! Buat gambar itik."

Salmah patuh. Ah Hoe mengerling dengan sudut mata. "Salah. Lihat kakinya. Itu ayam punya. Itik punya kaki, macam daun keledek."

Salmah ketawa. Dia melukis yang lebih baik. Ah Hoe melirik dan berkata, "Itu letak situ dulu."

"Saya belum mandi. Hendak salin baju juga."

"Hum!" Ah Hoe menggumam. "Jangan lama!"

Salmah sedang leka menyabuni sekujur tubuh di sisi *bath-tube* apabila Ah Hoe berseru dari luar, "Chanida budak malas! Mari sini."

"Masih mandi!"

"Mari sini sekarang."

Salmah gagau, bulat bagai tenggiri, tiba ke sisi Ah Hoe. "Saya datang."

"Chanida begitu? Tidak apa." Ah Hoe geleng kepala. "Kertas ini, bagus." Dia renung bulu tundun Salmah. "Telefon ke rumah, suruh bawa sini kalender Cina yang lengkap tahun ini dan satu peta Asia Tenggara, peta negeri-negeri di Semenanjung yang lengkap. Juga peta laut Selat Melaka, Selat Singapura dan laut pantai timur Semenanjung."

Salmah buat apa yang disuruh. Dia kembali kepada Ah Hoe. "Pergi selesaikan mandimu. Mahu suruh buat gambar lagi."

Setelah puas berendam, berdandan, berpakaian malam, dia mendatangi Ah Hoe.

"Lihat kertas ini nombor tiga." Ah Hoe tunjuk. "Dia bilang *kala* dan *jamban*." Dia senyum memandang Salmah. "Kamu semakin cantik. Buat gambar *kala* dan satu *jamban* rumah orang kampung punya."

Gambar kala jengking segera disiapkan Salmah. Tapi gambar jamban orang kampung sukar dibuat. Salmah bingung. Dia tidak tinggal di kampung. Lalu dia teringat perumahan rakyat di tepi Sungai Chao Phraya di Bangkok. Akhirnya selesai juga gambar sebuah jamban yang berdinding papan tegak, beratap zink dan berpintu tabir guni tua yang sudah lusuh.

"Taruhan situ."

Salmah menjeleng tangan Ah Hoe yang menulis di kertas yang utuh baris kata dengan huruf besar dan baca perlahan, "Pasang besar atau pasang penuh, atau pasang semua." Dia bertanya, "Apa maksudnya, Uncle?"

Ah Hoe bungkam dan terus meneliti kertas nombor dua, dan mengulang, "tiga puluh sepuluh". Tiba-tiba, dia menulis di bawahnya, "tiga puluh Oktober". Ah Hoe berungut, "Ini babi punya orang mahu kasi orang lain jadi gila. Ini pasang penuh tiga puluh Oktober." Mukanya mendongak. "Mana kalender?"

"Belum sampai."

"Bodoh. Malas punya orang. Panggil sama dia."

"Sudah, Uncle! Tentu datang sebentar lagi. Ini Tanglin. Jauh dari Rochore."

"Hum! Singapura tidak besar. Mereka bukan berjalan kaki. Chanida tulis." Tangan Salmah rancak. "Sudah."

"Simpan." Muka Ah Hoe berkerut. "Ini tipu punya." Dia kerling gambar itu.

"Uncle suruh lukis begitu." Salmah bela diri.

"Bukan gambar. Perkataan itu, bodoh." Dia mengangkat muka, garu dagu, lalu menyucuh paip. "Nombor empat punya, tulis."

Salmah mengambil kertas baru. "Jangan. Saya bilang dulu." Dia menggigit bibir, dan berkata, "kosong satu empat lima. Tulis begitu, sambung pasang penuh tiga puluh Oktober. Jangan salah." Dia mengambil dan mengeja. "Mana kalender itu?"

"Belum datang."

"Malas punya orang. Rajin buat anak, tak pandai buat hidup." Ah Hoe resah.

"Apa maksudnya, Uncle?"

"Laut. Bulan. Angin. Ombak. Kapal. Hujan."

Telatah Ah Hoe membingungkan Salmah.

"Chanida faham, apa itu tempatu?" Ah Hoe menyengir. "Nombor lima punya."

"Nanti." Salmah garu pelipis. "Itu, *kala* tentu bukan yang saya gambar. Bukan kala jengking."

"Kenapa bukan?" Mata Ah Hoe sepet tapi tajam ke muka Salmah.

"Saya ingat dalam sutra Buddha ada perkataan *kala*. Maksudnya; waktu, masa. Ya, tentu masa."

"Bagus! Bagaimana kata *jamban* itu?"

Salmah garu kepala. "Nanti kita cari."

Kalendar China dan semua peta yang diminta Ah Hoe sampai. "Pulang. Tetapi jangan tidur macam babi kenyang." Ah Hoe menggerutu. Setelah orang itu keluar, dia tegur Salmah, "Lihat kalender ini. Bawa tulisan tadi." Salmah mencapai kertas itu. "Baca." Salmah membaca satu kata demi satu kata. Ah Hoe terus merenung kalender, lalu meneliti lembaran Oktober. "Mana kertas nombor empat: *kosong satu empat lima itu?*"

Salmah memberinya. Mata Ah Hoe bergilir kepada kalender dan kertas nombor empat. Dia tepuk meja. "Inilah dia! *Pasang penuh, tiga puluh Oktober, kosong satu empat lima.*" Dia merenung Salmah. "Apa makna *kala*?"

"Waktu atau masa!"

"*Jamban*?"

"Belum tahu."

"Hum! *Jamban* itu tentu *jam*. Jadi, begini; masa, jam."

"Jadi, bagaimana, *Uncle*?"

"Chanida, engkau tulis *Pasang penuh, tiga puluh Oktober, waktu jam kosong satu empat lima ...*" Dia berhenti setakat itu dan lama termenung, sebelum bersuara kembali, "*Jam satu empat puluh lima.*"

Salmah patuh.

"Cari makna kata *tempatu* dalam nombor lima."

Salmah bersuara enggan, "Kalau *tempatu* ada."

"Apa maknanya?"

"Nama pokok kayu tumbuh dekat pantai. Hidup di kawasan tanah yang ada air masin."

"Susah!" Ah Hoe mengeluh. Dia merenung kertas di atas meja. "Kita cari nombor enam dan nombor tujuh dulu."

"*Lu enam empat.*" Salmah baca nombor enam.

"Kau, awak, enam empat. Kamu enam puluh empat tahun." Ah Hoe ketawa.

"Hah?" Salmah terkejut. "Saya masih muda. *Uncle* lihat bukan? Segar!"

"Cari kata *lu*." Katanya dan tersenyum kepada Salmah. Tiba-tiba dia termenung dan menyebut kata dalam nombor tujuh, "*Buti seratus lima.*"

"*Uncle!* Ini, nombor enam dan nombor tujuh, mungkin satu erti atau tujuan." Salmah merenung muka Ah Hoe.

Ah Hoe bingkas dari menungan. "Mana peta itu?"

Salmah bentang peta Asia Tenggara. Mereka mencari angka 64, dan 105, dan juga nama lu dan buti. Tapi akhirnya mengalah. Salmah bentang peta Malaya, namun gagal juga. "Bentang peta laut Selat Melaka." Ah Hoe bersungut. "Suami kamu orang Kedah. Tentu kegiatannya di sekitar itu juga."

Salmah bentang peta fragmen 793. "Mungkin istilah peta, *Uncle*!"

"Itulah yang saya fikir. Cari *lu enam empat, dan buti seratus lima.*" Dia teringat kembali pengalamannya empat puluh tahun dahulu. Tiba-tiba, Ah Hoe tumbuk meja. "Orang itu mahu buat saya bodoh."

"Kenapa, Uncle? Orang itu tujuhan kepada suamiku."

"Itu orang mahu tipu. Gila! Buat bodoh orang lain."

"Kenapa?"

"Orang gila main-main." Ah Hoe renung peta shit 793. "*Lu enam empat* dan *buti seratus lima*. Ini peta punya. Tetapi orang tidak buat begitu. Dia mahu buat orang bingung."

"Bagaimana?" Salmah mendesak. Dia khuatir Ah Hoe akan simpan rahsia itu, dan meninggalkannya.

"Chanida tulis! *Lu enam empat* itu *lintang utara enam point empat, dan buti seratus lima* itu, *bujur timur seratus lima*.

Salmah patuh, tapi masih ragu. "Betulkah ini?"

"Mesti betul. Tapi tak begitu caranya. Mesti bilang, *lintang utara enam point empat* dan *sekian darjah*. Juga mesti *bujur timur seratus lima* dan *sekian minit*. Ini orang buat banyak kasar punya. Mana orang tahu baca sandi cara begini."

"Bukankah tujuan dia begitu supaya orang lain tidak tahu?" Salmah tergelak.

"Tapi saya tahu sekarang."

"Mahu apa Uncle? *Pasang penuh, tiga puluh Oktober, waktu jam satu empat puluh lima malam, lintang utara enam point empat, bujur timur seratus lima?*"

Ah Hoe terpegun. "Itu *tempatu* mesti cari, apa dia mahu?"

"Sudah tahu air pasang, jam, tempat di dalam peta. Tapi yang itu apa? Tentu bukan pohon kayu. Kapal? Perahu? Sampan?"

"Kapal ..." Suara Ah Hoe putus dan termenung kembali. "Perahu. Sampan. *Tempatu.*" Dia mendongak kepada Salmah. "Dari kapal, dari perahu, dari sampan."

"Turun dari kapal?" Salmah menebak tiba-tiba.

"Ya! Dari kapal." Ah Hoe bingkas dari kerusi. Sambil berjalan dia tuturkan:

"*Tempatu. Tem tambah pa tambah tu. Tempa tambah tu ...*" Berhenti.

"*Tempat turun?*" Salmah meneka.

"Ya!" Ah Hoe kembali ke kerusinya. Dia jongkok ke hadapan, mengelus muka Salmah. "Peta shit 793! Cari *lintang utara enam point empat, bujur timur seratus lima*."

Ah Hoe segera taruh titik pada tempat yang dimaksudkan. "Tulis *Pasang penuh, tiga puluh Oktober, jam satu empat puluh lima malam. Tempat turun, lintang utara enam point empat bujur timur seratus lima*. Tentu begitu." Dia tunggu sabar Salmah selesai, kemudian membuat garis di atas peta. "Dia turun di sini waktu air laut mulai naik pasang."

Salmah tersenyum. "Kata-kata yang lain?"

"Kasi teh." Salmah menghulur. Setelah meneguk habis, dia cucuh paipnya dan rebah ke belakang, merenung asap dari hidungnya. Dia mendesis, "Pukul berapa? Hari apa?"

"Hampir siang, Uncle! Pukul lima lewat sepuluh minit, Selasa 23 Oktober."

"Chanida tahu? Apabila begini, apa saya buat di rumah?"

"Tidur."

"Huh! Sebelum tidur."

Salmah terpegun.

"Tidak tahu?"

Salmah geleng kepala.

"Apabila bangun tidur sebelum matahari naik?" Mata Ah Hoe semakin sepet.

"Jalan-jalan? Uncle riadah?"

"Suamimu buat apa?"

"Oh!" Mulut Salmah panjang ke hadapan. "Kenapa tanyakan yang begitu?"

Ah Hoe tidak sahut tapi membuka pakaian dan baring di atas katil.

"Uncle?" Salmah tegur. "Itu tempat tidurku!"

"Saya tidak boleh teruskan kerja itu selagi belum dapat makan yang begitu."

Salmah mendekati, berbisik amat halus, "Saya?"

"Hum!"

Setelah kembali ke kerusi, Salmah mengeluh, "Kerja ini belum habis."

"Mesti kasi habis, tapi banyak susah." Dia dudukkan Salmah di atas pahanya.

"Boleh hari ini?" Salmah elus dagu Ah Hoe.

"Kalau Uncle tolong, apa Uncle dapat?"

"Bahagi dua hasilnya." Salmah mengurut kening Ah Hoe.

"Belanja? Upah? Kerja begini, jual nyawa." Dia seluk tundun Salmah.

"Jangan Uncle! Sudah dua kali. Saya masih penat." Dia menarik dan mencium tangan Ah Hoe.

"Siapa keluar modal? Masanya sudah dekat. Dua tiga hari sebelum masuk tiga puluh Oktober, alat dan orang mesti sedia di tempat itu. Kita belum tahu surat itu, apa dia mahu."

"Saya sudah terangkan kerja suamiku. Itu pasti berlian."

"Ya! Jika berlian, mahal. Tetapi susah. Berapa orang saya mati? Keluarga orang saya yang mati itu tanggungan saya. Belanja mati itu juga, saya tanggung semua."

"Apa yang saya mesti buat sekarang, Uncle?"

"Chanida punya, masih bagus. Tiga bulan tinggal bersama Uncle. Nanti Uncle berikan rumah." Dia mengangkat Salmah. Setelah selesai ulangan

ketiga, Ah Hoe berkata, "Bangun! Kerja itu mesti siap hari ini." Tanpa baju, dia ke meja tamu, dan di sana dia buat garis di peta *shit* 793. Satu garis lintang utara selatan dan satu bujur timur, di titik yang dia buat tadi. Di situ dia dapati garis bujur timur itu tepat menuju ke Kuala Perlis.

"Chanida! Cari *kaki itik*. Nombor sebelas."

Salmah membolak-balik fikirannya. "Skuba?"

"Ya bagus." Ah Hoe ketawa. "Berapa kaki itik? Ya dua. Tulis: *Dari laut di luar Kuala Perlis, waktu tengah malam tiga puluh Oktober, dua penyelam skuba.*"

Setelah Salmah tulis, dia bertanya, "Menyelam ke mana?"

"Nanti! Baca kertas lapan, sembilan dan sepuluh."

Salmah membaca, "*basa, mura, suka.*"

"Ini gila!" Ah Hoe mengeluh "Nama tempat?"

Salmah serius. "*Basa* itu, apa? Kerana menyelam? Tentu basah." Dia ketawa. "*Uncle* sudah selam tiga kali, memang basah berdua."

Ah Hoe geram dan ramas dada Salmah. "Dengar baik-baik. *Mura, suka.*" Dia berungut. "Beri kertas!" Dia terima dan menulis: *Mu + ra, su + ka.* "Ah, buat kepala sakit." Dia mengeluh. Hujung telunjuknya ikuti garis Sungai Perlis dari muara ke hulu dan tiba-tiba berkata:

"Mungkin ini muara Sungai Kayang." Ah Hoe tersengih menjongkok ke depan dan mencium pipi Salmah. "Nah! Chanida tulis itu."

"Wau!" Salmah berseri riang setelah menyelesaikan kalimat itu. "Mulai jelas. Tapi kata *basa* pada nombor lapan itu, apa maksudnya?"

Ah Hoe tulis *ba + sa* lalu menderetkan kata-kata yang berpangkal *ba* dan *sa*. "Ini mesti sama dengan *dua orang penyelam skuba ke muara Sungai Kayang.*"

"Bagaimana begitu?" Salmah masih kabur mencari kaitan kalimat itu.

Ah Hoe serius, "*Dua penyelam skuba sampai ke muara Sungai Kayang.*"

"Sesudah itu, apa? *Basa* pada nombor lapan itu, mahu apa? Dan masih ada dua nombor lagi, dua belas *renti*, dan tiga belas *atas diri*. Apa hubungannya *basa* dengan *mura* dan *suka* dan kaitannya kepada *renti* dan *atas diri* itu?" Salmah tulis *ba* dan *sa*. Di situ, dia memerah otak, lalu seakan terpekit. "Sudah tahu *basa* itu, *Uncle*."

"Apa dia mahu pada *basa* itu?"

"*Bawa sampai*. Ertinya, *bawa sampai ke muara Sungai Kayang.*"

Ah Hoe masih terus meneliti di peta *shit* 793. Tapi dia buntu. Lalu dia tindih peta Kedah Utara dan Perlis. Jarinya selusuri Sungai Perlis hingga ke hulu, dan kembali ke muara Sungai Kayang. "*renti atas diri.*" Dia mengeluh. Salmah tingkah:

"Barangkali berhenti di Sungai Kayang, Uncle!"

"Mungkin. Tetapi kalau berhenti di sana, tentu berdiri. Bagaimana ya? Itu kata *diri* dan kata *basa*. Apa hubungannya?"

"Tentu ada yang terima, *Uncle*!"

"Mestilah! Tapi bagaimana?" Ah Hoe garu dagu.

"Orang terima tanggungjawab sendiri. Bukan tanggungjawab orang skuba."

Ah Hoe mengangguk dan memandang Salmah. "Tulis selengkapnya. Mesti bersih. Jangan salah."

Salmah siapkan: *Pasang penuh. Tiga puluh Oktober, waktu jam kosong satu empat lima tengah malam tempat turun pada lintang utara enam point empat bujur timur seratus lima. Dua penyelam skuba. Bawa sampai ke muara Sungai Kayang. Di sana diserahkan terima atas tanggungan sendiri.* Dia mengangkat muka dan bertanya, "Apa mahu dibuat sekarang?"

"Operasi." Sahut Ah Hoe. "Cari wang. Latih orang. Lengkapkan alat."

"Bila operasi itu diadakan? Saya dan *Uncle* pergi juga?"

Setelah Ah Hoe mandi dan siap berpakaian, dia berkata:

"Malam nanti, orang datang ambil kamu! Chanida mesti pindah dari hotel ini." Sikap Ah Hoe tidak lagi selebut di tempat tidur. Dia mengambil draf bersih dan teks asli yang dibawa dari Kuala Lumpur. "Koyak dan buang semua kertas yang lain."

"Tidak tidur bersama saya di sini, dan malam nanti baru *Uncle* bawa saya?"

Mata Ah Hoe mencerlang kepadanya dan berjalan terus ke pintu.

Pukul 09.55

HAMPIR empat puluh mahasiswa sugul mengerumuni sesuatu di pintu.

"Kenapa tidak masuk?" Zura hairan.

"Batal!" Seorang menyahut tanpa menoleh.

"Apa yang batal?" Kadir terkejut sambil melihat jam. "Lima minit lagi."

"Kuliah. Pergi lihat sendiri!"

Zura menyelip ke dalam kerumunan itu. Dia membaca huruf besar, tulisan tangan di kertas tebal yang ditampal di pintu:

KULIAH KURSUS SG 2101, PUKUL 10.00 PAGI SELASA DITUNDA, HINGGA DIBERITAHU. PROF. DR. ZAIHAN PARAH, DI RUMAH SAKIT BESAR P. PINANG. - P. Pendaftar FS.

Zura mengundur. Dia bertanya pada kelompok yang berbual, "Kenapa Prof. Zaihan parah di Pulau Pinang?"

"Kemalangan gempa bumi itulah!"

"Tahu dari mana?" Kadir bergabung ke situ.

"Kerani Fakulti Sains ke mari tadi. Katanya Pak Zaihan mewakili fakulti di sidang Potensi Pusat Gempa, di Pulau Pinang. Dia menginap di hotel. Ramai yang patah riuk."

Kadir mengeluh. "Mari!" Dia gesa Zura.

"Kembali ke makmal atau ke perpustakaan?"

"Cari makanan ringan. Nanti ke makmal lagi. Petang nanti, Zura saja ke kuliah. Saya menghadiri kuliah sosiologi. Nanti dibincang apa yang kita dapat."

"Buat apa sosiologi?" Zura hairan.

"Mahu fahami jalur fikiran manusia dan masyarakat."

Kafeteria mahasiswa di Pusaneka sudah sendat. Kafeteria Pentadbiran di Kompleks Canselor, sendat dengan pegawai tadbir, mahasiswa berjubah Baduwi berserban Afgan dan tenaga akademik Fakulti Islam. Azizan dan Akil masih tercegat di luar pintu. Leher mereka bagai bangau, meninjau meja yang akan kosong.

"Bila Zizan pulang?" Kadir sergah dari belakang.

"Malam tadi." Azizan menoleh. "Mahu ke mana?"

"Cari pasak seribu," Zura ketawa. "Mahu ikut? Di sini jangan harap akan dapat masuk. Dengar itu? Sang Jubah kuasai semua meja, membebek politik purnama."

"Terlalu lapar! Belum sarapan." Akil bersungut. "Bagaimana perjalanan kalian malam itu dari Alor Setar ke mari?"

"Nyaris!" Kadir mendesis, dan menceritakan pengalaman mereka di Sungai Bakap. "Akil bagaimana di Hotel Kangar malam itu?"

"Macam diayun di dalam buai. Nasib baik tak roboh."

"Zizan, bagaimana di Kaki Bukit?" Azizan kendurkan leher, kecewa tidak dapat masuk, tetapi tersengih kepada Zura dan menyahut dalam ketawa:

"Oleng berderak-derik tapi tak runtuh. Cuma tangga tanggal dari beranda. Mujur ayahku miskin, tinggal di rumah kayu saja. Andai emakkku kaya dan dirikan rumah batu, pasti roboh."

"Mari! Tebalkan muka." Kadir ajak naik tangga dan masuk ke Cafeteria Sabar Menanti, khusus untuk para pentadbir dan pensyarah. "Di tempat ini belum ada helang – bolehlah kita ini, belalang jadi helang." Dia tergelak bila melampaui pintu kaca. Akil dan Azizan tercegat di luar pintu.

"Mari! Duit kita dan wang mereka sama!" Zura uja semangat Akil dan Azizan. "Tak akan halau kita." Dia membawa mereka ke meja, dan bergabung dengan Kadir.

Prof. Sanusi dan Dr. Munah, duda dan balu, sama-sama orang Johor, masuk. Tak usah menoleh, mengerling kepada mereka pun tidak, namun terus mengambil meja sejiran mereka. Kunyah Azizan berhenti. Sudu garpu Akil terhenti di atas pinggan. Tiba-tiba ejekan Sanusi meledak, "Tidak sertai sebarkan risalah sidang agung?"

"Kami ini tidak masuk parti, Prof." Kadir menyahut.

"Ikat pemimpin sekarang. Pasti dapat duit." Sanusi tersengih kepada mereka.

Zura dan Kadir berpandangan. Hati mereka peka, sudah bergetar.

"Kami tahu rakan ayah Kadir dan ayah Zura di dalam team A akan menang besar dalam sidang agung. Risalah dan wang mereka hebat." Sanusi tergelak.

"Oooh ..." Zura tersinggung. "Saya tidak campuri kerja yang begitu, Prof. Team A atau pun team B menang, bagi saya sama saja."

"Kami masuk ke mari untuk lapangkan hati kesal." Kadir lantang.

"Dengar itu, Prof? Masih pagi, sudah ada orang berkesal hati." Munah ketawa. "Awak dibalun dalam kuliah atau dilutu dalam tutoran?"

"Pensyarah kami parah di Rumah Sakit Besar Pulau Pinang."

"Oh, Ya!" Sanusi meningkah. "Malam tadi, isterinya telefon saya. Tulang Zaihan patah tebu."

"Hah?" Munah terkejut. "Bahagian mana?"

"Tulang keringnya!"

"Dipotong?"

"Belum pasti! Petang ini, diterbangkan ke Kuala Lumpur. Akan dirawat di hospital oleh para pakar dari universiti kita sendiri."

"Kenapa? Dia baik! Dipukul samseng Pinang?" Muka Munah merah padam.

"Akibat gempa bumi itulah!" Sanusi mulai menyuap hidangannya.

"Dahsyat, ya?"

Sanusi lesap selera dirangsang marah. "Pelik! Menyakitkan hati! Zaihan sudah bertahun melakukan kajian tentang potensi gempa di utara Selat Melaka. Sudah banyak dia menulis tentang itu. Dia sudah desak Kementerian Sains dan Alam Sekitar semoga dapat kelulusan kabinet untuk bersiap hadapi bencana gempa."

"Kasihan." Munah mengeluh. "Saya sudah baca beberapa monografnnya."

Sanusi tolak pinggan. "Bagaimana kajianmu?" Dia tanya Kadir.

"Hampir lengkap."

"Kenapa pula?" Zura hairan. "Cuma proses di makmal dan menulis."

"Saya teliti kembali bahan itu." Kadir toleh Zura di sisi kirinya. "Zura seorang, atau jika terpaksa, kita berdua ke sana lagi."

"Ke laut di utara Selat Melaka lagi? Bahan apa?" Zura merenung muka Kadir.

"Nanti kita runding."

"Hum!" Zura berungut.

"Persedian ujian semester saja atau untuk tesis?" Sanusi serius kepada mereka.

"Tesis kami, Prof." Suara Zura murung.

"Mesti buat! Jangan pandang remeh segala fakta betapa pun kecilnya, selagi berkait rapat dengan subjek. Kalau tak lengkap, nanti awak menyesal."

Waktu kuliah yang tak terisi itu, mereka gunakan di makmal.

"Belajarlah terpisah." Zura berbisik di dalam makmal. "Saya nak tahu siapa yang menggeletek resah nanti."

"Kerana Zura ke utara seorang diri? Saya bukan remaja yang sedang bercinta monyet."

"Selama saya tiada, tolonglah. Jangan ada nota kuliah tertinggal." Zura merenung cecair kimia yang mendidih di dalam balang kaca. Warna nyala daripada bahan bakar spiritus, biru rening. "Saya tunggu di sana sehingga istiadat itu selesai. Pulang bersama, petang Sabtu minggu depan."

"Bawa pakaian yang dua malam itu," kata Kadir. "Simpan di Alor Merah."

"Pinjamkan sehelai kain pelikatmu." Zura menoleh. Dia terkejut melihat Kadir membiarkan balang kaca yang dia jerang tidak berapi. "Mahu pakai tidur. Saya beri batik sarung."

"Penawar rindu?" Kadir tergelak, tanpa menoleh.

"Jangan cakaplah! Pakai saja nanti."

"Bagaimana tidurmu malam tadi?"

"Resah!"

"Kenapa?"

"Saya tidak mahu makan malam di rumah Zahara. Mujurlah tengah hari Sabtu saya akan ikut emak dan Walid pulang."

"Hati saya menegah Zura pergi. Tetapi pelajaran harus kita utamakan."

"Dengan begitu, kau ada peluang bertemu dengan Zahara seorang diri."

Cemburu semakin marak di dalam dada Zura. Sebaliknya, Kadir dirasuk bimbang yang dia tak faham puncanya, menyebabkan dia termenung menghadapi balang tanpa nyala.

Zura menegur. "Ingat Zahara? Lupakan dulu. Kita di makmal. Mesti waras."

Jam 10.50

ZAHARA mengundur kereta dari *porch*. "Pak Long hendak lihat kawasan Setapak dan Gombak. Tentu sudah berubah." Hakim tua Bahrum bertutur perlahan.

"Bilakah kali terakhir Pak Long ke Kuala Lumpur sebelum Rina bertunang?" Zahara bertanya ketika memandu perlahan di sisi kanan Kedutaan Rusia.

"Waktu orang tuamu meninggal. Tahun 1979."

"Hampir tujuh tahun," kata Zahara. "Banyak pembangunan. Alhamdulillah!"

Bahrum diam seketika. "Melayu? Kawasan mereka membangun juga?"

"Pesat. Menyerbu tanah haram membangun rumah setinggan." Zahara tekan minyak, langgar lampu kuning di simpang Jalan Tun Razak. Tayar keretanya menciut dan hangit. Dia belok tajam ke kanan. *Speedometer* naik lapan puluh lima. "Kawasan Melayu, banyak berubah." Zahara gelak bila *steering* sudah lurus di lorong kanan jalur laju. "Jika tanahnya sudah dijual." Dia ketawa. "Pada zaman Mageran, Pak Long selalu ke Kuala Lumpur. Masa itu ibu kota masih dalam Selangor. Kecil saja. Sekarang sudah terpisah, dan lulur tanah Selangor 96 kilometer persegi."

Bahrum kecut memerhatikan cara Zahara memandu kereta, dan hatinya panas mendengar kisah nasib bangsa Melayu.

Zahara tunjuk ke kiri. "Rumah Giro di dalam sana. Tempat orang kedutaan."

"Kawasan Melayu?"

Zahara masuk *gear* empat, memburu kereta di hadapannya dan berisyarat minta lorong tengah. Kini baru Bahrum terasa lembutnya kereta Aziz. BMW 7.5 biru tua itu meluncur selesa. "Nama jalan juga sudah lain. Tiada bau belacan Melayu lagi." Zahara ketawa. Tapi Bahrum mengeluh.

Sebelum sampai ke simpang Jalan Raja Muda, Zahara bersungut, "Sebelah kiri kita ini Kampung Baru. Dulu pinggir timur ibu kota. Jika tanahnya dibenarkan dijual kepada kaum lain, sudah jadi Las Vegas di tengah Kuala Lumpur."

Bahrum ketawa. "Hal itu, Pak Long faham. Dulu, saya dalam Majlis Tindakan Negara. Ketika kami susun Dasar Ekonomi Baru, tanah Kampung

Baru itu didebat hangat. Zahara sudah lihat pelan induk Kuala Lumpur tahun 1970?"

"Arwah ayah kami pernah sebut hal itu, termasuk rancangan membina sungai buatan dari Sungai Buluh ke Pelabuhan Kelang. Saya tidak pernah lihat pelan begitu."

"Hum! Generasi baru." Bahrum bersungut. Dia tidak mahu teruskan, 'Generasi kami sudah susun! Tetapi kenapa generasi sekarang tidak laksanakan? Dalam pelan itu, tiada lagi China Town. Kawasan itu dijadikan jalur silang jejambat lebuh raya lapan penjuru angin. Kenapa masih kekal begitu? Generasi muda taik kuda! Bertukar kiblat dari Kaabah kepada wang.' Suara hati itu semakin panas di dalam kepala Bahrum. 'Mana taji kau orang? Dalam mageran kami sudah tentukan syarat kembali ke parlimen dan itu telah dipersetujui semua kaum; - Hak Keistimewaan Melayu! Bahasa Melayu! Raja Melayu! Budaya Kebangsaan berteras budaya Melayu! Dasar Ekonomi Baru! Islam agama rasmi negara! Itu empat mata tombak deklarasi *mageran* Februari 1971. Bagi orang yang tidak setuju, sila tinggalkan negara ini. Malaysia telah siapkan 38 laluan keluar negeri.'

"Kenapa Pak Long termenung?" Zahara tegur bila mendapat lampu hijau di simpang Tun Razak – Hulu Raja Muda.

"Pak Long kenang kau orang dulu. Emakmu di Kementerian Pelajaran, ayahmu di Kementerian Perdagangan. Masa itu, mereka masih di Kampung Baru. Setelah ayahmu jadi EXCO Negeri Selangor, emakmu jadi Ahli Dewan Rakyat di kawasan Kuala Langat. Setelah itu mereka dirikan banglo di Damansara Heights. Dijualkah rumah besar itu?"

"Disewakan kepada Yahudi. Kontraknya lima tahun, lima tahun. Dia pengarah urusan syarikat milik Yahudi Amerika di Sungai Way."

"Semenjak bila?"

"Pada tahun ayah dan emak kami meninggal. Sejak itulah, Kak Atun dan Bang Aziz kumpulkan kami adik beradik di rumahnya, seperti sekarang ini."

Bahrum menarik nafas panjang. "Pak Long dan Mak Long kau berlapang hati dari jauh. Kakak dan abang iparmu jadi pengganti ibu bapa kamu."

"Kalau orang lain, bila ibu bapa sudah mati, rumah itu sudah pindah milik."

"Dijual?" Bahrum pura-pura bertanya. Dia tahu fenomena begitu lazim berlaku.

"*Trend* lapuk di Semenanjung dan itu dilazimkan dalam Malaysia."

"Fenomena terbaru kini, bagaimana yang Zahara nampak?"

"Malaysia dibangun demi negara tercinta dan pada waktu yang sama, leburkan ke-Melayu-an tersayang."

Bahrum diam saja, kerana dia faham hal itu. Tapi hatinya panas. Namun cuma garu kepala tak gatal. Dia kecut mengalami cara Zahara merebut laluan dalam di Jalan Pahang.

"Lihat, di sebelah kiri kita ini, Pak Long. Kampung Siam sudah lopus. Rumah dan tanah orang Melayu hingga ke hulu depan sana, semua sudah bertukar tuan dan di atasnya tersergam bangunan deret empat tingkat. Milik siapa? Jika ada Melayu di situ, hanya empat kategori; pemandu, jaga, polis dan pengangkut sampah."

"Melampau, Zahara! Engkau ini terlalu tajam dan runcing. Sindiranmu sangat pedih." Mantan hakim yang sudah tidak berfungsi hukum itu ketawa sumbang. "Aziz kata, dan itu Pak Long sudah lihat di sekitar ibu kota, sudah ramai orang Melayu yang sewa bangunan baru untuk dijadikan pejabat syarikat perniagaan atau perusahaan mereka."

"Papan tandanya? Hebat!" Zahara sarkastis. "Lebar, panjang. Logo? Jenama? Serba antun dan eksotik, ultra-modern. Pak Long sudah kenal, siapakah mereka?"

"Entah! Siapa?"

"Orang politik Melayu. Dari kampung! Datang tinggal di Kuala Lumpur. Isteri pertama tetap di kampung. Hasil daripada politiknya – beralat otot dan sentimen panas baran Melayu setinggan di tanah haram di sekitar ibu kota – mereka kelihatan makmur. Gagah. Agen seribu satu macam. Perunding seribu satu bidang. Pengusaha seribu satu jenis. Cergas dalam saham kontra. Semua itu serba perhitungan di atas kertas. Mereka belum cukup kemampuan dalam bidang pembuatan." Zahara menarik nafas. Dia kerling Bahrum. "Begitulah! Mereka dapat pinjaman bank. Tapi sewa dan perabot di pejabat, kereta mewah, gaya hidup meningkatkan martabat itu jadi saluran utama pinjaman itu dihabiskan. Rumah dan peralatan di dalam rumah mereka itu pun diperoleh melalui hutang yang wajib dibayar setiap bulan. Pinjaman daripada bank itu, entah berapa peratus saja yang benar-benar digunakan sebagai modal perniagaan cara mereka."

"Berniaga bagaimana?"

"Seperti yang saya katakan tadi." Zahara ketawa besar. "Kenapa Pak Long tak pindah ke Kuala Lumpur berpakat sesama mantan hakim mendirikan syarikat guaman sendiri? Umumnya syarikat asing dari Barat gemari khidmat guaman mantap begitu."

"Pak Busu engkau pun bilang begitu juga. Tapi untuk apa lagi? Wang? Wang itu dari mana, dan bagaimana caranya masuk ke dalam syarikat guaman begitu? Seperti *vulture* – rezeki bersumber daripada korban orang lain. Bela syarikat! Agar terlepas daripada hukuman pelanggaran akta syarikat? Bela penjenayah gergasi? Bela penipu? Bela penyalah guna kuasa? Bela penzina yang meniduri isteri orang? Dengar sini Nak. Dalam hukum

cuma ada tiga jalur. Dua ke neraka, cuma satu ke syurga. Sekarang, Pak Long merasa bahagia di sawah, laut dan masjid."

"Itu falsafah basi hidup Pak Long dalam era rebutan hidup perniagaan kini."

"Niaga bagaimakah zaman sekarang?"

"Jual lidah dan tunjuk otot. Otak tidak perlu."

"Apa akibatnya kalau yang begitu diamalkan?"

"Pergi ke bank dan jumpa pengurusnya. Pak Long akan mendengar keluhan mereka yang setinggi Gunung Tahan kerana hutang saudagar Melayu jenis itu. Umumnya orang politik dari kampung. Mereka tidak sanggup membayar hutang."

"Kena rampaslah hartanya!" Bahrum mencebir bibir.

"Harta apa akan dirampas? Tanah pusakanya di kampung? Sudah lopus gadai. Rumah di ibu kota? Itu dibeli melalui hutang, dan sudah digadai di bawah tangan."

"Bank melopong?"

"Wajar." Zahara tergelak.

"Bank ada undang-undangnya." Bahrum naik berang.

"Mana lebih kuat? Undang-undang atau kekuasaan seseorang? Bank mahu berkeras? Boleh. Tapi siapa jamin nyawa orang bank? Ingat! Seorang auditor sebuah bank Malaysia dibunuh di Hongkong? Siapa bela balu dan anak yatim auditor itu?"

"Tak semuanya begitu." Bahrum berungut. Dia yakini hal itu.

"Memang banyak juga kecualinya, Pak Long."

"Kecuali bagaimana?" Bahrum hendak banding dengan yang di Sabah.

"Yang ada pelajaran dan pandai gunakan fikiran cerdik buruk!"

Sebagai bekas hakim, Bahrum faham tujuan pengguna fikiran cerdik buruk itu. Tapi dia hendak banding, antara loyar buruk dengan saudagar cerdik buruk. "Zahara boleh berikan contoh?"

"Pinjam daripada bank sebanyak-banyaknya di atas dukungan politik. Bentuk syarikat besar; jenama dibesar-besarkan di dalam iklan setiap minggu dan *write up* dua puluh empat kali setahun dalam surat khabar. Papan iklan besar dan panjang di segala ceruk negara dengan gambar dan kata-kata merangsang – syarikat pembinaan perumahan dan tapak perindustrian. Apa latar belakang, entiti, ekuiti dan potensi syarikat itu? Dia tahu pasti rugi. Tapi ada undang di belakangnya. Kelak nyatakan rugi, lalu jual kepada perbadanan kerajaan menurut harga pasaran semasa. Di atas perhitungan dalam kertas, bukan taksiran aset."

"Untung?" Bahrum kagumi kecerdikan begitu kini.

"Memang untung besar, lipat berpuluhan kali ganda kerana perbadanan beli. Tapi yang rugi itu siapa? Pak Long timbang sendirilah. Perbadanan siapa

punya? Negara. Negara kita ini, siapa punya? Menurut teori, milik rakyat. Hakikatnya? Dalam tangan segelintir orang. Pak Long belum tahu? Orang begitu mudah dapat pinjaman – ratusan juta tanpa sandaran harta sebagai jaminan kerana dia atau mereka dapat *guarantor* lidah. Dia beli saham syarikat negara yang pasti menguntungkan, lalu dia kuasai syarikat itu, dan bentuk anak-anak syarikat milik sendiri untuk melayani keperluan syarikat induk. Apa hasilnya? Syarikat induk yang tak pernah rugi itu pada tahun-tahun berikutnya dinyatakan rugi. Namun anak-anak syarikat yang dia miliki, untung besar. Siapa yang berani pergi audit syarikat itu dengan sesungguhnya?"

"Zahara sudah kaji itu?"

"Lengkap fakta, data, dan jangkaan akibatnya, Pak Long."

"Fakta dan akibat bagaimana?"

"Jika *trend* ini berterusan, ingat Pak Long. Hari ini Selasa, dua puluh tiga Oktober, lapan puluh lima, tahun kelima belas Dasar Ekonomi Baru! Andai *trend* begini berterusan dan memang itu saya sudah jangka akan berkembang dan semakin rancak mulai lima tahun akan datang, ekonomi dan kewangan negara kita pasti lumpuh atau merosot sebelum berakhir abad ini! Saya berdoa Pak Long semoga pemimpin Melayu bangkit, menentang gergasi model baru Amerika - Eropah, termasuk boneka Amerika dan Eropah itu, untuk selamatkan politik, ekonomi dan kewangan negara.

"Ngeri, Zahara! Tapi kenapa dibiarkan akan terjadi begitu?"

"Tekanan hutang di dalam dan luar negeri. Kita hidup membboros dalam ekonomi hutang. Kita membangun atas dasar rugi."

"Jangan main-main!" Bahrum pura-pura meradang. Fakta begitu dia tahu lebih daripada cukup, terutama setelah bertemu dengan teman-teman sesama mantan hakim.

"Itu fakta daripada kajian saya." Zahara berkeras dan membiarkan semua kenderaan mendahuluiinya. Dia cuma memandu pada 50 kmj. "Hitung saja nisbah purata produk kita per unit – luar sektor tani, katalah bernilai seringgit, tapi kita bermodal satu ringgit tujuh puluh sen."

Bahrum ingat isi diarinya, dan dia akui itu selari dengan keterangan Zahara. Tapi dia masih ragu. Tahukah Zahara bahawa punca utama nisbah modal dan nilai produk per unit itu akibat daripada amalan dana politik? Dia bersikap tidak faham dan mengeluh, "Pak Long tidak pernah dengar di radio, lihat di TV atau baca dalam surat khabar."

"Pak Long di Sabah! Jauh dari Kuala Lumpur. Manalah nak faham kalau cuma harap radio, TV dan akhbar saja?" Zahara terbahak-bahak. "Jangan pencil diri usia tua! Tanya juru audit negara. Dekati hakim mahkamah tinggi yang arif dan masih jujur. Tapi jauhkan diri daripada loyar buruk. Andai mereka ceritakan pasti Pak Long tahu. Atau sertai saya berseminar dengan

pakar kewangan dan ekonomi sejagat. Pasti Pak Long tidak marah lagi kepada saya. Kita ini sedang dikelengkangi stratagem Yahudi sejagat yang sudah dirancang Zionist semenjak lima ratus tahun yang lampau. Kolonialis dan imperialis model lama sudah mansuh. Mereka sudah memprojeksikan dan sedang melancarkan gerakan kolonialisme dan imperialisme gaya baru dalam aspek kewangan, ekonomi, politik, seni hiburan, budaya fikir, ilmu, teori, reka cipta, informasi, falsafah, ideologi dan agama. Mereka muhajjah seluruh dunia melalui alat mereka saja – para pemimpin yang mereka sukai dan lantik mereka di negara mana saja.”

Bahrum pernah bincang hal itu bersama Basirun dan Suhaili setelah kembali daripada pertemuan pertama dengan teman-temannya, sama-sama hakim tua. Fakta stratagem sejagat Zionis itu selari dengan fakta Zahara bahawa *global union* didukung tiga komponen utama. Pertama, Bilderbergs (BB) – golongan Elit Eropah, kedua, Council of Foreign Relation (CFR) – yang menguasai media massa dan bidang diplomatik, ketiga, Trilateral Commission (TC) – yang menentukan pemegang jawatan dalam pemerintahan dan menentukan *trend* kewangan, ekonomi sejagat dan perancangan demografi di bumi.

“Kenapakah dibenarkan politik, ekonomi dan kewangan negara kita begitu?” Pertanyaan itu berulang. Dua kali sudah ditanyakan kepada sesama mantan hakim. Kini kepada Zahara.

Zahara tidak sempat menjawab serta-merta. Terlalu sibuk kendalikan kereta di Setapak. Dia juga meradang. “Ini fenomena *made in Malaysia* juga, Pak Long. Rakyat tahu perbuatan begitu salah tetapi mereka lakukan juga. Bagaimana akan dicegah? Orang yang menentukan pencegahan, siapa? Rakyat sudah mengundi. Apa lagi rakyat boleh buat? Paling mampu pun, bertindak seperti yang kita lihat di depan, di belakang dan dia kanan-kiri kita.”

“Rakyat bertindak bagaimana, maksudmu?”

“Tidak hirau undang-undang. Antaranya menyeberangi jalan raya sesuka hati, berjalan bagi pengantin menuju peterakna. Pemandu kenderaan yang mesti waspada. Apa yang mereka susahkan? Kalau dilanggar dan luka, dapat wang pampasan. Kalau mati, tamat derita dalam kemiskinan, warisnya kaya menerima bayaran daripada insuran.”

“Huh!” Bahrum mengeluh. “Perangainya seperti kerbau kita di Petagas.”

Zahara ketawa besar. “Kak Atun bilang kami pun akan dapat warisan kerbau pusaka Tok Kahar di Petagas dan Tok Ginsu di Tambunan itu. Kami nak buat apa?”

“Ada nilainya, Nak!” Bahrum serius. “Kerbau itu lebih besar manfaatnya jika dibanding dengan orang politik yang mengingkari etika parti, pemimpin yang menjadi boneka negara lain, saudagar pelanggar akta, rakyat yang tidak hiraukan peraturan lalu lintas. Kenapa? Kerana kerbau kalau disembelih,

dagingnya boleh dimakan. Tetapi siapa mahu makan daging orang begitu andai sudah atau kelak ada yang disembelih?"

"Fenomena begitu hasil daripada didikan salah selama ini, Pak Long. Sebagai contoh kekeliruan memanfaatkan pendidikan yang diberikan kerajaan selama ini ialah sikap orang kita sendiri yang tidak mahu terlepas daripada asuhan tradisi yang negatif, dan dijalarkan dalam diri kaum lain. Mereka belum mampu sesuaikan diri dengan kehendak perubahan persekitarannya dalam sesuatu zaman."

"Kerana kurang diajar atau enggan belajar?"

"Bukan kurang diajar. Malah sudah berlebihan diajar, diberi pendedahan dalam radio dan TV, tetapi mereka semakin parah. Namun didikan pusaka semenjak belum ada radio dan TV sudah wujud dan masih melekat."

"Didikan bagaimana?" Bahrum serius. Dia sudah dan masih mengasuh cucu tunggalnya, Saleh, ke arah manusia Melayu baru – warga semesta yang berilmu, beriman dan berbakti kepada Malaysia dan sejagat bumi.

"Bidalan yang belum mampu ditakrif atau sengaja tidak mahu difikirkan orang yang akan ditimpa celaka ialah *Biarkan si Luncai terjun dengan labu-labunya*. Simbol dan didaktik dalam bidalan itu amat bagus. Tetapi si bakal celaka itu hanya mampu menanggapi harafiah. Hingga dibawa ke kubur, dia belum sanggup selami yang tersirat."

"Maksudmu, bangsa kita hanya menanggapi bahawa nanti si Luncai lemas?"

"Faktanya begitu tapi dia tak akan lemas. Si Luncai yang dianggap pandir itu bukan orang bodoh. Dia cerdik dan pandai berenang. Bawa labu-labu pula lagi dan itu jadi pelampungnya."

Bahrum ketawa besar. Zahara menepi ke kiri dan menjurus ke Jalan Gombak. "Kenapa Pak Long ketawa?"

"Geli hati!"

"Kepada siapa?"

"Diri dan bangsa sendiri yang belum mampu menanggapi si Luncai itu."

"Berhagialah, Pak Long!"

"Kenapa?"

"Pak Long masih mampu ketawa."

"Kenapa pula saya tak akan mampu ketawa?"

"Seharusnya, Pak Long tangisi bangkai-bangkai bernyawa kita sendiri di tanah air kerana tanah dan air itu bukan milik mutlak kita lagi!" Bahrum terpegun mendengar rungutan Zahara. Di hadapan Balai Polis Setapak Zahara teruskan, "Dahulu, kata ayah tanah di sini hingga ke sungai kecil di hadapan sana semuanya dimiliki orang Melayu. Tetapi lihatlah sekarang. Bangunan di atas tanah itu milik dan menempatkan siapa? Dalam berek buruh Jabatan Kerja Raya ada beberapa keluarga Melayu yang ditumpangkan di situ. Mereka buruh pengangkut sampah Bandaraya."

"Mana engkau tahu itu semua?"

"Itu salah satu bahan tesis sarjana muda saya dulu, Pak Long."

Bahrum tercengang. Ketika melampaui jambatan pendek di atas sungai kecil itu, dia kagum. "Wah! Maju kawasan ini jika dibandingkan suasana pada tahun lima puluh tujuh."

"Setelah tanah pusaka Melayu – sebelum dan pada zaman Datuk Gombak mereka terokai tanah itu dan direstui Sultan – sudah berpindah milik ke tangan kaum lain."

Di kawasan itu jalan rayanya bagus. Lebar dan rata. Kenderaan selesa memecut laju. "Pak Pong akan lihat di kawasan yang masih ada rumah orang Melayu, keadaannya seperti sebelum negara merdeka. Begitu, kata ayah. Rumah kayu. Dindingnya? Sudah buruk. Ada juga yang disapu cat baru setiap kali menjelang Hari Raya Puasa. Di sepanjang jalan raya di situ, diselang bangunan rumah batu berderet untuk kedai dan banglo orang kaya. Antaranya ada juga milik Melayu, terutama anak dan cucu bekas pegawai zaman penjajahan Inggeris dan mereka juga mewarisi jawatan dalam kerajaan negara yang sudah merdeka. Kemerdekaan bukan hasil perjuangan bapa dan datuk mereka."

"Tanah orang Melayu yang jauh dari jalan raya, bagaimana statusnya?"

"Disapu rata bagi dijual borong oleh cucu-cicit zuriat datuk dan opah Melayu pemilik asal tanah itu kepada penternak wang. Kawasan itu sudah jadi tapak kilang, perumahan golongan elit dan tempat hiburan tersembunyi."

"Kalau tersembunyi, itu bukan hiburan namanya." Bahrum meradang.

"Fenomena *made in Malaysia*. Hiburan tersembunyilah yang laris dan mahal."

Kian jauh ke hulu Bahrum semakin percaya kepada Zahara. Di sebelah hulu masih ada kawasan yang lebat dengan perumahan Melayu, berjiran rapat. Tapi di situ jalan rayanya masih sempit, tidak dipelihara, dan di halaman kecil itu sudah tiada dusun durian. Itu diganti dengan pasu bunga bertenggek di tepi anak tangga dan sesak di keliling halaman sebagai tanda batas halaman jiran. Umumnya rumah kayu terlalu tua, bertiang kurus sebesar betis. Cat yang berlapis setiap tahun menyebabkan rumah-rumah itu kelihatan seperti muka orang kusta. Di kawasan yang diselang-seli rumah batu, halamannya dipenuhi barang bekas; tong, besi buruk, tayar botak, keranjang, kotak, gulungan dawai, papan, beruti, menandakan rumah milik orang Cina yang tidak pernah cukup ruang untuk menyimpan barang.

Bahrum nanar perhatikan apek tua, bersepatu getah, berseluas pesak Cina, berbaju belah lurus di hadapan dan bertutup halkum daripada kain kapas warna biru nila. Topinya anyaman daripada bambu. Apek itu menuntun seekor babi jantan tua yang sudah menonjolkan taring dan berjalan di tepi jalan raya dari arah hulu Gombak, lalu belok kiri sebelum masuk ke lorong.

"Di situ masih kawasan Melayu. Kenapa bawa babi ke sana?" Bahrum hairan.

"Di belakang rumah Melayu itu, tanahnya sudah disewakan atau dijual kepada bangsa lain. Pak Long mahu masuk lihat? Atau sekadar dengar? Saya boleh berhenti."

"Lihat dan dengar apa?"

"Kandang dan suara babi. Babi jantan tadi disewakan untuk beri khidmat mengawan babi betina."

"Ini perkampungan Melayu. Kenapa dibenarkan menternak babi di sini?"

"Mereka benarkan kerana pengaruh harimau yang diberikan kepada pegawai tertentu."

"Golongan apa?" Bahrum terkejut.

"Tolong jawab soalan ini, Pak Long! Raja, siapa?"

"Melayu! Bertanggungjawab di negeri masing-masing kepada agama Islam."

"Penghulu Mukim, siapa?"

"Melayu."

"Ketua Kampung, siapa?"

"Melayu."

"Pegawai Daerah, siapa?"

"Umumnya, Melayu."

"Ahli Majlis Tindakan dan Pembangunan Daerah, siapa?"

"Umumnya, Melayu."

"Merinyu Kesihatan Daerah, siapa?"

"Banyak juga orang Melayu."

"Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, siapa?"

"Melayu."

"Nah! Pak Long sudah akui mereka umumnya Melayu. Kategori Melayu demikian tidak menghidu busuk najis babi. Mereka tidak mendengar bunyi dari kandang babi. Sebab hidung dan telinga mereka disumbat kertas bersimbol harimau."

"Korupsi?" Mata Bahrum merah.

Zahara ketawa meletup-letup. "Pak Long terlalu lama tidak datang ke Semenanjang. Mentang-mentang sudah bersara. Oleh sebab itu Pak Long tidak tahu bahawa hampir setiap daerah di sini, ada pusat ternakan babi. Di sekitar Kuala Lumpur ini, sudah banyak pusat pembiakan anjing. Babi dan anjing ada potensinya demi ekonomi negara. Pasarannya bagus – domestik dan luar negara. Dahulu, mana ada anjing dalam pagar orang Asia? Sekarang, itu jadi *trend*. Anjing sudah dianggap sahabat paling akrab di kalangan kaum tertentu di sini, walaupun pergaularan di dalam diskò dan karaoke semakin banyak. Anjing sudah berperanan sebagai penjaga rumah kaum tertentu

walaupun polis kita semakin cemerlang khidmatnya dan kerajaan kita terus mempercanggih peralatan polis."

Bahrum menarik nafas panjang. "Jangan bercerita lagi."

"Telinga atau kepala Pak Long sakit?" Zahara tergelak.

"Sakit hati juga." Bahrum terkenang kembali pengalamannya di England.

Orang di sana pelihara anjing melalui syarat yang amat ketat untuk mengelak penyakit dan kuman anjing gila. Dia terkenang ketika menyertai delegasi Malaysia di PBB - New York, bagi mempertahankan hak Malaysia ke atas Sabah yang dituntut Filipina pada pertengahan tahun 1960-an. Di Amerika, Bahrum dibawa orang British bekas Residen di Sabah yang sudah menjadi warganegara Amerika, melawat ke ladang penternakan lembu, penternakan ayam dan penternakan babi. Di situ, dia lihat syarat ternakan babi amat ketat sebab binatang itu besar kemungkinannya menjangkitkan penyakit kepada orang di sekitarnya. 'Hubaya!' Bahrum resah di dalam hati. 'Andai tidak diselenggarakan secara betul, Malaysia akan ditimpah penyakit daripada babi dan penyakit daripada anjing.'

"Kenapa Pak Long termenung?"

"Kepala dan hatiku sakit."

"Buat apa menyeka diri sendiri kerana hanya mendengar dan rasakan di dalam hati? Bangsa kita tak hiraukan itu. Orang Melayu sudah banyak diajar ilmu kebal."

"Kebal tak telus senjata?" Bahrum hairan. Dia ingat Rasulullah s.a.w. melarang umatnya pelajari dan amalkan ilmu begitu."

"Kebal rasa, Pak Long!"

"Apa mereka buat?"

"Anak-anak muda di kampung pinggir bandar besar dan kecil, semakin banyak diajar jadi pendekar."

"Ha? Sekarang orang gunakan roket dan senjata elektronik. Buat apa diajar silat?"

"Menepis cemuhan, sindiran dan pandangan rendah bangsa lain supaya jangan tiba kepada perasaan mereka."

"Maksud Zahara, kebal itu mati rasa? Atau lali perasaan kepada bangsa?"

"Juga, lali otak dan majal akal, bukan mati akal."

"Bolehkah kita diam saja, Zahara?"

"Bila?"

"Sekarang!"

Zahara ketawa. "Saya sudah bawa beban baru ke dalam fikiran Pak Long."

Bahrum tidak mahu lagi melayaninya. Bila tiba di Simpang Tiga, Batu Tujuh, Bahrum merasa udara kian nyaman – hawa gunung dan rimba. Zahara juga membisu. Dia memandu terus ke Virgin Park.

"Tempat apa ini?" Bahrum takjub.

"Kawasan untuk tenangkan fikiran." Zahara tersenyum. "Kita makan di sini. Biar Pak Long rasa untuk pertama kalinya belanja saya."

"Telefon kepada Mak Long kau! Beritahu dia, kita makan di sini."

"Buat apa? Kalau nak cerita, tunggu saja kita sampai ke rumah."

"Kasihan Mak Long kau. Nanti dia lapar menunggu."

Zahara maklum, mereka kekasih abadi. Dia segera dail ke Ampang Hilir. Ketika itu, baru Bahrum sempat fikirkan niatnya membawa Zahara berjalan berdua. Namun bagaimana akan dimulai? Dia serba salah. Fikiran Zahara sedang terbuka tapi ketegasannya terbayang pada kata-katanya. Itu dirasakan Bahrum; kalau salah masuk, hati Zahara akan semakin menjauh daripadanya.

"Kenapa Pak Long termenung?"

"Tenangkan fikiran."

"Cuaca bagus! Tiada hujan. Tapi angin timur laut sudah melampaui Banjaran Titiwangsa. Dua puluh tiga Oktober, tujuh Safar. Tengkujuh. Akan ada hujan lebat."

"Kawasan ini cantik." Bahrum kagum. "Sayang, tempat ini lengang."

"Hari-hari biasa begini, tak ramai pengunjung, Pak Long. Bila hujung minggu, sesak. Orang bawa keluarga lari daripada udara panas dan kotor Kuala Lumpur."

"Kerajaan punya?"

"Swasta. Dulu, kawasan ini milik orang Melayu."

"Sekarang?"

"Susah mahu cerita. Saya tidak mahu tambah sakit kepala Pak Long."

Bahrum terkilan. Tanah itu bagus, dihiasi dengan tasik bertebing batu, bukit rata di puncak dan berhutan dara, diapit kebun getah, terletak di kaki gunung. Zahara meminta Bahrum memilih menu. Dia meminta nasi putih, sup kambing, kebab tengkuk kerbau dan salad. Bahrum tidak waham. Koki dan pelayan di situ semua Melayu. Namun kesal dalam hati, 'Duit orang Melayu melalui pelayan Melayu dan tukang masak Melayu, di atas tanah bekas milik Melayu, masuk ke dalam saku bangsa lain!' Dia tidak ungkapkan itu kepada Zahara kerana dia yakin Zahara sudah tahu semuanya. Setelah cendol sagu bersantan susu cair dan kopi asli Sijangkang dihidang, barulah Bahrum bertanya:

"Apabila pulang dari Amerika nanti, balik lagi bekerja di universiti?"

"Di sitolah saya terikat perjawatan dan syarat biasiswa."

"Syukurlah! Hal begitu Pak Long dan Mak Long kamu tak ambil kisah. Tetapi kami orang tua selalu risaukan hari depan anak-anak."

"Insya-Allah! Kami empat beradik mampu berdikari."

"Untuk makan, pakaian dan rumah, Pak Long tidak perlu bimbang. Hal yang sering kami fikirkan ialah hari depan dalam rumah tangga masing-masing."

"Kak Atun bahagia. Kami berdoa semoga Zarina begitu juga." Bahrum mengangkat dagu, tersenyum dan bertanya, "Zahara? Zamri?"

"Kami belum."

"Kerana belum itulah, maka kami risau. Sudah dilangkahi bendul."

"Kahwin?" Zahara tergelak.

"Begitulah harapan kami sebagai orang tua."

"Bagi Zamri, mudah, Pak Long. Lelaki. Saya perempuan. Sebaliknya."

"Sebaliknya bagaimana? Jodoh, Tuhan sediakan, Nak. Zahara ragui lelaki?"

"Khuatir dapat suami yang tak betul. Kuala Lumpur ditimbuni contoh buruk."

"Memang. Wajar curiga. Tetapi kami risau. Sudah berapa umurmu?"

"Tiga puluh tiga." Zahara tersenyum. "Sudah mulai tua. Mujur belum lunyai."

"Main tu! Patutnya sudah besar anakmu."

"Anak Kak Atun yang kecil itu, sangat manja dengan saya. Esok, jadi anak sayalah."

"Anak saudara memanglah dianggap anak. Tapi patutnya, ada anak sendiri."

"Bagaimanalah saya akan dapat anak kalau tak bersuami?" Zahara gelak.

"Kahwin, Nak. Begitu yang kami harapkan."

"Dengan siapa? Orang minta pun tidak. Tak akan saya hendak menjaja diri."

"Jangan." Bahrum tegas. "Saya tidak mahu dengar itu. Adatnya, lelakilah yang meminang. Tetapi lazimnya, orang tua pihak perempuan pun wajar meninjau-ninjau."

"Pak Long meninjau lelaki untuk saya?"

"Peranan Mak Long engkau. Kewajipan Pak Long. Tanggungjawab Pak Busu engkau. Pak Long sudah buat imbas-imbas ini kepada Basirun dan Samiah."

"Bila pula Pak Long sempat runding hal begitu?"

"Tadi! Bukankah, setelah selesai kenduri syukur dan mohon selamat di rumah, Pak Busu engkau bawa kami ke Jalan U Thant?"

"Apa kata Pak Long, Mak Long, Pak Busu Tan Sri dan Mak Busu Puan Sri?"

"Semua minta Pak Long dekati kau kerana khuatir jika mereka, Zahara tolak."

"Dengan siapalah saya nak kahwin, Pak long. Saya lihat selama ini bukan tak ada yang menarik hati. Banyak! Tapi semua tak kena. Susah mencari lelaki yang baik, seperti Pak Long, Pak Busu, Bang Suhaili dan Bang Aziz."

"Tak pernah ada risik daripada keluarga yang di Johor?"

"Keluarga di Johor itu?" Zahara tergelak besar. "Bagi mereka, kami ini zuriat terbuang! Kami ini anak Dayak pada mata mereka kerana emak kami orang Sabah."

"Sudah terlalu lama kami dengar bisik ejek begitu." Bahrum berungut. "Tetapi belum tentu mereka jahat. Sikap mereka kekal begitu kerana kita tak pernah dekatkan diri kepada mereka. Saya lihat Kadir, putera Datuk Zahid itu, baik. Dia sopan."

"Kawan junior Zarina di kampus. Walaupun Cikgu Kadir lebih tua beberapa tahun daripada Zarina."

"Sudah tahu," ujar Bahrum. "Itu Pak Long kesalkan. Orang begitu baik dilepas ke orang lain. Dua pupu Zahara. Sedang elok bertaut kembali dengan mereka."

"Minggu depan bertunang dengan Zura, Pak Long!"

"Maksud mereka begitu." Bahrum mencebir. "Zahara sudah arif firasat melihat orang? Ya, umpamanya Kadir dan Zura itu."

"Manalah saya tertarik kepada ilmu begitu, Pak Long! Percaya? Jauh sekali."

"Dengar Nak! Tuhan Maha Pemurah. Dia membuka kasyaf kepada hamba-Nya yang Dia kurniai. Pak Long takut takbur. Nauzubillah minzalik! Tapi Pak Long sudah lihat diri Kadir itu tertutup bagi Zura, walaupun Zura sudah buka pintu diri untuk Kadir."

"Apa maknanya yang begitu, Pak Long?" Zahara tertarik.

"Mereka tak sejodoh. Andai dipaksa, tak rasi dan banyak mudaratnya."

"Kasihan Zura. Kasihan adik pupuku. Percintaan mereka sudah bertahun." Bahrum termenung.

"Apa yang Pak Long kesalkan budak mentah itu?"

"Kalau tidak dapat lagi berjumpa di Kuala Lumpur biarlah Pak Long ke rumah Datuk Zahid di Johor Bahru. Dari sana terbang pulang ke Kota Kinabalu. Atau ke sana sebelum rombongan peminangan itu bertolak ke Kedah."

"Buat apa?" Zahara tersinggung mendengar desakan berkias. Namun sebagai wanita, di dalam dirinya bergejolak hal yang bertentangan dengan simpatinya kepada Zura.

"Pak Long ingin kenal sanak-saudara ayahmu di sana."

"Pak Long akan tinjau lelaki untuk saya?"

"Tidak salah jika jodohnya ada pada Zahara. Pak Long sudah tengok dan dapat itu lebih baik untuk kau dan baginya."

"Hendak jodohkan saya dengan Kadir itu?"

"Kau berdua serasi. Pintu kau berdua sudah terbuka. Andai bukan dia, siapalah tahu kalau-kalau ada teruna anak buah ayah engkau di sana yang lebih baik daripada Kadir."

"Jangan cari penyakit, Pak Long! Mereka sudah buang kami."

"Adik lelaki ayah engkau, hadir suami isteri malam itu," ujar Bahrum. "Orangnya baik! Pak Long sengaja bawa dia berbual dan jalin silaturrahim. Dia akui terus terang, mereka kesali sikap orang tua dan kakak-kakak mereka menolak semenda dari Sabah. Sekarang mereka segan."

"Padan muka. Biar menjauh kerana mereka jijik kepada kami, anak Dayak."

"Jangan, Nak! Itu keluargamu. Pak Long akan temui agar mereka tak segan."

"Saya tak ada hak melarang Pak Long pergi. Tetapi saya ada hak menegah diri saya dijaja kepada orang. Jika ada jodoh saya, itu jodoh anak perempuan yang mereka ejek Dayak. Namun, andai memang emak kami Dayak, apa pula salahnya?"

Bahrum mendapati Zahara masih berkeras, dan besar kemungkinan menolak. Oleh sebab itu dia hendak tunggangi ombak ribut dan taufan panas di dalam dada Zahara itu dengan menggunakan *rhetoric patriotic* yang selari dengan sikap ekstrim terpendam di dalam diri Zahara. Dia memasuki secara lembut tetapi berkesan ke hati:

"Datuk emakmu orang besar Sabah, Zahara. Bapa nenek kamu, Ginsu itu pun orang besar di sisi Mat Saleh. Nakhoda Abdul Aziz itu, penentang Inggeris, gugur di Kawang. Ginsu melawan Inggeris, gugur di Tambunan. Mereka gugur bagai bunga melur tanah air. Aromanya semerbak di dalam buku sejarah. Dayak juga penentang Inggeris. Mereka disanjung di dalam sejarah. Lain nasib dan halnya dengan penentang Inggeris di Johor. Mereka dituduh lanun, bajak laut, termasuk datuk dan moyangmu daripada pihak ayahmu. Buku sejarah yang menuduh begitu dan masih kekal mengikuti acuan Inggeris. Di situ kewajipanmu, Nak. Sebagai generasi baru pembangkit batang terendam, nama mereka perlu dibersihkan, kalaupun tiada yang sudi mendirikan tugu untuk mereka."

"Emak kami juga cerita begitu." Zahara mulai lembut. "Sebab itu kami sedar diri terbuang. Kami maklum ayah menderita perasaan, malu kepada emak dan kasihan kepada kami. Oleh sebab itu, ayah tidak rela sujud kepada mereka. Kami adik beradik sebagai zuriat terbuang, tidak mahu terpisah antara satu sama lain. Selama ini kami harapkan hari depan. Bang Aziz, zuriat dari Pasir Salak, arif. Simpatinya tidak terhingga."

Dalam perjalanan pulang, Zahara sudah dapat dilentur Bahrum.

"Kembalilah ke Amerika. Selesaikan pelajaranmu." katanya. "Jangan fikirkan hal ini. Nanti Pak Long kirim surat. Hal begitu menjadi kewajipan kami."

Satu surat sudah menunggu Zahara di rumah. Penerbangannya ke San Fransisco ditangguh tiga minggu. Universiti perlukan tenaganya di kampus untuk membantu kendalikan satu seminar.

"Saya dalam cuti. Kenapa diberi tugas begini?" Zahara merungut.

"Sabar." Bahrum pujuk. "Tuhan Maha Bijaksana. Setiap yang Dia beri kepada hamba-Nya, ada hikmat yang pada awalnya lazim kita belum faham."

"Pak Long dan Pak Imam Dali jangan pulang ke Sabah sebelum saya balik ke Amerika."

Bahrum tersenyum dan berkata di dalam hati, 'Kuda liar ini sudah masuk kandang.'

SYED Omar memeriksa pistolnya dan mendapati *magazine* itu kosong. Dia segera mendail ke Jalan Murai Setia. Dia terkejut menerima berita daripada Aying bahawa Salmah keluar rumah semenjak siang semalam dan belum pulang,

“Salmah bawa kereta?”

“Bawa, Tuan Habib!”

“Salmah bawa peluru saya?”

“Peluru bagaimana?” Aying semakin curiga.

“Peluru pistol saya.”

“Tidak bilang tapi saya jumpa banyak peluru di dalam longkang. Saya simpan.”

“Bawa ke mari. Bawa tiga pasang baju Melayu dan pakaian harian seminggu.”

Aying tiba dan bercerita tentang peluru dan Salmah.

“Kau terima panggilan telefon daripadanya? Atau Salmah ada tingalkan surat?”

“Tidak. Dia keluar tak beritahu saya. Sarapan pun tidak.”

“Kau beritahu dia hal kita tengah hari Sabtu kelmarin?”

Aying geleng kepala. “Tuan Habib mahu sekarang?”

Syed Omar ingin tetapi khuatir. “Tidak boleh di sini. Pulanglah. Jaga rumah.” Dia bekalkan wang belanja dan gaji tiga bulan untuk Aying. “Jika ada keperluan telefon saya.”

Aying berbisik, “Saya punya tak bagus? Sekarang subur. Boleh dapat anak.”

“Pulang. Jaga rumah dan dirimu. Kau punya, bagus. Nanti kita bincang hal itu.”

Hati Syed Omar lapang bila Aying sudah keluar. Baginya, kehadiran Aying di kamar itu, jika diketahui Hasnah akan menimbulkan masalah besar. Betapa pun relanya Hasnah dimadu tapi jika dia melihat babu Salmah di situ, tentu akan menyakitkan hatinya juga.

Berita hal Salmah daripada Aying menusuk hati Syed Omar. Betapa pun marahnya mereka masih suami isteri. Perniagaan mereka sedang berkembang. Kalau berpisah, perlu diselesaikan menurut rukun cerai. Perkongsian mereka

dalam pernigaaan itu pun mesti disempurnakan pembahagiannya menurut akta syarikat perniagaan.

Syed Omar berusaha menenangkan fikiran. Dia harap Salma segera pulang, supaya dapat diselesaikan semua masalah mereka. Namun perasaannya tertekan, hatinya rusuh, kepalanya bengal dan dadanya semalam terasa sakit. Sekarang keadaan itu berulang, malah lebih kerap datangnya. Ketika menunaikan fardu Zohor, dia rasa badannya susah dibawa rukuk. Dia meneruskan dengan sembahyang duduk. Tapi sakit dada, kepala bengal dan hati rusuh itu menjalar kesannya kepada kaki. Dia sedari keadaan itu bila dia hendak bangkit dan tidak dapat berdiri. Mujur tangannya masih kuat. Dia merayap di atas lantai, mengheret kaki capeknya pergi mencapai telefon.

Pengurus hotel berkejar naik ke maharaja *suite*. Dia dapati Syed Omar terbaring di atas permaidani. Dia segera memanggil doktor. Rawatan awal itu selamatkan Syed Omar tapi kakinya masih kebas. Doktor nasihatinya supaya berehat dan menambah lagi suntikan, bekalan ubat dan tunjuk kaedah menurut dos. Seorang pegawai hotel dipanggil bagi menjaganya.

"Tak mahu diam begini. Saya mesti bekerja."

"Mesti rehat!" Pegawai hotel itu menyabarkannya.

"Kalau saya diam saja, akan bertambah sakit. Minta *wheel chair*!"

ZURA dan Kadir masuk ke dalam lif. Mereka ikuti *porter* yang membawa *wheel chair*.

"Bawa ke mana?" Zura bertanya.

"Tingkat lima belas!" *Porter* itu tekan angka lima belas. "Mahu berapa?"

"Lima belas juga. Untuk siapa kerusi roda itu?" Kadir curiga.

"Yang Berhormat!"

Kadir semakin cemas. Zura terkejut, "Ramai Yang Berhormat di sini. Siapa?"

"Dari Kedah!"

"Di hotel ini semua perwakilan Kedah, kecuali satu dari Johor." Kadir cemas.

"Arab Kedah itulah!"

"Namanya? Perwakilan dari Kedah, memang ramai Arab." Kadir desak.

"Entah. Dia di dalam Maharaja *suite*."

"Walid!" Zura hampir terpekkik. "Kenapa?"

"Entah. Doktor baru keluar. Barangkali belum mati. Cuma minta *wheel chair*."

Zura dan Kadir berlari mendahului *porter*. Tanpa mengetuk, mereka menolak pintu besar, terus meluru ke *sliding suite* dan mendapati Syed Omar berpakaian sembahyang. Dia berjuntai kaki di atas permaidani. Dua belah

tangannya bertumpu di atas tilam. Pegawai hotel itu berdiri di sisinya, memicit bahu Syed Omar.

"Walid!" Zura berseru sebelum seluruh tubuhnya melampaui jenang *sliding* itu dan berlari pergi memeluk dan mencium muka ayahnya. "Kenapa Walid?"

Syed Omar tolak pegawai, "Pergilah. Anak saya sudah tiba. Terima kasih."

Syed Omar lemah tapi melapangkan hati Kadir kerana suaranya masih normal. Dia teringat *wheel chair* dan menduga bahawa Syed Omar lumpuh. Dia menjongkok dan bertanya perlahan, "Kenapa, Tuan Habib?"

"Tak apa-apa." Syed Omar tersenyum. "Tadi, kepala dan dadaku sakit. Itu biasa. Saya tunaikan Zohor, tak boleh rukuk. Sembahyang duduk saja." Dia menceritakan betapa deritanya dia merayap di lantai tadi. "Kaki lama ini sudah tak mahu lagi bawa saya."

Kadir urut kaki itu, kanan dan kiri, dari aras lutut ke hujung jari. Syed Omar kesakitan dan selalu melengking. "Ada pembuluh darah tersumbat darah beku." Kadir tersengih.

"Saya fikir begitu juga, Cikgu. Sudah lebih tiga bulan tidak diurut."

"Kenapa Walid ditinggalkan seorang diri?" Zura kesal.

"Emakmu dan emak Cikgu keluar."

"Kita angkat ke atas kerusi roda supaya Tuan Syed mudah bergerak." Sambil ditolong Kadir dan *porter*, pegawai hotel itu teruskan, "Tuan Syed mesti rehat. Tidak boleh dirangsang emosi. Begitu nasihat doktor." Dia selimuti kaki Syed Omar. "Bilik ini terlalu sejuk. Bolehkah saya kurangkan suhu penyaman udara itu?"

"Terima kasih. Buatlah dan tinggalkan kami."

"Ubat itu." Pegawai hotel peringatkan Zura dan Kadir, serta menunjukkan jenis, cara dan masa giliran dimakan. "Nombor telefon doktor juga ada di situ. Jangan dilalaikan! Apa-apa hal pun, hubungi kami di bawah."

"Terima kasih. Isteriku ada di sini. Anak-anak saya pun tak akan tinggalkan saya."

Setelah pegawai dan *porter* hotel pergi, Zura bertanya, "Ami Tar sudah tahu?"

Syed Omar geleng kepala. "Jangan ganggu. Malam nanti, dia datang." Kepada Kadir, "Emakmu sampai pagi tadi. Keluar siang bersama emak Zura. Akan pulang tak lama lagi. Jangan beritahu ayahmu hal saya begini."

"Ayah mesti tahu, Tuan Habib."

"Jangan peranjatkan mereka! Saya tak mahu kerja kami terganggu. Faham itu? Esok sidang pemuda dan wanita. Tahu apa ertinya itu bagi kami? Lusa sidang agung. Tulat pemilihan pucuk pimpinan. Kami tak cukup masa dan perlukan banyak tenaga."

Zura memandang Kadir, saling mengangguk setuju. "Kami saja jaga Walid."

"Cuma kaki, dada dan kepala tua ini buat kerena. Yang lain tak apa-apa." Dia tersenyum kepada Kadir. "Tolak saya keluar. Bawa ke tingkap." Kadir patuh. "Bukakan langsir hingga santak ke hujung." Kadir turut.

"Pakaian itu tipis sangat, Tuan Habib." Kadir sugul. "Perlu yang tebal."

"Saya rasa begitu juga, Cikgu! Ambil robe di dalam almari. Itu memadai."

Kadir memakaikannya robe itu. Syed Omar tersenyum lebar. "Zura! Ambil fail kerja ayah di atas meja hias. Kertas satu pad dan pen."

"Tuan Habib hendak bekerja?" Kadir hairan. Tetapi dia kagumi semangat Syed Omar dan membawakan meja kecil.

"Kami terdesak waktu. Mahu selesaikan draf ucapan saya di dalam dewan sidang agung pada pagi Jumaat sebelum tiba masa pengundian."

Kadir takjub. "Tuan Habib cakap. Saya tulis. Nanti saya cetak."

"Jangan! Emak Zura pun tak kubiarkan tahu kerja yang kubuat dalam politik terutama dalam keadaan seperti sekarang. Ini demi parti, bukan untuk keluarga."

Setelah jemaah Asar, Kadir lena di atas sofa. Zura membawa kerusi ke sisi *wheel chair*, dan menyandarkan kepalanya pada *handle wheel chair* itu tanpa mengganggu ayahnya yang masih terus menulis draf.

Matahari sudah lama terbenam. Di bawah sana, angsana meliuk digegar angin kencang dari timur laut. Lampu jalan raya terang-benderang. Syed Omar mengerling, mencari setiap kosa kata yang tepat atau menentukan diksi yang tajam. Dia melihat recik hujan, masih jarang-jarang tapi berbutir besar disorot cahaya lampu. Langit gelap. Syed Omar sedar tengkujuh sudah tiba. Setelah selesaikan berpuluhan paragraf, dan merasa puas hati pada topik yang dia ungkapkan, "Campur tangan Sulit Barat dalam Parti yang Berkua", hujan lebat sudah turun. Dia menyandar dan menyedari Maghrib sudah tua. Dia yakin wuduknya dari Asar masih ada, lalu mengalih arah kerusi roda itu ke kiblat dan bersembahyang duduk. Setelah selesai salam ke kiri dia wirid berpuluhan minit lalu menyandar kembali.

Zura terjaga dan melihat jam. Dia segera mengejut Kadir. "Kita terlepas Maghrib."

Kadir terkapai-kapai. "Ha?"

"Apa kita nak buat? Ketinggalan Maghrib."

"Kenapa tak kejut saya tadi?"

"Saya pun baru terjaga. Apa kita nak buat?"

"Tunggu emak sampai."

"Iya! Tapi solat. Mesti dibayar. Walid itu, bagaimana? Dibiarkan saja begitu?"

"Sabar. Habib akan beritahu kita apa yang patut dibuat. Lihat? Terlena! Saya terlalu hiba melihat beliau. Biarkan dia tidur dulu begitu."

"Tidak tidur, Cikgu!" Syed Omar membuka mata. "Cuma rehatkan kepala, hendak mengatur fikiran." Dia tersenyum. "Cikgu bilang tadi mahu tolong masukkan ke dalam komputer dan buatkan *print-out*. Boleh simpan rahsia? Saya harap begitu! Kalau saya serah malam ini, boleh berikan *print-out* itu kepada saya esok petang?"

"Zura atau saya yang kerjakan, Tuan Habib?"

"Kau. Saya amanahkan kerja sulit itu kepada anak sahabatku."

"Saya bersyukur kerana dipercayai dan memohon kepada Allah semoga saya mampu laksanakan dengan baik."

"Saya nak buat apa, Walid?" Zura iri hati. Tapi akhirnya dia bangga terhadap Kadir.

"Jaga Kadir untuk diri kamu. Bantu Kadir untuk Walid. Faham itu?" Dia toleh anaknya. "Larikan meja ini. Walid mahu gerakkan tangan."

"Zura senamkan Walid! Mahu?"

"Walid boleh buat sendiri. Ubat itu. Sudah lebih tiga jam. Bawa air juga."

Kegiatan itu melapangkan hati Zura. Kadir merawat Syed Omar. Satu minit sudah berlalu. Syed Omar menggunakan tangan menggerakkan roda *wheel chair* berkeliling di ruang tamu. Bunyi loceng yang kurang minyak itu bingit ke dalam telinga.

Senaman itu berlangsung hampir sepuluh minit. Tetapi Zura terasa seakan masa berminggu. Kadir perhatikan gerak tubuh dan muka Syed Omar. Muka itu, tadi pucat. Sekarang mulai merah membayang darah. "Memadai dulu, Tuan Habib."

"Saya rasa pun begitu juga, Cikgu. Badan saya mulai berpeluh."

"Walid boleh mandi. Atau saya lap badan Walid?"

"Tunggu emakmu." Dia toleh Kadir. "Kaki lama ini jika berpeluh, bagus. Tadi Cikgu urut, saya rasa kesakitan dan ngilu di otot. Tentu belum rosak benar-benar." Dia tersenyum. "Picit lagi, Cikgu!"

"Kami buat!" Zura segera meningkah. "Walid mahu baring?"

"Tak payah! Di atas kerusi roda ini saja."

Kadir mengambil meja rendah dan melapik bantal. Dia meletak di hadapan *wheel chair*. Lalu dia angkat perlahan kaki Syed Omar kanan dan kiri. Kerja cermat Kadir menyenangkan Syed Omar. "Cikgu pernah masuk pengakap?"

"Dapat pelajari sedikit. Sejak darjah empat di sekolah rendah jenis kebangsaan sehingga tamat di maktab perguruan. Tapi belum capai *King Scout*."

"Boleh diteruskan. Semoga dapat dihayati disiplin dan ilmu." Syed Omar toleh anaknya. "Zura telefon ke kaunter! Minta minyak *saloon*."

Pengurus P.R. berkejar ke atas, membawa dua botol minyak *saloon*. "Tuan Syed mahu saya panggilkan tukang urut?"

Syed Omar geleng kepala. Bahasa daripada matanya memberi amaran kepada orang itu. Dia berkata perlahan, "Anak saya akan buat." Dia menyumpah di dalam hati, 'Gilal! Keparat orang ini. Apa akan jadi kalau tukang urut itu kenal saya? Bagaimana jika keletah dan cumbu manisnya yang bermotifkan upah itu dilihat Zura? Apa akan dikatakan Kadir? Apa akan dilakukan Hasnah jika dia lihat itu semua?' Dia tersenyum. "Buat seorang satu kaki, dari lutut ke bawah."

Kesan tingkah-laku dan air muka Kadir ketika menyerah botol minyak itu kepada Zura mempengaruhi fikiran Syed Omar; dia arif mereka mesra. 'Nikah gantung dulu?' Suara hati itu segera ditolak oleh perasaan. "Engku orang terlalu sibuk dengan kuliah?" Dia tanya sambil memejam mata.

"Kami tiada waktu untuk berfoya-foya, Tuan Hahib. Pelajaran kami kini pada peringkat hujung ini, semoga kami dapat kepujian kelas satu. Itu akan memudahkan kami melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana."

"Gunakan waktumu dengan kerja dan ibadah. Insya-Allah, Malaikat menjaga kau orang. Masih banyak yang perlu dibuat selain kuliah dan penulisan tesis?"

"Banyak." Zura mengeluh. "Saya seorang pulang hujung minggu ini. Hendak sambung kerja lapangan di Sungai Perlis."

"Cikgu?" Syed Omar gusar. "Biarkan Zura seorang?"

"Syarifah tahu kerjanya, Tuan Habib. Insya-Allah selamat. Penduduk di sana jadi pengawal peribadi Syarifah juga. Saya terpaksa berada di kampus buat kajian di makmal dan kumpul nota kuliah."

"Bila Zura akan buat kerja lapangan di Sungai Perlis?"

"Malam pasang penuh." Zura sahut. "Mulai petang tujuh November sehingga air pasang penuh itu tergenang lepas tengah malam, setelah masuk lapan hari bulan November."

Syed Omar terpegun tapi dia dapat menahan perasaan. "Tidak boleh undurkan dua tiga hari?" Di dalam hatinya bercelaru nota sistem sandi yang dia simpan di dalam beg jinjitnya. "Tidak rosak kajian itu kalau ditangguhkan, bukan?"

"Kajian itu mesti dilakukan ketika air pasang penuh dan surut timpas pada musim pasang keling begini." Zura berungut. "Walid bimbang? Tak usah. Mereka di sana mengawal dan membantu saya. Motorbotnya juga yang kami sewa."

"Kerjanya di tengah Sungai Perlis?" Hati Syed Omar semakin gusar.

"Mulai dari muara Sungai Perlis sehingga ke kuala Sungai Besi di hulu."

"Wah! Sampai ke bandar Kangar."

"Tidak begitu susah Tuan Habib. Bahayanya tidak ada. Syarifah akan mulai di muara bila pasang menyorong naik. Dari sana Syarifah akan buat nota, petik gambar, rakam bunyi sepanjang tepi sungai, dan ambil contoh air

di beberapa tempat. Ikut arus pasang. Boleh selesai sebelum pukul dua. Syarifah akan ditemani pulang ke rumah Puan Syarifah Kalsom dini hari itu juga."

"Tak mengapa! Walid peringatkan. Biar menepi sungai saja. Rapat ke tebing."

"Walid takut saya lemas?"

"Arusnya deras."

"Syarifah sudah pandai berenang, Tuan Habib!"

"Hah?" Syed Omar tercengang. "Bila belajar dan di mana?"

"Kakak Cikgu Kadir ajar saya di Lido, Johor Bahru. Jika tak pandai berenang, saya tak layak serta ekspedisi kajian dasar laut di Selat Melaka. Syukurlah, saya layak."

"Telefon Syarifah Kalsom," kata Syed Omar. "Biar umimu lengkapi keperluan di sana." Syed Omar tegakkan duduknya. "Bagus juga. Walid sudah tahu sekarang." Dia berdalih, "Boleh terbang balik ke Alor Setar tengah hari Sabtu. Bila mahu bertolak ke Kuala Perlis?" Dia berdoa di dalam hati semoga anaknya tidak dilibatkan dalam bahaya.

"Tengah hari tujuh November."

Telefon berdering. "Jawab itu." Syed Omar gesa anaknya.

"Emak." Zura menutup mulut telefon. "Dia marah. Mahu cakap dengan Walid."

Berita isterinya marah menyebabkan dia lupa keadaan dirinya. Naluri panggilan itu mempengaruhi urat sarafnya. Dia bangkit dan memandang Kadir, lalu terhuyung ke depan.

Pukul 22.30

HASNNAH dan Zabedah diikuti empat orang *porter* yang keluar dari lif berasingan menuju ke bilik Syed Omar. Setiap *porter* menyorong satu troli empat roda.

"Sakit hati lagi menunggu macam buah tak jatuh. Hujan lagi." Suara berungut itu didengar Zura di balik pintu. Bila pintu terkuak, Hasnah terpekkik:

"Kenapa ayahmu?"

SYED Omar kecewa! Dia terkejut! Lututnya sudah tidak mampu menampung berat tubuhnya bila dia berdiri hendak pergi ke tempat telefon. Kadir menjerit dan menyambar tetapi tidak sempat. Syed Omar terjerembab ke lantai. Zura terpekkik dan berlari pergi membantu Kadir. Mereka mengangkat dan mendudukkannya di *wheel chair*. Syed Omar pilu. Semangatnya jatuh.

"Kenapa Tuan Habib buat begitu?" Kadir kesal. "Mujur permaidani tebal. Lembut."

"Gopoh! Lutut lama ini tak mahu bawa saya berjalan. Boleh bimbing saya?"

Kadir mendirikannya kembali dan papah bertatih melangkah pendek setapak demi setapak hingga tiba ke meja telefon. Syed Omar masih mengerang bila bertanya:

"Apa hal? Kenapa terlalu lama?"

"Orang janji akan ambil kami dengan kereta. Tunggu sejak pukul empat hingga sekarang tak muncul."

"Kenapa? Zura kata, emak marah! Bila tamat kursus berang? Apa kenanya?"

"Barang banyak. Hujan lebat. Macam mana kami ini nak balik? Nah, tadi saya dengar Zura terpekkik dan Kadir menjerit. Ada apa di hotel?"

"Kami tiga beranak berlatih lakonan drama. Anak-anak itu tidak boleh tinggalkan saya." Syed Omar menggigit bibir menahan sakit, dan nafasnya mendengus.

"Lain macam kedengarannya. Apa terjadi?"

"Drama kami belum selesai. Jangan tunggu kereta dari ibu pejabat. Mereka tak ada masa. Mungkin juga mereka lupa. Gunakan teksi."

"Barang kami terlalu banyak. Kami sudah mahu gila agaknya. Terlalu gembira berbelanja. Seronok. Macam tak ada hari esok. Tahu-tahu, barang sudah bertimbun!"

"Sekarang ada di mana?"

"Bukit Bintang!"

"Dekat saja." Syed Omar berkerut keping, menahan ngilu lututnya. "Gunakan teksi atau minta tolong van kedai itu hantar."

"Ini bukan kedai!"

"Gudang atau rumah orang?"

"Pusat membeli-belah." Diam seketika. "Dua teksi pun tak akan muat."

"Minta tolong pada pusat membeli-belah itu. Mereka ada van. Sewa pun tak apa."

"Tak bolehkah Tuan Syed sendiri datang?"

"Drama kami memaksa saya dan anak-anak ini tak boleh keluar." Syed Omar tak mahu mengejutkan isterinya bahawa dia tepok. "Gunakan van mereka."

Hasnah sudah letak telefon. Syed Omar geram. "Bawa saya bertatih, Cikgu." Zura datang membantu.

"Rasa-rasanya tak ada apa-apa," kata Syed Omar. "Tapak kaki saya terasa sentuhan permaidani ini."

"Bukan lumpuh, Tuan Habib. Cuma lutut lemah"

Sudah ber puluh kali dia keliling bertatih, dibimbing oleh dua orang, bila suara Hasnah mengejutkannya:

"Kenapa ayahmu?"

"Tengoklah Mak! Walid sudah begini. Nasib baik Cikgu Kadir ada."

"Apa kenanya Habib Omar, Kadir?" Zabedah cemas melihat bakal besannya.

"Tak apa-apa, Mak. Cuma lutut Tuan Habib belum kuat."

"Belum tepok lagi," sahut Syed Omar. "Awak berdua duduklah. Biar kami tiga beranak selesaikan latihan drama kami." Dia ketawa sumbang menahan sakit.

"Lari!" Hasnah tolak Zura. Dia dan Kadir terus mengajar Syed Omar berjalan.

"Letakkan saya kembali di atas *wheel chair*, Cikgu." Syed Omar merayu. "Lutut ini belum boleh dipaksa." Dia menarik nafas panjang. "Saya berpeluh."

Empat buah troli dibawa masuk ketika Syed Omar berhenti dilatih. Dia merenung barang itu dan memaksa dirinya bergurau, "Awak berdua ini, nak buka kedai antik?"

"Terlanjur ada *Grand Sale*." Zabedah menyahut. "Kami bernasib baik, dapat segala barang yang kami mahu. Murah pulak tu."

"Dulang-dulang tembaga itu semua, murah juga?"

"Lelong! Kebetulan! Kami jumpa arked hendak ditutup orang bank. Terpaksa jual murah asal dapat duit tunai untuk bayar hutang." Hasnah ketawa gembira. "Tidak apa. Barang itu boleh jadi pusaka untuk diwarisi cucuku."

"Berapa dulangnya?" Syed Omar menyandar ke belakang. "Selimutkan kakiku Cikgu." Kadir patuh.

"Masing-masing dapat sekodi pahar berkaki, sekodi dulang berkaki, setengah kodi dulang leper dan tiga dulang perak. Kur semangat! Tuah anak, rezeki cucu."

"Anak-anak ini lapar. Mereka kelola saya sejak tengah hari," kata Syed Omar. Lalu dia bercerita selengkapnya apa yang dia alami semenjak Zohor tadi.

"Barang ini bagaimana Datin?" Hasnah tanya bakal besannya "Kena ambil hak masing-masinglah. Sudah itu, kita bawa budak-budak ini pergi makan."

Syed Omar tersenyum menahan sakit. Dia perhatikan tingkah laku dua bakal besan itu berbahagi isi troli. Kadir menolong emaknya membawa barang belian Zabedah ke *suite* sebelah.

"Mahu gunakan *wheel chair* Tuan Habib atau dipapah?" tanya Kadir setelah dia membantu emaknya.

"Hubungi kaunter, minta tongkat ketiak. Saya tak akan mengalah kepada lutut ini."

Zura terlalu cemas. Dia tahu, itu simptom tepok.

## Rabu

Pukul 03.45

DINI HARI semakin tipis apabila Kadir menerima keretanya di *porch* Hilton. Zura sudah berulang kali sangap. Tetapi digagahinya dirinya mengikut Kadir pulang ke kampus.

Jalan raya lengang. Dari Hilton ke lampu syarat di simpang hulu Bukit Bintang dengan Jalan Tun Razak, cuma berpapasan sebuah *radiocar*. Dari sana sehingga naik jejambat melintasi Pudu ke Sungai Besi, dia hanya memotong tiga trak yang sarat dengan muatan.

"Nasib baik tak hujan lagi," kata Zura apabila melampaui pekan Sungai Besi.

"Bulan lapan hari sudah lama terbenam. Jangan tidur. Gerun saya seorang diri terjaga di dalam kereta bila gelap di tempat lengang begini."

Ketika tiba di Komsis D, Zura memaut tangan Kadir dan merayu. "Bolehkah saya tuang kuliah esok?"

"Kenapa?"

"Saya ke hotel merawat Walid."

"Habib Omar akan hadiri sidang pemuda dan wanita. Kalau mahu pergi kita ke sana esok petang."

"Walid sakit. Saya mesti pergi pagi esok."

"Kalau pergi, bertolak sebelum pukul tujuh! Mereka tinggalkan hotel pukul lapan. Zura gunakan kereta ini!"

"Lengkapilah nota kuliah. Buatkan fotostat untuk saya."

"Saya akan buatkan. Pergilah tidur."

Zura masih merangkum tangan Kadir. Sinar lampu terlindung ranting rimbun akasia. Zura merengek. "Mahu apa?" Kadir hairan.

"Entah!" Rangkuman Zura kian erat. "Tanganmu tak sudi sentuh dadaku?"

"Sabar! Akan tiba masanya. Di tempat tidur setelah berijab kabul."

Zurah mengeluh. "Berat sungguh rasanya akan berpisah."

"Lawan dan kalahkan perasaan begitu. Kalau Zura tidak dapat tidur, saya tidak benarkan gunakan kereta ini esok." Dia menyerahkan kunci kereta itu dan memerhatikan Zura sehingga melampaui pintu blok bangunan wanita.

Dalam biliknya, Kadir melawan perasaan dan kantuk untuk tenangkan fikiran dan menanti Subuh. Kenangannya menjalar kepada kesihatan Syed Omar.

"Ayah lihat bakal mertuamu itu bukan tepok saja." Zahid murung bila dia sampai ke biliknya bersama isteri dan anaknya.

"Pada mata saya juga begitu," ujar Zabedah.

"Semangat Habib Omar kuat, ayah."

"Kadir tak faham." Zahid berungut. "Dia terpaksa bertahan begitu kerana siang tadi kami berjanji berbahagi kerja. Ayah di ibu pejabat. Syed Omar di hotel selesaikan ucapannya yang kami sudah tentukan topiknya. Dia pun ditugaskan menyusun rangka tindakan yang akan kami laksanakan menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti di dalam sidang agung itu. Syukur, draf ucapan itu sudah selesai dan kau akan serahkan *print-out* komputer petang esok.

"Kerja ayah di ibu pejabat parti, bagaimana?"

"Tak kering tangan. Gusi kemarau. Hasilnya? Belum tahu."

"Bagaimana keadaannya sekarang?" Zabedah soal suaminya.

"Parah! Laporan buruk belaka."

"Habib Omar kata, mesti menang," Kadir berbisik kepada ayahnya.

"Menang paksa."

"Boleh begitu?" Zabedah hairan.

"Jika tiada lagi jalan lain. Itu pun belum tentu. Syed Omar anjurkan, kami berdua rancang. Dia terlalu yakin boleh menang. Tapi dia sudah uzur begitu."

"Ayah tidak boleh ambil alih tugas Habib Omar?"

"Kami akan runding pagi esok."

Kadir termenung di baringan tanpa membuka pakaian. Bila menyedari hakikat yang dikatakan ayahnya, dia merintih di dalam sukma. Ayahnya terlibat dalam tindakan tidak jujur. Di mana harga diri ayah sebagai manusia? Pertanyaan itu terlalu tajam menikam sanubarinya. Tapi dia pun sedari hakikat itu setelah mengkaji intisari draf ucapan Syed Omar bahawa negara dan parti yang berkuasa akan punah andai kata unsur *Global Union* tidak dapat dikalahkan. Lalu dia teringat tentang perbualannya dengan Syed Omar, sewaktu dia dan Zura memapah orang itu berjalan sekeliling ruang suite tamu di Hilton:

"Kadir sudah persiapkan diri pegang tanggungjawab?"

"Sedang belajar Tuan Habib! Insya-Allah, bila kembali jadi guru atau diterima jadi pensyarah, saya akan lakukan dengan baik."

"Maksud saya, dalam politik!"

"Tidak ada minat!"

"Kalau anak muda seperti Kadir tiada minat, hendak diserahkan kepada siapa teraju kerajaan negara ini?"

"Biar orang politik yang pegang."

"Fikiranmu masih belum berkembang. Bersedialah! Kami orang tua begini hendak serahkan pimpinan parti dan kerajaan kepada kalian demi keutuhan negara." Syed Omar tolleh Kadir. "Masuk parti. Pelajari selok-belok tugas dan peranan parti dari tahap cawangan, bahagian dan pusat. Masuk pilihan raya. Jadi Ahli Dewan Rakyat. Pegang jawatan setiausaha parlimen di suatu kementerian. Naik, jadi Menteri Muda. Bila matang dalam kabinet, jadi Menteri penuh di samping menyertai pucuk pimpinan parti di pusat dan pastikan sasaranmu, kuasai parti untuk ketuai kabinet dan jadi Perdana Menteri."

'Jadi Perdana Menteri?' Dia mengejek di dalam hati. 'Merebut pimpinan parti?' Dia geleng kepala. 'Dengan gelagat politik begitu?' Bibir Kadir mencebir.

Mata rantai fikiran itu membelit di dalam hatinya. Dia bersungut, "Jika begitulah caranya, bukan saya. Masih banyak bidang lain untuk saya berbakti kepada negara."

Rungut Kadir ditenggelami laungan azan Subuh. Apabila sampai pada kalimat yang bermakasud *marilah menuju kepada kemenangan*, dia bangkit, buang pakaian, lalu mandi. Sebelum mengambil wuduk, Kadir bertanya di dalam hati, 'Kepada kemenangan begitukah yang dikejar ayah dan teman-temannya di dalam parti?'

Jam 07.10

WIRIDNYA berlanjutan. Dia duduk di atas sejadah dan bersandar di sisi katil hingga terlena. Bunyi bising di lorong lantai empat mengejutkannya. Kadir bingkas kerana teringat tadi dia terlupa memberi wang kepada Zura untuk penuhkan tangki. Minyak kereta itu hanya seperempat tangki bila sampai ke Komsis D.

Dari pintu lobi, dia melihat keretanya. Kadir merenung jam. Sudah puluh tujuh lewat sepuluh minit pagi. "Zura terlambat." Dia berungut tetapi berlapang dada kerana dia akan sempat memberi wang untuk membeli minyak. Apabila mendekati kereta, pengawal datang menegurnya:

"Ini kunci kereta Cikgu dan pesanan Syarifah Zura."

Kadir membaca tulisan pada kad itu:

*Tak tidur. Takut memandu. Naik bas ekspres saja. Bertolak petang ini! – Z.O.*

Selama tiga tahun lebih mereka seperti belangkas. Pagi ini, mereka terpisah. Pengalaman itu menekan hati Kadir. Dia ke kuliah dan dengan penuh azam akan terus ke bilik komputer.

Kuliah selesai pukul sembilan. Kerja di komputer selesai pukul sebelas. Setelah itu, dia ke kantin pentadbiran. Di sana meja penuh tetapi dia paksa dirinya menyelit di kerusi kosong di meja berisi tiga orang.

"Mana Syarifah?" Seorang bertanya.

"Ke Kuala Lumpur. Ayahnya sakit."

"Kasihan!" Seorang bersympati tapi bibirnya menyengir tayangkan ejek.

"Mahu ke forum?" Seorang bertanya ikhlas.

"Forum apa?"

"Tak baca surat siarankah?" Orang yang menyengir tadi bertanya sinis. "Itu forum nasib Melayu."

"Politik. Tak mahulah."

"Politik, satu topik. Subjek lain lebih banyak. Pelajaran. Bahasa Kebangsaan. Kebudayaan Kebangsaan. Ekonomi Negara. Tanah masih dan bekas milik Melayu."

"Menarik juga." Kadir serius.

"Memang menarik. Jangan orang sains minat pada bukti makmal saja."

"Jangan cabar." Kadir merendah diri tapi tegas.

"Kenapa? Mari ikut." Yang mencebir, serbannya hapak, menarik tangan Kadir. Kuah lontongnya tumpah dan cawan kopinya tercampak ke lantai.

Muka Kadir merah. "Awak ini berkeras cara begitu hendak apa?" Dia menolak pinggan makanannya. "Saya boleh ikut awak. Adu lidah di dalam forum atau adu lengan? Pilih senjata. Di mana? Bila?" Kadir tangkap kepala orang itu dan tenyeh mukanya ke atas meja yang sudah berselekeh kuah lontong. Kemudian dia sambar serban hapaknya, dan itu dijadikan pengesat kuah di atas meja, dan mengelap kopi di lantai.

Tontonan itu cukup menarik. Tempat kerumunan mahasiswa Fakulti Islam dan mahasiswa dari fakulti lain, golongan berjubah. Mahasiswa dari Fakulti Sains, jarang-jarang ke situ kerana kantin mereka di hujung timur sana. Tapi peristiwa itu seakan menjadi katalis kepada yang sudah lama terpendam di dalam dada di kalangan pegawai pentadbir dan mahasiswa dari Fakulti Sains Kemanusiaan. Mereka sudah kepung semua laluan keluar dan masuk, dan sebahagian besar menyerbu ke dalam. Mujur! Pengawal segera tiba. Kadir disabarkan dan meninggalkan tempat itu.

Akil yang kebetulan sampai terlambat mengejar Kadir dari belakang. "Apa kenanya Cikgu? Tidak pernah berkelaku begitu!"

"Perangai Arab Badui biadab. Dia paksa secara kasar ke forum dan menumpahkan makanan saya."

"Saya pun mahu hadiri forum itu."

"Kenapa tak pergi? Di mana?" Kadir bentak.

"Pukul dua nanti di Dewan Tun Razak."

"Mana Azizan?" Kadir curiga apabila Azizan terpisah daripada Akil. Dia khuatir Azizan masih di kantin itu, mencari lawan ikut panas baran sendiri.

"Pagi tadi saya hantarnya ke Hospital Kajang."

"Kenapa tak panggil saya? Sakit apa?"

"Azizan sakit perut. Malam tadi dia makan pulut basi."

"Makan di kantin mana?"

"Bukan di kantin. Dia bawa bekal dari kampung."

"Daripada hadiri forum, lebih baik tengok Zizan!"

"Saya akan buat begitulah. Forum itu pukul dua. Entah pukul berapa pula dimulai. Juru acara berceloteh setengah jam. Pengerusi membebek satu jam. Panel entah pukul berapa baru sampai." Dia mengikut Kadir ke tangga batu untuk naik ke Komsis D.

"Mereka bermurah hati buang waktu. Tetapi jika disuruh buat kerja selalu beri alasan waktunya tidak cukup. Hal itu yang membudaya dalam bangsa kita, termasuk sebahagian golongan yang dianggap cendekiawan. Akil dapat lihat kesan itu?"

"Kenapa tidak? Mentor saya sudah empat kali bertukar dan belum ada seorang pun yang taati janji masa yang mereka sendiri berikan kepada saya."

Akil tergelak. "Nah, itu satu perkara. Ini hal Cikgu dengan Zura. Saya lihat dia naik bas ekspres ke Kuala Lumpur. Dia mahu ke mana?"

"Rawat ayahnya di Hotel Hilton."

"Yang Berhormat Datuk Syed Omar Bamadhaj sakit apa?"

Kadir menceritakan keuzuran Syed Omar.

"Kasihan Yang Berhormat itu." Mereka sampai pada peringkat terakhir tangga batu yang mereka lalui. "Memang patut. Sudah tua. Tak apalah. Tetapi ada yang tidak patut. Kenapa tak beritahu kami?" Akil kesal. "Perempuan di Komsis sebar berita."

"Berita apa?"

"Cikgu dan Syarifah Zura bertunang!"

"Siapa beritahu mereka?"

"Tentu Zura sendirilah. Tapi jangan lupa. Di samping ada yang gembira, ramai juga yang iri hati atau mungkin lebih daripada itu. Peristiwa di kantin itu tadi pun, ada unsur begitu. Cikgu harus maklum. Dahi Zura licin. Golongan jubah-serban itu juga seakan merasa mereka lebih berhak ke atas diri golongan syarifah kerana mereka jaguh pakar Islam dan syarifah itu baka Arab."

"Perempuan." Kadir berungut dan membuka pintu kereta, lalu pecut ke Bandar Baru Bangi. Dia mengisi tangki sepenuhnya. Dari situ dia terus ke Kajang.

Mereka dapati Azizan pucat lesi. Badannya letih. Botol air masih tergantung dan hujung paip getahnya terbenam ke dalam lengan Azizan.

"Andai Zizan demam malaria, saya tidak hairan. Kita baru saja balik dari utara. Tapi sakit kerana makan, saya tidak terima. Kenapa begitu bebal?" Kadir terlalu kesal.

"Silap saya. Sayang pulut itu. Emak bekalkan. Masih banyak."

Kadir termenung. Alasan Azizan menekan kalbunya. Dia sedari bahawa walaupun Azizan orang miskin dari kampung tapi dia tidak dapat biasiswa. Ayahnya penyokong parti pembangkang. Di Komsis pun bukan dia penghuni rasmi. Dia menjadi setinggan, bertukar Komsis menggilir bilik kawan-kawan. Air mata Kadir menitik. Di dalam dompetnya, masih ada beberapa puluh ringgit. Itu dia lipat dan masukkan ke saku Azizan.

"Minta tolong jururawat belikan buah. Kami mahu balik segera. Ada forum."

Dalam perjalan pulang Kadir bersungut. "Kemiskinan memaksa Azizan makan pulut basi itu."

"Sering keputusan wang." Akil pilu. "Itu sebabnya saya pastikan dia selalu dengan saya. Malam tadi, dia setinggan di Komsis lain."

"Orang tuanya tak bekalkan wang dari kampung?"

"Hari itu, tambangnya ulang-alik pun, daripada saya." Akil bertutur ikhlas. "Azizan terharu kerana Cikgu dan Zura tanggung makanannya setiap kali kita di utara."

Mereka tiba ke Kompleks Tun Razak setelah solat Zohor di masjid. Sudah pukul dua lebih. Panel yang ditaja terdiri daripada tujuh orang untuk membincangkan tujuh topik. Tetapi baru dua orang tiba. Pengerusi masih berceloteh, seakan penjual ubat di tepi jalan.

"Mahu tunggu?" Akil tanya.

"Sabarlah! Alang kepalaang sudah hadir." Kadir mempengaruhi.

Akil melawan hati sendiri sehingga selesai pukul lima tiga puluh petang. Kadir berebut mandi dan solat Asar. Dia baring menanti Maghrib. Fikirannya melayang kepada setiap topik di dalam forum itu.

'Begitu parahkah nasib bangsaku?' Pertanyaan itu berulang menjelma di dalam otak dan hatinya. Dia tidak mahu percaya dan masih tetap merasa bangga dan berkeyakinan terhadap hujah ayahnya di rumah selama ini. Tetapi Kadir kecewa ketika dia fikirkan kembali fakta yang dikemukakan di bawah tujuh topik tadi: politik, tanah, pelajaran, budaya, bahasa, agama, ekonomi.

"Bangsa Melayu sendiri memperkecil ruang lingkup wilayah kebangsaan mereka." Itu diksi daripada satu panel. "Dalam konteks politik kebangsaan, tanggapan ke-Melayu-an mereka sekadar Melayu yang ada di Semenanjung Tanah Melayu saja. Belum imbau dan tak serasikan diri dengan Melayu di Sabah dan Sarawak. Jangankan menjangkau peribumi Nusantara tetapi peribumi seluruh Malaysia pun tidak."

Kadir murung.

"Dengan alasan pencinta damai, bangsa Melayu membeli kemerdekaan bukan dengan mata wang tetapi dibayar hak mutlak; menerima bangsa lain melalui melodi dongeng *jus soli*."

Huraian itu menyakitkan hati Kadir.

"Mereka bertolak ansur kerana merasa dimuliakan dengan julukan 'bangsa yang toleran'. Itu yang menyebabkan mereka sekarang tak pernah menolak orang lain, tetapi diri sendiri beransur terus ke belakang, mengalah, menyerah dalam semua bidang kehidupan."

Sebagai pelajar sains semenjak masuk tingkatan empat sehingga sekarang, Kadir tidak banyak mempelajari sejarah.

"Kajilah tanah dari hujung utara ke selatan. Tanah di kawasan yang sedang dan akan dibuat lebuh raya, milik siapa? Dalam fail pejabat tanah akan dijumpai hanya ditulis *bekas milik Melayu*."

Kadir dirangsang. Dia hendak bertanya tetapi tidak berkesempatan kerana masa sudah habis. Pengerusi telah menggunakan waktu berceloteh begitu banyak.

"Kenapa aku tidak bawa perakam?" Kadir kesal. Hatinya yang mengkal itu dibawanya ke alam tidur, lalu dikejutkan laungan azan Maghrib dari masjid.

## Pukul 10.30

TONGKAT ketiak besi putih itu berkilat terkena sinar neon daripada lapan belas penjuru siling dan lampu kamera TV yang diarahkan kepadanya. Besi putih antikarat itu menghasilkan sinar lantunan kembali, dan itu menyilaukan mata.

Sebagai ahli majlis tertinggi paling kanan, dia bersama Zahid ialah EXCO negeri paling lama berkhidmat. Mereka duduk sederet dengan menteri, menghadapi meja di atas pentas itu yang diduduki oleh ahli jawatankuasa tertinggi pemuda dan wanita.

Kehadirannya selama ini dalam sidang-sidang seperti itu dianggapnya sebagai teras semangat. Tetapi kali ini, dia hendak mengambil kesempatan untuk meninjau, mengukur denyut hati orang muda yang menghadapi sidang agung. Syed Omar maklum, daripada laporan dan berita sulit, bahawa mereka sudah ada cita-cita untuk menggugat. Dia hendak lihat riak permukaan alun untuk memahami ke arah mana arus mengalir, dan sejauh mana dia dapat mempengaruhi perwakilan yang akan mengundi dalam pemilihan pucuk pimpinan parti.

Penggunaan ruangan mewah dan luas, perabot serba mahal dan selesa, hiasan bunga dan pohon hidup di atas dan di hadapan pentas, hias dinding meyakinkannya bahawa segala usaha hiasan itu sudah memberikan kesan psikologi. Syed Omar ingat pesannya tiga minggu yang lalu:

—Mewahkan penglihatan di dalam sidang supaya mata mereka tidak melihat yang buruk, yang boleh mendorong kebangkitan tentangan.

—Berikan mereka ruang lapang dan tempat duduk yang selesa agar hilang resah yang mungkin merangsang nafsu mengkritik.

—Pastikan setiap orang dapat makan dan minum secukupnya sebelum masuk ke sidang untuk mengelak mereka lapar yang selalu menyebabkan orang naik berang.

—Layani mereka dengan senyum dan ramah tamah kerana bangsa Melayu, bila dimenangi hatinya dengan layanan yang baik, akan lupa keris di punggang sebagai senjata. Keris hanya akan ditanggapi sebagai pelengkap pakaian dalam majlis istiadat. Begitu sikap perwakilan. Senyum dan ramah tamah akan meleburkan penentangan mereka.

Kini pesan itu terlaksana. Hasilnya? Sepintas lalu dia lihat muka hadirin. Mereka nampaknya puas dan girang namun banyak mata menayangkan resan keruh yang menggelodak di dalam dada.

Syed Omar tunggu ucapan dasar ketua pemuda dan ketua wanita selesai, serta ucapan sambutan daripada pemuda dan wanita selesai.

"Temani saya keluar, Datuk." Dia kuit lengan Zahid.

Dengan tongkat di bawah ketiak dan tersenyum lebar kepada orang di kanan-kiri lorong, dia disambut dengan tepukan. Mereka memuji tekadnya yang gigih menghadiri sidang walaupun uzur.

"Datuk masuk balik," bisiknya perlahan. "Anak-anak itu perlukan orang tua."

Lima ahli jawatankuasa mengiringinya ke kamar sulit ibu pejabat parti. Syed Omar puas hati. Semua ucapan yang dia dengar, ditanggapinya tak lebih daripada *cliche*. Nadanya berapi-api. Tetapi isinya sekadar penonjolan identiti kehadiran mereka bukan isi yang membawa kepada jurusan baru. Jenis apakah isi dada mereka yang berkeladak itu?

Dia membaca laporan terakhir daripada Syed Mokhtar. Dia tersenyum. Dugaannya tepat; tiada yang tolak wang. Tapi pendirian mereka sudah teguh pada sesuatu pasukan.

"Untuk apalah menukar pemimpin kalau tidak didasari dengan haluan baru perjuangan parti?" Dia bertanya di dalam hati. Itu dia simpulkan dengan monolog. "Dalam sidang hari ini, tidak wujud isu baru. Tiada gejala yang hendak menukar dasar parti."

Hatinya lapang. Dia isi paipnya. Hisap sedikit. Bermenung, lalu membuka fail daripada pegawai ibu pejabat yang dia paling percaya. Lembaran itu jelas; sebahagian besar yang ditandai sudah disempurnakan. Beberapa helai diberi nota: tunggu perkembangan.

Formula "menang sakit dan kalah tidak hilang maruah" sudah selesai dia susun. Dia berpuas hati dalam hal itu. Kini dia teringat kepada tabiat Zura pagi tadi yang tiba ke hotel hendak merawatnya. Zura pucat dan cemas akan kehilangan ayahnya.

"Dua perkara kuminta daripada Tuhan," katanya kepada Hasnah apabila menerima kopi pagi tadi. "Pertama, kami menang dalam pemilihan pucuk pimpinan parti. Kedua, sempat mengahwinkan anakku semoga engkau menimang cucu di belakangku."

Hasnah termenung. Dia melihat Zura berlirang air mata.

"Walid yakin Zura dan Kadir akan jadi kongsi hidup yang serasi."

"Terima kasih di atas keredaan Walid," sahut Zura.

"Nak! Utamakan terima kasihmu kepada emakmu. Dia yang membuka hati Walid."

Zura mencium kaki emaknya. Hasnah elus rambut Zura. "Bangkitlah. Sebentar lagi kita irangi Walidmu ke bawah. Orang akan membawanya ke sidang pemuda dan wanita."

"Zura tunggu Walid. Tidurlah. Emakmu tidak akan ke mana-mana hari ini."

"Saya akan balik ke kampus malam nanti, Walid. Kadir akan mengambil saya."

"Zura selalu tinggalkan kuliah?" Syed Omar merenung anaknya.

"Tidak pernah, Walid! Inilah pertama kali."

"Kerana Walid?"

Zura menangis.

Hasnah terharu dan mencium muka anaknya.

Fikiran dan kenangannya menghiasi hatinya, terbayang pada air mukanya, dan itu dilihat orang dari luar melalui cermin empat kali enam inci di pintu kamarnya.

"Tuan Syed Omar, walaupun dalam keadaan sakit begitu, kerja banyak dan semakin rumit tetapi masih senyum juga lagi," kata seorang kerani kepada Ketua Kerani di pejabat itu.

"Habib itu peramah. Baik hati. Pemurah. Tapi ada pantangnya."

"Apa jenis pantangnya yang utama?"

"Kerja mesti betul dan siap pada waktunya. Jangan bohong. Apabila dilanggari satu daripadanya, Habib akan berubah jadi singa." Dia tersengih. "Menteri pun dia sergha."

Ketua Kerani itu, usianya sudah hampir empat puluh tahun, lulusan MCE tahun enam puluh empat. Sudah lapan belas tahun dia bekerja di ibu pejabat, setelah menganggur dua tahun. Ketika menganggur, dia mengikuti latihan kemahiran di Dusun Tua. Pada mulanya dia menjadi kerani fail. Pengalamannya yang sudah terkumpul hampir sepuluh tahun dalam bidang itu menyebabkan dia mahir dalam kerja perkeranian. Dialah yang paling dipercayai dalam hal isi fail dan kategorinya di ibu pejabat parti. Kemiskinan keluarganya menghalangnya daripada meneruskan pelajaran ke peringkat HSC. Kedudukannya sebagai anak buruh kasar menghalangnya daripada menduduki jabatan kerajaan ketika itu. Dia dilahirkan dan dibesarkan di pinggir Kuala Lumpur. Itu menyebabkan Baim kecewa terhadap dasar Pembangunan Luar Bandar. Dia dikalahkan pemuda dari luar bandar dalam merebut peluang pelajaran di pusat pengajian tinggi dan peluang pekerjaan di ibu kota.

Orang mengenalnya dengan nama timangan Baim yang berasal daripada panggilan ibu bapanya. Tapi di dalam kad pengenalan, namanya Ibrahim bin Kasban, lahir di Datuk Keramat, keturunan Bawean totok.

Baim warak. Tapi dia tidak pakai ketayap. Mahir agama. Tetapi tidak pakai jubah Arab, fesyen tiruan daripada Yahudi. Sebelum ada perlumbaan mendirikan surau di Pejabat Kerajaan, Baim sudah lama membuat surau di ibu pejabat parti. Dia seliakan sendiri, jadi bilal dan ada kalanya dia menjadi

imam jemaah Zohor dan Asar. Pada mulanya, dia mendapat kesan bahawa pemimpin dari kampung, apabila ada urusan di ibu pejabat parti, umumnya mereka enggan sembahyang jika tiada sarung dan songkok atau ketayap. Semasa darurat 13 Mei, dia dapat seribu ringgit daripada Syed Omar. Dia beli empat kodi sarung pelikat India, tiga kodi ketayap, satu kodi songkok, lima kodi kitab Surah Yasin, lima kodi sejadah, lima kodi tasbih. Pada masa itu, harga pasaran bagi satu helai sejadah ialah lima ringgit. Surah Yasin berharga 20 sen, songkok lima ringgit, ketayap 50 sen, sarung pelikat India empat ringgit, tasbih seringgit satu utas. Baim beli borong di Jalan Melayu, dengan potongan harga tiga puluh peratus. Baki wang itu sebanyak RM321 ringgit dipulangkannya tapi Syed Omar menyuruhnya masukkan ke tabung surau. Baim senang hati kerana pada masa itu orang rajin sembahyang. Tetapi bila negara aman dan parlimen dipulihkan pada tahun 1971, ibadah mereka turut merosot secara perlahan-lahan. Masa itu sejadah, ketayap, songkok dan sarung pelikat tak susut. Namun surah Yasin dan tasbih selalu hilang. Baim berulang kali membeli surah Yasin dan tasbih.

Setiausaha Kerja Parti meneliti peribadi Baim. Atas anjurannya, Baim dinaikkan tarafnya kepada Ketua Kerani sembilan tahun dahulu. Itu berlaku ketika krisis politik Sabah memuncak dan Perdana Menteri yang kedua sudah meninggal di London pada tahun 1976. Kerana wibawa Baim dalam jawatan itu dan sikap amanah dan dedikasinya, maka tangga gajinya sekarang setanding golongan C2 dalam jawatan kerajaan.

Dalam parti, Baim cuma menjadi ahli biasa cawangan kampungnya di Datuk Keramat. Dia tidak ada cita-cita menjadi pemimpin. Tetapi setiap pemimpin yang datang dari kampung ke ibu pejabat parti – kebetulan parti itu berteras kampung – boleh dianggap tidak sah kehadirannya jika tidak berborak dengan Baim. Dalam hal itu, Baim arif benar tentang telatah pemimpin apabila mereka berada di Kuala Lumpur. Gaya mereka berpakaian dan lagak mereka di luar ibu pejabat berubah kerana saku mereka sudah berisi dompet yang padat. Baim tahu sumber isi dompet itu. Mereka berbelanja mengatasi boros orang kaya ibu kota.

Jarang-jarang sangat hari berlalu tanpa panggilan telefon dari seluruh ceruk rantau tanah air. Isi panggilan itu hampir sama saja. Mereka meminta pertolongan Baim membuat tempahan bilik hotel. Sebahagian besar pemimpin itu, usia mereka dari tiga puluh ke lima puluh tahun. Mereka berada dalam tahap umur menderita tekanan batin apabila terpisah daripada isteri.

"Baim, kalau isteriku telefon, beritahu saya dikirimkan Yang Amat Berhormat pergi membantu cawangan x dalam bahagian y di negeri z. Belum tahu bila akan pulang."

Baim mengangguk tetapi di dalam hatinya menyumpah kerana kehadiran mereka cuma sepuluh peratus untuk parti sembilan peratus untuk peribadi,

mengecek menteri. 'Aku dan ahli parti tak bertanggungjawab ke atas diri calon ahli neraka.' Baim merungut di dalam hati.

Baim dikejut dering telefon. Seperti lazim dilakukannya, tangan kirinya mengangkat telefon, telinga kirinya menadah. Tangan kanannya memegang pen. Lidahnya kerana sudah diasuh oleh ibu bapa, lembut mengucapkan 'Assalamualaikum'. Bukan helo, sebagaimana yang teradat bagi orang lain, walaupun dia juga fasih berbahasa Inggeris. Walaupun ayahnya menjadi buruh kasar, tapi ketua cawangan parti di Datuk Keramat dan ahli jawatankuasa bahagian parti di kawasan parlimen Setapak, sudah menandatangani borang untuk Baim memasuki *BRBS*. Malang baginya, Kasban meninggal dalam huru-hara di padang bola sebagai penyokong Selangor. Ketika itu Baim baru menjadi murid darjah empat di Batu Road Boys School. Kasban mati tanpa pampasan. Tetapi kerana adanya tanda tangan pemimpin, Baim berjaya masuk ke Victoria Institution hingga tamat tingkatan lima.

"Habib di sini, Baim. Masuk sebentar."

Baim bergegas. Dia arif bahawa Habib Omar lebih akrab kepada Baim jika dibandingkan dengan pembantu peribadi di ibu pejabat parti! Oleh sebab itu, Baim berhati-hati benar kepada pemimpin yang mendapat jolokan jaguh tua dari utara itu.

"Duduk!" kata Syed Omar. Baim duduk. Kertas dan pensil siap di tangannya.

"Mungkin saya terkena sakit tepok. Baim pun sudah lihat keadaan saya sekarang. Adakah bomoh urut kampung yang Baim tahu dekat-dekat di sini?"

"Kenapa Habib tidak beritahu saya dua tiga hari dulu? Orangnya sudah pulang ke negerinya pagi semalam."

"Ke negeri mana?"

"Bawean. Enam bulan lagi baru balik ke mari."

"Saya kena tengah hari semalam, Baim."

"Kasihan! Bagaimanalah saya akan tolong Habib?"

"Tentu masih ada yang lain."

"Ada. Tapi tidak semahir yang pulang ke negeri."

"Siapa nama bomoh urut yang ada sekarang?"

"Pak Haji Juki. Lurah tua."

"Syukur! Saya masih ingat Pak Haji Marzuki. Saya mula kenalnya semasa Baim kahwin."

"Jika begitu, Zohor saya ada di sana. Beliau menjadi imam Surau Pondok Pekalongan."

"Terima kasih!" Syed Omar gembira. Dia sudah sediakan tiga sampul. "Baim beritahu Pak Juki, saya amat berhajat. Ini sampulnya. Masukkan ke dalam sakunya."

"Surat?" Baim hairan.

"Untuk rokok Pak Juki!"

"Tebal isinya, Habib." Baim takjub.

"Dua sampul ini berikan kepada isterimu. Satu untuk dia, satu untuk kami. Isteriku tak serasi hidangan hotel. Suruh buat masakan rumah dan bawakan hidangan itu sehingga Sabtu tulat."

"Isteriku tidak pernah jejak kakinya di halaman hotel."

"Baim saja yang bawa. Malam ini, bawa sekali Pak Juki ke hotel."

"Kalau urut Pak Juki, tiga hari tiga malam."

"Bagus!" Syed Omar berlapang hati. "Oh! Ya, Baim! Dapatkan tiket daripada MAS siang Sabtu untuk tiga orang: Kuala Lumpur – Alor Setar."

"Namanya? Bil tiket itu, bagaimana? Tanggungan pejabat ini atau peribadi?"

Syed Omar menyerahkan namanya, Hasnah dan Zura. "Bil peribadi saya."

"Puan Salmah telefon saya dari Bangkok tadi." Baim majukan topik lain. "Beliau minta maaf, tidak dapat selesaikan tugas sebagai ahli jawatankuasa menyambut VIP."

"Saya tahu," Syed Omar berdalih dan menahan perasaan. "Dapat pengganti?"

"Kami ambil pembantu peribadi Setiausaha Kerja."

"Lupakan itu, Baim. Saya tak masuk Ahad-Isnin-Selasa!" Dia mencari sesuatu pada saku baju Melayu di balik samping songketnya. "Hampir terlupa. Ini untuk Baim." Dia serahkan sebuah kotak baldu merah darah ikan yang indah.

"Apa ini, Habib?"

"Saya kata, untuk Baim. Bukalah!"

Baim buka dan seakan terpekkik, "Rolex!"

"Asli! Jam tangan Saiko kau sudah antik. Hadiahku untuk hari kahwinmu, bukan?"

Baim mengangguk. "Rolex ini terlalu mahal, Habib."

"Hubungan kita, Baim. Jika saya beri duit, kau tak akan beli jam begitu."

"Gajiku, kuserah kepada isteriku. Dia yang kendalikan ekonomi rumah tangga kami. Begitu cara hidup masyarakat kami. Saya cuma ambil duit saku dan wang rokok saja."

"Isterimu menyimpan?"

"Sedikit, Habib! Apabila ada hadiah daripada orang seperti Habib di ibu pejabat ini, itu pun saya serah kepadanya. Wang begitu, dia belikan barang kemas dan dia simpan. Katanya, afdal jadi kenangan kepada budi orang yang memberi."

Syed Omar terharu. Dia bersugul di dalam hati. Ramai suami yang menyembunyikan daripada bini pendapatan mereka selain daripada gaji.

"Ada apa-apa lagi, Habib?"

"Nanti!" Dia membuka dompetnya. "Saya tidak pernah beri hadiah kepada isterimu. Emakmu pun, sudah terlalu lama tak dapat apa-apa daripada saya." Dia mengeluarkan dua lembar wang kertas seribu. "Berikan kepada mereka sekeping seorang."

"Maksud saya, kerja kita, Habib! Bukan hal hadiah."

"Itu peribadi. Sekarang parti. Setiausaha Kerja sibuk, jarang-jarang ada di biliknya."

"Dia cuma dapat bekerja dengan tenang pada hari cuti umum," kata Baim. "Dia bersama saya di sini hingga jauh malam."

"Nah! Kerja kita sekarang ini. Beritahu saya." Syed Omar berhenti. Dia dan Baim tahu bahawa seluruh kawasan penting di dalam bangunan itu ada telinga dan mata di setiap dinding dan penjuru. Dia melambai Baim supaya mendekatinya dan berbisik.

Baim Serius. "Dalam fail khas sementara. Habib mahu teliti lagi?"

Syed Omar mengangguk. Baim keluar dan segera kembali bawa fail. Syed Omar mengkaji tiga fail tersebut. Warna putih, ungu dan pink, masing-masing menurut kategori  $x$ ,  $y$ ,  $z$ .

"Akan ada lagi perubahan?" Baim tanya di dalam bisik.

"Saya akan tapis." Syed Omar berbisik dan tersenyum. Tetapi lahar membua di dalam dadanya. "Setiausaha kerja sudah lihat ini semua?"

"Tengah malam tadi! Selain Habib Mokhtar dan YB Datuk Zahid, hanya saya, dan Setiausaha Kerja saja yang tahu. Setiausaha Agung tidak tahu hal ini."

"Bukan kerjanya!" Syed Omar gelak. "Apa kata Setiausaha Kerja?"

"Katanya, beliau, saya dan Syed Mokhtar sekadar bekerja saja. Penentuannya terletak pada Habib dan Datuk Zahid." Baim berbisik ke telinga Syed Omar. "Jika ada perubahan berikan kepada saya sebelum Subuh menjelang pengundian Sidang Agung. Kunci dua bilik khas. Pengawal dan petugas itu ada di dalam tangan saya. Semua peti khas mestilah siap diatur di situ sebelum matahari terbit. Tetapi status undi daripada Bahagian yang ada tiga belas cawangannya diragukan. Bagaimana? Sudah diputuskan?"

Syed Omar terseyum, lalu berbisik. "Buat sementara, biar begitu saja dulu. Masih ada masa dua hari dan dua malam untuk buat kepastian terakhir. Ingat? Bertindak kilat bila bangunan ini dikosongkan ketika lelaki ke Masjid Negara bersembahyang Jumaat dan wanita keluar pergi membeli-belah. Kunci dua bilik khas itu dan serahkan kunci kepada saya esok."

"Hampir pukul dua belas," kata Baim. "Saya berjemaah Zohor di Surau Pondok."

"Simpan fail ini. Baim dan pemandu ke mari, papah saya ke kereta dan di hotel."

"Habib balik ke mari lagi petang ini?"

"Tidak. Tapi hubungi saya di hotel jika perlu. Esok saya masuk awal." Di hotel, Syed Omar berbisik, menegah pemandunya mengetuk pintu. Mereka terdengar Hasnah bertegang leher. Zura meningkah hujah membela diri.

"Apa ini?" Suara Syed Omar perlakan memaksa dirinya bertenang. Dia merasa kesal kerana orang lain mendengar guntur telingkah anak-bininya. Dia ketuk pintu itu amat perlakan, dan berkata, "Papah saya masuk."

"Saya tidak pernah dengar Zura durhaka kepada emak." Katanya dengan suara berang. Mukanya merah. Dia menoleh kepada Baim dan pemandu. "Pulanglah!"

Di dalam lif, Baim berungut, "Orang baik, kena sakit tepok, pulang dan dapat pula anak-isterinya bersengketa."

"Itu tidak seberapa," kata pemandu. "Encik Baim belum tahu? Habib ditinggalkan bini muda. Sekarang, sedang merebak kemelut keluarga Habib di kalangan pemimpin. Kalau bukan suami isteri, bersengketa dengan anak atau berbalah dengan menantu."

"Mana awak tahu?" Baim bertanya ketika keluar dari lif.

"Menurut yang saya dengar, sumber perbalahan adalah daripada tiga jenis setan. Iblis kuasa. Jin wang. Ifrit nafsu jantina."

"Awak mengarut." Baim meradang bila tiba di koridor di luar pintu hotel itu.

"Encik Baim fikir perwakilan yang datang ke Sidang Agung, terutama wanita, mulut mereka cuma berdebat politik? Lidah mereka itu rancak. Melebihi Radio Malaysia. Encik Baim cuma tenggelam di pejabat. Ikutlah kami, terutama bila membawa perwakilan wanita. Habis hanyir dapur, kohong katil dan hapak bilik orang mereka beberkan."

"Diri dan keluarga Habib juga?" Kening Baim berkerut.

"Apa pula kecualinya? Ingat Encik Baim. Begitu sucinya Malaikat Jibrail yang saya sanjungi, tapi kata lebai, ada orang Syiah meradang kerana bukan Ali yang jadi nabi."

Sebelum pergi ke keretanya, Baim berbisik kepada pemandu itu, "Apa fikiranmu, atau apa yang awak dengar tentang pemilihan pucuk pimpinan lusa?"

"Jangan haraplah, Pasti kalah. Tetapi apa kita peduli siapa lingkup dan siapa terlentang? Kita kuli politik, mana ada peluang mendapat tanah di dalam bandar, tanah di kampung, tanah di hutan, tanah di gunung, tanah di pantai, saham hadiah masuk belakang dan kemudahan kredit, seperti umumnya orang politik dapat?"

Baim maklumi bahawa semua isi laporan yang masuk ke Ibu Pejabat sama jenisnya dengan pengetahuan pemandu itu. Baim pun dengar bahawa jemaah di Surau Pondok umumnya berfikiran begitu juga. Namun Baim dan

Setiausaha Kerja faham; YB Datuk Syed Omar dan YB Datuk Zahid bukan orang bodoh. Mereka bijak, licin dan berani menanggung risiko.

Pukul 13.40

DIA selesa di atas *wheel chair*. Tapi amarahnya masih meruap. Matanya memancar dan dahinya berkerut kepada anaknya. "Engkau ambil kursus durhaka di universiti?"

"Zura tidak durhaka." Hasnah selamba. "Kami cuma membantah fikiran! Yalah, perasaan ibu. Anak seorang. Jika boleh, Zura kuikat pada lipatan kain di pinggangku."

"Hai, Nah?" Syed Omar hairan. "Tiba-tiba jadi begitu kolot pula?"

"Saya marahi Zura. Katanya, selalu ke Kuala Lumpur."

"Untuk apa? Merambu sendirian?" Mata Syed Omar membelalak kepada Zura.

"Tak pernah jalan seorang, Walid. Dengan kawan, naik bas. Ada kalanya kami ikut kereta Kadir. Yang begitu bila terpaksa. Sebulan tak sekali, kecuali sekarang."

"Zura buat apa di Kuala Lumpur?"

"Saya terima alasan dia." Hasnah sampuk. "Sekarang, baru saya faham."

"Faham hal apa?" Syed Omar putar *wheel chair* bagi menghadapi isterinya. Dia curiga.

"Terpaksa ke Kuala Lumpur mencari barang keperluannya untuk di kampus."

"Di Kajang atau di Bangi, tidak adakah?" Dia merenung anaknya.

"Barang yang kami cari di Kuala Lumpur itu, keperluan pelajaran kami." Zura memandang minta pengertian daripada ayahnya. "Bandar Kajang itu memang sudah ramai. Penghuni dan pengunjungnya bertambah. Tetapi Walid lihat sendiri. Kajang tumbuh sebagai pekan melayani penduduk daripada lima kategori sosio-ekonomi."

"Huh! Itulah, sosi-siso konomi! Soso-pologi budaya! Mak tak faham."

Kemarahan Syed Omar susut tapi masih menyerengai. "Biar Zura terangkan!"

"Sosio-ekonomi. Sosio-budaya. Dulu Kajang hanya pekan. Waktu awal wujudnya Kajang melayani orang daripada lima kategori. Pertama, pelombong bijih timah, pekebun getah, pekebun sayur dan pedusun buahan. Kedua, peniaga, pemberi khidmat halal atau haram, penjudi. Ketiga, pendatang singgah sebentar. Keempat, pentadbir di jabatan kerajaan. Kelima, pengawal

keselamatan. Dahulu, polanya dan peranannya begitulah. Memang hanya pekan, lalu menjadi bandar! Bangunannya? Makin banyak. Antaranya menjadi tempat tukang urut, kelab malam, kelab penjudi. Begitu pesatnya penjual dan pembeli yang halal dan yang haram, pemberi dan penerima perkhidmatan halal dan haram. Tapi Kajang belum mampu melengkapi keperluan masyarakat universiti. Sate, ayam percik Kelantan, keropok lekor Terengganu, cincaluk Melaka, kerepek pisang Johor, tempoyak Selangor dan Perak, belacan Pulau Pinang dan Pulau Ketam, bubur cacah Kedah, kari India, daging salai Negeri Sembilan memang banyak. Semua untuk perut demi otot. Tapi untuk otak manusia demi ilmu, mana ada?" Zura ketawa sinis. "Radio, set TV, perakam video, kaset lingkar, kaset roda padat banyak. Walid mahu tahu tentang Bandar Baru Bangi? Dihuni mahasiswa, pensyarah, kakitangan universiti, buruh kilang elektrik Mina & Moto. Saya sudah tinggal dua tahun di situ semasa tahun kedua dan tiga. Memang ada banyak kedai baru di bangunan serba baru yang menjual kelengkapan rumah, keperluan dapur, restoran kari kepala ikan, pancaus pisang goreng dan apam. Gerai *hot dog*, dan *burger*. Tapi itu semua untuk perut demi otot. Untuk otak manusia, tidak ada? Ada juga surat khabar. Majalah hiburan sensasi. Novel perangsang nafsu berahi. Semua jenis sabun melimpah-lambak. Cawat tepek Muslimat? Cawat pacak musyrik? Kondom? Wah, berselerak! Itu menyaingi jualan jilbab, furdah, tudung, telekung, tasbih, sejадah, jubah dan kopiah." Zura ketawa terbahak-bahak tapi mukanya merah padam. "Bandar itu wujud kerana ada universiti di situ. Tetapi gersang. Lagak ke arah jangak. Bandar Baru Bangi sehingga tahun 1985, belum dapat sediakan keperluan otak akademik, demi tamadun fikir. Masih terlalu jauh benar daripada seni budaya halus yang murni, untuk mencanai nurani manusia. Untuk isi kalbu insan? Ada masjid. Tapi entah sejauh mana sudah dikikis khurafat bomoh, jampi dukun, mantera pawang? Sejauh manakah sudah ditapis yang dikatakan kitab agama dan sebanyak manakah yang sudah dibuang unsur israiliat yang ada di dalamnya?" Zura tunduk kepada lututnya dan meramas jari kelengkeng sendiri.

Hasnah berungut, "Jika begitulah gaya-gamaknya, Zura balik jadi guru di Alor Setar sajalah. Jauhkan dirimu daripada tempat begitu supaya hati emak lapang."

"Dilema kami Mak, seperti kata Kadir, 'bagaimana akan kenal kotoran kalau tidak lihat sampah dan najis?' Semoga siswazah generasi kami mampu mengubah semua."

"Walid faham!" Syed Omar menarik nafas panjang. "Memang! Sesuatu lokasi atau persekitaran universiti amat perlu mempersiapkan diri melengkapi keperluan budaya ilmu yang beriman dan mengekang seni budaya maksiat."

"Syukur! Saya bangga kerana Walid arif hal ini."

"Kenapa bertegang urat leher tentang itu?"

"Mak terlalu khuatir. Manalah tahu saya ditelan buaya Kuala Lumpur."

"Jangan bimbang, Nah!" Syed Omar menyabarkan isterinya. "Saya percaya kepada anakku. Kita sudah didik dan asuhnya semenjak kecil agar beriman dan berilmu." Dia tolak Zura. "Walid tahu kedai buku di kampus kau pun lengang pengunjung dan diaf jenis buku yang mengandungi teori terkini yang terbit bulan demi bulan di seluruh dunia. Tak payah bercerita kepada Walid. Pada umumnya, pensyarah beli dan pesan sendiri buku demikian dari luar negeri. Buku di perpustakaan itu umumnya sudah dua puluh tahun basi teori, kaedah atau konsepnya. Belanjawan perpustakaanmu lebih mengutamakan pengurusan jika dibandingkan dengan biaya pembangunan dan pembelian bahan baru. Mahasiswa di kampus engkau pun, umumnya gunakan buku rampaian budak sekolah untuk menyalin kuliah dan bahan daripada buku rujukan. Sebuah buku rampaian disasak aneka subjek dan bercelaru. Bukan menulis nota daripada intisari kuliah dan rujukan ke dalam kad berindeks. Kalau tidak teratur, bagaimana akan pandai? Jika mahasiswa tak memiliki buku, macam mana nak kuasai ilmu?"

"Hah? Tiada buku teori baru? Tidak ada kad? Kenapa begitu di universiti kita? Budak-budak sekolah di negara kita mewah buku bantuan daripada kerajaan. Sewaktu Zura jadi guru dulu itu, aneka warna kad manila dia bawa ke sekolah." Keluh Hasnah berat. "Kad indeks budak-budak universiti berapa pula warnanya? Lagi satu, kenapa orang di Malaysia belum buat buku teori untuk orang universiti? Menteri tak tahukah hal itu?"

Syed Omar tergelak. "Zura! Salinkan pakaian Walid. Kita pergi makan."

Hasnah mendahului anaknya. "Zura telefon Datin Zabedah. Tadi Mak Cik kau kata, Yang Berhormat Datuk Zahid, malam baru pulang."

Dua orang pelayan restoran berkejar menyambut Syed Omar. Mereka menggantikan Zura dan Hasnah memapahnya ke meja besar yang paling permai bunga hiasannya.

"Bagaimana sidangnya?" Hasnah bertanya.

"Hadiri sebentar, lalu buat kerja di bilik." Syed Omar sahut selamba.

"Jika begitu kami di hotel lebih tahu," Zabedah tersenyum. "Seronok lihat di kaca TV. Mereka buat siaran langsung."

"Hebat benar pekik mereka." Zura mengejek. "Begitukah Sidang Agung orang politik, Walid? Kalau cara kami, guru atau pensyarah, tidak begitu. Kami tuang hujah keilmuan secara perlahan agar meresap masuk ke dalam dada dan kepalanya orang yang diajar. Tadi saya tengok, mereka macam penjual ubat di pinggir jalan di sekitar Chow Kit."

Hasnah gelak. "Mahu gelar juara. Jika mulut riuh dan lidah petah, jadi jaguh."

Zabedah tersenyum sumbing tetapi tersayat sindiran itu. Dia ialah ahli jawatankuasa wanita kawasan DERA Johor Bahru tetapi tidak terpilih

mewakili bahagian. Zabedah sedar kedudukannya bukan kerana wibawanya. Tetapi kerana gelaran Datin itu dan orang mengharapkan ketokohan suaminya. Lumrah. Isteri pemimpin masin mulutnya digunakan untuk mengecek.

Syed Omar membaca air muka Zabedah. Dia arif dan alih topik, "Zura dapat rehat?"

"Belum. Seronok tengok TV."

"Siaran langsung itu?"

"Itu, kami lihat sebentar." Hasnah menyampuk. "Zura tengok video."

"Cerita apa? Sejak bila minati seni ganas tambah lucah?" Syed Omar resah.

"Dokumentari, Walid. Letupan gunung berapi di Maxico."

"Kenapa pilih yang begitu?"

Makanan tiba. Setelah pelayan pergi Zura ketawa, "Raptai dengan mata agar dapat teladan berdaya hidup apabila terjadi hal yang begitu di negeri kita."

"Malaysia bebas gempa." Syed Omar nampak serius tapi dia khuatir dalam hati.

"Tunggulah peristiwa itu seperti yang kami sudah terangkan kepada Walid."

"Pusat gempa di muara utara Selat Melaka itu?"

Bertabur sehingga ke barat daya Pulau Pinang. Itu hamparan renda-renda yang bertaut jiran dengan gunung berapi dari Burma ke Sumatera. Sudah lama tidur; sekarang cuma menunggu giliran bangun kembali."

"Pandai-pandai budak ini." Hasnah bersungut. Dia tambah lauk di dalam pinggan suaminya. "Dijauhkan Malaikat Empat Puluh. Emak ngeri melihat video kau itu."

"Itu kajian saya, Mak. Sebahagian daripada pelajaran kami di dasar laut dan di pantai barat utara Tanah Melayu. Itu termasuk batu-batan, jenis tanah, topografi dan habitat yang jadi faktor penentu kadar korban manusia, bangunan, flora dan fauna menurut skala gegar gempa itu."

"Apa katamu?" Syed Omar meletak sudu-garfunya. Tiba-tiba dia hilang selera dan rasa khuatir berkocak di dalam dadanya. Fikiran cemas bercelaru di dalam kepalanya. Syed Omar memiliki banyak sawah di Kedah dan Perlis. Dia juga ada perusahaan ternakan ayam di Pekula dan itik Chengai. Aset bangunan terdiri daripada flat tujuh belas lantai, di Pulau Pinang, di atas nama Hasnah. Ekuitinya empat puluh peratus pada sebuah hotel lima bintang di Pulau Pinang di atas nama Zura. Sebuah bangunan flat lima belas lantai di Bangsar Baru, Kuala Lumpur di atas nama Hasnah. Sebuah lagi flat sembilan belas lantai di Brickfield, Kuala Lumpur di atas nama Zura. Sebuah blok bangunan tiga lantai dua puluh tiga pintu untuk kedai dan kediaman di Alor Setar di atas nama Hasnah. Harta itu sudah diketahui Hasnah. Tapi

masih dirahsiakan daripada Zura. Semua itu menjadi umpan bencana gempa. Kekayaan yang dia kumpul selama ini telah memasukkan api neraka ke dalam otak dan kalbu Syed Omar.

"Tidak sekarang. Mungkin enam puluh atau seratus tahun lagi." Zura menyabarkan mereka. Tapi dia membohongi teorinya. Ledakan pendahuluan minggu lalu sudah jadi penunjuk bahawa gunung berapi di dasar laut itu sedang aktif. Jangka tiba kemuncak bencana itu bukan perkiraan dekad tapi perhitungan tahun, bulan atau hari saja.

Tiga orang tua di hadapan dan di sisi Zura terhenti kunyah dan menarik nafas. "Lama lagi," kata Zabedah. Dia menuap kembali. "Kadir pun kata begitu sewaktu berbuka puasa Ramadan yang lalu. Tapi dia seperti bergurau saja."

"Gurau bagaimana?" Hasnah tanya. Dia bergantung harapan dalam makna dan isi gurau Kadir. Dia berkongsi kecemasan dengan suaminya, harta akan punah.

"Katanya, 'jangan jual tanah di Bukit Cagar ini. Jika ada jiran mahu jual tanah, segera beli untuk anak cucu.' Ayahnya tanya, 'Bukit Cagar hendak dibuat apa?' Kadir ketawa. 'Dua puluh hingga lima puluh tahun akan datang besar gunanya. Bukit Cagar lebih tiga puluh meter tingginya dari aras laut. Selamat daripada bahaya ombak besar dari Selat Melaka apabila gempa terjadi, dan tidak dicapai air laut pasang abad akan datang akibat kenaikan aras laut.' Memanglah. Ceritanya ngeri! Tapi dia ketawa saja. Itu kami anggap guraunya belaka."

"Itukah alusan Zura, tidak mahu buat rumah baru di Alor Merah?" Syed Omar tanya. "Rumah emakmu itu sudah tua. Rumah kayu, dibina tahun tiga puluhan. Walid beli rumah itu dan tanahnya pada tahun mula merdeka."

"Titi Gajah lebih selamat." Zura berhujah. "Tanahnya tinggi. Alor Merah sama dengan Alor Setar. Tingginya tak sampai dua meter dari aras laut."

"Menurut penemuan kajianmu, kau jangka berapa tinggi ombaknya?"

"Dari Phuket ke Pulau Pinang; tiga puluh meter jika ledakannya mencapai lapan skala Richter. Andai ledakannya sekadar antara lima ke tujuh skala Richter, itu sederhana. Gelombang ombak antara sepuluh ke dua puluh meter. Tetapi ada beberapa faktor penting yang membentuk ombak itu. Pertama, arah arus ketika itu, kedua, lokasi; semakin ke selatan semakin tinggi, kerana Selat Melaka kian sempit! Andai ombak menyongsong arus, gelombang semakin tinggi dan lebih banyak melimpah ke darat. Apabila itu begitu berlaku, kawasan pinggir pantai Selat Melaka di Semenanjung Malaysia dan Sumatera di sebelah utara dan tengah akan mengalami korban yang terlalu besar akibat limpahan laut yang menenggelami daratan dan tarikan arus surut dari darat kembali ke Selat Melaka yang derasnya boleh mencapai tiga puluh batu sejam. Manakala di sebelah selatan, kerosakan

berkurangan kerana ombak semakin susut cepat. Tapi andai kata arus mengalir ke selatan, gelombang tinggi yang bermula di utara akan terus kekal tingginya hingga melampaui muara selatan Selat Melaka. Kadar itu ditentukan oleh jarak sempit yang bermulai dari pertengahan selat itu sehingga melampaui Pulau Karimun, Pulau Bulang, Pulau Kundur dan Pulau Batam. Dalam hal ini, korban di sebelah utara hingga ke selatan, besarnya sama saja. Semua daratan pantai dan tanah rendah ditenggelami. Arusnya, bila sampai ke selatan akan semakin deras, menderu mencari laluan ke tempat luas. Selat Teberau dan Selat Singapura menerima tumpuan utama kerana arus dan gelombang itu dihadang Pulau Karimun, Pulau Bulang, Pulau Kundur, Pulau Batam dan Pulau Bintan. Singapura hapus kecuali Bukit Canning dan Dataran Tinggi Mandai. Selebihnya akan ditolak arus deras. Punah."

"Tenggelamlah negeri kita." Hasnah mengeluh.

Syed Omar termenung dan patah selera.

"Masa itu, kita sudah tiada." Zabedah menghibur diri sendiri.

"Teorimu mengejutkan Walid." Syed Omar menarik nafas panjang dan lauh melalui keluh berat. "Walid mahu tahu pasti, berapa peratus benarnya?"

"Teori kami berdasarkan. Berapa peratus benarnya tidak timbul. Yang kami persoalkan sekarang, cuma dua faktor. Bila masanya. Berapa kadar ledakan itu."

"Bagaimana kesannya selain yang kau katakan tadi?" Hasnah merenung Zura.

"Di negeri kita ini apabila gegar gempa mencapai enam sehingga tujuh skala Richter, bangunan batu tinggi runtuh. Bangunan batu rendah ranap. Kalau rumah kayu yang ada sekarang akan berayun, tapi masih boleh tahan sampai kadar tujuh sehingga lapan skala Richter. Jika ranap pun, kurang bahayanya."

Hasnah dan Zabedah tidak faham istilah skala Richter itu. Yang jelas, mereka semakin pucat, bertukar daripada cemas kepada ngeri.

Syed Omar pucat dan terus merenung Zura.

"Selama ini pun belum kena gegaran sudah banyak bangunan tinggi yang baru saja siap dan belum diduduki, sudah retak. Baru enam bulan dipakai sudah mulai miring. Banyak yang baru setahun diduduki, sudah rekah besar, merusut ke bawah, dan bocor di sana sini. Jangan iri hati kepada bangunan batu yang tinggi dan sederhana di negara lain, katalah di Tokyo dan Jakarta. Mereka bina bangunan begitu mengikut kekuatan yang diperlukan bagi menahan gegar gempa antara sembilan atau sepuluh skala Richter. Dalam perkara begini, kita patut kesali kecuaian sendiri sebagai rakyat negara ini yang selalu abai."

"Walid faham." Syed Omar mengangguk.

Hasnah kesal dan bertanya kepada suaminya, "Kenapa begitu?"

Pertanyaan Hasnah ringkas dan sederhana tetapi, tidak mudah dijawab. Syed Omar, pemilik bangunan tinggi yang disewakan dan terlibat di belakang tabir bagi lapan buah syarikat pemaju perumahan, maklumi bahawa perkara itu terlalu sukar difahami Hasnah kalau dia hanya terangkan secara ringkas motif saudagar bangunan. Amat sukar diterangkan betapa mudah saudagar bangunan menyogok jurutera supaya dapat kelulusan dan bagaimana pemborong binaan yang mengerjakan projek itu sepakat dengan jurutera menurunkan kadar mutu bahan, mengurangkan nisbah campuran simen-pasir-batu dan mengecilkan ukuran besi, serta seribu satu macam lagi tetek-bengek.

Sebagai pendukung parti politik yang tidak pernah kalah, Syed Omar pun ada ego. Dia pantang dikritik, walaupun teguran itu membina dan datangnya daripada pakar dalam sesuatu bidang. Dia sedari sekarang bahawa semenjak dahulu lagi sudah ada desakan supaya diketatkan kawalan mutu bangunan. Tapi kawalan masih longgar juga. Faktor yang mereka perhitungkan ialah apakah caranya supaya harga pasaran tinggi dan apakah caranya agar beroleh untung banyak. Lagi pula, partinya belum mengutamakan mutu. Yang penting ialah bilangan bangunan yang dapat dibina kerana bilangan itu tersergam dilihat orang. Angkanya dikagumi di atas kertas dan *white board*, bila memberi taklimat, seminar dan forum. Itu bukti pencapaian suatu regim pemerintah.

Membesarkan pekan menjadi bandar; meluaskan sempadan bandar yang ada; mewujudkan pekan atau bandar baru; meningkatkan taraf perbandaran menjadi bandar raya; dan membina bangunan tinggi, jambatan, rangkaian jalan kampung, jalan mukim, jalan negeri, jalan raya persekutuan, lebuh raya bertol. Semuanya menjadi bukti kemajuan yang dicapai dan cukup jelas dilihat mata. Akan tetapi kaedahnya dan prosesnya, mata kasar rakyat biasa tidak lihat. Rakyat belum faham bangunan begitu akan menjadi kuburan penghuni bangunan, dan jalan raya itu menjadi pancing maut penggunanya.

Syed Omar tidak bohong kalau di mana pun dia berkata, kita sudah membelanjakan berbilion ringgit untuk pembangunan demi kepentingan rakyat. Rakyat ada pada semua peringkat, daripada kelas satu sehingga kelas sembilan. Harkat rakyat jamak. Masalahnya ialah siapa dapat apa, berapa, dan siapa tidak dapat apa-apa. Dia belum pernah berkata bahawa sebahagian yang dibangunkan itu menjadi tempat tinggal rakyat akan menjadi kubur rakyat. Dia juga belum pernah menjelaskan bahawa pembangunan itu tidak seimbang manfaatnya bagi semua golongan rakyat. Belanja pembangunan tidak munasabah antara jumlah wang yang digunakan untuk mengorek dan membina saluran najis orang di Kuala Lumpur – itu tidak termasuk najis rakyat penghuni kawasan setinggan yang beribu kali ganda banyaknya –

berbanding belanja semua pembinaan surau, masjid, klinik bidan, gelanggang takraw, gelanggang gasing, balai raya dan titi di atas parit di seluruh pelusuk kampung di Malaysia.

Bagi Syed Omar, untuk apa diterangkan dan dibandingkan itu semua? Rakyat di kampung, penyokong dan pengundi partinya tidak akan faham, walaupun sudah berasekolah. Sebab? Walaupun kurikulum sekolah sudah lengkap tapi mereka tidak faham perkara yang begitu. Sebab? Mereka menjadi ulat setia buku teks. Bahan yang mereka suka baca di luar sekolah cuma majalah yang memuatkan berita penyanyi dan halaman hiburan akhbar. Sebab? Di kaca TV, mereka hanya menonton sukan dan hiburan sensasi keluaran Malaysia, Amerika, Britain, Hong Kong dan India. Sebab? Wang muda-mudi lebih banyak dihabiskan kepada sepatu, kemeja T, seluar, cepiau pelbagai jenama terkenal berbanding jumlah wang mereka yang mereka gunakan untuk membeli buku bermutu yang boleh membimbing mereka supaya berfikiran kritis, dinamis, kreatif, produktif, dedikasi, sanggup bersaing dan tabah menancap pancang tujuan hidup.

Cara hidup yang mereka amalkan, yang setia kepada buku teks sekolah, tak akan membuat mereka faham tentang sifat ekonomi yang rumit, tak akan mampu menaksir silat politik yang halus dan tidak akan dapat menghayati kaedah bestari dalam gelagat kenegaraan. Tetapi mereka juga berguna sebagai pengguna barang ekonomi, juak parewa parti politik, pengundi dalam setiap pilihan raya. Oleh sebab itu, orang begitu memadai diberi gelanggang takraw semoga mereka tidak terjebak dadah. Syed Omar bersungut di dalam hati, diikuti hempasan keluh berat.

"Jangan Walid terus diam dan tidak mahu makan kerana teori saya." Zura tegur.

Selera Syed Omar belum tumbuh. Dia mengeluh berat, "Kita kembali ke bilik!" Dia mencapai tongkat ketiaknya. "Kau cabar aku, lutut?" Dia berungut. "Jaga kau dan rasakan. Saya akan ambil tukang urut."

Hasnah terkejut. Zabedah tercengang. Zura berseru sambil memapahnya:

"Setua itu, dalam keadaan sakit begitu, Walid tergamak hendak buat maksiat?"

Syed Omar menoleh dan ketawa selamba, "Salahkah panggil tukang urut?"

Muka Zabedah merah. Dia mengurut dada. Hasnah cuma berungut di dalam hati, "Daripada betina begitukah yang dia jangkitkan kepadaku dulu, menyebabkan rahimku rosak?"

SYED Omar memeram perasaan dan menahan senyum dalam menghadapi anak dan isterinya yang bermasam muka sejak petang tadi. Bila mendengar ketukan pintu dan suara lelaki dia mengetap bibir dan memutar *wheel chairnya*. Tapi belum sempat berisyarat, dia sudah ditegur:

"Tukang urut di luar. Boleh masuk?" Dia meletak rantang dan bakul pinggan.

Hasnah dan Zura jeling lelaki itu. Suara Hasnah meletup bagai guntur, "Berani bawa betina, sewakan diri kepada suamiku di hadapanku dan anakku?"

"Sabar!" Syed Omar pujuk. "Buat apa dia tunggu di luar? Panggil masuk."

Lelaki itu keluar dan segera mengiring masuk seorang lelaki tua, berbau putih lengan panjang, berseluas coklat. Kepalanya dililit serban putih. Dia menjinjing dua rantang.

Syed Omar berseru. "Pak Kiyai Juki. Lama tak jumpa. Letak rantang di meja."

Haji Marzuki meletakkan bawaannya, lalu bersantun Bawean jati ke arah Syed Omar. Dia tersenyum, jongkok dan miring. Tangan kirinya pada hulu hati. Tangan kanannya terjulur ke sisi lutut kanan. Dia menghulur hujung jari untuk menjabat tangan Syed Omar.

"Kiyai! Baim! Itu isteri saya, Hasnah. Itu anakku, Syarifah Zura."

"Emak." Zura berseru. "Pak Aji itu. Kita salah faham."

"Maafkan saya, Pak Aji!" Hasnah merayu. "Kur semangat!" Dia mengurut dada.

"Panggil Pak Juki saja atau Mang Juki. Begitu cara kami, Bawean jati."

"Panggil beliau Kiyai Juki." Syed Omar meningkah.

Haji Marzuki tersenyum. "Saya pun dengar di luar tadi tentang salah saham itu. Maklum! Ini Kuala Lumpur, di dalam hotel. Tukang urut lazimnya wanita cantik." Dia ketawa.

Syed Omar terbahak-bahak. "Kiyai Juki bukan tukang urut sewaan." Dia menegur Baim, "Kenapa begitu banyak? Sampai tiga rantang. Pinggan mangkuk pula lagi."

"Habib minta untuk beberapa orang. Isteri saya sediakan untuk sepuluh orang, dan bekalkan pinggan mangkuk, gelas, sudu-garf. Dia cuak halal-haram di hotel."

"Hidangan untuk siapa Encik Baim?" Selera Zura membuak bila terhidu aromanya.

"Habib pesan. Mulai esok, makan pagi, siang dan malam, dibawa ke mari."

"Walid sudah tak larat dengan hidangan hotel. Zura telefon Datin. Kita makan."

"Tidak jadi diurut?" Haji Marzuki tanya.

"Mahu, Pak Kiyai. Lutut lama ini engkari saya."

Orang tua itu tersenyum. "Urut dulu, baru makan. Habib mesti tahan lapar."

"Walidmu biar diurut. Kita makan dulu." Hasnah gesa Zura bila Zabedah tiba.

Baim menolak *wheel chair*, dan berkata, "Tuan Habib baring di katil."

Haji Marzuki ikut ke bilik tidur. "Tuan Habib pakai seluar dalam?" Dia gelak sambil membantu Baim membaringkan Syed Omar.

"Tentulah! Kenapa Pak Kiyai tanya?"

"Buang pakaian." Dia ketawa. "Mana tahu? Adat orang Arab tak berseluar dalam."

Gurau itu ditanggapi Syed Omar sebagai sindiran.

"Betulkah cuma lutut saja?" Haji Marzuki tanya sambil meraba lutut itu.

"Yang saya tahu, begitulah. Dia melawan. Tapi biar Pak Kiyai periksa semua."

"Benda lama, begitulah!" Haji Marzuki ketawa. "Niarap. Mahu rasa pinggul."

Baim membantu Syed Omar membalikkan badan.

Jari Haji Marzuki meramas dari kaki sehingga ke tenguk. "Badan ini lasak. Terlalu dipaksa. Bagai pokok kayu, reput! Ada akarnya sudah lama rosak."

"Bagaimanalah itu? Boleh dipulihkan?" Syed Omar berharap-harap cemas.

"Berdoalah. Semoga lutut malas ini rajin kembali." Ketawanya terkikik.

"Apa yang saya boleh bantu, Pak?" Baim kian mendekat.

"Duduk di kerusi dan lihat ke mari." Dia melumur minyak, dari hujung kaki ke tengukuk, lalu disapu rata. "Perhatikan bagaimana Bapak buat. Belajar. Bila Bapak mati, Baim boleh tiru, jika mahu tolong orang." Dia tekan pinggul kiri. Serentak itu juga, Syed Omar terpekkik dan melenting.

"Jangan bunuh saya, Pak Kiyai."

"Tuan Syed seperti kuda dapat joki baru." Ketawa Haji Marzuki pecah. "Mesti bersabar. Kalau sakit, tahan! Saya baru mulai. Belum urut. Cuma tonjol sedikit."

"Sakit, sengal, ngilu, Pak Kiyai!"

"Urat pinggul," sahut orang tua itu. "Lama tak dapat darah. Pokok kayu, kalau begini, tidak dapat baja dari tanah. Tidak boleh berbuah." Gelaknya

diiringi senyum. Dia menggenyit Baim. "Daunnya masih boleh lebat. Bunganya boleh mekar. Tetapi pokok begini, debu bunganya tuna daya. Tidak mampu berputik."

"Mana tahu?" Syed Omar terasa sindiran berkias itu menghampaskan harapannya.

"Anak bongsu Tuan Habib, berapa tahun umurnya?" Haji Marzuki selambla.

"Itulah Zura seorang!"

"Kasihan!" Suara Haji Marzuki pilu. "Akar ini sudah terlalu lama rosak." Dia pusatkan perhatian dan tangannya bertumpu kepada pinggul Syed Omar. "Kenapalah dibiarkan badan ini menderita begitu berlarut-larut?" Urutnya masih amat perlahan.

"Sibuk Pak Kiyai! Sudah hampir dua puluh tahun Baim tahu beban kerja saya. Sebelum kenal Baim, sudah dua puluh tahun kesibukan begitu saya laului."

"Saya tahu! Sibuk orang politik, panjang. Tetapi dalam sibuk pun, badan yang rosak urat ini digunakan juga – lasak, terus-menerus." Urutnya kian kuat.

Syed Omar tak mampu membantah dan tak sanggup lagi bertanya. Sindir Haji Marzuki ada benarnya. Derita kesan ejek itu bagai sembilu menyayat hati. Dia merasa terseksa daripada jari-jari tua itu seakan jarum bisa mencucuk ke tulang sumsumnya. Minit pertama dia tahan. Minit kedua, dia menggeliat. Minit-minit berikutnya, dia merintih. Tapi dia bertekad muhu menahan itu semua. Tetapi akhirnya, dia menjerit. Terpekik. Mengerang. Teriaknya melaung menyeru emaknya. Hasnah terharu mendengar itu.

"Saya suka begini," ujar Haji Marzuki. "Itu tandanya masih ada harapan." Dia jongkok ke telinga Syed Omar dan berbisik amat perlahan, "Kalaupun saya ulangi begini tujuh bulan, dan patuh pantang, urat rosak itu boleh pulih. Muhu lagi dapat anak?"

"Tentu!" Syed Omar mendengus. Begitulah yang dia harapkan daripada Salmah.

"Lapan bulan lagi, ambil yang baru dan segar." Desis bisik itu semakin perlahan. "Yang di luar itu, sudah lampau musimnya." Ketawa Haji Marzuki terkikik.

Derita ngilu di dalam badan itu, bercampur harapan dan penyesalan di dalam kalbu menyerang Syed Omar. Kalimat: *itu tandanya masih ada harapan* menyalakan lagi semangatnya, tapi pada masa yang sama penyesalannya membuak dari dadanya. Kesedaran berdosa kepada Tuhan. Berdosa kepada isteri. Rasa bersalah kepada badan sendiri yang begitu lama dibiarkan sejak dirawat oleh doktor di Pulau Pinang. Itu sudah dua puluh sembilan tahun berlalu.

Di luar sana, tiga orang wanita sering terhenti suap mereka. Mereka makan berlarut-larut. Zura hiba di atas penderitaan ayahnya. Jerit pekik dan lengking kesakitan menyeru emak itu terasa pedih menusuk jantung Zura. "Sakit sangatkah Walid itu?"

"Badan Mak tak rasa. Hati Mak tanggung seksanya."

"Tuan Habib itu tak pernah diurut?" Zabedah tanya.

"Tidak pernah lihat, Datin." Hasnah mengeluh. "Setahu saya, dia anti-ubat."

Baim yang ke ruang tamu, tersengih, "Tolong mintakan minuman panas."

Zura telefon untuk mendapatkan *room service*, lalu kembali bertanya, "Berapa jam dan hari begitu?"

"Tiga empat jam sekali. Tiga malam dan tiga pagi. Setelah itu, hendak diulang seminggu sekali selama tujuh bulan." Sengih Baim bertukar senyum lembut. "Apabila minuman tiba, seru saya. Wanita tidak boleh masuk."

"Kenapa?" Hasnah cemas. "Eh! Dia diam tiba-tiba. Pengsan?"

"Belum sampai begitu. Tapi Pak Juki paksa pakai cawat saja. Mahu minum."

"Kasihan Walid!" Zura murung, mengeluh berat. "Kenapa tiba-tiba diam?"

Pintu bilik tidur itu belum sempat dikatup Baim bila pintu besar terkuak dan muka Kadir tegang menonjol seiring suara cemasnya, "Kenapa Habib Omar?"

"Cikgu dengar?" Hasnah ternganga kepadanya.

"Di luar pintu lif, saya dengar lengking laungnya. Tiba-tiba berhenti. Tenat?" Matanya besar, hairan melihat tiga orang wanita di situ, tenang saja menikmati hidangan.

"Orang belasahnya." Hasnah selamba.

"Hah?" Kadir singsing lengan baju. "Perompak? Musuh politik?" Dia menerpa ke pintu kamar tidur.

"Berhenti." Zabedah menyergah anaknya.

Zura segera meningkah, "Walid diurut orang."

Kadir urut dada, merasa lega tapi teruskan langkahnya.

"Jangan masuk." Tegahan Zabedah lebih keras dari tadi.

"Mari makan di sini, Cikgu!" Hasnah melambainya.

"Orang itu kata tiga empat jam baru selesai," kata Zura. Dia isi pinggan Kadir. "Masakan dari rumah orang. Awak makanlah banyak-banyak. Kami ini sudah tiga kali menambah. Beza rasanya dengan masakan kantin di kampus."

"Orang yang masak ini, pasti anak rumah. Bagus benar air tangannya." Pujian Hasnah tulus. "Rendang, korma, sambal, pindang dan ayam goreng menggera selera."

Bila kopi tiba Hasnah seru Baim. "Diberi rehat sebentar," Baim tersenyum. "Kasi minum dulu." Dia segera berlalu ke dalam tanpa menoleh kepada Kadir yang sedang tunduk menikamti kuah asam celok dan pindang ikan parang.

Pujian Hasnah tidak habis-habis. Tiba-tiba rintih keluhan dan lengking melaung kesakitan kedengaran kembali. Kadir bangkit tapi Hasnah pegang. "Makan! Biarkan tukang urut itu selesaikan kerjanya. Rasalah masakan orang ini. Mak Cik tahu malam ini kau kenang hidangan emakmu di Bukit Cagar. Zura? Entah ingat atau tidak dapur di Alor Merah."

Jerit raung Syed Omar menenggelami pujian Hasnah kepada tukang masak itu. Walaupun begitu, Zura iri hati kepada orang yang dipuji emaknya. Dia pun hairan kenapalah emaknya mencurigainya, kononnya dia tak ingat lagi dapur di Alor Merah? Dia mahu buang sumber yang tidak menyenangkan itu – rintihan ayahnya dan pujian emaknya. Dia bercerita kepada Kadir tentang apa yang berlaku, antara mereka tiga beranak di dalam *suite* itu sejak menjelang Asar sehingga masuk Isyak.

"Kenapa Habib di hotel saja petang tadi? Tidak hadiri sidang itu sepenuhnya?"

"Pulang siang. Tapi gara-gara tukang urut itulah." Zura ketawa membeberkan azam Walid mahu memanggil tukang urut. "Mak Cik Datin pun dengar. Oh, dahsyat! Mak dan saya berenang di dalam cuka menghadapi Walid yang terus bermuka selamba." Dia diam sebentar. "Saya hendak berambus ke kampus atau pindah ke sebelah menemani Mak Cik Datin, tapi tidak sampai hati meninggalkan Mak. Saya khuatir Mak akan ganyah Walid bila mercka berdua saja. Ih! Betul-betul geram. Menyampah."

"Wah!" Kadir mengangkat muka daripada hidangan. "Dialog kau seperti pelakon drama TV." Dia tersenyum perli. "Ada bakat. Patut, cari pengalaman berbahasa kasar, hidup di kawasan pasar borong. Empat lima bulan, cukup."

"Nanti kugenyeh bumbu rendang atau kuah korma, mahu? Tak percayakah?"

Kadir menahan ketawa. Tapi itu menyebabkan dia tersedak. Emaknya memberi air. Sebelum meneruskan suapnya dia tersengih kepada Hasnah. "Betulkah begitu, Mak Cik?"

"Macam manalah kami tak marah, Cikgu?" Hasnah tergelak. "Kalau dia terus terang tidaklah menyakitkan hati kami sepanjang petang ke malam. Ih, geramnya hati. Diam membuat bermuka tembok pula tu. Kita leter, dia membisu. Kita cabar, dia diam. Tak tahuolah kami. Saya tunggu saja dia melawan." Dia tambahkan lauk Kadir. "Huh! Sakit begitu pun, dia masih tergamak mainkan orang."

Setelah makan, Zura berkemas. Kadir pula mengangkut ke *suite* sebelah semua alat istiadat pertunangan belian Hasnah semalam. Belian Zabedah, dia sudah kerjakan sepanjang hari; di bungkus, diikat dan dimasukkan ke

dalam kotak. Belian Hasnah itu dibuat begitu juga. Hasnah menyisih menurut ukuran dan jenisnya. Zura membungkus dan mengikat, dibantu Kadir, lalu disusun ke dalam kotak. Sudah lewat tengah malam, tapi kerja mereka belum siap. Kadir berkata, "Mungkin sudah selesai diurut. Tiada lagi laung pekik Habib."

Hasnah gesa Zura, "Pergi tengok Walidmu!"

"Jangan, Nak!" Zabedah tegah. "Baim bilang, Walidmu cuma pakai cawat." Kadir bangkit. "Buatlah kerja ini. Biar saya pergi tengok."

Syed Omar duduk di atas sofa, cuma berseluar dalam. Haji Marzuki masih lap badannya dengan tuala basah. Baim menatang besen air panas yang masih beruap.

"Menantu saya Pak Kiyai, Baim! Kadir bin Datuk Zahid." Syed Omar tersenyum. "Mana dia orang?"

"Kami di suite sebelah mengemaskan barang belian Mak dan Mak Cik. Ada apa yang boleh saya bantu, Tuan Habib?"

"Balik ke sebelah. Mereka jangan ke mari sebelum kerja Kiyai sempurna."

Kadir menceritakan apa yang dia lihat dan dengar. Hasnah tergelak, "Mahu pula dia?"

"Walid menangis?" Zura masih gusar mendengar ayahnya dirawat begitu.

"Ketawa dengan orang tua itu. Mereka senyum kepada saya."

"Kerja kita hampir habis," kata Hasnah. "Zura pergi hidang untuk Walidmu."

"Jangan ke sana sebelum dipanggil." Kadir tegas. "Habib halau saya ke mari."

Zahid, berpakaian Melayu bersamping songket muncul di ambang pintu. Gayanya letih, mukanya kusut, songkoknya senget melintang. Tanpa kata, dia menghempaskan punggung ke sofa.

"Kenapa ayah begitu?" Kadir hairan campur khuatir.

"Lunyai badan! Lapar! Haus betul! Tolong Kadir, telefon room servive."

"Di sebelah banyak nasi dan lauk. Dari rumah orang. Puding sagu rumbia pun ada. Datuk YB makan bersama mereka. Dia orang juga belum." Hasnah hadapi bakal besannya. "Walid Zura sedang diurut. Belum selesai kerjanya."

Kadir undur dari telefon sebelum mendial.

Zabedah tegur, "Mandilah. Saya siapkan pakaian. Habib tentu sudah lapar."

Kadir duduk di sisi ayahnya, bertanya perlahan, "Boleh menang?"

"Mentah hangus!" Zahid berkias. "Panggang pada nyala kian jauh dari bara."

"Kenapa begitu? Malam tadi Habib Omar kata ..."

"Diam!" Zahid bentak anaknya.

Empat orang merenung muka Zahid. "Kita akan kalah?" Zabedah mengeluh.

Zahid hempaskan songkoknya ke atas meja. Suaranya meletup, "Punah."

## Khamis

Pukul 03.30

SEGALA berita demikian yang masuk ke Ibu Pejabat parti, dianggapnya karut kerana bagi Zahid, perangai orang Melayu belum dan tidak akan serendah itu, rela berbunuhan seagama, sebangsa dan senegara sendiri semata-mata kerana telingkah di kalangan pemimpin. Zahid faham benar bahawa keadaan yang wujud sekarang adalah anasir penentu bagi bangsa Melayu; wujud terus atau pupus perlahan-lahan. Seluruh pemimpin tahu bahawa syarat untuk wujud terus adalah mesti bersatu padu. Unsur utama untuk hapus ialah berpecah akibat perbalahan. Sekarang karut itu tiba tambahannya.

"Datuk. Penyokong kedua-dua pihak mencurah-curah dari kampung."

"Kenapa hairan?" Zahid meradang diganggu. "Kenapa tidak tekun hadapi kerja kita sekarang?" Matanya membelalak merah kepada Syed Mokhtar. "Lihat fail di sana. Semua wacana hujah abangmu yang kita siarkan serba tak sampai ke sasaran."

Syed Mokhtar mengeluh. "Tetapi dengarlah dulu YB! Jalan Putera, Jalan Raja Laut, Jalan Chow Kit tumpat belaka. Jalan Haji Husein, Raja Bot, Raja Muda, Tuanku Abd. Rahman, Raja Alang, Raja Abdullah, Tun Uda dan Raja Hamzah, semuanya sudah dipenuhi orang *Team B*, terutamanya dari pantai timur dan selatan."

"Lupa hakikatnya, Syed Mokhtar? Kampung mereka itu amat jauh tersisih dari Kuala Lumpur. Melayu kampung begitu gian di Ibu Kota untuk lihat pertandingan Piala Malaysia. Mereka bersesak! Inikan pula politik Malaysia dimainkan! Patut benarlah mereka ghairah datang ke mari."

Syed Mokhtar geleng kepala, mata kuyu, kening bertaut, mengkal di dalam dada. Dia mengesali sikap Zahid yang tenang bagai terumbu karang dalam menghadapi kerja, tak hirau hampasan ombak badi. Di hadapan YB itu, fail masih baru, beraneka warna, bersusun di dalam kotak. Di hujung sebelah, fail berwarna begitu juga yang dia telah kerjakan, berlonggok di atas kotak keluar. Syed Mokhtar tidak tahu bila dan siapa yang mewujudkan fail begitu. Apa kategorinya dan untuk apa?

"Datuk tak percayakah? Saya lihat sendiri, Cina-Melayu di dalam Pasar Chow Kit. Melayu-China di Pasar Lambak, semuanya telah bersurai sebelum pukul sepuluh pagi tadi. Gerai kosong. Cuma pintu kedai makan Malabari dibuka sedikit."

Zahid herdik. "Siapa perintah dibubarkan? Mahu bunuh ekonomi rakyat?" "Takut!" Syed Mokhtar resah. "Sudah lewat tengah malam. Marilah. Pulang."

Mercedes itu turun ke Jalan Kuching lalu susur naik ke Jalan Sultan Ismail. Pada lampu isyarat simpang Jalan Raja Laut, Zahid tolak kiri ke Kampung Semarang – sudah jadi Tiong Nam. Kaki lima Jalan Raja Laut sesak dengan manusia. Bulan lapan Syaaban tiada lagi. Langit dihadang awan hitam. Guruh tengkujuh bertarung halilintar hendak kuasai Kuala Lumpur. Angin kencang timur laut meliuk dan memulas dahan angsona. Titik awal hujan masih jarang, turun serong, kelihatan disorot lampu jalan. Sebelum sampai ke simpang Jalan Tuanku Abdul Rahman, sebuah bas kilang memotong ke kiri, dan berhenti serta-merta di hadapan limosin Zahid. Van di sisi kanan dan kiri Mercedes itu juga berhenti. Penumpang ketiga-tiga kenderaan yang menghalang itu berteriak sambil mengacung tangan melalui cermin terbuka:

"Perwakilan bukan ikan jualan di Pasar Borong."

"Kami tahu wang dari mana kau tabur."

"Penyokong Team B, Datuk!" Syed Mokhtar kuit lengan Zahid di sisinya.

"Tidak tahu adat jalan raya." Pemandu Mercedes itu berungut.

Zahid membuka butang *holster* dan membebaskan *catch*. Tangan kanannya pada gagang pistol. Tangan kirinya genggam dua *magazine* tambahan. Sikap dan mimiknya tenang tapi matanya tajam mengerling ke kanan, ke kiri dan ke hadapan. Dia tunggu serangan pertama untuk dia sambut dengan tembakan *point blank*. Zahid yakin peluru pada tiga *magazine* itu memadai melayan penumpang tiga kenderaan itu sebelum bantuan polis sampai. Dua kalimat daripada teriakan mereka berulang-ulang dan bergema. Tetapi mereka hanya membuat serangan mulut dan acung tangan saja. Apabila hujan ribut sudah menderu, mereka memecut laju ke hadapan dan menyimpang kiri di simpang Jalan Raja Abdulah.

"Pengecut!" Zahid berungut. Dia menyimpan *magazine* tambahan itu.

Syed Mokhtar pegang bahu pemandu. "Esok beritahu ketua bahagian kenderaan. Semua limo VIP dibekali parang panjang." Dia geram. "Lihat? Mereka belum menang. Tetapi sudah berlagak jaguh, tunjuk gelagat samseng!" Dia tolak Zahid. "Datuk sudah dengar dan lihat! Belum percaya? Janganlah fikir laporan kami saja begitu. Saya juga sudah tahu isi laporan mereka."

"Dari mana Syed dapat sumber begitu?"

Syed Mokhtar tidak mahu pemandu itu dengar. "Sedang disusun. Akan kuberikan pagi esok. Kawasan yang mereka kuasai perwakilannya sudah sampai tiga angka."

Gema kalimat *tiga angka* itu berkala-kala terus menusuk ke dalam kepala Zahid. Itu bererti *Team B* sudah capai majoriti lebih dua pertiga. Namun, Zahid masih ragukan hal itu. Jika benar lawannya telah kuasai kawasan

sebanyak itu, itu belum bermakna seluruh ahli perwakilan dari kawasan itu sudah menyokong Team B. Zahid harap begitu! Diagilirkan pandangan matanya ke muka Kadir, Zabedah, Hasnah dan Zura. Kemudian dia memandang lukisan cat air di dinding ruang tamu itu – nelayan membubul jaring di atas pasir pantai di bawah naungan kelapa kurus yang sudah condong terbongkar akarnya – simbol kemiskinan, citra mandek alat nelayan bangsanya. Peralatan rapuh, upaya daif, bernaung di pohon uzur, pergantungan rezeki daripada hasil jerihnya di laut.

Kening Zahid berkerut menanggapi nasib nelayan begitu. Bibirnya runtuh. Dia merenung songkoknya di atas meja. Hempasannya tadi amat kuat. Songkok hitam jahitan kodian itu kemik ronyok sebelah, menjadi korban hati rusuh Zahid, orang politik yang diharu berita dan pengalaman hubaya kalah.

Atas isyarat Zabedah, mereka membiarkan Zahid. Zabedah saham perangai suaminya. Dalam keadaan demikian, dia pantang diganggu. Bila kerja mereka sudah selesai, dia berbisik, "Biarkan dia tidur begitu."

"YB belum makan. Datin tak akan biarkan Datuk lapar." Hasnah belas.

"Apabila dalam keadaan begitu, tidur lebih penting baginya. Kita pun tidurlah. Berkumpul di sini saja." Dia toleh anaknya. "Kadir! Pergi ke sebelah. Beritahu Habib, ayahmu sudah pulang. Tidurlah di sofa sana."

Langit sudah bersih. Bintang-bintang mengerdip. Kokok pertama ayam jantan di dalam reban di belakang Pondok Pekalongan sudah berlalu bila Baim keluar kembali dari bangunan itu, setelah menurunkan Haji Marzuki. Motosikal Baim membela hening dini hari dari Datuk Keramat ke Jalan Sultan Ismail. Bila sampai kembali ke suite Syed Omar, dia berpapasan dengan Kadir yang sedang keluar dari pintu.

"Pulang? Bahaya daripada dendam salah orang. Tidur sini." Baim memberi amaran.

Kadir tersenyum. "Pergi panggil ayah. Saya dikejut dan ditahan Habib di sini."

Zahid datang. Dia sudah mandi. Segar. Baju tidurnya ditutup robe hotel. Tanpa menegur dia telefon ke room service meminta kopi, toast, omelette dan sebungkus rokok. Syed Omar dan Baim mengerling hairan kerana ragu tentang laporan Kadir tadi bahawa ayahnya pulang dalam keadaan rusuh dan ramus. Mereka membiarkan Zahid menikmati pesanannya.

Syed Omar bergerak perlahan, keluar dari wheel chair dengan bantuan tongkat ketiak. Dia mendatangi Zahid yang sedang merokok. "Dapat tidur?" Bisik itu amat halus.

"Di atas sofa!" Zahid sahut tanpa menoleh. "Habib?"

"Belum!"

"Kenapa?"

"Orang urut saya. Mulanya hampir empat jam. Kemudian dia ulang lagi. Baru sebentar Baim membawanya pulang."

"Siapa dibawa pulang."

"Tukang urut itu."

Zahid menoleh dan merenung Syed Omar, lalu berbisik mendesis, "Dalam keadaan kita begini masih tergamak berfoya-foya dengan ..." bisik Zahid putus, tapi sebelum Syed Omar sempat menyampuk, dia teruskan, "... Zura dan emaknya ada di sini. Bakal menantumu lihat itu? Kau kata, sudah taubat nasuhah."

Syed Omar ketawa. "Pak Kiyai Haji Marzuki, dari Datuk Keramat."

Zahid menarik nafas lega, lalu bertanya, "Kenapa panggil saya? Tidur. Esok kita mesti bertemu perdebatan."

Syed Omar gelak, menepuk bahu Zahid. "Seperti masa lalu, Datuk. Kita orang tua jangan berlakon di hadapan mereka. Memadai kita menonton telatah orang muda. Biar kita dengar lengking teriak mereka di dalam Dewan Mahajaya itu."

"Kali ini lain. Kita akan kalah. Terlalu parah." Zahid mendengus nafas panas.

"Sebab itu kita mesti berlakon sekarang, waktu mereka sedang tidur. Mari kita bincang." Dia tersenyum. "Kunci pintu, Baim!" Kepada Kadir, "Cikgu! Jangan pergi. Kau temani kami. Telefon *room service*! Minta minuman panas dan makanan ringan."

Zahid geleng kepala memandang sahabatnya dan tersenyum. "Sudah tepok, tetapi semangatmu tidak lumpuh." Dia tepuk bahu Syed Omar. "Masih ada berapa orangkah di antara kita yang sanggup begini?" Mukanya merah. Matanya berkaca-kaca.

"Masih ramai." Syed Omar ketawa. "Tetapi tidak banyak yang mau tampil ke hadapan sekarang. Saya tahu mereka patah hati melihat gelagat pemimpin baru." Dia bangkit, berteleku pada tongkat ketiaik. Langkahnya perlahan ke jendela, menguak tabir dan memandang ke tenggara. Dia mendesis, "Fajar sudah naik, Datuk! Langit bersih!" Matanya nanar kepada padang lumba kuda yang kosong, tidak berfungsi lagi di situ. Jauh di dalam lipatan hatinya, bangkit keinginan menggelora, ingin menguasai padang yang diabaikan itu. Dia hendak gunakan sisa umurnya demi bakti. Biar orang kenang kemampuannya berbakti terus-menerus. "Ingin hal kita dahulu?" Suaranya mendesis. "Dini hari beginilah kita bertiga, dengan Muhsin – sepupumu, berbincang dan berjalan ulang-alik sepanjang Princess Road."

Zahid terharu mengenang hal dahulu. Masalah yang mereka hadapi ketika itu ialah pertentangan antara golongan tua yang masih konservatif dengan golongan pemuda yang sudah progresif dalam parti, hendak maju ke hadapan. Tapi mereka tidak cukup pengalaman dan belum arif mentafsir arus politik negara dan belum memahami lubuk-liku proses kepimpinan di dalam parti. Dini hari begitulah sahabat bertiga itu; baki jaguh tua dari selatan dan sisa

jaguh tua dari utara, disertai bakat kaya maklumat dari Selangor, Muhsin, bergabung tenaga dan fikiran. Mereka menggunakan pendekatan isi hati bertunjang kesedaran bangsa Melayu terhadap nasib dan impian hari depan. Mereka dapat merapatkan jurang angkatan di dalam parti melalui cara begitu.

"Saya tepok, katamu!" Bisik Syed Omar bergetar. "Datuk akan kehilangan jika kaki tepok ini mendukung jiwa patah." Dia membuang tongkat ketiak, berpaut pada langsir dan bergerak perlahan. Dia menarik langsir berlapis dua ke sisi. Sinar fajar masuk melalui jendela dan bertaut temaram lampu di dalam *suite* itu. Di langit sebelah timur, dia lihat bintang mengerdip. Kejora sudah naik, benderang cerah bercahaya kemerah-merahan.

"Saya pernah saksikan dan sekarang masih kukagumi semangat seorang lelaki tua – Penghulu Mukim Gajah Mati!" Syed Omar menoleh. "Orang tua itulah tempatku menumpang hidup. Kemudian dia jadi mertuaku." Dia diam sambil menghapus air mata.

"Dia tokak, sudah masuk tahun ketiga, akibat tembakan orang Bintang Tiga sewaktu Jepun kalah. Kaki kanannya tidak dapat digunakan. Bila tokaknya begitu parah, orang dari Singapura tiba membawa khabar bahawa dia mendengar berita radio Yogyakarta, ada seorang Leftenan komandan platoon, pemuda Melayu dari Kedah, gugur dalam pertempuran di Salatiga, di Jawa Tengah. Namanya Leftenan Embi Haji Muhammad Zain!" Syed Omar diam lagi, dan matanya nanar kepada padang kosong. "Saya kenal Embi sejak tahun empat puluh empat. Kami bersama di Gajah Mati. Kami tak lekang sehari-hari hingga Jepun kalah; membantu kerja ayahnya di sawah, dan dalam gerakan Saberkas di Kedah. Embi anak sulung Haji Zain, putera tunggal. Dia meninggalkan Kedah pada awal tahun empat puluh enam, sebagai aktivis Saberkas, kerana diburu British Military Administration. Embi pergi menyertai perjuangan kemerdekaan Indonesia bersama teman-teman dari Tanah Melayu."

"Bagaimana orang tua itu?" Zahid tanya.

"Tepok! Tapi tidak pernah mengaku kalah. Tugas sebagai penghulu dan kerja sebagai petani dilaksanakannya. Semangatnya tidak patah bila dia tahu puteranya gugur di medan perang kemerdekaan Indonesia. Dia berkata kepada saya, 'Omar! Mati, dan maut berbeza. Mati, ertiinya orang yang mengalah dalam cita-cita yang baik! Maut tidak lebih daripada berakhirnya hayat seseorang di dunia ini, pindah ke suatu hayat lain, di akhirat.' Kalimat pertama itu tertanam ke dalam hati saya. Masa itu, kita bertiga sedang dalam asuhan Datuk On dan dipimpin oleh Kapten Hussein. Apa lagi katanya? 'Selama ini, banyak kerugian yang kita alami kerana kita tidak mampu mengelak. Kerja kita di sawah tidak selamanya berjalan lancar kerana serangan ulat, bencana hama, penyakit bena, serangan tikus dan gangguan rumput. Tetapi kita pun tidak pernah mengalah. Kita lawan ulat, hama, bena,

tikus dan buang rumput sedaya mampu kita. Walaupun ada kalanya rumput itu lebih tinggi daripada padi. Tetapi kita menuai juga. Bulir yang kita tuai itu ialah padi, bukan buah rumput. Kerana kita sudah kenal bezanya antara rumput dengan padi.' Dalam kendalian dialah maka kami – saya, bakal isteriku dan bakal ibu mertuaku, berganding bahu mengatasi cabaran yang kami hadapi."

Semangat Syed Omar meluap. Itu dikesan Zahid. Baim takjub. Kadir terpegun dan matanya tak berkelip. Mereka melihat muka Syed Omar dibasahi air mata. Mereka pun membiarkan makanan yang sudah tiba, terdedah di atas meja.

"Saya terlalu ingin orang muda memiliki jiwa seperti jiwa Haji Zain itu!" Kalimat itu mendesis. Tiba-tiba dia melepaskan gumpalan langsir itu dan berdiri di atas kaki sendiri. Matanya memancar kepada alam dini hari yang sedang menurunkan embun ke atas daun kayu dan padang kosong. Dia menoleh, mengangkat kaki beberapa inci di atas permaidani. Lalu dia mengayun langkah ke hadapan, menapak ke arah sofa tempat Zahid duduk.

"Pak Habib!" Kadir terpekkik.

"Tuan Habib!" Baim berseru.

Zahid berisyarat tangan kepada dua orang itu agar jangan dekati Syed Omar.

Satu-dua. Kiri-kanan. Satu demi satu tapak Syed Omar. Bila mencapai sofa, Zahid bangkit memeluk dan menciumi mukanya, lalu didudukkannya secermat mungkin.

"Alhamdulillah!" Suara Zahid amat berat ditekan rasa gembira. "Kaki lama itu masih boleh digunakan." Dia merenung mata sahabatnya dan bertanya, "Bagaimana cara gunakan semangat Haji Zain itu dalam keadaan parti dan suasana kita sekarang?"

"Bekerja terus! Jangan mengalah. Seperti dia. Melawan tokak. Hidup bahagia, menimang cucu tunggal. Kita mesti tahu pisahkan padi daripada buah rumput supaya yang kita tuai boleh jadi beras." Suara Syed Omar tidak setegas tadi. Tetapi Baim dan Kadir, sebagai orang muda, mulai arif kepada fikiran begitu.

"Jadi!" Baim terhenti. Dia merenung Syed Omar. "Penghulu di Gajah Mati itu, Tuan Haji Muhammad Zain, bapa mertua Tuan Habib?"

Syed Omar tersenyum. "Dia tidak bersekolah. Sekadar tahu mengaji dan mahir tulis-baca angka dan huruf Jawi. Namun dia ada madrasah dan masjid sendiri. Bijaksana. Pemurah!" Dia tekup muka menahan sedu-sedan. "Sudah lapan tahun dia tinggalkan kami. Selang dua tahun dengan isterinya." Dia menurunkan tangan dan memandang Baim. "Kenapa kau tanya?"

"Betullah tekaan mereka." Muka Baim cerah. "Adik ipar saya jadi kerani di Kedutaan Indonesia. Atase Pendidikan dan Kebudayaan di situ minta

bantuan kepada kakitangan tempatan untuk mengesan keluarga Tuan Haji Muhammad Zain di Gajah Mati. Dia tanya saya, 'Adakah YB Datuk Syed Omar, ADUN Kuala Nerang, kenal Haji Zain?' Saya terangkan, Tuan Habib itu kerluarganya dari Pokok Sena, Mukim Gajah Mati."

"Baim! Kau tahukah, apa maksud mereka?" Syed Omar hairan.

Baim geleng kepala. "Adik ipar saya bilang, dia dengar dari Atase Pendidikan dan Kebudayaan itu, Duta Besar mereka, Tan Sri Datuk Jeneral Basirun mahu jumpa keluarga Haji Zain yang tinggal di Gajah Mati."

"Ada apa?" Zahid curiga. "Dia Duta. Kita sedang bertelagah politik parti."

"Kami berbual di majlis perkahwinan dua putera dan seorang puterinya pada malam itu. Tapi dia tidak singgung hal begitu. Baim tahu, ada sebab yang lain?"

Baim geleng kepala.

"Menantu sulungnya, kawan senior kami." Kadir meningkah.

Kening Syed Omar berkerut. "Cikgu tahu, Basirun itu jadi tentera sejak bila?"

"Baca di surat khabar saja Habib! Asal dari Sabah. Masuk tentera revolusi Indonesia di Jawa, pada awal tahun empat puluh enam."

Zahid terpegun. "Kawan Embi? Semoga begitu saja. Bukan politik." Dia syak. Ada alasannya. Dia sudah kaji watak dan dapat mengesan cita-cita Jeneral Basirun.

"Saya tak dapat duga maksud pertemuan itu." Dahinya masih berkerut. "Baim! Apa lagi kata adikmu?"

"Bila Duta itu tahu, dia akan ke Mukim Gajah Mati."

"Biarkan dan lupakanlah! Itu urusan mereka. Jangan fikirkhan hal peribadi. Tak ada kaitannya dengan kerja kita sekarang."

"Katanya mahu berbincang. Tapi minum dulu sebelum kopit sejuk." Zahid tenang kembali daripada kesan wahamnya terhadap Jeneral Basirun. "Kadir! Tuang kopil!"

Baim segera bertindak melayani mereka lalu mengambil kertas. "Tinggal butir kasarnya saja." Dia tersenyum. "Tadi, sementara Tuan Habib diurut kami bicarakan ini."

"Masih ada harapan?" Zahid ghairah.

"Saya tidak pernah putus asa, Datuk!"

"Jangan berfikir orang tenggelam mencapai pelampung, tanpa fahami sifatnya, godaan setan atau restu Malaikat." Zaid merungut. "Lawan kita sudah kuasai ahli perwakilan di lebih seratus kawasan."

Syed Omar geleng kepala. "Datuk pasti, laporan itu tulen?"

"Beginu yang tiba ke Ibu Pejabat dan yang kudengar daripada Syed Mokhtar. Tiada masa menentukan tulen atau palsu. Saya terlalu sibuk, lebih separuh malam buat perincian laporan daripada sumber kita sendiri, dan kesan lobi kita yang terakhir."

Syed Omar menghirup kopi panas. "Bagi saya sekarang, kemenangan itu pasti! Saya tidak akan berganjak dari situ. Apa yang saya mahu bincang sekarang ialah kerja Baim yang dia mesti mulakan esok, dan juga tugas lanjutan daripada kemenangan itu."

"Boleh saya pegang janji kemenangan itu?" Muka Zahid tegang.

Kadir bongkok ke depan bersuara lembut, "Saya bukan orang parti. Bolehkah saya pulang sekarang?"

"Sekarang tidak. Tapi nanti, kau dalam parti. Tunggu. Dengar dan perhatikan cara orang tua bekerja." Syed Omar gelak. "Cikgu sudah tidur sebentar."

Kadir tersenyum. "Lebih satu jam di sofa tadi. Tak sedar Kiyai Juki itu pergi."

"Memadai." Zahid sampuk. "Jika tidak ada kuliah petang esok, kau boleh tidur." Kepada Baim, "Apa yang hendak diutamakan? Atau ada alternatif baru?"

Syed Omar menyambut, "Lupakanlah siapa menang dan siapa kalah, Datuk. Sudah kukatakan, kita mesti menang. Pagi Sabtu, resolusi masuk dari seluruh bahagian."

Zahid tegang. "Pastikah berjaya operasi *menang tipis - kalah tak malu itu?*"

"Kenapa ragu? Kita sudah kuasai kawalan bangunan. Kunci dua bilik khas pun sudah ada di dalam tangan Baim. Kita akan bawa peti khas itu, simpan di sana beberapa jam sebelum tiba masa mengundi. Peti berisi undi sah itu pun akan masuk ke sana juga, disimpan di situ lebih tiga jam barulah diambil kembali untuk ditentukan pilihan dan dikira jumlahnya. Di bilik itulah, dilaksanakan kaedah rumus  $2k + 3m = 5u$ ."

Muka Baim beku. Zahid tersenyum. Mata Kadir terbeliaik.

Syed Omar tersenyum. "Saya arahkan Baim tadi. Kali ini berhati-hati memilih subjek resolusi yang masuk agar menentukan resolusi yang layak saja masuk kategori yang akan dikendalikan Majlis Tertinggi kelak. Selebihnya, bekukan."

"Apa kriteria yang Habib tentukan untuk diprojeksikan kepada Majlis Tertinggi kelak?"

"Itu yang penting." Syed Omar tersenyum. "Pertama, utamakan dasar ekonomi baru, terokai modal dan pasaran sejagat, tegakkan perpaduan negara, teguhkan dasar pelajaran, perkuatkan bahasa kebangsaan, canangkan budaya kebangsaan dan banteraskan gejala moral negatif. Tujuh dasar itu masih menjadi kesinambungan dari yang lalu."

"Kedua, ketepikan resolusi yang berunsur iri hati kepada kaum lain, iri hati kepada sesuatu puak pemimpin dan anasir ekstrim yang melukai hati negara sahabat."

"Ketiga, utamakan dan lengkapi resolusi yang berciri pembangunan industri kecil, industri sederhana dan industri berat, kemudahan kredit, pendedahan amali teknologi, peningkatan jumlah, jenis dan mutu pertanian, membela nasib kaum tani, nelayan dan buruh.

"Keempat, bukukan resolusi berciri sentimen kenegerian di dalam parti dan juga sektor awam. Bukukan yang diduga jadi punca dendam pihak yang kalah kepada yang menang dalam pemilihan pucuk pimpinan parti."

"Munasabah dan kedengarannya cukup lunak." Zahid mengangguk. "Itu tidak lari daripada apa yang kita bicarakan berdua minggu lalu sebelum saya tiba-tiba pulang ke Johor." Dia tepuk bahu sahabatnya. "Tapi saya mahu tahu sikap Setiausaha Kerja."

"Statusnya rasmi dan sikapnya kita setujuinya supaya selalu objektif. Jangan beri dia peluang menentukan kriteria itu. Datuk pun tahu sebelum sesuatu surat atau sesuatu isi fail sampai kepadanya, mestilah melalui Ketua Kerani – Baim! Memang benar, Setiausaha Kerja pemegang peranan penting. Tapi rangkuman peranannya itu terbatas kepada segala yang sudah diproses Ketua Kerani. Dia akan terima daripada Baim segala resolusi yang kita telah tentukan. Tugas dialah menyampaikan dan berbincang dengan Setiausaha Agung." Syed Omar menepuk bahu Baim. "Pastikan orang muda! Seluruh arus tadbir di Ibu Pejabat, keluar dan masuk, melalui mejamu. Itu bidang tugasmu."

Kadir bangkit, "Cara begitu, salah! Tidak demokratik."

Sengih Syed Omar lebar, tetapi suaranya selamba, "Mungkin anggapanmu betul. Namun bagi kami orang tua, termasuk ayahmu, cara begitu yang tepat buat sekarang, demi parti yang berkhidmat untuk rakyat dan negara. Dalam hal yang beginilah saya lebih yakini petua – bukan fatwa – Haji Zain kepada saya dahulu, sisihkan padi daripada rumput. Buang buah rumput dan ambil bulir padi saja untuk dapat beras. Saya faham, rumput itu pun tumbuh di dalam sawah sebagaimana lawan kami itu pun orang parti kami juga. Tapi maksud kami hanya mahu tuai padi. Seperti juga resolusi yang berguna, setelah ditapis, dibuang yang negatif, itu semua pun daripada seluruh bahagian parti."

Kadir resah. "Pemilihan resolusi itu sekarang lebih ketat daripada yang lalu?"

"Memang begitulah! Perlu!" Syed Omar tergelak. "Sebab kami pun tahu ramai juga lawan kami di dalam parti akan terpilih ke dalam Majlis Tertinggi. Kami perlukan mereka cuma akan bincang resolusi yang kami pastikan topiknya dan unsurnya."

Kadir garu dagu. "Kalau begini, wibawa ahli Majlis Tertinggi parti Habib itu, sudah dikembiri. Dalam hubungan ini, apalah erti mereka duduk di atas kerusi tertinggi parti jika tiada peluang melaksanakan segala resolusi daripada seluruh bahagian parti!"

Syed Omar tersengih. "Seperti yang saya katakan tadi, Cikgu, kami cuma mahu beras. Tetapi beras keluar daripada padi, bukan daripada buah rumput. Majlis Tertinggi itu diberi peluang berperanan sebagai nyiru, menampi untuk memilih mana beras baik dan mana beras buruk. Hanya beras baik saja yang layak dimakan orang. Itulah yang akan kami persembahkan kepada rakyat dan negara sebagai bakti parti kami."

Kadir mengeluh, "Alangkah hebat peranan Ketua Kerani. Mestikah masuk ahli untuk saya dapat jawatan Ketua Kerani parti?"

"Saya sudah nampak jenis sisik ikan kau, Cikgu. Saya mulai kenal ikannya." Syed Omar ketawa, "Jangan masuk berkhidmat jika berbungkus tujuan tidak setia. Tidak semudah itu mendapat jawatan begitu. Contohnya, Baim. Dia melalui ujian dan pemerhatian bertahun-tahun. Setia dan amanah dalam tugasnya. Saya tidak ingin Cikgu bercita-cita yang begitu saji. Saya hendak, Cikgu mulai sekarang masuk parti, jadi ketua cawangan, kuasai bahagian, masuk ke parlimen, belajar daripada pengalaman, mesti terus tambah ilmu, kuasai parti dan puncaknya ketuai kabinet – Perdana Menteri."

Pengalaman Kadir dalam perbincangan itu seakan duri di dalam kalbu sepanjang perjalanan dari Hilton ke kampus, setelah menunaikan Subuh.

Zura duduk di sebelahnya, bertanya, "Kenapa bisu? Tidak pernah begini!"

"Politik!" Kadir mengeluh.

"Politik apa dan bagaimana?"

"Dunia ayahku dan dunia Walidmu!"

"Apa mereka buat setelah tengah malam?" Zura menoleh kepadanya.

"Kenapa tak tanya, apa mesti kita buat?" Suara Kadir garau dikuasai kantuk, tapi tajam ke jantung Zura. "Berapa lama lagi kita biarkan gergasi tua politik itu?"

"Biarkan bagaimana?" Zura mulai khuatir.

"Kita jatuhkan mereka."

**Pukul 09.10**

KESAN urut Kiyai Juki menyebabkan lututnya sekarang lebih selesa daripada yang dia alami dini hari tadi. Namun dia khuatir tersungkur; sebab itu dia masih menggunakan tongkat ketiak. Dia berjalan perlahan, diiringi penyambut tamu.

Orang memberi kerusi kepadanya di aula, tetapi dia enggan menerima. Malah dia menyertai barisan para jaguh parti untuk menyambut pemimpin tertinggi mereka. Masa itu, Basirun tiba. Dia cepat disongsong pengetua para duta negara-negara sahabat, sebagai kolega baru.

Basirun segera mendekatinya dan bergurau, "Kenapa tiba-tiba gunakan tiang besi?" Mereka terkikik sambil berjabat tangan. "Malam itu, Habib masih gagah."

"Lutut ini engkar. Andai dapat jamu kuat awet muda, mungkin cepat jinak."

Ketawa Basirun meledak, lalu berbisik ke telinga Syed Omar, "Bolehkah saya berbincang dengan Habib, satu atau dua minit nanti, bila tiba acara istirahat?"

"Kenapa tidak sekarang saja?"

"Jangan Habib! Protokol nanti rentap tanganku. Saya lambat tiba tiga minit."

Sehingga kepada kalimat akhir ucapan pembukaan Sidang Agung itu, Syed Omar masih ragu terhadap Basirun; adakah mahu bertanya tentang Haji Muhammad Zain dan Embi atau hal lain? Benarkah Salmah ada di Bangkok atau itu helahnya kepada Baim. Dia di Jakarta dan terlibat dalam jenayah di sana, menyebabkan Basirun hendak bertemu di sini? Dia segera mencari meja yang dia anggap terpencil dan selesa.

Basirun mendatanginya dan menegur lembut, "Yang Berhormat tentu sibuk, terutama hari ini sehingga penutup Sidang Agung hari Ahad tulat."

"Ini yang saya risaukan. Pertama, kerena lutut ini. Kedua, urusan anak. Kami terpaksa balik ke Alor Setar pagi Sabtu lusa."

"Tidak sertai pedebatan?" Basirun hairan. Dia tahu, *Team A* lemah. Terdesak.

"Orang tua seperti saya ini di belakang saja. Sudah luput masa berlagak." Dua orang pelayan wanita membawa dulang minuman dan piring kuih.

"Kenapa bawa ke mari?" Syed Omar tegang. "Biar di sana. Nanti kami ke situ."

"Kami disuruh Yang Amat Berhormat. Katanya, beliau nanti datang ke mari."

Basirun serba salah. Bila pelayan pergi dia mengeluh, "Sayang. Esok saya tak datang. Petang ini ke Jakarta. Isnin pulang ke mari. Tapi mungkin hal ini terlambat."

"Kenapa? Hal apa?" Syed Omar gelisah.

"Saya harap tengah hari ini Habib makan di rumah. Ada teman muhu jumpa."

"Siapa?" Syed Omar masih gagal meneka.

"Keluarga. Kebetulan saya pun muhu bertanya hal sahabat kami dari Kedah."

"Dari Indonesia?" Hal Embi kembali memenuhi kepala Syed Omar.

"Dari Sabah." Basirun berbisik. "Dulu, dalam tentara Indonesia juga."

Hati Syed Omar lega kerana itu bukan persoalan Salmah. Dia kian yakin, itu hal Embi.

Ketua parti tiba dan terus berkelakar. "Tan Sri! Tolong. Jangan curi orang tua kami."

Basirun terkikik. "Cuma kasihan, Datuk Seri. Habib sakit lutut. Kami bercerita hal jamu. Kebetulan di rumah masih ada sedikit."

"Jamu kuat?" Ketua parti tersenyum. "Habib, pergi berubat! Berehatlah dulu."

Mereka berbual ringan, terkeluar daripada topik politik. Dada Syed Omar lega. Dia tiba ke Jalan U Thant tepat pukul 12.30 tengah hari. Basirun memperkenalkannya kepada Imam Petagas, Bahrum, Suhaili dan Aziz. Bual mereka menjalar kepada hal keluarga.

Imam Petagas menunjuk gambar yang dia terima dari Kota Kinabalu dan berkata kepada Syed Omar, "Inilah gambar orang dan keluarganya yang saya ceritakan itu."

Syed Omar terharu melihat gambar itu. Potret zaman Jepun. Embi jejaka sasa. Hasnah baru naik dara sunti. Haji Zain suami isteri berdiri megah. Tangannya menggeletar bila dia memegang gambar itu. Air matanya muncurah pilu kepada sahabat dan iparnya, Embi.

"Orang dalam gambar ini yang masih hidup cuma Hasnah, isteriku. Tiga yang lain itu sudah pulang." Dia meletak gambar itu dan mengesat pipi basahnya.

"Abang ini, Kiyai Haji Sadali Haji Hasbi. Dialah yang riba Embi sejak nazak. Lukanya parah dalam pertempuran di tanah tinggi Salatiga. Kami bertiga, dalam satu kompani, memimpin platoon masing-masing." Suara Basirun murung.

Syed Omar menceritakan bagaimana berita itu tiba kepada Haji Muhamad Zain.

"Yah, begitulah sudut sedihnya." Pak Imam mengeluh. "Tapi ada juga penjuru gembiranya. Menurut keterangan Jeneral Basirun, putera tunggal Embi itu menjadi Dekan di Fakulti Usuluddin. Balunya masih hidup dan memiliki toko batik di Yogyakarta."

"Abang iparku ada zuriat?"

"Calon ulama besar," ujar Basirun. "Dia di Institut Agama Islam Negeri, Gersik."

"Anak tunggal," kata Pak Imam. "Saya bersyukur kepada Allah. Balu dan anak Embi dibantu Jeneral Basirun hingga mereka capai taraf hidup begitu sekarang."

"Bantuan bagaimana, Tan Sri?" Syed Mokhtar menerawang muka Basirun.

Basirun menceritakan proses bantuan untuk para korban perjuangan kemerdekaan.

"Hal yang amat perlu bagi kami sekarang, sebagai teman seperjuangan Embi," Pak Imam mengesat muka, "ialah pengesahan keluarga waris Embi di Kedah. Kami harap tiga perkara dapat diselesaikan."

"Perkara apa, Pak Imam?" Syed Omar ghairah.

"Pertama, anak dan balunya bertemu keluarga warisnya yang di Kedah. Kedua, kalau ada keluarga Embi hendak pergi ziarahi kubur asalnya di Salatiga, Jawa Tengah atau sekadar lihat makamnya yang rasmi yang sekarang ada di Kalibata sebelah timur Jakarta, saya ikut. Ketiga, keluarga dari Kedah itu kubawa bertemu semenda di Magelang."

Syed Omar terharu mendengar keterangan Pak Imam. "Adakah Pak Imam dengar daripada beras saya atau daripada anak saudaraku tentang pusaka Embi di Kedah?"

"Tidak pernah timbul hal begitu dan saya yakin tidak akan dipersoalkan," kata Basirun. "Bertemu dengan keluarga, itu sudah lebih daripada segala-galanya bagi mereka."

Syed Omar termenung. Fikirannya bercabang kepada anaknya kerana seluruh harta peninggalan Haji Muhammad Zain itu sudah berada di tangan Hasnah, dan Hasnah pun sudah menyerahkannya dan menukar nama kepada Zura. Hal itu akan menjadi masalah baru. Namun dari segi kaedah faraid, hal begitu tidak sukar sebab Embi mati mendahului ibu bapanya. Pintu faraid itu tertutup dengan sendirinya. Namun Syed Omar juga yakin bahawa Zura akan bermurah hati kepada sepupunya agar pintu faraid yang tertutup itu dibuka kembali.

Lamunan Syed Omar yang berlarut itu dipecahkan Pak Imam, "Siapa agaknya yang dapat sahkan hal ini?"

"Isteri saya." Syed Omar segera menyahut. "Kebetulan, dia bersama saya di hotel. Bolehkah kita selesaikan perkara ini di Kuala Lumpur saja?"

"Minggu depan?" Basirun tanya. "Seperti Habib sudah tahu, saya akan pulang ke mari hari Isnin."

"Masalahnya," Syed Omar tergelak, "Tan Sri Tuan Yang Terutama pun sudah tahu, kami akan balik ke Alor Setar pada hari Sabtu lusa."

"Begini!" Bahrum menyampuk, "Hajat dan perkara baik, jangan ditangguh!"

Basirun segera berkata, "Bawa gambar itu dan juga yang daripada album Zarina ke hotel malam ini." Dia toleh Aziz, "Kau temani Pak Imam! Hal urusan di Jawa akan saya telefon ke mari, sebelum hari Isnin."

"Terima kasih." Syed Omar girang. "Isteri dan anak saya akan terperanjat, tapi ini berita gembira. Tuah bagi kami suami isteri, terutama kepada anakku."

Ikrar mereka muktamad. Setelah makan, Syed Omar balik. Kepalanya diasak perkara baru. Bagaimana hal itu dia akan sampaikan ke dada Hasnah? Alangkah bagus jika anak dan bahu Embi menghadiri majlis pertunungan Zura. Dia harap sungguh semoga Basirun dapat membantu urusan kedatangan mereka.

Baim menyambutnya dengan khabar panas yang keruh. "Tuan Habib! Debat terlalu hangat. Perwakilan di pihak Tuan Habib pun terlalu lantang mengkritik kerajaan."

"Resolusi sudah terkumpul?" Syed Omar bertanya selamba.

"Debat mereka belum tamat. Tapi yang itu, akan diselesaikan petang ini."

"Debat mereka tak penting!" Syed Omar berungut. Muka Baim berubah. Syed Omar tidak hiraukan itu dan meneruskan, "Mereka sudah lazim melepaskan amarah yang terbuku di hati. Ekornya? Sekadar begitu saja. Ingat, saya mahu proses resolusi itu sempurna." Dia diam seketika. "Bawa ke hotel perakam pita dan pita debat mereka itu malam ini. Biar Kadir dengar betapa terbuka dan ikhlasnya parti dan kerajaan kita ini menerima kritik."

## Pukul 13.40

LAPAR dan kantuk merangsang Kadir dan Zura. Dari makmal mereka menyusur di bawah Bangunan Perpustakaan Tun Sri Lanang melalui tepi Anak Sunga Bangi ke kantin di bawah Bangunan Pusaneka. Mereka mendapati barisan mahasiswa terlalu panjang. Seluruh meja penuh. Udara pengap. Angin tak bertiu di situ.

"Sudahlah panas berbahang, terpaksa pula menunggu giliran yang lama." Zura berungut. "Kenapa kita tinggalkan makmal? Di sana sejuk."

Kadir mengalah! Mereka meninggalkan tempat itu, berjalan terus ke bangunan Institut Bahasa dan Kebudayaan Melayu, menuju kantin Pentadbiran. Tapi di sana pun keadaannya sesak di dalam dan di luar. Masing-masing menunggu giliran. Mereka belok ke kiri, menyusur siring ke Fakulti Islam, dan menyeberangi jalan raya, menanjak bukit, untuk pergi ke Kantin Komsis D.

"Peluh sejuk saya menyimbah." Zura mengeluh. "Lapar! Mengantuk pula lagi. Manalah badan boleh tahan?" Dia membebek terus. "Duduk di sini dululah! Dapat juga angin untuk bernafas."

Kadir menghempas punggungnya di atas hamparan daun kering. Zura keluarkan fail daripada begnya untuk dibuat alas duduk. Pandangan mereka ditebarkan ke lembah kampus.

"Kalau kenyang dan dapat rehat begini, sedap juga."

"Jangan terlalu banyak menagih." Kadir merungut. "Apa yang Tuhan beri, terimalah dan syukuri!"

"Syukur kalau lapar begini? Tak sempat sarapan pulak tu. Tidak cukup tidur. Manalah jasad tak layu, mata tak kuyu?"

"Tadi lapar dan kepanasan. Sekarang pun, lapar tetapi sejuk, seleha bernafas angin segar dan dapat melihat keindahan lembah Bangi." Dahi Kadir berkerut kepadanya.

"Kalaularah daun atau bunga di sini boleh dimakan manusia." Zura merengek.

"Kita manusia, bertukar menjadi kambing?" Kadir mengejek.

"Kalau pohon yang ditanam di sini terdiri daripada pokok mangga, duku, durian, bolehlah dimakan."

"Zura mahu berdusun buah di kampus atau mengimbau bencana untuk mampus?"

"Tiada bencana. Buah-buahan itu faedahnya banyak."

"Zura belum tahu apa akibatnya?"

"Akibat apa pula selain kebaikan?"

"Nafsu orang. Mereka akan berebut. Akan berkelahi kerana itu. Nah! Berapa puluh ribu mahasiswa? Berapa ribu pensyarah? Pentadbir yang menganggap diri mereka tuan kepada semuanya di kampus ini, sudah lebih empat ribu orang." Kadir tersengih, mencebir. "Katalah, penghuni kampus ini pada siang hari berjumlah hampir empat puluh ribu orang. Bagaimana jika mereka berebut?"

Zura tercengang.

"Bayangkan! Berapa ribu pengawal mesti ditugaskan untuk itu saja? Fikirkan, harga ubat untuk orang yang luka, harga keranda atau kafan bagi yang mati, belanja penjara, gaji hakim, biaya mahkamah, upah peguam – buruk atau cerdik – bagi mereka yang dituduh."

"Alangkah ganasnya nafsu." Zura mengeluh. "Kenapa, ya? Orang di universiti pun belum dapat mengekang nafsu!"

"Kerena mereka sudah, sedang dan masih akan diajar memperbesar nafsu."

"Hah? Jangan merepek!" Zura bangkang.

"Universiti dibina untuk menjadikan orang bernafsu besar."

"Jangan cakap tanpa bukti." Zura bertegas.

"Bukti apa lagi Zura mahu? Lihat! Para pemimpin parti politik sekarang, pada umumnya, lulusan universiti! Orang bank, usahawan, pemutar saham, jurubina, jurutera, peguam – buruk atau cerdik – mereka lulus daripada satu atau lebih daripada satu universiti. Fenomena apakah yang kamu lihat pada citra mereka selain nafsu besar?" Mata Kadir tajam ke hidung Zura. "Belum faham? Golongan bagaimakah yang terlibat dalam rasuah besar-besaran? Jenis orang bagaimakah yang terlibat dalam penipuan besar? Orang berstatus bagaimakah yang menyalahguna kuasa secara besar-besaran? Itu semuanya terdiri daripada orang yang telah melalui ajaran pengajian tinggi."

"Walid saya tidak begitu, bukan?"

"Habib tak lulus dari universiti berkampus, tetapi lepasan universiti pengalaman dalam pergaulan. Ayahku dari universiti berkampus dan ditambah pengalaman dalam pergaulan. Pergaulan orang berdua itu bertumpu ke medan perjuangan politik. Mereka tumbuh, menjadi gergasi politik, raksasa harta, bota yang ..." Kalimat Kadir putus.

"Jangan merepeklah. Kata yang itu apa, bermaksud apa," Zura merungut.

"Jadi teladan kepada pimpinan politik generasi baru supaya menjadi oportunistis."

"Cikgu. Dua orang itu ayah kita."

Kadir tidak menyahut. Hatinya sudah menyala, mengenang rancangan Syed Omar dini hari tadi. Kesalnya membumbung langit kepada ayahnya kerana dia tahu rancangan itu, mereka berdua yang rangka.

"Dari mana Cikgu pungut fikiran begitu?"

"Saya tahu daripada pengalaman saya setelah sepotong malam bersama mereka."

"Apa yang Cikgu tahu?"

"Dua orang itu, ayah kita, sudah beri teladan dan dijadikan contoh pemimpin kini. Pemimpin akan datang kelak meniru teladan daripada yang ada sekarang."

"Mereka, ayah kita! Pemimpin yang ada sekarang pun bangsa kita juga." Zura hendak melentur fikiran Kadir. "Selama ini pun, banyak juga yang saya tidak setujui." Dia menarik nafas. "Tapi tak kanlah kita hendak melawan ayah." Tangannya menguit lengan Kadir. "Apa akan kita buat? Subuh tadi pun Cikgu sudah suruh saya tanya begitu. Apa yang Cikgu mahu?"

"Jatuhkan mereka. Kita halangi perbuatan begitu."

"Datuk Zahid itu ayahmu. Syed Omar itu ayahku. Kenapa mahu jatuhkan mereka?"

"Kita, anak ayah kita. Kita, sebangsa pemimpin kita kini. Itu realiti yang tidak dapat ditolak. Kita jadi pewaris yang ditentukan sejarah. Tapi kita pun ada pilihan yang kita anggap menjadi alasan terbaik bagi menjatuhkan mereka demi kebaikan warisan yang kita terima."

"Itukah sebabnya awak muram dalam perjalanan pulang Subuh tadi?"

"Salah satu daripadanya." Kadir mendengus.

"Bagaimana akan dijatuhkan? Bila? Mereka sudah tua."

"Banyak cara. Tapi sekarang belum." Kadir tekan perutnya. "Bantahan pun tak sampai ke mana. Segalanya akan terhalang oleh peraturan yang berkuatkuasa di kampus."

Zura berlapang dada kerana dia tahu mereka masih terikat kepada peraturan di kampus sehingga bulan Julai tahun hadapan! Dengan itu mereka tidak bertelingkah dengan ayah masing-masing sebelum mereka kahwin. Dia mengeluarkan radio kecil daripada beg jinjitsya.

"Bagus juga," Kadir mencebik. "Dengar nasyid supaya tidak dengar suaraku."

Zura arif bahawa itu bukan saja ejekan – Kadir gelis geman setiap kali mendengar irama nasyid – tapi juga sindiran kesalnya kerana Zura mahu elak kata-kata panas yang membuka daripada dada Kadir. Radio itu berbunyi krrk-krik-krat sebentar, lalu mereka dengar:

\* *Hasutan surat layang tersebar ke seluruh negara menjelang Sidang Agung mencapai puncaknya di Kuala Lumpur hari ini.*

\* *Puak berbalah berebut pimpinan parti. Mereka bergaduh di Jalan Putera dan Jalan Raja Laut pagi ini, lalu merebak ke Jalan Chow Kit, Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Alang dan Jalan Haji Hussein.*

\* *Huru-hara itu menyebabkan perniagaan di Kuala Lumpur lumpuh kerana pasar dibubar, gerai kosong dan kedai ditutup.*

\* *Semua laluan keluar-masuk Kuala Lumpur dikawal rapi. Penduduk dari luar Ibu Kota diperintahkan berpatah balik.*

\* *Orang berpusu-pusu berebut pulang ke rumah.*

\* *Berita terakhir. Perintah berkurung berkuat kuasa petang ini.*

Zura muram. "Itu bukan nasyid astaka. Dengar? Nasib petaka."

"Emak kita di hotel" Kadir resah. "Kita tidak boleh masuk ke Kuala Lumpur."

"Bagaimana nak buat?" Zura gugup. "Mesti lindungi emak."

"Mari." Kadir tarik tangan Zura.

Sejak tadi mereka lapar, tetapi kini mereka lupakan kantin. Mereka meluru ke pondok telefon.

## Pukul 17.10

WAJAR dia tidak tahu. Mujur selamat. Tadi, limosin itu datang dari Jalan U Thant ke Jalan Tun Razak, tidak menyimpang kiri ke Jalan Raja Muda untuk masuk ke Jalan Chow Kit – Jalan Putera, tapi terus dan turun kiri ke Jalan Tun Ismail, ke Ibu Pejabat. Sebab itulah dia tidak tahu apa yang berlaku, seperti yang didengar Zura di kampus Bangi. Pemandu pun tidak memberitahu kepadanya. Sebab itulah juga maka bila sampai di Ibu Pejabat, dia tidak menanggapi hal yang negatif bila Baim seru, "Syukurlah, Tuan Habib sudah pulang."

Syed Omar tidak mengendahkan seruan syukur itu kerana dia selamat. Itu ditanggapinya dirinya amat penting untuk diberikan laporan daripada sidang siang tadi.

Lewat pukul lima petang, sidang petang itu sudah dibubar. Syed Mokhtar sampai ke Ibu Pejabat. Mukanya redup. Dia melangkah longlai. Samping songketnya diselepan di bahu kiri turun ke punggung kanan. Dia letih tak bermaya, membawa murtabak. "Penat sangatkah, Tar?"

"Penat dan cemas. Kesal dan sakit hati pun ada. Apa jadi kita ini semua?"

"Kenapa Syed Mokhtar begini? Apa berlaku? Tar bersengketa?"

"Susah nak cakap. Ekoran malam tadi itulah. Abang akan lama lagi di sini?"

"Siapkan kerja ini dulu." Di atas meja itu berselerak kad kertas, dan fail.

"Sudah dapat pengawal?"

"Buat apa dikawal?" Syed Omar meradang dan merenung adiknya. "Jangan tonjolkan sangat kepada orang Kuala Lumpur tabiat hendak dilayan berlebihan. Fikiran mereka tidak sama dengan anggapan orang kampung, menyanjung pemimpin parti politik."

"Jangan buat pasal. Mesti dikawal demi keselamatan abang."

"Kenapa?" Syed Omar seakan mengherdik. "Saya tiada musuh."

Syed Mokhtar berungut, "Kuala Lumpur huru-hara."

"Siapa bilang?"

"Saya lihat. Dengar daripada Polis Hutan. Ramai terkapar di Jalan Haji Hussein."

"Tar tinggalkan sidang? Kau biarkan perwakilan?"

"Abang ini kalau di pejabat, macam batu gunung tidak hirau hujan ribut badai. Kami beberapa orang perlu tinggalkan sidang untuk mengetahui apa yang terjadi."

"Kejadian apa berlaku?" Syed Omar hairan.

"Kerenah orang dari kampung. Perintah berkurung akan dimulai pukul enam ini. Askar sudah dapat perintah *shot to kill*. Mereka membantu polis menjaga keselamatan. Orang Kuala Lumpur berebut pulang ke rumah. Orang dari kampung bertempiaran. Gerai ditutup. Pasar kosong. Pasar lambak bubar. Penangkapan besar-besaran berlaku."

"Siapa mulakan pergaduhan?"

Syed Mokhtar tidak menjawab. Dia termenung mengingat apa yang dia alami.

Dua barikad platoon Polis Hutan yang berada di kaki lima kanan kiri Jalan Chow Kit sedang dilengkapi enam sarang senapang mesin. Mereka dihadang dan disoal, "Dari mana?"

"Kami daripada Sidang Agung." Syed Mokhtar menyahut. "Kenapa ganggu?"

"Pulang! Jangan masuk kawasan pasar. Jauhi Jalan Haji Hussein."

Syed Moktar berhuajah. "Orangku ramai di hotel kawasan itu. Kenapa dilarang?"

"Banyak kerena pula." Seorang kopral mengancam. "Kau dari negeri mana?" Dia mendekati. "Kad pengenalan."

Syed Moktar menjeling benci, lalu menyerah kad. Cara itu ditiru oleh tiga kawannya.

"Hum! Perlis!" Nada kopral itu mulai lunak. Tetapi kalimatnya semakin sinis, "Perwakilan, pencetus rusuhan atau sekadar datang tumpang tui di meja makan?"

Kalimat itu menyakitkan hati Syed Omar. "Perwakilan. Kenapa tanya begitu?"

"Hendak tahu peranan orang politik." Dia kembalikan empat kad itu. "Pergi!"

Mereka berjalan. Dekat simpang Tuanku Abdul Rahman - Chow Kit, mereka dihadang askar yang berkubu di situ. "Patah balik!" Seorang sarjan mengherdik. Syed Mokhtar membawa kawan-kawannya masuk ke kedai makan Malabari.

"Makan, minum. Banyak ada, jangan susah!" Kata lelaki tua, berbaju T putih kotor kuah kuning kunyit. Buncit perutnya melebihi busung dadanya. Tepi bawah kain pelikatnya diikat di punggung. Dia menawarkan hidangan sambil membersihkan meja. "Pintu sikit ini juga buka. Boleh makan di dalam. Kambing kari. Ikan kari. Ayam korma. Dalca. Ayam goreng. Semua ada juga. Masak baru hidang."

"Kenapa tutup pintu?"

"Belum tahu? Itu radio tadak dengarkah? Itu TV di dalam ada juga." Dia tersenyum. "Bariani makan? Murtabak ada spesial juga punya bikin boleh."

Tadi Bibi apam bawa ada juga. Cantik ini pakai punya kahwin pergi? Angkau orang mana mari?"

"Perlis. Kami daripada Sidang Agung."

"Oh! Itu macamkah!" Dia jongkok sedikit "Angkau apa makan? Apa minum?"

Matanya digilirkan kepada empat muka pendatang baru. "Itu layang juga punya surat banyak jahat. Kampung punya orang, datang mari, itu macam politik kirjakah? Kuala Lumpur orang kasi susah! Belum tahu? Itu polis *radiocar* sama polis punya Landrover semua tempat pergi jalan, kasi orang tahu semua rumah balik. Pukul enam rumah tutup. Diam dalam duduk."

"Hah?" Mata Syed Mokhtar membelalak, mulutnya ternganga.

"Makan boleh! Takut angkau apa bikin? Sana luar tadi kampung politik punya orang kasi gasak lain juga kampung politik punya orang. Itu Jalan Hussein sana, sama Lorong Raja Bot mati banyak. Sini luka punya ada juga. Mati punya, tadak. Sini saya orang banyak suka itu askar sama itu hutan punya polis ada jaga ini tempat. Itu macam kirja banyak baik." Dia tersengih. "Bariani baru masak punya, makan mahu? Karipap itu dalam bikin, sidap punya, masak sudah juga."

Syed Mokhtar meminta murtabak lebih empat puluh keping yang bersusun di tepi kuali rata. "Itu tadak! Hutan punya polis, mahu kasi sama dia. Lagi askar juga punya, mesti baru bikin kasi dia. Parata mahu, bikin juga boleh. Bariani angkau tadak makan?"

"Murtabak ini, saya ambil semua." Syed Mokhtar sasak ke dalam plastik putih tipis, tanpa dibungkus. "Untuk Polis Hutan dan askar bikin yang lain." Dia pergi membayar tanpa mengambil bawang cincang, dalca dan kuah kari.

"Ayoyo!" Orang tua itu berseru. "Angkau mahu orang barapa makan?"

Bila sampai kembali ke barikad Polis Hutan, Syed Mokhtar tidak angkuh lagi seperti tadi. Dia mendahului teman-temannya, memberi senyum dan tabik. "Kami beli makanan saja." Dia mengangkat plastik murtabak itu ke aras perutnya. "Mahu balik ke Ibu Pejabat."

"Bagus begitu," ujar kopral. "Hati-hati di jalan. Cermat menyeberang. Nasihat kawan-kawanmu, jangan keluar. Sebentar lagi perintah berkurung berkuatkuasa."

"Bagaimana kami akan pulang ke hotel?"

"Hubungi polis! Minta pas dan kawalan. Ingat! Polis, bertimbang rasa! Tetapi askar, lain. Mereka sudah dapat perintah *shot to kill*."

Mereka terhenti di kaki lima Jalan Chow Kit! Seluruh kenderaan dan pejalan kaki dari arah itu menyusun ke simpang empat Jalan Raja Laut - Jalan Putera dihalang Polis lalu lintas, dengan dibantu askar. Kenderaan dan pejalan kaki dari arah pusat bandar ke Jalan Ipoh diberi keutamaan. Setelah lapan kali giliran lampu hijau, barulah Syed Mokhtar dapat laluan menyeberang.

Manusia berjejal di kaki lima Jalan Raja Laut. Teksi dan bas, yang padat dengan penumpang sebelum sampai ke situ, tidak mahu berhenti. Setiap orang bermuka tegang dan muram. Syed Mokhtar dan kawannya tiba ke pangkal Jalan Putera. Dia terperanjat bila mendengar keriau orang, dan gemuruh derap sepatu orang berlari ke satu arah - Jalan Ipoh.

"Kebakaran." Teriak wanita dalam bahasa Konghu, di jendela *massage parlour*.

"Di Bukit Bintang." Seru lelaki dalam bahasa Hockian, di jeriji pintu hardware.

"Api bakar! Kampung orang Kuala Lumpur ambil" Lelaki tua India merepek.

"Alang-alang seluk pekasam!" Jejaka Melayu, citra kampung, menumbuk langit.

Syed Mokhtar berhenti. Nanar dia melihat orang ketakutan lari lintang pukang. Dia tidak sedar bahawa seluruh suhu panas di dalam alam ini, kalau dikumpul semuanya, mesti digandakan tujuh puluh kali baru seimbang dengan panas api neraka. Tapi kenapa orang yang masih hidup berebut dosa untuk dituang ke dalam neraka? Dia terkejut bila dirempuh orang. Murtabaknya nyaris terburai. Matanya membelalak bila melihat asap membubung ke angkasa. Kemudian asap yang bertarung nyala dan semakin tinggi itu berjela ke langit. Tiba-tiba asap dan nyala itu membuka dan semakin lebar ke atas. Pada detik berikutnya, kedengaran ledakan besar dari arah sana - berturut-turut.

"Mari cepat, Bib!" Teman Syed Mokhtar menjerit dan menariknya berlari.

Syed Mokhtar londeh songkit, tersandung samping sendiri. Dia selepong, terus lari, termengah ke Ibu Pejabat parti. Masa itu sidang petang sudah bubar.

"Kalau tak dapat pulang ke hotel, boleh tidur di Ibu Pejabat?" tanya teman itu.

"Aula besar. Dilapik permaidani. Banyak tempat lapang." Syed Mokhtar meyakinkannya.

Dua meja panjang di dalam *porch* digunakan oleh beberapa orang kerani untuk membahagi borang, surat, toha lengan lambang parti, dan berpuluhan keranjang nasi bungkus.

"Beratur! Jangan berebut. Mesti dapat." Kerani itu memberi borang. "Isi dan bawa ke sana. Dia orang beri pas jalan, toha dan nasi! Satu orang satu. Semua berkumpul di sini. Nanti bas datang. Akan diangkat ke hotel, dan dikawal polis."

"Kami berempat," kawan Syed Mokhtar berhujah sebab dia peroleh sekeping saja.

Kerani itu tersengih. "Satu, seorang. Ikut peraturan. Siapa mahu, masuk barisan." Dia merenung samping dan baju Melayu mereka. Mutu dan jenisnya melebihi mutu baju Melayu dan songkit menteri. Tapi siapakah akan menghiraukan nilai pakaian mereka? Sekarang di Kuala Lumpur, orang merebut nyawa sendiri. Hubaya - *prolude to Armageddon!*

"Boleh tidur di bangunan ini?"

"Belum ada peraturan begitu." Kerani itu tersengih mengejek.

Syed Mokhtar masuk dan mendapati Baim tekun bekerja. "Abang sudah pulang?"

Baim menggeleng dan berisyarat tangan ke bilik Syed Omar.

Syed Mokhtar memecahkan menungannya. "Kuala Lumpur sudah terbakar." Nadanya lebih tegang daripada masa dia tiba tadi. "Pulang! Saya akan suruh Baim dapatkan limo, pemandu dan pengawal."

"Suruhlah." Syed Omar tak mengangkat muka. "Tar ikut ke Hilton?"

"Ke bilik asalku. Dalam keadaan begini, kita perlu di hotel yang sama."

Syed Omar bertongkat ketiak tanpa dibantu. Syed Mokhtar mengikutinya membawa beg jinjit Syed Omar di tangan kanan. Ringan. Tangan kirinya menating murtabak. Berat.

Di sisi meja Baim, Syed Omar menegur, "Belum mahu balik? Bawa Kiyai Juki."

"Sebentar lagi. Isteriku telefon. Masakannya siap. Kami tiba sebelum Isyak."

"Bagaimana Baim ke hotel?" Syed Mokhtar cemas. "Pukul enam, berkurung."

"Kerja saya, Tuan Syed. Saya tahu buat dan caranya. Ini Kuala Lumpur."

Suara Baim ditanggapi dua hati. Syed Omar yakin. Syed Mokhtar iri dan ragu.

Baim memandang Syed Mokhtar dari belakang. Murtabak yang tidak dibungkus itu jelas kelihatan di dalam beg plastik putih, tipis dan jernih. Dia ketawa di dalam hati, 'Betuuuul, kampung!'

Limosin yang membawa Syed Omar mengibar bendera parti, pas jalan ditampal dicermin hadapan dan belakang, diiringi polis, aman sehingga ke hotel.

"Zura telefon. Tidak boleh datang." Itu kalimat pertama diterima Syed Omar. Dia tersenyum saja. Hasnah sugul. "Dia aman di Bangi. Kita belum tentu selamat di K.L."

"Kuala Lumpur belum kiamat, Nah!" Syed Omar tersengih. "Datuk Zahid balik?"

"Kerana dia pulanglah, saya ketakutan seorang diri. Sejak pagi, Datin bersama saya. Datuk pulang, Datin balik ke sebelah." Tangan Hasnah rancak mengemaskan duduk suaminya di *whell chair*. "Kalau tak sembahyang di opis,

tak sempat tunai Asar. Sudah loput. Selalu begini di Kuala Lumpur; abai, lupa, lopus waktu? Bagaimana lutut itu?"

"Urut lagi." Dia elus keping isterinya. Rangsangan segelas jamu, yang dia minum di Jalan U Thant, bangkit. Tangannya ke dagu Hasnah. "Besok pagi sebelum perwakilan mengundi, saya akan berucap satu jam. Dini hari nanti, Nah beri saya."

"Lutut itu, bang Syed! Bolehkah?"

"Bantu saya. Nah di atas."

"Tengoklah nanti, macam mana Nah gayakan. Bekalan madu Arab kering dari Sanah ada saya bawa beberapa keping. Kunyahlah sebelumnya." Hasnah dijolok ghairah. Itu tandanya suaminya segar. Dia pun terlalu ingin menikmati orgasma.

Syed Omar tersenyum, meraba bibir Hasnah. "Malam ini, ada tamu! Beritanya baik. Bang Embi ada anak dan balu di Jawa."

"Bang Eeemmmbi?" Mata Hasnah terbeliau. Mulutnya ternganga lebar.

## Pukul 20.10

DIA takjub dan riang menyambut Baim kerana dia sanggup menembus perintah berkurung. Itu bermakna lututnya mendapat rawatan. Dia pun menghidu masakan lazat.

"Kenapa empat rantang, Baim? Siapa akan habiskan semua makanan itu?"

"Isteriku tahu pembantu Tuan Habib ramai. Tiada gerai tenggek malam ini."

"Pak Kiyai gunakan ilmu halimun? Tidur sinilah!" Syed Omar ketawa riang.

"Baim ada pas. Tak payah ilmu begitu. Di Pondok Pekalongan itu pun ada polis. Dua orang membawa *radiocar*. Mereka tumpangkan kami." Dia menarik kerusi ke *whell chair*. "Mesti pulang. Orang kami di pondok pun berjaga-jaga juga. Maklum, politik pukul."

Baim berungut. "Cawangan kami dirasuk *jin A* dan *jin B*. Mujur Bapak ada."

"Urut sebelum makan. Lutut itu meragam? Tentu demam."

"Macam mana demam nak datang? Diharu kerja. Kaki pun selalu saya lupa."

"Lazim." Haji Marzuki tergelak. "Ada kalanya, orang lupa kepala." Dia serius. "Sudah mampu bawa tuannya?"

"Kalau bukan majlis besar begitu saya buang tongkat. Tetapi cuak. Bagaimana jika tersungkur? Malu sudah besar panjang begini pun masih diketawai orang." Syed Omar hendak bergurau, tapi Haji Marzuki belum tergoda jenaka.

"Ada rasa sakit, ngilu atau nyeri?"

"Tidak nyeri. Bila dipaksa, barulah saya ingat lutut ini. Terasa ngilu sedikit."

Haji Marzuki mengangguk. "Esok, selepas Subuh barulah perintah berkurung dilonggarkan. Kata Baim, dia banyak kerja tidak dapat bawa. Saya akan cuba sampai ke mari sebelum pukul tujuh. Malam ini urut sekali saja, memadai."

"Sekarang, Pak Kiyai?"

"Bagaimana saya masuk ke suite itu? Bukankah isteri Tuan Habib di dalam?"

"Di sebelah! Perempuan, Pak Kiyai! Runding mereka tidak pernah tamat. Mereka paksa Datuk Zahid dengar dan patuh keputusan mereka." Syed Omar tersengih. "Ibu, ada kalanya lupa kepala, demi anak! Isteriku veto saya untuk anak tunggal kami."

Haji Marzuki hairan. "Kenapa kena veto?"

"Dua ibu bakal besan mahu besarkan majlis pertunangan Zura dengan Kadir."

"Mulai, Pak?" Baim memandang Haji Marzuki dan hendak menolak *wheel chair*.

"Jangan bantu! Saya mahu lihat Tuan Habib dibawa lutut sendiri."

"Tidak gunakan tongkat?" Syed Omar ghairah.

"Tak malu jika jatuh. Bukan di dalam majlis. Cuba. Jangan buat langkah joget." Kiyai Juki gelak "Bukit Bintang Park dan Lucky World tiada lagi di Kuala Lumpur."

Perangai latah tidak ada pada lelaki Arab. Tapi Syed Omar ada bakat begitu. Perangai itu mungkin daripada emaknya, wanita Jepun karayuki. Kalimat *jangan buat langkah joget* menggeletek hatinya. Kebetulan masa itu dia mula mengangkat kaki kanan. Tanpa disedarinya, sebelum kaki kanannya tegap di atas permaidani, dia mengangkat kaki kiri. Gaya langkah joget tamat. Dia huyung rebah terjeleok ke kanan, tidak sempat disambar Baim.

"Allahu Akubar!" Haji Marzuki berseru. "Gopoh! Orang sihat pun tak begitu."

Baim cemas. Dia mengangkat dan mendudukkannya di atas sofa. "Sakit, Tuan Habib?"

"Tak apa-apa." Dia gagahkan diri. Tapi Haji Marzuki lihat Syed Omar pucat.

"Nasib baiklah bukan di dalam majlis." Haji Marzuki berkelakar, mahu pulihkan semangat Syed Omar. "Gaya begitu saya tak benarkan. Biar saya papah."

"Saya mahu cuba," bisik Syed Omar mendengus. "Tadi saya salah. Hendak berjoget. Entah kenapa."

"Sememangnya Tuan Habib ini kaki joget?" Kening Haji Marzuki terangkat.

"Umumnya, orang Melayu Singapura sebaya saya, peminat joget." Syed Omar elus lututnya. "Sebelum usia saya dua belas, sudah biasa di panggung New World."

"Tuan Habib, Arab! Bermaksiat joget?" Haji Marzuki terkejut, merasa kesal.

Syed Omar bercerita. Dia gila kepada primadona joget, Orang Laut dari Pulau Karimun Tanjung Balai – pada tahun 1943. Dia lupa rumah. Puncak segala-galanya terjadi ketika ayahnya memberi wang, disuruhnya mencari

beras di dalam pasaran gelap di kalangan pelaut Bugis di Singapura. Dia tidak membeli beras. Wang itu dia gunakan untuk membeli baju baru untuk primadona joget itu. Ayahnya renggutnya dari panggung joget, diheret pulang dan dimarahi. Dia jejaka keras hati, lari dari rumah — merajuk. Akhirnya dia merempat di Kedah pada tahun 1944.

"Astaghfirullah!" Haji Marzuki mengucap taubat. "Aneh sungguh! Ada jejaka Arab salah guna nafsu. Kenapa terbawa-bawa maksiat joget itu ke tua?"

"Sejak itu saya sedar dan tidak pernah lagi dekati panggung joget." Syed Omar gelak. "Majikan saya di Pokok Sena — dan jadi mertuaku — orang warak. Di Kedah ada *Ramwong Siam*. Saya menggeletek mendengar muzik dan dengung gong mereka."

"Kalau begitu, Tuan Habib dulu tidak sebaik sekarang." Baim tersenyum.

"Lebih baik begitu." Syed Omar tersengih. "Nakal semasa muda, boleh diubah. Nakal semasa tua, bagaimana dipinda? Orang berubah daripada pengalaman, di atas panduan nurani."

"Kesedaran." Haji Marzuki menambah. "Bagaimana? Mahu cuba sekarang?"

Syed Omar berteleku di sofa. Geraknya perlahan. Dia cuba tegak. Haji Marzuki dan Baim di sisinya. Satu. Dua. Kanan. Kiri. Akhirnya dia melalui pintu bilik tidur *suite* itu.

"Berhenti, kalau penat!" Haji Marzuki meraih lengan Syed Omar.

"Bukan penat, Pak Kiyai. Ngilu!"

"Boleh dipulihkan." Haji Marzuki meyakinkannya. "Jangan paksa. Esok pagi cuba lagi." Dia dan Baim papah dan baringkannya di atas katil.

"Saya berpeluh." Syed Omar berungut.

"Jangan kasali. Peluh sihat." Haji Marzuki selak sarung Samarinda — halus dan lembut — digemari lelaki Arab. "Ada seluar dalam?" Ketawa orang tua itu pecah.

Syed Omar tergelak besar. "Mentang-mentanglah saya ini zuriat Arab. Lihat, Pak Kiyai. Seluar dalam jenis apa saya pakai."

Haji Marzuki tersenyum apabila melihat seluar mandi yang ketat dan elastik itu. "Lebih bagus daripada yang semalam dan pagi tadi." Dia tersengih. "Baim, duduklah! Perhatikan bagaimana Bapak buat."

Cara urut dan erang kesakitan macam semalam dan pagi tadi juga. Syed Omar mohon dikasihani, agar dibuat perlahan.

"Kenapa seharian ini, Tuan Habib lupa lutut sendiri?"

"Baim faham." Ujar Syed Omar bercampur rintihan. "Sudah kerja keras begitu pun belum tentu ada hasilnya. Pak Kiyai fikir apa terjadi di Kuala Lumpur sekarang."

"Bukankah itu royan politik Malaysia? Kerja dibuat juak-juak parewa politik." Haji Marzuki menyindir. "Kasihan pasukan keselamatan. Malam begini, juak-juak parewa politik berpesta di hotel. Polis dan askar bertungkus-lumus. Di dalam hujan pulak tu!"

"Pak Kiyai tuduh saya?"

"Apa hasilnya bagi saya menuduh? Andai tuduhan itu palsu saya berdosa."

"Pak Kiyai kata kerja juak-juak parewa politik."

"Orang saling ejek? Cerca, sebarkan surat layang, tabur fitnah? Itu bukan kerja juak-juak parewa politik? Umumnya, kami orang Kuala Lumpur tanggung beban."

Syed Omar serius. "Sekurang-kurangnya, bukan saya."

"Orang macam Baim? Dia bekerja ikut arahan orang politik. Baim hamba Ibu Pejabat parti politik."

"Sejauh yang saya tahu, Pak Kiyai, Baim tidak buat kerja ganas begitu."

"Bila agaknya politik berakhir, Tuan Habib?"

Pertanyaan itu mengejutkan Syed Omar. Dia hendak menjawab, tapi diganggu dering telefon. "Sambut, Baim."

Baim pergi lalu cepat kembali, "Orang dari Ampang Hilir. Sebentar lagi naik."

"Duduk di luar dan sambut mereka. Telefon isteri saya di sebelah. Minta Datuk dan Datin datang sama meraikan mereka sementara saya diurut."

"Orang parti sendiri, Tuan Habib?" Haji Marzuki tanya.

"Tamu, Pak Kiyai. Semoga mereka bawa berita baik."

"Tentu penting! Orang tidak keluar rumah sekarang kalau tidak amat perlu."

"Harap begitu. Orang itu patuhi janji, seperti Pak Kiyai."

"Tuan Habib perlukan yang baik. Siapa tahu, kalah?"

Syed Omar terkejut. "Pak Kiyai tahu kami akan kalah?"

"Bukan saya yang tahu. Saya cuma dengar cerita orang."

"Siapa cerita? Apa katanya? Dengar di mana?"

"Orang sini. Di Masjid, sewaktu Zohor. Di surau, sewaktu Asar dan Maghrib. Kata mereka ayam sabungan Tuan Habib akan parah. Bagi kerusi presiden parti, Team A cuma dapat dua puluh tujuh kawasan. Team B dapat seratus dua puluh. Bagi kerusi Timbalan presiden, Team A hanya dapat dua puluh dua. Team B seratus dua puluh lima kawasan."

Cerita Haji Marzuki sejalur dengan laporan Syed Mokhtar. Itu kian mengganggu fikiran Syed Omar. "Baim bercerita bagaimana pula?"

"Lebih baik ditanya lepu." Haji Marzuki gelak. "Budak sebesar panjang begitu pun masih juga segan bercerita hal orang lain."

"Baim tidak ceritakan apa yang dia tahu di Ibu Pejabat parti kami?"

"Lagi, jika hal begitu! Mati pun dia tak akan buat. Itu periuk nasinya."

"Bagaimana Pak Kiyai tahu Baim bersikap begitu?"

"Baim itu zuriat Bawean jati. Kami, seburuk semiskin begini pun, tidak akan rela bikin bencana kepada majikan. Tak usahakan kerana diri majikannya, kerana harta majikan pun, kami rela mati."

"Sampai sekarang begitu?"

"Selagi dia sedar diri, wajib setia dan jujur."

"Pemandu ayah saya orang Bawean Pak Kiyai. Kalau dahulu di Singapura begitu. Sekarang di Malaysia, saya tidak tahu." Syed Omar mengeluh, lalu membaca Fatihah. "Oh, Lek Fii!" Dia terkenang pemandu ayahnya. Sebelum dia lari dari rumah, Haji Syafii memberi wang dan surat. Surat itu dia bawa ke Pulau Pinang. Di sana dia diterima dan menumpang tiga bulan pada Lek Didi, Haji Mursidi, pemandu pengurus P&O. Dia mengeluh dan membaca Fatihah lagi. "Oh, Lek Didi!"

"Fii dan Didi itu, siapa?" Haji Marzuki bertanya setelah lama terpegun. Dia takjub mendengar Syed Omar membaca Fatihah dan terkesan pada dua nama itu, diseru *Lek*. Sebutan begitu lazim di kalangan orang Bawean dan orang Madura.

"Orang berbudi luhur Pak Kiyai. Berjasa tidak menutut balasan. Lek Fii itulah pemandu ayahku, Bawean Teluk Dalam. Lek Didi besannya – orang Bawean Pekalongan. Dia selamatkan saya daripada mati kelaparan di Pulau Pinang pada tahun 1943. Mereka Bawean zaman lampau."

"Tidak percaya lagi kepada Bawean zaman sekarang?" Haji Marzuki bertanya. Nadanya jelas tersinggung perasaan.

"Saya tak kata, saya ragu. Cuma tidak tahu."

Baim masuk, berkata perlahan, "Sudah datang."

"Berapa orang?" Syed Omar bertanya.

"Empat. Lelaki semua. Satu Melayu tua. Dua Melayu, sebaya umur. Satu Jepun, sebaya umur juga."

Syed Omar terpegun "Kenapa ada Jepun?"

Jepun itu yang membawa mereka. Dia perkenalkan diri.

"Pelik!" Haji Marzuki takjub. "Melayu terkurung di negerinya sendiri. Dibawa Jepun menembus kurungan."

"Katakan, Baim! Tunggu sekejap. Saya masih dirawat."

"Mereka sudah tahu."

"Bagus. Raikanlah mereka. Minta room service. Suruh isteri saya dan Datin Zabedah bersama Datuk Zahid datang."

"Sudah dipanggil," Baim berbisik. "Giro pandai bercakap Melayu."

"Itu dia!" Haji Marzuki ketawa. "Jepun pandai berbahasa Melayu. Melayu dan menterinya masih ramai utamakan dan galakkkan rakyat berbahasa Inggeris."

"Dunia, Pak Kiyai. Isinya macam-macam."

"Satu orang berapa mata tombak hatinya pada budaya bangsa, Tuan Habib?"

"Bagaimana akan saya jawab, Pak Kiyai? Andai ditanya, lelaki Melayu boleh berbini berapa? Mudah saya jawab."

Senyum Baim lebar. Dia keluar. Haji Marzuki berungut. Syed Omar tidak mahu lagi disindir tajam orang tua itu. Bual mereka mati sehingga selesa rawatan itu. Syed Omar melihat jam di tangannya – pukul sebelas empat puluh sembilan malam – waktu Haji Marzuki memberi tongkat ketiak kepadanya. Dia mendengar Hasnah berbual dengan Imam Sadali.

"Ini rahmat yang Tuhan kurniakan kepada kami. Alangkah baiknya jika selama ini kakak ipar saya datang mencari kami. Betapalah gembiranya emak dan ayah jika isteri dan anak abang saya itu datang sebelum kedua-dua ibu bapa kami meninggal."

Lapang hati Syed Omar mendengar kata-kata itu. Hasnah tidak histeria seperti tadi. Dia tersengih bersalam dengan mereka bergilir; Imam Sadali, Suhaili, Aziz dan Giro.

"Sudah mandi?" Hasnah tanya suaminya.

"Tak payah! Pak Kiyai sudah lap air panas." Syed Omar tersenyum. Selain Imam Sadali, dia sudah kenal Aziz dan Suhaili. Giro belum, walaupun Giro dan Naomi yang menyambutnya dan Salmah semasa majlis perkahwinan anak-anak Basirun.

"Kami bergegabang dengan Pak Imam Sadali ini, tentang hal anak dan balu Bang Embi." Muka Hasnah berseri gembira. "Bagaimana? Saya fikir, kita makan sambil berbual."

Haji Marzuki berdiri. "Baik benarlah begitu. Sudah tengah malam. Saya dan Baim mahu pulang."

Baim menghubungi *radiocar* yang menumpangkan mereka tadi.

"Pak Kiyai! Sudilah bersama kami." Hasnah menggesa.

Haji Marzuki salami mereka dan tersenyum lebar kepada Giro. "Orang pondok juga berhajat. Mereka tunggu saya. Setiap malam Jumaat ada saja yang buat kenduri."

"Rantang itu semua, tinggallah." Baim meniru cara Haji Marzuki bersalam. Dia cuma sentuh hujung jari, dan tarik segera. "Kami pulang. *Radiocar* sudah sampai."

Hasnah dan Zabedah menghidang. Nasi banyak, satu rantang empat tingkat. Rantang kedua; kepala kurau, dimasak asam pedas dua tingkat dan bubur kacang dua tingkat. Rantang ketiga; penuh opor kambing empat tingkat. Rantang keempat; berisi rendang dan ayam goreng.

Di antara empat tamu itu, Giro paling berselera kepada opor kambing. "Saya rindu Gersik, Pak! Ini resepi Madura." Giro berbisik dalam bahasa Jepun kepada Imam Sadali.

Sementara makan, Zahid bertanya, "Bagaimana rasanya lutut itu?"

"Semoga masih boleh dipakai. Jika Kiyai Juki selesaikan tiga malam dan tiga pagi, mungkin *wheel chair* itu saya tidak perlukan lagi. Tapi mesti gunakan tongkat."

Hati Hasnah lega mendengar itu. "Nantilah, saya belikan kerusi begitu di Alor Setar. Dengar sini Bang Syed. Pak Imam ini, sebelum meninggalkan Tanah Jawa dan kembali ke Sabah pada akhir tahun lima puluhan, beliau ke rumah semenda Bang Embi di Magelang menemani balu dan anak abang. Siapa nama mereka, Pak Imam?"

"Balu Lestenan Embi itu Sumartini. Dulu, dipanggil Raden Ayu Sumartini. Tapi dia buang gelaran bangsawan itu. Dia gunakan Sumartini atau Tini saja. Anak Embi, Sofian namanya. Saya yang bawa masuk ke Pesantren Sunan Giri di Gersik sewaktu dia mulai naik ke pelajaran menengah."

"Kenapa buang gelaran?" Zubaedah bertanya.

"Harganya cinta mesti dibayar." Imam Sadali tersenyum. "Ketika mereka kahwin Lestenan Embi, dia ditolak semenda. Antara keluarga dan suami, Tini pilih suami."

"Kasihan." Zahid mengeluh.

"Sofian jadi Dekan Fakulti Usuluddin," kata Syed Omar. Dia menoleh Imam Sadali. "Kata Tan Sri Jeneral Basirun tadi, Kak Tini memiliki toko batik di Yogyakarta."

"Saya tak perduli anak saudaraku dekan atau apa. Saya tak hirau kakak iparku saudagar batik atau apa. Yang saya inginkan anak dan balu abangku hidup bersama kami." Hasnah riang bercampur hiba. "Pusaka abangku, ada. Mereka tak akan mlarat di Kedah." Hasnah rabun air mata kepada Imam Sadali. "Bila agaknya mereka datang ke mari, Pak Imam?"

"Saya tunggu Basirun pulang. Saya mahu bantu selesaikan hal ini. Jika Tini dan Pian datang nanti, saya akan ikut ke Kedah. Setelah itu, terbang ke Jakarta, ziarah makam Embi Haji Zain di Kalibata." Imam Sadali tidak dapat menahan air matanya.

"Hal ke Jakarta itu, sabar dulu," kata Syed Omar. "Bolehkah Pak Imam, Sofian dan Kak Tini tiba ke Kedah sebelum hari Jumaat depan? Saya harap sungguh semoga mereka dapat hadiri majlis pertunangan Zura."

"Bang Syed." Hasnah letak sudu-garfu dan rangkuh suaminya. "Pergi ke Jawa. Bawakan kepada saya kakak iparku dan anak abangku!"

"Tidak perlu ke sana. Malam ini di rumah, saya hubungi Pak Jeneral supaya beliau urus kedatangan mereka," kata Aziz.

"Andai mereka datang bersama Basirun siang Isnin, saya jangka petang Rabu, saya boleh bawa Pian dan emaknya ke Alor Setar." Imam Sadali meyakinkan mereka.

"Semoga Allah kabulkan." Hasnah menadah tangan. "Bertuah sungguh saya Pak Imam." Di dalam hatinya, dia berbisik, 'Biar orang Singapura tahu. Zura tidak sebatang kara di dunia.' Tapi yang keluar daripada mulutnya lain. "Anakku cuma seorang. Sekarang ada sepupunya. Ada emak saudaranya."

Sebagai wanita ibu dan kepada beberapa orang anak perempuan, Zabedah sedari betapa pedihnya kalimat itu. Dia faham Hasnah tidak diterima keluarga Syed Omar di Singapura kerana dia bukan syarifah dan anak orang kampung. Oleh sebab itu jugalah, Zura ditolak. Tidak pernah ditinjau untuk dijadikan calon menantu. Zabedah mengambil tisu, mengesat pipi bakal besannya, dan berkata perlahan kepada Zahid.

"Setelah selesai kerja kita, bolehkah uruskan penerbangan ke Jawa? Kita ikut. Mesti bawa Kadir menziarahi makam Leftenan Embi."

Hasnah menahan sedu hiba kepada iparnya dan esak murung kepada abangnya. "Andai Zura dan Kadir ada di sini." Suaranya parau terganggu lendir kerongkong. Dia sertai Zabedah berkemas baki dan bekas makanan itu. "Saya hendak terangkan kepada mereka; jangan dihirau penghinaan orang. Kalian tikak sebatang kara."

Giro sudah faham daripada Zarina tentang persoalan kekeluargaan Zura. Dia amat simpati dan terharu. Sekarang dia tercengang. "Saya merasa tikaman kata-kata ibu. Saya dan kakak saya di Jepun diterima tapi, tidak dihargai keluarga ayah. Kami lahir di Sabah, daripada wanita Sabah."

"Hal ini persoalan lain, Giro-chan." Imam Sadali berbahasa Jepun kepadanya. Dia pun sudah tahu hal mereka daripada cerita Zaitun petang tadi di rumah. Oleh sebab itu dia hendak elak kemungkinan telingkah di antara Syed Omar dengan isterinya.

Syed Omar merah mukanya menahan perasaan akibat kias sindir daripada Hasnah.

Zahid arif tentang itu. Dia tepuk bahu sahabatnya dan berkata, "Nanti panggil Pak Kiyai Juki ke Kedah supaya dia rawat lutut itu. Ente tinggal! Sambil perhatikan kerja kita. Ana bawa mereka ke Jawa."

Syed Omar memeluk sahabat lama yang akan menjadi besannya.

## JUMAAT

Pukul 12.15

PADA tengah malam tanggal 26 Oktober, Pulau Pinang bermandikan cahaya, disiram suar bulan sepuluh Safar. Langit cerah, bebas daripada cengkaman mega mendung. Angin barat laut bertiup semilir, lembut, sepoi manja. Suasana itu meriangkan hati Salmah. Berbeza dengan malam tadi, dia muram, ketakutan ditiduri lelaki lain, serba ragu tentang Ah Hoe yang tidak tiba. Malam ini, alam pemurah. Salmah dirangsang berahi dan kesepian. Dia terlalu ingin merasa seperti dua malam dulu, bersama Ah Hoe di Jalan Burma.

Berita tentang Kuala Lumpur di kaca TV dan di dalam radio tidak menghairankannya. Kuala Lumpur yang dirundung mendung tengkujuh hujan dan ribut – tak berkesan kepada Salmah. Banjir dan tumbanglah pohon kayu di Kuala Lumpur. Rumahnya di bukit. Huru-hara dan terbakarlah Kuala Lumpur. Banglonya di kawasan aman di Jalan Setia Murai, Bukit Damansara. Di situ tenteram dan mesti diamankan. Penghuninya serba *super-elit*.

Salmah maklum bahawa segala malapetaka yang menimpa Kuala Lumpur ditanggang oleh golongan miskin. Semua jenis huru-hara dan ketakutan dirasai oleh kaum Cina miskin, Melayu melarat dan India papa. Bukan golongan dan kawan-kawan Salmah.

"Ini dia. Pucuk dicita ulam mendatang." Salmah teringat Ah Hoe yang meniru bidalan Melayu – semasa berfikir bagaimana caranya agar *check point* di perbatasan Kedah-Perlis lemah. "Orang Melayu sudah menderu ke Kuala Lumpur."

"Kenapa berkata begitu?" Salmah tanya ketika makan berdua di dalam bilik.

"Biarkan Melayu bunuh Melayu dan Kuala Lumpur huru-hara! Biar ada hotel yang sudah hampir jadi milik Melayu musnah terbakar. Semuanya itu akan perlukan pasukan keselamatan dari wilayah lain dibawa masuk ke Kuala Lumpur."

Salmah tercengang. "*Uncle* buat?"

Ah Hoe ketawa. "Bukan saya bodoh. Suruh orang. Saya mahu hasilnya saja."

"Supaya *check point* itu kosong?"

"Itu satu hal. Lain-lain ada lagi." Ah Hoe elus dagu Salmah.

"Apa yang lain itu?" Salmah letak sepit dan tekan jari Ah Hoe di dagunya.

"Saham pasti jatuh. Orang saya akan kebas! Seluruh bangunan yang terbakar atau rosak akan dibungkunkan atau dibaiki kembali. Orang saya dapat kontrak. Ramai Melayu mati dibunuh Melayu. Penguburan mereka perlukan kain kafan, papan keranda dan batu nisan. Daging, ayam, telur, ikan, minyak, beras diperlukan untuk kenduri arwah. Jualan orang saya laris. Chanida tidak fikir itu? Jika mahu untung, mesti rancang dan buat."

Salmah termenung.

"Chanida belum tahu? Ayahmu tidak ajarkah?" Ah Hoe merenung Salmah. "Dia orang fikir surat layang itu lawan kedua-dua belah pihak yang bikin."

"Tabiat bersurat layang sudah ada sejak beberapa tahun dulu," kata Salmah.

"Surat layang sekarang terbaik. Lebih tajam dan panas. Empat bahasa."

"Itu pun Uncle Hoe juga bikin?"

"Saya bukan gila." Ah Hoe ketawa. Tangannya menghulur mangkuk untuk Salmah isi arak ciu. Setelah diteguk habis, dia berkata, "Suruh dua orang ke Johor. Dua orang ke Melaka. Dua ke Pahang. Dua ke Kelantan. Dua ke Kedah. Dua ke Perak. Dua lagi, ke Selangor. Itu memadai. Di situ banyak orang pandai bikin surat. Beri banyak wang. Kasi tahu isinya yang kita mahu. Dia orang bikin. Tahu, bagaimana itu merebak?"

Salmah geleng kepala. "Kenapa Uncle Hoe buat begitu?"

Ah Hoe bertanya kembali, "Kenapa Chanida mahu buat kerja begini?"

Berita Kuala Lumpur dan kata-kata Ah Hoe itu tidak menyedihkan Salmah.

"Esok malam, ada Asam bawa pakaian, akan temani Chanida cari barang."

"Buat apa? Bukankah saya disuruh bersembunyi?"

Roman muka dan perawakan Ah Hoe terbayang di dalam khayal Salmah. Ketika selesai makan, mereka di sofa. Ah Hoe meraih pinggang Salmah, dan berbisik, "Pertama, ke dispensari beli pil malaria dan set *first aid*."

"Untuk apa?" Salmah mulai ragu.

"Jangan tanya dulu!" Ah Hoe bersungut. "Kedua, ke kompleks membelah. Mesti beli troli seperti yang digunakan untuk bawa *overnight bag*. Ketiga; beli dua *screwdriver*. Itu bawa ke tukang kunci. Suruh dia bikin tajam, satu. Satu lagi, biarkan begitu saja."

"Untuk apa pil begitu?" Salmah tanya.

"Kita akan pergi ke tempat nyamuk malaria. Kita pun perlukan *first aid*, untuk digunakan jika ada orang kita luka."

"Troli itu, mahu dibikin apa? Bukankah dari sini, naik kereta saja ke Perlis?"

"Sama keperluannya dengan *screwdriver* yang tidak ditajamkan itu. Kita akan buka *screw* troli itu. Batangnya berlubang. Untuk sembunyikan berlian suamimu."

"Kenapa satu *screwdriver* ditajamkan?"

"Itu, jadi senjatamu."

Salmah tersenyum. Dia puji akal panjang Ah Hoe. Masa itu dia dirangsang nafsu kerana dipeluk lelaki. Mereka bersanggama dua kali.

"Tidak baik ada dua buaya di dalam satu lubuk." Ah Hoe berkias dan tersenyum puas setelah menikmati kembali barang Salmah yang masih segar. "Kita tidak mahu pawang dapat tangkap dua buaya sekali gus."

"Esok? Bagaimana?" Salmah mendesak. Ketagihnya belum hilang. Semenjak tinggalkan Singapura, baru malam itu Ah Hoe melayan dia di katil.

Cara Ah Hoe pandang Salmah lain dari tadi. "Iku apa Asam suruh."

Ah Hoe meninggalkannya, menjelang tengah malam. Esoknya, hampir pukul sepuluh barulah Asam tiba bawa *cheongsam* sutera biru laut berbunga broked kuning muda dan merah tua. Salmah didandan begitu lama. Dia tayang diri di cermin.

"Saya bukan sundal murah, dihiasi cara begini!" Salmah merungut.

"Memang bukan *cabo* lorong belakang. Tapi kau mesti bergaya pelacur. Saya bawa kau. Cara beginu orang sangka kau pelacur yang diiringi Asam. Orang tak ganggu."

"Apa yang mesti saya buat?"

"Jangan cakap Melayu atau Siam. Makao, boleh! Iku apa saya suruh."

Asam rumah itu membuka pintu belakang. Mereka naik beca di hadapan sebuah rumah beberapa pintu dari situ.

Dalam perjalanan balik, Salmah tidak dipulangkan ke rumah di Jalan Burma. Dia dibawa ke sebuah banglo di Jalan Farquhar untuk ditiduri selama dua jam oleh lelaki lain. Selepas itu barulah dia dibawa lagi ke ke banglo lain di pinggir Bayan Lepas.

"Kenapa buat saya begini?" Salmah bertanya bila tiba ke dalam bilik itu.

"Banyak tanya, mati! Tidak tanya, hidup. Nanti Asam lain ambil."

HATINYA risau disekat darurat. Kalbunya merintih kerana akan terpisah daripada Zura. Itu sebabnya Kadir tidak dapat tumpukan perhatian kepada pelajarannya malam tadi. Gundah dirundung bayangan rindu menyebabkan dia terlambat tidur. Dia terjaga bila azan Subuh kedengaran dari menara masjid pada pukul lima tiga puluh lapan.

Dalam perjalanan kembali dari masjid pada pukul enam empat puluh, cuaca dan udara Subuh dibungkus kabus, menyebabkan hatinya buntu. Dia berhenti di puncak tanjakan bukit dan duduk di tembok aras punggung di selekoh parit tebing barat Komsis D. Dingin tembok dan air bekas hujan malam tadi menembus ke kulit punggungnya.

Kadir mencongak hari; petang nanti sehingga Jumaat minggu depan, dia akan terpisah daripada Zura. Dia bayangkan derita merindukan Zura. Penantian yang menyeksa. Setiap bilangan hari bagi memanjat cangkat curam membawa beban menekan ke hati.

'Berapa jam lagi?' bisiknya dalam di hati. Dia akan bawa Zura ke Hilton sebelum pukul empat petang. Dia sendiri pulang ke kampus sebelum perintah berkurung sebelah malam.

'Akan bertemu lagi dengan Habib Omar?' Suara hati itu menekan perasaannya. 'Akan berjumpa dengan ayah?' Kalau boleh, dia hendak menjauh daripada mereka sebelum hatinya pecah. Sejak siang hari semalam dia membolak-balik fikirannya terhadap sikap dan hajat Syed Omar hendak melibatkannya di dalam politik. Fikirannya bersimpang siur. Dia bangga akan mewarisi tugas orang tuanya. Pada sisi yang lain, dia jijik kerana sedar bahawa yang mereka namakan politik itu tak lebih sebuah topeng untuk mengekalkan kuasa dan menggunakannya untuk diri sendiri. Pada segi lain dia belum jelas. Dia hendak masuki parti. Hendak susun tenaga muda supaya dapat meletakkan harkat politik pada takhta perjuangan yang mulia. Dia ingin berbakti kepada negara. Tetapi cabang terakhir masih terlalu kabur, mengandung keraguan kerana dia sudah lihat dua generasi dari era pejuang asli, termasuk generasi yang berkuasa sekarang yang didukung oleh generasi ketiga yang sebaya dia sendiri, sudah takluk, tunduk tak berketik di bawah pimpinan yang seangkatan dengan ayahnya dan bakal mertuanya.

Ribuan bayangan wajah baru di dalam politik, termasuk ahli partinya ayahnya, dilihatnya tidak lebih daripada kawanan itik ternakan Syed Omar

di Kedah, berbondong ke dalam sawah, patuh pada arahan kanak-kanak atau seorang tua renta yang membawa galah untuk menggiring dan menakut-nakuti mereka.

"Akan masukkah saya ke dalam parti politik yang penyokongnya memuja surat layang?" Pertanyaan itu dibantah suara hati. Hati Kadir mengkal bila memikirkan harkat kesedaran politik bangsanya. Dia muak dengan ucapan pemimpin di hadapan nelayan dan petani yang dikurniai subsidi kerana tidak pernah mengaku terus-terang bahawa bantuan itu untuk mengikat tangan petani dan melemahkan kaki nelayan sehingga mereka tidak mampu berdiri sendiri sebagai petani dan nelayan.

Kadir sudah sedar dan itulah yang selalu dia jelaskan kepada teman-temannya bahawa subsidi, tidak melebihi umpan politik. Makanlah. Kerongkong kau dikait kail. Menggeliatlah! Engkau semakin parah. Dengan itu, lumpuh daya saing.

"Kenapa tiada subsidi kepada kaum buruh kasar?" Pertanyaan itu timbul di dalam kepala Kadir. Kenapa parti ayahnya tidak berteriak membela buruh kasar di bandar yang gajinya antara lima ke lapan ringgit sehari. Mereka memakan nasi bungkus termurah yang harganya dua ringgit lima puluh sen? Kadir tertawa sinis seorang diri.

Kadir belum meluahkan lahar berapi daripada dadanya perihal nisbah purata bebanan setiap rakyat akibat hutang negara. Dia belum menemui data terkini. Kadir sekadar faham daripada jurnal ekonomi bahawa tahun ini (1985) pendapatan purata di negaranya adalah antara yang tertinggi di Asia. Tapi Kadir pun lihat tahap papa-kedana bangsanya di kampung yang tidak memiliki apa-apa kecuali mimpi kosong daripada janji bohong itu adalah tiada taranya di rantau Asia.

Dia bangkit, berjalan ke kereta sport kesayangannya untuk membersihkan daripada daun gugur dan siram air untuk membuang embun, pemakan cat.

"Tunggu saya di situ." Zura bersuara.

Kadir mendongak. Dia terpegun melihat Zura serba putih di jendela.

Zura melambai, lalu berlari turun tangga. Dia masih dalam telekung.

"Kehabisan pakaian?" Kadir mengejek. "Atau tunjuk warak?" Mukanya masam.

"Tergesa! Nak beritahu, tak mahu ke makmal. Tak ada hati nak belajar hari ini!"

Kadir geleng kepala. "Kalau tidak mahu belajar di makmal, ambil jurusan lain. Belajar susun bunga, berceloteh dan solek diri. Tiru cara para cik puhan Ibu Kota."

"Untuk apa?" Zura tercengang dan merasa tersinggung.

"Sebagai bakal isteri Perdana Menteri!" Kadir meninggalkan-nya, tanpa menoleh.

WILAYAH Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya dilonggarkan perintah berkurung, mulai pukul enam tiga puluh pagi. Tapi kawalan pasukan keselamatan masih ketat di semua penjuru. Orang teragak-agak hendak keluar rumah kecuali pergi bekerja. Itu pun ramai yang enggan. Sekolah dibuka, tetapi ibu bapa menahan anak mereka di rumah.

Apabila cuaca mulai panas, bersimpang-siur pula khabar angin yang kian hangat bahawa orang kampung dari kalangan pemotong getah, pekebun kelapa sawit dan petani yang sawahnya tak dapat air atau yang sawahnya diserang tikus, sengaja didatangkan orang politik berasal dari kampung yang berkuasa di Kuala Lumpur, agar tinggal di kawasan setinggan baru dan lama di dalam dan sekitar bandar. Mereka akan menetap di Kuala Lumpur dan akan mengambil alih kerja buruh kasar serta menguasai jualan sayur, ikan, daging dan buah di dalam pasar dan di sekitar kawasan perumahan baru. Selebihnya, yang masih pejal otot lengannya akan menggantikan buruh asing di semua projek pembinaan.

Berita daripada Sidang Agung menyebarkan ucapan pemimpin yang cukup bernes untuk makmurkan negara bagi kebaikan rakyat dan perpaduan. Semuanya itu jelas dalam semua surat khabar. Tetapi seperti lazimnya, orang Kuala Lumpur jemu dengan berita begitu. Mereka muak dengan ucapan politik. Hati mereka dipatahkan berita putar politik dan politik putar wartawan yang pandai membelit.

Para penjaja di pinggir jalan sudah lengkap isi gerai sorong masing-masing, tapi mata mereka kuyu merenung jalan raya yang hampir kosong. Kaki lima lengang, pintu kedai tertutup dan yang dibuka sangat sedikit. Penjaja itu mencangkung berkelompok di kawasan empat atau lima orang yang sedang membaca surat khabar di belakang salah sebuah gerai tolak mereka. Semua ingin melihat berita peristiwa yang mereka saksikan tengah hari tadi dan petang semalam. Tapi mereka kecewa! Berita begitu, tiada. Berita tentang mayat di Jalan Haji Hussein, mayat di Lorong Raja Bot, lengan putus di Jalan Raja Alang, telinga terpelanting di Jalan Raja Muda, darah melembak di Jalan Chow Kiat, orang mati yang tidak atau belum diketahui pembunuohnya tidak menarik perhatian para editor atau dilarang disiarkan oleh pihak yang melantik editor.

"Berita daripada mereka hebat." Kata seorang. "Lihat, wartawan dipukul perwakilan semalam? Beritanya lebih hebat daripada berita kecaman perwakilan di dalam sidang."

"Saya dengar." Si tembakai ketawa. "Orang-orang anjing Bandaraya dicurigai curang kerana gagal menangkap anjing. Mereka dituduh menerima sogokan daripada tuan anjing. Semua akan dipecat. Orang yang didatangkan dari kampung akan ambil alih tugas menangkap anjing dan tuan anjing salah."

"Ada harapan kawan kita." Si duku tergelak.

"Harapan apa? Siapa?" Tiga mulut serentak bertanya.

"Robert Tainggolan dan William Dompubolong."

"Keparat!" Si salak menyumpah. "Peluang apa lagi bagi mereka? Kau tak lihat gerai jam palsu Robert dan gerai *jeans* palsu William dirampas Polis Bandaraya siang semalam, ketika mulai meletusnya huru-hara? Semua barang mereka direbut orang kampung."

"Dia orang tidak perlu lagi gerai begitu." Si duku ketawa terkikik.

"Gerai mereka punah. Barangnya lupus timpas. Macam mana nak hidup?"

"Dengar sini." Penjual tembakai meningkah. "Apabila orang dari kampung jadi ahli pasukan pemburu anjing Bandaraya, akan banyak anjing kena tangkap. Biasanya, barang rampasan atau tangkapan kerajaan tak akan simpan lama. Barang itu dilelong."

"Siapa mahu lelong anjing?" Si salak meradang.

"Boleh buat sate. Kalau bikin *barbecue*, pasti laris." Si duku terkikik.

"Siapa nak buat? Siapa nak beli? Siapa nak makan?" Si kedondong tersengih.

"Dengar baik-baik dan jawab! Di Kuala Lumpur dan sekitarnya, sudah berapa ramai Menado dan Karo lelaki dan perempuan? Kamu orang ingat Robert Tainggolan, William Dompubolong, James Pandelaki, si penternak modal gerai itu akan melepaskan peluang bergolek demikian? Sebahagian besar suku kaum mereka masih patuhi tradisi hidangan anjing di dalam pesta. Tak sedar? Mereka penggemar pesta. Mereka pun sudah gian *barbecue* anjing."

"Mereka beli anjing murah untuk sate dan *barbecue*?" Si salak hairan.

Si kedondong tersengih. "Itu pelanggan saya sudah sampai." Dia bangkit. "Sejak tadi saya tunggu. Saya lihat tadi mereka masuk ke klinik Sakit Puan, di Jalan Gampang!" Dia songsong sepasang suami isteri muda turun dari kereta.

Kedondongnya laku dua kampit plastik. Dia tersenyum girang.

"Berapa biji dia orang beli?" Si duku mengendeng.

"Seratus saja." Sahutnya selamba.

"Kau jual berapa?"

"Murah! Jual borong. Cuma lima puluh ringgit."

"Mak tuan!" Si rambutan gading berseru. "Lima puluh sen sebiji?"

"Peluang saya!"

"Engkau cekik darah orang. Gerai sebelah sana kelmarin dulu menjual lima sen sebiji."

"Ada empat bezanya. Satu, pemilik gerai di sebelah sana itu orang lain, bukan aku! Kedua, pelanggan aku itu hamil dan suaminya pemurah. Pelanggannya, barangkali mandul atau masih kosong dan suaminya kedekut. Ketiga, kelmarin dulu aman, nyawa masih mahal. Hari ini, kacau bilau, nyawa terlalu murah. Keempat, kedondongnya kecil dan sudah layu. Aku punya besar dan segar semua."

Mulut si tembikai, si duku, si salak, si rambutan gading ter-nganga.

"Ingin baik-baik. Tok Lebai di surau ajari kita supaya rukun dan kafiat sembahyang. Sutan Bagindo ajari saya kita dagang di tepi jalan. Ajaran beliau supaya saya memahami tabiat manusia, tahu kegemaran orang tertentu dan melayani pelanggan." Dia tersenyum. "Apalah ertinya lima puluh ringgit berbanding hiba kasihan kepada isteri yang menderita beban kandungan begitu, ditambah pula dengan harapannya akan mendapat anak sulung? Itu pun mujur, perintah berkurstan telah dilonggarkan. Betapa syukurnya suami itu, isterinya mendapat rawatan dan mendapat kedondong bagi memenuhi gian mengidam!"

Si duku memujuk. "Kamu sudah dapat rezki. Pergilah beli roti canai."

"Tambah teh tarik lima tin susu." Si salak merayu. "Tahan ke tengah hari."

"Mahu nasi percuma?" Si kedondong bertanya.

"Siapa tak mahu?" Empat suara keluar serentak.

"Pergi ke pintu luar Dewan Mahajaya. Sidang Agung sediakan nasi bungkus."

"Tak akan mereka beri muka-muka orang berpakaian macam kita ini."

"Mahu muka yang macam mana lagi? Mahu pakaian bagaimana pula? Mereka tidak nilai mukamu dan tidak tilik pakaianmu. Pergilah! Bilang, kau wakil rombongan Kumpulan Kampung Berembang 70."

"Kita dari Kampung Berembang, tetapi bukan ahli parti. Tak usahakan terlibat dalam *Team A* atau *Team B* mereka." Si tembikai menasihati.

"Kalau mahu nasi bungkus percuma, pergilah! Jika mahu kebulur, ikutlah tolol dan tinggi hati sendiri. Kumpulan, kataku! Bukan ahli parti. Mereka bergantung pada kumpulan. Mereka curigai orang parti mereka sendiri. Begitu sekarang! Faham?"

"Ya tak iyalah!" Si duku akur. "Kau pergi." Dia gera penjual rambutan gading. "Geraimu, kami jaga. Bilang, kamu Ketua Kumpulan Berembang 70."

Pemilik gerai rambutan gading itu berlalu. Penjual kedondong mengeluarkan wang kertas sepuluh ringgit, berlagak dan bersuara memerintah Si duku:

"Beli roti canai sepuluh untuk kita berlima! Bungkusun dalcanya, lima! Minta tambah sedikit. Teh tarik lima. Kau pilihlah tin susu yang masih banyak susunya pada buntut tin itu. Lebihnya empat ringgit, beli rokok *Lucky Strike* dua bungkus."

"Empat sajalah! Biar dapat rokok lebih." Si duku bertingkah tamak.

"Si rambutan gading itu, engkau nak biarkan?" Si kedondong menyergah.

"Dia dapat nasi bungkus di sana. Tentu dia tenyeh dulu. Jika ada lebih, baru dibawakan untuk kita." Si duku berkeras.

"Akal engkau busuk." Si kedondong naik angin. "Aku kata lima, limalah!"

Si duku mengalah dan pergi.

Si salak ketawa. "Dengar dia itu? Belum apa-apa, Si duku sudah mahu biarkan kawan. Bagaimanalah kalau dia jadi pemimpin?"

"Dia sudah jadi pemimpin kita." Si tembikai tersengih. "Kau sendiri yang hendak sangat dia jadi Setiausaha Persatuan Penjaja Cawangan Berembang 70."

"Pandai kecek," Si kedondong tergelak. "Lihat? Bagaimana Si duku kelentong pembeli? Terang-terang, jualannya langsat Pelembang. Tapi saksikan sendiri, setiap hari ramai yang dia tipu. Bertegang urat leher, katanya, itu dukong Terengganu! Orang KL ini ramai yang masih bahlol tentang buah dan biji yang dibawa dari kampung."

"Memang si duku ada bakat penipu," Si salak terbahak-bahak. "Saya lihat, dia mainkan Polis Bandaraya. 'Ini bukan dukong Terengganu!' kata polis itu. Si duku cepat turunkan pelakat dukong Terengganu. Dia gantung pelakat langsat Pelembang. Tersengih dan berkata 'tadi jual buah Terengganu, Datuk. Dukong kacukan. Saya lupa turunkan pelakat itu.' Main tu! Berapa besar punya temberang."

Mereka sendawa dan tersandar. Plastik dan tin kosong bekas mereka makan bersepaht.

"Pergi tengok si rambutan gading," kata si kedondong. "Kalau dia tidak cepat merebut, kita kecewa menunggu."

Si duku menadah tangan. "Beri dua tiga ringgit. Mandur nasi Dewan Mahajaya itu pun mungkin mahu juga ditumbuk rusuknya."

Si kedondong menghulur. Si duku menyeberangi Jalan Tuanku Abdul Rahman. Dia mengambil laluan pintas di Lorong Haji Taib ke Jalan Putera.

SYED Omar keluar dari pintu besar, tersenyum riang kerana ucapannya disambut baik. Dia juga telah mengundi dan yakin kepada kerjanya. Besi putih antikarat tongkat pada ketiaknya serasi dengan baju Melayu dan sampingnya. Dia berjalan amat cermat ke porch. Di sana, dia perhatikan berpuluh orang pekerja parti membahagi-bahagikan nasi bungkus.

"Saya wakil Kumpulan Kampung Berembang 70. Orang saya tak boleh datang kerana terlalu sibuk kendalikan penyokong Team A yang datang dari kampung." Si rambutan gading maju ke depan, dan mempamirkan kad pengenalan.

"Ini dari Selama, Perak. Mana bukti alamat di K.L.?" Mandur nasi menyaoal.

Si rambutan gading unjuk kad *endorse*, lalu mengisi borang.

"Alamat ini sah. Kau muah tujuh puluh saja? Mana wakil orang kampung yang kau kendalikan?"

"Orang dari Selama dua ratus tiga puluh dalam tangan kami di Berembang 70." Si duku menyahut dan maju ke hadapan, unjuk kad *endorsenya* dan segera mengisi borang.

Mandur nasi menerima borang. "Beri mereka tiga ratus bungkus." Perintahnya lantang. Si duku dan si rambutan gading mengheret tiga keranjang besar yang tepu dengan nasi bungkus.

"Macam mana awak nak angkut dari sini?" Mandur tadi belas kepada mereka. "Berembang, nun di Ampang sana. Jauh!"

"Kami naik teksi." Si duku menyahut termengah. Dia membuka dompet dan hitung wang kertas yang dibersihkan oleh si kedondong, dan termasuk wang syilingnya sendiri. Semuanya empat ringgit tujuh puluh sen. "Tak cukup." Dia bermuka belas kepada orang bertongkat ketiak.

"Mari!" Syed Omar seru. Si rambutan gading serba salah. "Cawangan engkuu kendalikan penyokong Team A dari mana?"

"Salama dan Gerik." Si duku segera menyahut.

"Kau segera pulang. Nasihatku mereka. Diam saja di mana-mana mereka tinggal di KL ini. Nanti susah kalau perintah berkurung dikuatkuasakan semula." Syed Omar membuka dompet dan memberi enam keping wang kertas lima puluh ringgit. "Sewa teksi hanya sepuluh atau dua belas ringgit saja." Dia tersengih kepada si duku. "Bakinya kau belikan susu kotak untuk mereka."

Si duku dan si rambutan meneruskan kerja mereka mengheret tiga keranjang ke jalan raya. "Wang tiga ratus, nasi ini tiga ratus." Si rambutan gading tergelak dalam mengah.

"Baki makan siang dan malam ini dijual. Isinya banyak," kata Si duku. "Saya lihat orang makan tadi, lauknya rendang, ayam goreng, acar, sambal tumis udang dan sayur tak berkuah. Ini laku lima enam ringgit sebungkus."

Di pinggir Jalan Tuanku Abdul Rahman, lima orang penjual buah berpesti nasi bungkus kurnia – melalui bijak kelentong mereka – daripada Dewan Mahajaya. Ketawa mereka berderai.

KALIMAT pertama Syed Omar bila sampai ke pejabat adalah, "Mana Baim?"

"Dia tidak masuk, Yang Berhormat." P.P. Setiausaha Kerja segera menyahut, mukanya muram. "Orang sudah pergi cari di rumahnya, tetapi isterinya pun tidak tahu dia di mana."

"Awak tahu buat kerja Baim?"

P.P. itu geleng kepala.

Syed Omar merasa hampa. Telefon di meja P.A. itu berdering.

"Tuan Habib. Ini Encik Baim mahu cakap."

"Apa halnya, Baim?" Suara Syed Omar gelisah setelah duduk. Dia menyandarkan tongkat ketiaknya di dagu mejanya. "Encik Baim ada di mana sekarang?"

"Sakit!" Suara Baim lemah dan sugul.

"Sakit apa?"

"Entah! Di dalam dada."

"Encik Baim ada di mana?"

"Di rumah sakit."

"Apa kata doktor?"

"Disuruh rehat! Tidak boleh berkerja seminggu. Petang nanti, diperiksa lagi."

"Tapi kerja kita, Baim."

"Saya faham Tuan Habib. Tetapi orang pun mesti tahu sakit di dalam dada saya." Diam sebentar. "Sebentar lagi ada orang akan bawa kunci laci meja saya ke sana. Kunci kabinet ada di dalam laci meja saya. Pak Kiyai Juki akan bawa makanan itu ke hotel malam ini."

"Encik Baim tak boleh datang sendirikah?"

"Buat sementara, tidak perlu. Kunci dua bilik khas itu ada pada Tuan Habib. Kerja di sana sudah selesai sebelum Subuh tadi. Doktor tahan saya dan mungkin dibawa ke gunung untuk keperluan dada saya."

"Rehatlah di gunung Encik Baim." Syed Omar kecewa. Dia menapak perlahan di atas permaidani. Fikirannya buntu, walaupun dia tahu kerjanya berjalan sempurna. Namun masih ada beberapa hal penting yang dia tidak dapat laksanakan tanpa bantuan Baim. Pengalaman terdesak begitu ke atas dirinya terasa sangat memerlukan orang yang mengertinya. Syed Omar yakin hanya Salmah dapat membantunya dalam keadaan begitu; tepok. Dia juga sedari purnama sudah dekat. Nota di dalam beg jinjitnya sudah di hafal maksudnya.

Khayalnya diganggu Syed Mokhtar. "Abang berjumaat di Masjid Negara?"

"Hotel!" Dia mengeluh. "Tak larat ke masjid dalam keadaan saya begini."

"Limo, pemandu dan pengawal abang menunggu. Kami muhi pergi sekarang."

"Bagaimana kerjamu?"

"Terima kasih, Yang Amat Berhormat bangga kepada abang. Dia bisiki saya. Dengan cara itu, kita menang. Tapi dia tidak tahu formula  $2k + 3m = 5u$  itu."

"Hati, lidah, otak, otot, wang, masa depan. Tiada yang menang mutlak melalui permusuhan. Ucapan saya dan ucapan Datuk Zahid diterima demi parti. Itu penting."

"Ramai bertanya, 'kenapa Syed Omar dan Datuk Zahid tidak bertanding untuk kerusi naib presiden parti.' Bagaimanalah saya nak jawab?"

"Cerita lama Tar! Lazimnya daripada orang yang tak mengerti cara dan pendirian kami. Untuk apalah kami bertanding? Kalau kami dicalonkan, kami sudah jadi lawan sebahagian daripada mereka. Jika begitu berlaku, apa hasilnya untuk parti?"

Setelah adiknya pergi, dia membandingkan wibawa Syed Mokhtar dalam parti dan wibawa Salmah dalam niaga. Syed Mokhtar rajin dan setia. Salmah berdedikasi, cermat, tidak bertindak hanya daripada arahan orang lain, tetapi yang penting ialah keputusan akal dan dorongan nalurinya sendiri, disertai intuisi. Dalam realiti begitu, Syed Omar telah saksikan bahawa Salmah selalu berhasil dan Syed Mokhtar berkarat birokrat. Bolehkah Syed Mokhtar melaksanakan tugas di Kayang? Fikiran itu menggejolak di dalam kepalanya.

## Pukul 13.45

MUKA pucat Hasnah, esak tangis Zura dan sikap Zabedah merangkul Zura menjadi suatu *pantomimic*. Itu disertai dengan suara bacaan Fatihah pada rakaat pertama solat Jumaat yang disiarkan secara langsung dari Masjid Negara. Empat unsur itu menerpa mata, dada dan kepala Syed Omar ketika Hasnah membuka pintu di hotel. Matanya mencerlang kepada Hasnah dan Zabedah. Dia terus ke *wheel chair*. Hasnah mengikutinya dan mengemaskan duduknya.

"Apa kenanya Zura itu?" Bisik Syed Omar mendesis tajam.

"Penyakit orang muda." Hasnah menyahut selamba.

"Penyakit orang muda bagaimana?" Syed Omar tercengang dan khuatir.

"Macam kita dulu! Merajuk. Iri hati. Cemburu."

"Kalau itu saja tidak mengapa." Syed Omar mengurut dada. "Cuma sakit sayang. Itu tandanya, diuji bunyi detik pecahan busa kalbu!" Dia ketawa. "Begitulah rempah ratus dan pelengkap asam garam orang bercinta."

"Mereka bergaduh, Tuan Syed!" Zabedah toleh Syed Omar. "Entah apa dibuat Kadir, kami belum tahu. Syarifah tak mahu cerita."

"Sudah bisu?" Syed Omar naik angin.

"Bisu itu, tidak! Sengaja tidak mahu bercerita." Hasnah membetulkan kedut lipatan kaki samping songkit suaminya. "Sudah lama sampai. Dia bilang kami gaduh. Itu saja yang terkeluar daripada mulutnya sejak tiba selain esak tangisnya."

"Pelik!" Syed Omar merungut. "Laki bini bergaduh. Ahli parti gaduh. Orang bercinta gaduh. Orang kampung masuk ke Kuala Lumpur, cari gaduh. Siapa lagikah yang tidak bersengketa kecuali semut?" Dia memutar roda *wheel chair* mendekati anaknya.

"Kadir buat apa kepadamu?"

Zura tegakkan duduknya di dalam rengkuhan Zabedah, berpaling dan bersuara tangis kepada ayahnya. "Dia tak buat apa-apa Walid! Tidak sentuh kulit saya! Tapi kata-katanya seperti mahu bunuh saya ini."

"Kata-kata Kadir mahu bunuh kau?" Syed Omar tegang. "Dia bilang apa?"

"Katanya, saya bakal jadi isteri Perdana Menteri!"

Syed Omar mengurut dada, terhenyak di atas *wheel chair*. Hasnah dan Zabedah berpandangan. Mereka hening. Tiba-tiba Syed Omar ketawa

berdekah-dekah. "Berita baik!" Senyumannya rekah. "Betulkah Kadir bilang begitu?"

"Saya mengantuk. Pagi tadi, saya bilang saya malas buat kerja di makmal."

"Lalu, apa terjadi?" Syed Omar mendekatkan *wheel chair*nya kepada Zura.

"Dia suruh saya ambil kursus lain kalau malas bekerja dalam makmal."

"Kursus apa pula lagi?" Zabedah rusuh.

"Susun bunga, solek diri, berceloteh, tiru gaya para cik puan Ibu Kota."

"Untuk apa pelajaran begitu, Zura?" Hasnah hairan dan merasa tersinggung.

"Katanya, saya ini bakal isteri Perdana Menteri."

"Cuma kata-kata begitu saja?" Syed Omar masih ragu.

Zura mengangguk. Tiba-tiba dia melekap muka kepada bahu Zabedah. "Bukan kata-kata saja. Saya masih berpakaian telekung" Dia teresak-esak kembali. "Tadi Kadir terlalu marah. Tak pernah dia buat saya begitu. Dia tinggalkan saya berdiri seorang diri di sisi keretanya. Saya tunggu dia hingga datang kembali. Saya akan terangkan masalah saya, tidak sanggup ke makmal dan minta maaf. Apabila muncul, dia tidak singgah. Tidak toleh saya pun. Kadir terus, tega hati berjalan kaki seorang ke makmal."

"Kenapa Zura ada di sisi kereta Kadir?" Syed Omar bertanya.

Zura menceritakan bagaimana dia berdiri di sisi jendela di lantai tujuh itu sejak bangkit daripada solat Subuh. Dia memandang terus ke bawah kerana menunggu Kadir lalu. Bagaimana Kadir tiba dari masjid. Dia bersarung palikat lusuh, baju kurung putih Teluk Belanga yang sudah berkedut, ketayapnya kusam, selipar getah lunyai, tasbihnya terjuntai di jari kanan. Dia terus ke keretanya. "Betul-betul berbakat lebai kampung! Tetapi selalu dan pandai mengejek, saya ini selekeh bila kami pergi terawih dan dia lihat telekung saya yang sudah uzur kanji."

Zabedah tersenyum. Hasnah geleng kepala.

"Sebab itu sajakah kau lari ke mari mengadu kepada kami?" Syed Omar serius.

"Akan ke mana lagikah saya?" Zura bertanya kembali. "Tunggal di dunia. Tak berbapa dan tak beremak saudara, kecuali Umi Som nun jauh di Perlis sana, dan Ami Tar entah ada di mana di Ibu Kota ini."

Hasnah menyertai Zabedah menarik nafas panjang. Syed Omar menekan dada dan ketawa terbahak-bahak. Waktu itulah Zura meletupkan suara daripada lubuk hatinya.

"Mungkin Kadir sengaja cari pasal. Dia mahu kahwin yang lebih cantik. Kaya. Lebih terpelajar."

"Begini pula?" Syed Omar tergelak. "Kadir mahu kahwin dengan siapa?"

"Adalah! Orang Kuala Lumpur. Dua pupunya. Baru kenal."

"Siapa, Datin?" Hasnah terlalu cemas.

"Barangkali juga anak abang sepupu kami. Datuk Muhsin? Emaknya Datin Khadijah, orang Sabah. Kalau itulah, tentulah adik Prof. Zaitun."

"Dialah itu, Mak Cik Datin. Tidak lama lagi, dia juga akan jadi Prof. Zahara." Zura memandang ayahnya. "Zahara ajak kami makan di rumahnya. Esok malam. Walid ingat tidak? Wajahnya? Dadanya? Seksyi. Kadir cari peluang hendak pergi sendirian. Dia suruh saya ke Perlis buat kerja seorang diri."

"Walid sudah jumpa dan masih ingat Zahara. Tapi Walid tidak percaya Kadir berperangai begitu." Dengus kalimat Syed Omar tegas. "Walid sudah kaji. Zura belum kenal isi hati Kadir."

Pintu diketuk dan Hasnah membukanya. Muka Kadir menjenguk, dan berkata, "Lapang hati saya! Anak rusa ini lari kepada induknya." Dia tergelak, mendekati Syed Omar.

"Buat apa datang? Kerja dan tidur di dalam makmal awak. Saya ini apa? Malas bekerja di makmal. Tak pandai solek. Tak cantik. Tak intelek seperti Zahara."

"Disuruh berkursus susun bunga, bersolek, berceloteh supaya layak jadi isteri Perdana Menteri." Kadir terbahak-bahak lalu duduk melunjur kaki di sisi *wheel chair*.

"Betulkah ini, Kadir?" Syed Omar tanya.

"Memang begitulah, Pak Habib! Dia pun mengaku. Saya dengar di luar. Sakit perut saya menahan ketawa!" Dia meraba lutut kanan Syed Omar. "Nampaknya, Ibu Kota sudah aman kembali. Tetapi *check point* masih ada di mana-mana. Saya dengar berita radio di dalam kereta, perwakilan sudah selesai mengundi di Dewan Mahajaya."

"Kerja kira undi bermula petang ini, mungkin hingga ke larut malam."

"Bila diumumkan keputusannya?" Kadir nampak berminat.

"Mestinya, malam ini juga."

Kadir menoleh kepada emaknya. "Malam ini saya tumpang tengok TV di bilik Mak! Mahu tahu siapa akan pimpin negara."

"Bukankah awak bakal Perdana Menteri?" Zura merenung, dan mengejek Kadir. "Tapi kalau mahujadikan saya isterimu, saya tidak akan ambil kursus gila begitu. Saya guru. Hendak jadi ahli sains tanah!" Matanya kian sepet, tetapi semakin tajam. Dia seakan hendak menelan seluruh tubuh Kadir. "Buat apa menumpang di bilik orang? Pergi sendiri. Tengok di sana. Pelajari gaya pemimpin supaya dapat cepat jadi Perdana Menteri."

"Orang lain tak boleh masuk," kata Syed Omar. "Untuk para perwakilan saja." Dia menepuk bahu Kadir. "Dail restoran minta meja untuk kita berlima. Ayah engkau ke Masjid Negara. Tak sempat pulang ke mari. Datuk makan di Ibu Pejabat."

Setelah pulang dari restoran, Kadir bertanya kepada Zura, "Barang dan bahan yang akan dibawa itu sudah ada di sini?"

"Buat apa tanya? Saya datang tangan kosong. Nak suruh saya galas ke mari?"

"Banyak barangnya?" Syed Omar bertanya.

"Pakaian dan beg kerja. Bolehkah pemandu Walid bawa saya ke Bangi, petang ini?"

"Walid gunakannya. Pulanglah berdua. Tapi mesti tiba ke mari sebelum pukul enam. Perintah berkurung akan dikuatkuasakan lagi, mulai pukul enam tiga puluh."

"Emak ikut." Hasnah bersemangat. "Mahu tengok bilikmu di sana."

"Daripada tinggal seorang tercanguk di sini, lebih baik kalau saya juga pergi."

"Syabas, Mak Cik Datin!" Zura bangkit, gesit. "Jika bakal Perdana Menteri ini sompong macam pagi tadi, kita bertiga cekik lehernya."

Syed Omar arif; Zura masih keras tapi sudah berdamai. Namun fikiran Syed Omar dirasuk nama, wajah, watak dan segala kemungkinan daripada diri Zahara. Firasat?

## Pukul 16.20

UZUR tapi terpaksa lakukan demi tugas dan sugul di atas ketidaaan Baim dan Setiausaha Kerja. Sebab itu dia meninggalkan hotel ketika mereka berlepas ke Bangi. Masa itu, Zura sudah normal. Ibu bapanya dan bakal ibu mertuanya berlapang hati menyaksikan itu.

Zahid dan Syed Mokhtar menyambut Syed Omar di Ibu Pejabat. Zahid segera berbisik kemajuan operasi formula  $2k + 3m = 5u$ ; kunci bilik, kawalan kamar khas dan sikap percaya perwakilan Team A dan Team B di atas pengawalan peti undi.

"Barulah dapat bernafas lega," kata Syed Mokhtar. "Lapang dada saya."

"Abang sudah bilang. Parti tidak pecah. Ingat, tidak? Buktinya jelas dalam setiap pilihan raya yang lalu. Mereka sedari apa ertinya perpaduan di dalam parti. Itu adalah hakikat kemenangan besar yang selalu kita capai. Orang yang besar-besarkan isu perpecahan, itu cuma orang luar parti dan tulisan wartawan di atas pagar. Memanglah lazim ada pertentangan bila menghadapi pemilihan pucuk pimpinan. Tapi begitulah rukun demokrasi. Parti lahir daripada sistem begitu dan hidup terus dalam amalan demikian – bebas memilih dan bebas dipilih. Camkanlah, apa yang abang dan Datuk Zahid bentangkan sebelum perwakilan mengundi. Pemimpin? Berubah! Boleh jatuh. Boleh naik. Boleh pergi. Boleh datang. Yang tetap dipertahankan ialah parti."

"Ente yakin, tekaan mereka salah?" Zahid tersenyum.

"Memang dugaan mereka tak beraras." Syed Omar merungut. "Tapi andai tidak teguh keyakinan, mudah terpengaruh. Yang buat tekaan itu belum saham parti kita dari dalam. Syed Mokhtar ini, umpamanya, sudah mingeletar kerana dia pungut keterangan begitu. Katanya, mereka sudah kuasai kawasan sebanyak tiga angka."

"Memang gerun!" Syed Mokhtar akui terus terang. "Hingga sekarang pun saya masih khuatir kerana ada kalanya saya fikir, kita terlalu yakin pada diri sendiri."

"Pernah lihat abang tidak yakin?" Mata Syed Omar besar kepada adiknya.

"Saya pun cuak sehingga kita mulai kuasai rostrum pagi tadi." Zahid tersenyum.

"Begitu yang kita tentukan Datuk. Kita mesti menang tipis. Mereka pula kalah tipis. Cara begitu akan sedarkan yang memegang kuasa dan tidak

merosakkan hati yang kalah. Hal yang lebih penting ialah negara lain pun akan lebih yakin, parti kita sebagai sumbu utama kerajaan, mengamalkan demokrasi yang matang."

"Bagaimana dengan rungutan Setiausaha Kerja itu, dua minggu dulu? Pihak di sana itu bawa penyakit." Zahid berungut. "Itu persoalan peraturan pertubuhan."

"Hal berbelas cawangan yang belum berdaftar?" Muka Syed Omar tegang.

"Itulah dia! Para wakil cawangan itu serta bahagian di kawasan mereka. Saya lihat mereka juga mengundi."

"Penyakit!" Syed Omar pucat. "Sejak pagi semalam hingga petang ini, saya sudah cari Setiausaha Kerja tapi gagal. Saya mahu pasti, bahagian yang cawangannya belum berdaftar. Gantung cawangan itu, kehadiran wakilnya cuma bertaraf pemerhati. Tapi jangan risau, Datuk. Kita sudah pastikan mereka kalah. Perkara itu tak diketahui wartawan."

Zahid khuatir. Isu itu, jika terbongkar kelak, akan membahayakan parti mereka. Tapi nasi sudah menjadi bubur. Ketika itu kelak isunya bukan lagi *Team A-Team B*. Tapi itu persoalan hidup-mati parti. 'Kenapa hal begitu dibiarkan Setiausaha Agung? Atau Setiausaha Kerja tidak sampaikan hal itu kepadanya? Andai kata Pengurus Tetap terhdiu hancing muslihat begitu, sudah pasti dia akan gunakan kuasa juris prudensinya bagi menghalanginya, atas dasar *sah-tak-sah* demi kehormatan dan hak kewujudan parti.' Zahid persoalkan di dalam hati. Baginya dan Syed Omar, hal itu bukan tugas mereka. Peranan utama mereka – menang – sudah dilaksanakan walaupun belum rasmi. Dia tolak Syed Omar, "Syukur, jika setakat begitu saja."

"Kerja kita, sebagai orang tua, belum selesai. Kemenangan ini cuma hal kecil. Lanjutannya, Datuk! Peranan orang tua, di belakang tabir untuk keutuhan parti."

"Abangkah yang beri keyakinan ini kepada mereka, maka mereka buat pesta malam ini? Majlisnya akan meriah, secara besar-besaran." Syed Mokhtar merenung abangnya.

Syed Omar terkejut. "Tidak! Saya tidak gemari suasana, ada yang terlalu riang dan ada yang terlalu sedih. Dengar kalimat penutup ucapan abang tadi kepada seluruh perwakilan sebelum mengundi? Abang minta seluruh perwakilan memahami bahawa setelah mengundi, tugas mereka selesai kecuali esok, mereka hadir untuk membahas ucapan pertanggunganjawaban presiden parti yang lalu dan pagi lusa hadiri majlis penutup Sidang Agung untuk mendengar ucapan dasar dan seruan daripada presiden parti yang baru dipilih. Setelah itu pulanglah dengan tenang. Bersyukur. Bekerja keras. Siapa mahu adakan dan siapa belanjai pesta begitu?"

"Pemimpin kita." Zahid menjawab. Dia geleng kepala. "Saya tak mahu hadir. Saya sudah kata dalam ucapan saya tadi, siapa pun menang, itu bukan

kemenangan peribadi tapi parti. Oleh sebab itu, tiada siapa layak berpesta kemenangan. Kemenangan siapa pun itu kita telah bayar dengan nyawa orang yang terkapar di sekitar Kuala Lumpur, harta orang di Ibu Kota, derita orang luka, titik peluh pasukan keselamatan, para doktor di rumah sakit, susah payah dan pengorbanan pasukan bomba, sengsara orang Ibu Kota yang terkurung di dalam rumah. Sedari itu. Terima kemenangan yang diamanahkan kepadamu kelak dengan tenang, menadah tangan, bersyukur kepada Allah."

"Kamu Tar jangan hadir. Kita berkumpul di hotel, tunggu keputusan. Hidangan majlis pemimpin itu tentu sedap. Tetapi akibat dari situ, belum tentu jenisnya di perut atau di kepala." Syed Omar sudah merah padam mukanya.

"Apa akibatnya?" Syed Mokhtar hairan.

"Majlis demikian memancing permusuhan. Benih tindakan didorong dendam. Faham akibat dendam? Jangan lupa! Sasarannya pada diri orang yang hadir, walaupun kehadiran mereka cuma ikut-ikutan. Kenapa berpesta sebelum diumumkan siapa menang, siapa kalah? Kenapa tidak tunggu hingga selesai dan lewat tengah malam pergi ke masjid, sembahyang sunat syukur? Amalan begitu, afdal." Syed Omar terlalu resah.

"Begini caranya Tuan Syed." Zahid menghulurkan rokok kepada Syed Omar. "Gaya kami berpolitik, orang tua di selatan dan utara," dia tersenyum kepada Syed Omar, "hanya lima belas peratus dihidang terbuka. Selebihnya lapan puluh lima peratus itu kami simpan dalam bokor tertutup rapat." Sengihnya lebar kepada Syed Mokhtar. "Tuan Syed akan tidur di mana malam ini?"

"Pulang ke Hilton!" Syed Omar cepat meningkah. "Gunakan bilik yang selesa. Banyak kosong. Ramai perwakilan pihak kita yang dari selatan dan utara, sudah balik petang ini. Orang yang tiada cuti, masuk kerja esok." Dia memandang adiknya.

"Jom! Kita balik. Kejar Asar." Zahid bangkit. "Kerja-kerja kita pada Baim dan Setiausaha Kerja itu tak dapat dibuat. Tunggu pun, sia-siakan waktu saja."

"Datuk pulanglah dulu!" Syed Omar menyandar ke belakang. "Zura dan Kadir, ada bersama-sama emak mereka. Kalau sudah ada gerai dibuka, singgah. Cari sedikit juadah basah. Saya lihat, emak mereka sudah tak larat seleranya pada kuih hotel. Kasihan."

Syed Mokhtar mencapai beg. "Saya menumpang, Datuk! Mahu cari apam bulan."

"Tunggu, Tar!" Syed Omar tegah. "Saya hendak minta tolong."

Zahid sudah lama pergi. Syed Omar tahu para kerani di Ibu Pejabat yang tidak bertugas di Dewan Mahajaya dan orang yang membahagi bekalan nasi bungkus sudah balik. Dia bentang peta Kedah-Perlis dan berkata, "Kunci pintu itu, Tar!"

"Mahu ditolong bagaimana?" Syed Mokhtar tanya bila kembali duduk.

"Saya tepok. Perlukan pemandu. Tapi ini bukan kerja mudah. Saya cuma ada adik kandung sendiri yang kuharap dan kuyakini."

Syed Mokhtar bangga dihargai begitu. "Urusan parti?"

"Perniagaan." Syed Omar kaji roman muka adiknya. Setelah yakin, barulah dia menceritakan rancangannya sewaktu bulan purnama, bila laut pasang penuh pada pukul dua malam, masuk tiga puluh Oktober.

Syed Mokhtar tercengang, mendesis, "Sudah lama abang buat kerja begini?"

"Sebelum bertai pilihan raya." Syed Omar tersenyum. "Tar fikir, abang dapat duit dalam politik? Hanya elau sebagai ADUN dan gaji sebagai EXCO. Itu semuanya tidak cukup bagi membelanjai politik abang, terutama di kawasan saya Kuala Nerang. Abang tak pernah sentuh harta Hasnah. Itu untuk Zura. Harta yang saya kumpul sampai sekarang seluruhnya adalah hasil perniagaan. Sebahagian besarnya, daripada sumber beginilah."

"Salmah tahu?"

"Sebahagian perniagaan lain, ya! Sebahagian lagi, terutama ini, belum. Salmah cekap. Tapi belum pernah saya serah tugas begini. Perniagaan perkongsian saya pada orang lain dan perkongsian kami berdua, itu semua terang."

"Boleh. Kereta apa yang akan dipakai? Di mana akan saya ambil abang?"

"Kereta 4WD tahan lasak," bisik Syed Omar. "Jumpa di Hotel Jentayu, di Alor Setar, sebelum Isyak 29 Oktober. Kita mesti sampai ke Kuala Sungai Kuyang sebelum bulan purnama Safar mencapai tengah langit."

"Ini kerja menyabung nyawa. Untuk menolong, saya mahu demi nyawa abang. Tapi hasilnya, bagaimana? Saya tidak minta upah!"

"Pernahkah abang biarkan kau dan anak isterimu? Perkahwinanmu, belanjamu hingga masuk ke maktab, biaya tambahan untuk pelajaranmu, dan sara hidupmu bersama Som selama kau berdua di universiti, wang dari mana? Hanya rumahmu yang baru, di Kangar itu abang tidak campuri biayanya." Dia kesat muka. "Lihat bukan? Perhiasan apa pun jenisnya saya berikan kepada isteri dan anakku, yang begitu juga hadiah saya kepada adik iparku. Berlian dan permata lainnya itu, daripada urusan begini sumbernya." Dia meraih tangan adiknya. "Jangan bimbang, Tar! Kerja ini akan berlanjutan. Sekarang, abang tepok. Persiapkan dirimu untuk ambil alih peranan ini."

"Saya saham." Syed Mokhtar mengangguk.

Dalam perjalanan ke hotel, waktu remang senja. Mereka dapati Kuala Lumpur lengang. Suasana itu sangat menggerunkan, walaupun *radiocar* berkeliaran. Barikad pasukan keselamatan lengkap dengan senjata di setiap penjuru. Perintah berkurung berkuatkuasa untuk menyelamatkan Ibu Kota dan penghuninya. Tapi neraka penyokong parti dari kampung membawa musibah.

"Kalau surat layang itu dapat dicegah dan seluruh penyokong kedua-dua belah pihak itu dikendalikan secara tertib, hal begini tidak berlaku." Syed Omar kesal.

"Berapa lama akan begini?" Syed Mokhtar bertanya, tapi tiada jawapan.

Di pintu lif Syed Omar dapati Haji Marzuki dibantu pemandu *radiocar* membawa empat rantang. "Pak Kiyai tahukah jenis penyakit dalam dada Baim?"

Haji Marzuki tersenyum. Dia sahut selamba, "Siapa lihat isi dada orang lain?"

Jam 19.10

CERIA Zura ceria menyambut mereka melapangkan dada Syed Omar. Dia mengambil rantang daripada Haji Marzuki dan pemandu *radiocar* itu, dan bertanya, "Walid hendak diurut dulu baru makan, atau mahu makan dulu?"

"Urut dulu!" Haji Marzuki sahut, dan menarik *wheel chair* kepada Syed Omar.

"Kami ke sebelah." Zahid kilas sarungnya. "Syed Mokhtar bantu Pak Kiyai."

Setelah pemandu *radiocar* pergi, Zura memegang bahu Kadir dan berbisik, "Tunggu!" Sebelum Zahid dan Zabedah bangkit, dia ke telefon dan tolak Zahid, "Terlupa bawa dompet di bilik komsis! Bolehkah Pak Cik belanjakan kami aiskrim?" Dia telefon *room service*.

"Mintalah Nak! Mak Cik pun ada duit. Suruh bawa minuman panas." Zabedah ke sisi Zura. "Setelah menuaikan Maghrib, kami datang."

"Tunggu sebentar Mak Cik Datin!" Dia melambai Kadir dan menyerah telefon. "Telefon ke rumah Zarina! Beritahu kakaknya, kita tidak akan ke sana malam esok."

Kadir mendail selamba dan bertanya, "Abang Azizkah itu?"

Zura merapatkan telinganya ke situ, dan mendengar, "Ya, Aziz! Siapa? Eh Kadir! Kau di mana? Berkurung. Tembak mati. Jangan keluar pintu rumah."

"Di hotel. Bersama ayah dan emak. Mahu bercakap dengan Zahara."

"Tadi ke kampus. Tinggal di sana."

"Tolong beritahu dia. Kami tidak dapat datang malam esok."

Zura mendengar penjelasan Aziz. Zahara tak akan ada di rumah sehingga tiga belas November. Dia kendalikan persiapan seminar. Dia jadi ketua sekretariat dan tinggal di kampus. Penerbangannya ditangguhkan, masih terbuka.

Setelah Kadir meletakkan telefon, Zura berseru, "Selamat!"

Kadir mengikuti ibu bapanya ke *suite* mereka. Dia bertanya sebelum duduk, "Makan di sebelah atau ke restoran? Saya akan bawa minuman panas itu ke mari."

"Ayah letih. Pesan *room service*."

Semua rangkaian TV padat siaran muzik liar dan lakonan bengis Amerika. Itu menaikkan taik-tuak Zabedah. Dia tutup dan menyerahkan sarung kepada

Kadir. "Pakai kain. Takkkan sembahyang gaya gitu. Zura kata, di kampus, kau macam lebai. Mana ketayap?"

Di suite sebelah, siaran begitu juga ditutup Syed Mokhtar. Mereka bermakmum pada Haji Marzuki. Setelah solat, Syed Mokhtar ikut Hasnah dan Zura ke ruang, tetapi segera masuk kembali. Orang tua itu bertanya, "Tuan Syed mahu belajar urut?"

"Bosan duduk sendirian di luar, Pak Kiyai. Mereka ke sebelah."

"Akan lama juga lagi, Pak Kiyai?" Syed Omar bertanya.

"Ini malam ketiga. Satu jam, cukup. Esok pagi saya datang lagi."

Setelah badan Syed Omar dibersihkan, dia menyuruh adiknya, "Panggil mereka."

Zura dan Kadir makan aiskrim. Zahid minum kopi. Hasnah dan Zabedah saja masih makan, sambil bercerita kepada Zura dan Kadir tentang riwayat Embi bila Syed Mokhtar menjenguk di pintu. "Kakak makan di sini? Abang ajak semua ke sebelah."

"Nanti kami datang," Hasnah tersenyum dan meneruskan ceritanya, bersuara nyaring supaya Syed Mokhtar dengar. "Emak! Zura! Tidak lagi sebatang kara dibuang tersisih di dunia. Mak Long Zura itu zuriat ningrat Jawa! Raden Mas Ayu Sumartini namanya. Pemilik toko batik! Nama abang Zura, Sofian. Jadi Dekan Fakulti Usuluddin. Mereka akan hadiri majlis pertunanganmu."

"Siapa akan bawa mereka ke mari, Mak?"

"Jeneral!" Nada itu tinggi, lalu menurun, "Bukan pedagang wang palsu." Tak siapa yang tahu di situ, sindir itu ditujukan kepada siapa kecuali Hasnah dan Syed Mokhtar. Tapi Zura memandang kasihan kepada bapa saudaranya. "Jeneral itu sekarang jadi Duta Besar Indonesia di Malaysia. Orang kaya raya. Anak Sabah."

"Tan Sri Datuk Haji Lestenan Jeneral Basirun Kahar. Adiknya Datin Khadijah, ipar Datuk Muhsin." Zahid melengkapinya. "Ya Zura! Walidmu, Datuk Muhsin, Pak Cik ini tiga serangkai dalam asuhan Datuk Onn. Pak Cik harap Zura, Kadir dan Zahara kelak jadi tiga serangkai pula, meneroka hari depan untuk negara."

"Bagaimana kehidupan mereka, Mak?" Zura tiba-tiba merasakan tiba ke langit memiliki sepupu dan emak saudara. "Tahan mereka. Kita hidup berkumpul di Kedah."

"Jika kaki Walid kau tak sembuh, kita ditemani Datuk dan Datin ke Jawa. Kita ziarahi makam rasmi Pak Long kau di Kalibata, dan kubur aslinya di Salatiga."

"Tuhanaku!" Zura berseru dan menadah tangan ke langit. "Ini kurnia-Mu di atas kami sekeluarga, orang kampung. Ini hadiah termulia di atas pertunanganku, aku, anak daripada rahim perempuan kampung, disisihkan dan tak ditoleh." Air matanya mencurah.

Hasnah merangkul Zura. Zabedah memegang bahu Hasnah. Kadir jeling bergilir; ke arah emak, ayah, bakal ibu mertua dan bakal isterinya. Zahid mengangguk-angguk.

Suasana itu tiba-tiba hening. Kalimat dan air mata Zura menakluki seluruhnya.

Syed Mokhtar, terasa pedih di hati, lari dari situ.

## Pukul 23.20

MEREKA berkumpul kembali di dalam *suite* Syed Omar. Haji Marzuki pulang dibawa Syed Mokhtar dengan limosin Ibu Pejabat, lengkap dengan pas jalan di cermin depan dan belakang.

Bulan Safar sepuluh hari diganggu awan yang tiba dari Banjaran Titiwangsa.

"Seperti dilanggar garuda," Haji Marzuki bersungut.

"Terasa gerun sendirian di jalan raya begini." Pemandu limosin itu resah bila masuk ke Jalan Jelatik. "Biasanya, kawasan ini penuh orang berjualan hingga ke dini hari."

"Rezki orang itu putus!" Haji Marzuki mengeluh. "Hampir seluruh penghuni setinggan mencari rezki mereka pada waktu malam, berjualan beraneka barang. Penganggur pun, itu juga pencaharian mereka. Bekas buruh yang dibuang kerja, bekas kuli kontrak yang merugi majikan mereka, selama ini mendapat rezki di pinggir jalan. Sekarang dilumpuhkan oleh perintah berkursteng. Jika petani luar bandar dilanda banjir dan penternak babi yang mati babi mereka kerana dijangkiti penyakit mereka mendapat ganti rugi kerana bantuan darurat. Tetapi lihat sendiri. Orang bandar dilanyak penyakit politik kampung, tiada siapa yang ambil tahu periuk mereka berisi atau kosong, berisi beras atau pasir, pecah atau utuh, masih ada atau sudah lesap periuknya."

Syed Mokhtar melihat bukti itu, tetapi dia terasa tersinggung mendengar kalimat *orang bandar dilanyak penyakit politik kampung* sebab apa yang dia lihat, juga dilihat Haji Marzuki. Tetapi tempat tegak Syed Mokhtar dalam kehidupan berbeza dengan tempat Haji Marzuki berdiri di tengah masyarakat. Kerana peluang yang tidak sama maka itu menjadi punca status berbeza, peranan berlainan, strata hidup tidak setaraf.

Taraf menggera horizon tanggapan seseorang. Berbezaan taraf hidup menyebabkan horizon fikiran berlainan dalam menanggapi kehidupan. Itu akibat nepotisme sebagai hasil sejarah sosial yang salah acu di sesuatu negara. Bukan siapa yang salah, siapa yang benar, sebagaimana individu Syed Mokhtar dengan individu Haji Marzuki. Itu persoalan sistem, sesuai atau tidak, jitu atau sipi, amalkan kejujuran atau membela penipuan. Penghuni Kuala Lumpur dikurung akibat horizon tanggapan yang berbeza itu. Punca

utamanya? Kerana politik yang ditakluki sang rakus. Kerana kuasa orang tunduk kepada sang tamak.

Di simpang Jalan Keramat Dalam mereka ditahan di sisi barikad Polis Hutan. Platun askar infantri di tiga penjuru longkang, dengan senapang M.16, bersangkur dan senapang pelempar *grenade*. Tiga sarang senapang mesin di benteng guni pasir menentukan sasaran di tiga penjuru jalan.

"Wah! Limosin orang politik yang sudah kaya-raya." Seorang sarjan menjenguk di sisi pemandu. "Dari mana masuk, melalui mana?"

"Ampang masuk ke Jelatik, Datuk."

"Dari mana, berjalan jauh malam begini? Tunjuk lagak dapat pas istimewa?"

"Kami dari hotel di Jalan Sultan Ismail." Ego Syed Mokhtar tersinggung.

"Bekalkan pelacur kelas atas, atau merancang huru-hara di hotel?"

Seorang pegawai mendekati mereka. "Geledah orang dan isi kereta ini."

Haji Marzuki, kerdil dan kurus kerempeng, tercengok di sudut kanan belakang. Dia menegakkan duduknya, membuka cermin, mendehem, lalu berkata, "Saya Juki. Dia orang bawa saya pulang."

"Oh, Kiyai Rama Juki!" Pegawai di siring benteng guni pasir itu berseru. "Apa dicari tengah malam buta begini, membahayakan diri Rama?"

"Tolong orang!"

"Maaf, Rama! Tidak tahu tadi. Jalanlah!"

Pemandu itu menartik nafas panjang, lalu maju ke depan pada tahap laju 50/kmj.

Syed Mokhtar geram, "Pedih sungguh rasanya ditegur hina begitu." Sebelum sampai ke pintu pagar Pondok Pekalongan, dia berungut, "Caranya mengejek seperti melepas geram kepada orang politik."

"Bukan hina orangnya," kata Haji Marzuki. "Kereta ini. Pasukan keselamatan dan penduduk Kuala Lumpur muak dengan lagak jangak politik tamak."

Dalam perjalanan pulang, mereka melalui Jalan Gurney dan Jalan Raja Muda. Barikad dua platun infantri menguasai simpang empat Jalan Raja Muda-Jalan Raja Abdulllah-Jalan Dr. Latif. Mereka tidak dibenarkan ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, tapi disuruh patah balik ke Jalan Tun Razak atau belok kiri ke Jalan Raja Abdulllah.

Bila sampai ke simpang Raja Abdulllah dan Raja Alang, barikad Polis Hutan di hadapan Masjid Kampung Baru menahan mereka.

"Turun! Buka bonet."

Pemandu patuh, tetapi Syed Mokhtar enggan. Tiga orang bergegas ke pintu kiri, seorang Polis Hutan menyergah Syed Mokhtar, "Kenapa tak turun? Tunjuk gagah? Atau menunggu permaidani merah?" Syed Mokhtar mengalah.

Di dalam bonet kereta itu, Polis Hutan menemui tiga bilah parang panjang, dua keranjang nasi bungkus, lapan rim kertas A-4 yang sudah distensil timbal balik-surat layang.

"Nasib kau orang baik." Seorang inspektor mendekati mereka. "Andai infantri di simpang sana itu temui ini, kau orang akan ditembak mati di situ juga." Dia mengarahkan sarjan di situ, "Tangkap. Rampas barang bukti dan kereta. Hubungi markas, biar mereka buat interrogasi! Senjata, makanan, surat setan di dalam darurat begini. Itu jenayah teroris bertopeng keistimewaan politik."

Di hotel, Syed Omar dan Zahid ketawa besar mengikut siaran TV. Keputusan undi memilih pucuk pimpinan parti, tepat menurut formula  $2k + 3m = 5u$ .

"Mesti dirayakan." Kadir sinis. Lahar panas di dalam dadanya membuat. Tetapi dia tekan ke dalam dan buang muka dari ayah dan bakal bapa mertuanya.

Syed Omar tidak sedari itu. "Harus bersyukur," katanya. "Tetapi jangan dilihat orang lain. Tak payah ke restoran. Di dalam bilik ini saja. Minta room service."

Zura segera bangkit, tapi telefon itu berdering mendahuluinya. Dia sambut dan mukanya pucat. "Apa? Kenapa? Ya! Betul, tempat Yang Berhormat Syed Omar!" Dia tutup mulut telefon. Tangannya menggeletar, "Walid! Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Katanya, dia di Markas Kontingen Polis Hutan. Ami Tar ditangkap."

Lima pasang mata merenung Syed Omar dan meneliti pertanyaan dan jawapannya. Setelah kembali duduk, dia mengeluh. "Mereka ada pas jalan. Tentu ada masalah besar. Kereta Timbalan Menteri datang sebentar lagi mengambil saya untuk dibawa ke sana."

Mereka mengiringi Syed Omar ke lobi. Zura bersungut kepada Kadir, "Saya tidak mahu tidur sebelum ada berita pasti. Bawa saya ke tempat minum."

## Sabtu

Pukul 03.50

DEMI terhindar salah sangka, Kadir menelefon emaknya dan memberitahu dia temani Zura berada di Coffee House sementara menunggu Syed Omar pulang.

"Takut sangatkah difitnah yang bukan-bukan?" Zura resah.

"Bukan itu saja. Ibu bapa kita cemas. Alasan penangkapan Syed Mokhtar pasti berat. Walid Zura pun sudah duga begitu. Bahaya." Dia tunduk ke lantai. "Bagaimana nasib Syarifah Kalsom dan anak mereka?" Kadir melupakan marahnya kepada ayahnya, dan bakal bapak mertuanya dalam kiat politik. Musibah itu mencengkam perasaannya.

Dini hari makin tipis. Tapi Coffee House masih ramai pelanggan. Penghuni hotel itu, daripada kalangan orang politik yang menang, berpesta. Di suatu meja yang menghidangkan lapan orang, sedang hangat berlaku perbincangan menebak dan merancang sesama sendiri, hal penyusunan semula Kabinet dan Exco Negeri. Siapa dijulang naik, dan siapa ditarik turun.

"Mereka mengagih laba politik." Zura menekan paha Kadir. "Dengarkan. Pelajari. Bagaimana politik kampung dimasak dalam kedai kopi hotel besar Ibu kota."

"Untuk apa?" Kadir mengalih tangan Zura - waham, akan tersentuh timun segar.

"Bukankah saya ini akan jadi isteri bakal Perdana Menteri? Kalau tidak cerdik begitu, mana boleh berjaya ketuai kabinet." Zura paksakan kelakar itu. Dia sedih.

Kadir mencemik. "Gaya politik begitu menyebabkan institusi tradisi kampung porak-poranda selama ini, dan penghuni Ibu kota menderita sekarang."

"Nanti, Perdana Menteri Kadir Zahid hapuskan politik begitu." Zura perli.

Kadir tidak hiraukan itu. Dia menulis pesanan dan menyerah kepada pelayan. Zura semakin risauterhadap kesihatan ayahnya musibah ke atas diri Syed Mokhtar dan gejala permusuhan politik parti yang mengarah kepada sikap berdendam kesumat. Bagaimana, jika hal begitu merebak ke negeri, termasuk Kedah, Alor Setar dan sekitarnya, dan perintah berkurung dikenakan? Menungan Zura diganggu hidangan yang tiba. Dia melihat Kadir tidak menghiraukan makanan itu. Fikiran Kadir diharu-biru derita

kemiskinan orang kampung. Politik memecahkan keluarga. Salah gunakan saham politik menjadi punca silaturrahim putus. Petugas yang berkuasa mengamalkan diskriminasi.

"Perompak. Penipu. Pemutar belit!" Kadir mendesis selari dengus nafasnya.

"Kenapa?" Zura meramas jarinya. "Tenang. Tolong teguhkan semangat saya."

"Persoalan Zizan. Kasihan. Sekarang sakit pula. Masih di Hospital Kajang."

"Zizan sakit apa?"

"Keracunan makanan. Malam itu dia makan pulut basi yang emaknya bekalkan."

"Kenapa tak beritahu saya?"

"Tidak sempat. Saya pun terlambat tahu. Tapi sudah pergi tengok tadi."

"Tidak bantu dia? Kenapa biarkan Zizan sampai begitu?"

"Kita terlalu sibuk di Kuala Lumpur. Selalu pulang dini hari atau Subuh. Saya sudah beri beberapa puluh ringgit."

"Apa kita nak buat untuk mengatas penderitaan Zizan?"

Kadir resah. "Zizan belum bayar yuran semester ini. Ramai begitu. Semester yang lalu, saya dan Akil bantu dia. Semester ini, entah bagaimana."

"Kalau Akil keberatan, kita berdualah."

Kadir mengeluh. "Takut tak sempat kalau tunggu Zura pulang ke kampus."

"Bayarlah dulu!" Zura mendesak. "Nanti saya ganti semuanya."

"Bolehkah Zura merayu kepada Walidmu agar beliau bantu Zizan?"

"Saya akan cuba." Zura yakin mampu mempengaruhi ayahnya.

"Saya segan kemukakan kepada ayahku. Sembilan belas mahasiswa dari Johor yang senasib dengan Zizan mengalir ke kampus kita. Dia bantu secara diam-diam."

"Melalui cik gu?"

Kadir mengangguk.

"Kenapa pak cik Datuk tidak lakukan secara terbuka?"

"Tidak boleh. Ibu bapa mereka melawan parti ayah."

Zura mengeluh. "Saya mesti pujuk Walid supaya ikut cara pak cik Datuk."

"Dari Perlis dan Kedah ramai yang seperti Zizan. Jika dapat membantu Zizan, memadailah. Di Kedah itu, parti pembangkang kuat. Johor tak jadi masalah sangat. Mesti berhati-hati agar musuh politik ayahmu di dalam parti tidak tahu hal itu."

"Kemanusiaan, bagaimana? Musuh politik tiada perasaan?" Desis Zura tajam.

"Sebelum pujuk, bayangkan dulu. Tinjau fikiran Walid kau tentang penderitaan mahasiswa dari kampung yang tidak dapat biasiswa."

"Saya kenal sikap Walid. Selama ini, dia pemurah. Entah sekarang. Tetapi kita mesti selamatkan Zizan."

Kadir mengangguk, sambil menghempaskan nafas keluh.

"Kenapa begini? Persoalan apa lagi?" Zura menuang dan membancuhkan kopi Kadir.

"Akan terpisah seminggu." Kadir merenung mata Zura. "Terlalu berat untuk saya. Belum tentu dapat tekun dalam kuliah. Tak berani berjanji akan berhasil di dalam makmal."

"Kehidupan antara kita?" Zura mendekatkan keningnya ke dahi Kadir. "Sedarilah! Bagaimana keadaan saya nanti? Cuma ditemani seorang pembantu bersampuan pada waktu malam, di tempat lengang. Saya cuma harapkan doamu."

"Saya doakan." Kadir meramas jari-jari Zura.

"Lepaskan." Bisik Zura mendesis. "Jangan rangsang saya berlebihan begini."

Kadir menarik tangannya, lalu meneguk baki kopinya. "Di dalam beg sandang saya ada sepasang baju tidur. Saya sudah pakai. Belum dibasuh. Bawalah pergi."

"Akan kupakai tanpa dibasuh." Angguk dan sahut Zura serentak. "Barang apa kau mahu daripada saya? Biar kubekalkan batik sarung dan batik panjang. Pakailah nanti."

"Saya mahu." Kadir menyahut amat halus. "Barang lain pun, mahu juga."

"Katakan. Pakaian? Gantikan Rolex kau? Saya akan minta cek daripada Mak."

"Berikan saya seluar dalam yang kau pakai sekarang."

"Ha? Kupakai sejak pagi. Sekarang sudah basah!" Zura mendekatkan mulutnya ke kening Kadir. "Saya dirangsang berahi, bila berdua begini. Kau sentuh saya begitu." Mata mereka bersabung. "Mahu bikin apa?" Zura berbisik amat halus. "Bila dipulangkan?"

"Kusimpan dan kupakai tanpa dibasuh. Kupulangkan pada malam pertama."

Coffee House sudah sepi. Kadir membiarkan tangan Zura di pangkal pahanya dan Zura membiarkan tangan Kadir di bawah pusatnya. Tiba-tiba, Zura mendesis. Dia sentuh benda tegang, pejal - timun Kadir. "Tinggalkan tempat sepi begini! Takut terjerumus ke lembah dosa. Jagalah kemurnian bakal ibu anak-anakmu."

Di ruang legar, Kadir membawa Zura ke sofa yang dikelilingi pasu bunga.

"Tunggu di sini." Nada Zura mendatar. "Di tempat terbuka begini, tidak cuak."

"Zura tidak mahu naik? Sudah masuk Subuh."

"Saya perlukan Walid. Pergilah tunaikan Subuh. Saya akan selesaikan subuh pada saat terakhir jika Walid tak sampai." Dia mendekatkan bibirnya ke telinga Kadir. "Panty yang kupakai ini akan kuserahkan sebelum kami berkemas terakhir. Tapi ingat. Itu, amanah!"

"Jangan ke mana-mana." Kadir berdiri. "Saya akan lekas turun."

Zura duduk nyenyak di atas sofa panjang. Lehernya lintuk ke kanan sewaktu Kadir sampai. Dia kasihan melihat Zura dalam keadaan dan berpakaian begitu. Sederhana. Jean biru nila yang dia pakai dari kampus pagi tadi tidak ditukar. Kemeja lengan pendeknya berwarna ungu, longgar dan labuh ke bawah punggung, terbuka dua butang dari kalkum. Jalur dada Zura terserlah. Pada lekuk dada itu, terletak loket, permata nilam, sebesar biji asam jawa, dibingkai emas, ditatah intan seluruh tepinya. Kalungnya rantai halus.

Kadir membuka jaket dan menyelimut Zura, lalu duduk di sisi kanannya. Dia menyandarkan kepala Zura ke bahu kirinya.

Alam pagi yang permai di lobi dan halaman hotel itu mewujudkan penantian serba teka teki. Setiap saat yang tiba melahirkan peristiwa yang tidak terduga, dan juga yang dijangka muncul dalam peredaran waktu.

Di satu sudut hati Kadir, meruwap harapan semoga Syed Omar tiba membawa berita gembira. Pada sudut yang lain, bergetar kecemasan pada hukum waktu; dia akan terpisah daripada Zura. Kini dia hanya menanti bilangan jam dan minit.

Selanjutnya? Sekarang kepala Zura bertaut dengan bahunya. Tapi Kadir masih ragu. Dia belum berani menebak jenis kandungan masa yang akan tiba.

PENERBANGAN siang bermula tanpa awan. Surya bebas menuang panas ke bumi. Angin barat laut sepoi. Zura duduk di sisi tingkap, menyambung tidurnya. Kepalanya disandarkan ke bahu emaknya. Syed Omar termenung. Dia duduk di sebelah *gangway*, memandang ke hadapan. Kepalanya bercelaru dengan persoalan penangkapan dan nasib Syed Mokhtar.

Bagaimana jika wartawan tahu? Ramai wartawan kecewa di atas kemenangan kami. Beberapa orang wartawan dipukul oleh penyokong dan perwakilan daripada suatu pihak di dalam parti. Sudah jelas wartawan itu menuduh penyokong pada pihak yang menang dalam partai. Para saksi, bersama wartawan, memperberat tuduhan kepada pihak yang menang sekarang. Simpati berdasarkan rasa setia kawan, sepakat membesarkan berita itu. Bagaimana pula nasib penyokong parti yang mati di sekitar Ibu Kota? Belum ada tuduhan dikemukakan kepada pihak yang menang. Kalau ada tuduhan, barangkali itu tak benar. Tapi lazimnya yang terkorban sebagai pihak *underdog*, mendapat simpati khayalak. Galibnya, bila simpati kepada *underdog*, secara otomatis jadi anti-parti kepada *upperhand*.

Seorang lelaki Cina tua duduk di sebelah kirinya, di sisi tingkap. Dia membaca akhbar tabloid bahasa Cina. Pada halaman dalaman bahagian atas, Syed Omar menjeling gambar Baim sederet dengan gambar Setiausaha Kerja dan Setiausaha Politik Menteri yang meletak jawatan pada malam Ahad yang lalu.

"Itu ada tiga gambar Melayu, apa ceritanya, Ako?"

"Itukah!" Orang Cina tua itu ketawa. "Politik punya olang. Sutat kaluat itu pati. Dia olang sutat muka itu manyak musuk politik kilja." Dia tersenyum menoleh Syed Omar. "Politik punya olang itu macam kiljakah?"

"Bila dia orang keluar parti? Surat khabar ini bila terbit?"

"Tebit ini hali punya. Ini cerita, pepa dapat malam tadi."

"Mana dapat?" Fikiran Syed Omar tertumpu kepada cerita Baim.

"Dapat mana lagi? Kuluput jugalah!"

Syed Omar melambai pramugari. Dia meminta surat khabar. Berita itu tak ada di dalam surat khabar Melayu. Dia menjumpai di dalam surat khabar bahasa Inggeris. Mulanya, mukanya merah padam, lalu pucat apabila dia mendapati namanya tertulis pada paragraf kedua. Matanya berkunang-kunang, lalu turun peluh sejuk. Dia tercungap-cungap menarik nafas.

Cina tua itu ketakutan bila melihat Syed Omar pucat dan menggeletar.

"Nyonya! Ini lu punya laki? Politik punya olangkah?"

Hasnah terkejut. Zura terjaga daripada tidurnya. "Kenapa, Ako?"

"Lu tengok! Macam mahu matilah!"

Zura gagau hendak keluar. Tetapi sebelum Hasnah dapat bangkit, suara di atas kepala mereka kedengaran lantang:

"Sebentar lagi, kita akan mendarat di Lapangan Terbang Kepala Batas. Jangan merokok. Tegakkan tempat duduk. Pasang tali keledar."

"Hayya Nyonya! Cipatlah!" Cina tua itu berkeriau. "Lu laki mahu mati!"

Pukul 14.50

PEMANDU dan kereta menunggu di pinggir jalan. Dua orang yang berkaki ayam meninggalkan kenderaan, lalu berjalan di sawah membawa tangguk jaring nilon – penangkap belalang. Di pinggang mereka, tersangkut keranjang bentuk labu, anyaman rotan raut halus dan kelarai berlubang telus lidi. Keranjang itu lehernya genting, mulutnya kecil, ditutup tempurung. Ah Hoe bertopi sombrero Australia, berbaju T leher bulat berwarna biru, berseluar hitam digulung labuh ke betis. Salmah bertopi jerami petani Cina, lebar dan lepeh dan berseluar jeans biru kusam. Kemeja lengan panjang berwarna ungu. Kaki bajunya diikat ke aras pusat. Perutnya terdedah tiga ruas jari, kelihatan putih melepak. Mata sipit Ah Hoe selalu melirik ke situ.

Salmah ketawa, "Saya sudah banyak. Tengok, keranjang siapa cepat penuh."

"Saya punya tidak terima isi. Chanida boleh. Sudah enam hari saya isikan."

"Itu benih anak." Salmah menjeling tajam. "Bukan belalang." Dia menghimpit Ah Hoe. "Satu malam di Pulau Pinang tidak datangi saya. Rugi! Saya takut tidur sendirian."

"Bukankah itu Uncle sudah ganti? Malam tadi pun, Chanida sudah terima banyak. Sebelum purnama dapat banyak lagi." Ah Hoe terkikik. "Tengok baik-baik, Chanida! Jangan pandang belalang saja. Perhatikan seluruh penjuru. Lima ratus meter di depan Pajero itu, Sungai Bugis menjurus lurus ke laut. Jika pilih jalan laut, mesti ikut sungai itu. Naik sampan sendirian. Ingat! Ada speedboat menunggu. Sudah itu, bagaimana?"

"Bot itu bawa terus ke Pulau Pinang. Asam sambut troli dan saya di jeti."

"Jika tidak ambil jalan laut, jalan di sawah. Kau sendirian. Jauhkan dirimu dari jalan raya. Lurus ke selatan. Kau ingat tempat itu? Volkswagon di betulkan enjinnya!"

"Lubuk Pinang. Ikut Valkswagen ke Gurun. Tumpang van sayur ke Gelugur. Asam bawa saya dan troli itu ke Farquhar."

"Betul. Dua pilihan itu saja. Pagi tadi, sudah tangkap katak dari Ayer Hitam untuk di bawa ke Padang Gelanggang. Kita sudah hafal laluan di batas sawah di kawsasan itu." Ah Hoe menyumpah, "Babi! Kuala Lumpur huruhara. Polis Hutan tidak pergi. Masih berjaga di perbatasan Kedah-Perlis."

Dia menoleh. "Chanida tidak takut?"

"Tidak takut pada polis tetapi takut kepada suami. Esok, hari Ahad. Sidang Agung habis. Syed Omar bilang, dia pulang ke Alor Setar. Bagaimana kalau jumpa dia?"

"Belum tentu!" Ah Hoe meyakinkan. "Lakimu, Arab Malaysia. Tidak ikut lagi cara berani Arab Badui. Dia tidak bodoh pergi sendiri. Sudah kaya. Dia upah orang."

"Kalau dia pergi dan terjumpa di sana?" Salmah masih ragu.

Ah Hoe tergelak. "Kau sudah lawan lakimu. Kau tipu dia. Apa lagi kau mahu? Kalau dia jumpa dan kenal kau, satu cara saja kau buat. Bunuh dia."

"Saya tidak suka bunuh orang, apa lagi laki sendiri."

"Kalau kau tidak bunuh, dia bunuh kau!"

"Bagaimana dibunuh? Dibunuh dengan apa?" Salmah gerun dan bingung.

"Jangan lawan. Bikin baik-baik. Kau menangis. Bilang, orang ciluk kau. Tentu dia tidak marah."

"Menangis, boleh, Cakap bohong, boleh. Bagaimana akan kubunuhnya?"

"Screwdriver kau sudah tajam. Tikam rusuk kirinya di bawah ketiak. Mesti kuat. Ingat? Rusuk kiri. Tentu mati"

"Uncle Hoe, bagaimana?"

"Saya punya hal, jangan tanya. Saya tidak suka ada orang tahu apa saya buat."

"Saya tidak benci kepada suamiku. Saya kasihan. Sudah banyak kali saya tipu dia."

"Chanida pandai cakap." Ah Hoe ketawa. "Ini hari bilang sayang sama Uncle. Chanida nanti tipu Uncle juga."

"Uncle Hoe, lainlah!" Salmah tiba-tiba terpegun, lalu menjerit, "Cobra!"

Ular di atas batas itu menegakkan lehernya, mengancam, lima meter di depan Salmah.

"Diam, jangan bergerak." Ah Hoe maju ke sisinya. Dia baling khanjar. Tedung itu putus empat inci di bawah kepala. Ah Hoe menyimpan khanjar, lalu memasukkan ular itu ke dalam keranjangnya.

"Uncle makan ular?"

"Sedap! Chanida?"

"Dulu, di Bangkok setiap minggu. Sekarang, jarang-jarang. Bila Tuan Syed tiada, baru saya suruh Ah Ying ke Changkung Avenue - Jalan Madras. Itu pun jarang-jarang dapat."

"Mentah?"

"Mana boleh! Saya sudah masuk Islam. Periuk belanga saya bagaimana? Bahan daripada Changkung Avenue itu semuanya bekalan siap makan. Dibungkus plastik. Sudah makan, plastik dibuang. Tuan Syed tidak tahu."

"Cobra ini bagus. Dagingnya sedap. Kulitnya bagus, dibikin tali pinggang. Mahal harganya."

*"Souvenir asli dari tebing Sungai Bugis."* Salmah tergelak. *"Uncle selamatkan saya! Balasannya, Uncle dapat tali pinggang kulit ular tedung."* Dia maju ke hadapan.

"Nanti!" Ah Hoe memegang bahu Salmah. "Tadi Chanida bilang, Uncle lainlah."

"Uncle selalu tolong saya. Uncle kawan ayah saya."

"Bagaimana jika Chanida dapat anak, mukanya macam Uncle?"

"Kenapa bilang begitu?"

"Saya ingat, itu boleh jadi. Selalu begitu."

"Uncle sudah banyak bikin begitu pada perempuan lain?"

"Tidak hitung. Tapi bukan bini orang. Banyak sudah dapat anak. Saya sayangi dan pelihara semua emak dan anak mereka."

Salmah termenung dan terus menambah tangkapan. Belalang menggelepar di dalam keranjang mereka.

"Anak itu akan saya berikan kepada Tuan Syed Omar." Nada Salmah selamba saja dalam perjalanan kembali ke kenderaan mereka.

SYED OMAR dapat dipulihkan setelah melalui rawatan kecemasan di Rumah Sakit Besar, Alor Setar. Hasnah bersama Zura sentiasa di sisi katilnya.

"Kerana itu kehendak Walid, saya rela dinikah gantung pada hari Jumaat dua November minggu depan di dalam majlis pertunangan itu juga." Zura mencium dahi ayahnya.

"Biarlah majlis rasminya diadakan pada musim cuti sekolah, dalam bulan November itu juga." Hasnah menyokong maksud Syed Omar. "Berilah kami masa dua minggu. Dengan begitu orang di Bukit Cagar sempat terima menantu tiga minggu akan datang. Sedang elok benar. Pertengahan musim sekolah cuti panjang."

"Akan tinggal di Komsis juga?" Suara Syed Omar masih lemah.

"Jika Walid setuju, kami akan sewa rumah di Bandar Baru Bangi."

"Nanti Walid bincang dengan emakmu. Kau perlukan pembantu di rumah."

Hasnah tenang. "Biar Walidmu belikan engkau rumah yang lebih selesa. Mak akan cari orang dari keluarga sendiri di Gajah Mati bagi mengendalikan rumahtanggamu."

"Telefon Kalsom!" Syed Omar mendesak. "Suruh dia ke rumah. Saya hendak beritahu sendiri hal suaminya."

"Walid mahu pulang ke rumah?" Zura hairan tetapi merasa lega.

"Walid sudah pulih. Akan minta kebenaran daripada doktor."

Hasnah telefon dari hotel pagi Rabu kelmarin kepada semua keluarganya di Gajah Mati dan Pokok Sena, bagi memberitahu hal pertunangan Zura. Kalsom juga begitu. Sudah berkumpul mereka di Alor Merah sejak Khamis lalu. Tadi pun ramai yang menunggu di Kepala Batas. Mereka membawa

semua barang ke rumah, dan empat lelaki membawa Syed Omar ke rumah sakit.

Mereka tiba ke rumah bila Isyak sudah tua. Kalsom menyambut mereka di beranda.

"Suamimu, Dik!" Suara Syed Omar lembut dan murung kepada adik iparnya.

"Sudah tahu, Bang. Pagi tadi dia telefon. Syed sudah tahu, saya di Alor Merah."

"Zura! Telefon Bukit Cagar!"

Mereka membawa Syed Omar ke ruang tamu. Dia tersenyum, "Saya bawa hadiah untuk kau orang," katanya perlahan.

"Laaaa! Nana sudah beritahu kami. Sebab itu kami berkumpul di sini." Kakak sepupu Hasnah ketawa. "Hadiah Dik Habib ketinggalan kereta lemu."

"Nah!" Dia melambai isterinya. "Sudah beritahu mereka hal Bang Embi?"

"Embi?" Hampir dua puluh mulut orang tua serentak berseru dan menganga.

"Belum!" Dia pujuk suaminya. "Jangan cakap banyak. Nanti saya ceritakan."

Zura membawa telefon kepada ayahnya. "Pak Cik Datuk."

"Omar di sini. Mujur masih boleh bercakap. Kena strok dalam penerbangan. Ini baru sampai ke rumah, dari hospital. Doktor lepaskan bersyarat – saya dikawal jururawat di rumah." Diam seketika mengatur nafas. "Saya fikir elok Datuk datang ke Alor Merah. Seorang tak mengapa. Esok atau Isnin." Diam lagi. Dia mendengar dengan teliti, lalu meningkah. "Ada keinginan saya dan itu disetujui Zura dan emaknya." Diam lagi. "Ya begitulah. Diteruskan akad. Nikah gantung." Setelah mendengar seketika, "Terima kasih, Datuk. Salam kami kepada Datin dan anak-anak. Alhamdulillah." Dia meletakkan telefon lalu berbisik kepada Hasnah. "Datuk dan Datin akan sampai."

"Setuju akad mereka dipercepat?"

"Mereka faham dan setuju." Dia toleh jururawat. "Boleh saya tidur?"

"Setelah makan sedikit, YB. Habib."

"Terima kasih!" Syed Omar tersenyum. "Kau orang, rundinglah malam ini."

Berita strok Syed Omar segera merebak. Sebelum jururawat membawanya ke tempat tidur, ramai penziarah sudah tiba. Jururawat itu berulang kali memberi amaran.

"Lihatlah sendiri." Syed Omar ketawa. "Orang sakit sudah tidak bebas walaupun di atas lidahnya sendiri."

Kelakarnya masih segar, tetapi para tamu curiga bila melihat mukanya telah banyak berubah berbanding mukanya lebih sebulan yang lalu.

"Itu!" Dia tunjuk tongkat ketiak. "Hadiah yang kudapat di Ibu Kota."

Seorang keluarganya dari Gajah Mati berungut, "Tepok! Itu hadiah dari hotel."

Syed Omar tersenyum kepada pemandunya, "Esok, cuci senapang. Kita berburu!" *Driver* itu terpegun.

"Tidak percaya?" Syed Omar serius. "Bila bulan purnama berada di tengah langit, kita berdua berburu rusa."

"Memadai!" Jururawat menyuruh empat lelaki itu membawanya ke tempat tidur.

Syed Omar menoleh, "Pastikan peluru dan senapang kita bersih."

"Dia bersungguh-sungguh!" Seorang tamu mengangkat keping.

"Orang tua itu masih tinggi semangatnya." Pemandu Syed Omar kagum.

Seorang yang menolong membawanya ke bilik tidur datang ke ruang tamu. "Dia minta tongkat ketiaknya."

### Pukul 23.40

MEREKA mendarat di Senai semasa kanak-kanak lapar siang dan tiba ke Johor Bahru menjelang tengah hari. Siang panas terik. Angin mati. Zahid menyuruh Zabedah mengajak keluarganya yang terdekat. "Jemput para jiran setelah Maghrib untuk berbincang hal kerja yang mereka hadapi di Alor Merah."

"Ajak makan malam," katanya. Dia meninggalkan beranda yang menghadap Selat Teberau itu. "Saya mahu tidur."

Sebagai kelaziman lelaki, Zahid menyerah beban di dalam rumah kepada kaum wanita. Dia melepaskan diri daripada kewajiban demikian. Biar wanita tanpa rehat. Lelaki merasa berhak penuh meletakkan badannya di tempat tidur. Sifat dan sikap wanita pun, semenjak puluhan ribu atau ratusan ribu tahun, termasuk Zabedah, menerima dengan pasrah seluruh tugas dalam rumah yang didatangkan lelaki untuk kepentingan lelaki. Wanita tidak berehat selagi mata mereka celik, walaupun sudah beberapa malam tidak cukup tidur. Wajar atau zalim?

Zabedah kerah anak-anak dan menantunya mengemasakan semua barang yang dia bawa dari Kuala Lumpur. "Kemaskan rumah, tukar kain langsir, bersihkan permaidani lama dan simpan. Bentang permaidani baru. Ke pasar melengkapi keperluan dapur. Segera pergi ke kompleks membeli-belah, bawa senarai keperluan isi dulang peminangan. Main tu! Datin Hasnah Haji Zain, tidak mahu digelar datin, dan Datuk Syed Omar Syed Kabri Bamadhaj, tidak mahu dipanggil datuk; minta dulang pertunagan itu, lelaki bawa dua puluh tujuh. Perempuan akan balas dua puluh sembilan. Dulang hantaran kahwin, lelaki bawa tiga puluh sembilan. Pihak perempuan balas empat puluh satu." Dulangnya sudah sedia tetapi isinya perlu disediakan. Kerjanya mesti sempurna! Lengkap, kemas, indah dan kelihatan mulia. Zabedah belum membasuh mukanya sejak sampai ke rumah. Zohor sudah masuk. Tapi dia langsung ke telefon, menghubungi keluarganya di sekitar Johor Bahru. Kemudian dia tergesa menuaikan Zohor. Dia bertudung selendang bergegas ke rumah jiran di Bukit Cagar, berbasi-nasi, menyatakan kedhaifan dirinya. Dia terdesak waktu dan tenaga, memohon kepada mereka berkumpul di rumahnya setelah Maghrib.

Zahid tidur di dalam bilik berhawa dingin. Dia tidak sedar Asar dan Maghrib sudah luput. Bila bangun, kaum wanita daripada keluarga dan

jirannya sudah lama menyelesaikan rundingan mereka dan mereka sedang sibuk menghadapi kerja setiap jenis isi dulang pertunangan.

"Mandilah." Zabedah ke sisinya "Kami sudah makan."

"Mahu rehat dulu," katanya sambil sangap. "Suruh bawa kopi ke beranda."

Pemandangan dari puncak Bukit Cagar pada waktu malam selalu mempenonakan. Zahid tidak jemu, bila ada masa lapang, menyaksikan Selat Teberau dan bandar Johor Bahru. Kopi hitam menyegarkan matanya. Angin Barat Daya dari Sumatera sudah tiba, melampaui Selat Teberau, Gelang Patah, dan dataran tinggi Pulai. Di langit, bulan dua belas Safar hampir bulat. Cahayanya temaram tetapi sering dilindung awan. Lampu di kelong dan sampan pengail menambah keindahan malam.

Tembusu yang sudah tumbuh di situ sebelum nenek-moyangnya lahir rendang, agam, tidak teralahkan angin badai, siang-malam menerawang lembah Seget. Pangkal rantingnya yang kukuh mengampu sarang helang.

Sejak kecil Zahid tahu pokok tembusu itu menjadi tempat bangau laut hinggap bermalam. Setelah pulang daripada perantauan mencari rezeki. Berkeriau bunyinya dan najisnya terlalu hanyir. Dahulu, helang tak pernah bersarang di situ. Helang bersarang di pohon tinggi di hutan. Tapi sekarang Tampoi lundang. Kempas gundul. Hulu Tiram lunyai. Bukit Batu - Sedenak, Kului - Senai, Hulu Tiram - Bakar Batu, Masai - Kongkong, semuanya pupus rimba. Helang membandar. Banyak yang memilih pohon tembesu di Bukit Cagar.

Sedikit demi sedikit bangau berkurangan, kerana sumber hidupnya di tanah rawa dan lumpur pantai kian pupus dan ditakluki bahan toksid. Bukit Cagar kian aman daripada gangguan keriau bising dan hanyir najis bangau. Sebaliknya helang semakin banyak, dan membiak terus di situ kerana pohon rimba sudah terhakis. Akibatnya, kucing dan ayam Bukit Cagar, Majidi, Bakar Batu disambar helang. Zahid insaf kesan pembangunan dari segi positif dan negatifnya. Di lapis dalam keinsafan itu, dia faham kerakusan orang yang disebut manusia, yang merangsang sejarah bangau dan helang di Bukit Cagar. Dia menoleh ke kiri, dan mengenang zaman lampau. Di sana dahulu, Jengkui, lorong sempit, curam dari tebing timur Bukit Cagar sampai ke pagar rel kereta api. Sederet rumah batu yang berada di situ, sudah tua. Tanpa kerelaan pemiliknya, bukan penghuninya, kaki lima di situ pada waktu malam, menjadi tempat pelacur China menayang dan menawarkan diri kepada lelaki. Sekarang, rumah tua tiada lagi. Lorong itu semakin lebar menempatkan Jalan Jengkui. Bangunan baru, besar, tinggi dan antun. Tapi sudah berhasilkah institusi masyarakat manusia, menghapuskan perniagaan tertua itu di dunia? Zahid mengeluh kerana menyedari bahawa kuasa politik masih gagal dalam peranan begitu.

Tiupan angin dan desir dedaun tembesu diimbangi dering telefon di dalam rumah dan sekali gus mengganggu lamunan Zahid.

Adik perempuan Kadir ke beranda menegur, "Abah! Telefon daripada kak Zura. YB Habib mahu bercakap dengan abah sendiri."

Zahid bangkit. Kepalanya dipantak persoalan Syed Mokhtar dan berita kerenah Baim. Dia mengangkat telefon dengan perasaan cemas. Dari hujung sana, kedengaran suara datar dan lemah tapi kandungannya riang. Muka Zahid berubah dari cemas ke tegang dan terkejut, lalu tersenyum, diikuti dialog ringkas dan bernas.

Zabedah cemas kerana panggilan Syed Omar itu berkaitan dengan berita Baim. Apabila dia melihat suaminya tersenyum, dada Zabedah lega. Dia mendekati Zahid, "Apa dia orang mahu?"

"Ikut saya ke beranda," bisik Zahid amat perlakan. Dia melalui sisi wanita yang sedang sibuk bekerja. Mereka duduk menghadap Selat Teberau. "Tenang! Syed Omar dapat strok dalam penerangan. Mujur dia dapat diselamatkan. Sekarang ada di rumah. Tapi doktor syaratkan mesti dijaga oleh jururawat."

"Kasihan! Bagaimana? Baik pergi tengok."

"Memang! Kita berdua. Ada jadual baru."

"Jadual bagaimana lagi? Jumlah dulang yang diminta, saya sudah sanggupi."

"Kitaa terpaksa terima."

"Katakanlah! Apa mereka mahu?"

"Jumaat depan, majlis pertunangan dipercepat ke sebelah pagi, diikuti dengan akad nikah setelah Maghrib. Nikah gantung. Majlis rasmi, empat belas November di Alor Merah. Kita terima menantu di Bukit Cagar pada dua puluh satu November."

Zabedah mengeluh. "Bagi saya tak mengapa. Pihak lelaki. Tetapi saya kasihan emak Zura. Sempatkah dia buat persiapan itu semua?"

"Habib Omar minta sangat-sangat."

"Fahamlah saya!"

"Faham apa? Berisi? Tupai kita tebuk kelungkung mereka?" Zahid tegang.

"Nauzubillah minzalik! Tidak. Zura suci" Zabedah urut dada. "Dia semakin uzur. Mungkin ..." Dia tidak teruskan. "Tak mengapa! Kita terima. Bagaimana akan pergi besok?"

"Senai-Subang pada pukul enam pagi. Subang-Alor Setar pada pagi besok juga. Alor Setar ke Subang, petang. Malamnya, kita terbang dari Subang, kembali ke Johor Bahru."

"Awak itu, tak penatkah?" Zabedah simpati. Dia lupa akan letih badan sendiri.

"Saya banyak kerja di sini pada hari Isnin."

Zabedah faham itu; ekoran keputusan Sidang Agung dan tentu berkait dengan berita Baim juga. Dia mengelus rambut suaminya. "Kerja kami entah hingga pukul berapa. Rehatlah malam ini."

"Mahu, tapi tak boleh! Kerja untuk esok mesti kuselesaikan malam ini. Masuk dan sampaikan kepada mereka. Suruh menantu telefon suaminya dan pesan tiket kita." Anak sulung Zahid menjadi pegawai Penerbangan Awam, dan bertugas di Senai. Selama ini, Zahid selalu dapat kemudahan penempahan penerbangan melalui anaknya.

Setelah dia makan, seorang jirannya datang mengucapkan tahniah ke atas kemenangan Team A di dalam Sidang Agung. Zahid membawanya ke beranda dan berbual tentang anggapan orang ramai yang bercampur aduk terhadap kemenangan itu.

"Akan diteruskan lagi gaya pembangunan yang ada sekarang?" Jiran itu menjolok. Dia selalu membangkang secara terus terang kepada Zahid. Tetapi dia tidak pernah bersikap begitu kepada orang lain. Mereka sebaya. Sudah lima tahun bersara.

"Selagi didukung Kabinet, pasti! Tapi Kabinet akan disusun kembali. Itu akan menjalar kepada penyusunaan semula ahli EXCO Negeri.

"Saaya harap akan lebih baik. Kalau dapat, laksanakan kemajuan yang lebih mantap."

"Maksudmu yang kami buat selama ini, tidak mantap?" Zahid tersinggung.

"Canangnya nyaring! Memang banyak hasilnya. Tetapi banyak dimakan ulat." Jiran itu tergelak. "Dalam kesibukan membangun, di luar kesedaran rakyat sebab dikerjakan buruh asing, pembinaan penjara baru bertambah terus. Bilik baru dalam penjara lama pun ditumba. Penghuni setiap bilik penjara bertambah lapan kali ganda daripada yang sepatutnya. Kerja hakim banyak terbengkalai. Mahkamah tinggalan zaman British sudah reput."

Zahid termenung. Dia fahami hakikat itu.

"Semakin ramai pegawai Kementerian Orang Muda, kian banyak pula dibangunkan Pusat Pemulihan Penagih Dadah untuk menempatkan orang muda yang tak berguna lagi, walaupun wang negara banyak diboroskan untuk itu."

Zahid gelisah.

"Pihak polis terus-menerus mengambil rekrut baru. Tapi penjenayah tak dapat dikurangi, malah semakin bertambah. Antaranya jenayah orang politik, pegawai tinggi kerajaan, saudagar kecil, saudagar besar, perempuan muda yang nampak cantik. Tentu negara rugi. Tapi banyak peguam semakin kaya."

"Kami sedari hal itu." Zahid mengaku terus terang.

"Di mana silapnya?"

Zahid diam.

"Kemenangan pihak awak menarik perhatian orang ramai." Jiran itu

semakin mengharu kepala Zahid. "Kawaan-kawan kita bercadang temui awak. Bila ada masa?"

"Mereka mahu apa?"

"Dia orang mahu tahu banyak perkara. Antaranya, mereka tak percaya kepada kemenangan pihak awak di dalam Sidang Agung itu. Mereka mahu tahu, betulkah pembangunan demi segi fizikal saja tetapi kebebasan membina jiwa dan fikiran bebas dirantai dengan pelbagai sistem?"

Zahid terdiam.

"Layan mereka. Berita Baim itu, benar? Kenapa selatan galas biawak utara?"

Zahid gelisah. "Itu, dilema kami dalam hadapi hipokrasi. Mereka rasa kemakmuran negara akui cara kami itu benar. Tapi mereka tidak setuju dengan apa yang mereka akui benar."

## Ahad

Pukul 02.10

RISAUNYA dilawan dengan kerja beruntun. Dia melarikan dirinya daripada mimpi buruk di dalam tidur nyenyak. Di situ, melodi cengkerik di bawah rumput bagaikan ratib monoton. Itu ditingkah bunyi burung pemakan mangsa pada waktu malam yang sering diiringi ketuk paruh belatuk di hutan bukit. Unggas dan serangga memecahkan kesepian dini hari.

Tetumbuhan semula jadi tumbuh di segala penjuru siring dan tebing bukit yang ditarah, semuanya subur berdaun rendang, melambai dielus pawana, seakan mengejek bercampur simpati kepadanya. Bau bunga mengapung sudah bercampur bau tanah yang menguap dari bawah, setelah menerima dingin daripada embun. Itu menggera kenangan lalu – aroma alam dan bauan Zura bila mereka berdua pulang jauh malam dari perpustakaan. Kenangan itu semakin mendera batinnya.

Kelekatu berkerumun di lampu, terbang berputar. Laung berahi katak jantan disambut aum ghairah menanti daripada katak betina. Bulan Safar dua belas malam hampir bulat, sudah rendah ke barat, sering dilindung mendung tengkujuh larat dari Banjaran Titiwangsa. Tiga fenomena alam itu menandakan hujan lebat akan turun lagi.

Kadir amati telatah kelekatu berebut Cahaya tertanggal sayap akibat berlanggar sesama sendiri atau disenggau hangat lantera lalu gugur ke bumi. Kadir berkhayal, akan begitukah nasibku mengejar sinar cinta? Rebah dalam pertarungan berebut kasih atau tersungkur ditunu bara nafsu? Kelekatu itu melalui proses menjadi semut putih – anai-anai. Insan yang patah cinta, bagaimanakah proses selanjutnya? Dia nanar di situ sendirian dan kesepian. Dari arah tangga batu yang menanjak bukit, dia terdengar suara merungut:

"Salah sendiri! Apa akan kau buat? Seluruh Komsis sudah tahu! Malu."

"Mana saya tahu dia orang rampas begitu?"

"Kau tidak bayar ansuran bulanan. Patut orang agen datang rampas. Bukankah pegawai keselamatan tanya, 'Sudah bayar habiskah hutang motorsikal itu?' Kau bilang, sudah bayar semua. Pegawai keselamatan kata, 'Sudah banyak kejadian motorsikal hilang, belum pernah ada diambil pencuri. Semua diambil penjualnya kerana tak bayar hutang.' Dengar dan ingat itu, keterangan pegawai keselamatan?"

"Tak cukup wang."

"Merayap ke Kuala Lumpur, tengok wayang, amalkan maksiat diskon, ada duit! Sedar tak? Kita di sini, pupuk iman, pungut ilmu, bina akhlak. Bukan cari dosa."

Kadir cam suara itu. Dia bangkit dari bangku batu bawah naungan akasia di cerun bukit dan tunggu. Bila mereka tiba di puncak cangkat, dia serghah:

"Kenapa bertengkar?"

"Akil buat kerena!" Azizan kesal. "Motorsikalnya itu."

"Cikgu buat apa berembun dini hari di sini?" Akil bertanya.

"Tengok itu." Kadir tunjuk dua pemidang cermin di atas rumput.

"Mahu bikin apa?"

"Buat percubaan ulangan. Kata orang, motorsikal Akil dicuri. Betulkah?"

"Dirampas." Azizan meningkah.

"Di mana motorsikal itu sekarang?"

"Di Balai Polis Kajang. Saya keluar dari hospital petang tadi. Lepas solat Isyak pegawai keselamatan beritahu. Kami pergi. Bila pulang, ketinggalan bas akhir. Jalan kaki balik."

Kadir bersimpati. "Tidak boleh diambil?"

"Entahlah!" Akil putus asa.

"Malu betul." Azizan kesal. "Sudahlah penat. Dimarahi pula lagi."

"Siapa marah?" Kadir hairan.

"Polis! Memang patut. Tapi mereka ejek. Itu yang terasa pedih."

Akil pergi. Azizan menemani Kadir di bawah naungan akasia.

"Bagaimana sakit kau, Zizan?"

"Alhamdulillah! Neraka di dalam perut itu sudah keluar."

Kadir ketawa. "Lain kali, jangan tenyah makanan basi."

"Jera betul!"

"Sudah bayar yuran peperiksaan?"

"Masih tunggu jawapan ayah."

"Hampir masuk November, Zizan!"

"Saya tak pernah lupa bulan, Cikgu!"

"Maksud saya, tarikh terakhir membayar."

Azizan termenung. Di dalam kepalanya bercelaru sejarah keluarga pewaris derita miskin wang. Di dalam dadanya sebak rasa sendu yang tak terungkap. "Zizan susah hati?"

"Kami sekeluarga tak faham erti susah, Cikgu. Tidak tahu bezakan. Kami lahir dan hidup dalam suasana begitu. Yang saya rasakan ialah, sedih kepada nasib."

"Saya juga susah." Kadir mengeluh.

"Tak patut."

"Saya menyesal." Kadir menghempaskan nafas berat.

"Kenapa begitu? Saya tak yakin Cikgu tak tahu bersyukur kepada Allah."

"Diseksa hati. Sesali perbuatan sendiri."

"Perbuatan apa, Cikgu? Kepada siapa?"

"Zura."

"Hah?" Azizan terperanjat. "Apakan Zura? Saya faham Cikgu tidak mengaku alim tapi saya lihat Cikgu warak. Bersopan, bertatasusila."

Kadir mengeluh.

"Cikgu sudah jadi tupai dan tebuk buah durian tunggal Syed Omar?"

"Bukan begitu!" Kadir selamba. "Saya kesal sebab memaksa Zura pergi buat kerja seorang diri."

"Huuuh! Lapang dada saya." Azizan menghempas nafas panas. "Bukankah Zura dan Cikgu sudah setuju begitu? Kami dengar di kafeteria. Prof. Sanusi dan Dr. Munah puji Cikgu dan Zura, kerana rela berbahagi beban kajian."

"Zura seorang. Pada waktunya malam di tempat lengang."

"Bila rasa kesal itu timbul?" Azizan kaji roman muka Kadir yang disoroti bulan.

"Saya insaf sejak tiba ke kampus. Saya kesal bila merasa kesepian sendirian di sini, waktu dini hari begini. Di sini, saya aman. Tapi Zura di kawasan terpencil. Kalau dilibas buaya atau diserang orang, bagaimana?"

"Saya faham bahaya itu." Azizan mengeluh. "Zura sudah pergi?"

"Pagi tadi terbang ikut ibu bapanya. Rasa-rasa saya mahu terbang ke sana."

"Huh! Terbang. Buang duit. Jom, esok pagi ke sana."

"Zizan?" Kadir tercengang.

"Bersama. Kajian saya belum lengkap. Memang tak patut Zura buat seorang."

"Zizan temani saya?"

"Temani Cikgu dan Zura. Wang yang Cikgu berikan di hospital belum luak. Cukup tambang bas ekspres berdua ulang-alik."

"Kita gunakan kereta." Kadir menarik nafas lega.

"Buat apa boros duit minyak? Nak tayang Alfa Sport itu di kampung?"

"Terima kasih, Zizan." Kadir gelak. "Esok! Gunakan kereta. Pergi tidur."

"Cikgu tak mahu tidur?"

"Dari tengah hari ke tengah malam, saya diperambat mimpi ngeri." Kadir menyerahkan kunci kereta. "Di bonet ada tikar purun dan beg sandang. Bawa dan buat alas dan bantal."

Azizan bentang tikar di bawah pohon. "Siapa tidur dulu?"

"Zizan! Saya tak biarkan cermin itu ditimpa hujan. Sudah tiga jam ditadah"

Azizan mengerling Kadir. Sebidang cermin menimbang secekak tisu untuk dijadikan lap. Kemudian tisu basah itu ditimbang kembali bagi menentukan berat embun. Dia kemudiannya menulis nota. Lalu ditadah kembali. Sebidang yang lain, Kadir tidak usik.

"Pukul berapa bertolak?" Zizan bertanya bila Kadir kembali ke bangku.

"Setelah solat Subuh. Kata Akil, Zizan pernah bawa teksi. Betulkah?"

"Prebet sapu. Disewa lima belas ringgit sehari. Andai tidak dapat ke universiti, mungkin saya kekal pada *steering* kokak."

"Bagus! Memang Zizan patut pergi ucapan terima kasih kepada Syed Omar."

"Kenapa berterima kasih kepada orang kaya?"

"Kepada Zura juga!"

"Kerana Syarifah Zura sering ajak saya makan? Cikgulah yang terlalu banyak menolong saya, tetapi belum pernah menuntut terima kasih daripada saya."

"Bangun dan duduk di sini, saya cerita."

Azizan patuh. Kadir seluk saku jaket, mengeluarkan sampul putih. "Desakan Zura kepada Syed Omar, maka sampul ini diamanahkan kepadaku untuk kau."

Azizan gugup. "Surat Syed Omar? Saya tak pernah buat salah kepada Zura."

"Untuk pelajaranmu tahun ini dan tahun hadapan."

Azizan keluar daripada naungan pohon, membuka sampul. Cahaya bulan dan sinar lampu taman menyorot tulisan tangan pada cek tunai bernilai sepuluh ribu ringgit. Badan Azizan kaku. Lidahnya kelu.

"Zura minta lima belas. Habib Omar berjanji akan berikan yang lima ribu lagi itu menjelang konvokesyen tahun hadapan." Kadir selamba saja.

"Betulkah ini?" Azizan belum yakin pada mata dan telinganya.

"Ambil tunai di Alor Setar atau masukkan ke dalam akaun peribadi Zizan di bank."

"Saya perlu tunjuk kepada ayah dan emak, Cikgu! Saya mahu bawa ayah dan emak pergi jumpa Syed Omar."

Kadir terharu. "Ayahku janji. Katanya, jika kelulusan Zizan bagus, dia hendak tanggung pelajaran Zizan dengan syarat Zizan terus ke peringkat sarjana di universiti ini."

"Allahu akbar!" Seruan itu meledak dari lubuk kalbu Azizan. "Bila agaknya ibu bapa saya boleh berjumpa orang tua Cikgu?"

"Petang Jumaat, minggu hadapan, ibu bapaku hadiri majlis pertunungan kami di Alor Merah." Kadir bangkit dari bangku, lalu mendatangi Azizan. "Zura bercerita tentang dirimu kepada ibu bapa kami sebelum ke lapangan terbang. Mereka terharu. Ayahku akan biayai pelajaran Zizan setelah mengikuti sarjana di sini dan untuk Ph.D di luar negeri."

Azizan tersedu-sedan, sujud ke tanah. Air mata dari lubuk hatinya menyerap ke dalam bumi tanah airnya.

Pukul 10.40

HATI Hasnah lapang bila melihat suaminya tidur nyenyak, setelah menunaikan Subuh awal waktu. Sebelum sarapan, dia mengajak Kalsom ke pasar. Jangkaannya yang Kedah-Perlis sudah bebas daripada hujan lebat kerana musim mulai berubah, meleset. Angin barat laut tiba-tiba mengirim mendung, menjelang laut surut tempas, menyongsong pasang pagi. Hujannya mencurah setelah Subuh. Tapi dia terdesak masa, mesti berbelanja pagi ini. Hubaya akan berlanjutan melepas Jumaat. Hujan ribut purnama Selat Melaka tidak mahu rehat. Majlis siang Jumaat dan malamnya, bagaimana? Hasnah cuak. Majlis itu mesti diteruskan.

Kalsom memandu Mercedes peribadi Syed Omar. Hasnah memandu BMW miliknya. Banjir di halaman rumah melampaui labuh betis ketika mereka balik. Lelaki dari Gajah Mati bertarung hujan ketika memunggah barang dari dua buah kereta mewah itu. Hasnah dan Kalsom sudah basah luncus dari tudung ke selipar sejak di pasar. Ketika itu Syed Omar yang masih berpakaian tidur menjadi tontonan di dalam rumah. Dia melatih kakinya dengan bertongkat ketiak.

Hasnah cemas melihat muka suaminya pucat. Dia tegur, "Jangan memaksa diri berjalan jika dada terasa sakit."

"Takkanlah mengalah terus kepada sakit ini. Dada tak mengapa. Nafas lega."

Syarifah Kalsom tiba ke sisinya, "Bagaimana rasa jantung abang?"

"Jangan bimbang, Dik! Insya-Allah, abang boleh berburu malam esok."

Jawapan itu mereka anggap kelakar tetapi kepala Syed Omar penuh dengan rancangan. Dia berharap sungguh jantungnya tidak kambuh dan kaki tepok itu selesa dibawa duduk dalam kereta ketika menunggu menjelang dini hari nanti, dan semoga sempat pulang sebelum Subuh.

"Terasa ada perubahan?" Hasnah tiba ke sisinya setelah bersalin pakaian. Hatinya kesal hiba, mengenang dini hari menjelang pagi pengundian pada Sidang Agung. Waktu itu dia layani Syed Omar. Suaminya di bawah. Dia di atas. Hasnah lekas capai orgasme. Syed Omar belum. Mereka ubah posisi. Hasnah di bawah. Syed Omar paksa diri. Setelah itu, dia lunglai tercungkap. 'Kesan daripada dini hari itukah yang tiba ke jantung suamiku?' Dia memapah Syed Omar bertatih di sekitar ruang tamu.

"Ambil ubat saya!"

Hasnah membawa segala ubat yang dibekalkan doktor hotel dan rumah sakit.

"Jururawat itu, bila pulang?"

"Ambulans akan ambil dia setelah Subuh. Dia pesan, makan ubat mesti teratur."

Syed Omar tersenyum. Dia telan sekali gus bersama air suam. Hasnah ketawa.

"Ejek bajak tua ini? Masih boleh tenggala sawah!" Syed Omar tolak isterinya.

"Macam manalah tak geli hati? Sekaranglah, baru saya lihat setia kepada ubat! Sedar-sedarlah pada diri usia tua. Badan awak tu, sudah reput. Perlu dibantu ubat."

Kalsom mandi di bilik Zura. Gadis itu masih nyenyak. Sementara dia melumur sabun fikirannya tumpah kepada suami. Dada itu. Perut itu. Nun yang di bawah pusat. Dia sediakan, dan menanti Syed Mokhtar pulang. Tapi yang sampai kepadanya hanya khabar petaka politik – ditangkap dalam darurat. Berbulan? Bertahun. Tidak tahu. Dia diganggu suara orang datang dan orang yang menyambut. Dia kenal suara Zahid tetapi belum kenal Zabedah. 'Syukur! Mereka sudah datang!' Dia keluar dari bilik mandi dan berpakaian. Sepintas lalu dia jeling Zura yang sudah berkalih, tidur terlentang. Tangannya mendapang tegang. Mulutnya berkeruh. Suaranya tidak menentu. Rona mukanya berubah berganti-ganti. Kalsom paksa Zura bangun.

"Tak malu? Bakal mertuamu sudah tiba. Kenapa kau kata Zahara khianat?"

"Mimpi, Umi!"

"Zahara itu siapa?"

"Entah! Setan dalam tidur."

"Hati Umi tak sedap. Bangun! Bersiap cepat. Kita bertolak sebelum Zohor."

"Umi sudah dapat orang hantar kita ke Kangar?"

"Tak payah! Orang di rumah ini semuanya sibuk. Kita naik bas. Tidak usah bawa pakaian. Di rumah sana banyak. Angkut selengkap keperluan kerjamu saja."

Zura tадah telinga, meneliti suara suami isteri, bakal mertuanya.

"Saya perlu layan mereka, Umi! Lepas Asar, baru kita bertolak."

"Pergi mandi Nak! Nanti temankan Umi di dapur. Umi mahu ajar kamu, siapkan gulai dan korma kegemaran selera orang Johor. Mereka tidak serasi kari Kedah."

Di dalam bilik mandi, Zura menyanyi suara terkulut! Dia meniru irama keroncong; hanya engkau. Tiba-tiba hatinya mentah. Dia meradang dibakar cemburu.

'Betulkah ini? Kenapa Zahara khianati saya dalam mimpi?' Hatinya mendidih.

Pukul 14.10

MEREKA bersiul riang. Kadir memandu dari Bangi. Azizan berkelakar di sisinya. Bual mereka kian kemari sehingga mereka bersarapan di Tanjung Malim. Dari sana, Azizan tidur kembali. Dia bangun dan memandu dari Kuala Kangsar.

"Jangan terlalu laju." Kadir berungut. "Hujan."

"Lari ala prebet sapu!" Azizan gelak menikmati reaksi peka Alfa Sport itu.

"Jangan lampau seratus sepuluh!" Dia jeling *speedometer*. "Memadai. Seratus. Begitu, cukup! KL - Alor Setar cuma lima ratus lapan puluh dua meter. Zohor di sana."

"Bangi-KL lima puluh. Alor Setar-Alor Merah lima. Semua enam ratus tiga puluh tujuh." Azizan gelak. "Tadi Cikgu pecut seratus empat puluh. Terlalu rindu?"

"Tengok keadaan. Sebelah selatan, jalan lebih selesa. Di utara, jalan buragas."

Azizan mantap antara sembilan puluh ke seratus.

"Kenapa Zizan pilih antropologi sosial?"

"Hingga Tingkatan Tiga saya kuat dan minati sains. Kemiskinan memaksa."

"Di negara kita Zizan, kemiskinan itu dongeng basi. Kerajaan sediakan segala kemudahan pelajaran. Sekolah percuma, diberi buku teks dan pakaian, percuma bagi murid dan pelajar yang ibu bapa tidak mampu. Murid dan pelajar luar bandar diberi susu dan makan tengah hari percuma. Sekolah menengah berasrama percuma bagi pelajar yang cemerlang. Jangan nafikan jasa M.R.S.-MARA."

Azizan gelak. "Tinggallah di kampung kalau nak tahu! Cikgu akan lihat. Ada buku pinjaman, tapi selalu terlambat dan sudah buruk. Guru sains?" Azizan ketawa.

"Kenapa paksa diri ambil jurusan antropologi, jika tak berminat?"

"Berminat sejak Tingkatan Empat. Saya ingin memahami manusia."

Kadir digoda kantuk tetapi dia melawan. Kian ke utara, hujan semakin lebat. Terasa desau tayar baru di atas aspal basah dan dengung jentera kereta bagai bunyi kumbang. Pada mulanya dia cuak. Tetapi setelah melampaui Changkat Jering, dia yakin kepada Azizan.

Hujan lebat, perbualan dibumbu jenaka Azizan dan kopi bekalan dari Tanjung Malim menyebabkan mata Kadir segar kembali. Dari Krian ke utara, dia saksikan dan kagumi pembangunan yang merecup di sana sini - ekonomi tani dan industri berdasarkan eksport. 'Inikah tamsil beras dari padi yang dipilih Syed Omar? Buang bijiran rumput.' Jika dibandingkan dengan yang di selatan, memang selatan lebih pesat. Tetapi di sini, fikirannya terbuka! Bantahannya terhadap ayahnya dan bakal mertuanya pada malam kelmarin, kini dicerna dengan pertimbangan pro-kontra dan positif-negatif. Kadir mulai memikirkan kemurahan hati ayahnya. Kini Syed Omar pun mula membantu mahasiswa miskin. Itu membuka jalur baru dalam mata hati Kadir ketika melihat denai jasa dua orang tua itu. Tanpa dia sedari sepenuhnya, mereka sampai Sungai Petani. "Zizan tidak laparkah?"

"Terasa juga. Kita berkejar ke Alor Merah, habiskan saki-baki lauk mereka?"

"Segan, Zizan! Perlahan. Perhatikan restoran. Makan di sini."

"Setengah jam, boleh! Makan dan penuhkan tangki."

Mereka berjamu nasi kaku berlauk kari pekat, gulai nangka berkuah cair dan ikan goreng rentung.

"Di rumah nasi beras Siam!" Azizan kesal. "Ini beras Kedah! Melawan gusi."

Nasi tak luak separuh. Mengisi perut dan tangki mengambil masa suku jam. Azizan pecut.

Di Bedong, Kadir sangap. Azizan mengusik. "Tidurlah. Kejar Zura di dalam mimpi."

"Bila saya tidur, kau sesuka hati teruskan ke Kaki Bukit." Kadir ketawa.

"Panggang ayam! Malam ke Alor Merah!"

"Terus ke Alor Merah, Zizan! Kita mesti kejar Zura."

"Rindu sangatkah? Baru satu hari berpisah."

"Kerja itu. Kita runding dengan Zura hari ini juga."

"Buang masa. Tak payah runding! Kerja itu kita tahu. Jom! Ke rumah dulu."

"Ke Alor Merah. Malam ini tidur di rumahmu."

"Bagus!" Azizan gembira. "Nanti dapat pengalaman baru." Dia ketawa. "Nah, beritahu saya. Menurut kajian itu, bilakah akan terjadi letupan besar di utara Selat Melaka?"

"Antara dekad ini sehingga empat atau lima puluh tahun akan datang."

"Kasihan rumahku! Jika gegaran lebih besar daripada malam itu, tentu roboh."

Kadir gelak. "Rumah kayu tahan. Saya gerun petaka ombak menyerang darat."

"Letupan itu bawa ombak besar?" Azizan ngeri menjangka bencana begitu.

"Pasti. Kajian kami memberikan data begitu." Azizan semakin cemas.

"Dini hari Sabtu yang lalu itu, hanya cuba-cuba saja, Zizan. Tetapi kamu jangan terlalu bimbang. Saya sudah lihat kontur bumi di Kaki Bukit. Kampungmu tinggi dari aras laut dan dilindungi banjaran gunung. Serangan ombak tak akan sampai ke situ."

"Dari Kangar ke Singapura, habis!" Azizan resah. Di kirinya – Gunung Jerai berdiri agam. 'Jadi pulau nanti gunung itu.' Dia mengeluh di dalam hati. Kadir sudah lelap.

Jalan lurus dan rata setelah melampaui Gurun! Tapi Azizan turunkan had laju antara tujuh puluh ke lapan puluh ksj. Penduduk di situ terlalu berani menyeberang. Ternak tak menghiraukan kenderaan yang lalu lalang. Hujan makin lebat bila mereka sampai di Guar Chempedak. Teori Kadir tentang gempa dan ombak merangsang otak Azizan dan negeri memikirkan bencana itu di kontur tanah yang rendah daripada aras laut. Dia sedari Mukim Sungai Daun yang dia lalui sekarang, terletak terlalu dekat dengan pantai. Bila pasang penuh, birai parit di situ dijangkau air laut. Jalan utama itu, jaraknya antara enam ke tujuh kilometer dari pantai. Kawasan itu sehingga ke Alor Setar, dan dari Mukim Padang Lalang sehingga ke Jerlum, jarak ke pantai dari jalan raya hanya antara dua ke tiga kilometer saja.

"Jangan takutlah, Zizan!" Dia teringat senda gurau Zura di Kafeteria Pentadbiran minggu lalu. "Kalau lima puluh tahun akan datang, masa itu anakku sudah bercucu."

"Kalau berlaku lima tahun akan datang?" Waktu itu muka Azizan tegang. Kini muka itu tegang dan muram.

Di Kota Sarang Semut, air pasang tengah hari itu sudah menenggelami jalan raya. Dia sedar bulan Safar sudah dua belas hari. Dua hari lagi, akan tiba puncak ketinggiannya selama empat kali pasang. Sekarang pun, sampah sarap dan kiambang, mengapung di atas jalan raya. Antaranya banyak yang sudah lunyai dilanyak tayar.

Hujan kian lebat dan angin ribut tidak terhadang dari pantai. "Bangun dululah!" Azizan berungut. "Sepuluh batu lagi. Guruh dan kilat berkelahi di langit." Kadir diam.

Bila mendekati Pangkalan Kundur, Azizan mengeluh. "Banjir besar pula di sini!"

Azizan menarik lengan Kadir. "Bayar niatkah? Hutang tidur berapa malam? Hujan ribut!" Dia jeling muka Kadir. "Jangan buang tabiat." Dengkur Kadir berkala-kala.

Azizan cemas. Dia tahu Alfa Sport itu rendah. Kenderaan berderet, tidak sampai laju empat puluh ksj. Sejak di Kota Sarang Semut, dia berulang kali cuba memotong tetapi gagal. Kenderaan dari hadapan, begitu juga. Dia terkial-

kial hendak mendahului bas di hadapannya bila bas itu berhenti menepi namun tidak berhasil. Azizan menahan geram, menetapkan *gier* satu dan menekan minyak untuk mencegah air masuk ke saluran asap.

"Pemalas Cikgu ini!" Dia bersungut, terhidu hangit dan kerling ke *barometer* bagi melihat suhu enjin. Jarumnya terletak di atas huruf *N*. "Huh! Kasket dan ada fius penyaman udara ini yang tak betul." Dia menutup penyaman udara, menurunkan cermin depan kanan kiri, tiga inci! Hujan dan angin barat laut, menyiram tempias ke dalam kereta. Azizan membiarkan suhu turun kepada pertengahan huruf *N*.

"Setiap hari macam belangkas dengan Zura. Kereta semahal ini tak servis."

**MENJELANG** pukul dua, Zura selesai melayani bakal mertua dan ibu bapanya. "Siaplah, Umi! Hujan masih lebat. Minta tolong sesiapa hantar kita ke pangkalan bas."

Beg sandangnya sudah sedia di tepi pintu. Beranda luncus tempias. Dia mendekati Zabedah. "Mak Datin! Saya bawa kerepek pisang Johor ini. Bekal kerja di sungai."

"Tidak bolehkah dibatalkan buat sementara kajian itu, Zura?" Zabedah resah.

"Kerja itu yang menyebabkan saya ke mari, Mak Datin! Bakal Perdana Menteri kita tentu sedang bertungkus-lumus seorang diri di makmal dan di pusat komputer."

"Tak bolehkah dibuat minggu hadapan saja?" Zahid berkerutkening.

"Biarkan," ujar Syed Omar. "Tetapi ingat! Lepasi Sungai Kayang, sebelum pasang penuh. Sebaik-baiknya sudah sampai ke Kuala Sungai Besi ketika itu dan rehat di sana."

"Dengar, Pak Datuk? Itu, cuma arahan Yang Berhormat. Belum lagi daripada calon Yang Amat Berhormat. Bakal Perdana Menteri kita lebih tegas daripada itu."

Ibu bapa dan bakal mertuanya ketawa.

Kalsom tercengang. "Siapa bakal Perdana Menteri?"

"Calon menantu awak!" Hasnah terkikik. "Tapi manalah tahu, mulut Walidnya masin?" Bila terdengar derum kereta di halaman, Hasnah menjenguk. Dia berseru, "Kereta Kadir."

Zura bingkas bagai jerat simbat melompat ke beranda. Dia melihat Azizan tersengih. Kadir tersandar rebah, kepalanya terkulai. Zura cemas, menjerit, "Kenapa dia, Zizan?"

Orang yang gempar di dalam rumah, meluru ke pintu!

## Pukul 16.50

LAUT pasang surut kembali. Hujan lebat dan angin ribut berhenti sendiri. Dua anasir neraka dunia kepada petani sawah dan nelayan di pantai Kedah-Perlis sudah berganti riang bagi melanjutkan kegiatan hidup. Langit bersih dan angin lumpuh.

Dalam proses laut surut dan hujan kian tipis di Sungai Perlis, dua buah sampan penambang Melayu ditambat di batang perek, di seberang Kuala Sungai Kayang. Tadi, sampan itu disorong pasang dari Kuala Perlis. Sebuah penambang berpenumpang empat lelaki Cina yang masih muda. Satu lagi penumpangnya cuma dua orang wanita muda, berkulit kuning langsat dan seorang lelaki Cina yang mulai tua. Bila angin teduh dan hujan hanya renai-renai, enam penumpang itu turun. Mereka membawa tangguk, mengharungi lumpur di tebing, tak menghiraukan betis tercalar diguris tiram. Tiram itu melekat menumpang hidup di akar api-api yang mencerak tegak melampaui permukaan lumpur. Dua orang Melayu penambang itu tidak menanggalkan jubah plastik kuning. Mereka kedinginan di atas sampan. Bibir mereka biru. Jari-jari tangannya kecut.

Bila menghilir, penambang bertanya, "Nak buat apa tembakul begitu banyak?"

Wanita itu tersenyum manis - riang bagi matahari petang dibebaskan mendung. Dia berbahasa Melayu lenggang Singapura, "Kita orang muah ternak."

"Menternak tembakul? Siapa muah makan?" Penambang itu hairan. Dia belum baca *Hikayat Raja-raja Pasai*. Sebab itu, hidungnya tinggi ketika tergelak, "Buat apa makan tembakul? Ikan lain banyak."

"*Cide howannang ciak keli* (orang hutan ini makan keli)" Lelaki Cina mulai tua itu mengejek dalam bahasa Hokian dan ketawa terbahak-bahak. "Dulu-dulu pun, Melayu tidak pandai makan? Kita orang suka ikan ini. Bikin kuat! Banyak sedap."

Penambang itu, betullah dia Melayu tapi jenis Melayu yang belum tahu dongeng *Batu Belah Batu Bertangkup*, menggilik kedinginan. "Mana ada Melayu makan tembakul."

Tembakul ditaruh ke dalam empat tempayan yang dicampur lumpur dan air masin. Itu dimuat ke dalam dua buah Isuzu Troope.

Tempayan tembakul dicurigai Polis Hutan di Kampung Padang Gelanggang.

AZIZAN memandu dari Alor Merah mengikut jalan arah ke Gunung Keriang sehingga ke simpang tiga Talair Alor Changleh. Sebelum melampaui jambatan Sungai Baru, Syarifah Kalsom di belakang bersama Syarifah Zura mengoyak tabir kesunyian perjalanan itu. "Jadi begitulah Cikgu! Memang jodoh itu waktunya dan pasangannya di dalam tangan Tuhan. Siapa sangka selama ini akan dibikin begitu cepat? Semuanya secara mengejut. Bertunang, mengejut. Nikah, mengejut!"

"Bakal Perdana Menteri kita pun, datang mengejut." Zura terbahak-bahak. "Kur semangat! Berderau darah saya. Terasa hendak pecah jantung saya bila melihat Zizan muncul dan bakal Perdana Menteri kita kepalanya lintuk, tersandar lunglai."

"Kalau begitu, Zura sayang juga, ya?" Azizan ketawa tanpa menoleh.

Tangan Zura mencekau tengkuk Azizan dan mencubit.

Matahari di balik awan tipis sudah tiba ke atas dahi ufuk barat bila mereka tiba di *check point* di Kampung Padang Gelanggang.

"Ke Kuala?" Kopral Polis Hutan bertanya. "Awas, kalau ke Langkawi. Ombak besar sekarang. Pastikan naik bot yang disahkan Polis Laut."

"Terima kasih," Kalsom menyahut. "Pulang ke Kangar saja. Banjir di hadapan?"

"Mujur. Hujan lebat bertembung laut pasang. Tapi banjir itu ikut laut surut."

Mereka cepat diberi laluan. Di sisi jalan arah ke Kampung Sanglang, dua buah Isuzu Troope terhenti di sana dan digeledah. Sudut mata Zura terlihat sekilat, lalu ke susuk tubuh dan raut muka wanita yang menyebabkan dadanya berdebar.

"Kadir nampak, tak?" Zura tanya.

"Nampak apa?" Kadir hairan.

"Di dalam salah sebuah kereta yang diperiksa tadi!"

"Saya cari matahari di balik mega lembayung senja. Ada apa?"

"Rasa-rasanya, Mak Cik di dalam kereta itu."

Kadir menoleh ke belakang, "Mengarut. Mereka sudah mendarat di Subang."

"Bukan Mak Cik Datin dan Pak Cik Datuk! Bini muda Walid!" Zura tegang.

"Berpatah balik, Zizan! Kita kejar!"

"Jangan!" Kalsom bantah. "Buat apa hirau betina begitu?"

Azizan teruskan had laju enam puluh ksj. Di dalam kepalanya, bertarung dua makna; *bini Walid* dan *betina begitu*. Adakah Syed Omar, pemimpin yang disegani, kaya dan dermawan, memiliki isteri demikian?

SETELAH lama bersoal jawab, Ah Hoe naik bosan. Dia berungut, "Jika kau orang tidak benarkan, tak mengapa. Biar kita orang lepaskan balik ke dalam parit."

"Tekak kau orang Singapura, tak pilih bulu! Tembakul pun, kau orang bedal." Seorang sarjan Polis Hutan mengejek. "Bawalah! Pergi berambus dari sini."

Setelah melepas Kampung Sanglang, Isuzu Troope yang digunakan empat orang itu sudah jauh ke hadapan. Tapi di belakang, Ah Hoe memandu perlahan. "Chanida pun lihat! Dia orang tidak makan tembakul. Bagaimana Melayu boleh kuat dan tahan lama?"

Salmah resah. "Tak fikir tembakul. Diharu Kayang! Patut suamiku gunakan."

"Kita tidak tahu pasti, itu saja atau masih ada tempat lain yang dia gunakan. Pantai di sini banyak muara lengang. Saya fikir, nanti Chanida balik kepada suamimu."

"Buat apa? Uncle Hoe mahu dia bunuh saya? Dia sudah mula cium kelakuanku."

"Lelaki lain? Tiada bukti." Ah Hoe gesa. "Dia suka bila kau mengandung."

"Uncle mahu saya pulang beri dia anak?"

"Ada hal lain. Saya mahu Chanida curi rahsianya"

Salmah tertarik. Ah Hoe belok ke kanan, masuk ke jalan buntu di sisi rumah di seberang Kampung Lubuk Pinang.

"Biar kereta di sini. Mandi. Salin baju! Tukar rambutmu! Naik taxi ke hotel." Ah Hoe gesa. "Simpan pasport Siam dan kad pengenalan Malaysia. Bawa pasport Singapura."

"Bila nak datang ke mari?" Salmah berbisik tanpa menoleh.

"Hingga pukul sepuluh malam esok kita bertemu di hotel. Makan pun di dalam bilik saja."

"Lupa telan pil." Salmah resah. "Giliran bulanku sudah lewat tiga hari."

Ah Hoe tersengih, tanpa suara. Tapi Salmah menanggapi itu sebagai citra sejuta kata.

PARA jiran dan keluarga Hasnah dari Gajah Mati menyambung kerja setelah menunaikan Isyak. Syed Omar menerima panggilan daripada Imam Sadali di Kuala Lumpur. Pak Imam bercerita panjang tentang kemajuan urusan Basirun untuk membawa Sumartini dan Sofian. Dia juga menyatakan rasa kesalnya kerana anak Sofian, Embi juga namanya dan sudah remaja, tidak boleh dibawa ke mari sebab tidak sempat uruskan cuti sekolahnya. Isteri Sofian begitu juga sebab terpaksa berkejar dari Gersik ke Yogyakarta, menggantikan Sumartini menjaga toko batik. Syed Omar memaklumi kegembiraan Pak Imam kerana Sumartini dan Sofian sudah sampai di rumah Basirun di Jakarta, dan pasti akan ikut Basirun ke Kuala Lumpur pada pagi Isnin nanti. Pak Imam ditemani *Chief d' Mission* Kedutaan Indonesia ke Alor Setar. Dia akan tiba dengan helikopter siang Selasa lusa, dan meminta dibuat tempahan empat bilik hotel. Setelah meletak telefon, Syed Omar berpindah kepada kerusi rotan di beranda.

Syed Omar termenung sendirian mendongak ke bulan Safar tiga belas yang hampir bulat penuh sudah menjangkau tengah langit. Dia perhitungkan waktu kerjanya esok. Setelah pastikan jadual, dia menoleh ke dalam serta berkata tenang kepada isterinya, "Kerja saya terlalu banyak mula petang esok. Saya akan keluar rumah sebelum Asar. Andai saya belum pulang, bawa keluarga menyambut Imam Sadali dan rombongannya di Kepala Batas. Helikopter mereka sampai siang Selasa. Insya-Allah, pada hari Rabu malam Khamis saya sampai ke rumah. Besok saya akan buat tempahan empat bilik hotel untuk mereka, tetapi usahakan juga agar Kak Tini dan Pian sudi bermalam di rumah ini saja. Saya sudah beritahukan majlis itu pada siang dan malam Jumaat. Imam Sadali tolong beritahu mereka di Jakarta pada malam ini juga agar Kak Tini dan Pian bersiap menghadiri majlis pertunangan dan majlis akad itu."

Hasnah mendekati. "Ke Ke El?" Berita Baim itu, muncul lagi dalam kepalanya dan mendesak dadanya. "Kalau sempat, usahakanlah kebajikan Dik Tar." Suaranya pilu.

Syed Omar mengangguk. "Beritahu jururawat itu. Saya tak perlu dijaga. Suruh dia tidur." Arahan doktor tidak wujud dalam kepalanya sekarang. Dia bertumpu kepada nota di dalam beg jinjitnya dan kepada rancangannya.

Berbagai-bagai cara dia pilih. Di ruang matanya terbayang longgok batu berlian yang akan dia terima. Lalu dia sedari bahawa dirinya sekarang lemah dan jantungnya lemah. Dia juga berharap perkara Syed Mokhtar itu cepat dibincang oleh Lembaga Penimbang. Pembebasan Syed Mokhtar akan memudahkan urusannya di Sungai Kayang pada masa hadapan.

'Siapa taruh parang dan risalah haram di dalam kereta?' Keningnya tegang. 'Apa maksud menyimpan begitu banyak nasi bungkus? Dua keranjang untuk makanan dua ratus orang.' Menurut bisik Zahid kepadanya bila pulang dari Kontingen Polis Hutan, Syed Mokhtar pada lewat tengah malam itu menjelang pembukaan Sidang Agung menyuruh pemandu agar memberitahu Ketua Kenderaan supaya semua limo VIP dilengkapi parang panjang.

Ketua Kenderaan bertindak sendiri? Syed Omar ragu. Dia tahu hal yang begitu perlu diketahui dan diluluskan pihak pengawal. Pihak pengawal boleh memberi kelulusan di atas persetujuan pihak pentadbir Ibu Pejabat. Itu mesti diketahui Setiausaha Kerja yang akan meluluskan atau tidak. Urusan apa sekalipun mesti tidak akan sampai kepada, dan keluar daripada Setiausaha Kerja, tanpa melalui Baim. Ertinya Baim tahu jika Ketua Pengawal dan Ketua Kenderaan itu mematuhi hierarki tatatugas mereka.

Kesal benar hati Syed Omar kerana Baim tiada. 'Atau Baimkah yang mengatur semuanya itu? Aduh, larangan mutlak di dalam perintah berkurnung – senjata, surat layang dan makanan – ditemui di dalam kereta.' Dia menjerit di dalam hati. Baim buat di mana? Siapa yang bantu? Pemandu mana lagi yang dia pengaruhi? Syed Omar tetap syak ke atas diri Baim dalam hal itu. Dia sedari sekarang bahawa tidak mustahil Baim merasa tidak puas hati atau marah kepada kerena para pemimpin parti dalam tampuk kerajaan Peselekutan dan kerajaan negeri berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya selama ini. Baim faham apa yang orang lain belum tahu. Baim nampak apa yang orang lain belum lihat.

'Kenapa Baim tak bincang dengan saya dari hati ke hati tentang segala ketidakpuasannya selama ini?' Syed Omar terpegun. 'Kerana Baim tidak percaya juga kepada saya?'

Syed Omar ragu, sejauh mana Baim tahu cara Syed Omar memiliki kompleks kondomonium di Bandar Baru Bangsar dan Brickfield itu. Kompleks kondomonium dan hotel di Pulau Pinang? Beberapa blok bangunan kedai dan kediaman di Alor Setar? Urusan itu banyak dilakukan melalui hubungan surat-menjurat dengan Setiausaha Kerja di belakang tabir untuk mendapatkan angguk mudah dan mengelak geleng enggan daripada datuk bandar dan beberapa orang pengarah urusan daripada institusi kewangan.

Syed Omar timbang dan bolak-balik fikirannya dalam menanggapi sikap hidup orang Bawean terhadap majikan, sebagaimana yang diungkapkan oleh Haji Marzuki. Syed Omar akui benarnya keterangan orang tua itu. Tetapi

kenapa Baim sekarang tidak setia lagi kepada majikan? Itu yang membingungkan Syed Omar, sebab dia belum sedar bahawa generasi Baim sudah mengalami penyimpangan sikap hidup, daripada yang dimiliki Kasban, ayah Baim! Syed Omar alpa bahawa Kasban ialah keturunan langsung daripada Bawean jati, lahir di Pulau Pinang. Baim Bawean generasi kedua yang lahir di Ibu Kota. Era dan persekitaran hidup mempengaruhi kehidupan orang. Syed Omar abai bahawa sesetia-setianya orang terhadap majikan, akhirnya tiba kepada suatu peringkat; mahu atau tidak mahu, sedar atau tidak sedar, tapi demi tujuan hidup dan hari depannya akan berubah juga. Itu bukan lagi persoalan seseorang individu, tetapi cita-cita hidup dan cita-cita hari depan sesuatu kelompok masyarakat, sesuatu kelompok etnik dan sesuatu ikatan rasa kebangsaan. Jika si majikan atau sesuatu institusi tidak lagi diyakini akan dapat mendukung cita-cita yang mereka kejar atau yang mereka ingini, pasti akan sampai kepada suatu peringkat, mereka akan meninggalkan institusi.

Syed Omar tidak sempat fikirkan kejiwaan Baim sebagai seorang individu daripada generasi baru yang sudah terlibat dalam *trend* tidak mahu lagi berkultus kepada satu peribadi. Dia sudah menetapkan pendiriannya untuk menumpukan kultus dan baktinya kepada suatu cita-cita.

Kesilapan generasi Syed Omar kepada Baim, sebagai contoh ialah gaji yang diberikan kepada Baim lebih daripada kadarnya. Hadiah yang diberikan kepada Baim, lebih daripada tarafnya. Sikap liberal yang diberikan kepada Baim sudah memadai sebagai orang yang bertaraf Ketua Kerani. Bagi Syed Omar; pangkat, gaji, hadiah dan sikap liberal kepada Baim itu setimpal dengan harga diri Baim agar Baim setia patuh dan agar Baim jangan buka mulut serta semoga Baim terus berdedikasi. Sayang sekali, Syed Omar gagal meninjau Baim sebagai insan. Sikap kepemimpinan Syed Omar dan juga kawan-kawannya tidak dapat atau belum mahu meninjau Baim sebagai seorang yang memiliki fikiran dan perasaan.

Fikiran dan perasaan Baim itulah yang tidak dapat dibeli dengan pangkat, gaji, hadiah dan sikap liberal itu. Baim tidak lagi berfikir sebagai individu terpencil di dalam satu keluarga masyarakat Bawean yang tersisih. Baim mewakili generasi baru yang sudah berasimilasi padu ke dalam keranjang nasib bangsa Melayu. Dia sudah terikat ke dalam buhul sebuah negara. Baim adalah warga negara Malaysia yang sedar, berfikir dan berperasaan. Kesedaran, fikiran, dan perasaan Baim itu tidak lagi bersifat Bawean sentrik seperti sikap Haji Marzuki. Dia sudah jadi Melayu Nusantara sentrik dalam konteks warga negara Malaysia yang mengidamkan keagungan wilayah masa depan!

Jika Syed Omar dapat meraba alur kejiwaan dan rohani Baim, mungkin dia dapat dikawal. Dia masih boleh dan akan tetap berkultus bakti tunggal

kepada institusi yang menjadi majikannya. Mungkin! Siapa tahu sekiranya Baim masih sempat dilentur untuk diikut serta dalam arus sebuah sungai pandangan politik yang dianuti Syed Omar selama ini dan sekarang. Kerana betapa pun juga, bukankah pemuda segenerasi dengan Baim, sebahagian besarnya sudah dapat dirantai kakinya untuk ditambat di sebatang tiang politik? Puluhan, malah ratusan ribu orang muda segenerasi Baim yang lebih tinggi taraf pelajarannya – lulusan universiti di dalam dan di luar negeri – melalui berbagai-bagai cara, sudah dapat dijinakkan dan dirantai di pohon korporat politik yang dianuti Syed Omar dan kawan-kawannya.

Kenapa diri Baim yang setiap hari wujud di hadapan mereka di Ibu Pejabat tidak difahami mereka? Ketidakfahaman itu berpunca daripada kekeliruan Syed Omar dan kawan-kawannya kerana Baim hanya ditinjau dengan mata kepala bahawa Baim itu keturunan Bawean. Dia mudah diperhamba. Itu tanggapan mitos bahawa Bawean taat setia buta. Tidak sedikit pun mereka berusaha meninjau Baim dengan mata hati.

Sudut mata hati! Adakah mata hati di dalam dunia korporat politik? Mungkin tiada. Tapi mustahil mereka mata hati sirna daripada diri orang yang masih hidup dan waras. Tetapi soalnya ialah mata hati itu! Masih berfungsi atau sudah lumpuh? Mata hati yang tidak berfungsi itu gagal melihat Baim kerana pemilik mata hati sudah membiarkan dirinya dimakan karat nafsu individualis. Mata hati itu sudah dilindungi daki perbuatan salah, dihalang lapisan kotoran rebutan kekuasaan, ditutup karat rebutan peluang – dengan motif kepentingan peribadi.

Mungkin Brutus salah kerana membunuh Julius Caesar. Tuduhan bersalah itu berpunca daripada anggapan axioma dalam konteks kultus peribadi. Tapi itu tidak adil. Brutus, sebagai manusia, kesetiaannya pun mesti axioma. Kesetiaan Brutus kepada idea, cita-cita yang bertunjangkan kebenaran dan negara bukan motif kesetiaan kultus individu. *Saya sayangi Caesar. Tapi cintaku lebih besar kepada Rom*, kata Brutus. Salahkah Baim, Setiausaha Kerja dan Setiausaha Politik Menteri, andainya mereka berkata, *Saya sayangi parti, tetapi cintaku lebih besar kepada negara?*

Itu yang tidak ditemukan Syed Omar kerana fikirannya cuma berpusat kepada nasib Syed Mokhtar dalam konteks keperluannya malam esok di Sungai Kayang. Dia rusuh sendirian dan belum menemukan jalan keluar daripada kebuntuan itu sehingga dia tidak sedar para jiran yang menolong Hasnah sepanjang malam sudah pulang. Keluarganya dari Gajah Mati sudah tidur. Dia terkejut daripada lamunan bila Hasnah mendekati dan menegurnya:

“Sudah makan ubat, Bang Syed?”

Hasnah hairan melihat suaminya terpinga-pinga.

“Alangkah baiknya jika Kadir bersama saya di rumah malam ini.”

Hasnah tercengang. Setelah Syed Omar makan ubat, dia tanya suaminya, "Apa halnya tiba-tiba bang Syed perlukan Kadir waktu dini hari begini?"

"Telefon ke Kangar. Pesan kepada Zura. Saya minta tolong Kadir ke mari esok pagi."

## Isnin

Pukul 02.10

PERBUALAN mereka tidak menarik perhatian Haji Hasan, tetapi bila Azizan membawa Kadir ke pelantar belakang, dia terdengar Kadir tergelak, "Malam ini, saya hendak gayakan cara jamban terbang." Haji Hasan tidak dapat menahan gelaknya.

"Percubaan begitu tidak baca bismillah," kata Azizan. Kadir terkikik.

"Berak di kampung. Mesti ikuti adat kampung." Azizan gelak. "Jangan cakap. Dilarang ketawa. Nanti busuk dari perut masuk ke mulut."

"Surat khabar ini." Kadir merenung kertas yang disinari bulan Safar tiga belas di depan anunya sudah luncus kencing. "Zizan beri yang ada gambar pemimpin parti politik!"

"Tak sempat pilih! Cikgu terburu-buru hendak eksport. Saya tahu komoditi di dalam gudang Johor itu telah dipaksa kuah kari pekat dari Sungai Petani tengah hari tadi." Azizan ketawa besar. "Tak usah dihiraukan surat khabar. Teruskan percubaan baru itu. Tak kira gambar siapa, bintang filem Hollywood atau artis Broadway atau Donald Reagan atau Khorbachev di dalam surat khabar itu, apabila tiba ke mari, fungsinya begitulah."

"Kasihan!" Kadir mengeluh.

"Jangan bimbang. Mereka tidak akan saman. Tak ada loyar buruk untuk perkara begitu. Mereka tak akan tercium bau itu. Gambar tidak melihat. Teruskan eksport."

Haji Hasan tertawa. Dia bangkit dari sisi isterinya, lalu menghidupkan lampu pam. Kemudian dia ke dapur menghidupkan api. Nyala menyuluh muka kerepot, kulit dahi berkedut. Di beranda belakang sana, dia terdengar bunyi air di gelegar tiba ke air tergenang di bawah kalung.

"Lemparan Cikgu bertenaga tapi hayun tangannya masih kaku." Azizan tergelak mengejek kekok orang kota. "Basuh bersih! Sabun. Cium sedikit. Pastikan tiada bau."

"Kalau Akil belum alami, tesisnya kaku. Beritahu dan suruhnya wawancara saya."

"Setiap malam paksa perut sebelum Subuh. Dia segan pada waktu siang."

"Gemuk ikan di dalam sawah itu," Kadir ketawa besar.

"Tak sempat," Azizan selamba. "Ayam lebih cepat. Boleh tengok esok pagi."

"Ayammu?" Kening Kadir naik.

"Beginalah tabiat ayam kampung, termasuklah yang kita makan tadi." Tekak Kadir kembang hendak muntah. Dia bergegas ke dalam, perhatikan Haji Hasan.

"Kenapa duduk termenung?" Azizan ke sisinya. "Tidurlah!"

"Barangkali Pak Aji mahu bikin kop? Bagus kalau dapat secawan."

"Mahu sengkang matakah? Lantaklah! Saya mahu tidur." Azizan berungut. Haji Hasan mendekat. "Cikgu mahu kop pekat, atau cair?"

"Ikut macam Pak Aji punyalah!"

"Cikgu ke beranda hadapan. Seronok tengok sawah sedang menguning."

Azizan berselubung ke kepala, terbaring seperti udang rebus. Kadir tersandar di beranda.

"Mana tepak sirih emakmu? Mahu gambir, sedikit." Haji Hasan tanya Azizan.

"Nu! Dekat tiang seri." Azizan menahan ketawa. "Teruklah kau Cikgu, malam ini." Dia berungut di dalam hati. Dia faham kesan kop bergambir itu. Sedap! Kantuk lari jauh daripada mata. Kelopak mata bengkak, merah. Selalu sangat tetapi tidak boleh tidur.

"Cantik jugakah bulan terang begini di bandar?" Haji Hasan menegur.

Kadir terkejut. "Bulan tidak jelas dilihat di bandar! Angkasa kotor berjerebu dan banyak lampu. Lagi pula, orang bandar besar umumnya tidak ingat lagi tentang bulan purnama dan bulan terang. Sudah ramai yang tak hirau nama dan hari bulan hijrah. Tahu-tahu, bulan sudah tua atau bulan baru sudah muncul. Bagi orang Melayu mereka hanya tertarik kepada bulan Ramadan, bulan Syawal dan bulan Haji. Bulan Maulud terlalu jarang yang tahu. Hari cuti Maulud, ramai ke tempat peranginan. Bukan ke masjid."

"Saya suka lewat tengah malam berada di beranda." Haji Hasan gelak. "Terutama bila menjelang purnama begini dan langit terang. Lihat padi di sawah. Cantik bukan? Lihat bintang-bintang itu di langit? Ajaib bukan? Lihatlah awan bertumpuk di selatan sana. Huh. Itu yang menakjubkan bila menjelang dini hari begini. Dunia tenang. Tiada bunyi bising. Tiada orang berkeriau. Ayam jantan belum berkокok. Tiada itik berkekeh."

"Semua orang kampung begitu?"

"Dahulu. Sekarang terlekat pada TV! Laki bini seronok lihat video yang diseludup dari Siam."

"Video bagaimana dari Siam itu? Video buatan Malaysia melimpah. Pilih saja kaset gulung atau cakra padat. Hasil hiburan melebihi hasil padi Kedah-Perlis."

"Haram tetapi mereka seronok." Haji Hasan ketawa. Dia meneguk kop. "Minum Cikgu! Saya sudah terlambat akan berjumpa dengan Syed Omar. Bila balik ke Alor Merah?"

"Jangkanya kerja itu dua malam, Pak Aji. Tapi tadi kami sudah sepakat akan buat satu malam saja. Setelah Subuh Selasa, tidur di Kangar. Lepas Zohor, ke Alor Merah."

"Majlis akadmu hari Jumaat? Betulkah itu?" Kasyaf Haji Hasan jelas ke atas diri Kadir, tapi dia diamkan saja. Lalu bertanya lagi, "Mahu ke Kuala Lumpur lagi?"

"Zizan dulu balik ke kampus. Mesti bayar yuran pengajiannya kepada universiti minggu ini juga."

"Nah, Cikgu tunggu Pak Aji di sini."

"Pak Aji nak ke mana?" Kadir hairan.

"Ada dengar gerincing nun di sebelah sana?"

"Tin kosong berlaga! Apa itu?" Kadir tegang.

"Isyarat," sahut Haji Hasan. "Adalah itu. Mereka cabar kesabaran saya."

"Musuh?" Kadir bangkit. "Saya kembali Pak Ajil!"

"Jangan! Insya-Allah, esok kita berlauku kuang gulai lemak kunyit basah."

'Kuang makan tahi?' Kadir menyoal di dalam hati. Tekaknya loya kembali. Dia segera melawan dengan kopi pekat dan rokok. Di sini dia sudah banyak kali makan kuang. Baru kali ini dia bermalam dan tahu hal jamban terbaung dan kuang ditangkap jerat simbat.

Bulan terang-temaram, tetapi Haji Hasan menggunakan lampu suluh. Lalu dia teringat akan cerita Azizan di Kedah-Perlis yang banyak ular tedung itu. Sekarang Kadir sedar bahawa sebelum adanya bateri, Kedah-Perlis sebat dengan jasa api jamung. Dia tinjau ke arah Haji Hasan. Orang tua itu meneruskan perjalannya setelah singgah di tempat bunyi tin itu. 'Hampa orang tua itu,' Kadir resah di dalam hati. 'Jika simbatnya mengena, tentu sudah pulang.' Dia mahu tanya dua perkara kepada Haji Hasan. Kenapa terlambat jumpa Syed Omar dan kenapa orang tua itu ragukan bahawa majlis bertunang dan akad itu tidak akan berlangsung.

"Kenapa tak berlampa?" Azizan menegur di ambang pintu.

"Buat apa? Bulan terang."

"Ular! Bila air lampau batas, tedung mencari tempat tidur yang kering."

Berdiri bulu rompa Kadir. Dia mahu masuk tapi segan meninggalkan beranda sebelum Haji Hasan pulang. Azizan membawa lampu pam yang marak mendesus, dan di gantungnya di cangkul besi pada alang-alang. "Lihat di bawah ambin. Siapa tahu, berlengkar di sana?"

Kadir gugup, melompat ke pintu. "Zizan periksa!"

Azizan selamba menjenguk ke bawa. "Selamat. Duduklah!"

"Pak Aji jalan lagi lebih jauh nun di sana."

"Ayah tahu kerjanya, Cikgu."

"Zizan tak mahu kopi?"

"Tabat. Tak berani lagi. Saya mahu tidur."

"Saya juga. Minum dulu. Kita tunggu Pak Aji pulang."

"Cikgu sudah kena. Tak akan tidur malam ini."

"Pak Aji tak akan tahan saya berbual hingga ke Subuh."

"Kopi gambir! Esok pun tak akan tidur kecuali emak kasihan. Percayalah!"

Kadir tercengang. "Kopinya sedap. Mana boleh Pak Aji kenakan saya."

"Saya dengar Cikgu minta, mahu rasa kopi pekat. Rasakanlah sendiri!"

Kadir menyesal.

Azizan melihat cahaya lampu suluh ke arah rumah. "Itu ayah balik. Tunggu. Saya masuk. Biar Cikgu bergebang hingga ke Subuh." Sebelum menutup pintu Azizan menoleh, "Lampu itu tangkinya penuh. Jika takut ular, jaga lampu itu. Jangan kurang angin."

'Hingga esok? Aniaya!' Dia memandang Haji Hasan yang kian dekat ke rumah.

"Sayang, Cikgu tak ikut," Orang tua itu mengeluh kesal di sisi rumah.

"Kenapa Pak Aji?" Kadir tunggu di tangga.

"Dapat lapan belas. Satu pasang lepas. Tak cukup tangan." Dia basuh kakinya di pelantar tangga. "Tunggu! Harap memanggil lagi sebelum Subuh. Kita pergi."

Azizan menahan ketawa di dalam selimut. "Rasakan Cikgu! Dapat pengalaman."

Kantuk Kadir hilang. Matanya semakin segar. Mereka berbual kerentah penduduk bandar supaya Haji Hasan faham, dan persoalan penduduk kampung untuk pengetahuan Kadir. Apabila ayam jantan kesayangan Azizan sudah dua kali berkокok, Mak Aji tiba ke pintu, dan menegur. "Ajak Cikgu masuk sementara pulutnya panas."

Ketika itu bunyi tin kosong kedengaran. Mulanya satu, lalu diikuti di tiga tempat.

"Itu, Pak Aji. Empat tempat memanggil!"

Haji Hasan ketawa. "Kita kena ikut pantang orang kampung, Cikgu. Khurafat kempunan, konon. Tapi bagi saya, tak maksud begitu. Saya mahu dahulukan makanan yang saya hidu baunya di dalam. Ayuh! Kita jamah pulut Mak Aji."

Kadir mendapati Azizan tercanguk bersila di atas lantai, berselubung selimut sehingga ke bahu. Dia menghadap pinggan penuh pulut dan seekor kuang panggang. "Yang begini, Cikgu, tidur saya boleh menanti." Dia ketawa. "Tapi bila bulan Ramadan, ada setan menghasut saya jangan sahur."

Mak Aji mengisi pinggan Kadir. Dia bersuara lembut, "Makan Nak! Rezki di kampung." Dia menjeling suaminya. "Jika bawa Cikgu ke simbat, petik kemangi."

"Itu bunyi tin kosong lagi. Kuang sebanyak tadi juga?" Kadir ghairah

"Biarkanlah dulu." Kata Haji Hasan. "Saya dan Mak Aji menunaikan Subuh di masjid. Cikgu dan Zizan sembahyang di rumah. Sudah itu tidur kalaupun dapat. Setelah minum kopi pagi, kita ke sawah. Nanti Mak Aji masak kuang gulai kunyit basah dibubuh kemangi. Itu akan bawa Cikgu tidur lelap hingga ke Zohor atau Asar."

"Kami mahu segera ke Kangar dan Kuala Perlis, Pak Aji!"

"Jika mahu begitu kenapa minta kopi ala Pak Aji? Kopi begitu tidak benarkan Cikgu tinggalkan rumah ini sebelum petang." Haji Hasan ketawa memandang Kadir. "Rehat dulu. Mana kita tahu, itu suatu petunjuk yang hikmahnya kita tak faham? Saya arif Cikgu minta kopi begitu bukan atas panduan akal. Tapi dorongan dari dalam. Itu firasat, Cikgu! Saya rasakan itu di dapur." Haji Hasan serius. "Makanlah. Rezkimu, dan tempatmu di rumah ini sehingga Asar. Saya lihat Cikgu dipaksa kepada dua perkara. Mujur, diri cikgu terkunci rapat dan kuat. Jangan pergi sebelum Asar."

Kadir tercengang. "Diriku terkunci dan kuat bagaimana, Pak Aji?"

Mak Aji tegur, "Jangan langkahi petua orang tua, Nak! Esok kita tolak bala!"

## Pukul 20.15

TERPAKSA menukar kereta sekali lagi. Begitu keputusan muktamad Ah Hoe menurut perhitungan cara dan keyakinannya sendiri. Dia dan Salmah, menggunakan Isuzu Troope kelabu tua – plat Kedah. Dia duduk di bangku tengah. Di hadapan ada dua orang di sebelah pemandu. Mereka sudah dilatih, sebagaimana yang disaksikan Salmah, di rumah Tanjung Rhu minggu lalu.

Bulan terang empat belas malam, bulat purnama penuh.

Dua orang turun tanpa kata, lalu masuk ke permatang sawah.

"Pukul lapan lima belas sekarang," kata Ah Hoe. "Lambat lima belas minit."

"Cukup masa!" Ujar Salmah. "Orang kita yang tunggu di sana, batas waktunya pukul dua belas. Jika mereka berjalan terus merentas sawah ke Kuala Sungai Kayang paling lama pun memakan masa cuma satu jam. Jangka longgar, sembilan tiga puluh tibalah ke sana."

"Patah kembali ke simpang empat!" Ah Hoe gesa. Setelah berjalan perlahan ke selatan, Ah Hoe menegur Salmah, "Chanida bekerja tidak boleh hanya bergantung kepada perkiraan masa pihak kita saja. Chanida mesti fahami yang menunggu di sana bukan orang kita saja. Tentu orang daripada pihak suamimu juga ke sana."

"Bagaimana kalau mereka bertembung?" Salmah tanya.

"Dibunu atau membunuuh!"

Salmah diam.

Pemandu itu sudah tahu tugasnya. Di simpang empat dia membekok ke kanan, dan di belakang sebuah rumah sederet dia berhenti di tepi tebing Sungai Baharu.

"Chanida masuk ke rumah," kata Ah Hoe. "Pukul dua belas nanti, pemandu datang ambil. Nanti kau dengan dia pergi ke tepi jalan di Sungai Bugis. Ingat! Esok tengah hari jumpa di Pulau Pinang."

"Uncle Hoe tidak ikutkah? Bagaimana akan saya buat kerja ini jika barang itu saya terima daripada mereka?"

"Chanida!" Ah Hoe meradang. "Bikin apa yang saya suruh. Adat saya bekerja, saya pantang ditanya. Ikut apa kata mereka."

Isuzu Troope itu sudah pergi sebelum Salmah dibukakan pintu.

Pemandu itu tiba tepat pada waktunya. Lelaki perut besar, berseluas sutera hitam, membuka pintu bilik dan berkata perlahan, "Kad pengenalan

Malaysia, pasport Siam dan wang kau semua bawa sini. Esok kau terima di Pulau Pinang."

Salmah terpegun, hendak bertanya kenapa dipaksa buat begitu, tetapi tiada daya. Sikap menyerah itu mempermudah segala-galanya. Salmah duduk di sisi pemandu. Dia memandang ke alam luas yang disirami cahaya purnama Safar.

Mereka berhenti di tepi jalan di hulu Sungai Bugis. Ketika itu, pemandu berkata amat perlahan, "Bawa tangguk dan keranjangmu. Ikut saya ke tepi sungai cari tembakul."

"Bagaimana sandinya jika mereka datang? Bunyi atau gerak?" Salmah tanya.

"Kita akan tahu."

GELISAH Syed Omar berlarut sejak pagi sehingga jauh malam kerana tiada panggilan telefon dari Kangar. Kadir akan tiba ke Alor Merah. Sebab itu dia menggunakan pemandu peribadi dan seorang penyewa sawahnya untuk membawa Land Cruisernya, model 84, berwarna merah tua.

Pemandu dan penyewa sawah itu orang kepercayaan Syed Omar. Mereka tidak pernah menolak bila Syed Omar mengajak atau menyuruh mereka melakukan sesuatu. Pengalaman mereka selama ini mengesahkan bahawa bagi setiap kerja yang mereka selesaikan, upahnya berpuluhan kali ganda daripada kadar upah kerja biasa. Malam ini mereka akan menerima upah luar biasa kerana peranan Syed Omar yang lazimnya menerima sendiri barang dari penyelam itu, diamanahkan kepada mereka. Mereka sampai ke jambatan Jalan Kuala Perlis di Sungai Kayang pukul 23.30.

"Angin ribut barat laut dan hujan separuh hari telah membersihkan langit malam ini. Purnama amat terang." Syed Omar gembira memberi petunjuk terakhir. "Kamu berdua tenang saja. Jangan timbulkan kecurigaan. Ingat baik-baik. Mereka muncul bila bulan tegak di tengah langit, tepat pada masa pasang penuh. Walaupun begitu mungkin waktunya tidak tepat. Barangkali mereka tiba lebih dahulu atau kau orang lebih cepat sampai ke situ. Mesti tunggu. Dua penyelam. Mereka akan serah dua pundi kulit kalis air. Jangan kata apa-apa. Terima dan lekas kembali ke mari." Sebelum mereka keluar dari Land Cruiser, Syed Omar bertanya, "Ingat sandi itu?"

"Tahu, Habib!" Pemandu sahut. "Tiada bunyi. Tiada cahaya. Cuma silang tangan kanan dan kiri di atas kepala."

"Bagus. Pergilah."

Mereka berjalan di tebing barat Sungai Kayang, menyorong sebelah kiri Bukit Papan. Syed Omar kunci semua pintu dan membuka cermin tingkap selebar dua inci untuk mendapat udara dari luar. Dia menyandar tongkat ketiaknya, lalu baring memanjang di bangku tengah. Kepalanya ke arah Sungai Perlis untuk melihat kereta lalu lalang dari atau ke Kuala. Dadanya padat dengan harapan. Di dalam kepalanya, menjalar jalur fikiran pelaksanaan kiriman barang itu secepat mungkin. Dia yakin kerana belum ada penerimaan atau pengiriman yang tercium oleh mana-mana pihak pun. Oleh sebab itu Syed Omar akan mengikuti jalur biasa. Dia menyimpan barang

tersebut di dalam tayar cadangan Mercedesnya. Pemandunya memandu limosin itu ke Kuala Lumpur, kemudian menyerah kereta itu kepada Syed Omar di hotel. Malamnya, Syed Omar akan makan malam, di rumah seorang pegawai tempatan di sebuah kedutaan asing. Di rumah itu, tayar cadangan bertukar, jenis dan ukurannya sama – dan selesailah kerja itu bagi pihak Syed Omar. Dia tahu proses selanjutnya. Barang itu dibalut kalis sinar *rontgen* dan dimasukkan ke dalam beg diplomatik.

Pemandunya tahu kerja pengiriman dari Alor Setar ke Kuala Lumpur. Dia sendirian memecut ke Ibu Kota. Syed Omar terbang dari Kepala Batas. Tapi sekarang dia tepok dan jantungnya lemah; doktor tidak membenarkannya naik kapal terbang. Oleh sebab itu, dia sudah pastikan, esok pagi dia akan bersama dengan pemandu menaiki Mercedes itu, rehat di hotel hingga malam. Pagi Rabu pulang ke Alor Setar. Dia menempah bilik di sebuah hotel kecil yang terpencil, tidak di hotel besar yang biasa. Letaknya nun di Imbi, hotel tiga bintang. Kali ini dia tidak mahu terdedah di Kuala Lumpur. Syed Omar hendak mengelak bisik kersik yang mendesing ke telinganya tentang Salmah dan pertanyaan yang menyakitkan dadanya tentang Baim. Berbagai-bagai soalan yang mengharukan timbul di dalam kepalanya tentang Syed Mokhtar.

Pada masa-masa yang lalu, setelah selesaikan kerja begitu di Ibu Kota, dia akan bersama Salmah selama empat lima hari di Jalan Murai Setia, Bukit Damansara. Tetapi pada kali ini, bukan saja kerana majlis pertunungan dan akad dilangsungkan pada hari Jumaat, tetapi yang paling utama, dia mesti mengelakkan gosip dan tidak mahu melihat Salmah. Dia mesti pulang ke Alor Merah.

"Tak mengapa," katanya amat perlahan, sambil melawan rasa kantuk yang kian mendesak. "Aku tepok. Tapi kerja yang kuhadapi sekarang bukan berlumba maraton. Benar jantungku lemah, tetapi kerja yang kulakukan tidak perlukan pidato panjang."

Udara dingin dari luar dapat mempercepat kantuknya, mengalihkannya.

Waktu itu, dua orang yang dia kirim ke Kuala Sungai Kayang sudah lama tiba ke sana. Mereka duduk mendiamkan diri di tebing kuala.

Dua orang daripada pihak Ah Hoe sudah lama menunggu. Mereka duduk mendiamkan diri di pangkal hutan bakau. Kawan mereka, yang sudah bersiap semenjak petang di seberang sana di atas pokok api-api, menyaksikan semua itu.

Orang Ah Hoe tahu apa yang mereka mesti lakukan. "Jangan nampakkan diri." Itu arahan Ah Hoe. "Pasti ada orang Syed Omar menunggu ketibaan penyelam. Tunggu hingga mereka terima barang daripada penyelam. Ingat, masa itu yang menunggu di pokok api-api, menyerang dua orang penyelam dengan *crossbow*. Mesti mati. Yang menunggu di pokok bakau tebing kuala, serang orang Sayed Omar dan rebut barang. Mesti mati. Dua yang menyerang

orang Syed Omar segera membawa barang itu kembali kepada kereta yang menunggu. Di situ, pastikan Chanida mati. Dua orang penyerang penyelam itu bersampan hilir ke Kuala Perlis. Tidur di sana. Esok tengah hari berkumpul di Pulau Pinang."

## Selasa

Pukul 01.45

GELISAH Zura berlanjut sepanjang hari kerana dua sebab. Pertama, Walidnya kecewa. Kedua, dia dihasut cemburu; Kadir menghilang diri sehari semalam. Bayangan hati panas itu terbayang pada kalimatnya, "Buat apa terlalu lama di sana? Kenapa berjalan kaki?"

"Kereta mogok!" Kadir sahut. "Dua tayar depan, terkena paku dalam perjalanan ke rumah Zizan malam tadi." Dia menangal kasut. "Tunggu prebet sapu ke bandar."

Muka bera Zura yang tegang itu berubah kendur, lembut dan simpati.

"Cikgu tidur hingga petang. Mabuk kopi malam tadi." Azizan tersengih.

"Todi daripada siapa?" Muka Zura tegang kembali. "Todi keling? Todi Siam?"

"Kopi!" Kadir jelaskan. Dia duduk di kerusi lipat di sisi terali beranda. "Pak Aji tuba kopi campur gambir. Semalam tidak tidur. Setelah Mak Aji beri kami gulai kuang dibubuh kemangi, barulah boleh tidur, tidur ayam. Dikejut juga lagi waktu Zohor, kenduri tolak bala Pak Aji dan Mak Aji. Setelah makan, nyenyak lupakan dunia."

Begitu kisah mereka menjelang senja tujuh November tadi. Itu yang dikenang Zura. Dia ketawa terbahak-bahak.

"Kenapa ketawa?" Kadir menyergah. Dia meninjau purnama di puncak langit, lalu merenung jamnya – belum membeli Rolex. "Pukul satu empat puluh lima. Dekat dini hari. Kita sudah terlambat!" Rungut Kadir merisaukan Zura. "Sungai sudah pasang penuh, lihat? Sungai ini tergenang! Kita baru melepassi Kuala Sungai Seriap." Kadir merungut. "Kuala Sungai Niram masih ada lebih satu batu ke hulu."

"Zura ketawa kerana kerja kita terlambat?" Azizan bertanya.

"Bukanlah! Saya geli hati mengenang telatah kau orang tiba ke rumah. Mabuk kopi. Tayar bocor. Jamban terbang. Dituba kemangi gulai kuang. Tidur nyenyak tidak ingat dunia! Manalah tak ketawa mendengar hikayat sehari semalam kau orang?" Dia menceritakan tentang telefon Walidnya yang bertalu-talu, meminta Kadir ke Alor Merah.

"Apa sebabnya terlambat?" Kadir mengeluh. "Kita mudik sebelum Isyak."

Azizan tegur, "Kerja kita laju disorong laut pasang sehingga melampaui Kuala Sungai Kayang pada pukul sembilan tiga puluh. Tapi kita perlahan sejak di selekoh lipat tali di Kampung Tebing Tinggi."

"Perdana Menteri. Jangan salahkan kabinet." Zura perli. "Awak leka tadi."

"Menurut hasil makmal, tanah di situ dan dua ratus meter ke hilir dan juga dua ratus meter ke hulu, sama saja. Kenapa flora tebing sungai ini berubah di situ?"

Azizan taati arahan Kadir berkayuh perlahan. Jaket pelampung mereka yang berwarna kuning pinang, jelas kelihatan dari jauh. Sampan almuniun mereka berwarna biru tua, lepeh dan lebar satu depa, panjangnya lima depa.

"Bakau semakin jarang," kata Kadir. "Sedari? Api-api, perepat dan berembang semakin banyak. Dan lihat, hingga di sini, rumput air tawar lebat. Kian semak tebingnya! Ambil lagi contoh air. Saya hendak tahu pengaruh kadar imbangan air tawar dan air masinkah yang menjadi punca perubahan flora di sini?"

Zura meningkah. "Saya pun sedari. Bukan tumbuhan saja. Hingga ke perenggan ini, tembakul kurang. Tapi katak mulai banyak. Dengar? Kaung katak minta hujan. Makin kita ke hulu semenjak dari selekoh lipat tali tadi, semakin banyak. Habitat berubah."

"Pasang keling!" Kadir risau. "Tuk dapat lului jambatan Sungai Bukit Besi."

"Mahu berhenti di mana?" Zura tanya.

"Rehat di Kuala Sungai Niram. Tunggu sorong surut dan ikut ke Kuala Perlis."

"Mahu bunt apn lugi?" Azizan sangap. "Kau orang tak mengantukkah?"

"Ulang!" Kadir tegas. "Zura! Nanti ambil contoh air dari Kuala Sungai Niram sehingga ke selekoh lipat kajang di Kuala Sungai Kayang pada sela setiap jarak seratus meter. Saya juga mahu ambil lagi contoh tanah tebing. Nanti Zizan berkayuh ke tepi."

"Doalah!" Azizan berungut. "Kenduri tolak bala tadi, kata emak halau buaya. Entah! Ayah tersenyum saja. Ular daun, tak apa. Tapi kalau ular bakau, saya tak jamin."

Air menggenang, tak bergerak. Zura mengatur beratus biji botol sebesar kelingking, panjang dua ruas jari.

"Kadir tahu, apa kata Umi tadi?"

"Perkahwinan kita?" Kadir teringat keraguan Haji Hasan.

"Bukan. Ke situ pulak. Tidak sabar lagi? Belum boleh bulan madu, tahu tidak? Umi ketawakan saya ketika beli botol ini di kedai. Macam saudagar minyak..." putus ditakluk bunyi:

Booommmmm... grooomm... booommm... grooomm.

Bunyi tiba-tiba itu mengejutkan mereka. Zura berpaut pada birai sampan.

Azizan terpinga-pinga.

Kadir tergamam, lalu berseru, "Lihat... pokok itu! Pokok itu..., lihat!"

Azizan dan Zura memandang tebing dan melihat dalam cahaya bulan di bawah langit bersih pokok kayu berayun. Tapi tiada angin. Lalu mereka menyedari, gigi air di tebing sungai bergerak bagai air di dalam dulang yang dilenggang. Mereka tercengang.

"Itulah dia!" Kadir berseru cemas.

"Apa, Cikgu?" Azizan gugup.

Zura duduk di tengah sampan menarik tangan Kadir dari haluan dan peluk erat lalu bersuara gigil, "Sudah berlaku."

"Gempa, Zizan!" Kadir masih cemas. "Kayuh ke tengah sungai."

Azizan patuh. Suasana tenang kembali. Pokok kayu diam tegak. Tapi nun jauh dari arah laut, kedengaran bunyi langit murka di ufuk, melampaui banjaran Bukit Wai di perbatasan Siam-Perlis. Gemuruh itu berlanjutan dan kian lama semakin jelas.

"Gempa reda," kata Kadir beberapa minit kemudian. "Gemuruh itu yang ada sekarang, cuma bunyi laharanya yang masih membuka ke angkasa."

"Jika lahar tentu ada irama gemuruhnya," kata Zura. Dia teringat dokumentari gempa bumi di Maxico. "Dengar? Gemuruh itu monoton dan semakin besar."

"Ombak!" Keluh Kadir seakan suara kepada diri sendiri. "Tiada jalan lain. Kita bertahan di atas sampan. Jika keretaku atau kereta Syed Mokhtar ada di Kangar, boleh ke sana dan lari ke Padang Besar. Kenapa Syarifah Kalsom bawa ke Alor Merah?"

"Digunakan keluarga!" Zura gempar. "Ombak besar. Bagaimana nak hidup?"

"Air akan naik beberapa meter." Kata Kadir. "Jangan gugup. Kita di atas tanah rendah. Tapi air naik ke kawasan ini bukan ombak. Cuma arus pasang. Kita dilindungi Bukit Papan dan banjaran Bukit Putih-Bukit Wai."

Bandar Kangar berada lebih dua batu dari tempat mereka mematikan lampu. Gemuruh itu, dari ufuk langit barat laut, terus menggelugut.

"Tenang saja!" Kadir sabarkan dan menaikkan semangat mereka. Tetapi dia juga mulai gentar mendengar gemuruh ombak yang semakin dekat, dan semakin jelas. "Duduk diam-diam. Kemaskan barang." Dia menyimpan alat-alat kajian mereka. "Zizan, Zura, ikat tali di pinggang. Tambatkan hujungnya pada tali gayut, di luar bira sampan ini." Kadir mengeluarkan tali *parachute* daripada beg sandangnya dan memberi seutas seorang. "Apa pun terjadi, jangan terpisah dari sampan ini."

"Bagaimana jika tenggelam?" Zura menggeletar. "Saya tidak kuat berenang."

"Jangan bimbang! Sampan ini tak mudah tenggelam. Tapi jika terbalik, itulah gunanya tali itu. Bergayut di sampan." Kadir menerangkan. "Jika arus dari ombak pasang itu tiba Zizan, elakkan pekan. Jauhi jalan raya yang ada tiang elektrik."

"Kenapa?" Azizan hairan dan gentar. "Tiang elektrik atau rumah, boleh dipaut."

"Bahaya elektrik andai penjananya tak ditutup. Berkayuh, susur Sungai Niram."

Betapa pun kekoknya Zura memegang pengayuh, tapi dia perah tenaga juga.

"Jangan gopoh Zura!" Azizan menegur. "Tenaga kita bukan untuk berkayuh saja."

"Tenanglah!" Kadir seru tanpa menoleh.

Gemuruh semakin dekat, minit demi minit. Di jalan raya Kangar-Wang Besar, sawah tidak kelihatan lagi. Tanah hilang. Jalan raya hhapus. Yang kelihatan cuma laut.

"Sungai hilang." Azizan menyeru. "Kita ke mana?" Mereka tidak sedari air pasang itu menghanyutkan mereka jauh ke timur. Bulan sudah condong jauh ke barat. Ketika Kadir melihat jam, sudah hampir pukul tiga dini hari.

"Belakangi bulan, Zizan! Kita sudah jauh ke utara. Haluanmu arah ke timur."

"Betulkah banjaran bukit itu boleh lindungi kita daripada ombak besar jika setakat di utara begini saja?" Zura masih cemas.

"Insya-Allah!" Kadir meyakinkan dan meletak pengayuh, lalu pindah ke tengah. Apabila memegang tangan Zura, dia terasa tangan itu dingin dan menggigil. "Kau berhenti. Biar saya dan Zizan saja berkayuh." Dia mengambil pengayuh Zura.

"Kenapa buat kerja gila malam begini?" Kesal Zura bercampur tangis. "Bukankah elok tidur lena di rumah hadapi hari pernikahan?"

"Kajian ini. Cuma mahu seronok atau mahu lulus? Tidak siapa tahu gempa itu akan berlaku begitu cepat. Ahli geologi kita belum pasang pengesan gempa di sana." Kadir mulai berang. "Jangan kesalkan sesiapa. Tenanglah. Insya-Allah, kita selamat." Dia toleh ke belakang. "Zizan, kampungmu berapa tinggi garis konturnya?"

"Sekitar lima puluh meter dari aras laut. Kami di lembah timur Bukit Pelarit."

"Insya'-Allah, rumah dan keluargamu selamat. Lebih tinggi daripada Jitra."

"Alor Setar tenggelam? Bagaimana Alor Merah?" Zura masih menggigil.

"Alor Setar? Pasti ditelan air pasang. Alor Merah? Tiada siapa mampu halangi arus ke situ. Rumahmu? Tiang tinggi." Kadir bernafas panjang. "Itu rumah kayu, lebih kuat melawan gegaran. Tidak seperti rumah batu. Ertinya, selamat. Cuma saya khuatir pada dawai elektrik di rumah itu." Kadir diamkan pengayuh. Dia berfikir sejenak, mengeluh, "Harap sangat Habib tidak gugup. Dia saja boleh tenangkan orang di dalam rumah itu."

Zura menangis, "Walid sakit! Sakitnya itulah – mungkin hendak diurut – Walid harap sangat jari-jari menantunya sepanjang hari Isnin tadi. Dia perlukan pertolongan! Walid tak ada tenaga hadapi bencana ini semua."

Azizan terharu. Dia teringat bisik ayahnya yang terlambat untuk berjumpa Syed Omar.

"Tenaganya tidak perlu," Kadir menenangkan mereka. "Yang diperlukan di rumah sekarang ialah fikiran, wibawa dan semangatnya. Habib boleh arahkan orang di rumah. Jangan bimbang. Rumah itu lapan batu dari pantai Kubang Rotan. Arus pasang boleh sampai. Bukan gemulung dan hempasan ombak."

Zura terpengaruh mendengar keterangan itu. Dia memeluk Kadir dari samping. "Umi sendirian di Kangar. Anak-anaknya di Alor Merah." Esaknya menggonggong bahunya. "Adik-adik saya, Cikgu! Mereka saja sepupu dan wali warisku."

"Lantai rumahnya tinggi lebih dua meter." Azizan menenangkan mereka. "Dia selamat."

"Rumah batu!" Kalimat Zura disertai sedu-sedan.

"Rumah belakang itu kayu, Zura!" Kadir peringatkan. "Lantainya lebih tinggi daripada bangunan batu rumah induk yang baru itu. Boleh tahan gegaran."

"Diam dulu!" Azizan menegur. "Dengar! Gemuruh sudah beralih ke selatan."

Mereka berpandangan. "Kepala ombak lepas ke selatan," kata Kadir. "Agakmu di mana kita sekarang, Zizan?"

"Susah ditekal!" Azizan kecewa. "Tiada tanda jadi panduan. Jadi laut semuanya."

Kadir menduga dalam air. Pengayuh itu, satu setengah meter, tenggelam lurus ke bawah, dan ketika basah sikunya, belum juga mencecah dasar. Dia tolak ke bawah hingga tenggelam bahunya. "Batu!" katanya tiba-tiba, setelah merasa hujung dayung menyentuh benda keras. Ulang lagi. "Rata!" Dia mengeluh. "Zizan maju ke hadapan." Kadir menduga terus. Zura memeluk pinggang Kadir yang cemas akan terjunam ke bawah. "Aspal, Zizan! Kita di atas jalan raya."

"Berapa dalam?"

Kadir menaikkan pengayuh. "Lebih dua meter."

"Tak jejak kaki!" Azizan mengeluh.

"Buat apa turun?" Zura ketakutan.

"Kita di sini saja," kata Kadir. Dia melabuhkan sauh. "Tak lama lagi fajar naik."

"Mahu buat apa di sini?" Zura cemas. "Jika ombak itu datang, bagaimana?"

Gelugut letupan itu masih berulang tapi tidak sekuat tadi.

"Ombak besar sudah berlalu. Pasti air ini akan surut. Tenanglah." Kadir memujuk. "Berapa jam kita berkayuh, Zizan?"

"Hampir tiga jam."

Kadir perhitung waktu dan jarak yang mereka tempoh, lalu berkata, "Lihat betul-betul. Kita ini di atas jalan raya. Tapi saya tak nampak tiang lampu."

"Jauh dari pekan," ujar Azizan.

Zura mulai jernih fikirannya. Hakikat bahawa mereka di atas jalan raya. Air pasang akan surut, fajar akan naik, Kadir dan Azizan bersamanya, makanan dan minuman mereka masih banyak, sampan dan dayung utuh meyakinkan mereka akan selamat. Tapi ketika itu pulalah, dalam detik-detik kecamasan dan harapan dia tersedu-sedan lalu memeluk Kadir.

"Kenapa?" Kadir terkejut.

"Jangan lemah semangat, Zura. Kami masih hidup." Azizan pujuk.

"Saya gembira, Zizan. Saya yakin kita akan selamat."

Kadir elus kepalanya. Berkata amat lembut, "Tenang sayang. Bantu kami lihat keliling." Dia toleh Azizan. "Semoga ada tiang telegraf dekat sini. Air surut kian kuat. Pasti akan lebih deras. Sahu hanya batu seketul. Pasti larat. Kita perlukan tiang untuk menambat sampan ini."

Bulan semakin rendah. Menurut lazimnya, pasang penuh tengah malam sekarang sedang surut deras. Mereka perhatikan itu. Dari segi yang sangat pasti. Mereka berharap dapat lihat tanda untuk mengenal tempat di mana mereka berada. Tuli sauh itu makin tegang. Air surut deras setelah lebih satu jam ombak itu berlalu ke selatan.

"Kita hanyut!" Zura memekik. "Lihat! Itu di belakang kita tiang semakin dekut."

Kadir pegang tali sauh. Dia rasa getarnya. Sahu terseret di atas tanah. Bukan lagi di atas aspal. Getar itu diseling lompatan melepas benda keras. Batu dan benda panjang. Kadir lega. "Kita di atas rel!" Dia mencapai tiang telegraf, menambatkan baki bangkal tali sauh, lalu mengangkat sauh dan menghulurkan tali penambat itu satu depa. Tali itu tegang kecapi.

Azizan terkejut melihat air membersit ke belakang di lambung sampan. Dia berseru, "Deras benar arus ini. Tahankah tali itu, Cikgu?"

"Kembar." Kadir capai tali *parachute* daripada beg sandangnya. Setelah dikembar empat, dia tenang. "Alhamdulillah! Kita jauh ke darat. Insya-Allah, kita lebih selamat begini daripada hanyut ke laut." Dia toleh ke belakang. "Zura! Zizan! Talimu pada tali gayut itu, jangan dibuka! Manalah tahu, ada bangkai kerbau atau batang besar hanyut merempuh sampan ini, dan terbalik!"

"Sekarang baru terasa lapar." Azizan berungut.

"Saya kebulur," Zura mengeluh. "Bolehkah kita makan?"

"Jangan boros air." Kadir ke sisi Zura. "Belum tahu akan dapat air minum."

Azizan menerima makanan daripada Zura dan berkata selamba, "Saya agak kita sudah jauh di utara Arau."

Semangat Zura sudah pulih. Dia dan Kadir berkalih menghadapi Azizan di belakang. Sebelum menuap, dia bersenandung terkulut, seperti di dalam bilik mandi:

Menjelang kemarau – di utara Arau.

Dilambung pasang – bulan terang.

"Ada bakat anak Tuan Habib." Azizan tergelak.

"Bakat harapan jadi bintang pujaan." Kadir merungut. "Tapi tak kena pada masanya. Bencana alam ini terlalu besar korbannya."

"Gempa besar," kata Azizan. "Agaknya ombak itu hingga ke mana, Cikgu?"

"Perlis-Kedah, Seberang Perai-Pulau Pinang, pasti tenggelam." Kadir murung. "Hingga ke selatan. Singapura rendah. Kasihan penduduknya, begitu padat – hanyut!"

"Pulau Pinang ada bukitnya," kata Zura.

"Gegaran dan ombak tak dapat dielak," kata Azizan. "Runtuh dan hanyut."

Bila Zura mengemaskan baki makanan mereka, Kadir berkata tegas, "Zura! Zizan! Tidur. Esok saya kejut."

Azizan mengatur beg sandangnya di buritan. Dia merebahkan dirinya ke belakang dan melipat lutut bentuk piramid. Tapak kakinya di papan lantai sampan.

"Zura ke hadapan sana." Kadir buang ke haluan beg sandang Zura. "Letakkan bahu dan kepalamu pada beg itu. Tiru cara Zizan baring."

Zura patuh. Baru sekejap terbaring dia sudah berungut. "Zizan sedaplah! Mataku menentang bulan."

Kadir memberi topi. "Tutup mukamu."

Zura menerima dan menutup muka, tetapi segera meletakkannya di atas dadanya, melindungi alur dada yang terdedah daripada kemeja yang terbuka dua butang. "Bau lelakilah." Dia berdalih. Lalu dia mengambil sapu tangan daripada saku seluar bagi menutup muka dari kening ke hidung. "Bagaimanalah Walid. Kaki tepok. Jantung lemah."

"Dia selamat, selagi dia di rumah!" Suara Kadir amat lembut.

"Jika air ini sampai ke kampungku, habis kertas dari jamban terbang itu, Cikgu."

Kadir ketuk tulang kering Azizan dengan pengayuh.

"Addduuuuhhhh maaakk!" Azizan meraung. Zura ketawa.

"Jangan bergurau. Bencana amat besar. Nyawa! Harta! Ternak! Sawah! Semua itu punah!" Kadir berungut. "Tidurlah!"

Bunyi penarung dirempuh air mengganggu Zura. Dia bangun dan meletakkan kepala di atas paha Kadir, lalu mendesis berbisik, "Doakanlah Walid!"

MERIAM artileri dari Mandai, Bukit Panjang dan Bukit Batok bertalu-talu membedil pusat kota. Komandan platun Punjabi askar British yang sudah melaikan diri dari Tempinis, keluarga Bamadhaj, memberi roti yang belum berkulat. Menurutnya, infantri Jepun sudah empat hari bubus masuk ke Singapura menembusi Mandai, Woodland, Keranji dan Pandan. Dini hari itu, kapal terbang Jepun masih meneruskan serangannya. Empat buah bom memusnahkan dua blok bangunan di kanan dan kiri simpang Arab Street-Victoria Street. Lima bom meluluhkan rumah dan kedai di simpang Arab Street-Northbridge Road, Bali Lane dan Haji Lane. Sederet rumah satu tingkat, di Pahang Street-Aliwal Street, sebuah banglo tiga tingkat di Palembang Road terkena bom api dan satu deret bangunan dua tingkat di Rochore Road-Victoria Street, punah. Aneh! tempat pelacur di Johore Road masih utuh melampaui dini hari Selasa minggu pertama Februari.

Toko Baldu Bamadhaj di penjuru simpang tiga Arab Street dan Mascot Street, terletak hanya empat puluh meter dari pinggir Northbridge Road-Bali Lane dan Haji Lane. Lubang perlindungan mereka sudah ditentukan di simpang Bussorah Street dan Mascot Street. Tetapi Syed Omar lari ke utara, terpisah daripada kelompok keluarganya yang tersesat lubang dan masuk ke dalam perlindungan Kampung Tembaga. Perlindungan itu tidak digunakan lagi kerana pernah terkena bom, dan belum dipulih lagi serta tidak dibersihkan. Syed Omar menyelinap ke dalam. Udara hapak, berbau asap daripada tangki minyak yang terbakar. Dia terdengar meriam mengguruh, dan merasa dirinya seperti diayun di dalam buai. Tetapi Syed Omar merasa aman di situ. Dia dapati, di sisinya ada bungkus kain terpal. Dia membukanya dan meraba isinya yang mengandungi makanan dan sebuah kotak kecil berisi perhiasan emas-permata. Dia tidak dapat merayap, walaupun dia hanya seorang. Lantainya penuh dengan mayat yang sudah busuk.

Gegar meriam gunung artileri, meriam penangkis *tank cavalry*, rentetan peluru *mechine-gun* dan ledakan *grenade* infantri, bom api dari kapal terbang, peluru dum-dum penangkis serangan udara akhirnya bertaut menjadi satu gemuruh bagi bunyi dituang dari langit dan menggegarkan bumi. Hujan tengkujuh minggu pertama Februari mendesah di luar dan mencurah ke dalam perlindungan.

Syed Omar menggeliat kesejukan dan sesak nafas kerana kurang udara. Dia terkurung di dalam lubang busuk. Dia bangkit hendak lari keluar. Tapi terasa lututnya ngilu. Dia terjaga.

"Oh! Kenapa aku mimpikan neraka Februari empat puluh tiga tahun dahulu?"

Dia sedar bahawa dirinya berada di dalam Land Cruiser kebanggaannya. Tiba-tiba perasaan ngeri dalam mimpi itu dikejutkan realiti yang amat menggerunkan. Air tergenang mencapai aras bangku di dalam kereta. Tapi tiada bunyi meriam, tiada gegar bumi. Tapi ada ayun membuat oleng dan melenggang seperti yang dia rasakan dalam mimpi. Dia meninjau keluar dan terkejut. Tiada jalan raya. Tiada jambatan. Tiada sungai. Tiada sawah. Dia hanya melihat laut dan cahaya bulan. Dia sedari Land Cruiser itu hanyut ke arah timur diseret arus pasang dari laut. Dia tadah telinga dan mendengar dua sumber bunyi-di tenggara, terdengar gelugut monoton, sayup! Di barat laut letupan berkala-kala, seperti kelepak halilintar, seakan mencabar angkasa. Tiba-tiba dia teringat keterangan Kadir dan Zura tentang gempa dan ombak dari gunung berapi di dasar laut, di muara utara Selat Melaka.

Tongkat ketiaknya ditenggelami air. Dia membuka selak pintu dari dalam dan menolak sekutu tenaganya. Air menerpa masuk tapi dilawan dengan kekuatan tangannya lalu bergayut di terali tepi bubung Land Cruiser, dan menarik badannya keluar. Dia terkejut bila kakinya tidak mencapai tanah walaupun badannya sudah tenggelam ke aras ketiak. Pintu itu sudah terkatup kembali. Syed Omar berusaha membukanya kerana mahu mencari tongkat ketiaknya. Tetapi dia tidak terdaya.

Dia terkial-kial memanjat ke atas bubung. Tapi tangannya lurut dari terali tepi bubung itu. Dia cuma mampu berpaut pada cermin pintu yang kebetulan dia buka tadi seluas dua inci. Tapi kakinya tidak mampu digunakan. Lutut ngilu dan tangan lenguh itu tidak sanggup lagi berpaut, dia hanyut.

ORANG Ah Hoe melihat kedatangan orang Syed Omar. Mereka mendiamkan diri, sebagaimana diarahkan Ah Hoe. Orang Syed Omar duduk di atas tebing Kuala Sungai Kayang. Orang Ah Hoe yang menanti di atas pohon api-api di tebing seberang kuala di sebelah hulu bucu selekoh Sungai Perlis sudah lama bersedia dengan *crossbow*. Mereka curiga bila menjelang pukul sembilan tiga puluh tadi, ada satu sampan panjang yang datang dari hilir, ditumpangi tiga orang. Tapi akhirnya mereka tahu penumpang itu penuntut universiti, bukan musuhnya. Mereka mudik perlahan, diapung dan disorong arus pasang menepi ke tebing. Mereka berbual tentang pengaruh bulan di bumi, manusia, laut, sungai, habitat flora dan fauna, semua topik akademik.

Masa yang ditentukan, menurut perhitungan Ah Hoe, sudah dua minit berlalu. Orang di atas pokok itu gelisah akan kecundang. Setelah lima minit

berlalu baru muncul dua kepala, tepat di tengah Kuala Sungai Kayang. Mereka menepi ke tebing barat lalu munculkan diri ke aras pinggang, serta memberi isyarat tangan bersilang di atas kepala.

Penyelam itu, segera didatangi dua orang utusan Syed Omar, dan serentak membalias isyarat dengan menyilang tangan di atas kepala juga. Dua orang penyelam berpandangan sebab mereka curiga walaupun silang tangan itu betul. Arahan yang mereka terima muktamad: yang sambut seorang saja seperti maksud *atas diri* dalam sandi.

Orang Ah Hoe di pohon api-api mengacu *crossbow* kerana mencurigai sikap penyelam itu yang enggan menyerahkan barang yang mereka bawa dan cuba mengundur diri ke dalam sungai. Bila penyelam semakin jauh dari gigi tebing hendak membenamkan diri di dalam air, dua tombak *crossbow* melesing. Sasarannya tepat kepada dua jantung.

Penyelam tenggelam serta-merta. Utusan Syed Omar memburu ke sungai. Tapi seorang segera rebah, dan seorang masih berdiri terhuyung. Mereka ditembus tombak *crossbow*. Dua orang Ah Hoe, yang bersembunyi di pangkal pohon bakau menyerbu hendak menyergap penyelam itu. Tetapi seorang utusan Syed Omar yang masih mampu tegak menghadang mereka, lalu terjadi pergelutan.

Pemanah di pohon api-api mengacu untuk menamatkan peranan utusan Syed Omar. Tapi masa itu gegaran berlaku, diikuti letupan yang mengguruh dari laut. Bidikannya menyipi dan terkena kepada dua orang kawannya sendiri.

Gegaran bumi menyebabkan pohon kayu oleng. Dua pemanah terhumban dari dahan api-api. Tubuh mereka yang jatuh tertiarap panjang, disambut akar api-api yang tajam, menyebabkan luka tidak terkira dari muka ke kaki kepada pemanah tersebut. Enam orang sasaran menjadi mangsa panah mereka. Tapi mereka pun parah. Bila gegaran berhenti mereka bangun. Tapi luka dan darah yang sudah banyak keluar melemahkan badannya. Mereka bertatih di atas lumpur yang ditenggelami air pasang, saling bantu-membantu walau tersandung-sandung, hendak mencapai sampan yang mereka sembunyikan jauh di balik hilir selekoh Sungai Perlis. Sebelum tiba ke sana, arus deras dari ombak letupan gunung berapi menghanyutkan mereka, lalu tenggelam dan diseret arus ke hulu.

KAWASAN Sungai Bugis terdedah tanpa pelindung dari arah laut. Pemandu Ah Hoe, termasuk Salmah, tak sempat mencapai kenderaan. Mereka hanyut dan terpisah antara satu sama lain dilanda arus dan disambar alun.

AH HOE belum tidur. Dia bersama seorang teman lama di Alor Setar, keluar dari hotel menjelang pukul satu empat puluh malam. Mereka memandu

terburu ke arah hulu kerana hendak makan otak monyet di rumah seorang kawan di Pekan Pokok Sena. Jadualnya, mulai pukul dua tiga puluh dini hari.

Apabila mendekati jambatan Sungai Langgar, di barat simpang tiga Langgar, gegaran bumi dan gemuruh di angkasa menguasai dunia. Sport car itu yang dipandu pada kelajuan seratus empat puluh kmj merempuh kepala jambatan dan terhumban ke sungai. Puluhan minit kemudian, limbah dari Sungai Tok Raja dan Sungai Mati bersatu dengan Sungai Langgar yang menerima arus ombak dari laut, lalu surut deras. Esoknya sport car terhalang di tiang telegraf di tepi rel keretapi di Perhentian Alor Belat, empat batu di selatan Alor Setar.

Bulan purnama hanya satu malam, tidak pernah berubah bentuk dan sifatnya. Di mana saja puncaknya berada, di bawahnya laut pasang, mudah mengapungkan dan juga terlalu mudah menenggelamkan. Pada purnama Safar tahun ini, Syed Omar dan Ah Hoe dihubungkan benda segi tiga jengkal Chanida dan bersama-sama orang mereka, sampailah giliran mereka ditolak dunia.

ANGIN mati nafas separuh malam. Bulan terang sehingga pagi. Air surut kian tohor. Arus ke hilir yang mengalir beriaik halus kian lemah. Alam tenang menjelang Subuh. Azizan dan Zura nyenyak. Tetapi dalam kepala Kadir berserabut dengan fikiran dan perasaan duka sendat di dalam dadanya. Dia tidak pernah mengalami gempa bumi. Pengetahuannya hanya berdasarkan teori, bukan pengalaman. Kadir tidak dapat menentukan kadar skala Richter gegaran itu. Dia melihat tetapi tidak dapat menaksir tahap condong oleng berulang kali selama hampir satu minit pohon kayu di tebing Sungai Perlis. Yang pasti kepada Kadir ialah air di tiang telegraf itu, dalamnya lebih dua meter. Dia melihat arus surut itu kuat menegangkan tali penambat sampan. Dia terpaksa kembarkan tali itu. Dia agak lajunya antara dua puluh ke tiga puluh kilometer sejam.

'Berapa banyak rumah petani dan nelayan di pantai hanyut?' Kadir gerun, tidak berani mengagak untuk menjawab soalan di dalam hatinya. 'Berapa orang mati lemas? Berapa orang parah dan berapa orang mati dalam runtuhannya?' Berita TV dan gambar di dalam surat khabar daripada peristiwa gempa di negara lain, terbayang di dalam kepalanya. Tetapi peristiwa negeri dilanda ombak besar sehingga jauh ke darat, dan arus menyeret ke laut, mayat, bangkai, dan harta benda hanyut, tidak dapat dia bayangkan. Hanya perasaan ngeri dan duka nestapa yang dapat dia tanggapi.

Sementara dadanya sendat pilu, kepalanya berserabut dengan fikiran kusut. Matanya semakin kabur, ditakluk kantuk. Fajar putih terbit di ufuk timur, dilawan bulan rendah di ufuk barat. Kini fajar putih itu bertukar menjadi fajar merah. Angin timur laut bertiup kembali, menggantikan bayu sepoi barat laut yang lumpuh menjelang tengah malam. Mulanya lembut lalu kian deras. Kemudian mega menutup fajar merah. Awan itu muncul di atas puncak banjaran Gunung Kuan Mat, nun jauh di timur.

Kadir bergerak lembut mencapai pengayuh. Dia mengait beg sandangnya di haluan itu untuk dijadikan bantal Zura. Dia meluruskan kaki pegal yang ditindih kepala Zura, lalu menggeser Zura ke tepi. Dia menggunakan sebotol air minum untuk berwuduk, dan menunaikan solat Subuh, sembahyang duduk. Setelah itu dia baring di sisi Zura. Kakinya lurus ke haluan sampan.

Kantuk mendesak. Angin pagi yang dingin itu dan hangat tubuh Zura bertaut dengan hangat badannya – tanpa menimbulkan berahi mendorong Kadir segera lelap.

"Hujan! Sampan tonggeng!" Azizan yang kedinginan itu sudah basah dari punggung ke bahunya. Air tergenang dibahagian buritan sampan. Zura bingkas kerana digera laung Azizan. "Sampan tergantung lintang di atas keretapi! Sampan penuh air." Azizan turun.

Zura terpinga-pinga, menggosok mata, lalu mengejut Kadir dan segera turun.

"Hujan lebat! Kita tergantung di atas rel! Cikgu tersilap ikat. Tali pendek." Teriak Azizan memulihkan ingatan Kadir. Dia melihat Zura dan Azizan, yang duduk atas rel, memandang tajam kepadanya.

Zura berang, "Kenapa tidak kejut saya tadi kalau mahu tidur? Buat apa tidur di sisi saya? Melampau. Macam budak kecil."

"Apa kita nak buat, Zizan?" Kadir tidak hirau kemarahan Zura. Dia pergi membuka tambatan sampan. Simpul longgar yang tersangkut pada sigai paling atas tiang telegraf itu tidak terlepas ke bawah mengikut tahap air surut. "Sudah tahu, di mana duduk kita?"

"Di atas rel. Sampan itu betul-betul melintang di atas laluan keretapi."

"Larikan dari keretapi!" Kadir berteriak.

Azizan ketawa. "Keretapi tak akan lalu! Tidak lihat? Landasan sudah ompong! Batu kerikil dihanyutkan arus deras."

"Kenapa? Seperti disampuk polong." Zura ketawakan Kadir. "Tiada keretapi." Dia mengambil botol air dan mengejek, "Basahkan tekak, biar bakal Perdana Menteri siuman!"

Kadir berkumur dan telan tiga teguk. Matanya nanar ke sekitarnya. Laut sudah hilang. Sawah tajalli kembali. Padi masak rampak rebah ke arah barat. Banyak yang ditutup lumpur. Zura memacak pengayuh sejarar tiang telegraf, lalu membuat dinding sarung batik. Dia melepaskan hajat besar. Dia beristinjak arus parit dan dibilas segayung air minum. Dia kembali duduk, merasa selesa. Kadir ke utara. Azizan ke selatan. Mereka istinjak pada arus di tepi sawah.

"Tak akan berdiam saja, Cikgu!" Azizan menegur. "Laut sudah hilang."

"Kita tak akan tinggalkan sampan itu di sini." Kadir mengeluh. Dia keluarkan rokok daripada saku jaket pelampungnya. "Rokok ini pun sudah basah."

Zura kasihan melihatnya, lalu pergi ke sisinya dan bersuara lembut, "Kita angkat."

"Zizan! Kau ada rokok?" Kadir tengking.

"Cikgu angau? Saya tak pernah merokok."

Zura bangkit. Dia tahu di dalam beg sandang Kadir, masih ada beberapa bungkus. "Ini dia, bakal ayah anak-anakku! Bakal Perdana Menteri. Jangan bingung, sayang."

Azizan tergelak mendengar jenaka Zura. Dia bermadah irama *cak lengkong Perlis*:

*Bakal Perdana Menteri  
Terlelap pada hujung dini hari  
Tidurnya bermimpi berkelahi diri sendiri  
Dibantai hujan tak sedarkan diri  
Kepalanya tersadai di atas landasan keretapi.*

Kadir cekup lumpur di sisi bantal rel. Tanpa menoleh, dia baling kepada Azizan.

Azizan tidak menduga serangan itu. Mukanya berlepa lumpur. Sebagiannya bertepuk pada dada jaket pelampungnya. "Dirasuk hantu lautkah?" Dia gelak. "Apa pasal, ha?"

"Melampau sangatlah!" Zura bersungut. Dia toleh Azizan. "Jangan dibasuh air parit. Kotor." Dia memberi sebotol air minum.

"Bersihkan dengan air hujan." Kadir sergah. "Cermatkan air minum."

"Macam mana kita sekarang?" Zura berlembut kepada Kadir.

"Saya belum tahu kita ada di mana sekarang. Zizan! Buka matamu lebar-lebar. Ini negerimu. Takkan kau tak tahu kita ini ada di mana."

"Kalau ikut rel ini, kalau ke selatan kita akan jumpa Arau." Azizan terbahak-bahak sambil menadah tangan pada hujan, membersihkan mukanya. "Jika ke utara terjumpa Padang Besar."

"Takkan kita faham kalau asyik bergaduh dan murung saja begitu." Zura berungut. Dia memakai kembali seluar *jean* dan jaket pelampung, lalu mendatangi tiang telegraf, dan memanjat.

Kadir dan Azizan terkejut dan memandang kagum kepadanya. "Boleh tahan puteri Habib ini." Azizan terkikik. "Cikgu tak rugilah. Syarifah boleh panjat kelapa punya."

"Jangan dicapak!" Zura berseru. "Saya anak hulu. Juara panjat batang pinang."

Kadir mendekati tiang itu. "Apa yang Zura nampak?"

"Kita dikelilingi jalan raya. Di utara, hanya beberapa belas rantai dari sini, ada jambatan keretapi yang hadang sampah. Sungai kecil. Arus deras, sebak ke tebing. Tak ada rumah."

"Turun, Syarifah!" Azizan ketawa gembira. "Tahulah saya kalau begitu."

"Di mana, Zizan?" Kadir mengherdik. "Jangan tersengih dan ketawa saja."

"Kampung Chuping. Tadi mana saya tahu? Sekarang rumah sudah hilang. Nah dengar! Di depan itu, Sungai Sena dilintasi jamabatan keretapi. Kualanya di Kangar, bertemu tiga sungai; Sungai Arau-Jejawi, Sungai Sena dan Sungai Padang Malau."

Zura turun diiringi nafsu besarnya. "Mari! Kita heret ke sungai."

"Jangan!" Kadir membantah. "Almunium. Mudah bocor!"

"Kami angkat." Ujar Azizan selamba. "Zura galas semua barang. Pukul berapa sekarang?"

"Sembilan lima puluh lima." Zura menyahut. "Berapa batu ke Kangar kalau ikut sungai?"

"Lapan. Tapi mudah mendayung bertiga. Laju ikut arus ke hilir."

"Begini!" Kadir tingkah. "Kami berdua bersampan. Apabila Zizan sudah bantu saya bawa ke sungai, pergi ke jalan raya. Usahakan untuk mendapatkan menumpang ke Kaki Bukit. Kawasan itu tidak kena banjir pasang. Tapi orang tuamu pasti bimbang. Bawa bekal." Dia membekalkannya lima ratus ringgit. "Beli dua tayar baru. Kau bawa kereta ke Alor Merah secepat yang boleh."

"Berapa batu? Hujan lebat. Saya cemas Zizan lemas." Zura terlalu bimbang.

"Jantan. Tahulah dia jaga diri." Kadir berungut.

"Lebih kurang sepuluh batu. Tentu sudah ada motorsikal yang lalu-lalang." Zura bergegas. "Saya sediakan bekalan makanan."

"Tahulah saya hidup. Jom. Angkat."

Sampan almunium itu terlalu ringan! Kadir dan Zura segera masuk ke dalam sampan. Azizan berpesan, "Tambat sampan itu di Kangar, cepat pergi tengok Syarifah Kalsom. Jika saya dapat motorsikal petang ini, saya akan ke Kangar untuk beli tayar. Jangan tunggu. Cari kenderaan ke Alor Merah. Saya bimbang kesihatan Habib. Kita jumpa di sana."

"Salam kepada Mak Aji dan Pak Aji, Zizan!" Kadir melambai.

"Tak beri salamkah kepada gambar pemimpin di surat khabar itu?"

Kadir baling seekor kuang goreng dan sebungkus pulut. Azizan menyambar, lalu segera mengunggis dan mengunyah sambil berjalan. Kadir terbahak-bahak mengenang nasib surat khabar penadah najisnya dalam sistem jamban terbang.

Belum sebatu berkayuh, sudah hampir tiga puluh kambing, belasan kerbau dan lembu mereka temui. Bangkai itu tersadai di dalam sawah dan di tebing sungai, dan belum kembung. Papan dinding pokah, pintu kopak dan tangga tanggal. Gelegar, atap, kasau, tiang, selusur, alang bubung, pakaian, tikar, tilam, bantal, besen dan baldi plastik, semuanya berselerak di dalam sawah, tersangkut di tebing dan masih hanyut di sungai.

"Banyak rumah hancur dan hanyut. Tapi belum ada mayat." Zura gelisah.

"Mudah-mudahan tiada mayat. Bagaimana? Kita makan sedikit!"

Zura meletak pengayuh, lalu berpaling duduk menghadap ke belakang. Dia membuka keranjang bekal dan menyerahnya kepada Kadir sebotol air, sebungkus pulut dan sebelah kuang goreng. Bekal itu dari Kaki Bukit. Kadir berkayuh terus. "Cermat air. Setiap botol kita kongsi dulu."

Di hadapan sampan ada mayat tersangkut. Kadir menepi, tancapkan pengayuh, lalu menambat buritan sampan. "Makan dulu." Suaranya selamba tidak memberitahu Zura hal mayat yang dia lihat di hadapan sana.

"Hujan ini semakin menggila," Zura berungut. "Makanlah lekas!"

Kadir hiba melihat Zura menuap pulut yang dibasahi hujan. Dia terharu bila mendengar desakan Zura menyuruhnya makan cepat. Di dalam dadanya timbul sejenis keinginan akan mengekalkan kenangan pilu nestapa dan derita yang mereka alami itu, sebagai pasak ingatan bersama dalam alam rumah tangga kelak. Lukisan pemandangan air deras di tebing sungai? Padi rampak dilanda arus? Dia mencari objek dan sumbernya.

Sampan mereka tidak berputar haluan. Kadir sering mengerling kepada mayat yang tersangkut di tebing sungai, berpakaian penyelam skuba. Satu tertiarap dan tersangkut di longgokan sampah. Satu terlentang, dihadang pangkal angsana. 'Objek itu yang aneh. Ambil sumber dari sana.' Kadir sudah temukan pilihan! Setelah makan, Kadir berkata selamba, "Zura baring telungkup, hadap ke depan! Tutup mata dan hidung! Kita akan lalui mayat yang mengerikan."

Zura patuh. Kadir kayuh ke tepi. Dia dapati di atas dada mayat yang terlentang itu, di hulu hatinya, tersembul tombak panah. Kadir pilih itu sebagai *souvenir* daripada mangsa petaka gempa. Tapi suara hatinya membantah unsur kekerasan. Di atas dada mayat itu, terikat pundi-pundi kulit ungu. 'Barangkali berisi pil pelali bisa sangat ikan. Itu bagus.' Kadir merentap, terasa berat, dan memasukkannya ke dalam beg sandangnya. Dia merenung roman muka mayat. Baka Caucasian atau Semit? Kadir tak tahu pasti. Setelah jauh dari situ, baru dia menyuruh Zura bangkit.

Masuk Zohor, hujan reda! Mereka mendekati jambatan jalan raya Kangar-Arau.

Kadir sudah menimba air ruang sebanyak tiga kali, sejak meninggalkan Kampung Chuping.

"Terima kasih Cikgu kerana berhenti tadi. Jika berkayuh terus, saya tak tega makan. Tak sangka akan begitu banyak mayat kita jumpai di kawasan ini."

"Belum busuk. Tahan perasaan. Banyak bersama sampah di tiang jambatan."

"Kasihan!" Zura mengeluh. "Ngeri betul!"

"Simpan pengayuh." Kadir menyeru. "Baring. Tutup mata. Satu, dua, tiga... lapan... dua belas... sembilan belas... dua puluh tiga. Lelaki-perempuan, daripada kanak-kanak kepada orang tua." Kadir mengeluh berat. "Bangunlah. Kita sudah lepasi mayat."

Zura berkayuh. "Apa cara hendak selamatkan sampan yang telah selamatkan kita ini?"

"Tambat dan lapor kepada polis. Jika mahu telefon polis marin, di Kuala tidak akan dapat. Telefon putus. Biar Balai Polis Kangar hubungi mereka dengan radio."

Mereka mendarat dan berjalan menggalas barang. Jalan raya di hadapan rumah Kalsom sudah kering. Tetapi apabila mendekati rumah itu, mereka lihat rumah induk sudah senget, bumbung runtuh, sebidang dinding rebah, seruas lantai rebas ke bawah.

Zura berlari masuk ke halaman, diikuti Kadir dari belakang. Zura melaung:

'U u u u m i i i i...!"

RUMAH itu kosong tetapi, mereka mendapati rumah kayu yang asal dan sekarang dijadikan rumah dapur, masih utuh. Cuma dua kasau terlepas dari alang bumbung dan tangga di pintu yang menghubungkan rumah induk dengan rumah kayu tertanggal. Pintunya rebah.

Ada bekas orang makan tengah hari. Lauk, mangkuk nasi, satu pinggan berisi sedikit baki nasi dan kari ditutup tudung saji. Zura tahu lauk itu dia yang masak siang semalam. Zura meneliti dapur gas. Cerek besar untuk memasak air minum masih hangat. "Umi keluar segera." Zura menarik nafas panjang "Umi selamat, Cikgu!"

"Kita mesti tahu, Syarifah Kalsom di mana? Pergilah tanyakan pada jiran!"

Zura turun ikut tangga belakang. Kadir teliti kerosakan. Rumah kayu belakang itu boleh dipakai setelah dibetulkan atap dan kasau yang terlepas dari alang bumbung. Kerosakan lain: pintu penghubung rumah induk; tiga almari pinggan mangkuk rebah; tiga almari buku juga rebah; almari perhiasan bahan tembaga dan perak rebah juga, dan isinya sudah dilonggok di tepi dinding yang utuh. Seruas lantai hadapan di kiri senget; seruas lantai di hadapan kanan rebah ke bawah bersama bebanannya - meja kerja, kabinet fail, mesin taip, komputer, printer, rak buku, kotak kertas print dan *overhead projector*. Tembok dinding kanan roboh. Semua *beam* renggang daripada tiang. Yang masih teguh cuma tangga batu di hadapan tetapi sudah renggang dari beranda. Bidang dinding belakang hanya retak, tetapi *beam* di situ renggang. "Mujurlah kereta Habib Mokhtar ada di Alor Merah." Kadir mengurut dada. "Parah rumah ini. Mesti diroboh, baru dibina penggantinya kalau tapak ini hendak digunakan."

"Kaaadiir .....!" Zura berteriak dalam suara tangis di halaman.

Kadir berlari ke tangga belakang. "Kenapa?"

"Waaaliid .....!"

"Hah?" Kadir tercengang.

"Umi tumpang kereta Polis Hutan ke Alor Merah sebelum Zohor."

"Habib Omar, kenapa?"

Zura lumpuh kalimat. Dia perah tenaga memanjang tangga belakang, dan segera membuang diri ke dada Kadir. Dia meraung, "Walid !"

Hampir setengah jam barulah Kadir dapat menenangkan Zura. Tapi sejauh itu, dia tidak bertanya lagi. Walaupun begitu dia faham, Syed Omar meninggal

kerana sakit jantung. Lewat pukul dua petang, Kadir dan Zura menggalas beg sandangnya berjalan ke selatan. Di simpang jalan ke Kuala Perlis, mereka menumpang Land Rover Polis Hutan ke *check point* di Kampung Padang Gelanggang.

"Tunggu sini!" Sarjan Polis Hutan belas. "Akan ditumpangkan ke Alor Setar."

Lewat pukul tiga baru mereka ditumpangkan pada lori *pick up* lelaki Cina.

"Boleh teruskan?" Kadir tanya pemandu.

"Siang tadi tidak. Tapi tengah hari ini polis dan askar sambung jambatan yang putus. Mereka pasang palang besi jambatan dan lantai plat besi tebal."

"Rumah runtuh?" Zura tanya.

"Saya lihat sekitar Alor Setar saja. Rumah batu yang tinggi rebah. Rumah batu lama yang rendah, pecah dan terlalu banyak juga yang runtuh. Blok bangunan baru tiga atau empat tingkat, itu boleh tahan sedikit. Tapi banyak juga yang patah."

"Sudah ada siaran radio atau TV?" Kadir tanya.

"Radio sejak pagi ada. Petang, tentu ada TV. Belum balik ke rumah sejak siang tadi. Orang surat khabar dan TV datang ke Alor Setar, ikut helikopter askar dan polis."

"Di selatan, bagaimana?" Kadir tak sabar.

"Sampai ke Singapura, banyak rumah runtuh. Kuala Lumpur jangan cakaplah! Nanti malam awak tahu lah. Tentu TV tunjuk semua. Paling kasihan, Singapuralah!"

Zura tolak Kadir. "Di alam terbuka, banyak mati hanyut. Orang yang nyenyak tidur di rumah, hancur bersama hartanya." Dada Zura sebak mengenang Walidnya.

"Bas Alor Setar boleh jalan sampai ke mana?" Kadir harapkan itu, sebab sejak di Kangar, belum ada bas yang dia lihat.

"Bas jangan cakaplah. Keretapi pun sama. Teksi juga susah. Mahu ke mana?"

"Alor Merah!" Hati cemas Kadir berbaur harapan minta ditolong.

"Jangan susah!" Pemandu itu serius. "Saya punya rumah di Simpang Kampung Jabi. Dari Alor Merah, saya berpatah balik, masuk kiri ke Jalan Langgar."

Zura dan Kadir berlapang dada setelah mendapat pertolongan begitu. Mereka tidak masuk ke Alor Setar, tetapi menyimpang ke kiri di Alor Janggus dan di Gunung Keriang mereka belok ke kanan, tembus ke Alor Merah. Sepanjang perjalanan ke hulu itu, mereka lihat padi ranap. Bangkai ternakan terkapar di mana-mana. Masih banyak mayat belum dipungut.

"Sudah mulai busuk!" Pemandu itu gelisah.

Zura belum tahu sebab-musabab kematian Syed Omar. Halaman penuh orang. Zura berlari naik ke rumah yang dikerumuni keluarga dan jiran. Kadir dikerumuni dan bertubi-tubi ditanya lelaki kerana mereka tahu daripada Hasnah dan Kalsom, Zura bersama Kadir dan Azizan membuat kajian di Sungai Perlis malam tadi.

"Kami selamat." Kadir menceritakan pengalamannya.

"Kami hairan," seorang jiran mengeluh kesal. "Emak Zura kata Habib ke Kuala Lumpur. Bagaimana pasukan penyelamat temui mayatnya di tempat begitu?"

Kadir terkejut. "Mati lemas? Bukan sakit jantung?"

"Begitulah."

"Mayatnya di temui di mana?"

"Di Batas Tali Air Utan Aji! Land Cruiser dia tergolek di tebing Tali Air Pauh! Tongkat ketiaknya ada di dalam. Tapi Land Cruiser itu rosak badannya. Orang bilang, boleh tukar badan. Enjin masih bagus. Dua orang yang temaninya belum dijumpai."

Kadir menarik nafas panjang. Air matanya menitis. Dia kehilangan kalimat.

"Kami berterima kasih kepada awak." Lelaki tua, keluarga Hasnah dari Pokok Sena, memegang tangan Kadir. "Kami tak sangka awak dapat selamatkan Zura."

"Kami menderita. Alhamdulillah! Kami selamat." Suara Kadir bercampur Esak tangis dan murung. "Sudah boleh gunakan telefon?"

"Belum!"

"Bagaimana ibu bapa saya akan tahu berita ini?"

"Sudah disiarkan di radio oleh Menteri Besar." Dia menyabarkan Kadir. "Entahlah, bagaimana kami akan buat hal telefon itu. Cikgu pergila rehat di rumah jiran." Dia menarik tangan Kadir. "Mari! Emak saudara dan abang sepupu Zura dari Indonesia baru sampai dengan helikopter dari Kuala Lumpur."

"Kapal terbang belum boleh mendarat?"

"Semenjak tengah hari sudah ada penerbangan. Tetapi mereka sudah atur sejak awal akan gunakan helikopter."

Zura mengejar dan berseru, "Jangan pergi! Naik! Lihat Walid!" Dia menarik tangan Kadir naik ke rumah. Orang menyisih. Di sana, Hasnah duduk di sebelah kepala mayat, berhadapan wanita tua Indonesia berpakaian ala Aisyiah bertudung putih, menutup kepala ke dada.

Kadir mengesat muka, mengeringkan air mata dan mencium dahi Syed Omar.

"Pergi rehat Nak." Hasnah bersuara tangis amat halus. "Datuk dan Datin tentu sampai sebentar lagi. Mak tunggu mereka! Datin hubungi Mak melalui

ini." Dia menyerah telefon *atur* Syed Omar. "Hubungi emakmu Nak. Mereka terlalu bimbang."

Kadir geleng kepala. "Kami selamat. Tuhan lindungi kami Mak!" Dia meletakkan telefon itu di atas riba Hasnah.

"Pergilah ke rumah Jiran. Bersihkan dirimu Nak!"

Badan Kadir berat terangkat bila melihat Zura meratap di kaki ayahnya.

"Bawa Zura. Abang Pian kau dan Pak Imam Sadali ada di sana."

Kadir mencapai beg sandang Zura dan menggalas bersama beg sandangnya. "Marilah. Perlu bersihkan badan. Nanti kita datang lagi ke mari."

Sumartini mengikuti mereka. Di sana, dia menegur anaknya, "Pian. Inilah udik-adikmu. Baru sampai. Alhamdulillah! Mereka selamat."

Sofian bersama Imam Sadali dan *Chief d' Mission* Kedutaan Besar Indonesia, menyambut mereka. Zura menerpa ke dada Sofian. Tangisnya pecah kembali.

"Itulah Zura. Ini Kadir, tunangnya. Seperti yang Kiyai kau beritahu kepada kita di Jakarta, akad mereka Jumaat tulat." Suara Sumartini dibalut pilu.

Tangan kiri mengelus kepala Zura. Tangan kanannya meraih Kadir. "Mari. Kita duduk."

Mereku sejajar tiga beradik di atas sofa. Zura dan Kadir mengapit Sofian. Waktu itulah baru esak Sofian pecah. Tangisnya terlalu hiba tanpa suara, tapi mencurah air mata.

"Pian!" Imam Sadali tegur. "Mukminin dan Mukminat dituntut menahan sabar menempuh musibah." Dia toleh Sumartini yang esaknya semakin menjadi-jadi. "Tini!" Suara Imam Sadali lebih lembut daripada tadi. "Kematian tidak perlu disiram air mata. Sayang kita kepadanya tidak dapat dikekalkan dengan tangis. Air mata itu akan kering seperti tanah kuburnya akan gersang. Cuma makamnya yang kita perlu tempatkan di dalam hati, dan itu yang sentiasa basah dan segar. Begitulah Embi di dalam kalbuku."

Kalimat lembut itu menyedarkan Sumartini, Kadir dan Zura, dan menakjubkan tuan rumah dan jiran yang menemani mereka. Ruang tamu itu hening kembali. Zura bertanya di dalam hati, 'Pada sudut mana dalam kalbuku akan kuletak makam Walidku?' Soalan itu belum terjawab bila Kalsom tiba dan duduk di sisi Sumartini. Suaranya halus, "Kak Datin Hasnah suruh saya ke mari. Jenazah akan dimandi dan disembahyang segera. Kubur dan keranda sudah selesai. Jenazah tidak dapat disimpan hingga esok. Kita kasihan dan tidak mahu menyeksanya lama-lama. Mayat itu sudah berendam separuh malam."

"Walid dikuburkan petang ini juga?" Muka Zura tegang.

"Begitulah, Nak. Datin dan Datuk dari Bukit Cagar sudah sampai. Datuk gesa. Beliau tidak rela jenazah sahabatnya terbiar lama."

"Beginit yang afdal," ujar Imam Sadali.

"Lagi satu," kata Kalsom. "Hotel yang ditempah itu runtuh. Saya sudah dapat lapan bilik di Rumah Rehat Kerajaan." Dia memandang Zura. "Emakmu suruh Zura bawa Mak Long dan abangmu ke Rumah Rehat itu. Yang lain juga boleh ke situ. Kalau hendak ke kubur, sempat jika cepat mandi."

"Jauhkah Rumah Rehat itu dari sini?" Imam Sadali menanya.

"Dekat sangat, Bapak." Zura sahut. "Menyeberang jalan saja." Dia bangkit dan berkata perlahan, "Marilah Mak Long! Bang unggal." Dia toleh Kalsom. "Umi! Saya dan Kadir, pakaian kami cuma yang ada pada badan kami saja. Tolong suruh bawakan pakaian kami untuk hari dan malam ini."

Kadir merenung lama pakaian itu; kemeja, sarung, songkok, sejadah, tasbih, baju tidur, pentalon. Dia faham itu milik Syed Omar. Akhirnya Kadir dikuasai haluisinasi. Di ruang matanya, itu bukan lagi pakaian yang dia lihat, tetapi citra terbayang Syed Omar. Terngiang kembali kalimat orang tua itu di Hilton malam Selasa minggu lalu:

*Alhamdulillah!*

*Awak sedari tanggung jawab hari depan.*

*Kami sebagai orang tua, terlalu rindukan tibanya suatu peringkat waktu,*

*untuk kami temukan anak-anak kami,*

*untuk kami serahi beban kewajipan ke atas bahu mereka,*

*warisan tanggung jawab daripada kami.*

Kadir tersedu-sedan tidak dapat menahan tangis. Hatinya buntu. Dia tidak tahu akan berbuat apa. Zura masuk, bersimpuh di sisinya dan berbisik, "Jika awak sendiri begini, bagaimana pula saya ini? Lupakah kalimat Pak Imam tadi? Biarlah makam Walid kita letakkan di dalam kalbu!"

Kadir mengangguk tetapi bahunya terus berguncang.

"Saya dan Mak Long tidak ke kubur. Abang Unggal dan Pak Imam sudah siap. Mereka tunggu di beranda."

Kadir bangkit mencuci muka, rambut dan mengesat hingga kering. Lalu dia mencapai songkok yang dibawa Kalsom tadi.

"Berpakaian begitu saja ke kubur?" Zura terharu.

Kadir mengangguk. Tiba-tiba dia menerpa keluar bila mendengar suara emaknya.

"Mana ayah, Mak?"

"Dengan Habib engkau."

Zura menerpa, segera disambut Zabedah. Bahu Zura digoncang Esak tangis.

"Mari!" Pak Imam gesa. "Mereka sudah bawa turun jenazah."

"Kadir!" Suara Zabedah menggetar tangis. "Pergi Nak. Usung keranda Habib engkau. Di kubur nanti, kau turun. Sambut Habibmu."

Iringan jenazah berlalu perlahan dalam waktu Asar, di bawah langit mendung hujan tengkujuh. Dari Alor Merah sehingga Anak Bukit dan Titi Gajah, Zahid berada di hadapan sekali; dia berbaju Teluk Belanga putih, dagang dalam sarung sutera kuning susu corak Muar. Dia bersongkok baldu hitam setinggi empat inci; songkok begitu belum lazim pada awal November 1985. Orang masih menggemari songkok pandak dua inci ala pelajar di sekolah agama yang masih enggan berketalayap. Itu adalah tiruan daripada pelajar sekolah Arab Aljunaid di Singapura, pada awal tahun lima puluhan.

Muka Zahid tunduk ke bumi. Setiap langkahnya ke hadapan kian memendekkan jarak ke kubur. Setiap detik berlalu menambah tebalnya lapis waktu perpisahan dengan teman seperjuangannya, pada dekad yang lampau, dia dan Syed Omar berjalan di depan mengepalai iringan keranda teman seperjuangan mereka, Datuk Muhsin, ke kuburan Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Masa itu, mereka tiga serangkai hilang satu, masih ada dua. Kini sudah hilang dua, hanya tinggal satu – Zahid.

'Adakah perpisahan ini jadi sendi satu era?' Pertanyaan itu menusuk ke dalam hati Zahid. 'Adakah era yang muncul itu memberikan buah lain daripada pohon yang serupa?' Dia mengeluh. 'Adakah kelak buah itu ranum atau lokoh?' Air mata Zahid menitis ke bumi, terserap ke dalam titik hujan. Dia teringat kerena Baim, telatah Setiausaha Politik Menteri, tindak gopoh Setiausaha Kerja, mangsa racun daripada fikiran *stratagem global union*, suatu ciptaan Zeonis sejak abad ke-15. 'Atau adakah era baru itu kelak akan muncul sebagai pohon mandul tak berbuah kerana benih daripada sejarah yang kami tanam sudah kering cambah benihnya? Atau akan reputkah akarnya dimusnahkan toksid – hasutan dari negara lain – anti-aliran faham kebangsaan kami?'

Pukul 19.50

KHUSYUK Kadir hilang tawaduk. Sendu. Dadanya sebak dan air matanya mencerah. Suara Pak Imam dalam doa dan zikir tahlil yang bermula dari Maghrib ke Isyak tidak dapat ditampung perasaan Kadir. Dia beredar ke beranda.

Zura berisyarat kepada Zabedah dan mendekati Kadir. Esak itu merangsang Zura. Dia tahu Kadir banyak tentangannya kepada pendapat Walidnya. Tetapi sebagai guru, sebagai mahasiswa dan sebagai bakal menantunya Kadir hormati beliau. Kematian orang yang dia hormati itu meremukkan sukmanya. Zura memegang bahu Kadir dari belakang. "Takdir! Awak meletak Walid di dalam liang lahadnya. Lupakah kalimat Pak Imam tadi? Biarlah kita letakkan kuburnya dalam hati yang tak kering."

"Saya tidak menampik maut. Tapi Habib Omar mati dalam keadaan tepok dan sakit jantung. Mati lemas begitu. Saya kesal tidak memenuhi panggilannya semalam."

"Apa yang akan awak buat andai sempat ke mari?"

"Saya belum tahu apa maksud beliau memanggil saya. Tapi saya akan lakukan apa yang dia suruh kalau itu munasabah, benar, perlu untuk negara dan bukan demi parti saja! Saya akan temani ke Kuala Lumpur jika begitu yang beliau minta. Mungkin kematian misteri begitu tidak berlaku."

"Saya bagaimana? Selamatkah saya jika seorang diri malam tadi?"

"Boleh ditangguh." Ratap Kadir reda. Dia berteleku siku pada terali pagar.

"Awak tangisi Walid seorang. Derita batinku? Ayahku mati. Negeriku rosak!"

"Mangsa bukan di Kedah-Perlis saja tetapi sehingga ke Johor." Kadir memelis.

"Sudah tahu." Zura menangkis. "Tetapi mata memandang, telinga mendengar, tidak sama beratnya pada hati yang memikul. Barangkali saya boleh pinjam ungkapan pembukaan kata *Paul E. Erdman* di dalam novelnya, *The Crash '79* tentang sikap orang di California di atas penderitaan manusia di negara lain akibat keruntuhan sistem kewangan dan ekonomi dunia."

"Apa dia bilang?" Kadir berpaling kepada Zura.

"Dia bilang:

*They don't have to worry about straving or freezing to death like so many others. They have their horses, their vineyards, their*

*church suppers. They would rather fish than think. Because they want to forget...*

"Dalam hal derita di Kedah-Perlis dan sikap orang negeri lain, barangkali boleh saya gunakan maksud ayat daripada Erdman itu, dengan disesuaikan menurut keadaan di sini:

*Mereka tak perlu bimbang tentang kebulur atau mati kepanasan tak berumah dipanggang mata hari, sebagaimana begitu ramai orang di negeri ini.*

*Mereka ada kereta, jalan raya yang tidak rosak, kelapa sawit.*

*Mereka ada masjid dan surau untuk kenduri malam Jumaat.*

*Mereka lebih suka pergi main golf daripada memikirkan ini semua. Kerana mereka hendak lupakan.*

Kadir maju setapak, mendekati Zura. "Syarifah Zura kematian ayah! Padimu rosak satu panen di sawah. Rumahmu rosak sedikit. Tapi Zura masih ada padi di hulu. Zura tidak seperti nasib orang lain di kawasan tanah rendah dan di pantai. Zura fikir, saya akan biarkan terlantar demikian? Zura fikir, Mak Cik Datin Hasnah dan Umi Syarifah Kalsom anak-beranak akan saya biarkan terlantar?"

"Awak fikirkan diriku dan keluargaku. orang lain?"

"Tanggungan negara." Kadir lantang. Dia mengesat air mata di pipinya. "Saya tidak bimbangkan itu. Sistem pentadbiran dan kemampuan negara kita lebih daripada cukup untuk menampung mereka. Hal yang saya kesalkan dan itu menyebabkan saya amat sedih ialah Habib Omar mati begitu. Ini kesilapanku. Saya membuang waktu di Kaki Bukit. Jika Habib Omar mati putus jantung dalam berdebatan politik, saya tidak akan kesal. Saya akan merasa bangga. Tetapi kenapa dia mati begitu di tempat demikian?"

Soalan begitu juga yang berkecamuk di dalam kepala Zura setelah dia tahu sebab kematian dan tempat mayat Walidnya ditemui. Dia mengeluh, "Tiada yang tahu!"

Kadir pernah diajar hal takdir, hakikat dan cara maut tiba ke atas seseorang. Tapi untuk memahami itu, agar pasrah, diperlukan akal jernih. Sekarang dia ditakluk perasaan. Dasar perasaan itu ada rasionalnya. Kadir sudah kenal Syed Omar sejak dia kecil di Bukit Cagar. Syed Omar sahabat seperjuangan ayahnya. Syed Omar bakal mertuanya. Dia teringat keraguan Haji Hasan di atas dua perkara tentang hal itu. Tetapi dia persoalkan; alasan apa Haji Hasan tahu, sudah terlambat pergi temui Syed Omar? Atas alasan apa Haji Hasan meragui perjodohnya dengan Zura? Dia pernah pelajari hikmah dan makna kasyaf. Tetapi Kadir belum temukan ruang lingkup kasyaf, termasuk memahami ajal seseorang dan perjodohan pasangan orang yang sedang bercinta. Oleh sebab itu juga, maka dia masih menderita sukma, malah membuka busa di dalam kalbunya setiap kali patah cinta. Jantungnya menggilir terhadap kemungkinan patah kali yang keempat.

"Misteri!" Kadir geram. "Pembunuhan! Habib Omar sakit! Tidak mampu bela diri!" Dia tumbuk terali. Dia yakin, itu kekejaman politik! Dia sudah baca berita Baim tiga serangkai. Hal demikian perlu pembersihan! Giliran Syed Omar tiba. Giliran ayahnya bila? Teman-teman mereka bila pula? Orang politik selalu mencari kambing hitam untuk menyelamatkan kulit sendiri sama ada di dalam parti, di dalam negara atau seluruh dunia. Dia teringat keluh kesal ayahnya dalam perjalanan dari kubur tadi. Syed Omar tidak beritahu akan ke Kuala Lumpur. Bertindak sendiri atau mendiamkan diri itu terlalu aneh bagi Zahid. Untuk apa? Kemahuan siapa? Kalau menurut Haji Hasan, diriku masih teguh, terkunci rapat. Dapatkah diriku yang teguh terkunci rapat memagari ayahku sebagai taming?

"Masuklah!" Zura pujuk. "Tahlil sudah selesai. Mereka sudah tunaikan Isyak. Kita temani mereka makan." Dia meraih tangan Kadir. "Teguhkan semangat saya."

Kadir melihat beberapa orang pekerja Rumah Rehat itu mengangkat hidangan. Itu kehendak Sofian ketika pulang dari kubur. Dia tidak mahu hidangan dari rumah Zura pada hari dan malam itu. Menurut kebiasaan di Indonesia, orang kematian ditegah memberi jamuan kepada tamu, dikhuatir ada harta anak yatim terlibat dalam hidangan. Kalsom membantah kerana keluarga dari hulu sedang menyiapkan masakan. Imam Sadali turut campur menyokong Sofian. Zahid ketengahhi lalu menyokong Sofian juga kerana menurutnya di samping dikhuatir terjejas hak anak yatim, Sofian sebagai anak saudara berkewajipan memberi jamuan dengan syarat perbelanjaannya daripada sakunya sendiri.

Kadir mengeluh. "Habib Omar meninggal. Habib Mokhtar dalam tahanan. Dua rumah rosak, dua keluarga hilang pergantungan. Bolehkah kita runding itu sekarang?"

Zura terharu. Dia terlalu hiba dapat simpati. "Rumah?"

Kalsom mendekat, lalu mengajak mereka masuk. Tetapi Zura berisyarat tangan. Kalsom undur ke dalam dan berkata, "Mereka berbincang. Biarkanlah. Kita makan dulu."

Zura elus air mata di dagu kadir dengan tapak tangan. "Bagaimana?"

"Rumah di Kangar tidak boleh didiami. Rumah belakang pun perlu dibaiki."

"Apa fikiranmu?" Zura ke sisi Kadir. Mereka kembali berteleku siku di terali.

"Beritahu Mak Cik Hasnah, ajak Umi tinggal bersama di Alor Merah sehingga rumahnya selesai dibina kembali."

"Rumah di sini pun perlu dibetulkan." Zura murung.

"Boleh digunakan sementara dibaiki."

"Kalaupun Walid ada wang di dalam bank, itu tidak dapat dikeluarkan sekarang. Urusan simpanan orang mati memakan masa."

"Jangan harapkan simpanan Habib Omar! Kita belum tahu nisbah hutang dan simpanan tunainya. Urusan ini tanggungjawab kita."

"Simpanan mudah tunai saya di bank tidak akan cukup." Zura menggigit bibir menahan pilu. Dia terkenang tentang hartanya dan emaknya, pemberian daripada Walidnya; hotel dan kondmonium di Pulau Pinang dan di Ibu Kota. Mungkin sudah punah semua. "Saya juga perlukan wang tunai serta-merta. Kita akan kahwin."

"Saya faham." Kadir resah. "Wang saya yang mudah tunai pun tidak sebanyak yang diperlukan untuk bina rumah Umi, tapi saya ada sumber yang boleh digunakan." Dia memegang kedua-dua belah bahu Zura. "Sertai saya berbakti untuk ibu bapa." Kadir mengira di dalam hati sahamnya di Kuala Lumpur dan depositnya yang hampir matang di Singapura. Dia yakin dua sumber itu mampu membelanjai pembinaan tiga rumah dan kubur Syed Omar.

"Terima kasih bakal ayah anakku!" Zura menangis. Dia meletakkan muka pada bahu Kadir. "Tapi jangan fikirkan hal kami saja. Dalam hal bantuan, jangan lupakan nasib Zizan. Itu baru pelajarannya. Bagaimana kalau rumah Zizan juga runtuh? Kenanglah budi Mak Aji kepada kita setiap kali kita tiba ke Kaki Bukit. Itu hal mereka saja. Bagaimana andai rumah mereka runtuh dan hampap keretamu? Perlu diganti."

"Saya tak mahu fikirkan hal kereta," kata Kadir.

"Kata orang, Land Cruiser Walid sudah dijumpai. Tapi tak boleh lagi dipakai." Zura mengeluh. "Mujurlah Mercedesnya selamat di rumah. Itu kita boleh gunakan. Saya tak sampai hati nak ambil BMW emak. Jika terpaksa, saya belikan pengganti Alfa Sport itu. Sabarlah seminggu! Mudah, itu antara kita saja. Saya bimbang majlis hari Jumaat itu!"

"Jangan fikirkan. Serahkan kepada orang tua." Kadir elus rambut Zura.

"Sanggup kahwini saya dalam tangis?"

"Harapanku, roh Habib Omar lapang di akhirat."

"Sanggupkah terima dan masuki diriku dalam keadaanku sekarang?"

"Kenapa tanyakan hal begitu? Zura ragukan kasih sayangku?"

"Tiada tempat bergantung. Saya dalam dukacita."

"Perkahwinan akan menyatukan kita dalam duka, melarutkan kita dalam suka, dan yang penting sekali, seperti kata Pak Imam Sadali, saya harap dua kalbu jadi satu untuk kuburan Habib Omar sepanjang hayat kita."

"Sanggup begitu?" Bisik Zura amat halus ke telinga Kadir.

"Saya tidak yakin Zura masih ragu kepada saya."

"Bila akan diberitahukan emak tentang Umi dan rumahnya?"

"Malam ini atau esok pagi. Sayab harap barang Umi dibawa ke mari esok."

Kalsom datang. "Tak manis terlalu lama berdua-duaan. Datuk dan Datin minta Cikgu masuk. Mereka belum makan. Pak Imam suruh tunggu awak." Mereka masuk.

"Musibah ini bukan cuma menimpa awak berdua." Imam Sadali menegur. "Sudah berlaku, tidak boleh dipaksa jangan terjadi. Apa yang wajib sekarang ialah bagaimana yang hidup wajar hadapi dan selesaikan! Tapi orang lapar tidak boleh berbuat banyak. Mari, kita makan." Dia mengajak Kadir duduk di sisinya.

Zurah bersimpuh tunduk kepala antara Zabedah dengan Kalsom. "Tabahkan hati, Nak!" Zabedah pujuk. "Kami akan berunding. Mari kita makan. Kami menunggu kau berdua." Dia membubuhkan lauk. Zura menuyap perlahan. Tutur Zabedah dingin ke dalam hatinya. Tapi air matanya menitis kembali, setitik demi setitik jatuh ke sisi pinggan.

Zahid sedih melihat puteri sahabat, bakal menantunya. "Zura! Jangan dihanyutkan hati. Kau kematian ayah. Pak Cik kehilangan sahabat. Hubungan kau dengan ayahmu belum tiga puluh tahun. Tapi hubungan kami, sudah lebih empat puluh tahun. Faham? Saya kehilangannya. Dengar sini, Nak. Untuk Zura, Pak Cik dan Mak Cik masih hidup!"

Imam Sadali mengangkat muka. "Zura, Sofian tak akan biarkan Zura terlantar. Tini sudah berjanji kepada saya sebentar tadi. Dia akan bantu Zura meneruskan pelajaran."

Zura memandang bergilir kepada muka-muka utama baginya di situ.

"Apa yang dirunding di luar?" Zahid tanya Kadir.

"Rumah, ayah." Dia menceritakan rancangannya.

"Kadir?" Muka Zahid tegang "Engkau cukup wang?"

Kadir menceritakan keuntungan sahamnya di Kuala Lumur sejak menjadi mahasiswa. "Insya-Allah! Izinkan kami belajar bertanggungjawab. Sementara Ami Mokhtar tiada, biarlah kami pulihkan rumahnya. Izinkan kami berdua menanggung kehidupan Umi anak-beranak sementara sawahnya belum dipulihkan."

Kalsom menangis terharu. Dia mengesat air mata dan mengangkat muka, "Biarlah Umi saja temani mereka ke rumah. Zura dan Cikgu Kadir temani adik-adikmu di sini."

"Emak perlukan saya, Umi." Zura merayu.

"Kami runding kembali hal dirimu. Tak manis kau hadiri!"

"Bukankah sudah muktamad, siang dan Jumaat malam?"

"Isy!" Kalsom menjeling tajam.

Kadir serba salah. Tapi bungkam. Diteruskan? Ditangguh? Dia diseksa ingatan kepada keraguan Haji Hasan.

## Pukul 22.45

BETAPA pun remuknya hati Hasnah kerana kematian suami namun fikirannya jernih. Hasnah menyertai keluarganya dari mukim Gajah Mati dalam perbincangan menghadapi Zahid dan Zabedah. Keluarga dari hulu itu mohon ditangguh. Tetapi Hasnah berkeras. Alasannya kukuh. Janji sudah diikat itu adalah kehendak suaminya.

"Saya belum faham adat-istiadat Melayu di sini." Sofian menyampuk. "Hanya dari segi Islam, barangkali saya boleh majukan pendapat saya."

"Pian mahu apa?" Sumartini tanya anaknya.

"Biarkan Pian kemukakan fikirannya, Tini!" Imam Sadali tegur.

"Menurut keterangan Bu Datin Hasnah, itu hajat Bapak Habib. Sudah bersifat wasiat. Wajib dilaksanakan selagi mampu. Niat baik, afdal dipercepat. Tapi, walinya bagaimana? Menurut Bu Syarifah Kalsom tadi, wali waris yang terdekat, hanya Habib Mokhtar. Tapi beliau dalam tahanan. Saya lihat putera Habib Mokhtar belum baligh."

Keluarga dari hulu menarik nafas lega! Hasnah berkerutkening. Dia bertanya, "Bagaimana, Datuk?"

Zahid terharu. "Saya akan pinjam Syed Mokhtar daripada tahanan!"

"Bagaimana caranya Datuk?" Hasnah mengurut dada, tapi orang hulu berpandangan.

"Esok saya ke Ibu Kota berjumpa Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Jika perlu kawalan, biaya perjalanan dan kawalan itu saya akan bawa dengan dikawal di atas tanggungan saya. Jika kerajaan mahu jaminan, saya akan jadikan diri saya sebagai jaminan itu."

"Dua orang." Imam Sadali meningkah. "Saya ikut Datuk menghadap menteri."

"Kenapa mesti Pak Kyai Dali? Biar saya bersama Datuk." Sofian bersungguh.

"Prof. cuma keluarga. Bukan rakyat Malaysia." *Chief d' Mission* itu tegas.

"Saya tidak berhak menjamin keluarga saya sendiri?" Mata Sofian besar.

"Sabar Nak!" Hasnah pujuk. "Pian ada kerja lain yang lebih besar di sini. Pian jadi penghulu keluarga untuk majlis perkahwinan adikmu. Jangan jauh daripada Mak."

"Ibu fikir Pian, kalau Pak Kyaimu mahu begitu, sudah memadai. Kapan Datuk pulang ke mari"

"Insya-Allah esok juga. Harap persoalan wali itu selesai sebelum rombongan pertama dari Bukit Cagar sampai ke Alor Setar petang esok."

"Dengan Habibnya, Datuk?" Kalsom terlalu ghairah.

"Berdoalah, Syarifah!"

"Kalau begitu, pastilah urusan wali itu!" Imam Sadali tenang. Mukanya cerah. Dia tolak Sumartini. "Barangkali Tini mahu serahkan pusaka Embi sekarang?"

"Suasannya sudah sesuai, Pak." Ujar *Chief d' Mission*.

"Suamiku tidak ada tinggalkan pusaka," sahut Sumartini. "Mati muda. Gugur dalam pertempuran di Salatiga. Mas Dali pangku ketika dia nazak. Dia selesaikan urusan penguburan jenazahnya. Tetapi ada peninggalannya." Dia memandang Imam Sadali. Lalu tolak Sofian. "Ini!" Tangan kanannya memegang bahu Sofian. "Putera tunggalnya." Matanya sudah basah. "Baru beberapa bulan usianya apabila Mas Embi gugur, bagai melati Malaya, mengapungkan aromanya di Indonesia."

"Oh anakku!" Hasnah melekapkan mukanya pada bahu Sofian, teresak-esan amat pilu. "Engkau tinggal dengan Mak! Harta pusakamu di sini. Pergi ziarahi kubur datuk dan neneckmu."

"Dik Datin Hasnah!" Suhartini mengengsot mendekati adik iparnya. "Di atas restu pemerintah kami dan di atas keikhlasan saya dan Pian, kami hendak serahkan tanda jasa suamiku kepada keluarganya di sini."

"Kakak?" Hasnah mengangkat mukanya daripada bahu Sofian. "Tanda jasa apa? Kami tidak perlukan apa-apa. Kedatangan kakak dan Pian sudah lebih daripada segala-galanya."

"Bukalah, Pian." Suara Imam Sadali amat halus.

Sofian menyerahkan bungkus yang dia bawa kepada emaknya. "Biar Ibu saja!"

Semua mata memandang. Sumartini membuka bungkus kain. Dan dari dalamnya dia keluarkan dua kotak kayu jati berukir, dibarnis coklat muda. Sumartini membuka yang kecil, dan berkata:

"Biar disaksikan oleh wakil pemerintah kami, di Malaysia, Bapak *Chief d' Mission* yang meneman kami ke mari. Bintang ini dia terima sebelum Pian lahir. Bintang Pahlawan Gerila." Dia meletakkannya di hadapan Hasnah.

"Harganya tidak ada," kata Imam Sadali. "Cuma dibuat daripada pecahan hand grenade. Tapi nilainya tinggi."

Keluarga dari hulu kecewa melihat kepingan besi berbentuk bintang lima bucu dan sekeping bendera kecil, Merah Putih! Dan pita kain, berwarna merah dan putih juga. Warnanya sudah kusam. Bagi mereka, dua cebisan kain dan satu keping pecahan besi itu tidak sama harganya dengan emas. Lain halnya bagi Hasnah. Dia mencapai bintang itu dan menciumnya. Dalam keluh tangis dia berkata:

"Abang Embi! Abang kekal dalam hati kami."

Sumartini membuka peti kayu jati yang lebih besar itu. Bentuk dan ukirannya lebih indah. Semua mata memerhatikannya. Dari dalam kotak itu dia keluarkan sekeping tropi yang dibuat daripada tembaga kuning, dan sebutir bintang lima penjuru dibuat daripada emas dua puluh karat. Tropi itu berukir aksara *Bintang Mahaputera Pejuang Revolusi Major Anumerta Embi Muhammad Zain*. Di sertakan juga sebuah bendera kecil berwarna merah putih.

"Ini Dik Datin Hasnah." Sumartini meletakkannya di atas pangkuan Hasnah. "Simpanlah jadi pusaka keluarga di Kedah."

Keluarga dari hulu terpukau, terutama wanita. Matanya tak lekang daripada emas berbungkah bentuk bintang itu. Tropi dan aksara, simbol kebesaran, kemuliaan dan kepahlawanan itu, seakan tiada nilai bagi mereka.

"Syarifah," Hasnah toleh birasnya. "Pergi panggil Zura ke mari. Kakak mahu, biarlah dia yang pelihara pusaka kebesaran dan kemuliaan Pak Longnya."

Malam sudah capai pertengahannya, bila Kalsom berbisik kepada Zura.

"Sudah selesaikah rundingannya, Umi?"

"Sudah! Ami kau akan pulang untuk jadi walimu."

"Apa perlunya saya saja pergi ke rumah?"

"Kau scorang. Ada barang mustahak yang wajib Zura simpan!"

"Pergilah," kata Kadir. "Saya temani adik-adik di sini."

"Jangan tidur sebelum saya pulang. Keringkan air matamu." Zura tegas.

Waktu Zura turun tangga, Azizan muncul menunggang motorsikal, murung:

"Kami dengar radio! Saya ke rumah. Mereka kata, Cikgu dan Zura di sini."

"Zizan naik!" Zura seru. "Nanti saya balik ke mari."

"Rumah roboh, Cikgu! Kereta punah kena hempap."

Kadir termenung. Dia sudah duga. Berlapis-lapis musibah yang menimpanya. "Qada." Suaranya sayu. "Rumah dan kereta, Insya-Allah boleh diganti. Bagaimana Mak Aji dan Pak Aji?"

"Mujur, mereka tiada di rumah ketika itu. Emak ikut ayah pungut kuang pada simbat. Mak dan ayah basah kuyup, rebah di sawah. Mereka pulang dan dapati rumah sudah ranap."

"Sawah, selamat?"

"Air pasang jauh dari Kaki Bukit."

Kadir bawa Azizan ke meja makan. Azizan bercerita betapa susah dia hendak meminjam motorsikal. Ketika Azizan makan, Kalsom tiba, berteriak:

"Cikgu! Zura! Cepat! Zura..!"

Kadir melompat diikuti Azizan, dan di hulu tangga serempak bertanya:  
“Zura? Kenapa?”

## Rabu

Pukul 01.20

ZURA serba meneka. Apa yang akan diamanahkan? Barang? Wasiat? Kenapa Kadir tidak dibenarkan ikut? Di dalam hatinya terbetik maksud kehadiran balu Pak Long dan abang sepupunya. Hadiah perkahwinanku? Atau surat attorney? Sofian meminta haknya, pusaka Haji Zain, ke atas semua rumah sewa di Alor Setar dan tanah di Gajah Mati? Zura sudah menyentujui kehendak emak dan nasihat Walidnya agar pusaka datuk dan neneknya dibahagi kembali. Tidak jadi masalah. Tak perlu ke mahkamah. Hukum faraid jelas. Kadi ada wibawa menyelesaikannya. Akan dibahagi. Embi dua bahagian. Hasnah satu bahagian! Warisan Hasnah itu saja akan dimiliki Zura. Warisan Embi diterima Sofian. Nama dalam semua gran tanah sawah dan rumah sewa, sudah dibubuh nama Zura. Tapi segalanya mudah diselesaikan. Pecah kuasa, bayar kepada Pejabat Tanah cukai pindah milik dan ambil gran milik masing-masing. Habis perkara.

Fikiran Zura sudah bulat bila mendekati pagar rumahnya. Hadiah perkahwinan atau penyelesaian pusaka, dia akan terima dengan gembira. Apalah ertinya pusaka itu dibandingkan dengan kebahagiaan yang dia dapat bila mengetahui sepupu dan balu bapa saudara tunggalnya yang tak pernah wujud dalam fikirannya, tiba-tiba datang ke Kedah? Oh, abang sepupunya mengelus rambutnya pada saat berjumpa dalam duka nestapa. Air mata abang sepupunya yang hiba bila melihatnya menjadi yatim, sudah menjadi benteng hidup bagi Zura. Dia ada abang, tempat dia bersandar apabila kelak terhuyung dalam hidup. 'Aku mesti beri sesuatu kepada Mak Long dan Bang Unggal!'

"Tunggu Umi." Dia berseru kepada Kalsom di pintu pagar. Zura melencong ke kanan, pada rumpun orkid dalam pagar di balik bunga raya.

Longkang pinggir jalan penuh, air tergenang di halaman tidak mengalir ke situ dan melembak ke tangga. Air itu berkilau disorot sinar bulan Safar lima belas malam dan beriak-riak dielus angin tengkujuh timur laut. Zura memilih rumpun orkid yang lebat dan mematahkan tangkai bulir bunga itu. Tiba-tiba dia terperanjat dan tidak sempat lari. Ular tedung, yang menjauahkan diri dari tanah berair dan menumpang di rumpun bunga, mengangkat kepala mengembangkan leher...

"Umiii... ulaaar...!"

Kalsom berlari dari kaki tangga mendekati Zura, dan melihat ular sebesar tebu gading menjalar menyeberangi pagar bunga raya. Dia berteriak:

"Ular!"

Kalsom masih tercegat nanar ketika Sofian, Zahid dan Imam Sadali sampai ke halaman. Zura terbaring di atas rumput yang terbenam. Bulir bunga orkid itu berada di sisinya.

"Angkat adikmu, Pian!" Imam Sadali berseru.

"Panggil doktor!" Zahid melaung ke atas rumah.

Kalsom sedar daripada nanar. Dia berlari ke Rumah Rehat, meneriak Kadir.

Mata Zura masih terbuka ketika Kadir sampai. Tapi nafasnya lemah. Suaranya amat perlakan:

"U l a r ... b u n g a ... A l l a a a h ...!"

Suara Zura hilang seakan kaset kehabisan bateri. Matanya hilang cahaya bagai mentol putus elektrik. Mulutnya masih terenganga, hilang gerak bila dia selesai menyebut Allah. Keningnya berkerut, dan mata yang indah itu hilang bening.

Imam Sadali ingat kematian Embi dalam medan perang, Salatiga. Dua puluh tahun kemudian, isterinya mati di Petagas. Embi nazak dalam pangkuannya. Isterinya nazak di atas ribanya. Tapi dia tenang. Kini pun begitu, tenang merenung Zura. Air mata melilih, suaranya garau diganggu lendir kerongkong dan hidungnya disumbat hingus:

*"Inna Lillahi wa Inna Ilaihi Rajiun!"*

"Mati anakku?" Hasnah menjerit.

"Z u u u r a a a ... !" Kadir meraung, terlungkup di atas Zura.

Zabedah meratap. Zahid hilang perasaan. Sumartini teresak-esak. Muka Sofian basah air mata. Kalsom meraung, berdiri memeluk tiang.

"Astaghfirullahul'azim!" Imam Sadali mengucap kalimah taubat. "Pian! Bawa Kadir jauh dari situ." Dia toleh Sumartini, "Tini! Bawa Datin Hasnah masuk ke bilik."

"Kenapa begini?" Kalsom meraung, masih memeluk tiang. Anak-anaknya tiba dari Rumah Rehat, memeluknya. Mereka terkejut mendengar tangis dari rumah itu.

Sofian dan Azizan papah Kadir, dirempuh jiran yang berkejar naik ke rumah.

Bulan Safar lima belas hari condong ke barat. Di Ampang Hilir Kuala Lumpur, rumah Prof. Zaitun pun rebas bumbungnya, siling runtuh, cermin jendela pecah tapi tembok masih kukuh. Sejak Zahara ke kampus petang Selasa minggu lalu, hakim tua Bahrum

tidak keluar dari bilik, walaupun bumi dan rumah digegar gempa. Dia makan bertih dan minum air dingin tak dimasak, tidak berkata apa pun, kepada siapa pun. Dia bertapa seorang diri. Tiba-tiba dia keluar, mengetuk bilik Aziz, "Panggil Zahara pulang esok pagi."

### Pukul 06.20

AZIZAN dan Sofian gagal meredakan ratap Kadir di dalam bilik di Rumah Rehat.

Sofian ajak Azizan ke ruang tamu dan berbisik, "Biar air matanya habis."

Menjelang fajar, Zahid datang bersama-sama Imam Sadali. Tetapi Zahid juga gagal memujuk anaknya. Lama kemudian, barulah Imam Sadali mendekati Kadir! Dia menepuk bahunya dari belakang. "Masuk Subuh!" Dia meraih tangan Kadir. "Saya simpati. Tetapi secinta-cinta sayang kita kepada Zura, Tuhan lebih sayang kepadanya. Engkau tidak malukkah kepada Tuhan dengan berkelakuan begini? Malaikat Kiraman penjaga amal baikmu, dan Katibin penjaga amal salahmu melaporkan semuanya kepada Allah. Malaikat penjaga malam akan melapor ke Arasy. Kau mahu malaikat melaporkan kepada Allah; kau juga tetapi tak tunaikan Subuh kerana menangisi kematian Zura?"

Kadir menahan tangis. Tapi esaknya masih bersaing sedu-sedan. Dia berpaling, memeluk Imam Sadali. "Kenapa bukan saya yang mati Pak Imam? Kenapa kalau Zura terpaksa mati, kami tidak mati bersama dalam golak arus ombak gempa di Perlis?"

"Tuhan tidak pernah mungkir dan tidak akan mungkiri janji-Nya." Ujar Imam Sadali. "Tuhan telah menguji engkau, dan kamu lulus ujian-Nya, menjaga Zura dalam bencana itu. Engkau telah menjaga ciptaan dan kekasih-Nya. Kau jangan lupa, engkau kasih Zura, tentu belum lama. Tapi Tuhan mengasihi Zura, lama sebelum Zura lahir."

"Kami akan bertunang dan terus bernikah Jumaat lusa."

Imam Sadali menoleh kepada Zahid dan melihat Zabedah di sisi suaminya. Orang tua itu berisyarat supaya mereka mendekat. Lalu dia berkata amat lembut, "Kadir percaya atau tidak, Tuhan itu Maha Adil?"

Kadir diam. Zabedah dan Zahid ke sisi anaknya. Imam Sadali berbisik, "Kadir tidak yakin Tuhan Maha Adil? Kadir tidak tahu Tuhan Maha Pengasih? Kadir belum faham, Tuhan Maha Bijaksana?"

"Percaya, yakin, tahu dan faham, Pak Imam."

"Alhamdulillah!" Imam Sadali menarik nafas panjang. "Tentu Kadir percaya juga, qada dan qadar itu daripada Allah!"

Kadir mengangguk.

"Saya faham dan simpati kepada nasibmu." Ujar Imam Sadali tenang. "Saya pun alami yang begitu. Teman seperjuangan kami mati di atas pangkuanku di medan perang. Isteriku mati di atas ribaku di rumah kami. Saya sudah alami dan rasa seperti yang Kadir alami dan rasa sekarang. Tapi akhirnya saya sedari, itu qada dan qadar daripada Allah!"

Pelukan Kadir semakin erat kepada Imam Sadali. Zahid menggenggam tangan kanan, dan Zabedah meramas jari tangan anaknya.

Imam Sadali sapu ubun-ubun kadir. "Peliharalah cintamu kepada Zura. Kerana Zura telah membawa mati cintanya kepadamu! Tapi sedarilah, cinta tidak semestinya dilanjutkan dengan jodoh sebab jodoh itu cuma Tuhan yang tentukan. Tentu sekarang kau bantah kalau saya katakan Tuhan akan gantikan yang lebih baik untukmu, tanpa engkau sedari kebaikannya. Cuma Tuhan yang tahu. Tuhan tidak pernah dan tak akan bermaksud menyusahkan hamba-Nya." Dia menepuk bahu Kadir. "Mari, solat Subuh."

Pukul 09.40

HASNAH berbisik perlahan, "Sofian! Duduk di kiri adikmu. Kadir! Duduk di kanan Zura." Tangannya menggeletar menyelak rahap di kepala, lalu membuka bukul kapan di ulu, mendedahkan jenazah Zura sepenuh muka.

Kadir menjerit di dalam hati. Zura tidak mati. Itu bukan Zura di dalam kapan. Kadir berperang di dalam sukma sendiri. Matanya menggenang air, Lalu mengalir ke pipi, titis dari dagu ke atas pangkuannya sendiri. Kadir tidak ada di situ. Dia di makmal bekerja tekun bersama Zura, menghadapi kimia. Itu bukan mayat Zura. Itu hanya cairan kimia mendidih di dalam balang kaca.

Telinga kadir menerima suara Sofian, tentang hatinya yang remuk kehilangan adik sepupu. Tetapi yang berkata-kata di dalam hatinya hanya suara dalam kuliah, dalam tutoran. Dalam perjalanan, mereka berulang-alik dari dewan kuliah, perpustakaan, dan kantin, ke Komsis Burhanuddin Helmi.

"Memadailah Nak." Suara Hasnah pilu kepada Kadir. "Orang hendak lakukan sembahyang jenazah." Dia menutup dan mengikat kembali bukul kapan Zura.

Lain! Kadir menjerit di dalam hati. Dalam kapan itu bukan Zura. Itu kuliah kami yang berakhir. Cuma tutoran yang bubar. Itu cuma Zura meninggalkan kerja makmal yang belum selesai. Dia meraung.

Sofian bangkit, berbisik, "Mari. Kita keluar."

Kadir menurut. Beg sandangnya tersangkut di bahunya. Dia patuh, berjalan di sisi Sofian, melalui celah yang dilapangkan orang untuk mereka lalu. Mereka menuruni tangga, memakai sepatu lunyai lumpur, dan akhirnya... ke mana?

Waktu itu, di Ampang Hilir, Prof. Zaitun berada di kampus. Aziz yang masih cuti panjang, bersarapan, bersama Bibah. Hakim tua Bahrum, setelah berjaga tujuh hari tujuh malam, tidur selepas solat Subuh. Telefon bimbit Aziz mendering. Mukanya pucat serta-merta. Bibah hairan melihat mata Aziz basah. Zahara sampai, langsung menyertai mereka di meja makan.

"Daripada siapa, Aziz?" Bibah cemas. "Ada apa?"

"Pak Cik kami, Mak Long. Daripada Datuk Zahid. Tunang Kadir dipatuk ular."

"Zura!" Zahara melengking. "Mati?"

Aziz mengangguk. Air matanya merembes ke atas permaidani.

Zahara meneguk kopi. Dia resah, "Oh! Zura, adikku." Kepada Aziz. Telefon Rina di Hawaii, Bang." Kepada Bibah, "Pak Long mana? Kenapa suruh saya balik?"

"Baru tidur. Berjaga dan pencilkan diri sejak kau pergi!"

"Tubin, saya jumpa beliau. Saya ke Subang, terbang ke Alor Setar!"

## Enam Bulan Berlalu

ORANG yang lalu-lalang di jalan raya Alor Merah jarang-jarang yang tidak menoleh ke rumah yang telah dipugar. Rumah itu bertambah besar dan bentuknya lebih indah daripada yang asal. Seorang wanita tua duduk di beranda; kecantikannya masih ketara. Bibir segar, kulit cerah. Dia bersarung putih, berbaju kurung putih, memakai skaf hijau, lebar, menutup dari bahu ke dada. Rambutnya belum putih, disuak dan disanggul rapi serta dipasak tusuk konde kulit penyu berkerawang. Bingkainya emas ditatah delima, salah satu hadiah kakak iparnya.

Sebelum ini, Kadir dan Sofian tiba menaiki bas ekspres dari Kuala Lumpur setiap pagi Jumaat. Mereka pulang pada Ahad malam dan tiba ke Bangi pagi Isnin. Tiga hari penuh setiap minggu Kadir di Kedah-Perlis. Kadir, sehari penuh pada setiap hari Jumaat, bersama-sama Sofian mengendalikan tukang yang memugar rumah itu dari pagi ke Asar. Sebelah petang, Kadir bertiga dengan Sofian dan Hasnah pergi ke kubur sehingga menjelang Maghrib. Pagi Sabtu Kadir bersendirian ke Kangar dan petang ke Kaki Bukit, bermalam di sana. Siang Ahad, dia di sisi Haji Hasan.

Kadir patah dalam cinta. Api belum sekah daripada hidup. Namun dia...

Orang mencari Kadir di merata tempat sejak jenazah Zura sampai ke kubur. Itu yang mencemaskan Zahid sekeluarga. Dia menyerah gambar Kadir kepada polis. Kehilangannya disiarkan di dalam media cetak dan TV, semoga orang ramai dapat membantu.

Pada tengah hari Rabu lima belas Safar, Kadir – pipi basah – berdiri di luar halaman Rumah Rehat, memerhatikan keranda diusung turun dari rumah. Masa itulah dia melihat teksi berhenti di luar pagar. Zahara bersendirian disambut Zahid dan Zabedah, lalu menyertai irungan jenazah ke Titi Gajah. Kadir tidak ikut. Dia menaiki bas jurusan Changlun, turun di pangkalan bas, di Jalan Sultan Badlishah. Dari sana, dia naik teksi ke Kuala Perlis dan tidur di rumah di atas bukit milik keluarga pembantu kerajaan yang sudah akrab dengannya dan Zura.

Bila bangun daripada tidur separuh hari dan satu malam, setelah menjelang Subuh, Kadir merasa haus dan lapar. Dia memakan biskut kering baki bekalannya di Sungai Perlis dan meminum air dingin, lalu mandi dan solat Subuh. Dia menyesali dirinya kerana luput empat waktu wajib.

Hatinya pilu, tetapi fikirannya mula tenang. Dia melawan perasaan sedih dengan kerja. Dia melakar bentuk dua kubur, lalu menulis senarai kerosakan; rumah Syed Omar di Alor Merah dan rumah Syed Mokhtar di Kangar, lengkap anggaran belanjanya. Dia rehat setelah solat Zohor dan mahu tidur. Tapi dia teringat *souvenir* bersama Zura yang dipungutnya di Sungai Sena. Sejak awal lagi Kadir berniat untuk menyerah kepada Zura ketika di atas katil pada malam pertama mereka, supaya barang itu Zura simpan sebagai kenangan pada hari depan dan menceritakan kepada zuriat mereka. Kadir mengambil upau kulit warna ungu itu dan membukanya. Dia terperanjat apabila melihat permata begitu banyaknya – berlian, delima, nilam dan zamrud. Dia kategorikan dan hitung; berlian 190 butir, delima 120 butir, nilam 80 butir, zamrud 75 butir, semuanya 465 butir. Permata itu beraneka bentuk dan besarnya dari biji saga ke biji asam jawa.

'Ini penemuan kita berdua, Zura. Tapi bukan untuk kita berdua saja. Zizan pun berhak.' Kadir termenung. 'Bahagian kita berdua akan kugunakan untuk kebajikan.'

Kadir menyimpannya. Tapi dia sudah hilang keinginan tidur. Dia teliti, lengkapi dan halusi latar batu kubur yang dia buat tadi. Kerja itu menyebabkan dia leka berhari-hari. Itu yang dia kerjakan sehingga sempurna, kecuali kalimat untuk khat dan latar bentuk nisan.

Pada petang hari Ahad, hari kelima dia menyepi, dia tiba di Kaki Bukit. Haji Hasan menyambutnya dengan tenang kerana dia sudah tahu sewaktu Azizan balik dari Alor Merah bahawa Kadir menghilang diri.

"Alhamdulillah, Cikgu datang." Haji Hasan memeluk Kadir dan membawanya ke bangsal yang baru dibina. "Lihat Cikgu. Rumah terlalu tua, mudah runtuh. Keretamu hancur. Bangsal inilah saja yang kami mampu dirikan untuk berlindung buat sementara."

Mak Aji tiba dari arah dapur yang tersisih daripada bangsal itu, berkata, "Pakaian Cikgu, Zizan keluarkan dari bonet kereta itu. Pergi mandi, Nak. Salin pakaianmu."

"Orang, jika letih dan mengantuk begitu, bukan mandi yang utama." Ujar Haji Hasan. "Yang baiknya, kalau ada makanan lembut dan kopi panas."

Kadir menoleh ke bangsal penjemuran padi baru. "Bila padi Pak Aji dituai?"

"Kalau tiada aral, Insya-Allah, tulat." Haji Hasan merenung Kadir. "Kerjanya tak begitu berat, Cikgu! Syukur Alhamdulillah! Sekarang dituai pakai jentera sewa."

Kadir berkalih duduk menghadap Haji Hasan, "Saya minta tumpang beberapa hari di sini."

"Kur semangat anakku!" Haji Hasan meraih tangan Kadir. "Jangankan satu bulan. Setahun? Dua tahun? Seberapa lama Cikgu sudi." Orang tua itu

kesat mata. Sedihnya diaduk hiba simpati. "Tapi malam ini tidurlah dulu! Malam esoklah temani saya lihat simbat. Bulan sudah tua, lambat terbit. Langit pun selalu mendung. Pak Aji hendak ke pekan, mahu beli tiga lampu pam, bateri dan satu lagi lampu suluh."

Kopi, keladi rebus dan ikan masin digoreng, aromanya dihidu mereka. Bau itu merangsang keinginan Kadir pada makanan. Mak Aji membawa hidangan di dalam satu dulang besar.

"Barangkali makanan ini yang menarik saya ke mari, Mak Aji." Kadir murung.

"Lazim, Nak! Rezki seseorang selalu memanggil!" Mak Aji mengatur hidangan.

"Bukan itu saja. Cikgu datang kerana hatinya ada di sini." Ujar Haji Hasan.

"Kenapa Pak Aji tahu, hati saya ada di sini?"

Mak Aji menyampuk sambil mengisi piring dan menuang kopi. "Hal tahu tak tahu itu Nak, kemudianlah! Sekarang makan dulu. Sudah dekat kepala Asar."

"Sambil makan, boleh bergebang." Haji Hasan tersenyum. Dia mulai makan dan mengajak Kadir. "Cikgu tentu sudah lihat di Kedah-Perlis ini jarang kita lihat orang Jawa. Samsam, baka Arab dan India memang banyak. Tapi di Kaki Bukit ini pun pernah ada guru besar Sekolah Melayu keturunan Jawa yang hampir bersara dikirimkan ke mari. Katanya, dia dari Selangor. Hampir dua tahun di sini. Dia akrab dengan kami. Daripada dialah saya dengar bahawa yang ghaib tak dapat diketahui dengan akal. Tapi boleh dibaca dengan perasaan." Dia tambah isi pinggan Kadir. "Saya gunakan perasaan menanggapi dirimu, Cikgu!" Dia menghirup kopi. "Saya faham pengalaman Cikgu bersama saya di sini satu hari satu malam itulah yang melekatkan hatimu di sini. Keadaan diri Cikgu sekarang memperkuat itu." Dia menambah isi cawan Kadir. "Kesedihan itu menggera kamu ke mari. Memang Nak. Alam sunyi yang sangat diperlukan hatimu. Sejak pagi Sabtu semalam, Pak Aji tunggu. Saya nasihatkan Zizan dan Akil supaya jangan pulang hari ini. Tapi setelah Subuh, mereka ke pekan untuk menaiki bas awal ke Kangar. Katanya, mahu segera tiba di Kuala Lumpur dan teruskan usaha mereka mencari Cikgu."

"Kenapa Pak Aji tahu saya akan tiba ke mari?"

"Seperti guru besar keturunan Jawa itu bilang, yang ghaib dibaca perasaan. Saya pun faham, hati antara manusia ada tali penghubungnya yang tidak dapat dilihat mata kasar."

"Pak Aji faham kesusahan saya?"

"Cikgu tidak susah. Cuma sedih."

"Saya mahu minta tolong." Kadir mengeluh. "Sebab itu saya datang."

"Pelik! Yang Pak Aji dan Mak Ajimu tahu, Cikgu yang hendak tolong kami." "Zizan beritahu?"

"Zizan bilang, Cikgu akan bina kembali rumah almarhum Syed Mokhtar dan pugar rumah almarhum Syed Omar. Sedih. Harta Syed Omar, sebuah bangunan hotel, tiga bangunan kondomonium, dan dua blok bangunan kedai runtuh. Syed Mokhtar mati di dalam bangunan rebah, tempat dia ditahan. Besar pahala Cikgu membantu mereka."

"Hajat saya begitu Pak Aji. Tapi sekarang saya mohon pertolongan Pak Aji."

"Makan lagi, Cikgu!" Dia menambah keladi dan mengisi lagi cawan Kadir. "Sedapnya keladi ini selagi hangat. Saya arif, sudah berhari-hari Cikgu tiada selera kepada nasi. Keladi sesuai bagi pencernaan Cikgu. Tapi akan segera lapar kembali. Itu hal nanti."

Kadir berselera. Pinggannya tiga kali diisi. Cawannya tiga kali bertambah.

"Pak Aji faham, sejak Zura mati, Cikgu tolak makanan dan kurang tidur."

Mak Aji kemaskan baki dan bekas makanan. Mereka pindah ke pangkin besar, di balik dinding hadapan bangsal itu. "Inilah tempat kita sembahyang dan tempat Cikgu baring." Haji Hasan tolak ke sisi dinding longgok empat sejadah berlipat dan dua buah Quran. "Malam tadi, setelah bulan terbit, Zizan dan Akil teruskan pembinaan bangsal ini, sehingga selesai menjelang fajar."

Kadir merenung asap rokoknya. "Bila Pak Aji mahu beli ramuan rumah?"

"Duit Zizan itu, amanah orang! Untuk pelajaran Zizan! Bila padi sudah dituui, bolehlah saya sisihkan daripada harga padi itu untuk membeli kayu dan asbestos."

"Zizan kata, Pak Aji dan Mak Aji tidak makan sedekah."

"Kami tidak sompong, Cikgu! Perkara mudah. Kami tidak layak. Sebab kami masih bertenaga mencari rezki. Ada pencarian. Kami masih membayar zakat."

"Oleh sebab itu saya mahu minta tolong, Pak Aji!" Kadir terlalu murung. Mak Aji tiba. "Tinggallah di sini, Nak! Pulihkan jisim dan sukmamu."

Haji Hasan merenung Kadir. "Jenis pertolongan bagaimana yang Cikgu mahu?"

"Entah kenapa, hatiku cuma melekat kepada Pak Haji untuk minta tolong buat khat dua kubur. Pada Pak Aji juga harapan saya untuk mendapatkan pemotong batu gunung dan pemahat batu begitu, bagi dibentuk balok batu kuburan dan nisan. Seluruh belanjanya sehingga sempurna diletakkan di atas kubur Syed Omar dan kubur Syarifah Zura saya bayar. Saya harap benar Pak Aji saja buat kira dengan mereka. Untuk Pak Aji sendiri, saya beri duit saku dan hadiah ikhlas daripada saya kepada Mak Aji. Saya tanggung semua biaya pembinaan rumah, perabot baru dan masukkan elektrik ke rumah baru Pak Aji."

"Maknanya, Cikgu upah saya?"

Kadir termenung. Dia dapat kesan nada Haji Hasan keberatan menerima upah. "Saya belum arif hal yang begini Pak Aji. Kepada tukang batu itu, biar kita kira upah. Tetapi perasaan saya tolak yang bagitu bagi Pak Aji. Bukan upah Pak. Saya minta sedekah fikiran, perasaan, kemahiran dan tenaga daripada Pak Aji, semoga usaha kita yang begitu, direhdai Allah! Pemberian daripada saya bukan sedekah, bukan upah. Hadiah ikhlas yang tumbuh dari dalam sanubari saya Pak!"

"Oh, anakku!" Haji Hasan mengeluh. "Berapa ramaikah anak muda seperti Cikgu sekarang?" Dia memegang tangan Kadir. "Bila mahu siap?"

"Batu kuburan itu, Pak Aji?"

"Ya. Tapi Cikgu harus faham. Kerja memotong batu gunung, membentuknya menjadi balok batu kuburan, memahat, menghalusi dan membentuk sebatang nisan lelaki dan dua nisan wanita diperlukan masa sekurang-kurangnya enam bulan. Itu pun tergantung pada jenis batunya, dan reka bentuknya. Tanah kubur pun, perlukan waktu sebanyak itu, untuk mampat padat ke bawah."

"Boleh siap dalam masa lapan bulan Pak Aji? Saya berhajat benar semoga itu selesai diletak pada waktu Asar, menjelang malam tujuh likur bulan Ramadan, awal bulan Jun tahun hadapan."

"Bagaimana jenis dan bentuknya yang Cikgu mahu?"

Kadir mengeluarkan daripada beg sandangnya dua gambar kubur secara lengkap dan rajah kepingan-kepingan komponen kubur itu yang sudah sempurna bentuk dan ukirannya.

Haji Hasan perhatikan bentuk kubur secara keseluruhan, lalu meneliti setiap keping rajahnya. Setiap kubur, komponennya terdiri daripada empat keping papan balok batu gunung, tebalnya lima belas sentimeter, dua keping panjangnya seperempat meter, tingginya tujuh puluh lima sentimeter dan dua keping lagi itu, yang di sebelah hulu, lebarnya satu meter dan tingginya satu meter juga. Tapi di atasnya ditambah tiga suku meter lagi, berbentuk tirus bertakik tujuh ke atas, dari kedua-dua belah tepinya. Puncaknya berbentuk jantung pisang terbalik, setinggi dua puluh sentimeter. Sekeping lagi di sebelah kaki itu, lebarnya dan tingginya satu meter juga. Tapi di atasnya, juga ditambah setengah meter bentuk tirus, ditakik lima dari tepi ke atas. Puncaknya berbentuk daun sirih, dari hujung ke atas, setinggi lima belas sentimeter.

Untuk kubur Zura, empat penjuru balok dinding itu, di belah atas diukir khat, dan di bahagian bawahnya dilarik ukiran awan larat. Kubur Syed Omar pun berukir khat empat penjuru di belah atas dan di bawah berlarik ombak di atas arus deras.

"Belum lengkap, Pak Aji." Kadir gelisah. "Pertama, bentuk nisan. Saya khuatir tersilap. Kedua, kalimat yang sesuai untuk khat itu. Memanglah saya tidak tahu. Saya harap benar Pak Aji saja yang sempurnakan."

"Cikgu belum ada contoh kalimah untuk khat itu?"

"Saya serahkan kepada budi bicara Pak Aji saja."

"Ini semua boleh dibuat, Cikgu. Tapi mesti ingat dan fikir sebelum terlambat. Belanjanya terlalu besar." Haji Hasan mengeluh berat.

"Niatku begitu, Pak Aji. Itu saja mampu kulakukan untuk Zura dan ayahnya."

"Sebab itukah Cikgu mahu tinggal di sini?"

"Hajat tinggal di sini, lebih daripada itu, Pak. Tapi buat sementara, saya harap akan ada di sini sehingga Pak Aji sudah beli selengkapnya rumuan rumah baru dan sudah dapat tukang yang sanggup kerjakan rumah dan batu kubur itu sampai sempurna."

"Pergi mandi, Nak! Pak Aji dan Mak Aji tunaikan Asar di masjid. Dari sana kami ke pekan. Cikgu solat dan rehatlah! Esok kita pergi ke tukang batu. Semoga dapat dipastikan tukang, jenis batu, muktamad masa dan upahnya sebelum jentera datang menuai padi Pak Aji."

Muka Kadir cerah. Dia merancang. Siang Selasa lusa dia akan membuka kira-kira baru di bank Alor Setar. Melalui bank itu dia terima TT dari bank di Bangi dan Johor Bahru. "Boleh dapat esok, Pak Aji?"

"Berdoalah!" Haji Hasan menyabarkannya. "Di kampung kaki bukit sana," dia tunjuk, "ada orang Samsam. Kerja mereka, umumnya, memotong batu gunung, dijadikan batu giling. Laris. Maklum orang Kedah-Perlis gemar kari bergiling. Kita akan ke sana."

Pada hari keenam orang Samsam bekerja, Kadir yakin kerja mereka tidak akan mengecewakan. Dia menyerah separuh wang upah kepada Haji Hasan. Apabila Haji Hasan telah beli segala ramuan rumah dan semua padinya selamat disimpan di bangsal pengering, dia meninggalkan Kaki Bukit dan memunculkan diri di Alor Merah. Penampilannya terlalu daif; kurus, rimas tapi tenang. Jarang-jarang dia berkata, Kecuali terpaksa menyahut. Tidak pernah dia bertanya. Dia mohon mereka tinggal di Rumah Rehat selama rumah itu dipugar.

Imam Sadali mengkaji penampilannya dan yakin Kadir masih bersedih. Tapi dia sudah menguasai perasaannya. Setelah tiga hari Kadir di Alor Merah, Sumartini pulang ke Yogyakarta ditemani Imam Sadali. Sofian tinggal di atas kehendak Imam Sadali dan amanah daripada ibunya, bagi menemani dan membimbing Kadir agar pelajarannya tidak tergendala.

Sofian menemaninya pulang ke Bangi dan tinggal bersama; bukan di Komsis tetapi di rumah sewa. Dengan demikian, Sofian mudah mengawal dan membimbing Kadir dalam pelajaran, terutama dalam bidang agama dan

juga menemani Kadir berulang-alik ke Alor Merah setiap hujung minggu selama rumah peninggalan Syed Omar itu dipugar.

Kehadiran Kadir di Alor Merah menyebabkan kerja-kerja pemugaran rumah Syed Omar cepat siap. Pembinaan rumah Syed Mokhtar dimulai sebelum Mac.

Kadir setia kepada jadual yang dia tentukan. Pada mulanya Sofian ragu bahawa Kadir akan lari. Tapi akhirnya kecurigaan itu hanya dugaan peribadinya semata-mata. Setiap hari Jumaat Kadir berada di Alor Merah; Sabtu di Kangar dengan alasan mahu berehat dan tenang. Pada malamnya, dan siang Ahad dia di Kaki Bukit, memerhatikan orang Samsam dan Haji Hasan bekerja membentuk batu kubur dan mengukir di dalam bangsal mereka. Setelah solat Asar dia bekejar kembali ke Alor Merah untuk menaiki bas ekspres malam ke Kuala Lumpur.

Haji Hasan menumpukan sepenuh masanya pada kerja batu kubur itu. Kerjanya di sawah di serah kepada Mak Aji. Kerja dan urusan pembinaan rumah di serah kepada tukang dengan diperhatikan Mak Aji juga, selagi Azizan belum pulang dari kampus.

Keteguhan Kadir dalam jadual pelajarannya dan disiplin hidupnya melapangkan hati Sofian. Setelah tesis Kadir diakui lulus pada akhir Mac, Sofian berkata, "Dik Kadir, sudah lima bulan abang tinggalkan tugas di kampus. Abang mahu pulang. Tapi Kadir mesti berjanji kepada saya. Pelihara dirimu, teguhkan imanmu dan teruskan pelajaranmu."

Kadir memeluknya. "Saya harap Bang Unggal dan Mak Long tiba ke mari sebelum malam Nuzul Quran. Kita hadiri musabaqah. Semoga waktu itu, kelulusan saya sudah diketahui. Satu likur, kita bersama ke Alor Merah, dan terus berhari raya dengan emak." Kadir membungkus tiga, serba empat permata. "Ini untuk Mak Long, Kakak dan Bang Unggal."

Siang menjelang nisfu Syaban, Kadir tiba. Hasnah mengadakan majlis kenduri kerana menduduki rumah baru. Kadir sudah tahu keputusannya; dia lulus – dengan kepujian kelas satu. Malam itu, dia berbisik, "Tubin, Mak ajak umi lihat orang kerjakan rumahnya. Kita temui Haji Hasan di Kaki Bukit."

"Ada anak gadisnya, Nak?" Hati Hasnah berbalah. Wajah Zahara terbayang.

Kadir termenung membisu terus. Bila Kalsom tahu, dia dirasuk kecewa. Anak sulungnya gadis sekolah menengah tingkatan enam. Punggung dan dadanya subur.

Haji Hasan terkejut melihat Kadir membawa dua orang wanita, berusia lanjut. Dia segera membuka serkup hidungnya dan membersihkan cermin matanya. Kadir perkenalkan.

"Cikgu Kadir tak sejodoh dengan Zura." Haji Hasan berdiri di sisi balok batu yang dia sedang ukir dengan gurdi dengan pahat elektrik. "Tapi ambillah jadi anak." Dia memandang Hasnah. "Jika tiada aral, batu kubur ini semuanya siap pada waktunya."

"Untuk kubur siapa?" Hasnah terpegun. Mulut dan hidungnya dimasuki debu.

Haji Hasan hairan memandang Kadir. "Cikgu? Mereka belum tahu?"

"Selama ini lidah saya masih kelu tentang hal ini Pak Aji. Sebab itu saya bawa Mak dan Umi ke mari. Harap Pak Aji sajalah terangkan."

Haji Hasan geleng kepala, merenung sedih kepada Kadir. Bangsal itu diterangi lapan bola lampu, satu bagi setiap pekerja di situ. Tapi penglihatan remang, diganggu debu yang mengapung dari batu yang sedang dikerjakan itu.

"Untuk kubur siapa, Nak?" Hasnah mengulangi pertanyaan dan mendekati Kadir.

"Begini Datin, Puan Syarifah." Haji Hasan menutup lubang hidungnya dengan tuala kecil dan menarik nafas. "Satu untuk Habib Syed Omar. Satu lagi untuk Syarifah Zura."

Kadir berpaling, mengesat air mata dan menghembus hingus. Dengus hidungnya dialahkan bunyi mengilukan telinga daripada gurindam dan gergaji elektrik pada batu di bangsal itu.

"Oh anakku!" Hasnah berseru. "Kita bukan meninjau anak gadis Tuan Haji?"

Haji Hasan terperanjat. "Lihatlah, Datin! Telah berbulan kami bekerja. Tetapi Cikgu masih menutup mulut. Semoga tiada aral melintang. Baru takat ini yang kami buat. Itu pun, dia orang kerja tujuh hari seminggu. Cuma saya rehat hari Jumaat."

"Nampaknya, nisan itu terlalu berat, Tuan Haji," kata Hasnah.

"Tak mengapa. Itu ditampung dan diikat kongkrit, suku meter empat persegi! Lihat tanggam ekor ikan balok batu itu? Akan bertaut pada empat penjuru. Akan diperkuatkan kongkrit beralur sepuluh sentimeter pada alasnya."

Kadir mengukur. "Tidakkah ini terlalu tinggi, Pak Aji?"

"Lebih baik begitu! Mudah kelihatan dari jauh. Balok batu sebelah ulu dan sebelah kaki sudah tinggi. Balok samping itu 75 sentimeter. Kongkrit alas tepi lubang kubur muncul di atas tanah setinggi 25 senti meter. Jika nisan pendek, kelihatan kaku, tidak sepadan."

Hasnah tidak dapat menahan air mata. Dia memeluk dan meletakkan mukanya ke atas bahu Kadir. "Datuk dan Datin tahuakah ini, Nak?"

Kalsom menghembus hingus. Dia membersihkan cermin mata, dan bertanya, "Betulkah? Kita ini ke mari bukan untuk merisik?"

"Zizan bongsu. Kakaknya sudah kawin. Mak dan ayah akan kuberi tahu agar hadir di Titi Gajah bagi meletak batu kubur sahabat dan menantu mereka."

Haji Hasan geleng kepala bila lihat muka Kalsom cerah. "Dekat Zohor, kita ke bangsal." Dia kebas debu di mukanya. "Mak Aji lihat kereta itu lalu. Dia tunggu kita."

Kalsom memandu ke situ. Tukang rumah belum rehat. Mereka bekerja di empat kelompok. Bumbung, dinding, lantai dan tangga. "Zizan buat kerja apa, Pak Aji?"

"Sejak balik, gantikan saya di sawah. Mak Ajimu mandur tukang di rumah."

"Nisfu Syaaban sudah lampau. Boleh siap sebelum Syawal, Pak?" Kadir resah.

"Kerja mereka siap minggu depan. Akan saya jemput cikgu. Insya-Allah kita naik rumah akhir Syaaban. Sahur di rumah baru, satu Ramadan, sepuluh Mei. Zizan sudah urus kemasukan elektrik dan membeli cat dinding. Dia toleh Hasnah. "Datin, bersiaplah. Kita letak batu sebelum Asar enam likur. Tahil lepas Maghrib tujuh likur, empat Jun."

"Emak balik. Runding di Alor Merah. Saya di sini bantu Zizan cat dinding."

"Sempat Tuan Haji. Kak ipar dan anak saudaraku dari Jawa akan bantu kami."

"Bang Unggal akan hadiri musabaqah antarabangsa. Kami ke Kedah pagi satu likur dan berhari raya bersama emak. Tapi Bang Unggal belum tahu batu kubur itu."

Mak Aji bergegas menyongsong. Azizan tersengih berlari dari sawah.

## Nisan

SETIAP butir batu itu dibasuh dan disuci. Kini Kadir berada di atas kubur Zura, menabur segenggam demikian segenggam, didahului Fatihah, lalu diiringi Al-Ikhlas terus-menerus. Petang semalam ialah lima likur; Sofian selesai menabur butir batu-batu hitam sebesar telur puyuh di permukaan kubur Syed Omar. Batu itu dipungut dan diangkat Azizan dari hulu Sungai Pelarit. Di atas kehendak Kadir, dia menyertai Azizan memilih dan mengangkat dari hulu sungai itu, butir-butir batu putih sebesar biji saga untuk kubur Zura. Itu yang dia tabur sekarang, amat cermat, bergerak perlahan, tangan menggeletar dan bibirnya kumat-kamit melafazkan ayat-ayat suci.

Orang faham dan bersimpati di atas derita batinnya. Itu sebabnya Hasnah kian tenggelam dalam nestapa. Dia serba salah kerana terlalu ingin memulihkan semangat Kadir. Tapi dia gagal. Namun dia tidak putus asa. Dia berazam akan menemukan cara baru.

Siang lima belas Ramadan yang lalu Sofian, berenam, terkejut melihat Kadir di Subang. Sumartini tercengang dan lidah kelu. Cuma Imam Sadali langsung kepada danya dan menegurnya lembut, "Saya pernah rasakan derita yang engkau tanggung, Kadir. Saya tahu nikmat tangis ditinggalkan mati kekasih, isteriku. Saya pun faham makna kehilangan Embi yang gugur dalam pertempuran di sisiku; dia mati di atas pangkuanku. Tapi akhirnya saya sedari; menyeksa diri itu berdosa."

"Saya tak menyeksa diri, Pak Imam," Kadir menyahut dan merenung ubin. "Kurasakan diriku terlalu bahagia dalam keadaan saya begini, menikmati setiap titis air mataku, setiap degup jantungku bergendang bila melihat bayangan kekasihku." Dia mengangkat muka dan memandang Sofian. "Saya patuh janji kepada Bang Unggal. Saya tidak sesat iman. Saya tidak biarkan diriku lapar. Saya lalui ujian di kampus dan sudah lulus cemerlang. Tapi dosakah saya kerana Zura berenang di dalam kalbuku yang sentiasa bergelombang dan berbusa?" Kadir menangis. "Saya tidak dapat tidur lena kerana Zura datang ..."

Sofian menerpa dan memeluk Kadir. Air mata Sumartini menitik. Siti Hardiah, isteri Sofian, terpegun. Embi yang sedang naik remaja, merenung Kadir. Kurus. Jangkung. Ramus. Dia mula faham cerita ayahnya tentang derita batin orang bercinta yang kematian kekasih. Anak remaja itu gagau,

memegang tangan pembimbingnya, Sawitri berusia tiga puluh tahun. Sawitri anak sepupu Sumartini. Dia pelihara dan diasuh lama sebelum Sofian kahwin. Sumartini tanggung biaya pelajarannya, sehingga lulus sarjana dari *kip*.

Sawitri terpana diharu hiba bila melihat penampilan Kadir kerana dia fahami makna derita batin manusia.

Mujur bagi Imam Sadali dan Sumartini kerana Kadir tetap siuman dan menemani mereka terbang ke Kedah pada pagi satu likur.

Semenjak itu, Sofian, Hardiah dan Sawitri, larut ke dalam kesibukan keluarga dari hulu, menyelenggarakan keperluan kenduri tahlil dan persiapan menyambut Hari Raya. Embi tidak lekang daripada datuk saudaranya. Hasnah, seakan mendapat kurnia dari langit ketika menerima Hardiah dan Embi. Hasnah tidak ralat menayangkan Hardiah di sisinya, ketika menghadapi keluarganya dari hulu dan jiran. Dia banggakan anak saudaranya kerana Sofian tidak membiarkan isterinya bogel perhiasan. Hardiah hadir beremas berpermata. Rantai lehernya berloket berlian. Subangnya berpermata nilam. Cincinnya dua bentuk, satu berpermata delima, dan satu lagi zamrud! Hasnah sudah teliti itu semua. Dia arif! Itu bermutu tinggi. Nilainya mahal. Sama mutu dan nilainya dengan yang Syed Omar selalu berikan kepadanya, kepada Zura dan kepada Kalsom. Setiap pagi, siang dan petang Kalsom memandu Mercedes peninggalan Syed Omar untuk membawa Embi dan Hasnah melatam Alor Merah dan Titi Gajah, Alor Setar dan Kangar serta Alor Setar dan Gajah Mati. Sofian menguasai BMW Hasnah untuk ke sana-sini bagi mengurus dan mencari keperluan kenduri tahlil dan Hari Raya.

Kerana Embi renggang daripadanya, Den Tini dan suaminya mudah mendapat peluang mendekati Kadir setiap hari. Raden Mas Ayu Sumartini yang sekarang hanya disebut Sumartini atau Tini saja, sudah arif apa maknanya dan berapa nilainya cinta. Dia sudah alami. Cintanya kepada Embi Haji Zain ditolak keluarga, dianggap tidak seimbang. Manakan boleh, Puteri Ningrat Jawa Tengah – galur Mataram, berpasangan dengan pemuda biasa yang tidak diketahui susur-galurnya. Raden Mas Ayu Sumartini diketepikan keluarga. Dia menerima Embi Haji Zain, betapapun besarnya risiko itu. Sebab itu, dia dibuang keluarga dan dia membuang gelaran bangsawannya. Dia menjadi balu berpuluhan tahun. Tetapi kini dia menerima jodoh; sahabat suaminya, bekas guru anaknya. Dia bandingkan dirinya dengan Kadir dalam makna dan nilai cinta. Dia persoalkan di dalam hati. Betapa pun sudah tua, dia faham asam garam kehidupan ialah rasional harus mengatasi emosi. Dia berazam akan membicarakan itu kepada Hasnah dengan alasan, berapa lama lagi Kadir akan mensia-siakan hidupnya tanpa berzuriat? Sawitri perawan. Pelajarannya? Masih lebih tinggi daripada Kadir. Tetapi pada asasnya mereka sama jurusan, lulusan perguruan. Kalau itu berlangsung, Hasnah akan bahagia. Mereka sudah sepakati sejak di Yogyakarta, Sawitri akan tinggal bekerja

di sini dan juga untuk menjaga Hasnah. Kedutaan Malaysia di Jakarta sudah beri visa dan permit kerja kepadanya sebagai guru di sekolah menengah atau pensyarah di universiti. Biarlah Imam Sadali pula, dengan budi bicaranya, kemukakan hal itu kepada Kadir.

Kadir faham, bahawa setelah solat Zohor, Haji Hasan bersama Imam Sadali akan mengetuai keluarga dan jemaah Masjid Alor Merah ke Titi Gajah bagi meletakkan batu kubur.

"Kerja itu boleh siap tiga jam saja di dua kubur itu. Kongkrit tepinya dan alas nisan sudah siap." Kadir teringat kalimat Haji Hasan di meja makan malam tadi, di Alor Merah. "Hanya angkat saja dengan *crane hydraulic* dari lori, letak di atas alur kongkrit, dan tanggam empat penjuru. Esok pastikan, Cikgu! Selesaikan menabur butir-butir batu itu sebelum Zohor. Basuh dan sucikan lebih dulu. Seperti juga yang dibuat Prof. Sofian petang tadi."

"Orang Ampang Hilir tiba siang esok." Imam Sadali menoleh Kadir. "Rombongan itu akan bergabung di Subang dengan rombongan dari Bukit Cagar. Terbang sama."

Kadir tidak tahu siapa dan berapa orang dari Ampang Hilir. Tetapi dia jangka, dari Bukit Cagar akan ramai. Emak dan ayahnya sampai petang semalam. Kadir sedar akan nestapa ibu bapanya bila melihat dia begitu. Tetapi bagi Kadir sendiri untuk apakah orang lain bersusah payah ke atas dirinya? Menurut Haji Hasan, dia tidak susah, cuma sedih.

Kerja yang dia buat dengan amat perlahan itu akhirnya siap juga beberapa puluh minit sebelum lori pengangkut batu kubur yang dilengkapi *crane hydraulic* sampai bersama-sama Azizan. Berikutnya tiba pula rombongan dari Alor Merah.

Kadir terpana merenung lubang yang dalamnya setengah meter, luasnya suku meter bersegi empat, dan di pertengahan kubur, kongkrit tapak batu nisan masih menganga.

Tiada keindahan pada lubang itu. Ruang kosong. Simen kering dan bergerigi kasar! Tapi baginya, keindahan tiada makna di dalam hatinya! Baginya, hanya di lubang itu sajalah yang terdekat memandang ke arah Zura. Jarak dari bahu dan punggung kiri Zura di bawah sana, hanya satu setengah meter saja daripada dirinya di permukaan kubur itu. Dia insafi, dia sendiri yang hendak batu itu dibikin untuk menyempurnakan pusara Zura. Dia sedari, menyacak nisan adalah kerja terakhir dalam penyempurnaan tugas itu. Tapi jauh di balik lipatan kalbungnya, dia menjerit kerana dia insaf, setiap detik berlalu semakin dekat pula waktunya lubang itu akan dikambus. Lubang hapis itu akan dia rasa menutup pintu hubungan antaranya dengan Zura. Apa dayanya sekarang? Akan dia tegah orang, agar lubang itu dibiarakan menganga begitu? Biarkan batu nisan yang sudah sampai itu rebah saja di atas kubur? Apa akan orang kata kalau kelak nisan Zura tidak didirikan?

Pertembungan kepentingan itu mengharu biru isi dada dan kepalanya.

Hingga di sini Kadir kalah. Dia teresak. Sedu-sedannya berkala-kala larut, berenang dalam angin, merapung ke angkasa, ingin melayang ke lapis tujuh langit. Air matanya serap ke bumi. Kalbunya meraung! Tetapi tidak masuk ke telinga. Itu hanya bergema di dalam dadanya sendiri. Dia mendengar derum dua lori diundur dan bunyi dua buah *crane hydraulic* mendesah, lalu salang dawai keluli berkeriut tajam.

Orang bersimpati dan faham akan derita batinnya, tetapi akan menunggu berapa lama lagi? Kerja itu mesti dibuat. Orang tepu keliling, berlapis baris di sekitar kubur. Tiba-tiba dua batang kaki, dengan sepatu tumit rata, melangkah perlahan ke hadapannya. Mata Kadir melihat dan dia arif, itu kaki wanita. Tapi siapa?

Kadir tidak mengangkat muka. Kaki itu berhenti. Beberapa puluh saat kemudian, sebelah tangan pemilik kaki di hadapannya itu meraih tangan Kadir, bersuara lembut, halus:

"Cikgu. Iktu saya. Orang akan mulakan kerja."

Suara itu tiba ke dalam kepala Kadir lalu menyelinap ke hati. Dia tahu pemilik kaki, tangan dan suara itu ialah teman Zura dan temannya. Dua pupunya. Kadir setia, patuh dan berdiri di hadapan Zarina yang hamil sarat. Dan dia melihat Arman, Aziz, Zaitun dan Bahrum, berdiri jauh di belakang Zarina.

"Marilah! Kita berdiri di luar sana." Zarina lebih tegas daripada tadi.

Sebelum melangkah Arman tiba ke sisinya, menaikkan lengannya ke atas bahu Kadir, dan tanpa mengesat air mata, Kadir memandang ke hadapan, dan ... mata yang rabun itu bertembung dengan sepasang mata, Zahara yang menggigit bibir bawah dan pipinya basah.

Kadir terpegun, matanya basah tidak berkedip. Kakinya terpasak di tepi kubur.

Dengan mata basah yang terbuka lebar, air matanya semakin lebat mengalir ke pipi. Zahara mengambil sapu tangan daripada beg tangannya, mengesat pipi sendiri, lalu melangkah ke hadapan, menggunakan sapu tangan basah itu untuk mengesat pipi dan dagu Kadir, sambil berkata dengan suara bergetar:

"Relakanlah! Biar saya keringkan air matamu."

Zahara menarik tangan Kadir dan membawanya berteduh di bawah naungan pohon rendang.

Hasnah memandang, diiringi doa di dalam hati sendiri.

Zabedah perhatikan. Dadanya sebak.

Zahid melihat peristiwa itu, lalu terkenang abang dan ipar sepupunya. Tapi lidahnya kelu.

Imam Sadali dan Sumartini berdiri kaku. Mereka kesal kerana Sawitri tiada di situ.

Sofian serba salah. Dia hendak pergi menenangkan Kadir daripada ratapnya di bawah pohon rendang. Tapi Kadir di hadapan Zahara, dikelilingi Zaitun, Aziz, Zarina dan Arman. Dia berpaling dan pergi membantu Azizan mendirikan balok batu nisan di kubur Zura.

Haji Hasan mengerling Bahrum yang mata sebak, pipi basah, mendongak dan menadah tangan ke langit. Hakim tua itu menangis. Air matanya bermakna ganda.

Abang sulung Kadir, ketua rombongan dari Bukit Cagar, bertanya di dalam hati, 'Inikah maksud hubungan ayah dengan hakim tua Bahrum? Emak mendesak supaya gabungkan rombongan kami dengan mereka di Subang dan terbang bersama. Meninjau Zahara?'

Jemaah Masjid Alor Merah perhatikan dan bandingkan Kadir. Ramus, kurus dan cengkung. Rambutnya panjang dan kusut. Janggut dan misai lebat tetapi terbiar. Zahara ranum berdandan rapi. Mereka arif Zahara jauh lebih cantik daripada Zura. Mereka saksikan air mata menitis, disinari pancaran kilat daripada dua lubuk kalbu.

## Hati Ibu

KECEWA itu dirasakan oleh kedua-dua pihak. Hasnah gagal cita-citanya ke atas diri Embi. Dia terlalu ingin Embi meneruskan pelajarannya sehingga tamat Tingkatan Enam di Sekolah Menengah di Kedah dan kemudiannya menyelesaikan sarjananya di Malaysia. Sumartini faham keinginan adik iparnya. Tapi baginya, Embi cucu tunggalnya. Anak Sofian itu bukan saja mengekalkan nama suaminya, tetapi juga susuk tubuh dan raut muka, terutamanya kening Embi si remaja itu, walaupun sudah tuang tidak tumpah daripada kening datuknya. Bukankah kening dan bibir Embi Haji Zain itu yang telah menakluki kalbu Sumartini, *gadis palang merah* di Solo? Den Mas Ayu, pertama kali dilihatnya di Alon-alon Lor – Lapangan Utara – Kraton Surakarta.

"Mintalah yang lain Dik Datin Hasnah. Akan kuberikan, selagi itu ada pada diri saya." Air mata Sumartini merembes. "Tapi bukan Embi! Jangan, Dik!" Dia memeluk adik iparnya. "Jangan pisahkan hatiku daripada sukmaku."

Rombongan Sofian pulang siang tujuh Syawal. Mereka membawa Sawitri ke Kuala Lumpur. Hasnah tidak mahu ditemani wanita lain di rumah, kecuali adik iparnya sendiri, Kalsom. Begitu katanya. Di dalam hatinya sudah muktamad, Sawitri bukan untuk Kadir.

Ramai yang menghantar mereka ke Lapangan Terbang Kepala Batas. Di terminal itu, Kadir termenung di sisi Imam Sadali. Dia melihat Azizan semakin akrab dengan Sawitri. Ketika dipanggil memasuki pesawat, Azizan membawa Sawitri kepada Kadir, lalu saling bersalaman.

"Sementara di Kuala Lumpur, saya menyelia ujian pra-universitas di kedutaan kami untuk pelajar Malaysia yang akan belajar di berbagai-bagai universitas di Indonesia."

Kadir mengangguk. "Tahniah dan terima kasih."

Azizan yang berada di sisi Sawitri, tersengih. "Jawatan pensyarah banyak kosong," katanya.

Dari Kepala Batas, Kadir seorang diri. Dia singgah di Perkuburan Gajah Mati. Dia tiba kembali ke Alor Merah, menjelang Isyak. Perpisahannya dengan Imam Sadali dan Sofian semakin mendera batinnya. Dia kehilangan tutur Imam Sadali yang menyerap ke dalam hati. Dia kehilangan sikap dan tegur ikhlas Sofian. Hatinya yang remuk dan pedih ditabur pula garam perpisahan

dalam pergaulan orang hidup yang benar-benar memahami dirinya. Mengiris. Sakit berdenyut nyeri.

Kadir bersandar di batu kubur Zura, menghadap kiblat. Dia terlena, nyaris lopus Zohor. "Jangan belakangi saya Kadir." Teriakan Zura mengejutnya daripada mimpi. Dia elus batu, bangkit dan menyeberangi jalan bagi menunaikan Zohor pada pucuk waktu di dalam masjid. Kadir kembali ke kubur setelah menunaikan Asar pada awal waktunya. Dia tidak menyandar di tepi kubur seperti tadi, tapi bersila di atas kubur, bersandar pada nisan, menghadap ulu.

Angin bulan Jun bertiup sepoi, mengelus rambutnya. Bayang pohon rendang tiba ke situ, menaungi kubur. Kadir nyenyak. Dia berjogging bersama Zura, mengelilingi kampus. Zura merengek, "Kenapa belum petik bunga Bukit Cagar untuk saya?" Kadir beri sekuntum melur yang dia petik di tepi pagar Komsis Datuk Onn. "Kuntum bunga Bukit Cagar itu akan menghiasi meja di sisi katil kita pada malam pertama." Kadir berjanji. "Jangan abaikan seluar dalamku yang kuamanahkan itu, sayangku." Zura merayu.

Kadir dikejut azan Maghrib dari masjid Titi Gajah. Dia meratap dan menyapu batu nisan Zura. "Aku akan pakai setiap malam. Tak akan kubasuh sehingga reput."

Nyaris dia luput berjemaah. Dia sempat *masbuk* pada rakaat ketiga, dan segera naik bas ke Alor Merah, bermuka sembab, pipi basah dan langsung ke bilik mandi.

Ratap Kadir di atas sejadah setelah dia menunaikan fardu Isyak mengaharu Kalsom. "Kakak belum makan. Pujuklah dia makan sama." Dia merayu kakak iparnya.

Hasnah mengangguk. "Syarifah sediakan di meja dapur. Buat minuman panas, letak di atas meja di bilik Kadir. Sudah itu pergi tidur. Pastikan anak-anakmu bersarapan sebelum ke sekolah dan sediakan bekalan mereka." Dia menarik nafas panjang. "Tak boleh dibiarkan terus begitu. Tapi kakak juga mengantuk. Sudah terlalu letih." Hasnah ke biliknya. Kalsom masih sempat melihat Hasnah berpakaian tidur dan menggeggam sesuatu, masuk ke bilik Kadir.

Setelah menunaikan Subuh, Kadir terburu-buru ke pangkalan bas di Jalan Badlishah tanpa disedari Hasnah. Dia cuma berpesan kepada Kalsom, mahu seharian di Kangar, perhatikan tukang bekerja di rumah sana. Akan bermalam di Kaki Bukit.

Haji Hasan faham derita batin Kadir. Mak Aji menerangkan kepadanya secara lembut dan bersikap akrab. Membawa Kadir bercerita dari hati ke hati tentang makruh dan dosa ke atas diri seseorang yang sengaja menyeksa diri sendiri, dan pahala bagi orang yang berusaha menguasai diri, memelihara jisim dan melapangkan perasaan.

Sikap kadir bertambah aneh. Haji Hasan waham, gangguan apa gerangan yang dia alami di Alor Merah? Masalahnya ialah Kadir mendiamkan diri. Dia hanya rajin mendampingi Azizan bekerja di sawah. Tapi selalu mengelak, malah sengaja menjauhkan diri daripada Haji Hasan.

Pada hari keenam di Kaki Bukit, Haji Hasan ke Kangar setelah selesai Subuh. Azizan ke Padang Besar setelah bersarapan. Fiil Azizan pun berubah semenjak dia memiliki potret Doktorandus Sawitri yang berjubah sarjana. Itu dia besarkan, membuat bingkai berukuran 16 x 20 inci dan digantungnya di atas jendela dinding hadapan.

Kadir termangu bersendirian di beranda.

"Mak Aji perhatikan beberapa malam, tidur Cikgu tidak lena. Kenapa, Nak?"

Kadir diam tetapi air matanya mencurah.

"Boleh temani Mak Aji ke batas sawah? Petik kemangi dan cabut pengaga."

Kadir segera bangkit, menyandang keranjang.

"Bawa parang, Nak. Seperti Mak Aji! Harus bunuh ular."

Setelah keranjangnya penuh, Mak Aji mengajaknya rehat di dangau. Mereka minum air dingin bekalan Azizan di situ.

"Kenapa engkau, Nak?"

Kadir serba salah. Pertanyaan begitu yang dia selalu hendak elakkan. Tiba-tiba dia berfikir mahu lari dari Kaki Bukit. Tapi Mak Aji bagaikan magnet. Dia tidak mampu mengelak pertanyaan daripada orang tua itu. 'Bagaimana?' Kadir soal dirinya. 'Ceritakan seluruhnya? Terutama peristiwa malam itu di Alor Merah yang menyebabkan aku keluar rumah sebelum matahari terbit? Atau terangkan hal diriku sendiri saja?' Dia pilih yang akhir.

"Dada saya sesak, Mak Aji!"

"Kerana Zura saja, Nak?" Mak Aji tanya. Dia faham hal begitu. Tetapi dia pun seperti suaminya, waham ada persoalan lain yang menjadi masalah baru di dalam diri Kadir. "Zura saja yang menyesakkan dadamu?" Mak Aji semakin tegas.

Kadir mengangguk.

"Mudah dilapangkan, Nak!" Mak Aji tersenyum. Dia meragui anggukkan Kadir.

"Bagaimana caranya, Mak Aji?" Kadir tanya. Matanya tertumpu kepada padi berombak kerana dilanda angin. Hidungnya rakus menghirup nafas wangi yang terasa mengenyangkan daripada aroma padi bunting.

"Berhadiahlah kepada Zura."

"Saya bersedekah untuk Zura?"

"Boleh juga. Fidiyah! Tapi ada lagi yang afdal."

"Cara bagaimana yang afdal itu, Mak Aji?"

"Setiap kali selesaikan solat wajib lima waktu, kirimi Zura al-Fatihah dan al-Ikhlas. Sebanyak yang terdaya dan selesa kau lakukan. Jangan hitung."

Mereka diganggu bunyi hon teksi prebet sapu.

"Laaa! Pak Ajinya tak balik! Dia panggil, mahu apa?" Mak Aji cemas.

Kadir mencapai keranjang, lari mendahului Mak Aji, termengah. "Mana Pak Aji?"

"Di Tabung Haji. Tapi dia titip barang. Terip akhir petang nanti, saya bawa."

Sebelum Mak Aji sampai, Azizan tiba memandu Volvo Wagon merah tua, plat dan numbor Thai. "Demi keselamatan, Cikgu, steering seratus persen di tangan saya."

"Dia orang jual berapa?"

"Belum janji harga. Sewa pakai tiga hari dan rasa. Jika serasi baru urus harga."

"Zizan yang pandu. Macam mana saya nak tahu serasi atau tak serasi?"

"Mudah! Gilirkan duduk di sisi saya dan di belakang. Dengarkan bunyi enjin dan hidu bau; hangit tak hangit. Rasa layanan penyaman udara. Rasa oleng, henjut lonjak di setiap selekoh dan semua jenis taraf jalan yang dilalui. Satu lagi, sensitif atau tidak. Ada kick atau lamban seperti kerbau betina tua, bila menyahut pedal minyak."

Kadir geleng kepala. "Engkau ini, betul-betul pakar prebet sapu."

Mak Aji tiba. "Zizan beli kereta?" Dia menerima kiriman Pak Aji di tangan Kadir.

"Cikgu suruh!"

"Biarkan, Mak Aji!" Kadir teliti kad pendaftaran kereta itu. Model 1982. Usia empat tahun, kategori import seutuhnya. "Supaya Zizan tidak malu bawa Doktorandus Sawitri berjalan-jalan di Kuala Lumpur." Dia teliti bakal karat di tepi bawah mudguard di belakang tayar. Kadir maklum. Pemiliknya orang tinggal di tepi laut.

"Modal budi di kampung." Azizan gelak. "Di kampus, tabur amal jariah."

Tiga malam berikutnya, semuanya muktamad. Pertama, Kadir setuju kereta itu dia beli untuk Azizan. Kedua, Pak Aji dan Mak Aji sudah berdaftar dalam rombongan jemaah Perlis! Akan bergabung dengan rombongan keluarga Zahid dari Bukit Cagar, bila sampai ke Jeddah minggu kedua Zulkaidah. Konvokesyen Kadir dan Azizan tidak dihadiri ibu bapa mereka. Haji Hasan akan menyuruh adiknya hadiri majlis itu. Dia anjurkan supaya Kadir membawa Hasnah. Ketiga, Haji Hasan setuju nasihat Mak Aji agar Kadir bersedekah Fatihah dan al-Ikhlas kepada arwah Zura.

Amalan itu serasi dengan jiwa Kadir. Dia merasa lapang hati setiap kali dia selesaikan itu. Tidurnya nyenyak. Seleranya terbuka. Resepi kampung dan air tangan Mak Aji itu menyegarkan jisimnya.

"Huh, purnama sudah lalu dua hari!" Haji Hasan berungut. "Dari Tabung Haji, saya hubungi Datuk. Tapi dia tiada di Bukit Cagar. Cuma dapat bercakap dengan Datin."

"Janji kita pada mereka," Mak Aji peringatkan. "Sebelum dua puluh Syawal."

Haji Hasan memandang Kadir. "Datin berpesan supaya dia suruh Cikgu pergi ambil tiket kelas satu untuk lima orang; Kedah-Johor-Kedah. Saya kata, kelas biasa saja, lebih murah. Orang tua cuma bayar separuh harga. Tapi Datin tidak mahu begitu."

"Kenapa lima, Pak Aji?" Kadir tanya. Yang dia sudah tahu daripada emaknya cuma Mak Aji dan Haji Hasan saja akan ke Bukit Cagar."

"Begitulah katanya. Datin mahu Cikgu dan Zizan ikut sama. Bawa Datin Hasnah."

Azizan membawa Kadir ke Alor Setar untuk mengambil tiket. Kadir enggan ke Alor Merah. Itu yang menghairankan Azizan. Tapi hal itu dia diamkan saja. Malam sebelum terbang ke Senai, Azizan membawa semua mereka ke Alor Merah dan meninggalkan kereta dan bermalam di sana. Itu kemahuan Haji Hasan. Orang tua itu mahu teliti kesan punca perubahan Kadir ketika tiba di Kaki Bukit pada pagi lapan Syawal dengan muka sembab dan perangai aneh begitu.

Pada Kalsom tiada terbetik. Pada air muka dan fiil Kadir semakin jelas. Pada air muka Hasnah, tersibak imbas bingung, pilu, dan ego kepuasan menakluki orang lain.

"Zahara datang!" Mata Hasnah menakluki Kadir. "Dia bilang sudah sah lulus di Amerika. Tidak ke sana lagi. Tidur dua malam di sini. Petang menemani emak ke kubur."

"Dia mahu apa? Mana dia?"

"Sengaja datang mahu tengok emak dan ziarah kubur Zura. Syukur, ada orang ingat! Pagi tadi, emak hantarnya ke Kepala Batas. Kami singgah di kubur."

"Saya pun belum, dan tak akan lupakan emak!"

"Semoga Allah kabulkan!" Ego Hasnah patah. Dia menangis.

"Kita berlima terbang ke Johor, Mak. Tiket sudah ada!"

"Setelah berada di Johor, Mak engkau akan campak ke mana?"

Haji Hasan terpegun. Dia rasakan, Hasnah merajuk kepada Kadir.

"Kakak pergi!" Kalsom mendesak. "Kami anak beranak tunggu di rumah."

"Zahara desak, mahu bawa emak ke Kuala Lumpur."

"Saya berjanji! Tidak akan buang Mak di mana-mana! Saya akan bawa Mak, dari Bukit Cagar ke Ampang Hilir. Kami berdua, dua malam di sana. Pak Aji dan Mak Aji mungkin seminggu di Johor. Tapi kami akan ke Johor Bahru, mengambil Mak."

"Senangkah hatimu, kalau Mak ikut? Engkau masih perlukan Mak, atau kau mahu balas dendam kepadaku?" Bahu Hasnah digoncang sedu-sedan sendiri. Mak Aji mendekati dan meraih tangannya.

"Saya faham, Mak marah! Mungkin saya salah. Tetapi barangkali saya masih mahu hidup jika Mak sudi bersama kami di Bangi dan di Kuala Lumpur."

Haji Hasan dan Mak Aji lebih seminggu di Bukit Cagar. Zahara ke Johor Bahru untuk mengambil Hasnah, setelah hampir tiga minggu di sana dan membawanya ke Ampang Hilir.

Kadir dan Azizan tiga kali seminggu ke rumah Zaitun. Ada kalanya mereka membawa Hasnah ke Bangi. Setelah konvokesyen, Kadir dan Azizan membawanya pulang ke Kedah.

Malam sebelum dua calon sarjana itu balik ke kampus, Hasnah berkata, "Dulu, anak Mak hanya satu. Sekarang Tuhan kurniakan gantinya dua orang. Satu dari Bukit Cagar, jadi puteraku. Yang di Ampang Hilir, semoga Allah jadikan menantuku."

Azizan termenung di kerusi di sudut ruang tamu. Kalsom duduk di sisi Kadir tidak terkejut, tetapi terhenyak, lalu bangkit dan mengajak gadis sulungnya yang sedang menghadapi pelajaran tahun akhir tingkatan enam masuk ke bilik. Hasnah faham. Tapi dia tak hirau.

"Beginakah rundingan Mak di Bukit Cagar?"

"Hadiah untuk Mak. Alor Merah-Ampang Hilir-Bukit Cagar sebulat kata."

Air mata Kadir merembes. Tetapi matanya tidak berkedip merenung bibir dan pipi Hasnah dan menjerit di dalam kalbu, 'Oh, bibir dan pipi Zura!' Kadir terkenang seluar dalam Zura yang dia pakai malam itu tertanggal daripada dirinya. Keluh kesalnya di dalam hati terlalu berat, 'Perawanku.'

"Kadir?" Hasnah menegurnya daripada lamunan dan menarik duduk di sisinya.

"Bolehkah diganti hadiah lain?" Sekarang Kadir tunduk kepangkuhan sendiri.

"Emak." Dia meraih tangan Kadir. "Tak minta banyak. Tapi ingin menantu, mahu menimang cucu."

"Tidak semudah dan selekas itu, Mak." Kadir tersedu-sedan.

"Bagaimana jika umur Mak pendek? Terlalu mahalkah hadiah itu?"

"Zura akan kutuk saya."

"Mak tahu itu andai Zura hidup. Tetapi Zura sudah mati. Mak juga faham, roh Zura relakan itu, untuk Mak."

"Apa kata Zahara?"

"Dia sayang kepada Zura. Dia kasihani Mak. Dia simpati kepada kau."

Kadir termenung. Umur Zahara lebih dua tahun daripadanya. Pelajaran Zahara lebih tinggi. Andai Kadir hendak setaraf dengan Zahara, dia mesti

belajar, juga bekerja keras lima tahun lagi, baru mungkin mencapai taraf begitu. Dia mengeluh berat.

"Kenapa, Nak?"

"Amanah Zura terlalu berat kepada saya, Mak!"

"Amanah itu menghalangi jodohmu yang halal?"

"Kenapa mesti Zahara?"

"Engkau mahu siapa? Pilih!" Hasnah berungut. "Zahara fahami kita."

"Bilakah Zahara ada perhatian begitu?"

"Tanda sayang kepada Zura, dia tergesa datang, dan mengiringi jenazah Zura ke kubur."

"Saya lihat sewaktu dia sampai."

"Mak lihat fil Zahara dan faham hatinya di sisi kubur Zura, pada petang enam likur Ramadan. Kemudian Zahara datang lagi mencurahkan isi hatinya, mengaku rela jadi anak dan menantuku."

"Andai saya tolak, durhakakah saya?"

"Kalau engkau suamiku, tidak. Andai aku lahirkan engkau, ya. Tapi aku sudah jadi emak engkau. Ibu bapamu sudah amanahkan engkau kepadaku."

"Emaaaaaak!" Kadir membuang diri dan meraung di atas pangkuaan Hasnah. Dia terhidu kembali aroma pada malam sebelum dia lari sewaktu Subuh ke Kaki Bukit.

## Epilog

*Berpasak seteguh tubir karang  
Begitu diriku pada gelombang  
Tapi aku hidup di dunia  
Tak mungkin pulangkan suatu era (\*)*

DI TENGAH Perkuburan Titi Gajah, di antara Alor Merah dengan Kepala Batas di utara Alor Setar ada dua buah kubur sejajar, dibina daripada batu gunung, dihiasi ukiran khat dan larik simbolis; awan larat di angkasa dan gelombang tinggi meniti arus deras di daratan bumi. Semua itu hasil kemahiran tangan Haji Hasan. Lain daripada kubur yang lain.

Siang dipanah sinar matahari, malam direnjis titis embun, setiap bulan dipayungi purnama. Perada emas pada batu kubur Syarifah Zura Omar dan perada perak di batu kubur Syed Omar Bamadhaj, semakin redup dan semakin pudar. Yang tidak berubah hanya ukiran khat, larik simbolis, bentuk balok batu yang sasa dan nisan yang anggun.

Letaknya tidak sampai tiga puluh meter dari jalan raya. Kepada orang yang lalu-lalang antara Alor Setar dengan Jitra, terutamanya orang muda, kubur itu mereka toleh dengan duka simpati kepada keluarga yang ditimpa musibah gempa dan kematian anak dara kerana patukan ular bisa.

Itu menjadi sejarah sebongkah cinta yang bercambah daripada cinta murni yang dibaja kemelut politik dalam krisis kepimpinan parti. Cinta gagal dihalang ajal. Bagi yang hidup, akhirnya mereka berpusat kepada nasib Kadir, menghulurkan simpati dan kasihan di atas kegalanannya dalam cinta dan kelemahannya sebagai manusia yang terpaksa mengalah, memenuhi keinginan peribadi seorang ibu yang tidak sempat menjadi mertuanya.

Sebuah rumah di Alor Merah dikurung sepi berpenghuni tunggal seorang wanita berusia enam puluh satu tahun, Hasnah; rambutnya putih, halus dan beriklat. Dia selalu duduk di beranda, dari pagi ke petang. Dulu, sebelum Kadir meraung di atas pangkuannya, skafnya berwarna hijau. Tapi sejak itu skafnya berubah warna menjadi mega kelabu disorot lembayung senja.

Dia memandang dengan pengertian kosong ke jalan raya. Hanya sekali seminggu dari petang Khamis hingga ke petang Jumaat, bertambah penghuni sesama balu; Kalsom, bersama anak bongsunya ada di situ.

Selama ini rumput di halaman rumah itu diketam dan pagar dipangkas rapi. Kini rumputnya tinggi, berbuah, dihinggapi unggas pemakan bijirin dan pagarnya rendang, tumbuh liar menjadi belukar dan rantingnya menjulang, berlumba merebut sinar matahari, menjadi tempat burung bersarang.

Rumpun orkid dan mawar – kerana menjadi punca kematian Zura – dibuang hingga ke akar. Mati bakanya. Sepohon mangga, dahannya kian besar, rantingnya semakin rendang dan berbuah lebat musim demi musim. Buah berbuai ditiuang angin, semenjak putik sehingga ke ranum masak di pokok, dimakan burung atau mala, dan akhirnya tersia-sia gugur ke bumi, busuk di pangkal rumput dalam proses sifat jisim kembali menjadi tanah.

Jiran sayang, simpati dan kasihan kepadanya. Apabila ditanya satu, dia menjawab satu dengan kalimat pendek atau sekadar mengangguk atau menggelengkan kepala. Dari bulan ke bulan, rasa simpati dan kasihan itu kian berlapis kerana mereka tidak berdaya lagi mengembalikan senyumannya yang hilang. Tapi dia pun selalu tersenyum dan tergelak di dalam hati, 'Aku mendapat dua perawan. Satu meninggalkan aku sebab dia mati. Satu lagi aku rela dia pergi di atas kemahuanku kerana aku mahu menantu dan memimpang cucu.'

Sepi bukan sirna sayang. Murung tidak kurang kasihan. Sunyi bukan dipulaukan orang dan burung. Hasnah tegak dalam usia tua dan badan rapuh. Dia berpegang pada tonggak hati sendiri. Hidup mandiri! Berdiri antara rumah dengan kuburan kerana orang gagal menariknya berpindah ke Bukit Cagar, Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.

Pada mulanya, Kadir menjadi buah mulut jiran. Lama-kelamaan dia tidak disebut lagi, hanya bersarang di dalam hati, dan kian lama semakin pudar di dalam igatan.

Orang melihat dan menyambung cerita, Kadir tiba setiap hujung minggu untuk menabur bunga di kubur Zura, lalu bertukar jadual menjadi setiap hujung bulan, bagi membawa bunga dan mengirim doa. Kemudian, datangnya berseling bulan, membawa bunga dan merenung batu nisan. Tahun-tahun berikutnya, Kadir muncul bermusim. Dalam waktu begitulah Hasnah kelihatan cergas dan berkemas diri. Bila Kadir sudah pulang, Hasnah riang. Hidungnya bersih. Tuturnya gembira. Menantunya hamil sarat. Akan dapat cucu baru. Atau terlalu bangga dengan cucu barunya yang akan dicukur jambul.

Setelah dekad bergilir, Basirun mati. Samiah pikun. Bahrum, dan Bibah sudah tiada. Imam Sadali dikurniai usia lanjut dan jisim yang liat – dia bergilir tempat; Enam bulan di Yogyakarta, satu bulan di Gersik, tiga bulan di Petagas, satu bulan di Bandung dan sebulan di Kuala Lumpur. Sebagai orang yang beriman dan berpendidikan, dia syukur melihat hasil yang telah dirintis hakim tua Bahrum dulu. Politik Sabah stabil dan tenang setelah elemen

persekutuan teguh di sana. Seorang putera Sabah, bekas Menteri persekutuan menerajui Kerajaan Negeri.

Kilang dan ladang soya di Petagas-Putatan-Kinarut semakin berkembang maju di dalam tangan Arman-Zarina-Suhaili-Ghazali. Itulah yang menjadi contoh orang Kadazan, pemilik sawah Donggongongan-Kusigui dan Donggongon-Kinarut.

Zahara, masuk tahun kelima menjadi Dekan Fakulti Ilmu Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Kadir baru tiga tahun menjadi Dekan Fakulti Sumber Alam di Universiti Sabah. Apabila tiada seminar, pada hujung minggu Zahara membantu pengurusan ladang dan Kadir menolong dalam kerja makmal di kilang di Petagas. Pada tahun yang kelima di Kota Kinabalu, Kadir berulang-alik ke Singapura. Dia mengurus sebahagian besar jualan permata simpanannya. Itu yang dia jadikan modal sehingga memiliki dua belas peratus ekuiti ladang dan kilang soya di Petagas-Putatan-Kinarut itu.

Dahari dan Minoko sudah lama bersara. Merekalah yang kendalikan makmal kilang dan ladang di Petagas.

Karman-Julehah dan Hamdan-Suryati bersama-sama dengan suami Sumiati. Mereka berganding bahu mengendalikan perusahaan peninggalan Basirun dan Mardan.

Di Sarawak sana, Tun Karim, Bareng, Kulang, Tama, Kana, Karto dan Surina sudah meninggal, sebelum dekad beralih. Darmo dan Tuti pulang ke Jawa Barat, setelah bergabung dengan Marsita - Suib. Mereka memiliki kembali ladang tembakau di lembah timur Kuningan dan pabrik rokok di Cirebon.

Imam Sadali bersyukur melihat perkembangan itu dan faham industri dan pertanian Sarawak pesat membangun dan masih lagi di dalam tangan Suib. Marsita bertungkus-lumus di sisi Suib untuk menegakkan kemegahan Sarawak di dalam keagungan Malaysia. Suib berjasa besar dalam bidang ekonomi, pelajaran dan kebudayaan bagi semua suku kaum. Rakyatnya hidup harmonis dan berdedikasi dalam rukun kehidupan.

Kuala Lumpur dan sekitarnya jauh berbeza berbanding satu dekad sebelumnya. Imam Sadali mengalami pembangunan itu tahun demi tahun – bangunan mencabar angkasa, tumbuh seperti cendawan dan keretapi laju bersimpang-siur tinggi di atas tanah. Sebelas buah negeri di Semenanjung, berlumba membina bangunan tinggi dan perindustrian di ibu negeri masing-masing dan pada setiap daerah. Rangkaian lebuh raya bertaut dari selatan ke utara dan dari timur ke barat. Anak-anak muda yang mampu mengelak syaitan dadah, lulus pengajian tinggi. Mereka menjawat jawatan lumayan. Menurut tanggapan objektif Imam Sadali, memang masih ada yang negatif. Tetapi Malaysia membangun penjara baru untuk mereka! Imam Sadali syukuri yang sudah dicapai negara, dan mengharapkan generasi baru akan membina yang lebih baik.

Haji Hasan dan Mak Aji sudah amat tua, cuma mengupah orang mengerjakan sawah mereka. Tapi dia masih menjerat kuang dan menjaga cucu di rumah. Sebelum perkahwinan Kadir dengan Zahara berlangsung, Azizan dan Sawitri sudah berkahwin. Azizan baru menjadi Profesor Madya. Sawitri sudah menjadi Profesor. Sudah lima tahun dia menjadi Dekan Fakulti Pendidikan di Universiti Utara Malaysia. Azizan di situ juga, menjadi Ketua Jabatan Sosiologi di dalam Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Anak mereka empat. Mereka tinggal di Sintok. Tapi setiap hujung minggu, dia pulang ke Kaki Bukit. Setiap hujung bulan pula, mereka ke Alor Merah, membawa sayur dan buah dari Changlun beserta pulut dan beras wangi yang lembut, ikan dan daging seludupan dari Siam untuk Hasnah. Budi Azizan dan santun Sawitri menakluk perhatian Hasnah. Ada kalanya dia dibawa ke Kaki Bukit, terutama bila Kalsom berlama-lama di Amerika di rumah anak sulungnya. Ihsan yang demikianikhlas itu telah mengubah sikap Hasnah kepada Sawitri. Tetapi dia tidak kesalkan itu. Dia sedar bahawa kandungan buruk masa lalu tidak perlu dibawa ke dalam isi baik masa kini. Oleh sebab itu, seperangkat perhiasan emas permata yang dia miliki daripada Syed Omar diserahkannya kepada Sawitri setelah beranak dua.

Dua anak Kalsom sudah berumahtangga. Anak sulungnya, lulusan sarjana dari Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya, sudah dua tahun ditempatkan menjadi penolong Pengarah Pelajaran Malaysia di Amerika. Pejabatnya di Washington D.C. Suaminya seorang diplomat, sudah tiga tahun dipindahkan ke Kedutaan Malaysia, di Washiongton D.C. sebagai Setiausaha Satu. Waktu melahirkan anak kedua, Kalsom tinggal di sana empat bulan. Mujur Sawitri dan Azizan cuma di Sintok. Mudah mereka dihubungi dan selalu datang.

Waktu berlalu dan ziarah orang jauh hanya dimungkinkan oleh musim cuti. Waktu bergilir dan setiap detiknya melahirkan benih baru daripada rahim kala semesta. Tidak pernah kosong. Itu bernama peristiwa.

Dalam jangka tiga belas tahun itu, muktamad simpanan tunai dan deposit Syed Omar di dalam bank tidak cukup untuk bayar hutangnya kerana membeli sebuah hotel, tiga buah kondominium, dua blok bangunan kedai dan kediaman yang direbahkan oleh gempa bumi.

Polisi insurans bagi semua bangunan itu tidak menanggung bencana gempa. Wang persaraan Syed Omar sebagai EXCO Negeri dan wang jualan seluruh sawah peninggalannya pun tidak cukup untuk bayar semua hutang.

Tuntutan oleh pihak penghuni hotel, pihak penyewa kondo dan pihak penyewa dua blok kedai dan kediaman, semuanya dimenangi peguam Hasnah. Tetapi Hasnah wajib membayar khidmat peguam.

Mujur Sofian rela tanah tapak rumah sewanya di Alor Setar dan sebahagian sawah pusaka daripada Haji Zain di Mukim Gajah Mati, dijual untuk membayar khidmat guaman.

Nasib Kalsom tidak seburuk itu. Benar, suaminya dinafikan persaraan kerana dia mati sebelum usianya matang. Penangkapannya dan kematiannya berlaku di luar tugas jawatan. Namun Syed Mokhtar tiada hutang. Sawah peninggalannya utuh dan kekal untuk balu dan anaknya. Kalsom ada pencen, ada wibawa sebagai pemegang diploma pendidikan dan ijazah akademik.

Zahid dan Zabedah masih hidup dan kekal di Bukit Cagar. Tetapi Zahid sudah tujuh tahun meninggalkan kepimpinan di dalam parti. Dia tolak pencalonannya pada pilihan raya kerana tidak mahu terlibat dalam amalan politik wang. Mujurlah dia masih sihat. Semenjak itulah, dia kendalikan satu perbadanan separa kerajaan Negeri Johor, mengembangkan industri barang dan majukan prasarana pengangkutan laut – galangan kapal dan pelabuhan baru. Sudah lima tahun dia bergelar Tan Sri. Setiap tiga Syawal, dia dan Zabedah ke Alor Merah dan membawa Hasnah ke Bukit Cagar. Ada kalanya dia lakukan itu setiap bulan.

Laut pasang-surut mematuhi daya purnama. Itu berlangsung dan usia Hasnah juga ditakuk giliran bulan. Ironi! Hasnah tidak seperti Imam Sadali. Dia cuma leka melihat gejala buruk di dalam negara yang kebetulan sering digegar berita engkar norma. Sebab itulah Hasnah bertabiat seperti sejarahwan, pengkaji kubur, hanya mampu menghafal peristiwa tanpa memahami kandungan masalah yang menjadi sumber peristiwa. Hasnah berpandangan dan bersikaf pasif. Dia leka mencebik berita negatif:

- \*Juruaudit dipecat kerana menemukan akaun salah.
- \*Juruaudit dibunuhan semasa menyiasat penyelewengan hutang di bank.
- \*Juruaudit korporat mati jatuh dari bukit semasa korporat gawat rasuah.
- \*Hakim dihukum, bukan di atas persetujuan para hakim.
- \*Polis ditangkap kerana menjadi pemeras ugut dan pengedar dadah.
- \*Askar ditangkap dan dihukum kerana didapati menyertai perompak.
- \*Guru dipukul dan diadukan murid.
- \*Pelajar membuntingi gurunya, dan guru membuntingi pelajarnya sendiri.
- \*Ayah membuntingi bintinya sendiri.
- \*Penipu menjadi sanjungan, disambut sebagai wira, ketika melepas Causeway.

- \*Wang simpanan orang ramai yang diseleweng, diganti wang negara.
- \*Bini menceraikan laki untuk berlaki lain.
- \*Pemuda harapan bangsa jadi penagih dadah.
- \*Kerenah pemimpin punca pengikut berbalah.
- \*Sebuah masjid satu mimbarnya, tapi dua Imam dan jamaah berkelahi.
- \*Krisis berganda kemelut berlarut.
- \*Syaitan dollar Amerika menukar kiblat orang.
- \*Nisbah yang mampu dibangun tidak seimbang dengan hutang untuk membangun.

Tiga belas tahun setelah Syed Omar mati, sebahagian besar barisan pemimpin yang telah dimenangkan Syed Omar itu semakin kaya-raya — peribadi dan keluarganya. Mereka telah berhasil melumpuhkan ekonomi rakyat, menghancurkan nilai wang dan meranapkan institusi kewangan agar saudagar Amerika mengambil alih semuanya. Walaupun Amerika gagal, tapi pengikutnya masih berteriak untuk merebut pimpinan kekuasaan.

Waktu itu Baim menangis kerana Pak Kiyai Juki mati sakit asma didera jerebu Kuala Lumpur. Wang Baim di bank ditelan penipu dalam sistem transaksi elektronik yang amat canggih. Dia gagal mengeluarkan simpanannya daripada KWSP kerana usia Baim belum matang. Ratap Baim amat pilu kerana dia tidak mampu membelanjai kenduri tahlil empat puluh hari arwah Kiyai Juki. Mujur isterinya pemurah, budiman dan toleran kepada suami. Wanita pingitan itu, ditemani anak sulungnya, pergi ke pajak gadai kerana insaf, wang membeli emas itu bersumber pemberian orang politik kepada suaminya.

Kerana masa banyak dan cermin matanya selalu bagus, Hasnah terhibur ketika membaca surat khabar dan mengikuti berita di TV. Daripada pembacaan dan tontoton TV itulah, dia faham kemelut yang semakin bergolak di dalam masyarakat. Apabila Hasnah menggantang asap pencemaran jenayah di dalam masyarakat atau menimbang racun iktikad salah di dalam dada manusia, dia teringat kalimat suaminya:

"Politik kami ialah panglima tunggal dalam seluruh nadi masyarakat di negara kita."

Hasnah kesal, "Sudah hilangkah pedang panglima yang menyebabkan mereka tidak mampu menebas semak jelatang syaitan kehidupan?" Pertanyaan itu tidak terjawab.

Dia berdada kosong. Yang berisi hanya nafasnya. Bukti kewujudan insan masih hidup. Menurut kiraan Hasnah, cucu barunya sudah lebih enam bulan di dalam rahim. Lazimnya, pada musim begitulah Kadir terkapai-kapai dan datang kepadanya.

Hasnah tunggu, hari demi hari. Petang itu, dia menulis surat di beranda dan meminta dijawab, agar tahu sibuk tak sibuk anaknya, sihat tak sihat menantunya. Ketika itu, sebuah teksi masuk ke halaman rumahnya. Anaknya turun, kian tampan. Mukanya bersih. Dia bersama Zahara yang hamil sarat anak yang keempat. Zahara berdandan rapi, masih lebih cantik daripada Zura.

Hasnah bangkit dan meluru ke hulu tangga, berseru:

"Oh anakku!" Suaranya garau. Lututnya mulai guyah, terhuyung. Tetapi cepat berpegang pada tiang terali di hulu tangga. "Datang berdua saja?"

"Ridwan juga!" Kadir menyahut. "Dia dan emaknya akan ke Langkawi untuk menyaksikan Pesta Lima."

Muka Hasnah cerah. "Engkau?"

"Temani emak di rumah." Zahara menyahut apabila tiba ke kaki tangga.  
"Biar dia pangkas pepohon pagar dan potong rumput di halaman, sementara kami masih di Langkawi."

Peluang begitulah yang ditunggu Hasnah. Kurnia bermusim. Dia belum dapat bertanya sewaktu teksi kedua tiba di luar pagar. Arman yang sudah beruban dan Zarina yang sudah hilang ramping, turun dari teksi. Tetapi Ridwan, cucunya yang ketiga berumur lima tahun, berlari dan berseru, "Papa bawa sagu dan udang untuk neneh! Mama pandai masak mbuyak."

Hasnah rangkuh cucu bukan zuriatnya. Dia sedari hal itu dan teringat catatannya:

*Cinta Platonik sudah berlalu.*

*Impian ibu hanya sarang kosong di dalam kalbu.*

*Hati tidak sepejal batu gunung, mudah dicairkan suara.*

*Pusara Zura hanya batu, berdengung di dalam dada ibu.*